

**SEJARAH MASYARAKAT  
MELAYU MODEN**

**Edisi Baru**

# **SEJARAH MASYARAKAT MELAYU MODEN**

**Edisi Baru**

*Editor*

*Khoo Kay Kim*

Dicetak dan diterbitkan oleh  
Jabatan Penerbitan  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Jabatan Penerbitan  
Universiti Malaya  
Lembah Pantai  
Kuala Lumpur 22-11

Cetakan Pertama 1984 diterbitkan oleh Persatuan Muzium, Malaysia.

Edisi Baru 1985

10 9 8 7 6 5 4 3 2 1

© JPUM & Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985.

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiar dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Ketua Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Sejarah masyarakat Melayu moden/ editor,  
Khoo Kay Kim

ISBN 967-9940-05-5

1. Malaysia - History-Addresses, essays,  
lectures. 2. Malay race in Malaysia-  
History. I. Khoo, Kay Kim  
959.5

625554

24 DEC. 1992  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## *Kandungan*

PENGHARGAAN	vii
PENGANTAR EDISI BARU	viii
PENGENALAN	ix
KEBANGKITAN ANTI-BRITISH DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU <i>Abdullah Zakaria b. Ghazali</i>	1
PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI NEGERI JOHOR 1856—1939: SATU KAJIAN RINGKAS <i>M.A. Fawzi Basri</i>	13
PENDIDIKAN ISLAM DI KELANTAN <i>Abdul Halim Ahmad</i>	39
ZAMAN PERALIHAN DI PERLIS, 1909—1940 <i>Zahari bin Haji Adam</i>	63
AL-IMAM <i>Abdullah bin Haji Jaafar</i>	85
UNDANG-UNDANG TANAH SIMPANAN MELAYU <i>Ahmad Nazri bin Abdullah</i>	104
AKHBAR, DESENTRALISASI DAN PERSATUAN NEGERI MELAYU <i>Abdul Latif Abu Bakar</i>	130
PENDUDUKAN JEPUN DI TERENGGANU <i>Muda Mohd. Taib A. Rahman</i>	161
MALAYAN UNION DARI KACA MATA WARTA NEGARA <i>Ahmad bin Masjidin</i>	190
WANITA MELAYU DALAM POLITIK 1946—1948 <i>Zaiton bt. Ghani</i>	210
PERSEKOLAHAN MELAYU 1945—1948: SATU MANIFESTASI SEMANGAT PERJUANGAN MELAYU <i>Abdul Aziz Mat Ton</i>	230
ISU-ISU PENTING AWAL 1950-AN DARI KACA MATA AKHBAR MAJLIS DAN MELAYU RAYA <i>Mek Siti bt. Hussin &amp; Aminah Mohd. Nasir</i>	250

## **Penghargaan**

Sejak beberapa tahun dahulu penuntut-penuntut sejarah diminta memberi sumbangan kepada usaha untuk menulis kembali sejarah Malaysia kerana walaupun telah lama perkara itu dilaung-laungkan oleh berbagai pihak tidak ternampak hasil dengan jelasnya. Penuntut sejarah sememangnya berasal dari merata tempat di Malaysia; mereka adalah orang yang paling sesuai menulis sejarah tempatan kerana mereka memahami keadaan tempat-tempat di mana mereka tinggal.

Tambahan pula begitu banyak kekosongan perlu diisi dalam bidang sejarah Malaysia memandangkan bahawa sepanjang zaman penjajahan pensejarahan Malaysia ternyata tertumpu kepada sejarah pihak penjajah. Jika sekiranya hanya beberapa orang sejarawan sahaja yang ditugaskan menulis kembali sejarah Malaysia, kerja itu akan memakan masa yang berpanjangan; pencapaiannya sudah tentu terbatas walaupun diberi jangka masa satu generasi.

Sambutan daripada para mahasiswa yang diberi cabaran itu amatlah menggembirakan. Mereka bukan hanya menjalankan penyelidikan dengan rajin dan serius; mutu kerja yang diajukan sangatlah tinggi dan pernah dipuji oleh beberapa orang sarjana Barat yang diberi peluang membaca kajian-kajian yang telah diselenggarakan. Hanya beberapa esei penuntut sejarah yang dapat diterbitkan dalam monograf ini. Yang lain ditulis oleh para akademik. Tetapi Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, memang mempunyai tujuan mengeluarkan lebih banyak lagi monograf seperti ini pada tahun-tahun yang akan datang supaya penuntut sejarah sama ada di sekolah atau universiti, juga orang ramai, dapat menambahkan pengetahuan mereka tentang sejarah tanahair terutamanya yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek sejarah yang setakat ini kurang dititikberatkan walaupun kepentingannya amat nyata sebab sejarah Malaysia pada dasarnya seharusnya memberi gambaran yang jelas tentang rakyat Malaysia.

Kepada bekas penuntut sejarah yang telah bertungkus-lumus memberi bantuan dan sumbangan kepada usaha memperkaya pensejarahan Malaysia, saya ucapkan ribuan terima kasih. Inilah satu-satunya hadiah yang diharapkan oleh seorang guru.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan Jabatan Sejarah kepada Encik Jazamuddin Baharuddin dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah banyak mengorbankan masa lapangnya untuk menguruskan segala kerja berhubungan dengan penerbitan

monograf ini. Akhir sekali tidak dilupakan juga Puan Ong Beng Thye, Setiausaha Jabatan Sejarah, dan kakitangan am, Puan Pauline Lee, Puan Habibah Abu Bakar, Cik Rosnani Alias dan Encik Chin Hin Weng kerana telah dengan susah payah membantu pengeluaran buku ini. Tanpa bantuan mereka sudah tentu monograf ini tidak dapat dihasilkan.

Profesor Khoo Kay Kim  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

April 1984.

## Pengantar Edisi Baru

Pengetahuan tentang sejarah masyarakat Melayu sehingga masa kini masih ceteck. Kebanyakan kajian yang diselenggarakan sekarang kurang memperhitungkan latar belakang sejarah. Akibatnya tidak jelas pada umum bagaimanakah masyarakat Melayu menghadapi cabaran zaman.

Sememangnya buku *Sejarah Masyarakat Melayu Modern* ini tidak dapat menjawab semua soalan. Sekurang-kurangnya ia dapat memberi suatu gambaran tentang proses peralihan yang berlaku sejak masyarakat Melayu bertembung dengan kuasa British mulai daripada kurun kesembilan belas.

Beberapa perkara yang agak penting telah diteliti daripada tentangan terhadap campurtangan British kepada gerakan untuk mencapai kemerdekaan. Perkara-perkara ini mempunyai kaitan yang erat dengan keadaan zaman sekarang kerana masyarakat Melayu masih dalam proses menyesuaikan diri dengan gejala-gejala yang berupa pengaruh dan sistem Barat.

Murid-murid sekolah yang mempelajari sejarah Malaysia seharusnya cuba membaca buku ini untuk mendapatkan suatu perspektif yang lebih tepat tentang perkembangan sejarah Malaysia kerana buku-buku teks yang mereka gunakan lebih mirip kepada pengkajian tentang pentadbiran British di negara ini; tidak banyak dibincangkan tentang masyarakat pribumi. Perspektif yang berat sebelah sudah tentu akan melahirkan putar-belit yang serius. Sejarah tidak mungkin dapat mendatangkan apa-apa faedah jika sekiranya ia tidak dipelajari dengan cara yang tepat dan saksama.

Jun 1985

Prof Khoo Kay Kim  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

## **Pengenalan**

Sejarah Malaysia telah menarik perhatian pegawai-pegawai British yang berkhidmat di sini sejak awal abad ke-19 lagi. Pada peringkat awal, pegawai-pegawai British menulis kerana ingin menyebarkan pengetahuan tentang masyarakat Melayu di kalangan orang British sendiri sebab, bermula daripada awal abad ke-19, keterlibatan British di kawasan ini semakin intensif.

Sesudah British berjaya meluaskan pengaruh dan kuasanya ke atas negeri-negeri Melayu timbul pula keperluan untuk pegawai British menerangkan kepada rakyat Britain bagaimana mereka menjalankan pentadbiran di Tanah Melayu. Bermula daripada buku Frank Swettenham (*British Malaya*, London, 1906) ternampak kecenderungan oleh para pegawai British untuk menulis bukan sejarah masyarakat Tanah Melayu tetapi sejarah peluasan kuasa British di Tanah Melayu.

Pendekatan itu tidak berubah sehingga waktu menjelang kemerdekaan dan memberi kesan secara langsung kepada pengajaran sejarah Malaysia di sekolah dan universiti. Kebetulannya, pada masa itu, di London telah ada seminar untuk membincangkan pendekatan terhadap sejarah Asia Tenggara kerana para sarjana Barat sendiri berasa bahawa selama itu masyarakat peribumi di Asia Tenggara telah diabaikan dalam penulisan sejarah. (Lihat D.G.E. Hall, ed., *Historians of Southeast Asia*, London, 1961).

Walaupun kesedaran itu ada, pada tahun-tahun yang berikut usaha untuk menulis sejarah masyarakat peribumi hanya terlihat dari semasa ke semasa. Di Malaysia, kemajuan yang dicapai sama sekali tidak seimbang dengan pentingnya perkara itu. Keadaan bertambah baik hanya pada 1970-an apabila ramai penuntut aliran Melayu mula memasuki universiti-universiti tempatan.

Oleh sebab penuntut dibenarkan memilih tajuk secara bebas; susunan kronologi yang tertentu tidak dapat diadakan di antara satu tulisan dengan tulisan lain. Terdapat serpihan-serpihan yang berselerak dan oleh yang demikian tidak memperlihatkan satu paduan yang dapat membantu pembaca mendapatkan satu gambaran teratur tentang perkembangan sejarah. Dalam keadaan itu walaupun setengah-setengah kajian pernah diterbitkan melalui berbagai majalah tempatan, penuntut sejarah pada umumnya menghadapi masalah memperolehi satu perspektif yang jitu.

Dalam monograf ini satu percubaan dibuat untuk mengumpulkan beberapa eseи (disusun mengikut kronologi) dengan memberi penekanan kepada tema-tema yang penting dalam sejarah masyarakat Melayu supaya para pelajar dapat meneliti beberapa perkembangan yang berlaku pada zaman

moden ini (dari awal abad ke-19 hingga ke pertengahan abad ke-20).

Esei yang pertama membincangkan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu apabila kuasa British memulakan langkahnya untuk menguasai negeri Melayu, pertama sekalinya di Naning. Selanjutnya hampir di setiap negeri Melayu timbul tantangan daripada para pembesar bila pihak British mewujudkan pentadbirannya.

Tidak semua negeri Melayu menghadapi masalah menyesuaikan dirinya dengan kaedah dan sistem Barat. Johor adalah satu kekecualian. Kerajaan Johor moden yang bermula di Teluk Belanga, Singapura, telah dengan beransur-ansur menyerapkan sistem Barat dan salah satu faktor yang membantu proses penyesuaian itu ialah kerana adanya sistem pelajaran baru. Esei yang kedua membicarakan perkembangan pelajaran di Johor di mana sistem pentadbiran moden (sistem birokrasi) telah diperkenalkan oleh anak Johor sendiri dan bukannya oleh pegawai British. Para birokrat tempatan itu adalah kelulusan sekolah moden Johor.

Biasanya kajian tentang perkembangan sistem pelajaran di negeri-negeri Melayu tidak memberi perhatian kepada pelajaran agama yang pada masa dahulu dianggap oleh orang Melayu jauh lebih penting daripada pelajaran moden (Inggeris atau Melayu). Esei yang ketiga memberikan satu gambaran tentang pendidikan Islam di Kelantan; negeri ini dipilih kerana Kelantan sememangnya sudah lama termasyhur sebagai pusat pengajian Islam di Semenanjung.

Perbincangan mengenai perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu jelas tidak lengkap jika sekiranya tidak ditunjukkan bagaimanakah kedatangan British memberi kesan kepada, dan mewujudkan sistem pentadbiran baru di negeri Melayu. Dalam konteks ini negeri Perlis (esei keempat) dipilih sebab setakat ini sejarah negeri Perlis memang telah diabaikan. Penuntut sejarah yang ingin mengetahui tentang proses perubahan itu, sebagaimana yang berlaku di Negeri-negeri Melayu Bersekutu terutamanya, dengan mudah dapat membaca begitu banyak buku yang sedia ada. (Yang paling baik ialah buku Emily Sadka, *The Protected Malay States*, Kuala Lumpur, 1968). Tujuan utama monograf ini adalah untuk menerangi tempat-tempat yang masih gelap.

Pengalaman masyarakat Melayu sepanjang abad ke-19 amatlah mengaggetkan. Modal luar telah membawa perubahan radikal kepada sistem ekonomi; kedatangan orang asing beramai-ramai mengubah corak masyarakat. Orang Melayu merasa terhimpit dalam negeri sendiri. Pada awal kurun ke-20 suara protes kedengaran walaupun golongan yang sedar itu belumlah besar bilangannya. Mereka dikenali sebagai Kaum Muda. Perjuangan utama mereka ialah untuk menggerakkan orang Melayu agar mereka dapat mengejar kemajuan dengan sikap yang positif dan ini, menurut Kaum Muda, hanya dapat dicapai jika sekiranya orang Melayu mengamalkan Agama Islam berdasarkan *Quran* dan *Hadis*; kepercayaan dan adat yang tidak selaras dengan ajaran Agama Islam harus dihapuskan. Satu cara Kaum Muda cuba menjalankan kempen mereka ialah melalui penerbitan. Pada tahun 1906 mereka mengeluarkan *Al-Imam* (dibincangkan dalam esei kelima) yang merupakan akhbar Melayu pertama memainkan peranan sebagai pengkritik sosial.

Dari masa itu sehingga masa Perang Dunia Kedua, masalah orang Melayu telah diketengahkan dengan lebih tajam lagi. Terdapat usaha-usaha untuk mengatasi masalah yang rumit itu. Salah satu masalah terbesar waktu itu berkaitan dengan tanah. Banyak tanah kepunyaan orang Melayu telah dijual kepada orang bukan-Melayu sama ada sebagai menjelaskan hutang atau kerana mereka diberi tawaran yang baik. Pada tahun 1913 Undang-undang Tanah Simpanan Melayu (esei keenam) telah diluluskan oleh pentadbiran British untuk menjamin supaya tanah tidak dibolot oleh orang bukan-Melayu; tetapi perlaksanaan undang-undang itu tidak begitu berkesan dan pindaan-pindaan kemudian diadakan pada tahun 1933.

Pada tahun 1930—1931 masyarakat Melayu menghadapi masalah yang lebih berat bukan hanya kerana berlaku kemelesetan ekonomi dunia tetapi percubaan oleh pihak British untuk memperkenalkan pindaah (desentralisasi) kepada sistem pentadbiran telah mengakibatkan perselisihan di antara orang Melayu yang menyokong dasar desentralisasi dengan orang bukan-Melayu yang merasa bahawa desentralisasi akan melemahkan sistem pentadbiran di samping memberi banyak kelebihan kepada orang Melayu. Pada peringkat ini akhbar Melayu turut memainkan peranan yang lebih besar mengutarakan sungutan orang Melayu dan memberikan berbagai cadangan guna mewujudkan perpaduan dan kerjasama di kalangan orang Melayu. Soal disenyalisasi telah menunjukkan kepada orang Melayu betapa pentingnya diadakan pertubuhan-pertubuhan yang dapat memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Kerana desakan akhbar, pada penghujung tahun 1930-an, beberapa persatuan negeri Melayu telah ditubuhkan untuk bersama-sama memperjuangkan kepentingan orang Melayu. Isu-isu penting tempoh 1930-an itu dibincangkan dalam esei ketujuh.

Selanjutnya zaman Pendudukan Jepun tidak dapat diketepikan dalam perbincangan mengenai sejarah Malaysia moden. Tetapi oleh sebab tumpuan dalam buku ini adalah kepada masyarakat Melayu maka dalam esei kelapan perbincangan adalah mengenai zaman Jepun di Terengganu di mana bilangan orang bukan-Melayu tidak ramai walaupun pada penghujung tahun 1943, Terengganu bersama-sama dengan Perlis, Kedah dan Kelantan telah diletakkan di bawah pentadbiran negeri Thai. Ada satu sebab lagi mengapa esei ini dipilih. Tidak seperti banyak kajian lain, esei ini memberikan satu gambaran yang berbeza tentang kesan-kesan pendudukan Jepun. Kesimpulan penulis ialah, dipandang daripada sudut-sudut tertentu, pemerintahan Jepun banyak mendatangkan kesan positif kepada masyarakat Terengganu. Ini memang suatu persepsi yang baru.

Untuk zaman selepas Perang Dunia Kedua, perbincangan mengenai *Malayan Union* sememangnya tidak dapat dielakkan. Sekali lagi akhbar memainkan peranan penting dalam usaha orang Melayu untuk mewujudkan perpaduan guna menentang *Malayan Union*. Salah sebuah akhbar yang giat terlibat di dalam kempen itu ialah *Warta Negara*. Tambahan pula, akhbar itu ada memberi laporan yang agak terperinci tentang langkah-langkah yang diambil untuk mewujudkan *Malayan Union* di samping kegiatan-kegiatan orang Melayu menentang perlombagaan baru itu. Maka dalam esei kesembilan masalah *Malayan Union* termasuk tindakbalas orang Melayu kepada

cabaran itu dilihat dari kaca mata *Warta Negara*.

Esei kesepuluh memberi perhatian kepada suatu perkara yang jarang sekali dibincangkan dalam sejarah Malaysia iaitu wanita Melayu dalam bidang politik. Sebelum Perang Dunia Kedua hanya terdapat sedikit sebanyak keterlibatan wanita Melayu, bukan dalam bidang politik, tetapi dalam bidang persuratan dan pertubuhan. Ibu Zain ialah yang paling terkenal di antara mereka. Selepas Perang keadaan berubah dengan agak radikal. Kaum wanita bukan hanya menyokong dengan cukup giat gerakan anti-*Malayan Union* bahkan ramai juga yang menceburkan diri dalam politik yang berhaluan kiri sehingga ada, seperti Shamsiah Fakeh, yang pada waktu Darurat diisytiharkan turut memasuki hutan untuk bergerak dalam Parti Komunis Malaya.

Walaupun zaman 1945—1948 dalam sejarah Malaysia lebih terkenal kerana terdapat pergolakan politik yang begitu hebat, bukan isu politik sahaja yang menarik perhatian orang Melayu. Sesungguhnya perubahan yang sedang dialami oleh orang Melayu meliputi berbagai bidang; tidak kurang penting di antaranya ialah soal pelajaran. Dalam eseи kesebelas, penulis cuba menunjukkan bagaimana mustahaknya difahami bahawa perjuangan orang Melayu bukan terhad kepada politik sahaja, tetapi termasuk pelajaran. Selepas Perang Dunia Kedua, orang Melayu lebih mudah menerima hakikat bahawa pelajaran dan kemajuan atau pembangunan tidak dapat dipisahkan. Maksudnya, masyarakat Melayu setakat itu tertinggal dalam pelajaran. Ini merupakan satu hujah yang telah berulang kali disarankan oleh tokoh-tokoh seperti Sayid Syeikh Al-Hadi, Za'ba dan Harun Aminurrashid.

Akhir sekali, dalam eseи keduabelas, terdapat suatu percubaan untuk meninjau keadaan masyarakat Melayu pada awal 1950-an dengan memberi perhatian kepada isu-isu yang lebih biasa dibangkitkan oleh dua akhbar popular zaman itu — *Majlis* dan *Melayu Raya*. Di antara dua akhbar itu, *Majlis* lebih konservatif; *Melayu Raya* diterbitkan oleh golongan radikal. Melalui kedua-dua akhbar ini ternampak jelas bahawa menjelang kemerdekaan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu tidaklah banyak berbeza sejak zaman sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Oleh yang demikian langkah-langkah lebih konkret telah diambil untuk menyelesaikannya dan ini hanya berlaku selepas merdeka, tetapi perkara ini adalah di luar skop monograf ini.

Walaupun dalam monograf ini seboleh-bolehnya cuba diberikan satu perspektif yang agak luas, lagi secara kronologi, tentang perkembangan masyarakat Melayu dalam zaman moden, sudah tentu masih ada banyak perkara penting yang tidak dapat dimasukkan ke dalam ruangan yang terbatas ini. Pada dasarnya monograf ini lebih mirip kepada satu tema umum iaitu perkembangan kesedaran di kalangan orang Melayu (perihal beberapa masalah rumit yang timbul akibat pembukaan Tanah Melayu kepada orang asing) dan ini selanjutnya membawa kepada wujudnya suatu perjuangan untuk meningkatkan mutu kehidupan orang Melayu serta memelihara hak politik mereka. Memadailah jika sekiranya tema umum ini dapat difahami oleh para pelajar buat sementara. Penyelidikan tentang sejarah masyarakat Melayu tetap berjalan bukan hanya di kalangan ahli sejarah tetapi juga para

sarjana dalam jurusan lain. Mudah-mudahan penulisan mereka juga dapat dikumpulkan dalam sebuah monograf supaya dapat dikemukakan satu gambaran yang lebih lengkap tentang perkembangan masyarakat Melayu dalam zaman moden ini.

Dalam monograf ini tajuk-tajuk yang dibincangkan bukanlah begitu baru; tetapi tajuk-tajuk yang agak lama itu dibincangkan dengan cara yang lebih terperinci dan tepat. Kita sesungguhnya masih dalam proses mengkaji kembali sejarah Malaysia; dalam pada itu, tumpuan pada peringkat awal, seharusnya kepada perkara-perkara yang diketahui tetapi perlu dilihat dengan perspektif baru dan mungkin (sebagaimana dilakukan dalam monograf ini) perlu disusun semula supaya ia dapat menyampaikan makna yang tidak begitu jelas pada masa dahulu. Satu masalah sejarah Malaysia (yang memberi tumpuan kepada masyarakat Malaysia) ialah ia belum ditulis dengan penuh ketelitian. Pada masa dahulu penulis-penulis tempatan amat cuai tentang tarikh dan susunan perkembangan satu-satu peristiwa. Oleh yang demikian monograf ini bukan hanya bertujuan mengisi kekosongan tetapi juga membetulkan kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam tulisan-tulisan lama. Sejarah adalah satu disiplin ilmiah maka pendekatannya juga seharusnya bersifat ilmiah. Apabila para pelajar dan peminat sejarah sudah sedar tentang hakikat ini maka mereka juga dapat bersama-sama melibatkan diri dalam usaha untuk mengkaji semula sejarah Malaysia.

## *Kebangkitan Anti-British Di Semenanjung Tanah Melayu*

*Abdullah Zakaria b. Ghazali\**

Suatu perkara yang tidak kurang menariknya dalam perkembangan Sejarah Semenanjung Tanah Melayu ialah wujudnya gerakan anti-British di negeri-negeri Melayu. Gerakan ini merupakan suatu tentangan terhadap British kerana terutamanya berlaku campur tangan di negeri-negeri Melayu. Apa yang perlu dinyatakan di sini, British sesungguhnya menghadapi beberapa tentangan dari golongan orang Melayu tertentu sebelum menguatkan kekuasaan dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu itu. Dalam usaha membincangkan kebangkitan anti-British di Semenanjung Tanah Melayu ini, tumpuan akan diberikan kepada gerakan anti-British di Naning (1831—1832), Perak (1875), Negeri Sembilan (1875), Pahang (1891—1895), Kelantan (1915) dan Terengganu (1922—1928). Gerakan anti-British di negeri-negeri Melayu dapat dibahagikan kepada tiga bentuk: pertama-tamanya gerakan yang dipimpin oleh golongan bangsawan seperti di Naning, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang; keduanya, yang dipimpin oleh orang biasa (bukan dari golongan bangsawan) tetapi di bawah arahan golongan bangsawan seperti di Pasir Putih, Kelantan; dan yang ketiganya, dipimpin oleh ulama seperti yang berlaku di Terengganu. Dalam penghuraian nanti beberapa aspek akan disentuh.

Pertama-tamanya kenapakah berlakunya gerakan anti-British? Kemudiannya akan disentuh secara ringkas tindakan yang diambil oleh orang Melayu dalam gerakan-gerakan ini. Seterusnya penentuan sama ada gerakan-gerakan itu bercorak penderhanaan, pemberontakan atau hanya anti-British semata-mata.

Walaupun British belum bertapak dan meletakkan wakilnya di Naning, tetapi pemerintahan British di Melaka cuba melaksanakan beberapa peraturan baru di situ dan ini bercanggah dengan nilai-nilai tradisi. Pihak British mengakui Naning sebagai daripada Melaka.<sup>1</sup> Dakwaan ini didasarkan kepada perjanjian dalam tahun 1801 antara Kolonel Aldwell Taylor, wakil British, dengan Penghulu dan Empat Suku Naning. Bagi Naning Per-

\* Penulis adalah seorang Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1. Straits Settlements Records, Minute by Mr. Garling (t.t.) SSR, A63, Malacca Consultation, Minute by President R. Fullerton, 2 Mac 1829.

janjian ini didasarkan kepada Perjanjian antara Belanda dengan Naning dalam tahun 1643.<sup>2</sup> Oleh kerana British menganggap Naning sebahagian daripada Melaka, dan secara automatik di bawah pentadbiran British, maka segala kes jenayah yang berlaku di Naning hendaklah dibawa ke Melaka. Selain daripada itu undang-undang Negeri-negeri Selat boleh dilaksanakan di Naning.

Langkah yang diambil oleh British ini telah mencabar kedudukan tradisi Penghulu Dol Said sebagai pemerintah Naning. Dikatakan demikian kerana berdasarkan arahan ini Penghulu Dol Said tidak boleh menyelesaikan kes jenayah di Naning. Ini dapat dilihat apabila Penghulu Dol Said menyelesaikan kes jenayah, beliau telah diberi amaran oleh British yang menuduh Penghulu Dol Said tidak mematuhi perintah dan arahan daripada Melaka.<sup>3</sup> Penghulu Dol Said tidak mengendahkan arahan British ini; malahan beliau mengarahkan pengikut-pengikutnya supaya jangan mematuhi arahan British yang cuba menjalankan bantuan di Naning. Sesungguhnya, tindakan Penghulu Dol Said ini disebabkan beliau berpendapat bahawa Naning adalah sebuah negeri yang bebas atau sekurang-kurangnya tidak patuh kepada pemerintah asing di Melaka.<sup>4</sup> Sebenarnya, kebebasan Naning diakui oleh pihak British setelah penyiasatan dibuat ke atas rekod-rekod Belanda, iaitu selepas British dikalahkan oleh orang Melayu Naning pada 1831.<sup>5</sup> Namun demikian disebabkan ingin mempertahankan imej kerana gagal dalam pertempuran pada tahun 1831, British menyediakan angkatan yang lebih besar dan menyerang Naning. Selain daripada itu apa yang juga menonjol ialah British sebenarnya ingin menguasai Naning kerana pihak British membuat anggaran apabila Naning dapat diduduki, sekurang-kurangnya hasil Naning dapat menambah kewangan kerajaan Negeri-negeri Selat.

Timbulnya tentangan daripada orang Naning juga adalah kerana British telah memecahkan tradisi hubungan antara Belanda dengan Naning. Walaupun Naning dikehendaki membayar 1/10 daripada hasil tahunan ke Melaka tetapi sejak zaman Belanda lagi pada amalannya Naning hanya menghantar 400 gantang padi setahun. Penghantaran ini pula tanpa paksaan,<sup>6</sup> tetapi sebagai tanda persahabatan sahaja.<sup>7</sup> Manakala pihak British pula memaksa Naning membayar jumlah 1/10 itu.<sup>8</sup> Tindakan British ini menimbulkan kemarahan Penghulu Dol Said.

2 Berdasarkan Perjanjian 1643, Naning sanggup membayar 1/10 daripada hasil tahunannya kepada Belanda di Melaka. Sila lihat Colonial Office (C.O. 273/1, Chapter VII — Malacca Naning War', hlm. 410. L.A. Mills, *British Malaya 1824—1867*, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 116. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perjuangan Orang-orang Melayu Naning Menentang British 1831—1832", *Jurnal Sejarah, Persatuan Sejarah Universiti Malaya*, Kuala Lumpur, 1977/78, hlm. 14.

3 C.O. Bladgen, "Appendix: Malay Documents Relating to Naning War Introductory Note", dalam L.A. Mills, "British Malaya 1824—1867", *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. III, Pt. II, November 1925, surat Samuel Garling, Residen Konsular Melaka kepada Penghulu dan Empat Suku Naning, 20 Jun 1829.

4 R.O. Winstedt, *Malay and Its History*, London, 1969, hlm. 56.

5 T. Braddell, "Notes on Naning, with a Brief Notice of the Naning War", *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, New Series, Vol. I, 1856, hlm. 222.

6 L.A. Mills, *British Malaya 1824—1867*, hlm. 116. Haji Mubin Sheppard, "The Tomb of Dato Abdul Said Dato Naning", *Malaysia in History*, Vol. X, No. 1, 1967, hlm. 33.

7 Housain bin Ismael Ellmu, "A Malay Narrative of the late Naning Expedition", *Singapore Chronicle* (tr.) Khamis, 9 Feb. 1832.

8 T. Braddell, op. cit., hlm. 200.

Pihak British menghantar pasukan tentera pada tahun 1829 dalam usaha mendapatkan hasil 1/10 daripada Naning. Juga Pegawai British di Melaka pernah memberi amaran kepada Penghulu Dol Said akan memecatkan Dol Said daripada jawatan Penghulu dan hendak digantikan dengan orang lain. Ini menyebabkan Penghulu Dol Said menyedari bahawa British mencabar kewibawaannya. Keadaan-keadaan ini menyebabkan Penghulu Dol Said memimpin gerakan menentang British.

Peperangan berlaku antara orang Melayu Naning di bawah pimpinan Penghulu Dol Said dengan pihak British pada tahun 1831 dan 1832. Naning mencapai kejayaan pada tahun 1831 dan mengalami kekalahan pada tahun 1832. Pada tahun 1831, pasukan Kompeni British yang dipimpin oleh Kapten Wyllie dan dibantu oleh Lefeten Begbie, Lefeten Milnes, Ensign Short dan juga W.T. Lewis telah mara ke Naning. Pasukan ini dihalang oleh orang Melayu Naning di bawah pimpinan Penghulu Dol Said. Mereka melancarkan serangan hendap, menanam ranjau dan menghalang jalan-jalan dengan cara menebang pokok-pokok besar. Penghulu Dol Said telah mendapat bantuan daripada Yamtuan Ali Rembau, Penghulu Gemencheh, Datuk Kelana Sungai Ujong, Pembesar Sri Menanti dan Penghulu Linggi. Oleh sebab itulah dalam peperangan ini Kompeni mengalami kekalahan. Kompeni kemudiannya menyiapkan sekali lagi suatu angkatan yang lebih besar pada tahun 1832. Sebelum serangan dibuat pihak British terlebih dahulu membuat persetiaan persahabatan dengan Rembau. Hasil dari persetiaan ini Rembau berjanji tidak akan membantu Naning. Angkatan Kompeni kali ini di bawah pimpinan Lefeten Kolonel Herbert. Pada akhir bulan Januari 1832 angkatan Kompeni mara ke Naning. Setelah beberapa bulan menghadapi tindak balas daripada orang Melayu Naning, akhirnya Kompeni berjaya menawan Naning dan menduduki Taboh pada 15 Jun 1832. Penghulu Dol Said kerana menyedari tidak terdaya menangkis serangan Kompeni telah mengundurkan diri ke Chembong, Rembau dan kemudiannya ke Gunung Pasir, iaitu berhampiran dengan Seri Menanti. Namun demikian Penghulu Dol Said kemudiannya menyerah diri kepada pihak British pada 4 Februari 1833. Beliau dihadiahkan wang sara hidup setiap bulan, pada mulanya 60 rupee, kemudian dinaikkan menjadi 100 rupee. Kompeni juga memberi kawasan tapak rumah dan membina rumah untuk beliau.

Tentangan yang dilakukan oleh orang Melayu di Perak berlaku setelah British campur tangan dalam pentadbiran negeri. Selang beberapa bulan selepas termeterinya Perjanjian Pangkor (20 Januari 1874), iaitu pada bulan November 1874 J.W.W. Birch dilantik menjadi Residen British yang pertama di Perak. Tidak beberapa lama selepas berada di Perak, J.W.W. Birch mengisyiharkan rancangan-rancangannya untuk menuBUHKAN pusat pemungutan cukai yang akan diletakkan di bawah kawalan pegawai British. Selain daripada itu cukai-cukai pajak candu, arak, judi, permit balak, cukai perahu, senjata, padi dan memotong atap akan disusun semula.

Pengisyiharan juga dibuat mengenakan hukuman ke atas mereka yang memungut cukai, kecuali pegawai-pegawai yang dilantik. Ini bermakna pembesar-pembesar Perak tidak boleh memungut cukai lagi. Jelas sekali

bahawa pengenalan ini bercanggah dengan nilai-nilai tradisi, di mana sebelumnya pembesar-pembesar Perak bebas memungut cukai dan cukai ini merupakan sumber pendapatan mereka. J.W.W. Birch juga telah membatalkan pajakan ke atas Kuala Sungai Perak yang dibuat oleh Sultan Abdullah kepada seorang saudagar Cina.<sup>9</sup> Tindakan J.W.W. Birch menyinggung perasaan Sultan Abdullah yang mempunyai kuasa dan kewibawaan di Perak.

Malah lebih daripada itu, J.W.W. Birch melibatkan diri dalam soal adat orang Melayu iaitu perhambaan. Dikatakan J.W.W. Birch cuba menghapuskan perhambaan di Perak, tetapi hakikatnya masih diragukan, kerana pernah pada suatu masa beliau telah membawa seorang perempuan Melayu berpakaian Cina ke Pulau Pangkor. Selain daripada itu apa yang paling menarik lagi, kebanyakannya daripada hamba-hamba itu adalah wanita. Tambahan pula J.W.W. Birch bukan berasorangan di residensinya di Bandar Baru. Beliau ditemani oleh pengawal-pengawal lain.

Selain daripada itu J.W.W. Birch boleh dikatakan seringkali mendesak dan mengugut Sultan Abdullah supaya menandatangani surat pengisytiharan. Walaupun Sultan Abdullah pada awalnya menolak tetapi akhirnya beliau menandatangani surat pengisytiharan itu kerana J.W.W. Birch pernah mengugut bahawa takhta kerajaan Perak akan diserahkan kepada Raja Yusof sekiranya beliau tidak menandatangani surat pengisytiharan.<sup>10</sup> Selain daripada itu J.W.W. Birch pernah mengarahkan orang-orangnya membakar rumah Raja Ngah di Bidor kerana beliau memungut cukai.

Langkah-langkah yang dilakukan oleh J.W.W. Birch ini meyakinkan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak bahawa kedatangan pegawai British dalam pentadbiran bukan hendak menasihati tetapi hendak merampas kekuasaan dan kewibawaan mereka. Menyedari perkara inilah Sultan Abdullah yang sebelum ini bertelagah dengan Raja Ismail telah berbaik-baik semula dengan bekas Sultan itu. Ini dapat dibuktikan oleh hakikat bahawa sebelum beliau dan J.W.W. Birch hendak ke rumah Raja Ismail untuk mengambil alat-alat kebesaran Perak, terlebih dahulu Sultan Abdullah telah menghantar utusan kepada Raja Ismail dan menegaskan supaya jangan menyerahkan alat-alat kebesaran itu. Begitu juga Maharaja Lela telah membina kubu pertahanan di Pasir Salak, dan akan menentang sebarang kemungkinan percubaan British memperkenalkan peraturan-peraturan baru dalam kawasan beliau.

Dengan itu Raja Abdullah, Raja Ismail, Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor, setelah bermesyuarat beberapa kali, telah mengambil keputusan akan membunuh J.W.W. Birch. Tugas membunuh J.W.W. Birch ini diserahkan kepada Datuk Maharaja Lela. Oleh itu apabila J.W.W. Birch tiba di Pasir Salak untuk menampalkan pengisytiharan tentang pungutan cukai, beliau telah dibunuh pada 2 November 1875.

Setelah pembunuhan ini pasukan polis British dihantar ke Perak untuk menangkap mereka yang terlibat. Seputum telah ditangkap, dibicarakan dan

9 C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 302.

10 Ibid., hlm. 315.

dihukum gantung di Bandar Baru pada 20 Mei 1876. Datuk Maharaja Lela, Ngah Jabor dan Pandak Endut datang menyerah diri. Mereka dibicarkan dan dihukum gantung pada 20 Januari 1877 di Matang. Raja Ismail dibuang negeri ke Johor dan menetap di Sekudai manakala Raja Abdullah, Laksmana, Menteri dan Syahbandar dibuang ke Pulau Seychelles.

Tentangan yang wujud di Negeri Sembilan bukan disebabkan berlakunya secara langsung konflik antara nilai-nilai tradisi dengan nilai-nilai baru yang dibawa oleh British kerana British belum bertapak di kawasan Tengku Antah, hanya di Sungai Ujong. Walaupun demikian soal adat terlibat. Ini dapat dilihat ekoran daripada keterlibatan British di Sungai Ujong. Datuk Kelana tidak menghadiri pertabalan Tengku Antah sebagai Yamtuan. Malah Datuk Kelana lebih memihak kepada dan bercita-cita hendak melantik Tengku Ahmad Tunggal sebagai Yamtuan. British pula menyokong Datuk Kelana yang sememangnya bercita-cita untuk menguasai Negeri Sembilan yang banyak mempunyai sumber galian bijih timah. Datuk Kelana kemudiannya sekali lagi bertindak di luar batasan dengan mengakui Terachi, yang pada hakikatnya hak Yamtuan Antah, sebagai haknya. Seterusnya beliau melantik seorang Penghulu bertanggungjawab di situ.<sup>11</sup>

Patrick James Murray, Residen British Sungai Ujong, datang ke Terachi untuk membuat penyiasatan mengenai peristiwa tersebut. Beliau disertai oleh dua puluh orang tentera di bawah Leftenan Hinxman, tiga puluh orang polis, seorang doktor (Dr. Hoysted) dan seorang juruukur (bernama D.D. Daly). Tindakan British ini menggambarkan dengan jelas bahawa British seolah-olah mengakui Terachi hak Sungai Ujong. Tindakan British dalam masalah Terachi ini telah menjadi faktor yang mempercepatkan meletusnya tentangan daripada Yamtuan Antah. Apa yang aneh pula apabila berlakunya pertem-puran antara pasukan orang-orang Melayu dengan pasukan British, dikatakan bermulalah perang antara Yamtuan Antara dengan Datuk Kelana.<sup>12</sup> Keadaan yang sebenarnya jelas, Yamtuan Antah tidak berperang dengan Datuk Kelana tetapi sebaliknya dengan pasukan tentera British.

Yamtuan Antah menghantar pasukannya menghalang usaha Daly (juruukur) bersama beberapa orang polis dari meneruskan penyiasatan. Oleh kerana takut, Daly meminta bantuan dari Sungai Ujong. Dengan itu pasukan di bawah Leftenan Hinxman dihantar, dan akibatnya berlakulah pertem-puran di antara pasukan British dengan pasukan Yamtuan Antah. Pada awalnya pasukan Yamtuan Antah berjaya mengundurkan pasukan British ini, di samping itu berjaya menduduki Bukit Putus dan Paroi. Kejayaan ini tidak lama kerana apabila tiba bantuan dari Singapura, Pulau Pinang dan Melaka pasukan Yamtuan Antah dikalahkan. Yamtuan Antah mengundurkan diri ke Johor. Namun demikian akhirnya perjanjian dibuat pada 1876 di antara Yamtuan Antah dengan pihak British di mana Yamtuan Antah dikekalkan jawatannya tetapi terhad di kawasan-kawasan yang patuh kepada Sri Menanti sahaja.

11 T. Braddell, op.cit., hlm. 202.

12 Sila lihat T. Chelliah, 'War in Negri Sembilan 1874—1875', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1955, hlm. 43.

Di Pahang-pula apabila J.P. Rodger menjadi Residen, beliau mula menjalankan langkah memperkenalkan peraturan-peraturan baru dan ini kemudiannya bercanggah dengan nilai-nilai tradisi dan seterusnya mewujudkan tentangan. Beberapa jajahan atau daerah dibentuk di Pahang dan diletakkan di bawah pentadbiran Majistret dan Pemungut Hasil. Di antaranya, Pekan di bawah F. Belfield; Ulu Pahang di bawah W.C. Michell; Kuantan di bawah A.H. Wall; Kuala Pahang di bawah W.W. Michell dan Temerloh di bawah E.A. Wise. Dengan perlantikan Majistret dan Pemungut Hasil ini menyebabkan peranan, tugas, kekuasaan dan kewibawaan tradisi pembesar tempatan tergugat. Dengan perkataan lain pembesar-pembesar tidak lagi bebas, kerana segala pentadbiran terserah kepada Majistret dan Pemungut Hasil. Seterusnya orang Melayu tidak dibenarkan membawa senjata.<sup>13</sup> Sekatan ini sekali lagi bercanggah dengan nilai-nilai tradisi, kerana sebelum ini orang Melayu sentiasa membawa senjata; dan senjata ini lebih merupakan untuk menjaga keselamatan dalam perjalanan. Pada masa ini perhubungan adalah sukar iaitu sama ada melalui jalan sungai atau darat merentasi semak-semamun.

Datuk Bahaman yang memimpin gerakan menentang British telah menerima kesan akibat penglibatan British dalam pentadbiran Pahang. Kekuasaan tradisi beliau tergugat dan tersekat. Ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan bahawa Datuk Bahaman telah diberi amaran kerana memungut cukai di kawasan Semantan,<sup>14</sup> pada hal kawasan Semantan adalah di bawah pentadbiran beliau. Selain daripada ini pihak British telah mendirikan balai polis di Lubuk Terua dalam kawasan Semantan tanpa memberitahu terlebih dahulu kepada Datuk Bahaman. Tindakan mendirikan balai polis ini menyebabkan Datuk Bahaman mengajukan surat bantahan kepada Majistret dan Pemungut Hasil Temerloh, E.A. Wise.

Pihak British, sebagai ganjaran kepada kehilangan kekuasaan telah menawarkan elaun bulanan kepada Datuk Bahaman sebanyak \$840.00 setahun.<sup>15</sup> Sesungguhnya sudah pasti tawaran elaun ini lebih rendah daripada apa yang didapati oleh Datuk Bahaman sebelum ini manakala Datuk Bahaman pula meminta supaya elaun yang ditawarkan itu dinaikkan sebanyak \$500.00 sebulan atau \$16,000.00 setahun. Permintaan Datuk Bahaman tidak dihiraukan oleh pihak British. Namun demikian penentangan Datuk Bahaman bukan semata-mata disebabkan oleh masalah elaun kerana sememangnya sejak keterlibatan British dalam pentadbiran Pahang, Datuk Bahaman tidak puas hati sebab kehadiran British itu menyebabkan kekuasaan beliau tergugat.

Peristiwa penangkapan beberapa orang pengikut Datuk Bahaman yang sedang mengambil hasil hutan di Semantan oleh C.E.B. Desborough telah menjadi sebab timbulnya tindakbalas serta merta dari Datuk Bahaman terhadap British. Walaupun Datuk Bahaman meminta supaya mereka dibebaskan, tetapi C.E.B. Desborough enggan, dan menegaskan bahawa me-

13 Jang Aisjah Mutalib, *Pemberontakan Pahang 1891—1895*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1972, hlm. 126—127.

14 *Ibid.*, hlm. 149.

15 *Ibid.*, hlm. 142.

reka ini akan diadili di Lubuk Terua. Dengan itu ketika dalam perjalanan ke Lubuk Terua, C.E.B. Desborough dan rombongannya diserang oleh orang-orang Datuk Bahaman. Dalam serangan ini tiga orang polis terbunuh. Townson, Merinyu Lombong (*Inspector of Mines*), seorang polis Sikh dan seorang pendayung mengalami kecederaan. Namun demikian C.E.B. Desborough dan beberapa orang yang cedera itu berjaya menyelamatkan diri.

Datuk Bahaman mengumpulkan pengikut-pengikutnya untuk mengatasi sebarang kemungkinan daripada pihak British. Pihak British kemudiannya mengambil tindakan dengan menghantar pasukan menyerang Datuk Bahaman. Dalam perjuangannya Datuk Bahaman mendapat sokongan daripada Mat Kilau dan Panglima Muda Jempol. Kemudiannya Tok Gajah pula menyertai perjuangan menentang British ini. Pihak British dalam usaha mengatasi gerakan orang Melayu Pahang ini mendapat bantuan daripada orang-orang Pahang sendiri. Pasukan orang Melayu yang membantu British ini dikenali dengan pasukan Sultan. Akhirnya orang Pahang di bawah pimpinan Datuk Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau mengundurkan diri hingga memasuki sempadan Kelantan dan Terengganu. Pengunduran mereka ini barangkali disebabkan adanya pasukan Sultan bersama-sama pasukan British. Kemungkinan mereka merasakan sekiranya menentang Sultan bererti menderhana. Oleh sebab itu pejuang-pejuang Pahang lebih banyak berundur.

Tidak lama kemudian setelah bersembuni di Kelantan dan Terengganu, pejuang-pejuang Pahang datang semula ke Pahang menyerang Jeram Ampai. Kejayaan mereka tidak lama kerana pihak British menghantarkan pasukannya dan berjaya mengalahkan pejuang-pejuang Pahang. Dengan itu sekali lagi pejuang-pejuang Pahang berundur dan akhirnya memasuki semula sempadan Terengganu dan Kelantan.

Apa yang menarik, peranan agama nampaknya menonjol dalam serangan peringkat kedua kerana para pejuangnya mensifatkan serangan itu sebagai perang sabil atau perang jihad. Inspirasi untuk berperang sabil datangnya dari Sayid Abdul Rahman al-Idrus atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Paloh di Terengganu.<sup>16</sup>

British mengambil masa yang lama untuk mematahkan kebangkitan di Pahang. Dari tahun 1891 hingga 1895, kekacauan berlaku dari semasa ke semasa dan pihak British terpaksa mengejar pejuang Pahang hingga ke Terengganu dan Kelantan. Kebangkitan di Pahang amat serius kerana pentadbiran British tidak sempat menjalankan kerja dengan licin; pembangunan dan pemungutan hasil tergendala. Pada tahun 1892 pentadbiran Pahang menghadapi krisis kewangan kerana tidak mendapat pinjaman daripada Negeri-negeri Selat. Krisis itu menjadi sebab penting kenapa kemudiannya Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang digabungkan sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dengan ini juga negeri yang kaya dapat menolong negeri yang miskin.

Di Kelantan, apabila termeterinya persetiaan Siam-British pada tahun 1902, seorang British, W.A. Graham, dilantik menjadi Penasihat di Kelantan pada tahun 1903. Tugasnya menasihat dalam semua perkara kecuali

16 Ibid., hlm. 218.

Agama Islam dan adat istiadat Melayu.<sup>17</sup> W.A. Graham kemudianya mengesyorkan di dalam Majlis Negeri supaya dibentuk jajahan di Kelantan. Berikutnya dari ini, jajahan Pasir Puteh diwujudkan dan seorang Pegawai Daerah dilantik serta berkuasa dalam hal-hal pentadbiran dan kehakiman di Pasir Puteh. Dengan itu bermakna kuasa tradisi Engku Besar Jeram yang sebelum ini berkuasa di Jeram dan Pasir Puteh tidak berfungsi lagi. Selain daripada itu juga diperkenalkan peraturan baru di mana tiap-tiap satu penjurut tanah iaitu bersamaan dengan 400 depa persegi dikenakan cukai tiga kupang setahun.

Kemerosotan kedudukan Engku Besar Jeram ini ketara sekali, di mana di bawah sistem pentadbiran baru, Che Andak hanya sebagai Tok Kweng (Penghulu) sahaja. Tok Kweng ini pula bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah manakala Tun Ahmad, iaitu Engku Besar Jeram pada masa Kebangkitan Pasir Puteh berlaku, hanya memegang jawatan sebagai Tok Kweng Muda. Jawatan Tok Kweng Muda ini jelas lebih rendah daripada jawatan Tok Kweng. Juga, Tun Ahmad, malah sebelum ini Che Andak, diwajibkan membayar cukai. Ini bercanggah dengan sistem tradisi di mana sebelum campur tangan British dan pembukaan Pasir Puteh, Engku Besar Jeram terkecuali daripada membayar cukai, malah berkuasa memungut cukai. Ekoran daripada ini Tun Ahmad berbincang dengan Tok Janggut (Haji Mat Hasan) dan menggalakkan Tok Janggut menjalankan kempen menentang pengenalan unsur-unsur baru itu. Tok Janggut pula dalam usahanya ini mendapat bantuan daripada Haji Said, Penghulu Adam dan Ishak Merbul.

Pada tahun 1905 diperkenalkan undang-undang hasil padi di mana setiap penduduk dimestikan melaporkan kepada Tok Kweng jumlah kluasan sawah padi yang dimiliki dan kedudukan tanah itu. Dengan ini bermakna orang-orang Pasir Puteh tidak boleh lagi mengelakkan diri daripada cukai kerana jumlah kluasan tanah mereka didaftarkan. Kemudiannya suatu sistem cukai baru diperkenalkan lagi di Pasir Puteh. Sistem cukai ini berbeza sekali dengan sistem cukai yang dijalankan sebelum ini. Sistem cukai ini kemudiannya mendatangkan masalah dan beban kepada petani-petani di Pasir Puteh. Melalui sistem cukai baru ini semua tanah, sama ada dikerjakan atau tidak, dimestikan membayar cukai. Selain daripada itu cukai-cukai ditetapkan ke atas perkara-perkara tertentu. Misalnya sirih dikenakan lima sen sejungung, lembu dan kerbau dikenakan 20 sen seekor setahun.<sup>18</sup> Sebelum perlaksanaan sistem cukai baru ini, kutipan cukai di Pasir Puteh didasarkan kepada jumlah keluaran. Sekiranya hasil keluaran banyak, maka tinggilah cukai yang dikenakan. Sekiranya hasil tanaman sedikit, maka rendahlah cukai yang dikenakan. Seterusnya jika tanah tidak dikerjakan, dikecualikan daripada cukai.

Selain daripada itu Kebangkitan Pasir Puteh juga disebabkan adanya

17 Ibrahim Nik Mahmood, 'The To' Janggut Rebellion of 1915', dalam W.R. Roff (ed.) *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 68.

18 Haji Abdullah Amiran, *Riwayat Hidup Tok Janggut*, (awi), Sinaran Bros. Ltd., Penang, 1957, hlm. 8.

kekasaran yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang bertugas. Orang-orang yang tidak membayar cukai ditangkap dan didenda. Kadangkala mereka ini dimaki hamun. Kata-kata kesat ini sesungguhnya menyakiti mereka yang terlibat dan menyebabkan mereka benci kepada British. Dengan sebab itulah apabila Tok Janggut, Penghulu Adam, Haji Said dan Che Ishak menjalankan kempen supaya jangan membayar hasil atau cukai dan mengikut peraturan baru, orang kebanyakan turut serta memberi sokongan.

Tentangan terbuka bermula pada tahun 1915 apabila Encik Latif, Pegawai Daerah, menghantar Sarjan Che Wan menangkap Tok Janggut. Dalam pertemuan ini berlaku pertengkaran di antara Tok Janggut dengan Sarjan Che Wan, dan menyebabkan Tok Janggut menikam mati Sarjan Che Wan. Encik Latif telah menghantar beberapa orang mata-mata untuk menangkap Tok Janggut yang telah membunuh Sarjan Che Wan itu, tetapi di pertengahan jalan mata-mata ini dinasihatkan pulang kerana angkatan Tok Janggut sedang mara ke Pasir Puteh.

Memandangkan keadaan ini, Encik Latif dan kakitangan lain menyelamatkan diri ke Kota Bharu dengan perahu besar melalui Kuala Semerak. Tok Janggut menduduki bandar Pasir Puteh<sup>19</sup> dan tinggal di sini selama tiga hari. Di sini Engku Besar Jeram dilantik sebagai Pemerintah Pasir Puteh. Setelah tiga hari berada di Pasir Puteh, Tok Janggut dan angkataninya mengundurkan diri. Penasihat British kemudiannya meminta bantuan dari Singapura. Setelah angkatan tiba, iapun mara ke Pasir Puteh. Pertemupuran akhirnya berlaku di Kampung Dalam Pupuh dan Tok Janggut terkorban. Mayatnya dibawa ke Kota Bharu, diarak serta disaitkan dan ditanam di Pasir Pekan.

Begitu juga di Terengganu apabila Penasihat pertama kali dilantik pada tahun 1919, satu demi satu peraturan-peraturan baru diperkenalkan. Apa yang jelas, peraturan baru yang diperkenalkan ini adalah asing dan bercanggah dengan nilai-nilai tradisi. Sebelum keterlibatan British dan pengenalan peraturan baru, orang-orang Terengganu bebas membuka tanah membuat huma, bercucuk tanam, mengambil hasil-hasil hutan dan juga memburu. Setelah pentadbiran British diwujudkan mereka terlebih dahulu dikehendaki mengambil pas<sup>20</sup> dan juga membayar hasil tanah. Ini dianggap menyusah dan membebankan mereka. Di samping itu terdapat juga pegawai-pegawai yang bertugas ketika memungut hasil dan mengeluarkan pas melakukan kekasaran. Selain daripada itu mereka yang membuka tanah, bercucuk tanam dan mengambil hasil hutan tanpa pas disaman, didenda dan dipenjarakan. Segala tindakan ini menyingsung perasaan mereka yang terlibat.

Dalam keadaan ini muncul pemimpin-pemimpin tempatan di Telemong seperti Haji Zakaria atau Haji Kia, Mat Zin bin Mat Min dan Tok Janggut atau Lebai Deraman; dan di Kuala Brang pula seperti Ismail Kuala Por, Mat Tok Pitas, Penghulu Salleh Pasir Nyior, Abdullah Jurukaka dan Abu Bakar

19 J. de V. Allen, "The Kelantan Rising of 1915: Some Thoughts on the Concept of Resistance in British Malayan History", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 9, No. 2, September 1968, hlm. 245.

20 Abdullah Zakaria bin Ghazali, 'Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu 1921—1928', Tesis M.A. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976, hlm. 214. Setiausaha Kerajaan Terengganu 1295/1346, Persembahan rakyat-rakyat dihadapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, 15.11.1346 (6.5.1928).

Chinting. Kesemua mereka ini di bawah arahan dan pimpinan Haji Abdul Rahman Limpong. Mereka ini menjalankan kempen anti-British. Kebanyakan penduduk pedalaman Terengganu kecuali jajahan Besut dan Kemaman turut serta menyokong gerakan menentang British di Terengganu.

Apa yang menarik di Terengganu ini, unsur agama begitu ketara dalam gerakan anti-British. Ajaran-ajaran yang disebarluaskan menegaskan bahawa sesiapa yang mematuhi peraturan baru adalah menyebelahi orang-orang kafir. Seterusnya ditegaskan juga bahawa segala peraturan baru yang diperkenalkan itu adalah undang-undang kafir. Ajaran ini disebarluaskan oleh Haji Musa bin Abdul Ghani ketika beliau mengajar ilmu agama, memungut zakat dan fitrah di kawasan Kuala Brang.<sup>21</sup> Selain daripada itu Haji Abdul Rahman Limpong pernah menegaskan bahawa tanah adalah hak Allah dan pihak pentadbiran tidak boleh mengambil cukai ke atas tanah.<sup>22</sup> Kata-kata Haji Abdul Rahman Limpong ini sudah pasti didengari oleh orang-orang kampung tambahan pula beliau adalah seorang ulama. Pengaruh Haji Abdul Rahman Limpong begitu meluas dan kuat di Terengganu, terutamanya di kawasan tengah Sungai Terengganu. Lebih penting lagi, beliau menggunakan pengaruhnya bukan untuk kepentingan sendiri.<sup>23</sup> Begitu juga dengan Haji Musa bin Abdul Ghani; beliau adalah seorang ulama yang disegani dan sudah pasti kata-katanya didengari oleh penduduk di kawasan Kuala Brang. Tambahan pula semasa menghuraikan tentang perkara ini, Haji Musa menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis bagi menguatkan hujahnya.

Orang-orang pedalaman Terengganu bangkit menentang pengenalan peraturan-peraturan baru ini pada tahun-tahun 1922, 1925 dan 1928. Akibat daripada tidak mengikut peraturan baru empat puluh tiga orang telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun 1922. Dalam perbicaraan ini Haji Abdul Rahman menjadi pembela kepada mereka. Walaupun beberapa kali perbicaraan diadakan, pihak kerajaan mengalami kegagalan. Akhirnya kes ini tamat tanpa keputusan mahkamah. Tiga tahun kemudian (1925), berlaku pula perhimpunan di Telemong. Mereka yang berkumpul ini membersihkan tanah yang didakwa kepunyaan Tengku Nik Maimunah (puteri Sultan Zainal Abidin III dan saudara kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah yang memerintah pada masa kejadian ini) dan tanah di sekitar kawasan itu tanpa mendapat kebenaran kerajaan. Seterusnya pada tahun 1928, sekali lagi orang-orang pedalaman Terengganu bangkit menentang peraturan baru, kali ini lebih besar daripada tahun-tahun 1922 dan 1925. Pemimpim-pemimpim yang terlibat pada tahun 1928 ini adalah juga mereka yang terlibat pada tahun-tahun 1922 dan 1925. Dalam kebangkitan tahun 1928 ini mereka berkumpul di Kuala Brang dan di Kampung Pelam, Telemong. Pasukan Kuala Brang menduduki bangunan kerajaan di situ, iaitu setelah kakitangan di sini mengundurkan diri ke Kuala Terengganu.

- 21 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Haji Musa bin Abdul Ghani: Peranannya Dalam Kempen Anti-British Di Terengganu", *Malaysia in History*, Vol. 20, No. 1, Jun 1977, hlm. 35.
- 22 Colonial Office 717/61, J.L. Humphreys kepada Mr. Beckett, 22.4.1928, terlampir laporan J.L. Humphreys (confidential) 'Report on certain matter connected with one Haji Drahman (Haji Abdul Rahman) of Trengganu', 24 Nov. 1922, hlm. 1.
- 23 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (Haji Abdul Rahman Limpong) Terengganu", *Malaysia in History*, Vol. 19, No. 1, June 1976, hlm. 13.

Kerajaan Terengganu yang dinasihati oleh British selanjutnya menghantar pasukan mata-mata Terengganu di bawah pimpinan Datuk Seri Lela Diraja untuk menawan semula Kuala Brang. Pasukan ini tidak sampai ke Kuala Brang kerana terlebih dahulu diberitahu bahawa kumpulan dari Kuala Brang telah pun mara ke Kuala Terengganu. Dengan itu pasukan kerajaan ini berundur dan singgah di Kuala Telemong. Mereka pun membuat pertahanan di Padang Kachong. Kemudiannya kumpulan dari Kampung Pelam dan Telemong, bergerak dan apabila tiba di Padang Kachong mereka telah diberi amaran oleh pasukan kerajaan. Ada di antara mereka mengikuti amaran itu dan tidak kurang juga yang tidak mematuhiinya. Dengan itu pasukan kerajaan, setelah menerima arahan daripada Datuk Seri Lela Diraja, melepaskan tembakan tidak berhenti-henti. Akibat tembakan ini sebelas orang terbunuh, di antara mereka termasuklah Tok Janggut (Lebai Deraman).

Kumpulan dari Kuala Barang yang sedang mara ke Kuala Terengganu ini, apabila mendapat berita kematian di Padang Kachong, lalu berpecah dan pulang ke rumah masing-masing. Kemudiannya pasukan polis bantuan berjumlah lima puluh orang dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu dihantar ke Terengganu untuk membantu memulihkan keamanan dan menangkap mereka yang terlibat. Ketua-ketua yang terlibat di dalam kebangkitan 1928 ini ditangkap. Namun demikian setelah dijalankan perbicaraan, ada di antara mereka seperti Penghulu Salleh Pasir Nyior dibebaskan, manakala Haji Kia dijatuhan hukuman tujuh tahun penjara dengan kerja berat; Ismail Kuala Por lima belas tahun penjara dengan kerja berat; Abu Bakar Chinting dan Abdullah Jurukaka sepuluh tahun penjara dengan kerja berat; Engku Mat Kuala Pueh, Haji Tahir Gunung, Mat Tok Pitas lima tahun penjara dengan kerja berat; dan Lebai Hasan lima tahun penjara dan kerja berat.<sup>24</sup> Haji Abdul Rahman Limbung, setelah dibicarakan, didapati bersalah dan dibuang negeri ke Mekah.

Dari apa yang digambarkan tentang gerakan anti-British di Semenanjung Tanah Melayu, ternyata bahawa kedudukan British di Negeri-negeri Melayu tidaklah selalunya diterima dengan sukarela oleh pembesar-pembesar tempatan, bahkan tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa pentadbiran British telah diwujudkan secara paksaan di setengah-setengah negeri terutamanya Selangor, Pahang dan Terengganu. Di Perak dan Sungai Ujong memang ada pembesar tempatan yang sanggup menerima pentadbiran British kerana diharap keadaan baru itu akan membawa keuntungan kepada pembesar-pembesar tempatan yang berkenaan. Tetapi apabila disedari, sebagaimana berlaku di Perak, bahawa wujudnya pentadbiran British bererti hilangnya kekuasaan tradisional, maka terdapat percubaan untuk mengusir pihak British.

Keseluruhannya, tentangan-tentangan terhadap pihak British itu merupakan percubaan oleh golongan pembesar yang kehilangan kuasa untuk mewujudkan kembali keadaan sebelum campur tangan British. Tetapi keadaan di Kelantan, lebih-lebih lagi di Terengganu, umpamanya memperlihatkan beberapa ciri yang berbeza. Di Kelantan dan Terengganu,

<sup>24</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, 'Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu 1921—1922', hlm. 314.

perjalanan sistem pentadbiran (dengan undang-undang) British membawa kesengsaraan kepada rakyat kerana mereka dikehendaki membayar cukai yang baru. Sekurang-kurangnya tiada bukti untuk menunjukkan bahawa dalam kebangkitan-kebangkitan sebelum abad ke-20, ketidakpuasan hati rakyat jelata adalah suatu faktor yang penting. Tetapi, di Kelantan dan Terengganu serangan terhadap pihak pentadbiran diketuai oleh mereka yang bukan daripada golongan bangsawan.

Di antara Kelantan dengan Terengganu juga terdapat perbezaan yang jelas kerana di Terengganu unsur agama ternampak memainkan peranan penting dalam tentangan terhadap pihak British. Ketidakpuasan hati terhadap sistem atau undang-undang baru disuarakan oleh beberapa orang ulama dan mereka juga yang mendesak rakyat jelata supaya jangan patuh kepada undang-undang kafir. Apa yang berlaku di Terengganu tidaklah menghairankan kerana sejak wujudnya kerajaan Terengganu pada awal kurun ke-18 lagi, sistem politik Terengganu memperlihatkan pengaruh Islam yang jelas; sekurang-kurangnya para ulama memainkan peranan penting sebagai penasihat kepada raja, manakala para pemerintah Terengganu, terutamanya Sultan Zainal Abidin III pula mengambil berat tentang Agama Islam.

Mereka yang menentang British dihukum dengan berat. Di Perak, misalnya, Datuk Maharaja Lela dan Tok Sagor digantung; Sultan Abdullah dan Orang Kaya Menteri dibuang negeri (ke Pulau Seychelles). Datuk Bahaman dan Tok Gajah, dua orang pembesar Pahang, juga dibuang negeri oleh British ke negeri Siam. Beberapa orang pembesar yang rapat dengan Sultan Ahmad digugurkan kedudukan istimewa mereka. Di setengah-setengah negeri, jawatan-jawatan yang dipegang oleh pembesar-pembesar yang berpihak kepada British diberi pengiktirafan dan kedudukan rasmi oleh pentadbiran British. Di tiap-tiap negeri di mana kebangkitan berlaku, pentadbiran British hanya dapat dijalankan dengan lancarnya selepas kebangkitan dapat dipatahkan dan pembesar-pembesar yang sanggup bekerjasama dengan pihak British dilantik untuk memegang jawatan-jawatan yang tertentu.

Selanjutnya pihak British cuba memilih anak-anak golongan bangsawan untuk dilatih supaya mereka dapat berkhidmat dengan kerajaan, tetapi dasar untuk menjadikan mereka sebagai pegawai pentadbir hanya mula dilaksanakan menjelang Perang Dunia Pertama dan selepas wujudnya Maktab Melayu Kuala Kangsar yang digunakan sebagai pusat latihan pegawai pentadbir Melayu.

Adalah munasabah kalau dikatakan bahawa segala gerakan yang berlaku itu bukanlah memberontak atau menderhaka, tetapi lebih merupakan satu tentangan terhadap British. Dikatakan demikian kerana adalah aneh kalau digunakan istilah 'pemberontakan' terhadap gerakan orang Melayu yang menentang British. Begitu juga dengan 'penderhakaan' kerana kedua-dua konsep itu bererti menentang sultan. Sumber-sumber yang ada tidak sebenarnya membuktikan bahawa kebangkitan-kebangkitan itu adalah menentang sultan.

# *Perkembangan Pendidikan Di Negeri Johor 1856—1939: Satu Kajian Ringkas*

*M.A. Fawzi Basri\**

Faktor-faktor penting yang telah memberi sumbangan kepada pemodenan dan kemajuan Johor ialah keadaan politik yang stabil, kemampuan ekonomi, kepimpinan yang berkesan, serta kedudukan geografi negeri itu sendiri. Tidak kurang pentingnya ialah wujudnya sistem pelajaran yang kemaskini.

## **Pelajaran: Tahap Awal**

Sejarah pendidikan di negeri Johor bermula sejak dari Teluk Belanga, Singapura. Teluk Belanga adalah pusat pemerintahan negeri Johor,<sup>1</sup> dan di sitalah persekolahan Melayu mula diasaskan. Pada zaman awalnya, perkembangan dalam bidang pelajaran di Johor adalah berkait rapat dengan perkembangan pelajaran di Singapura. Sehubungan dengan ini Rev. Keasberry adalah di antara sahabat Temenggung Johor yang telah membantu kemanjauan dalam bidang ini.

Johor telah mendahului negeri-negeri Melayu lain dalam mengajar pengetahuan dunia untuk anak negerinya. J.T. Thomson yang menyaksikan keadaan di Perak, Selangor, Pahang dan Kedah pada tahun 1860-an telah merumuskan sikap pemerintahan negeri-negeri tersebut dengan mengatakan bahawa anggota-anggota kerabat diraja tidak cuba mendidik anak-anak mereka. Sebaliknya anak-anak mereka dibiarkan hidup dengan sesuka hati.<sup>2</sup>

Tetapi pada tahun 1850-an, Kerajaan Johor telah pun mempunyai kesedaran tentang kepentingan pelajaran. Temenggung Ibrahim pernah diminta oleh Kerajaan Negeri-negeri Selat untuk menghantar puteranya, Abu Bakar, belajar di England, tetapi ditolak atas alasan ketika itu di Singapura telah wujud sekolah Inggeris untuk anak Melayu, anjuran *London Missionary*

\* Penulis adalah seorang kelulusan Sarjana Sastera Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, dan berkhidmat sebagai Pensyarah di Universiti Utara Malaysia.

1 Latar belakang sejarah pertumbuhan dinasti Temenggung di Johor dapat dilukut dari tesis Sarjana penulis yang berjudul 'Johor 1819—1917: Perkembangan Dalam Pentadbirannya' (Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1982).

2 J.T. Thomson, *Sequel to Some Glimpses into Life in the Far East*, London, 1865, hlm. 25. Beliau juga menyebut tentang anak-anak raja apabila besar sahaja dicarikan seorang gadis sebagai kawan sepermainannya, manakala sudah belia remaja dicarikan pula 'gundik'nya. Kebiasaan anak-anak raja itu diberikan keris dan wang; mereka turut serta dalam perjudian dan laga ayam, juga menghisap cандu. Pada pandangan Thomson "... the older he [anak Raja] grows the more given to debauchery".

*Society*, iaitu sekolah yang dikendalikan oleh Paderi (Rev.) Keasberry.<sup>3</sup> Sekolah mubaligh itu, pada mulanya, dijalankan secara swasta tetapi kemudiannya dijadikan sekolah bantuan kerajaan. Bagi rakyat Temenggung Johor, sekolah tersebut dikenali sebagai "Sekolah Tuan Keasberry"<sup>4</sup> Bukit Zion, Jalan River Valley. Di sekolah inilah terdidiknya Ungku Abu Bakar dan Ungku Abdul Rahman, putera Temenggung Ibrahim. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa dari Sekolah Keasberry juga muncul serangkaian pegawai kanan bagi negeri Johor yang baru.

C.D. Chelliah telah memberikan suatu gambaran mengenai sistem pendidikan di sekolah Keasberry. Menurut beliau, ibubapa yang menghantar anak-anak ke sekolah tersebut dikehendaki membuat perjanjian membenarkan anak-anak mereka tinggal setahun dua di sekolah itu. Kanak-kanak tersebut diberi kebenaran melawat ibubapa mereka sebulan sekali. Murid-murid di sekolah itu tidak dipaksa memeluk agama Kristian tetapi mereka dikehendaki membaca kitab Injil setiap hari dan menghadiri kelas agama (Kristian) pada hari Ahad. Mereka diajar bahasa Inggeris tetapi hanya setelah mereka mahir dalam bahasa ibunda. Keasberry menggunakan bakat dan tenaga murid-muridnya untuk mencetak buku. Itu bukan hanya suatu cara untuk memajukan kemahiran praktik murid-murid tetapi mereka juga diberi sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi.<sup>5</sup>

Suatu gambaran tambahan tentang sekolah tersebut dapat diperolehi dari catatan Mohd. Salleh Perang, iaitu bekas murid sekolah tersebut:

Maka tatkala datang umur saya kepada dua belas tahun [1852] laulah dimasukkan saya ke dalam sekolah Tuan Keasberry di Bukit Zion Singapura. Telah ajar surat-surat Melayu dan Inggeris ada lebih dua tahun dengan kurnia Tuhan mengertilah di dalam surat Melayu dan segala kira-kira dan sebagainya, tetapi surat Inggeris itu juga belum sempurna faham bagi saya kerana masa saya belajar Melayu itu cuma setiap-tiap hari dua jam sahaja Inggeris.<sup>6</sup>

Bagaimanapun sebelum masuk belajar di Sekolah Keasberry, kanak-kanak Melayu waktu berusia sepuluh tahun telah pun mempelajari hal-hal Agama Islam di sekolah Quran<sup>7</sup> yang dijalankan oleh guru Quran biasanya dari

<sup>3</sup> Rev. Keasberry pernah berkhidmat di Betawi dalam London Missionary Society yang diketuai oleh Dr. Medhurst; di sanalah Keasberry mendapat pengetahuan tentang percetakan dan menjilid buku. Pada tahun 1834, beliau melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di Amerika dan pulang ke Singapura di bawah tajaan American Board of Commissioner of Foreign Mission. Lima tahun kemudian (1839), beliau menjadi ahli London Missionary Society di Singapura. Pada tahun 1847, beliau bebas dari Missionary tersebut dan bergerak sendirian sehingga mati di Singapura pada tahun 1875. Maklumat lanjut dapat diikuti dari C.B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*, vol. II, Kuala Lumpur, 1969 hlm. 320—322, C.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of the Straits Settlements: 1820—1925 (cireca)*, Kuala Lumpur, 1960, hlm. 93.

<sup>4</sup> Muhammad Haji Alias, *Tarikh Daruk Bentara Luar*, Johor Bahru, 1928, hlm. 63.

<sup>5</sup> Chelliah, op.cit., hlm. 93. Pada 2 Julai 1847, Keasberry meminta tajaan dari *School Committee of the Singapore Mission* bagi sekolahnya. Perbelanjaan bagi Sekolah Keasberry ialah sebanyak \$250 setahun dan beberapa murid membayar \$2 sebulan. Percetakannya yang dikenali sebagai "Mission Press" pernah menerbitkan beberapa buah bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Percetakannya tersebut akhirnya dijual kepada firma Fraser and Neave Limited.

<sup>6</sup> Mohamad Haji Alias, op.cit., hlm. 63.

<sup>7</sup> Ibid, hlm. 62—63.

golongan 'Haji'.<sup>8</sup> Ini adalah satu jenis pendidikan tradisi yang wujud dalam Kerajaan Johor Moden sehingga masa kini. Institusi persekolahan tradisi ini merupakan sistem pendidikan yang unggul sebelum tahun 1850-an bagi pengikut-pengikut Temenggung Johor.

Pada tahun 1855, Kerajaan Negeri-negeri Selat telah merancang untuk menjadikan sekolah Keasberry itu sebagai sekolah untuk anak-anak golongan pembesar. Mengikut perancangannya asrama terasing untuk anak-anak raja dan anak orang berpangkat juga akan didirikan. Tetapi rancangan tersebut telah gagal kerana kurang sambutan dari anak-anak raja.<sup>9</sup> Oleh itu Sekolah Keasberry terus berjalan seperti biasa sehingga ke tahun 1875 apabila Keasberry meninggal dunia.

Tidak terdapat usaha yang giat bagi mengadakan sekolah Melayu di Singapura disebabkan kekurangan wang dan juga sikap Kerajaan Negeri-negeri Selat terhadap pendidikan anak Melayu di sana; tetapi, menurut satu sumber;

... dalam tahun Masihi 1855 Y.M.M. Temenggung telah menghadiahkan wang sebanyak \$1,500 supaya dapat dipergunakan untuk membina sekolah, khasnya untuk anak Melayu. Gabenor Blundell sedar akan kelalaian kerajaan British, dan dengan membelakangkan pusat pemerintahan yang bertempat di India, ia telah membuat peruntukan wang sebanyak \$1,500 untuk menambah hadiah yang diberi oleh Temenggung.<sup>10</sup>

Pada tahun 1856, hasil dari kesedaran dan peruntukan wang itu terbinalah dua buah sekolah Melayu, sebuah di Teluk Belanga dan sebuah di Kampung Gelam.<sup>11</sup> Memandangkan usaha dan kesedaran Temenggung mendidik pengikut-pengikutnya melalui pelajaran formal itu, dapatlah dianggap Temenggung Ibrahim sebagai pelopor dan penggalak pelajaran untuk anak Melayu Johor khususnya. Temenggung Johor itu telah menggalakkan kerabatnya dan anak-anak pengikutnya belajar di Sekolah Melayu Teluk Belanga. Sehingga ke tahun 1889, iaitu tarikh akhir perpindahan kerabat diraja itu ke Johor Bahru, kemajuan Sekolah Melayu Teluk Belanga adalah mencerminkan perkembangan pendidikan anak negeri Johor itu sendiri.

Usaha-usaha Temenggung Ibrahim itu telah diteruskan dengan cara yang lebih pesat oleh puteranya, iaitu Ungku Abu Bakar, apabila beliau menjadi Temenggung Johor pada 1862.<sup>12</sup> Abu Bakar mempunyai falsafah mema-

8 Chelliah, op. cit., hlm. 134.

9 Ibid., hlm. 94.

10 Badan Pekerja GPMS, "Memorandum Kepada Majlis Pelajaran Melayu", *Pelajar* (Majalah Rasmi Gabungan Penuntut-penuntut Melayu Semenanjung), Jilid 1, Bil. 1, Mac 1957, hlm. 41 dan juga lihat Chelliah, op. cit., hlm. 59. Pada tahun 1876 taraf Sekolah Teluk Belanga telah dinaikkan menjadi Pusat Latihan Guru Sekolah Melayu. Berdasarkan Straits Calendar Directory (SCD) 1873, Guru Sekolah Teluk Belanga ialah Mohamad Ibrahim Munsyi, manakala di Sekolah Keasberry gurunya ialah Rev. R.O. Keasberry dan Matthias. Sekolah Keasberry mendapat bantuan tahunan sebanyak \$1,000, manakala Teluk Belanga \$500 setahun. Lihat Maharaja's Letter Book (MLB), Temenggung kepada Gabenor 24 Ogos, 1855.

11 Chelliah, op. cit., hlm. 59.

12 Mengenai Temenggung Abu Bakar, lihat Zakaria Mohd. Ali, 'The Reign of Abu Bakar of Johor, 1862-1895' (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura, 1954).

jukan pentadbiran negeri melalui penempatan Pegawai Tadbir Johor yang mempunyai pendidikan sekular dan Agama Islam. Oleh itu mulai tahun 1862 Temenggung Abu Bakar telah menggantikan pegawai-pegawai lama dengan pegawai-pegawai baru yang terdidik di Singapura dan mempunyai tradisi pendidikan yang sama dengannya, iaitu lulusan dari Sekolah Keasberry.<sup>13</sup> Dalam usaha mengadakan kemudahan asas di pusat pentadbirannya di Johor Bahru, Kerajaan Johor telah membina sebuah sekolah Inggeris di situ pada tahun 1864.<sup>14</sup> H.C. Yzelman, seorang Paderi Kristian, telah dilantik sebagai guru sekolah tersebut. Pertambahan bilangan murid-murid menyebabkan jumlah guru juga ditambah; berikutnya dari itu juga, Yzelman telah dinaikkan pangkat sebagai guru besar pada tahun 1873.<sup>15</sup>

Kemajuan pesat dalam pelajaran anak-anak negeri Johor dapat dilihat dari tahun 1880-an; mulai masa itu terdapat dari semasa ke semasa penghijrah 'orang-orang Teluk Belanga' (iaitu pengikut Temenggung Johor) ke Johor Bahru. Sebagai rakyat Kerajaan Johor, penghijrah-penghijrah tersebut telah diberi tanah percuma di sepanjang Jalan Skudai.<sup>16</sup> Pertambahan penduduk juga memberi kesan pada aspek pelajaran; pertambahan jumlah sekolah dapat diukur dari titik ini. Namun begitu bukanlah keterlaluan jika dikatakan bahawa sejarah pendidikan di negeri Johor adalah sambungan dari kemajuan awalnya di Teluk Belanga.

Sistem pendidikan bumiputera negeri Johor dapat dibahagikan kepada tiga bahagian: iaitu sekolah Quran dan agama, sekolah Melayu dan sekolah Inggeris. Ketiga-tiga institusi yang berbeza ini adalah berkait rapat di antara satu sama lain dalam mendidik bakal pegawai Perkhidmatan Awam negeri Johor dan juga inteligensi Melayu negeri itu pada abad ke-19 dan ke-20. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan pengalaman Major Datuk Haji Mohd. Said Sulaiman<sup>17</sup> dalam bidang pendidikan; beliau

...[lahir di Teluk Belanga Singapura pada 7 Oktober 1876]... Di masa berumur lima tahun [beliau] mula belajar di Sekolah Melayu Teluk Belanga kemudian mengaji Quran dengan Encik Mohd. Salleh Bendahari ketika meningkat usia delapan tahun, [beliau] telah menamatkan pelajarannya di sekolah Melayu hingga ke Darjah Empat ... [kemudian] keluarganya menghantar pula [beliau] belajar di Sekolah Inggeris Raffles.<sup>18</sup>

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa pegawai-pegawai Johor, pada

13 C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826—67*, London, 1972, hlm. 288.

14 *Straits Alamanac Directory (SAD)*, 1864, hlm. 21.

15 SCD, 1873, hlm. 12.

16 Lihat siri surat arahan Datuk Menteri kepada Pegawai-pegawai Kanan negeri Johor meminta mereka menyerah semula beberapa bidang tanah kepada Kerajaan Johor untuk diberi kepada penghijrah dari Teluk Belanga. Antara tanah yang terlibat ialah kepunyaan Datuk Sri Amar Diraja, Datuk Yahya Chief Engineer, SPMJ, tahun 1882. Sultan Abu Bakar dan kerabatnya menetap di Johor Bahru hanya mulai bulan September 1889. Lihat Hasrom Haron, 'Sejarah Johor Pengasasan dan Pengukuhannya, 1855—1885', (*Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, 1972), hlm. 15.

17 Setelah tamat belajar di sekolah Inggeris Singapura, beliau menjadi Kerani di Pejabat Pelajaran Negeri, kemudian menjadi Penolong Ketua Pegawai Pos Negeri, pegawai di Perbendaharaan, Pegawai Turus Angkatan Tentera Johor dan Setiausaha Sulit kepada DYMM Sultan Johor. Beliau juga giat dalam bidang persuratan. Untuk butiran lanjut mengenainya lihat M.A. Fawzi Mohd Basri, 'Major Datuk Haji Mohd Said bin Haji Sulaiman: Peranan dalam Sejarah Persuratan dan Kesusasteraan Melayu Moden', *HUMANISMA*, (Kuala Lumpur: Jurnal Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972/73), hlm. 40—46.

18 Ibid., hlm. 40.

umumnya, mengalami dan mempunyai latar belakang pendidikan keagamaan, Melayu dan Inggeris.

### Sekolah Quran

Apabila berlaku pembukaan kampung, institusi mengajni Quran merupakan pendidikan asas bagi anak-anak Johor. Sistem dan institusi sekolah Quran di Johor adalah satu penerusan dari keadaan yang ada di Teluk Belanga. Kebiasaannya, kanak-kanak yang berusia antara lapan hingga sepuluh tahun diserahkan kepada seorang pengajar yang lebih dikenali sebagai guru Quran.<sup>19</sup> Mohd. Salleh Perang yang pernah menghadiri kelas tersebut memberikan gambaran institusi dan sistem persekolahan tersebut:

Tiap-tiap pukul enam pagi dahulu daripada mengangkat air memenuhkan tempayannya hingga sampai pukul tujuh bahlurah mengaji kira-kira nukul sepuluh berhenti dan balik makan ke rumah. Maka setelah habis makan datang pula ke rumah guru disuruh berjaya kuih-kuih sehingga pukul satu balik mengaji pula sampai empat petang berhenti . . . dan bila hari Jumaat tiada mengaji . . . belum cukup dua tahun telah tamatlah saya dan fahamlah saya atas kadar daripada jalan hukum Agama Islam.<sup>20</sup>

Institusi dan sistem tersebut kemudiannya turut berkembang di tanah besar Johor. Mulai dengan pertumbuhan sekolah-sekolah Melayu di negeri Johor pada tahun 1880-an, sedikit sebanyak telah mengubah corak pendidikan institusi tradisional 'Sekolah Quran' itu. Kerajaan Johor mula menyelaraskan institusi tersebut dan sehingga ke tahun 1913 institusi tersebut menjadi satu institusi yang formal dikenali sebagai "Sekolah Quran dan Kitan"<sup>21</sup> kemudiannya menjadi "Sekolah Agama Kerajaan". Sehingga 1 Mac 1928 Sekolah Agama Kerajaan diletakkan di bawah kelolaan dan pentadbiran Jabatan Pela-jaran Johor.<sup>22</sup>

Pada awal abad ke-20 Sekolah-sekolah Agama Kerajaan diadakan pada sebelah petang, bertempat di bangunan sekolah-sekolah Melayu tempatan, setengahnya diadakan di masjid-masjid. Pada tahun 1901, di Johor Bahru telah pun ada Sekolah Agama Kerajaan yang khusus di bangunannya yang tersendiri dan mempunyai dua orang guru.<sup>23</sup> Sekolah-sekolah agama terus berkembang pesat walaupun ia menumpang di bangunan-bangunan sekolah Melayu. Pada tahun 1906, di Muar sahaja terdapat lapan buah sekolah agama.<sup>24</sup>

### Sekolah Melayu

Sekolah Melayu bagi anak-anak telah pun bermula sejak di Teluk Belanga, Singapura lagi. Sekolah Melayu Teluk Belanga telah menunjukkan kemajuannya dan menjadi sekolah vernakular yang terbaik di dalam

19. Mohamad Haji Alias, op cit., hlm. 62.

20. Ibid., hlm. 62–63.

21. Lihat List Perkara, 16 Julai 1913; di Muar terdapat 100 orang murid di sekolah agama dan seorang guru. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan bagi menambah seorang guru lagi.

22. *Annual Report of the Superintendent of Education of Johore for the Year 1939*.

23. *Singapore and Straits Directory (SSD)*, 1901, hlm. 324.

24. SSD, 1906, hlm. 363: Antara lain ialah di Bandar Maharani, Jalan Bakri, Parit Saksi, Parit Raja, Parit Bakar, Parit Jawa, Tangkak dan Kesang. Di kawasan lain pula terdapat sekolah agama di Tanjung Sorat.

Negeri-negeri Selat pada akhir kurun ke-19.<sup>25</sup> Sekolah yang dipenuhi oleh murid-murid lelaki ini mempunyai dua orang guru. Pada tahun 1876, guru sekolah tersebut ialah Encik Mohd. Khalid bin Abdullah Munsyi dan Encik Mohammad Nor.<sup>26</sup>

Sejak di Teluk Belanga lagi, Kerajaan Johor memang memberi perhatian pada bidang pelajaran ini. Percubaan pernah dibuat bagi membolehkan kanak-kanak perempuan belajar di sekolah; oleh itu pada tahun 1884, Sekolah Perempuan Teluk Belanga telah dibuka.<sup>27</sup> Bagaimanapun sekolah tersebut menghadapi masalah kemerosotan kedatangan murid-murid,<sup>28</sup> walaupun kebanyakan murid-murid itu terdiri daripada kerabat Marahaja Johor. Ini adalah disebabkan adat resam Melayu ketika itu melarang gadis yang sudah remaja keluar dengan bebas, lebih-lebih lagi kerana tidak ada bangunan yang tetap bagi sekolah perempuan itu.<sup>29</sup> Sebab lain termasuklah keadaan pada ketika itu; ramai penduduk Teluk Belanga telah berhijrah ke tanah besar Johor. Marahaja Abu Bakar bagaimanapun telah memperkenankan bilik saudaranya, Ungku Besar, digunakan sebagai bilik darjah untuk murid-murid perempuan. Menurut Maharaja Johor, beliau mengambil langkah tersebut buat sementara sahaja, iaitu sehingga ke suatu masa apabila masyarakat Melayu menyedari kepentingan memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka serta terpengaruh untuk menyekolahkan mereka secara tersendiri tanpa galakan dari keluarga diraja.

Bagaimanapun sekolah tersebut berjaya dibuka semula pada tahun 1888, tetapi penghijrahan gurunya Tengku Andak, bersama 20 keluarga setahun kemudian ke Johor Bahru, menyebabkan sekolah itu menemui kelumpuhan.<sup>30</sup> Selepas itu (lebih kurang pada tahun 1890) sebuah sekolah Melayu perempuan telah ditubuhkan di bawah kelolaan seorang kerabat diraja, iaitu Tengku Kechik, bertempat di Johor Bahru.<sup>31</sup> Di jajahan Johor yang lain pula, sekolah Melayu untuk kanak-kanak perempuan kelihatan mula wujud hanya pada awal abad ke-20.<sup>32</sup>

Sementara itu sekolah Melayu untuk kanak-kanak lelaki yang terawal di tanah besar Johor dimulakan di Johor Bahru pada tahun 1883<sup>33</sup> diikuti pula dengan sekolah Melayu di Pengerang, Padang dan Tanjung Surat.<sup>34</sup> Tiap-tiap sekolah itu mempunyai seorang guru, kecuali Sekolah Melayu Johor

25 *Straits Settlements Annual Departmental Report, 1874*, hlm. 42.

26 *Straits Settlements Blue Books, 1876*, lihat butiran lanjut di halaman mengenai "Education".

27 D.D. Chelliah, op. cit., hlm. 76.

28 Ibid.

29 State Secretary Letter Books (SSLB), Sultan Johor kepada Gabenor Smith, 29 Oktober, 1887.

30 SSLB, Sultan Johor kepada Gabenor Smith, 15 Disember, 1887. Di tanah besar Johor sekolah Melayu untuk kanak-kanak perempuan Muar bermula pada tahun 1912 di Bandar Maharani, Muar, dan mulai 1 September 1914 di Johor Bahru, masing-masing mempunyai murid-murid seramai 70 orang dan 137 orang. Lihat SSLK 2710/1915, "Report Tahunan Bagi Tahun 1914 (Jawi)" Lampiran dari surat SU Pelajaran kepada Setiausaha Kerajaan (SUK), 23 Mac 1915.

31 Chelliah, op. cit., hlm. 76.

32 SSD, 1890, hlm. 298.

33 SSD, 1906—1917. Lihat pada bahagian "Education, Johore" SSD, 1914, ada menunjukkan kehadiran sekolah Melayu perempuan di Muar (hlm. 554) dan Batu Pahat dirancangkan penubuhan sekolah Melayu perempuan pada tahun 1915. Lihat Assistant Adviser (AA), 64/1915, 9 Jun, 1915.

34 SSD, 1885, hlm. 125. Tambahan guru seramai dua orang ialah pada tahun 1885.

35 SSD, 1885, hlm. 170 dan SSD, 1883, 125.

Bahru yang mempunyai tiga orang guru dengan Mohd. Khalid Abdullah Munsyi<sup>36</sup> sebagai guru besarnya. Pada tahun 1886, Encik Ambob [Mahbob?] telah diarahkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri bertugas di Muar sebagai guru di Sekolah Melayu Bandar Maharani yang dibuka pada tahun yang sama. Hingga ke tahun 1906, terdapat enam buah sekolah Melayu di kawasan Johor Timur, manakala 19 buah sekolah Melayu telah didirikan di Johor Barat. Dari jumlah sekolah di Johor Barat, Muar mempunyai lebih separuh daripadanya dan terdapat hanya dua buah sekolah Melayu di Johor Bahru.<sup>37</sup> Bukanlah keterlaluan jika dikatakan Muar mendahului jajahan-jajahan lain di negeri Johor dari segi kemajuan dalam bidang pelajaran ini.

### Sekolah Inggeris Kerajaan

Di Singapura sehingga tahun 1870-an, terdapat beberapa buah sekolah Inggeris yang menjadi tumpuan pengikut-pengikut Temenggung Johor iaitu "Sekolah Mubaligh Keasberry"<sup>38</sup> di Bukit Zion, sekolah Inggeris Kampung Baru dan juga *Raffles Institution*. Temenggung Johor telah menggalakkan rakyatnya merebut peluang belajar di sekolah-sekolah Inggeris dengan memberikan bantuan sedaya yang mungkin. Misalnya, pada tahun 1874 terdapat sepuluh orang murid dari Sekolah Teluk Belanga belajar di *Raffles Institution*, Singapura. Itu berlaku kerana pengaruh Maharaja Johor yang dengan suka hati menerima cadangan Kerajaan Negeri-negeri Selat supaya kanak-kanak dari sekolah rendah diberi biasiswa melanjutkan pelajaran di *Raffles Institution*. Maharaja Johor telah juga menyediakan pengangkutan menghantar murid-murid ke sekolah itu dan membawa mereka balik.<sup>39</sup>

Pembukaan Tanjung Puteri sebagai tapak bandar dan ibu negeri pada tahun 1855<sup>40</sup> telah mengilhamkan Temenggung Ibrahim menubuhkan sekolah Inggeris untuk rakyatnya di situ. Bagaimanapun cita-cita itu hanya terlaksana apabila Temenggung Abu Bakar memerintah. Pada tahun 1864, terdirilah sebuah sekolah Inggeris di situ dikenali dengan nama "Tanjung Puteri School"<sup>41</sup> dan Kerajaan Johor telah mengambil paderi H.G. Yzelman

36 Mohd. Khalid ialah anak kepada Abdullah Abdul Kadir Munsyi. Mohd. Khalid bersama abangnya Mohd. Ibrahim Munsyi (kemudian bergelar Datuk Bentara Dalam) telah menceburkan diri dalam perkhidmatan awam negeri Johor. Mohd. Khalid pernah menjawat jawatan Penguasa Jabatan Cetak Kerajaan Johor, Nazir Sekolah-sekolah Melayu Johor, Setiausaha Jabatan Pelajaran dan akhir sekali dalam tahun 1906 sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Johor.

37 Lihat SSD, 1906, hlm. 361—363. Sekolah tersebut dikenali dengan Sekolah Melayu Tambahan dan Sekolah Melayu Johor Bahru. Bagaimanapun jumlah sekolah dan bilangan murid telah bertambah dengan banyak pada tahun 1914; di Johor Bahru 25 buah sekolah (1,486 murid), Muar 28 buah (1,746 murid) dan Batu Pahat 10 buah (859 murid). Seramai 107 orang guru telah disediakan. [Lihat SUK 274/1915 "Report Tahunan Bagi Tahun 1914" (Jawi), iaitu lampiran surat Setiausaha pelajaran kepada SUK, 23 Mac 1915]. Sekolah Melayu untuk kanak-kanak perempuan di Batu Pahat telah dipersempujui untuk pada tahun 1915 dan sebanyak \$720/- telah diperuntukan untuk memulakan sekolah itu serta dua orang guru perempuan Sahidar Aminah Ahmad dan Syarifah Hamidah Abdullah al-Attas telah dilantik sebagai gurunya. (Lihat SUK 441/15, pemangku Pemeriksa Sekolah Melayu kepada SUK, 9 Jun, 1915).

38 Sekolah ini dikenali juga dalam bahasa Inggerisnya sebagai "School for Promoting English and Malay Education Amongst Malay Boys and Girls". Sekolah ini menjadi sekolah bantuan Kerajaan mulai tahun 1856, (lihat SAD, 1864, hlm. 21).

39 Straits Settlement Annual Department Report (SSADR), 1874, hlm. 41 dan lihat juga Fawzi, "Haji Mohd. Said", *Humanisme*, hlm. 40—41.

40 Untuk sejarah ringkas mengenai pembukaan Tanjung Puteri, sila lihat Musa Yusof, *Johor Bahru Seratus Tahun* (Johor Bahru 1955).

41 SAD, 1868, hlm. 24.

dari Sekolah Kampung Gelam Singapura menjadi gurunya.<sup>42</sup> Pada tahun 1875, Sekolah Inggeris Tanjung Puteri itu ditukarkan namanya menjadi "Johore Free School".<sup>43</sup> Selepas itu perkembangan sekolah Inggeris hanya kelihatan pada awal abad ke-20 apabila (pada tahun 1913) ditubuhkan pula dua buah sekolah Inggeris di Johor Bahru iaitu *English College* dan Sekolah Inggeris Bukit Zahrah.<sup>44</sup>

Perluasan dan perkembangan sekolah-sekolah Inggeris di peringkat jajahan atau daerah negeri Johor seterusnya bermula di Muar. Dalam tahun 1902, atas permintaan penduduk Muar, sementara menunggu bangunannya siap, murid-murid Sekolah Inggeris Muar ditumpangkan di bangunan Sekolah Melayu Muar.<sup>45</sup> Pada tahun 1913, usaha-usaha dan rancangan telah diatur untuk mengadakan sekolah Inggeris di Batu Pahat dan Segamat. Sekolah-sekolah ini telah berjalan dengan baik pada tahun 1917.<sup>46</sup> Bagi menentukan kemajuan sekolah Inggeris dari segi penyelarasian pentadbiran dan pelajaran Inggeris khususnya, maka Kerajaan Johor telah melantik G.H. Robert sebagai Pemeriksa Sekolah-sekolah Inggeris Johor mulai tahun 1913.<sup>47</sup>

Sambutan dan minat yang ditunjukkan oleh rakyat Johor terhadap sekolah-sekolah ini adalah memuaskan. Menurut Guru Besar Sekolah Inggeris Johor Bahru, "Kanak-kanak sekolah Inggeris makin bertambah baik dan pelajaran terlebih berat, dua tahun lalu cuma ada empat standard

42 SAD, 1870, hlm. 8.

43 SCD, 1875, hlm. 12. pada 1882 sekolah tersebut dikenali pula sebagai "Johor School" [SSD, 1882, hlm. 127]; tiga tahun kemudian H.G. Yzelman dilantik sebagai guru besar di sekolah tersebut, kemudian disebut semula Sekolah Inggeris Johor Bharu. Pada tahun 1894, W.W. Gawler guru besar sekolah itu, telah dilantik menjadi Pengguna Sekolah Inggeris negeri Johor. Pada tahun 1906 J.G. Hobday ditugaskan memangku jawatan guru besar apabila W.W. Gawler dilantik menjadi Nazir Sekolah-sekolah negeri Johor.

44 SSD, 1914, hlm. 543 dan SSD, 1915, hlm. 469. Menurut Laporan Jabatan Pelajaran Inggeris Tahun 1915 dinyatakan bahawa di English College murid-muridnya masuk ke tahun kedua dan dihadiri oleh 23 orang murid lelaki. Empat murid Kolej itu menamatkan pelajaran dengan bekerja dalam sektor kerajaan iaitu sebagai Kerani. Lapar orang lagi melanjutkan pelajaran ke Darjah VII di Singapura dan dalam peperiksaan Standard Certificate Examination empat orang telah lulus. English College dibuka dengan menerapkan Bangunan Standard Pelajar Kerajaan di Batu Dua Jalan Sekudai sebagai sekolah Berasrama Penuh (Lihat Perkara 6 Nov. 1912). Pada 13 Ogos 1913 English College telah siap diatur, hanya menunggu guru-gurunya sahaja yang didatangkan khas dari England serta diberi gaji yang memuaskan. Guru Besaranya disyorkan menjadi Pemeriksaan Sekolah-sekolah Inggeris negeri Johor dan dibayar gaji \$750 setahun. (Lihat Perkara, 13 Ogos, 1913). English College dibuka khas untuk mendidik belia-belia bumiputra Johor yang bakal berkhidmat dengan Kerajaan Johor (Zainiab Adam, "Sultan Ibrahim of Johor 1873—1959" hlm. 18). Sementara itu Sekolah Inggeris Bukit Zahrah (dibuka kepada semua kaum) mempunyai murid-murid seramai 350 orang didapati tidak memuaskan dari segi bangunannya walaupun dari segi pengeluaran pelajar-pelajar yang tamat dari sekolah itu memuaskan (SS 270/1917).

45 Pada tahun 1911, W.G. Gray dilantik sebagai Guru Besar sekolah Inggeris itu dan dibantu oleh empat orang guru Melayu, (Lihat SSD, 1911, hlm. 451).

46 Pada tahun 1915 selain dari dua buah sekolah aliran Inggeris di Johor Bahru, sebuah di Muar (150 orang murid), terdapat juga Sekolah Rendah Inggeris di Batu Pahat dan Segamat. Lihat GA 202/1916, "Annual Report on the English Education Department for 1915". Sekolah Inggeris untuk kanak-kanak perempuan telah mula dibina pada tahun 1938, iaitu di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat (Lihat Annual Report of the Superintendent of Education Johore for the Year 1939).

47 Pekelingking Setiausaha Kerajaan Johor 2/13, 20 April 1913. Pada tahun 1914, H.H. Morrison pula memegang jawatan tersebut dan turut mengusahakan penubuhan English College; pada tahun 1915 Morrison juga menjadi Guru Besar English College Johor Bahru (Lihat SSD, 1915 hlm. 469).

sekarang [1910] ada enam standard.”<sup>48</sup> Usaha juga telah dibuat bagi meninggikan mutu pelajaran supaya setanding dengan sekolah-sekolah Inggeris di Singapura.<sup>49</sup>

Kerajaan Johor juga telah sedar akibat penekanan yang diberi terhadap sekolah Melayu, sekolah Quran atau Agama, menyebabkan murid-murid berada di dalam umur belasan tahun apabila mereka di darjah enam sekolah Inggeris. Bagi mengatasi masalah itu, Kerajaan Johor telah mengeluarkan biasiswa dan tajaan bagi anak-anak Johor melanjutkan pelajaran tinggi khususnya di *Raffles College* Singapura. Namun demikian “belumlah banyak anak buah Johor berpelajaran tinggi bagaimana sepatutnya.”<sup>50</sup> Juga Kerajaan Johor memberi sedikit sekali perhatian tentang pendidikan Inggeris untuk anak-anak perempuan, kerana, antara lain, kerajaan berpendapat bahawa: “... kanak-kanak perempuan bangsa Melayu atau lainnya ... tidak boleh dicampurkan dalam sekolah ini sebab belum masanya dikehendakkan perempuan belajar bahasa ini sebelum ia mengetahui bahasanya dan agamanya sendiri.”<sup>51</sup> Sungguhpun begitu, Kerajaan Johor akhirnya meluluskan satu rancangan pada tahun 1916, iaitu bagi mengadakan sekolah Inggeris untuk kanak-kanak perempuan di Johor Bahru.<sup>52</sup>

### Maktab Latihan Guru

Pada tahun 1876, Maharaja Johor telah berkenan memberikan sebahagian dari bangunan Istana Teluk Belanga sebagai sekolah Melayu peringkat tinggi, iaitu Darjah V dan VI.<sup>53</sup> Sekolah yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri-negeri Selat itu dikenali dengan nama *Malay College* terdiri daripada empat puluh orang murid dari Teluk Belanga dan Johor.<sup>54</sup> Maktab ini adalah lanjutan Sekolah Melayu Teluk Belanga yang dulunya setakat darjah empat sahaja. Pada bulan Mac 1878, sebuah Sekolah Latihan Guru telah ditempatkan di Maktab tersebut.<sup>55</sup> Pusat Latihan Guru tersebut cuba menampung pelajar-pelajar dari Negeri-negeri Selat, tetapi percubaan itu gagal kerana sukar mendapatkan pelajar dari Melaka dan Pulau Pinang.<sup>56</sup> Oleh itu bukanlah keterlaluan jika dikatakan bahawa Pusat Latihan Guru itu dipenuhi oleh pelajar dari Singapura dan Johor. Pusat Latihan Guru itu yang pada mulanya menunjukkan tanda kemajuan kemudian menempuh halangan, apabila pelajar maktab tersebut diserang oleh penyakit beri-beri,<sup>57</sup> dan terpaksa dipindahkan ke Teluk Air pada tahun 1884. Pada tahun 1886 satu laporan Jabatan Pelajaran Negeri-negeri Selat telah menyebutkan faktor lain juga menyebabkan kemerosotan maktab tersebut, iaitu antaranya kerana gaji guru yang rendah (\$11.08 sahaja sebulan). Tidak pula terdapat usaha giat bagi

48 List Perkara. 2 Feb. 1910.

49 Ibid.

50 Major Datuk Haji Mohd. Said Sulaiman, *Hikayat Johor II dan Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor dari Permulaan Hingga Kedatangan Jepun (1941)*. Jabatan Cetak Kerajaan, Johor Bahru, hlm. 86.

51 *Pernyata Pesuruhjaya Kerajaan Bagi Muar Tahun 1912* (Jawi) hlm. 26.

52 GA 202/1916, Lampirannya “Annual Report on the English Education Department”.

53 Chelliah, op. cit., hlm. 66.

54 Ibid.

55 Ibid., hlm. 135.

56 Ibid dan Straits Settlement Gazette, 27 Julai 1883.

57 Chelliah, op. cit., hlm. 136.

membalik keadaan tersebut sehingga maktab guru itu ditutup pada bulan Julai 1895.<sup>58</sup>

Akhirnya, mulai tahun 1906, kerajaan telah menubuhkan sebuah pusat latihan gurunya sendiri di Johor Bahru yang dikenali sebagai *Malay Training College*. Pada tahun 1911, Encik Ibrahim Mohamad telah dilantik memangku jawatan pengetua maktab tersebut.<sup>59</sup> Pada tahun 1915, maktab tersebut dihadiri sepuluh orang pelajar dari Muar, Batu Pahat dan Kukup.<sup>60</sup> Oleh sebab maktab tersebut hanya mampu melatih bakal guru yang terhad bilangannya dan tidak setimpal dengan kos membayarinya, pada tahun 1922 telah dicadangkan supaya maktab itu ditutup.<sup>61</sup> Tetapi kerana adanya bantahan dari orang ramai dan beberapa orang pegawai kerajaan, maktab yang dikenali juga sebagai *Johore Residential Malay Training College* itu tidak jadi ditutup sehingga pada tahun 1928. Bagaimanapun akibat kemerosotannya makin ketara, akhirnya pelajar maktab tersebut telah dipindahkan belajar ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.<sup>62</sup> Dengan itu berakhirlah sejarah Maktab Latihan Guru di Johor itu.

### Tradisi Belajar di Luar Negeri

Satu lagi bentuk pendidikan yang didapati oleh anak-anak Johor ialah belajar di luar negeri. Dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain pada zaman itu, nyatahal Johor telah mendahului negeri lain dalam membentuk tradisi menghantar pelajarnya ke luar negeri. Pada 3 Mac 1871, Kerajaan Johor telah menghantar Ungku Othman<sup>63</sup> dan Abdul Rahman Andak<sup>64</sup> belajar di England.<sup>65</sup> Pada 19 Jun 1878, kedua-dua mereka dipanggil pulang untuk berkhidmat dengan Kerajaan Johor. Kedua-dua mereka itu, terutamanya Abdul Rahman Andak, telah menggunakan peluang pendidikan dan pengalamannya selama di England dan di Eropah amnya dalam keupayaannya selaku elit birokrat yang terkemuka dalam bidang politik dan pentadbiran Johor.<sup>66</sup> Sehingga tahun 1902, sambutan dan peluang pendidikan Inggeris masih lagi terbatas kepada anak-anak dari golongan atasan atau yang rapat dengan istana. Pada tahun 1904, Kerajaan Johor telah menghantar seramai lapan orang anak Johor belajar di England.<sup>67</sup>

58 Ibid. Lihat SSD, 1906, hlm. 361. Pemangku Guru Besarnya, Wan Abu Bakar Long dan guru bahasa Arabnya Syed Abd. Kadir al-Attas.

59 SSD, 1911, hlm. 442.

60 SUK 274/1915. Lampiran Laporan dari Setiausaha Pelajaran Kepada Setiausaha Kerajaan, 23 Mac, 1915.

61 SS 571/1923. Lihat "Penyata Sekolah Melayu, Quran Kitab bagi Johor, Muar dan Batu Pahat, tahun 1922".

62 The Annual Report of the Superintendent of Education Johore for the Year 1939, hlm. 2.

63 Beliau kemudian berkhidmat sebagai Ahli Mesyuarat negeri Johor (SSD 1906), juga seorang Pegawai Kanan Pejabat Urusetia Negeri dengan diberi tugas Pegawai Hal-Ehwal Orang Cina. Sebelum ini beliau pernah mengetuai Jabatan Tanam-tanaman Negeri bersama Datuk Bentara Luar.

64 Sekembali dari London bertugas di Pejabat Sultan Johor, kemudian sebagai Setiausaha dan Penterjemah Inggeris Kerajaan Johor, selanjutnya menjadi Menteri Hal-Ehwal Luar Johor dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga Penasihat Politik kepada Kerajaan Johor. Secebis mengenai beliau pernah diberi oleh penulis dalam "Datuk Sri Amar Diraja: Penghalang Cita-cita Inggeris Menakluk negeri Johor," *Malaysia in History*, vol. XV, No. 2 Disember 1972, hlm. 14–20.

65 C. B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore, 1819–1867, Vol. I, Singapore, 1902* Vol. I, hlm. 721.

66 Fawzi Basri, "Datuk Sri Amar Diraja." *Malaysia in History*, XV, 2, hlm. 14–20.

67 Lihat Onn Jaafar, *Selamat Johor, Johor Bahru, 1939*, hlm. 20. Daham majalah ini dinyatakan

Mendahului senarai itu ialah Tunku Mahkota Johor, Tengku Ismail, Tengku Abu Bakar (Tengku Arif Bendahara), Tengku Ahmad (Tengku Temenggung), Ungku Sulaiman Mohd. Khalid, Wan Idris Ibrahim,<sup>68</sup> Abu Bakar Yahya, Onn Jaafar<sup>69</sup> dan Ismail Mohamad Don.<sup>70</sup> Kesemua mereka, kecuali tiga putera Sultan itu, telah menceburkan diri sebagai pegawai dalam Kerajaan Johor kemudiannya.

### Kurikulum Sekolah

Menyentuh tentang kurikulum,<sup>71</sup> sekolah kerajaan Johor di peringkat awalnya mengikut kurikulum sekolah Negeri-negeri Selat. Sehingga ke tahun 1884 matapelajaran diajar dan diuji bagi sekolah rendah Inggeris dan sekolah Melayu dapat dijelaskan pada Jadual I dan II:<sup>72</sup>

Pada tahun 1888, matapelajaran Jahitan sudah tidak diadakan di sekolah-sekolah Melayu. Secara umum pada tahun 1884, tumpuan matapela-

**JADUAL I**  
**Matapelajaran untuk Peperiksaan**  
**Sekolah Rendah Inggeris Tahun 1884**

Darjah	Bacaan	Tulisan	Kira-kira	Nahu	Rencana Karangan	Ilmu Alam	Jahitan	Ex. Sub.
I	+	+	+					
II	+	+	+				+	
III	+	+	+				+	
IV	+	+	+	+			+	
V	+	+	+	+	+	+	+	
VI	+	+	+	+	+	+	+	
VII	+	+	+	+	+	+	+	
VIII	+	+	+	+	+	+	+	+

Nota: + = diajarkan

Sumber: *Straits Settlements Annual Departmental Record, 1884*.

juga pelajar lain pernah dihantar belajar di England iaitu Ungku Aziz Abd. Majid, Ungku Abd. Hamid Abd. Majid, Abd. Hamid Mustapha, Tahir Awang, Ismail Abdul Rahman, dan Salleh.

68 Beliau berjaya dalam bidang kerjaya kerana akhirnya memegang jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam negeri Johor iaitu sebagai Datuk Menteri Besar Johor tahun 1955—1957.

69 Pada mulanya berkhidmat sebagai Keran, kemudian mendapat pengalaman dalam jawatan-jawatan lain hingga dilantik menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat dan Menteri Besar Johor. Selepas itu Onn Jaafar aktif dalam penubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung, UMNO, Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan Parti Negara.

70 Beliau mengambil jurusan kejuruteraan dan pada tahun 1912 menjadi Penolong Jurutera Daerah Batu Pahat.

71 Kurikulum dalam konteks tahun 1855—1917 dapat dinyatakan demikian: "The early interpretation of the curriculum was, in terms of administrative practice, that of a document showing for each year of the school course, the graded standards of skill and knowledge in each subject which formed the basis of education in Primary School. Information was often accompanied by a time table showing the distribution of the various subjects and the time allotted to each subject per week or even per day". Lihat Koh Eng Kiat, "A critical evaluation of the curriculum for Elementary Schools In Malaysia", *Masalah Pendidikan*, (Proceeding of the Conference on Current Development and New Emphasis In School Curricula) Vol. 1, No. 1, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 40.

72 Dipadankan dari SSADR, 1884.

## JADUAL II

Matapelajaran untuk Peperiksaan  
Sekolah Melayu Tahun 1884

Darjah	Bacaan Jawi	Bacaan Rumi	Tulisan Jawi	Tulisan Rumi	Karang Rencana	kira-kira	Jahitan (Puan)	Ilmu Alam
I	+	+	+	+		+	+	
II	+	+	+	+	+	+	+	
III	+	+	+	+	+	+	+	
IV	+	+	+	+	+	+	+	+

Nota: + = diajarkan

Sumber: *Straits Settlements Annual Departmental Record, 1884.*

jaran Bacaan dan Tulisan adalah berasaskan buku-buku teks *Malay Glossary, Geographical Reader, Bunga Rampai* (Rumi) dan *Hikayat Abdullah*, Jilid I.<sup>73</sup> Darjah dua telah menggunakan *Hikayat Jahdin* pada tahun 1884 dan lain-lain bacaan ialah akhbar *Sekolah Melayu* dan *Jawi Peranakan*.<sup>74</sup> Mem-baca, menulis dan mengira adalah asas penggubalan kurikulum sedemikian; lagipun murid lepasan sekolah Melayu diajar supaya boleh menulis, mem-baca dan mengira. Kesemua itu adalah syarat penting untuk memasuki perkhidmatan perkeranian dan tentera Johor. Hanya sedikit sahaja yang meneruskan pengajian di sekolah Inggeris.

Menjelang tahun 1914, matapelajaran Ilmu Alam (Geografi) masih belum memuaskan atas sebab-sebab kekurangan buku dan peta dunia. Lain-lain matapelajaran "didapati baik".<sup>75</sup>

Sekolah Inggeris biasanya mempunyai Darjah I hingga ke Darjah VII. Namun begitu sehingga tahun 1911 pembelajaran murid-murid di sekolah Inggeris jauh lebih dari memuaskan:

Aturan mengajarnya bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris semata-mata tidak dengan Inggeris yang di Melayukan dengan aturan kepada fikiran saya lambat boleh memajukan kanak-kanak bangsa Melayu sebab kebanyakannya perkataan Inggeris yang disebut itu ia tiada tahu makna dalam bahasa Melayu. Maka jika dikehendakkan diajar terus dengan bahasa Inggeris boleh juga tetapi bagi kanak-kanak yang sudah ada di dalam darjah 4 hingga ke atas. Maka yang dari bawah hingga darjah 3 patut mereka itu tahu apa-apa makna perkataan Inggeris itu dalam bersetuju eloklah hal ini dijadikan suatu aturan kepada sekolah Inggeris yang ada di Johor itu.<sup>76</sup>

Kurikulum sekolah Melayu bertambah jelas dan tersusun mulai tahun 1914 di bawah 'Peraturan Pangkat Pelajaran Sekolah Melayu Kerajaan'. Di Jadual III—IIIC, dirakamkan sukatan pelajaran, matapelajaran dan tem-

<sup>73</sup> SSADR, 1884, him. 178.<sup>74</sup> SSADR, 1888, him. 216.<sup>75</sup> Report Pesuruhjaya Kerajaan Bagi Batu Pahat Tahun 1914.<sup>76</sup> Penyata Pesuruhjaya Kerajaan Bagi Muar Tahun 1911, him. 15.

### JADUAL III

**Bidang Pelajaran Sekolah Melayu Kerajaan Johor 1914  
(DN. 12/14 — 1.4.1914)**

Butiran Matapelajaran	Darjah Satu Butiran Pelajaran, masa mengajar dan Buku Teks
1. Bacaan 8.00—9.00 pagi	Membaca sepatah dua daripada perkataan yang senang. (1 jam) Buku Teks: <i>Kitab Nombor Satu</i> dan <i>Kitab Julung Pelajaran</i> .
2. Tulisan 9.00—10.00 pagi	Menulis perkataan tunggal-tunggal yang direncanakan di dalam kitab pelajarannya (1 jam).
3. Jalan Bahasa 10.00—10.30 pagi	Menyatakan bahagian tutor iaitu nama dan perbuatan: (1½ jam). Buku Teks: <i>Kitab Punca Jalan Bahasa</i> .
4. Kira-kira 10.00—11.30 pagi	Mencampur dan menolak nombor yang tiada lebih daripada empat sederet (ribu) mencongak sifir $6 \times 12$ . (1½ jam) Buku Teks: <i>Kitab Kira-kira Tuan Hawl</i> , hlm. 1.54
5. Ilmu Alam (Geography) 11.30—12.30 pagi	Menunjuk dan menyatakan mata angin yang besar dan menyatakan keadaan dunia bagi Bahagian Tanah dan Air — C (1 jam). Buku Teks: <i>Kitab Punca Geography</i> .
6. Karangan	—
7. 1.00—3.30 petang	Menjelujur, menilit ubi, mengelim membuka dan meng gulung benang-benang kapas: (2½ jam) (Untuk kanak perempuan di sebelah petang dari jam 1.00—3.30 petang)

Sumber: *Pemberitahu Kerajaan (Pejabat Pelajaran)*; Circular No. 12, 1914.

### JADUAL IIIA

<b>Butiran Matapelajaran</b>	<b>Darjah Dua</b>
1. Bacaan 8.30—9.30 pagi	Membuat sebarang kitab pelajaran dengan butir tempat perhentian dari mengerti apa-apa makna yang disoal serta maknanya daripada perkataan yang senang. (1 jam) Buku Teks: <i>Kitab Pohon Pelajaran dan Jalan Kependaan</i>
2. Tulisan 8.00—8.30 pagi	Menulis perkataan yang direncanakan dari dalam kitab pelajaran dengan tulisan tegak. (1½ jam)
3. Jalan Bahasa (Nahu) 11.00—11.30 pagi	Menyatakan bahagian tutur iaitu rupa dan ganti nama. (1½ jam) Buku Teks: <i>Kitab Punca Jalan Bahasa</i>
4. Kira-kira 9.30—10.30 pagi	Mendarab dan membahagi nombor yang tiada lebih daripada enam sederet (ratus ribu), serta mencongak sifir $12 \times 12$ (1 jam) Buku Teks: <i>Kitab Kira-kira Tuan Hawl</i> , hlm. 1—44—81.
5. Ilmu Alam 11.00—12.30 pagi 11.30—12.30 pagi	Menunjuk mata angin yang kecil serta mengetahui keadaan tanahair di dalam daerah Johor dan sedikit hal Tanah Melayu (1 jam)
6. Karangan 11.00—11.30 pagi	Mengarang yang ringkas satu-satu perenggan kata daripada satu-satu nama yang direncanakan (½ jam).
7. Jahitan 1.00—3.30 petang	Menjahit berbagai-bagai gaya dan membuat renda-renda daripada benang sutera, benang kapas dan kait-mengait 'scaf' daripada benang bulu.

Sumber: *Pemberitahu Kerajaan (Pejabat Pelajaran): Circular No. 12, 1914.*

### JADUAL IIIB

<b>Butiran Matapelajaran</b>	<b>Darjah Tiga</b>
1. Bacaan 9.30—10.30 pagi	Membaca kitab pelajaran dengan terang tertib dan mengerti apa-apa yang disoal maknanya. (1 jam) Buku Teks: <i>Hikayat Queen Victoria, Pelayaran Abdullah</i>
2. Tulisan 10.30—11.00 pagi	Menulis barang-barang yang direncanakan daripada kitab pelajarannya dengan tulisan cantik. ( $\frac{1}{2}$ jam)
3. Jalan Bahasa (Nahu) 10.00—10.30 pagi	Menyatakan penentu kata, penambah kata, seruan lain-lain pelajaran. Mempelajari Pimpinan Johor hingga hlm. 33. ( $\frac{1}{2}$ jam)
4. Kira-kira 8.30—9.30 pagi	Campur tolak, darab, bahagi, daripada wang, timbangan, sukatan, ukuran dalam sifir rencaman dan kira-kira soal atas yang tersebut. (1 jam) Buku Teks: <i>Kitab Ilmu Kira-kira Tuan Hawl</i> , hlm. 81—120.
5. Ilmu Alam (Geography) 11.30—12.30 pagi	Menyatakan keadaan dunia dan peredarnya bahagian darat, laut serta nama-namanya dan hal sekalian bandar dan negeri yang besar, menunjukkan. (1 jam) Buku Teks: <i>Geography Mohamad</i>
6. Karangan 8.00—8.30 pagi	Mengarang dengan ingatan sendiri suatu cerita yang pendek dan senang, dibaca dua kali ( $\frac{1}{2}$ jam).
7. Jahitan 1.00—3.30 petang	Menjahit berbagai kain, membuat kerawang, renda-renda, daripada benang sutera dan kapas tekad-menekad, kait-mengait daripada benang bulu, sutera dan manik dijadikan selipar dan kusyen. ( $2\frac{1}{2}$ jam).

Sumber: *Pemberitahuan Kerajaan (Pejabat Pelajaran): Circular No. 12, 1914.*

**JADUAL IIIC**

Butiran Matapelajaran	Darjah Empat
1. Bacaan 9.00—10.00 pagi	Membaca sebarang Kitab cap atau tulisan tangan dan terang dan lancar serta tertib dan mengerti apa yang disoal (1 jam). Buku Teks: <i>Hikayat Johor</i> dan <i>Hikayat Abdullah</i> .
2. Tulisan	Menulis yang direncakan daripada sebarang kitab dengan tulisan cantik sama ada tegak atau condong. (1½ jam)
3. Jalan Bahasa (Nahu) 10.30—11.00 pagi	Menyatakan sekalian Ilmu Pemimpin Johor dan mengerti akan Ilmu ialah bahasa serta memecahkan perenggan kata (½ jam).
4. Kira-kira 8.00—9.00 pagi	Kira-kira pecahan, aturan tiga dan membilang (1 jam) Buku Teks: Iaitu <i>Ilmu Kira-kira Tuan Hawl</i> hlm. 120 — akhir.
5. Karangan 11.00—11.30 pagi	Mengarang dan ingatan sendiri suatu cerita yang ditanyakan sedikit kisahnya.
6. Jahitan 1.00—3.30 petang	Jahit berbagai kain, buat tutup kerusi dan meja daripada benang kapas, sulam-menyalam, kait-mengait, tekad-menekad, membuat berbagai renda lulus melukis atas kain atau kertas dan membuat berbagai kusyen.

Sumber: *Pemberitahu Kerajaan (Pejabat Pelajaran): Circular No. 12, 1914.*

poh masa pengajaran subjek itu dan buku-buku teksnya yang mulai digunakan sejak tahun 1902 lagi. Kurikulum tersebut mempunyai tujuan melengkapkan pengetahuan asas bagi bumiputera, iaitu kepandaian dalam kira-mengira dan tulisan yang cantik serta karangan yang baik. Ini adalah syarat penting untuk menceburkan diri dalam perkhidmatan perkeranian yang

merupakan pintu untuk kakitangan rendah memasuki Perkhidmatan Awam Johor sebagai Pegawai Tadbir.

Sukatan pelajaran untuk peperiksaan guru-guru Gred I, II dan III tidak jauh bezanya dengan sukatan pelajaran Darjah III dan IV sekolah Melayu,<sup>77</sup> sekadar ianya lebih luas dan mendalam selaras dengan cita-cita melahirkan guru-guru yang lebih banyak pengetahuan daripada murid-muridnya dan kaedah mengajar turut diajarkan. Bagi sekolah Inggeris dalam Gred II didapati pelajarannya lebih intensif. Calon guru itu terpaksa lulus dalam enam matapelajaran wajib di samping satu daripada tiga matapelajaran pilihan.<sup>78</sup>

Dalam pada itu sekolah Quran dan sekolah kitab atau sekolah agama pula ada mempunyai sukatan pelajaran tersendiri dan matlamat pelajaran yang berbeza, walaupun kedua-dua institusi itu bergabung dalam satu bangunan dan mengadakan pembelajaran rukun ibadat. Masing-masing mempunyai kelas dari darjah satu hingga darjah empat. Bagi murid darjah satu sekolah Kitab dikehendaki belajar dari *Kitab Barat al-Madhri*; bagi Darjah II — IV menggunakan *Kitab Mar'atul-badrin*. Dalam sekolah Quran pula, murid Darjah I membaca dan menghafal muqaddam. Membaca Quran dengan tajwidnya yang berperingkat adalah untuk Darjah II—IV. Murid di tahun akhir ini juga belajar membaca dan mengalunuhafalkan kitab berzanji.

Kurikulum sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan kerjaya para pelajar kemudiannya. Penuntut lepasan sekolah Melayu boleh berkhidmat sebagai kerani Melayu dalam Perkhidmatan Awam Johor. Dalam hal ini penuntut aliran Inggeris mempunyai peluang kerja yang lebih baik ataupun melanjutkan pelajaran ke *Raffles Institution* atau kemudiannya ke *English College* dan Sekolah Bukit Zahrah, Johor Bahru. Pelajar lepasan sekolah Inggeris mendapat tanggagaji yang lebih tinggi dalam perkhidmatan perkarian dan mempunyai peluang yang lebih baik untuk kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Awam. Malah Perkhidmatan Keretapi Muar juga memerlukan penuntut lepasan sekolah Inggeris.<sup>79</sup> Namun begitu Kerajaan cuba juga menggalakkan penuntut lulusan Darjah VII aliran Inggeris supaya meneruskan pengajian mereka di Singapura "... kerana mereka itu ada ilmu barangkali ada kerja yang terlebih patut baginya kelak."<sup>80</sup> Di Muar sahaja dari sebelas orang yang tamat Darjah VII, empat orang berjaya

77 Lihat Pemberitahu Kerajaan (Pejabat Pelajaran) 1916 'Peraturan Gaji Guru Sekolah Melayu'.  
78 Ibid Circular No. 13, 1915.

Matapelajaran wajib:

1. Membaca akbar atau petikan daripada tulisan seorang pengarang Inggeris yang baku.
2. Menulis Rencana dan Karangan.
3. Esei dan Karangan.
4. Nahu dan Analisa bahasa Inggeris.
5. Geografi Politik dan Jirim.
6. Kira-kira.

Matapelajaran pilihan:

1. *Euclid* (Buku satu)
2. Aljebra.
3. Lukisan.

79 Fail SUKJ, tahun 1913, PJK Muar kepada SUK Johor, 14 Mei, 1913.

80 Fail Dewan Negeri, 21.3.1913.

memasuki perkhidmatan kerajaan dan tiga ke *Raffles College* di Singapura. Mulai tahun 1915, *English College* Johor Bahru merupakan sekolah terpilih yang mengeluarkan bakal Pegawai Perkhidmatan Awam negeri Johor. Setengahnya belajar setakat darjah lima, kemudian berhenti untuk berkhidmat dengan kerajaan.<sup>81</sup> Pada tahun 1917, empat orang telah berkhidmat sebagai Kerani 'B' di Sekretariat Negeri.<sup>82</sup> Namun begitu setiap tahun purata lima orang lepasan *English College* meneruskan pengajian di peringkat Sijil Junior Cambridge di Singapura. Walaupun jumlah pelajar yang tamat Darjah VII sekolah Inggeris berkurangan, namun keadaan itu dapat juga melahirkan tenaga tadbir dalam pentadbiran negeri Johor.

### Organisasi dan Pentadbiran Sekolah

Pada keseluruhannya sekolah-sekolah di Teluk Belanga, walaupun terletak di kawasan kekuasaan Temenggung atau Maharaja terkemudian, namun sekolah itu tetap di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri-negeri Selat. Asas dan pentadbiran sekolah-sekolah di Johor Bahru bermula pada tahun 1883.<sup>83</sup> Datuk Bentara Dalam Mohd. Ibrahim Munsyi<sup>84</sup> telah ditugaskan mengetuai jabatan itu dibantu oleh Syed Alwi al-Kudsi sebagai kerani besarnya. Pada tahun itu juga, terdapat sekolah Melayu di Johor Bahru, Pengerang, Padang dan Tanjung Surat serta sebuah sekolah Inggeris di Johor Bahru. Dua tahun kemudian, jabatan ini diperkemaskan lagi berikutan dengan pertambahan sekolah Melayu dan kehadiran sekolah Agama dan juga sekolah Pertanian di samping sekolah Inggeris. Dua orang pegawai baru telah ditempatkan dalam jabatan itu: Mohamad bin Mahbob sebagai Pemeriksa Sekolah-sekolah (*Inspector of Schools*)<sup>85</sup> dan Mohd. Khalid Abdullah Munsyi selaku Guru Pelawat iaitu pegawai ketiga terkanan dalam jabatan itu,<sup>86</sup> selain daripada tugasnya sebagai Guru Besar Sekolah Melayu Johor Bahru.

Corak pentadbiran jabatan pelajaran sekali lagi diubahsuai mengikut penyusunan semula pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan pada tahun 1887, Ketua Jabatan Pelajaran dikenali sebagai Yang Dipertua Jabatan Pelajaran yang terus dipegang oleh Datuk Dalam dan dibantu oleh dua belas orang ahli Jawatankuasa Pelajaran yang terdiri daripada:

1. Tunku Saat
2. Ungku Mohamad
3. Syed Salim al-Habsyi
4. Datuk Yahya Awaludin
5. Datuk Yahya Shaaban

81 Fail SS270/1917, 'English Education Officer kepada SUK', 7 Mac, 1917.

82 Fail GA 222/1917, 'English Education Annual Report 1917'.

83 SSD, 1883, hlm. 125.

84 Mengenai beliau lihat M.A. Fawzi Basri, "Mohd. Ibrahim Munsyi: Birokrat Pemaju Pendidikan Melayu Johor" *WIDYA*, (Kuala Lumpur: Adabi) April, 1978. Rencana ini kemudiannya dikumpulkan dalam satu terbitan karya Fawzi & Hasrom, *Sejarah Johor Moden 1855—1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*, Kuala Lumpur 1978, hlm. 82—87.

85 Muhamad Mahbob, kemudiannya dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis Muar, Pesuruhjaya Kerajaan Muar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor. Pada tahun 1906 menjadi Ahli Jemaah Menteri, kemudian menjadi Setiausaha Kerajaan, Timbalan Menteri (1914) dan Menteri Besar Johor yang kedua mulai tahun 1920.

86 SSD, 1885, hlm. 15.

6. Datuk Seri Setia Raja, Abdullah Tahir
7. Datuk Seri Amar Diraja, Abdul Rahman Andak  
(Penolong Setiausaha Kerajaan)
8. Mohamad Mahbob
9. Mohamad Andak
10. Mohamad Hassan Tahir (Juruaudit Negeri)
11. Sean Leng Chye
12. Syed Alwi al-Kudsi

Namun begitu, Setiausaha Jabatan, iaitu Mohd. Khalid Abdullah Munsyi,<sup>87</sup> merupakan tokoh yang sebenarnya mengelola pentadbiran jabatan dengan bantuan Encik Ismail Mohamad selaku guru pelawat dan Ahmad Hashim selaku kerani. Merekalah yang bertanggungjawab bagi memeriksa sekolah-sekolah dan penubuhan sekolah-sekolah dalam negeri Johor.<sup>88</sup> Pada tahun 1890, pertambahan sekolah Melayu, kehadiran sekolah Melayu (perempuan) di Johor Bahru dan sekolah Cina<sup>89</sup> di ibu negeri itu telah menambahkan lagi tanggungjawab dan perancangan Jabatan Pelajaran. Oleh itu W.W. Gawler telah dijemput berkhidmat dalam Jabatan Pelajaran Johor sebagai *Superintendent of Schools* pada 1894,<sup>90</sup> iaitu khusus bagi menjaga hal-ehwal sekolah-sekolah Inggeris di Johor.

Pada awal abad ke-20, Jabatan Agama dan Pelajaran (*Ecclesiastical and Education Department*) digabungkan dalam satu organisasi jabatan.<sup>91</sup> Datuk Seri Amar Diraja (Abdul Rahman Andak) telah dijemput duduk dalam Majlis Mesyuarat Jabatan sebagai Ahli Khas Bahagian Pelajaran bersama dengan Mohd. Khalid Abdullah selaku Setiausaha Jabatan dan Penguasa Sekolah-sekolah. Merekalah seterusnya yang merancangkan kaedah serta memusatkan perkembangan pelajaran di Johor. Pada 1 Jun 1902, program itu dilaksanakan melalui Pemberitahu Kerajaan yang ditandatangani oleh Datuk Bentara Dalam selaku Setiausaha Kerajaan (Hal-ehwal Dalam Negeri) yang juga menjadi Timbalan Yang Dipertua Jabatan Pelajaran dan Agama:

1. Hendaklah sekalian rakyat dan tiap-tiap orang yang ada duduk di dalam perintah Johor ini daripada sebarang bangsa pun menghantar segala anak lelakinya yang telah cukup umurnya 17 tahun masuk belajar ke dalam sekolah kerajaan sehari-hari kelepasan ialah di mana-mana yang ada bersekolah Melayu, Quran atau Inggeris dan Cina.
2. Ialah masa dan umur belajarnya itu dari umur tujuh tahun sehingga 16 tahun selagi belum mendapat kesempurnaan pelajarannya

<sup>87</sup> Mohamad Khalid adalah saudara kandung Datuk Bentara Dalam. Beliau memulakan kerja sebagai guru di Singapura, kemudian menjadi guru Besar Sekolah Melayu Johor yang pertama (1883) dan selanjutnya menjalankan tugas Guru Pelawat dan Pemeriksa Sekolah Melayu Johor. Selepas itu dilantik menjadi Setiausaha Jabatan Pelajaran dan Agama. Pada tahun 1904, dilantik menjadi Penolong Setiausaha Kerajaan Johor.

<sup>88</sup> Lihat SSDM & SUK, Datuk Amar kepada SUK, 6 Mei, 1896 dan SSDM & SUJK, Pemangku Datuk Menteri kepada Datuk Sri Setia Raja, 28 Nov, 1887.

<sup>89</sup> SSD, 1890, hlm. 299.

<sup>90</sup> SSD, 1894, hlm. 258.

<sup>91</sup> SSD, 1901, hlm. 323.

- wajiblah tetap belajar mereka itu di dalam sekolah yang tersebut.
3. Adalah tertanggung wajib bagi menghantarkan kanak-kanak ke sekolah ini ialah bapa atau emak atau wali-wali atau sebarang waris atas kanak-kanak itu.
  4. Barang siapa daripada yang tersebut di atas ini tidak menjalankan dan menurut seperti titah perintah yang tersebut di atas ini wajiblah di atas ibu bapa atau waris kanak-kanak itu menanggung keberatan dengan disaman denda \$25.00 atau dijelaskan sehingga tiga bulan mereka itu serta dikuatkan kanak-kanak itu masuk belajar ke dalam sekolah yang tiada boleh tidak selama-lama bagaimana yang tersebut dengan tetap. Maka kanak-kanak yang tiada belajar ke dalam sebarang sekolah di mana-mana yang bersekolah itu nescaya ditangkap,<sup>92</sup> oleh mereka itu dan dihukumkan.

Oleh itu tidaklah menakjubkan, jika berlakunya pertambahan sekolah-sekolah pada kadar yang pesat. Selepas tahun 1902, seperti di daerah Muar dan Batu Pahat dan Segamat telah pun wujud sekolah Inggeris, selain daripada Sekolah Bukit Zaharah dan *English College* di Johor Bahru. Sekolah Arab yang bermula di Muar telah pun berkembang lagi apabila tertubuhnya sebuah sekolah Arab di Johor Bahru.

Jabatan Pelajaran telah disusun semula buat sekian kaliinya pada tahun 1913, ~~itu~~ berikutan dari perlaksanaan sistem Lembaga Pelajaran (*Education Board*) yang telah pun dijalankan di Negeri-negeri Selat sejak tahun 1909 lagi. Struktur perjawatan dalam Lembaga Pelajaran adalah seperti berikut:<sup>93</sup>

Yang Dipertua	:	Datuk Mohamad Mahbob
Setiausaha	:	(Setiausaha Kerajaan DPMJ)
Ahli Jemaah Pelajaran	:	Mohd. Khalid Haji Abdullah, SMJ
	:	Major Daud Haji Sulaiman (Penguasa Imigren India).
	:	Ismail Bacuk (Timbalan Setiausaha Kerajaan).
Pemeriksa Sekolah Melayu Johor Bahru dan Endau	:	Mohd. Salleh Ali (Ketua Pos Negeri).
Pemeriksa sekolah Melayu Muar	:	Mohd. Said Sulaiman (Setiausaha Sulit Sultan).
Pemeriksa Sekolah Melayu Batu Pahat	:	Mohd. Khalid Haji Abdullah SMJ
Pemeriksa Sekolah-sekolah Inggeris Johor	:	Awang Bacuk, SMJ
	:	Mohd. Don Tahir, SMJ
	:	C.A. Robert

92 Perkara ini dikuatkuasakan lagi melalui Pemberitahu Kerajaan 9 April, 1909 yang membolehkan Polis menangkap murid yang lari dari sekolah tanpa izin. Di Muar beberapa murid telah ditahan di Balai Polis. Akhirnya PJB Polis dan PJK Muar minta Perintah 9 April, 1909 dimansuhkan dan syorkan ibu bapa murid bertanggungjawab kepada pihak sekolah.

93 Fail SUK/J 213 — dan Pekeling 2/13, 20 April, 1913.

Hingga ke tahun 1920 organisasi Lembaga Pelajaran masih berterusan. Ia merupakan perancang dan penasihat dasar pelajaran negeri Johor. Kuasa eksekutif Lembaga ini dijalankan oleh Setiausaha dan pemeriksa sekolah-sekolah. Lembaga ini juga bertanggungjawab dalam mengatur peperiksaan guru-guru yang digredkan dalam tiga peringkat; begitu juga dalam usaha-usaha penubuhan sekolah-sekolah di seluruh negeri Johor.

Pada tahun 1911, anggaran belanjawan Jabatan Pelajaran ialah sebanyak \$34,506.00. Oleh kerana tumpuan sejak tahun sebelum itu di ibu negeri sahaja, dengan itu tidaklah menghairankan jika untuk kemajuan pelajaran, di Johor Bahru<sup>94</sup> sahaja pada tahun 1910, dianggarkan berjumlah \$18,080.00. Jumlah itu meningkat setiap tahun berikutnya dengan pertambahan sekolah dan guru-guru. Malah belanjawan juga meningkat kerana penerusan usaha-usaha memberi biasiswa, bantuan kelengkapan dan sebagainya. Oleh kerana itulah pada tahun 1913 Jabatan Pelajaran telah berbelanja \$57,388.00 dan terus meningkat lagi kepada \$73,356.00 pada 1914.<sup>95</sup>

Sambutan daripada orang ramai terhadap pendidikan juga amat menggalakkan. Mereka telah bergotong-royong mendirikan bangunan sekolah di kampung-kampung dan mereka juga telah menyediakan murid manakala kerajaan hanya melengkapkan dengan tenaga guru dan alat mengajar. Pada tahun 1914, di Batu Pahat sahaja, telah didirikan sembilan buah sekolah dan ini tidak termasuk empat buah sekolah yang didirikan oleh masyarakat tempatan secara gotong-royong itu.<sup>96</sup>

### Penyusunan Semula Organisasi dan Dasar Pendidikan

Sehingga 1 Mac 1928, terdapat dua Jabatan Pelajaran di Johor. Pertama Jabatan Pelajaran Inggeris dan kedua Jabatan Pelajaran Melayu. Jabatan Pelajaran Melayu mengawasi sekolah Melayu dan sekolah Agama dan Ketua Jabatannya ialah Pemeriksa Sekolah-sekolah Melayu Johor. Bagi sekolah Inggeris, seorang guru bangsa Eropah telah dilantik menjadi Pegawai Pelajaran Inggeris dan Ketua Jabatan Pelajaran Inggeris.

Pada 1 Mac 1928, Kerajaan Johor mendapatkan seorang Pegawai Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu H.R. Cheeseman yang dilantik menjadi Pengguna Pelajaran dengan tugas menyusun semula sistem pendidikan di Johor.<sup>97</sup>

Menurut Cheeseman sebelum ketibaannya telahpun wujud Lembaga Pelajaran (*Board of Education*) dengan ahli-ahli rasmi dan tidak rasmi yang dilantik oleh Kerajaan. Peranannya adalah hanya sebagai badan penasihat; ia tidak mempunyai kuasa eksekutif atau pentadbiran. Tetapi sebelum tahun 1928 (waktu Cheeseman tiba) Lembaga Pelajaran itu telah dibubarkan kerana

94 State of Johor Estimate, 1911, him. 11.

95 State of Johor Estimate, 1914, him. 36.

96 M.A. Fawzi Mohd Basri, "Sejarah Ringkas Batu Pahat: 1880—1917", *Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, 1972, him. 43. Di Batu Pahat sekolah yang didirikan oleh orang kampung biasanya menggunakan awalan Seri, misalnya sekolah Seri Pengkalan dan lain-lain lagi.

97 Lihat H.R. Cheeseman, *Education In Johore, (Johore Bahru, 1933)* him. 1—2. Sebelum Mac 1928, Jabatan Pelajaran Inggeris juga menjaga hal-ethwal sekolah Vernacular Tamil.

anggapan kerajaan ialah perkembangan pelajaran di Johor belum lagi begitu maju. Oleh yang demikian sebuah Lembaga Pelajaran tidak dapat memainkan peranan yang bermakna.

Dengan perlantikan Cheeseman, dua Jabatan Pelajaran itu telah digabungkan. Suatu jawatankuasa untuk Pelajaran Agama telah ditubuhkan; ia bertanggungjawab ke atas sukanan pelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah agama; ia juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada *Superintendent of Education* tentang semua perkara yang berkaitan dengan Agama Islam dan adat istiadat Melayu. Menurut Cheeseman, penggabungan itu membawa kepada wujudnya keseragaman dasar serta matlamat yang berpadu.<sup>98</sup>

Tugas Cheeseman juga adalah untuk menyiapkan Rancangan Sepuluh Tahun (1928—1938) pendidikan di Johor. Pada tahun 1933 satu penilaian telah dibuat dan didapati bahawa kemajuan yang telah dicapai cukup memuaskan untuk meneruskan Rancangan Cheeseman. Di darjah yang lebih tinggi juga (selepas darjah VI) yang tidak melibatkan murid-murid di bawah rancangan baru itu, keputusan pun lebih baik daripada yang dijangka. Ini disebabkan adanya alat-alat yang lebih unggul dan guru yang lebih berkesan. Keseluruhannya, kerana ada dasar yang tetap, sokongan yang bermurah hati daripada kerajaan dan para guru yang setia, berpuas hati serta rajin, sekolah-sekolah di Johor yang dahulunya begitu mundur telah dapat sama-sama mencapai kemajuan sebagaimana terdapat di Tanah Melayu pada umumnya.<sup>99</sup>

Pada tahun 1928, dasar pendidikan yang diputuskan adalah:-

1. Bagi Sekolah Inggeris, tujuan ialah memberikan pendidikan rendah dan menengah (moral, mental dan fizikal) kepada kanak-kanak yang dipilih daripada sekolah Melayu. Kemasukan ke sekolah akan ditetapkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan pekerjaan di sektor kerajaan atau sektor swasta di negeri Johor.
2. Bagi sekolah Melayu, tujuannya ialah memberikan pelajaran Rendah yang lebih baik kepada kanak-kanak yang berumur lima hingga empat belas tahun.
3. Bagi sekolah perempuan Melayu, tujuannya ialah memberikan pendidikan asas yang baik kepada kanak-kanak perempuan yang berumur lima hingga empat belas tahun. Dengan itu perhatian khusus akan diberi kepada kerja bertekat, kerja tangan, rawatan, cara memasak dan ekonomi rumah tangga secara umum.<sup>100</sup>
4. Bagi sekolah Agama: tujuannya ialah untuk memberi pendidikan akhlak dan agama selaras dengan satu sukanan pelajaran yang diluluskan dan juga untuk menyediakan murid-murid bagi menanggung kewajipan agama.<sup>101</sup>

98 Ibid., hlm. 2. Pada tahun 1920, Lembaga tersebut dipengerusikan oleh General Adviser. Ahlinya terdiri daripada J. V. Thompson (Pegawai Pelajaran Inggeris), Ungku Abd. Aziz, Datuk Gawler, Mohd. Salleh Ali (Ketua Pos Negeri Johor) dan Pemeriksa sekolah Melayu. Pada tahun 1919 satu enakmen Peraturan Pejaran Melayu dan Inggeris di Johor telah diderahkan "until such enactment is passed. It is impossible to state the duties of the Board of Education." GA 195/1921, (Lihat lampiranaya "Annual Report of English Education Department").

99 Ibid., hlm. 21.

100 Ibid., hlm. 9.

101 Ibid.

Mulai tahun 1928 juga tumpuan diberikan kepada perkembangan sekolah Inggeris. Malah peluang pekerjaan bagi pelajar sekolah Inggeris jauh lebih baik. Orientasi dasar pendidikan Johor juga condong ke arah peluang bekerja.

Pada tahun 1933, kelayakan masuk ke perkhidmatan kerajaan juga telah ditingkatkan dan dapat dipenuhi oleh calon-calon Melayu Johor yang berkelayakan. Kelulusan minima bagi perkhidmatan Perkeranian 'B' telah ditingkatkan dari kelulusan Darjah VII sekolah Inggeris kepada kelayakan lulus *Junior Cambridge* tempatan. Kelayakan minima untuk berkhidmat dalam perkhidmatan Kerani 'A' juga ditingkatkan, dari lulus Darjah IV sekolah Melayu kepada lulus Darjah VI sekolah Melayu atau lulus Darjah VII sekolah Inggeris. Kelayakan untuk kategori pegawai-pegawai perkhidmatan awam juga telah dinaikkan secara beransur-ansur. Pada tahun 1933, seorang pelajar yang lulus Sijil Persekolahan layak untuk melanjutkan pelajaran ke *Raffles College*, Singapura. Mengikut perancangannya, pada masa hadapan semua Pegawai Melayu akan berkelulusan *Raffles College*; tiga orang pertama di bawah skim baru itu telah pun memasuki maktab itu<sup>102</sup> malah sebelum itu beberapa jawatan di Jabatan Kerajaan terpaksa diberikan kepada orang bukan Melayu kerana kekurangan orang Melayu yang berkelayakan. Pada tahun 1933 masalah seperti ini tidak timbul lagi.

Bagi mengelakkan perkembangan dalam bidang ikhtisas, biasiswa telah dikeluarkan. Pada tahun 1933, lapan biasiswa telah diberikan kepada pelajar Johor yang melanjutkan pelajaran ke *Raffles College* (iaitu untuk perkhidmatan awam dan pendidikan) dan juga ke Kolej Perubatan King Edward di Singapura<sup>103</sup> di mana pelajar-pelajar dari Johor itu mengikuti kursus perubatan dan pergigian. Bagi mengisi perjawatan di Jabatan Kerjaraya, Pos dan Telekom, beberapa orang pelajar telah dihantar belajar di Sekolah Teknik Kuala Lumpur. Manakala untuk mengisi jawatan pertanian, pelajar yang dipilih dihantar melanjutkan pelajaran di Sekolah Pertanian Serdang.

Pada tahun 1937, ditubuhkan tabung bersama yang dikenali sebagai '*Sultan Ibrahim Studentship*'. Matlamat utama tabung itu adalah untuk menjamin supaya perkhidmatan awam di Johor diisi oleh anak tempatan yang berkelulusan ikhtisas dan akademik dari England. Mereka akan mengambil alih jawatan-jawatan yang sedang dipegang oleh pegawai Eropah yang lebih rendah.<sup>104</sup>

Johor juga di antara negeri yang dapat mengekalkan sistem persekolahan agama,<sup>105</sup> iaitu selaras dengan cita-cita Perlembagaan Johor, meletakkan Islam sebagai agama rasmi. Selepas tahun 1928, Jabatan Agama Islam negeri memberi perhatian kepada pertumbuhan sekolah Arab dan sekolah Agama di negeri itu. Pada tahun 1932, di antara sekolah yang diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Agama ialah Kuliah al-Attas dan Madrasah al-Attas al-

102 Ibid., hlm. 20.

103 Pemberian scholarship ini telah bermula lebih awal lagi pada tahun 1918 misalnya Kerajaan Johor telah pun menghantar pelajar bernama Hamzah Mohd. Taib mengikuti Kursus di Kolej Perubatan Singapura. Pada tahun 1918, Hamzah telah lulus tahun dua, kerajaan menaikkan elauan beliau daripada \$30 kepada \$35 sebulan. (SS 679/1918. Principal Medical Officer kepada SUK, 1 April 1918).

104 Anon., *The State of Johore, Malaya, 1939*, hlm. 39.

105 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, 1895, Fasal 57.

Arabiah di Johor Bahru. Di Batu Pahat pula terdapat Madrasah al-Arabiah; lain-lainnya ialah Madrasah al-Haji Taib di Parit Jamil, Muar; dan Sekolah Latihan Agama di Buluh Kasap, Segamat.<sup>106</sup>

Kerajaan Johor juga menggalakkan anak-anak Johor melanjutkan pelajaran ke Kahirah dan Beirut. Pada tahun 1935, Kerajaan Johor meluluskan permohonan biasiswa sebanyak \$500 setahun kepada dua orang pelajarnya di Kahirah,<sup>107</sup> iaitu Muhamad Amin Harun (yang menuntut di Madrasah al-Akaddin) dan Abdul Jalil Hassan<sup>108</sup> (Bahagian al-Nadzami, Universiti Al-Azhar). Pada tahun yang sama juga terdapat tidak kurang dari tujuh orang pelajar Johor yang melanjutkan pelajaran di Beirut. Di antara mereka ialah Abdullah Haji Taib, Muhamad Noh Omar<sup>109</sup> Hassan Abdullah, Syed Abdul Aziz, Ungku Ismail Abdul Rahman<sup>110</sup> dan Mahmud Haji Hussin.

Perubahan yang jelas mulai berlaku pada tahun 1920 apabila terdapat minat yang mendalam bagi mendapat pendidikan Inggeris. Ini berlaku terutamanya kerana peluang kenaikan pangkat lebih mudah untuk para lulusan Inggeris. Pada tahun 1919, seramai 11 orang yang lulus Darjah VII Inggeris berjaya masuk ke perkhidmatan Kerani Bahagian 'B',<sup>111</sup> iaitu perkhidmatan kerani bagi pejabat-pejabat yang banyak menjalankan urusan dalam bahasa Inggeris. Gajinya adalah lebih baik daripada Kerani Bahagian 'A', iaitu dalam perkhidmatan Tadbir Bahagian Melayu. Pada tahun 1921, Peperiksaan Darjah VII dihapuskan dan digantikan dengan Peperiksaan *Junior Cambridge*. Menurut Laporan Jabatan Pelajaran semakin ramai murid-murid lelaki ingin belajar bahasa Inggeris dan oleh kerana pada tahun 1920 telah ada guru siswazah mengajar di sekolah-sekolah Johor amat sedikit murid-murid yang ingin keluar dari sekolah selepas mereka lulus daripada darjah VI atau VII.<sup>112</sup>

Pada tahun 1920-an, pembangunan sekolah-sekolah dipergiatkan dengan wujudnya kesedaran di kalangan ibu bapa. Kesedaran ini nyata sekali bermula sejak tahun 1912 memandangkan permintaan menubuhkan sekolah-sekolah di kawasan kampung.<sup>113</sup>

Sebelum itu, Pemberitahu Kerajaan yang bertarikh 1 April 1909, telah memberi kuasa kepada polis untuk menangkap murid-murid yang ponteng sekolah. Mengikut petikan laporan Pesuruhjaya Besar Polis semasa melawat Muar, "... didapati budak-budak sekolah Melayu Muar ada ditahan dalam polis lebih daripada dua puluh empat jam bersama-sama pencuri kerana lari dari sekolah". Pesuruhjaya Besar Polis itu kemudian meminta peraturan tersebut dimansuhkan. Pada tahun 1915, diwujudkan lagi peraturan yang

106 Lihat M.A. Fawzi Basri, "Perkembangan dan Peranan Jabatan Agama Johor, 1895—1940" dalam *Sejarah Johor moden*, him. 176—189.

107 Lihat 'Penyata Majlis Agama Johor Bagi Tahun 1935'.

108 Tan Sri Prof. Haji Abdul Jalil mula-mula berkhidmat dengan Jabatan Agama, Johor, kemudian menjadi Pengetua Kolej Islam Malaya; pada tahun 1970 berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Jawatan beliau yang terakhir sebelum bersara ialah Dekan Fakulti Pengajian Islam, U.K.M.

109 Tan Sri Haji Mohd. Nohd, setelah tamat belajar, berkhidmat dengan Kerajaan Johor. Selepas merdeka menjadi Speaker Dewan Rakyat dan bersara kemudiannya.

110 Dalam kerjayanya di Johor, beliau akhirnya menjadi Yang Dipertua Agama Johor.

111 Lihat Lampiran Pekeliling No. 7 tahun 1918.

112 "Annual Report of 1920 of the English Education Department" dalam fail GA 195/1921.

113 List Perkara, 10 Jan. 1912.

mewajibkan kanak-kanak bersekolah, dan ibu bapa bertanggungjawab atas perkara itu.

Justeru galakan yang ditunjukkan oleh kerajaan dan disahut pula dengan sambutan dari rakyat negeri Johor, maka sistem persekolahan di Johor telah dapat mencapai objektif dasar pendidikannya. Sekolah Inggeris amnya telah dapat melahirkan tenaga dalam pentadbiran awam. Sebelum Perang Dunia Kedua, Johor telah dapat melahirkan barisan pemimpin dalam bidang pentadbiran, kehakiman, perubatan dan agama. Kemajuan dalam pendidikan menyebabkan pegawai-pegawai Johor dapat meneruskan fungsi tradisinya sebagai pentadbir dalam kerajaannya, walaupun kakitangan bangsa Eropah ditambah secara berperingkat dalam jentera pentadbiran Johor. Maka pernah dikatakan bahawa "apa yang dapat diperhatikan tentang orang Melayu Johor abad ke-20 ialah mertabat sosial mereka yang istimewa dan kesedaran politik mereka yang ternyata."<sup>114</sup>

**JADUAL IV**  
**Sekolah-sekolah Di Seluruh**  
**Negeri Johor Pada Tahun 1938**

Jenis	Jumlah Sekolah	Jumlah Kemasukan Murid
A. SEKOLAH KERAJAAN		
1. Sekolah Inggeris (Lelaki)	8	2,213
2. Sekolah Inggeris (Perempuan)	3	184
3. Sekolah Melayu (Lelaki)	140	17,974
4. Sekolah Melayu (Perempuan)	22	2,812
5. Sekolah Agama (Lelaki)	80	10,066
6. Sekolah Agama (Perempuan)	16	1,579
B. SEKOLAH BANTUAN		
1. Sekolah Convent (Perempuan)	2	436
2. Sekolah Tamil (Vernacular)	130	4,434
C. SEKOLAH SWASTA		
1. Sekolah Inggeris (Campuran)	23	2,669
2. Sekolah Cina (Lelaki)	249	15,471
3. Sekolah Cina (Perempuan)	5	1,440
	678	59,278

Sumber: *Annual Report of Superintendent of Education for the year 1938*, His Majesty's Stationery Office (HMSO), London.

<sup>114</sup> Khoo Kay Kim, "Johor In The 19th Century: A Brief Survey" *Journal of Historical Society, University of Malaya*, Kuala Lumpur, Vol. VI, 1967/68, him. 96.

## LAMPIRAN

### GOVERNMENT OF JOHORE

CIRCULAR No. 7 OF 1918

(S. Secy. 401/18)

### CLERICAL EXAMINATION

1. The annual examination under Clause 4 of the Clerical Scheme for the B Division of the Clerical Service will be held at the English College, Johore Bahru, on Sunday, June 19th, and following day.
2. Candidates must send in their names through the Heads of their Departments to reach the State Secretary not later than the 2nd June.
3. The Senior Examination will be open to Clerks in Class IIB and the Junior Examination to Clerks in Class IIIB drawing salaries of \$450 or more; but Class IIA or Class IIIA Clerks wishing to qualify for transfer to the B Division may, on the recommendation of the Head of their Department, be included in the examination.
4. The examination will be in the following subjects, but a candidate to qualify for promotion will not necessarily be required to pass in them all.
5. In the Senior Examination a considerably higher degree of proficiency will be required than in the Junior.

### SUBJECTS

#### SENIOR

1. Drafting letters in English
2. Financial questions and a good knowledge of the Johor Financial Orders.
3. English precis of Malay documents.
4. Government Regulations as set out in Circulars
5. Typewriting
6. General Knowledge

#### JUNIOR

1. Drafting letters in English
2. Typewriting
3. Johor Financial Ordres; and simple Accounts
4. English prices of Malay documents
5. Government Regulations as set out in Circulars
6. General Knowledge

STATE SECRETARIAT,  
JOHORE BAHRU,  
8th May, 1918.

By order,  
MUSTAPHA BIN JAAFAR  
for Deputy State Secretary

## *Pendidikan Islam Di Kelantan*

*Abdul Halim Ahmad\**

### **Pendidikan Islam: Peringkat Awal**

Orang paling awal menyampaikan pendidikan Islam yang dapat dikesan setakat ini ialah Tuan Syeikh Haji Abdul Halim.<sup>1</sup> Beliau telah memulakan pengajarannya di Kelantan pada akhir abad ke-18 setelah menamatkan pelajarannya di Mekah. Beliau menyampaikan pengajarannya di istana dan di surau-surau untuk anak-anak raja, anak-anak pembesar dan orang ramai. Pengajarannya telah mendapat sambutan dan murid-muridnya terdiri daripada orang Kelantan dan juga orang dari luar negeri.

Kelantan telah pertama kali dikunjungi oleh pelajar-pelajar dari luar dan dalam Tanah Melayu pada 1780-an.<sup>2</sup> Ketika itu ibu negeri Kelantan telah dipindahkan dari Kota Kubang Labu ke Kota Lama (Kampung Sireh) oleh pemerintah Long Yunus. Kawasan Kampung Sireh dan sekitarnya menjadi sebuah pusat pendidikan Islam yang terawal di Kelantan.<sup>3</sup>

Oleh kerana tidak kedapatan kitab-kitab yang dicetak, Syeikh Halim hanya menyampaikan pengajarannya secara lisan sahaja. Kitab-kitab yang digunakan olehnya ialah kitab Jawi tulisan tangan dan juga kitab-kitab Arab. Beliau menterjemah dan menyampaikan pengajarannya di dalam bahasa Melayu.

Memang menjadi suatu kerumitan untuk mendapatkan kitab kerana pada masa itu tidak kedapatan langsung kitab-kitab yang dicetak. Kitab yang digunakan oleh Syeikh Halim adalah kitab-kitab yang dibawa pulang dari Mekah yang sebahagiannya adalah hasil salinan dan usahanya sendiri.

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1975 dan makalah ini dipetik daripada Kajian Ilmiah yang berjodol 'Perkembangan Pendidikan Islam Tradisional di Kelantan Dan Peranannya Di Dalam Masyarakat' (1975).

1 Beliau bukanlah anak Kelantan jati. Beliau adalah anak angkat kepada Long Yunus pemerintah Kelantan. Sultan Long Yunus (1762—1794M) sentiasa mengadakan hubungan baik dengan saudagar-saudagar Cina dan pedagang lain yang datang berdagang ke Kelantan. Kota Kubang Labu yang terletak di tepi bahagian barat Sungai Kelantan adalah pusat pemerintahan dan ibu negeri Kelantan pada abad ke-18. Oleh kerana memandangkan budi baik pemerintah, seorang saudagar Cina telah dinamakan Abdul Halim dan dijadikan anak angkat oleh Long Yunus. Sebagai seorang sultan yang kuat beragama, baginda telah menghantarkan Abdul Halim bersama-sama dengan seorang puteranya ke Mekah untuk mempelajari pengetahuan agama Islam. Syeikh Halim adalah nenekanda sebelah ibu kepada Mufti Kelantan sekarang iaitu Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim. (Temubual dengan Datuk Mufti Haji Muhammad Noor bin Hj. Ibrahim, Cikgu Abd. Rahman bin Haji Taib dan Tuan Guru Haji Hasbulah).

2 Ibid.

3 Ibid.

Masyarakat di Kelantan pada masa itu rata-ratanya adalah buta huruf dan jahil tentang soal-soal agama. Jenayah sering berlaku di mana-mana sahaja. Untuk membendung keadaan itu, sultan telah menggalakkan pengajaran agama. Sultan memberi keistimewaan kepada mereka yang berkebolehan di dalam pengajaran agama seperti tinggal di istana dan kadang-kadang dikahwinkan dengan puteri baginda. Syeikh Halim adalah seorang yang mendapat keistimewaan ini.<sup>4</sup>

Sultan telah memerintahkan orang ramai mendirikan surau untuk Syeikh Halim mengajar. Istana juga dijadikan tempat pengajaran untuk keluarga diraja dan anak pembesar-pembesar. Dalam pengajaran dititikberatkan soal-soal fardu'ain dan yang berkaitan rapat dengan Rukun Islam serta Rukun Iman yang sekurang-kurangnya patut diketahui oleh setiap umat Islam. Mengenai pelajaran al-Quran pula, murid-murid diajar secara bergilir-gilir seorang demi seorang. Berkat kesungguhan Syeikh Halim, minat dan perhatian orang ramai terhadap agama Islam lebih mendalam. Murid-murid juga diajar menulis dan membaca terutama mengenai ayat-ayat al-Quran. Pada mulanya murid-murid diajar abjad Jawi dan apabila mahir diajar menyalin ayat al-Quran sebaris dua sehari mengikut kebolehan masing-masing. Mereka menggunakan lidi kabung dan dakwat buatan sendiri.<sup>5</sup>

Dipercaya Sheik Halimlah orang yang mula-mula mengajar pendidikan Islam kepada orang Islam di Kelantan secara teratur dan bersungguh-sungguh meliputi ajara-ajaran agama yang penting khususnya yang berkaitan dengan Rukun Islam dan Rukun Iman serta soal-soal yang bersabit dengan amal ibadat seharian. Sering ditegaskan oleh Syeikh Halim di dalam pengajarannya bahawa ibadat itu bukanlah terhad kepada soal-soal sembahyang dan puasa sahaja malah bekerja untuk mencari rezeki. Menunaikan sebarang kebaikan juga merupakan ibadat dan mendapat ganjaran di sisi Tuhan.<sup>6</sup>

Syeikh Halim juga seorang penasihat kepada Sultan Muhammad I (1800—1837). Di atas nasihat beliau, Sultan telah mengadakan berbagai-bagai usaha untuk kebajikan umat Islam di dalam dan di luar Kelantan. Beliau menggalakkan orang ramai mendirikan madrasah, surau dan wakaf untuk tempat persinggahan dan tempat amal ibadat. Orang ramai telah mendirikan tempat ibadat dan tempat persinggahan itu secara bergotong-royong. Masjid-masjid dan surau-surau didirikan di setiap mukim yang mempunyai penduduknya yang cukup untuk mendirikan sembahyang Jumaat.<sup>7</sup> Madrasah didirikan di kampung untuk keperluan berjemaah pada setiap hari, sementara wakaf pula didirikan di tepi-tepi jalan iaitu tempat dilalui orang ramai dan juga di tengah-tengah sawah. Tujuannya adalah untuk kemudahan bagi musafir-musafir dan petani-petani yang tidak sempat pulang berhenti untuk bermalam atau sebagai tempat berbenti rehat buat sementara sambil

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibid. (Ngi Nasbulah dan Cikgu Abd. Rahman).

Pendidikan Kelantan adalah pengikut Mazhab Imam Syafei. Mengikuti Mazhab Imam Syafei, sembahyang Jumaat hanya sah dilakukan oleh para smaad yang mengandung sekurang-kurangnya 40 orang lelaki dalam wang mukallaf dan bermasai atau di tempat wang berkenaan.

menunaikan sembahyang. Wakaf itu kebanyakannya disediakan dengan pergi dan tikar untuk kemudahan setiap orang yang singgah. Di atas nasihat Syeikh Halim juga, baginda Sultan Muhammad I telah mengarahkan supaya rumah wakaf didirikan di Mekah, Jedah dan Madinah.<sup>8</sup> Segala perbelanjaan itu adalah atas biayanya sendiri.<sup>9</sup>

Syeikh Halim telah berjaya menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada sebahagian besar masyarakat Kelantan kerana persefahamannya dengan baginda Sultan Muhammad I. Baginda adalah seorang yang pemurah dan cintakan agama dan Kelantan ketika itu telah pun masyhur sebagai sebuah negeri yang aman dan makmur.<sup>10</sup> Sawah bendang telah diusahakan oleh orang ramai secara meluas. Kebun buah-buahan juga diusahakan oleh orang ramai di setiap tempat. Oleh kerana kemakmuran telah dinikmati oleh sebilangan besar rakyat Kelantan maka jenayah telah beransur kurang. Ini juga adalah kerana pengajaran agama Islam telah diterima oleh sebilangan besar rakyat. Pendidikan Islam itu telah dapat membendung masyarakat dari melakukan sebarang kesalahan.<sup>11</sup>

Syeikh Halim mempunyai dua orang putera iaitu Haji Yusoff<sup>12</sup> dan Haji Yaakub. Kedua-dua puteranya itu telah diberikannya didikan agama yang baik. Haji Yaakub telah menggantikan ayahnya sebagai ulama dan guru agama yang terkemuka.

Sebagaimana bapanya juga, Haji Yaakub telah memulakan pengajarannya setelah beliau kembali daripada menuntut pelajaran agama di Mekah. Corak pengajarannya tidaklah berbeza; beliau meneruskan pendidikan Islam secara tradisional di istana, dan di surau-surau. Cuma pengajarannya diperluaskan lagi — ia disampaikan kepada kaum wanita. Haji Yaakub telah memberi galakan kepada setiap umat Islam, lelaki dan perempuan, supaya datang mengikuti pengajarannya.

Tuan Guru Haji Yaakub mengajar di surau.<sup>13</sup> Beliau mengajar sepanjang hari iaitu pada waktu pagi, petang dan malam. Pelajar lelaki dan perempuan diasingkan dengan tabir. Pengajarannya tidaklah dihadkan kepada ilmu agama sahaja tetapi meliputi soal adat istiadat serta kesopanan yang sepatutnya diikuti oleh setiap orang Melayu. Ini meliputi cara-cara menerima tetamu, cara makan, memberi hormat dan soal-soal lain yang meliputi seluruh keperibadian orang Melayu.<sup>14</sup>

8 Saad Syukri, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, 1971, him. 72.

9 Tuan Guru Hj. Hasbulah dan Cikgu Abd. Rahman, temubual.

10 Saad Syukri, op. cit.

11 Hj. Hasbulah dan Cikgu Abdul Rahman, temubual.

12 Sungguhpun beliau mempunyai pendidikan agama yang cukup tetapi beliau mementingkan kegiatannya di bidang seni. Beliau juga seorang pahlawan kepada Sultan Muhammad I. Sebagai seorang tokoh seni yang terkemuka, beliau telah dipersintah oleh Sultan untuk membina sebuah istana baru. Hj. Yusuf telah menyiapkan istana itu pada tahun 1816 dan dinamakan sultan dengan nama "Istana Kebun Keseta" (bertempat di Padang Merdeka, Kota Bharu sekarang). Istana itu dinamakan baginda sempena pokok-pokok manggis yang banyak terdapat di sekitarnya. Hj. Yusoff juga berkebolehan di dalam bidang seni suara. Beliau sangat dikasihi oleh sultan justeru itu beliau telah mati diracuni oleh Raja Kampung Laut kerana iri hati.

13 Pada masa itu dipercayai sistem pendidikan secara pondok masih belum diperkenalkan lagi di Kelantan. Corak pendidikan yang begini adalah suatu sistem yang paling teratur untuk menyampaikan pengajaran kerana surau adalah tempat tumpuan masyarakat terutamanya untuk membuat amal ibadat.

14 Cikgu Abd. Rahman, temubual.

Surau tempat beliau mengajar didirikan di Pasar Lama.<sup>15</sup> Surau itu didirikan dua tingkat. Bahagian bawahnya tempat mengajar dan tempat berjemaah manakala bahagian atasnya dikhaskan untuk tempat menginap murid-murid yang datang dari jauh dan juga sebagai tempat persinggahan musafir.<sup>16</sup>

Haji Yaakub telah menyampaikan pelajaran kepada murid-muridnya menerusi cara lisan dan bertulis. Pada peringkat pertama murid-murid diajar nahu dan saraf. Beliau memberi latihan bertulis untuk murid-muridnya menyalin pada buku masing-masing sekadar satu atau dua baris bagi sesuatu masa; kemudian disuruh murid-murid menghafal. Pada keesokannya jika didapati muridnya berjaya menghafal dan memahami, beliau akan meneruskan latihan dan pelajaran sambungannya. Murid-murid yang tidak berjaya dikehendaki mengulang sehingga dapat sebelum memberi pelajaran yang lain. Begitulah dilakukan hari-hari sehingga muridnya mahir di dalam ilmu nahu dan saraf.<sup>17</sup>

Apakala murid-murid telah mahir di dalam pelajaran tersebut mereka akan diajar pelajaran yang lain yang berkaitan dengan agama Islam seperti Fiqah, Tauhid, Tasawuf, Maani (Sastera Arab), Mantik, Tafsir dan Ilmu syair. Pada masa itu cuma beberapa orang murid sahaja yang berjaya menguasai kebanyakan daripada pelajaran ini secara mendalam. Ini adalah kerana kebanyakan daripada mereka tidak dapat menguasai Bahasa Arab. Kebanyakan kitab yang berkaitan dengan pelajaran di atas adalah tertulis dalam Bahasa Arab. Mereka yang tidak dapat menguasai Bahasa Arab diajar kitab Jawi terlebih dahulu.<sup>18</sup>

Tuan Guru Haji Yaakub telah membimbing murid-muridnya supaya sentiasa menyampaikan ajaran Agama Islam kepada sesiapa sahaja mengikut kebolehan masing-masing tanpa mengira tempat dan masa. Mengikutnya agama boleh diajar di mana-mana sahaja — tidak terhad pada masjid atau surau. Ia boleh diajar dan disampaikan di setiap tempat seperti di jalan-jalan, di kedai-kedai, di tempat bekerja dan sebagainya, asalkan ada kesempatan. Pengajaran itu tidak semestinya mengambil masa yang lama; memadai dengan masa yang sedikit tetapi berulang kali dan ini akan membawa kesan yang mendalam. Cara yang paling berkesan untuk pengajaran adalah cara mendampingi seseorang serta berbuat baik kepadanya dan menasihatnya supaya mengutamakan sifat-sifat kebaikan yang dikehendaki oleh agama.<sup>19</sup>

Haji Yaakub telah berpesan kepada setiap murid supaya, sebelum daripada menasihati orang lain, terlebih dahulu membetuli diri sendiri. Cara yang paling berkesan untuk membaiki masyarakat ialah dengan teguran dan nasihat; cara yang satu lagi ialah melalui contoh teladan. Tidak berguna seseorang itu menasihati orang lain untuk berbuat baik sedangkan dirinya sendiri tidak berbuat demikian. Cara yang sebaik-baiknya ialah menyeru orang berbuat baik setelah diri kita melakukannya terlebih dahulu.

15 Surau tempat pengajarannya di Pasar Lama atau sekarang tempat itu dikenali dengan sebutan "Taman Sekebun Bunga" berhampiran dengan Panggung Lido, Kota Bharu.

16 Cikgu Abd. Rahman, tembusual.

17 Ibid.

18 Ibid.

19 Ibid.

Beliau seterusnya menasihati murid-muridnya supaya mempelajari juga ilmu-ilmu selain daripada agama kerana semua ilmu itu adalah berguna dan mendatangkan kebaikan. Justeru itu murid-muridnya tidak berpandangan sempit. Sebahagian besar daripada keturunan Haji Yaakub dan keturunan murid-muridnya kini turut memegang teraju pemerintahan negeri Kelantan dan juga Malaysia.<sup>20</sup> Di antara murid-murid yang berjaya memperolehi pengetahuan agama yang mendalam ialah Ahmad bin Haji Yusoff, Osman bin Haji Yusoff<sup>21</sup> dan Wan Abd. Rahman bin Wan Sulaiman (Tok Semian).<sup>22</sup> Mereka telah melanjutkan pelajaran ke Mekah setelah berguru dengan Haji Yaakub beberapa tahun. Sekembalinya ke Kelantan mereka mulai bergiat menyampaikan pendidikan Islam. Haji Ahmad bin Haji Yusoff umpamanya telah memulakan pengajarannya bertempat di Medan,<sup>23</sup> Kota Bharu.

Selain daripada mereka di atas, yang merupakan ulama terkemuka di Kelantan pada penghujung abad ke-19 ialah Haji Wan Ali bin Abd. Rahman al-Kelantani<sup>24</sup> dan Haji Omar Ismail Nuruddin al-Kelantani,<sup>25</sup> mereka juga merupakan murid berkebolehan Tuan Guru Haji Yaakub. Mereka berdua kemudianya melanjutkan pelajaran ke Pattani dan ke Mekah untuk mendalami lagi pengetahuan agama. Ramai murid Haji Yaakub yang kemudiannya turut mengembangkan pendidikan Islam secara tradisional.

Haji Yaakub telah dijadikan penasihat oleh Sultan Muhammad II (1839—1886M) terutamanya mengenai soal agama. Baginda Sultan telah memerintah supaya didirikan masjid yang besar di Kota Bharu memandangkan keperluan untuk tempat berjemaah dan tempat pengajaran yang semakin kerap dikunjungi oleh orang ramai. Masjid itu (dikenali sebagai masjid kayu)<sup>26</sup> siap didirikan pada tahun 1867M. Masjid ini juga adalah sebagai ganti kepada masjid lama yang telah dilanda banjir.

Haji Yaakub telah menggunakan kuasa yang diberikan oleh Sultan kepadanya untuk menjatuhkan hukuman kepada penjenayah di Kelantan. Hukum rejam pernah dilakukan oleh beliau terhadap mereka yang melakukan perzinaan.<sup>27</sup> Ini satu bukti yang menunjukkan Kelantan pernah mempraktikkan hukum Islam yang berlandaskan Syarak.

Almarhum Sultan Muhammad II telah menggariskan suatu pembaruan

20 Ibid.

21 Ahmad dan Osman anak kepada Hj. Yusoff iaitu saudara kepada Hj. Yaakub sendiri.

22 Beliau ialah anak angkat kepada Hj. Yaakub (Tuan Padang). Wan Abd. Rahman bin Sulaiman, seorang ulama, memegang jawatan sebagai "Menteri Besar" Kelantan ketika itu. Beliau juga merupakan seorang penterjemah. Beliau menterjemahkan kitab *Risalah Majmu' al-Furqan fi Ma'rifat Akaidil Iman* membincarkan tentang Tauhid dan Ibadat. (Hj. Hasbullah, temubual).

23 Medan kini terkenal sebagai Medan Tuan Padang sempena tempat Hj. Ahmad mengajar. Tempat ini adalah kawasan lapang dan orang Kelantan biasa menamakan tempat lapang itu sebagai padang. Hj. Ahmad digelarkan sebagai Tuan Padang sesuai dengan tempat pengajarannya itu. Medan Tuan Padang terletak berhampiran dengan Pejabat Bandaran Kota Bharu.

24 Terkenal dengan panggilan Hj. Wan Ali Kutan, beliau adalah seorang penterjemah dan pengarang kitab yang ulung.

25 Lebih terkenal dengan nama Hj. Omar Sungai Keladi. Beliau juga merupakan seorang penulis kitab dalam berbagai-bagai aspek keagamaan dan ilmu falak.

26 Masjid ini adalah pusat pengajaran agama yang terbesar di Kelantan pada dekad kedua hingga abad ke-20. Masjid Muhammadi sekarang didirikan di atas tapak masjid ini yang telah dirobohkan untuk dibina suatu masjid yang ada sekarang ini.

27 Tuan guru Hj. Hasbullah, temubual.

di dalam pemerintahan baginda. Sebarang hukuman yang dijalankan hendaklah didasarkan kepada Hukum Syarak. Boleh dikatakan keseluruhan pemerintah Kelantan yang bermula dari Long Yunus adalah pemerintah yang memberi perhatian serius kepada soal-soal agama. Ini adalah kerana mereka sendiri telah disemaikan semangat agama sejak kecil lagi. Keutamaan sering diberikan kepada setiap alim ulama untuk mengajar agama di istana kepada putera-putera raja serta anak-anak pembesar. Biasanya pembesar-pembesar negeri terdiri daripada orang alim. Pendidikan agama disalurkan dengan begitu teratur dan disampaikan untuk setiap lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat. Berkat usaha ulama-ulama yang gigih seperti Syeikh Halim, Haji Yaakub dan ulama-ulama yang terkemudian daripadanya, pemerintah dan rakyat Kelantan telah disemaikan dengan perasaan cintakan agama. Jadi tidak hairanlah kalau corak hidup orang Kelantan lebih mementingkan soal-soal agama baik dari segi pendidikan maupun sosial atau politik.

Haji Yaakub tidak mempunyai putera untuk meneruskan kegiatan beliau di lapangan pendidikan dan pelajaran agama. Walau bagaimanapun dua orang anak saudaranya iaitu Haji Ahmad bin Haji Yusoff<sup>28</sup> dan Haji Osman serta murid-muridnya yang lain telah meneruskan penyebaran pendidikan Islam di Kelantan. Bertempat di Medan Tuan Padang, Haji Ahmad telah meneruskan pengajaran agama meliputi pelajaran-pelajaran Fiqah, Usuluddin, Tasawuf, Tauhid dan sebagainya. Haji Osman pula telah mengutamakan pengajaran al-Quran dan beliau adalah seorang guru Quran yang terkenal di seluruh Kota Bharu. Beliau juga merupakan guru Quran di istana.

Turut membantu Haji Ahmad di Medan Tuan Padang ialah tiga orang puteranya iaitu Haji Taib, Haji Ishak dan Haji Ibrahim. Ketiga-tiga puteranya itu mendapat didikan awal daripadanya sendiri dan juga Haji Yaakub. Kemudian mereka melanjutkan pelajaran agama di Mekah. Setelah Haji Ahmad meninggal, Haji Taib terus menyambungkan pengajaran agama di surau Medan Tuan Padang. Haji Taib juga digelar Tuan Padang. Di antara murid-murid yang turut belajar dengannya ialah Haji Muhammad Yusoff<sup>29</sup> atau kemudiannya dikenali dengan nama Tok Kenali.

Tuan Guru Haji Taib telah mengadakan suatu perubahan yang besar terhadap kehidupan sosial orang Kelantan. Beliau telah menasihati Sultan Mansur supaya menitahkan rakyat Kelantan untuk menggunakan pakaian yang digalakkan oleh agama iaitu menutup aurat.<sup>30</sup> Orang lelaki dikehendaki memakai kain sarung dan berbaju Teluk Belanga menggantikan pakaian yang biasa dipakai iaitu bersarung tanpa berbaju, bertengkolok, berkeris dengan pinggang diikat dengan kain lepas. Orang perempuan pula dikehendaki memakai kain sarung dan berbaju kurung serta bertudung menggantikan pakaian yang biasa dipakai iaitu bersarung dan berkemban. Perintah

28 Hj. Ahmad juga menjadi Imam kepada Sultan Mansur (1898–1900). Beliau ialah datuk sebelah ibu kepada Datuk Mufti Hj. Mohd. Noor. (Temubual dengan Cikgu Abd. Rahman Taib).

29 Abdullah Al-Qari, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu, 1967, hlm. 21.

30 Cikgu Abd. Rahman, temubual.

itu telah berjalan kuatkuasanya pada tahun 1899M.<sup>31</sup>

Tuan Guru Haji Taib tidak hanya bertugas di Kota Bharu, beliau juga berkesempatan mengajar di Muar, Johor.<sup>32</sup> Beliau sering mengajar secara bergilir-gilir di Kota Bharu dan di Muar, iaitu enam bulan di Kota Bharu dan enam bulan di Muar. Biasanya beliau bertugas di Muar ketika Kelantan mengalami banjir iaitu pada penghujung dan awal tahun. Cara pengajarannya di Kelantan dan di Muar adalah sama sahaja iaitu pengajarannya dilakukan di surau. Sementara itu dua orang saudaranya iaitu Haji Ishak dan Haji Ibrahim masing-masing bertugas menyampaikan pendidikan agama di Pulau Tawar, Pahang dan di Wakaf Bharu, Kelantan.<sup>33</sup>

Sheikh Abd. Halim dan keturunannya telah memainkan peranan yang begitu penting sekali di lapangan pendidikan Islam di Kelantan dan juga di luar Kelantan. Keluarganya dan keturunannya sentiasa berhubung rapat dengan pihak pemerintah dan kalangan istana. Mereka telah menjadi penghubung di antara pemerintah dengan rakyat jelata. Oleh kerana kalangan mereka terdiri daripada golongan yang berpendidikan maka tidak hairanlah mereka telah dijadikan penasihat oleh pihak pemerintah Kelantan; kalangan mereka juga ada yang dilantik menjadi pembesar Kelantan.

#### Kemunculan Sistem Pendidikan Pondok

Pondok yang pertama didirikan di Kelantan dipercayai ialah pada tahun 1820 oleh Tuan Guru Haji Abd. Samad bin Abdullah. Beliau menyampaikan ajaran agama Islam di Pulau Chondong yang letaknya di Jalan Kuala Krai, 28 kilometer dari Kota Bharu. Beliau telah mendapat didikan awalnya di Pattani dan kemudiannya terus melanjutkan pelajarannya ke Mekah.

Haji Abd. Samad yang dikenali dengan nama Tok Pulai Chondong telah menjadi pelopor di dalam memperkenalkan sistem pendidikan yang bercorak pondok di Kelantan. Beliau telah mewakafkan tanahnya untuk dijadikan tempat murid-muridnya mendirikan pondok. Beliau telah mendirikan sebuah masjid untuk dijadikan tempat pengajaran. Di samping masjidnya itu didirikan sebuah menara yang ditebuk daripada batang cengal.<sup>34</sup>

Tok Pulai Chondong mula mengajar terdahulu sedikit daripada Haji Yaakub yang mengajar di Kota Bharu. Bezanya ialah Haji Yaakub tidak memperkenalkan corak penempatan yang berbentuk pondok sedangkan Tok Pulai Chondong telah menggalakkan murid-muridnya mendirikan pondok untuk tempat tinggal. Murid-muridnya telah bertambah ramai sehingga terdapat mereka yang datang dari Kampar, Sumatera dan juga Kampuchea selain daripada Pattani dan negeri-negeri di Semenanjung.<sup>35</sup> Bilangan itu telah bertambah ramai ketika puteranya iaitu Haji Muhammad Arshad menyambung tugasnya sebagai guru agama di situ. Pada tahun 1880 murid-muridnya meningkat kepada hampir 500 orang. Di antara muridnya yang

31 Mohd. Hussain Khalei, *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu, 1970, him. 92.

32 Cikgu Abd. Rahman, temubual.

33 Ibid.

34 Menara merupakan lambang perkembangan pendidikan Islam di Pulau Chondong dan kini masih teguh berdiri walaupun menjalani masa lebih daripada satu abad setengah. (Ibid.).

35 Ibid.

terkenal ialah Tok Kemuning yang kemudiannya membuka pondoknya di Kemuning, Machang, pada awal abad ke-20.

Perkembangan pondok di Pulai Chondong yang begitu pesat pada abad ke-19 itu telah pudar setelah Tuan Guru Haji Muhammad Arshad meninggal dunia. Ini adalah kerana tidak ada orang yang terus menyambungkan usaha yang dipelopori oleh Tok Pulai Chondong. Sungguhpun terdapat murid-murid yang berkebolehan, mereka kembali ke tempat masing-masing dan membuka pondoknya yang tersendiri.<sup>36</sup>

### Pelopor Penulisan Kitab

Pendidikan Islam tradisional telah memperlihatkan perkembangan yang lebih positif dengan munculnya ulama-ulama seperti Haji Abd. Samad bin Muhammad Salleh Al-Kelantani (1816—1891), Haji Wan Ali bin Haji Abdul Rahman Al-Kelantani, Haji Omar Ismail Nuruddin Al-Kelantani dan Haji Abbas yang masing-masing mempunyai pengetahuan agama yang mendalam. Mereka telah mendapat didikan agama di Kelantan, Pattani dan Mekah.

Mereka bukan hanya merupakan guru-guru yang turut membuka pondok tetapi juga pengarang dan penterjemah kitab-kitab agama yang ulung. Sejauh yang diketahui guru-guru agama atau ulama-ulama yang dahulu hanya mengajar agama tetapi tidak menceburkan diri dalam kegiatan karangmengarang. Ini adalah kerana mereka lebih menumpukan kegiatan kepada bidang dakwah dan menyampaikan ajaran secara lisan memandangkan masyarakat pada masa itu rata-ratanya adalah buta huruf. Dengan munculnya Haji Abd. Samad bin Salleh Al-Kelantani, Haji Wan Ali dan Haji Omar, Kelantan telah memiliki guru-guru agama atau ulama yang berkebolehan dalam bidang penulisan dan penterjemahan kitab-kitab agama.<sup>37</sup>

Haji Abd. Samad bin Muhammad Salleh Al-Kelantani telah dilahirkan di Tabal,<sup>38</sup> wilayah Selatan Siam, pada tahun 1816M. Beliau juga terkenal dengan panggilan Tuan Tabal dan pendidikan awalnya ialah di Pattani. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran agamanya di Mekah dan Mesir sehingga menjadi seorang ulama yang terkemuka.

Beliau telah berkahwin dengan anak Tok Semian<sup>39</sup> dan menetap di Kota Bharu. Pada mulanya beliau bertugas mengajar di surau Tok Semian yang terletak di Kubang Pasu. Setelah murid-muridnya kian ramai beliau telah membuka pondok yang merupakan pondok pertama didirikan di Kota Bharu.

Dи samping mengajar, beliau juga menterjemahkan kitab-kitab agama atau menyadurkannya ke dalam bahasa Melayu. Karangan beliau itu meliputi ilmu Usuluddin, Fiqih dan Tasawuf. Kitab-kitabnya itu pernah dicetak di Mekah. Terjemahannya disesuaikan mengikut pengertian sendiri bagi menyenangkan pembaca dan murid-muridnya.<sup>40</sup> Di antara kitab karangannya ialah:

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> Temubuah dengan Tuan Guru Hj. Mond, Noor Bal.

<sup>38</sup> Tabul dabulunya terlepas di bawah kekuasaan negeri Kesariaan.

<sup>39</sup> Temubuah dengan Drs. Abd. Rahim Al-Adnani.

<sup>40</sup> Drs. Abd. Rahim Al-Adnani, Pengaruh Negeri, Kota Bharu, 1986, hal. 159.

1. *Minhatul Qarib*
2. *Jalaul Qulub*
3. *Munabihul Ghafilin*
4. *Bidayatul Ta'lim*
5. *Kifayatul Awwam*
6. *Bab Harap*
7. *Munyatul Ahli Aubah*

Kitab *Minhatul Qarib* itu adalah petikan daripada beberapa kitab karangan Imam Ghazali<sup>41</sup> seperti *Ihyau Ulumuddin*, *Minhajul Abidin* serta *Bidayatul Hidayah* dan dicampur pula dengan petikan daripada kitab-kitab karangan Sayyidi Al-Shaik Abd. Wahab Al-Sha'rani iaitu *Bahrul Al-Maurud* dan *Sharah Wasiah Maqbuliah*. Dinyatakan juga bahawa ada pengambilan dari Imam Nawawi dan Imam Rafii dari bab mengenai Fiqah untuk memperkuatkan nas-nasnya.<sup>42</sup>

Dengan terbukanya pondok Kubang Pasu (1850M?), Tuan Tabal telah membawa suatu langkah yang positif ke arah memperluaskan lagi pendidikan Islam tradisional di Kelantan terutamanya mengenai pelajaran Tasawuf yang dahulunya berkembang secara kecil-kecil sahaja. Pembukaan pondok ini telah membawa erti yang sebenarnya kepada penyebaran ajaran Tasawuf yang lebih meluas di Kelantan.<sup>43</sup>

Aliran Tasawuf yang dianuti oleh Tuan Tabal ialah *wadhatul wujud* yang bersifat tafakur dan ilmiah. Aliran ini merupakan aliran Tasawuf di Mekah yang diwakili oleh Ibrahim Qudri Al-Madani.<sup>44</sup> Mengikut beliau, cara menghampiri diri dengan Allah tidak hanya semata-mata dengan berzikir tetapi juga dengan berfikir. Ini jelas dipaparkan dengan terang di dalam kitabnya *Jalaul Qulub*.<sup>45</sup> Kitab ini menandakan kegemaran beliau terhadap ajaran Tasawuf. Beliau menerangkan dua sebab yang membawakan seseorang itu kasihkan keduniaan iaitu kejahilan dan tidak ingat akan hari mati. Ini jelas dipaparkan di dalam kitabnya yang berjudul *Munabihul Ghafilin*.<sup>46</sup>

Beliau telah memberi dua jalan untuk menghilangkan keadaan kejahilan dan gilakan keduniaan iaitu dengan cara berfikir secara ikhlas dan bertaubat kepada Allah melalui tiga cara iaitu hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan maksiat, berazam untuk tidak kembali melakukan maksiat dan menyesal di atas segala perbuatan itu.

Di dalam bidang akiliah,<sup>47</sup> peranan Tuan Tabal dapat dilihat daripada huraihan-huraihan mengenai kehidupan dan mengenai contoh-contoh hidup cara Islam dengan diri sendiri terlebih dahulu mengerjakan segala perintah

<sup>41</sup> Juga terkenal dengan gelaran *Hujjatul Islam*. Beliau adalah seorang ulama Islam yang terkemuka pada abad ke-5 Hijrah atau penghujung abad ke-11M dan awal abad ke-12M. (Lihat *Ihyau Ulumiddin*, Pustaka Indonesia, Medan, 1973).

<sup>42</sup> Drs. Abd. Rahaman, *Pengantar Sastera*, him. 159.

<sup>43</sup> Hj. Hasbuliah dan Hj. Mohd. Noor But, temubual.

<sup>44</sup> Drs. Abd. Rahman, *Pengantar Sastera*, him. 159.

<sup>45</sup> Ibid., him. 160.

<sup>46</sup> Ibid., him. 161.

<sup>47</sup> Apa-apa yang berhubungan dengan akal yang sebenarnya atau apa-apa yang didasarkan padanya iaitu yang datang dari kesedaran intelek.

Allah. Huraian-huraian adalah didasarkan kepada ajaran Tauhid dan akaliah serta menyentuh aspek kehidupan Islam yang sebenarnya.

*Kitab Bidayatul Ta'lim* dan *Kifayatul Awwam* pula membicarakan rukun Islam dan hukum-hukum yang wajib diketahui oleh setiap umat Islam termasuk mengenai sifat-sifat Tuhan. Sifat dua puluh adalah asas pelajaran Tauhid yang menyentuh sifat Ketuhanan itu telah dikupas oleh Tuan Tabal di dalam kitabnya yang berjudul *Kifayatul Awwam*.<sup>48</sup>

Tuan Tabal telah berjaya melahirkan ramai murid yang kemudian terus menyambungkan kegiatan dalam bidang pendidikan agama. Di antara mereka termasuklah putera-puteranya sendiri seperti Wan Musa dan Wan Abdullah. Selain daripada itu, Haji Daud bin Cik Hussain, Tok Kenali dan Hakim Nik Abdullah bin Raja Zainal adalah murid-murid Tuan Tabal yang berkejayaan. Mereka ini turut memusatkan lagi perkembangan pendidikan Islam tradisional di Kelantan pada abad ke-20 ini.

Seorang ulama yang terkenal dan hidup sezaman dengan Tuan Tabal ialah Haji Wan Ali bin Abd. Rahman Al-Kelantani atau lebih dikenali dengan nama Haji Wan Ali Kutan. Beliau dilahirkan di Kutan, Pasir Pekan, Jalan Pasir Mas, pada tahun 1837M. Beliau, seperti Tuan Tabal, mendapat didikan awal di Pattani. Beliau melanjutkan pelajarannya ke Pattani setelah belajar dengan Haji Yaakub beberapa tahun. Untuk mendalami pengetahuan agama dan bahasa Arab, beliau terus menyambungkan pelajarannya ke Mekah.

Sekembalinya ke Kelantan, beliau telah menceburkan diri dalam lapangan pendidikan Islam. Beliau juga merupakan seorang ulama Tasawuf yang terkumpul di dalam dirinya ilmu Syarak dan ilmu Hakikat. Aliran Tasawuf yang dibawanya berbeza sedikit dengan aliran yang dibawa oleh Tuan Tabal. Aliran Tasawufnya bersifat tafakur dan ubudiah yang menekankan zikir sedangkan Tuan Tabal bersifat tafakur dan ilmiah. Di antara kitab-kitab karangannya ialah:

1. *Al Jauharil Mauhub (1886M)*
2. *Zaharatul Marid fil'Aqaidil Tauhid (1890M)*
3. *Lam'atul Aurad (1881M)*
4. *Majmu' Al Qasaid wal Awaid (1900M)*

*Al Jauharil Mauhub* adalah terjemahan daripada kitab Hadith al Nabawi karangan Syeikh Jalaluddin Abdul Rahman Al-Sayuti. Kitab Haji Wan Ali yang pertama ini membicarakan tentang fadilah fikir, fadilah ilmu dan ulama.<sup>49</sup> Keseluruhan kitab ini membicarakan soal-soal ibadat. Sabda Nabi dimasukkan di dalamnya secara sistematis bagi memperkuatkan sesuatu nas.

Beliau juga telah mengarang sebuah kitab yang menghuraikan tentang ilmu Usuluddin bersesuaian dengan Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah. Kitab itu dinamakan *Zaharatul Marid fi 'Aqaidil Tauhid* dan didahului dengan fadilah ilmu dan diakhiri dengan keterangan tentang rahsia dan kebaikan serta kelebihan mengucap kalimah *Lailaha illallah*.<sup>50</sup>

Kitab *Lam'atul Aurad* pula mengandungi wirid dan doa serta diterangkan tentang faedah dan fadilahnya. Faedah dan khasiat qasidah telah dipaparkan

48 Drs. Abd. Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*, hlm. 162.

49 Drs. Abd. Rahman, *Pengantar Sastera*, hlm. 163.

50 Ibid., hlm. 163.

di dalam kitabnya yang berjudul *Majmu' Al Qasa'id wal Awaid*. Selain daripada itu terdapat juga kitab-kitabnya yang tidak pernah dicetak dan ada di dalam simpanan kerabatnya.<sup>51</sup>

Haji Wan Ali telah bertugas menyampaikan pendidikan agama di Kutan dan juga di Kota Bharu. Beliau telah menghambakan dirinya di sepanjang hayat untuk menuntut dan menyampaikan ilmu agama. Di antara murid-murid yang berguru dengan beliau ialah Tok Kenali.<sup>52</sup> Haji Wan Ali meninggal dunia di Mekah pada tahun 1912M.

Pada penghujung abad ke-19, iaitu pada zaman Tuan Tabal dan Haji Wan Ali, Kota Bharu telah mula menjadi tumpuan penuntut-penuntut yang datangnya dari setiap tempat baik di dalam ataupun di luar Kelantan. Selain daripada tempat-tempat pengajaran yang dikelolakan oleh Tuan Tabal dan Haji Wan Ali, terdapat lagi beberapa pondok di Atas Paloh, Kota Bharu yang dibuka oleh guru-guru lain seperti Haji Abbas, Haji Musa (Pak Cik Musa) dan Haji Daud. Mereka ini juga mengajar anak-anak raja dan pembesar Balai Besar. Tok Kenali dan beberapa orang ulama yang kemudiannya turut membuka pondok adalah kelulusan pondok-pondok yang lebih awal.<sup>53</sup>

Kemunculan Tuan Tabal dan Haji Wan Ali telah memusatkan lagi perkembangan pendidikan Islam di Kelantan. Ini ialah kerana kegiatan beliau dalam lapangan penulisan kitab agama di samping bertugas menjadi pendidik. Pendidikan Islam yang diasaskan oleh Syeikh Halim secara pengajaran di surau-surau telah diperbarui oleh murid-muridnya dari masa ke semasa sehingga muncullah lapangan pendidikan yang boleh dianggap "moden" dengan terbentuknya pondok. Murid-murid yang dilahirkan oleh para guru dan pendidik Islam yang bermula semenjak Syeikh Halim membawalah kepada Tuan Tabal dan Haji Wan Ali meningkat tahun demi tahun sehingga masyarakat Kelantan telah diresapi oleh semangat keagamaan yang begitu mendalam. Murid-murid mereka yang berkebolehan telah meneruskan perkembangan tradisi pendidikan Islam dengan mendirikan pondok di tempat masing-masing. Perkembangan itu telah menuju ke puncak kegembilangannya bermula dengan zaman Tok Kenali dan ulama-ulama yang sezaman dengannya. Tradisi pendidikan Islam terus kekal di Kelantan sehingga ke hari ini walaupun terdapat persaingan daripada sistem pendidikan yang berbentuk sekular yang telah ditiru dari sistem pendidikan Barat.

### Perkembangan Pondok Pada Awal Abad Ke-20

Sistem pendidikan Islam tradisional telah menuju ke zaman gemilangnya dengan bermulanya abad ke-20. Wujudnya keadaan ini ialah kerana ulama-ulama yang terdahulu telah berjaya melahirkan murid-murid yang berkebolehan dan berjaya mananamkan semangat cintakan agama di kalangan masyarakat Kelantan. Ini diikuti pula oleh terjemahan dan karangan kitab-kitab agama oleh guru-guru yang berdedikasi. Kitab-kitab Jawi karangan Tuan Tabal, Haji Wan Ali dan lain-lainnya telah menambahkan

51 Ibid., hlm. 165.

52 Abdullah Al-Qari, op. cit., hlm. 21.

53 Hj. Mohd. Noor But; Hj. Hasbullah, temubual.

lagi kemudahan bagi pelajar-pelajar agama kerana kitab-kitab itu telah dicetak.<sup>54</sup> Kitab-kitab yang dikarang di dalam bahasa Melayu (tulisan Jawi) banyak kedapatan kerana kitab-kitab tulisan tangan oleh ulama-ulama dari Pattani, Aceh, Palembang, Banjar, Lingga dan Pontianak telah dicetak dan dapat diedarkan secara meluas.<sup>55</sup>

Sistem pendidikan pondok yang ditiru dari Pattani telah diperkenalkan di Kelantan menerusi corak pengajaran yang ditiru dari Mekah. Penyesuaian kedua sistem itu dengan iklim Kelantan telah melahirkan suatu bentuk pendidikan yang mula berkembang pesat. Pendidikan yang bercorak kerohanian bermula dengan sistem pondok itu dapat dianggap sebagai sekolah Melayu yang asal.<sup>56</sup> Keadaan ini telah pun wujud lama sebelum wujudnya sistem pendidikan Barat di Semenanjung ini.

Pondok didirikan tanpa sebarang bantuan daripada pemerintah. Ia hanya dibangunkan dengan keikhlasan guru-guru dan orang-orang tempatan yang memberi tapak untuknya secara sukarela. Murid-murid akan mendirikan pondok masing-masing di kawasan yang telah ditentukan itu — biasanya berhampiran dengan rumah tuan guru. Pada dekad pertama abad ke-20 pondok-pondok telah berkembang dengan pesatnya.<sup>57</sup> Ini adalah kerana ulama-ulama yang terkenal yang telah mendapat didikan dari Pattani, Mesir dan Mekah telah kembali semula ke Kelantan bertugas dalam lapangan pendidikan Islam. Di antara mereka ialah Tok Selehor, Tok Bachok, Tok Kemuning, Tok Seridit, Tok Padang Jelapang, Tok Kenali, Haji Omar Ismail Nuruddin Al-Kelantani, Haji Musa Atas Paloh, Haji Ibrahim Mufti, Haji Wan Musa, Haji Nik Mahmud bin Ismail, Haji Mohd. Said dan Nik Mohd. Fadzil.<sup>58</sup>

Bandar Kota Bharu telah menjadi pusat pendidikan Islam yang terkenal di dalam dan luar negeri Kelantan. Penuntut-penuntut dari Kelantan dan juga luar negeri telah bertumpu-tumpu ke Kelantan untuk menuntut pelajaran agama. Laporan tahunan kerajaan Kelantan pada 1930 mengakui akan hakikat ini.<sup>59</sup>

Perkembangan yang bermula dari Kota Bharu itu telah berkembang ke merata tempat di Kelantan. Abad ke-20 memperlihatkan kepesatan perkembangan pondok di Kelantan yang telah meliputi daerah-daerah Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kuala Krai dan Bachok. Guru-guru yang bertugas mengajar dan membuka pondok di tempat-tempat tersebut terdiri daripada ulama-ulama yang terbilang.

Di Kampung Selehor, Tumpat, sebuah penempatan pondok telah didirikan oleh Tuan Guru Syeikh Abdul Rahman bin Uthman. Beliau juga terkenal dengan nama Tok Selehor. Pondok Tok Selehor didirikan pada

54 Cetakan itu dilakukan di Mekah, Mesir atau Istanbul.

55 Lihat Tua Sri Prof. (Dr.) Abdul Jalil Hassan, *Falsafah dan Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 48—53.

56 Temubual dengan Datuk Hj. Muhammad Nasir, Bekas Menteri Besar Kelantan.

57 Terdapat 8 pondok di Kelantan waktu itu.

58 Di antara mereka ini ada yang menjadi pegawai-pegawai tadbir negeri Kelantan seperti Hj. Nik Mahmud Ismail (Menteri Besar), Hj. Mohd. Said dan Nik Mohd. Fadzil. (Temubual dengan Datuk Hj. Mohammad Nasir, Hj. Hasbulah dan Hj. Mohd. Noor Bu1).

59 *Kelantan Annual Report 1930*, hlm. 32.

penghujung abad ke-19.<sup>60</sup> Beliau adalah anak tempatan Selehor dan mendapat didikan permulaan di Kota Bharu. Beliau merupakan murid kepada Tuan Padang dan Tuan Tabal. Setamatnya daripada belajar di Kota Bharu, beliau terus menuntut di Pattani dan Mekah selama beberapa tahun.<sup>61</sup>

Tok Selehor juga merupakan seorang pengarang dan penterjemah. Semasa di Mekah beliau telah mengarang dan mencetak kitabnya yang berjudul *Kanzu Sa'adah fi Bayani Istilahat as Sufiyian*. Kitab itu digunakan untuk menyampaikan pelajaran agama di pondoknya di samping kitab-kitab *al-Manhalu a-Safi*, *Sharh Hikam ibn Ata'llah*, *Hikam abi Madyan* dan *ad-Durru'n-Nafis*.<sup>62</sup>

Tok Selehor juga mengajar metafizika ibn Arbi yang disampaikan menerusi kitab *Fususu'l Hikam*. Selain daripada mengajar tradisi metafizika Islam, ia juga menjadi "khadim" iaitu berkhidmat kepada perjuangan. Tok Selehor adalah seorang guru Tasawuf yang terkenal di Kelantan.<sup>63</sup> Beliau telah menaburkan khidmatnya dalam lapangan pendidikan Islam sehingga beliau meninggal dunia kira-kira tahun 1926. Kegiatannya telah diteruskan oleh murid-muridnya<sup>64</sup> setelah kembali ke tempat masing-masing.

Seorang lagi tokoh ulama yang terkenal dalam abad ke-20 ialah Haji Omar Ismail Nuruddin Al-Kelantai atau dikenali sebagai Haji Omar Sungai Keladi, seorang ulama yang kreatif dan ahli di dalam matematik dan ilmu falak. Beliau kembali ke Kelantan terkemudian sedikit daripada Tok Selehor dan membuka pondoknya di Sungai Keladi, Jalan Pantai Cinta Berahi. Selain daripada ahli di dalam ilmu falak, beliau juga merupakan seorang yang alim di dalam ilmu Usuluddin dan berminat dalam ilmu bahasa.<sup>65</sup> Beliau dapat menguasai bahasa Melayu dan Arab dengan baik. Kitab-kitab karangannya ialah:

1. *Jambangan Melayu* (1917)
2. *Jalan Sejahtera* (1917)
3. *Jalan Membahagi Pusaka* (1920)
4. *Aqdul Falah* (1922)
5. *Tazkiratul Awwam* (1922)
6. *Shamsul Fatihah* (1926)
7. *Miftahul Taklim* (1930)
8. *Pengenal Kesucian*

Buku yang berjudul *Jambangan Melayu* telah membuktikan minatnya yang besar dalam ilmu bahasa dengan memberikan perumpamaan dan contoh-contoh penggunaan bahasa yang baik mengikut bahasa Melayu. Kitab

60 Temubual dengan Ustaz Hj. Abd. Rahman bin Ismail.

61 Di antara gurunya semasa menguntut di Mekah ialah Syeikh Shafii bin Muhammad Salleh berasal dari Alor Setar, Kedah. Syeikh Syafii adalah seorang yang ahli dalam doktrin metafizika Islam.

62 Muhammad Uthman El-Muhammady, "Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia Dalam Pembentukan Kebudayaan," *Majalah Dewan Bahasa*, Oktober, 1971, him. 442.

63 Ustaz Hj. Abd. Rahman, temubual.

64 Di antara murid-murid Tok Selehor yang terkenal ialah: Hj. Wan Ahmad Palembang, mengajar di Pasir Mas; Hj. Abd. Ghani juga mengajar di Pasir Mas; Hj. Abdullah Latif, membuka pondok di Latif, Pasir Mas; Hj. Awang Lambio, membuka pondok di Lambio, Wakaf Bharu, Tumpai dan Pa' Su Wei membuka pondok di Kg. Dangar, Pasir Mas.

65 Drs. Abd. Rahman Al-Ahmadzi, *Pengantar Sastera*, him. 166.

*Jalan Sejahtera* membicarakan tentang hukum dan rukun Islam. *Pengenal Kesucian* pula mengulas tentang erti haram, hukum haram, sebab-sebab membatalkan air sembahyang, hadas besar dan perkara-perkara yang membawa kepada membatalkan puasa. Dihuraikan juga di dalam kitab itu tentang menuntut ilmu, hukum pekerjaan yang ditegah, hukum kanak-kanak belajar dan soal mencari kehidupan serta lain-lain soal yang berhubung dengan agama. Beliau juga menulis sebuah kitab yang membicarakan soal-soal membahagi pusaka; kitab itu dinamakan *Pelajaran Membahagi Pusaka*.<sup>66</sup> Beliau seterusnya menulis kitab-kitab yang membicarakan tentang kewajipan sembahyang dan soal-soal yang berkaitan dengannya serta mengenai pelajaran Tauhid, iaitu membicarakan mengenai sifat dua puluh. Ini kita dapat masing-masing di dalam kitab *Aqdal Falah* dan *Tazkiratul Awwam*.<sup>67</sup>

Kitabnya yang berjudul *Shamsul Fatihah* ialah sebuah kitab yang penting bagi pelajar-pelajar yang ingin mendalamai ilmu falak sementara kitab *Miftahul Taklim* pula menghuraikan mengenai hisab dan takwim dan kitab inilah yang benar-benar membuktikan yang Tuan Guru Haji Omar Sungai Keladi berkebolehan di dalam matematik.<sup>68</sup> Keahlian beliau dalam lapangan falak dan matematik telah mempengaruhi murid-muridnya. Ajarannya ini tersebar luas di Semenanjung Tanah Melayu, Kampuchea<sup>69</sup> (Kemboja) dan Indonesia.

Haji Omar adalah seorang ulama, guru dan pengarang yang berkebolehan dan terkenal. Memandangkan kebolehannya yang istimewa terutamanya dalam lapangan penulisan, beliau telah diangkat menjadi seorang dari anggota jemaah pengarang Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1917M. Beliau merupakan seorang pengarang yang produktif dan telah menghasilkan karya dalam banyak lapangan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1946.

Di Padang Jelapang, Pasir Mas, Tuan Guru Haji Ahmad telah membuka pondoknya setelah beliau kembali dari Mekah. Semasa di Mekah, beliau menuntut bersama-sama dengan Tok Kenali. Beliau telah kembali ke Kelantan pada awal abad ke-20,<sup>70</sup> dan membuka pondok. Tuan Guru Haji Ahmad juga terkenal dengan panggilan Tok Jelapang. Beliau telah didatangi oleh ratusan murid-murid<sup>71</sup> dari luar dan dalam negeri Kelantan. Setamat-

66 Kitab ini merupakan minat beliau terhadap matematik dan kitab yang membicarakan mengenai pembahagian pusaka ini adalah kitab karangannya yang paling tebal (357 halaman) dan kitab ini juga merupakan kitab faraid yang paling lengkap tertulis dalam bahasa Melayu ketika itu. (Ibid., hlm. 167 dan 168).

67 Ibid., hlm. 168–169.

68 Tembusud dengan Ustaz Abdullah Nakula.

69 Salah seorang muridnya yang terkenal ialah Muhammad Salleh bin Hj. Harun dari daerah Pohomitrai, Kampung Cham, Kampuchea. Muhammad Salleh yang mewarisi kebolehan gurunya di dalam ilmu falak itu telah menulis sebuah kitab yang bertajuk *Pedoman Bahagia* (1934) membicarakan tentang sukanan waktu dan kiblat. Kitab itu dicetak dan diterbitkan oleh percetakan Al-Asasiah, Kota Bharu.

70 Hj. Ahmad kembali ke Kelantan ketika Tok Kenali mengunjungi Mesir kira-kira tahun 1903. (Tembusud dengan Hj. Mohd. Noor But).

71 Di antara murid-muridnya yang terkenal ialah Hj. Abdullah Tendung, Hj. Cik Hassan Lemal, Mat Melaka (menantu Tok Jelapang) dan Hj. Abdul Rahman Cik Wan. Mereka telah membuka pondok masing-masing di Tendung, Lemal, Tanah Merah dan Lubuk Tapah. Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, adalah salah sebuah pondok yang masih didatangi oleh ramai penuntut dari Kelantan dan luar negeri. (Tembusud dengan Hj. Mohd. Noor But).

nya pengajian mereka dengan Tok Jelapang, mereka terus melanjutkan pelajaran ke Mekah dan kemudiannya kembali ke sistem pondok. Salah seorang daripada muridnya iaitu Haji Abdullah Tendung telah dapat mengatasi Tok Jelapang dari segi ilmu dan pengajarannya.

Selain daripada guru-guru yang disebutkan di atas, terdapat lagi tiga orang guru yang mengajar secara pondok. Mereka ialah Tok Bachok atau Tuan Guru Haji Mohd. Salleh — mengajar dan membuka pondok di Machang iaitu di Kampung Kemuning (beliau juga terkenal dengan panggilan Tok Kemuning),<sup>72</sup> dan Tok Seridit<sup>73</sup> — membuka pondoknya di Nipah Bachok. Mereka ini adalah penuntut-penuntut lepasan Pattani dan Mekah. Mereka menuntut di Mekah bersama-sama dengan Tok Kenali<sup>74</sup> tetapi telah kembali ke Kelantan terdahulu daripada Tok Kenali dan terus mengajar mengikut sistem pondok di tempat masing-masing mulai awal abad ke-20.

Perkembangan pondok telah menjadi bertambah dinamis lagi dengan kembalinya Haji Mohd. Yusoff bin Ahmad atau Tok Kenali ke Kelantan pada tahun 1908M.<sup>75</sup> Tok Kenali adalah seorang ulama yang mempunyai pengetahuan agama yang begitu luas setelah menghabiskan hayatnya selama 22 tahun di Mekah dan Mesir. Beliau dilahirkan pada tahun 1868 dan mula mengajar, sekembalinya ke Kelantan pada tahun 1908, di rumahnya sendiri di Kampung Paya, Kerian. Selanjutnya beliau mengajar di Masjid Muhammadi di Kota Bharu. Tempat ini telah menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di Asia Tenggara pada 1920-an dan 1930-an walaupun kemudian beliau kembali ke tempat asalnya.

Jasa-jasa Tok Kenali adalah terlalu besar dalam perkembangan agama Islam di Kelantan. Dalam bidang pendidikan beliau telah berjaya melahirkan golongan ulama, pemimpin agama serta masyarakat yang berkebolehan. Beliau adalah seorang pengasas Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan dan beliau juga merupakan Ketua Pelajaran Majlis Agama, Ketua Pengarang Majalah *Pengasuh* dan Ahli Majlis Ulama. Jasa beliau yang besar itu tidak dilupakan oleh masyarakat terutama sekali kerana beliau telah berjaya melahirkan golongan intelek Islam yang terdiri daripada murid-muridnya yang bertaburan dari seluruh Asia Tenggara ini. Tok Kenali, ulama yang terbilang, tokoh pendidik yang ulung dan mahaguru yang berkebolehan telah meninggal dunia pada 19 November 1933 ketika usianya 65 tahun.<sup>76</sup>

72 Tok Kemuning ialah ayahanda kepada Tuan Haji Ahmad Mahir, mufti Kelantan 1945—1968.

73 Berasal dari Kampung Seridit, Pattani, Selatan Thai, beliau datang ke Kelantan untuk membuka pondok kerana kegiatan pendidikan Islam di sana terhalang oleh tekanan pemerintah Siam.

74 Di antara ulama-ulama yang terkenal dan membuka pondok masing-masing di Kelantan pada awal abad ke-20 ialah: Tok Selehor, Tok Padang Jelapang, Tok Bachok, Tok Kemuning dan Tok Seridit. Mereka menuntut di Mekah bersama dengan Tok Kenali.

75 Untuk kajian yang teliti tentang Tok Kenali lihat Abdullah Al-Qari, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kota Bharu, 1967, him. 54. Juga oleh penulis yang sama — "Tok Kenali: His life and Influence" dlm. William R. Roff (ed.), *Kelantan, Religion, Society and Politics In A Malay State*, Kuala Lumpur, 1974.

76 Majalah *Pengasuh* bilangan 433, 1352H mencatatkan "Kembali ke alam bapa 1352H yang meredupkan alam Kelantan dengan dukacita. Fa-inna li llah wa inna ilaihi raji' un (Dari Allah kita datang dan kepadaNya kita kembali). Hari wafatnya dilawat oleh tidak kurang daripada 2500 orang dan disembahyangkan jenazahnya lebih daripada 1000 orang ...".

## Perkembangan Pondok Selepas 1930M<sup>77</sup>

Kemunculan ulama-ulama sezaman dengan Tok Kenali yang menumpukan kegiatan mereka kepada bidang pendidikan Islam memberi kesan yang besar kepada perkembangan pelajaran Islam. Ini adalah kerana ulama-ulama di atas telah berjaya melahirkan bilangan murid-murid yang begitu ramai dan berkebolehan. Mereka ini terus mengikut gerak langkah guru-guru mereka dengan meneruskan kegiatan pendidikan Islam di Kelantan dan di luar negeri.<sup>78</sup> Mereka juga kembali ke tempat masing-masing menjadi pemimpin tempatan, petani dan peniaga yang berjaya. Di samping itu terdapat sebilangan mereka yang turut memegang jawatan penting seperti mufti, kadi, penggawa dan imam.

Peranan mereka yang penting sekali ialah dalam lapangan pendidikan. Pondok yang menjadi minat dan tumpuan utama masyarakat untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan agama terus diperkembangkan. Perkembangan ini mula mendapat saingen hebat daripada sistem pendidikan sekular yang dicontohi dari Barat. Walau bagaimanapun corak pendidikan agama yang diperkenalkan melalui pondok itu tetap terus diperkembangkan dan ia terus menjadi tumpuan utama masyarakat Kelantan sehingga 1950-an. Kemudian institusi pondok itu telah bertukar corak untuk disesuaikan mengikut zaman dan digantikan dengan institusi yang berbentuk persekolahan serta bercorak keagamaan pada setengah-setengah tempat.

Di antara pondok-pondok yang telah didirikan selepas tahun 1930M yang mendapat sambutan hangat dan mempunyai bilangan murid yang ramai ialah Pondok Bunut Payong, Pondok But, Pondok Terusan Pasir Tumbuh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Kolam, Pondok Bukit Abal, Pondok Kubang Bemban dan Pondok Pa'Su Wel (Pondok Kampung Dangar).

Pondok Bunut Payong atau Madrasah Ahmadiah telah ditubuhkan oleh Tuan Guru Haji Abdullah Tahir<sup>79</sup> (1897—1961) pada tahun 1913. Bunut Payong merupakan pondok yang mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada masyarakat tempatan dan juga luar negeri. Penuntut-

<sup>77</sup> Penuntut lepasan pondok dari Kelantan telah turut memperkembangkan pendidikan agama di negeri masing-masing; di antaranya:

- (i) Hj. Abdul Aziz, membuka pondok di Pendang, Alor Setar, Kedah.
- (ii) Hj. Abdullah, membuka pondok di Langgar, Alor Setar, Kedah.
- (iii) Hj. Yaakub, membuka pondok di Ligor, Selatan Thailand.
- (iv) Hj. Salleh, membuka pondok di Pehom Deria, N. Keratier, Kampuchea.
- (v) Tuak Kecik, membuka pondok di Kampung Cham, Kampuchea.
- (vi) Hj. Omar Ali, membuka pondok di Chau Doc, Vietnam Selatan.
- (vii) Hj. Abu Bakar dan Hj. Ismail, membuka pondok di Cherang Cheriah, wilayah utara Phonm Penh, Kampuchea.

Kebanyakan daripada mereka adalah bekas tangan Tok Kenali. [Temubual dengan Hj. Ahmad Bangkok, Slesmeth (penuntut Vietnam Selatan di Nilam Puri) dan Azhari Moheidin (penuntut Kampuchea di Nilam Puri)].

<sup>78</sup> Beliau mendapat didikan daripada Tok Kenali kemudian melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Pernah bertugas sebagai guru di Masjid Muhammadi dan mengajar bersama-sama dengan Hj. Yaakub Legor dan lain-lain guru pada 1920-an. Beliau juga menjadi anggota Majlis Ulama Islam Kelantan yang dilantik oleh baginda Sultan.

<sup>79</sup> Pondok Bunut Payong adalah sebuah pondok yang terbesar dan teragung yang pernah wujud di Semenanjung ini kerana penuntut-penuntut pernah meningkat ke jumlah ribuan pada 1940-an (Temubual dengan Hj. Mohd. Noor But).

penuntutnya telah meningkat ke angka hampir seribu orang menjelang tahun 1940.<sup>80</sup> Murid-murid lepasan pondok ini telah turut memegang jawatan-jawatan penting<sup>81</sup> selain daripada yang bertugas sebagai ulama-ulama yang turut membuka pondok dan mengajar secara sukarela. Oleh kerana sambutan masyarakat beransur kurang mulai 1950-an, sistem pendidikan pondok di Bunut Payong yang letaknya di kilometer 2.4, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, itu telah cuba disesuaikan dengan sistem persekolahan oleh Tuan Haji Abdullah Tahir. Akhirnya pada tahun 1958 terbentuklah Madrasah Sulamiah<sup>82</sup> yang merupakan lanjutan daripada sistem pondok. Madrasah Sulamiah telah berkembang selaras dengan lain-lain sekolah agama di Kelantan.

Pondok Lubuh Tapah<sup>83</sup> pula didirikan pada tahun 1932 oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Che Wan. Beliau telah menerima didikan dari Tok Jelapang dan Tok Kenali sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Pondok Lubuk Tapah terus kekal sehingga sekarang walaupun terdapat persaingan hebat dari sekolah-sekolah kerajaan. Penuntutnya kini masih ramai terdiri daripada pendatang-pendatang dari Terengganu, Pahang dan Kedah selain daripada anak-anak tempatan.

Di But, Kilometer 17 Jalan Kuala Krai, terdapat dua buah pondok yang dibuka oleh Tuan Guru Haji Hasbullah bin Yusof al-Karimi<sup>84</sup> (1973) dan Tuan Guru Haji Mohd. Noor<sup>85</sup> (1946). Pondok Haji Hasbullah cuma hidup sehingga tahun 1942 kerana beliau telah dilantik oleh Majlis Agama untuk bertugas di Majlis Muhammadi Bachok. Pondok Haji Mohd. Noor terus berjalan sehingga tahun 1970, kemudian ia mengalami kemerosotan dan ditukar mengikut sistem persekolahan iaitu dengan Madrasah Saadatul Qura mengambil tempatnya.

Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Abu Bakar<sup>86</sup> bersama-sama dengan saudaranya Tuan Haji Mustaffa telah membuka pondok di Terusan, Pasir

- 
- 80 Ada yang menjadi Kadi, setengahnya, Pelawat Agama; pernah seorang menjadi Imam Besar Masjid Abu Bakar, Johor Bharu, dan seorang lagi Ahli Parlimen (1959—69)
- 81 Madrasah ini dikelolakan oleh Tuan Guru Hj. Hassan dengan kumpulan pertama murid seramai 40 orang.
- 82 Letaknya di Kilometer 4.8, Jalan Tanah Merah. Pondok ini merupakan sebuah pondok yang termaju di Jajahan Pasir Mas buat masa ini. Tuan Guru Hj. Abd. Rahman mempunyai enam orang lagi tenaga pengajar iaitu Hj. Abdullah bin Abd. Rahman (puteranya), Hj. Zainal Abidin b. Mohd. Zain, Zakaria b. Muhammad, Ghazali b. Abd. Rahman, Hj. Abd. Rahman b. Hj. Ngah dan Muhammad bin Hassan (Pahang). Hj. Abdullah bin Hj. Abd. Rahman juga merupakan anggota Majlis Ulama bagi Majlis Agama Kelantan.
- 83 Beliau mendapat didikan daripada Tok Kenali kemudian meneruskan pengajiannya ke Pattani dan Mekah. Untuk mendirikan pondok yang dinamakan "Roudatul Muslimin" itu beliau telah mengarang sebuah risalah yang berjudul *Ainul Radzi* dijualkan kepada orang ramai untuk mendapatkan wang bagi membangunkannya.
- 84 Hj. Mohd. Noor juga merupakan seorang murid Tok Kenali dan Hj. Abdullah Tahir. Beliau adalah menantu kepada Hj. Abdullah Tahir. Kembali membuka pondok di But setelah menamatkan pengajian di Mekah selama 11 tahun. Di antara murid-muridnya yang terkenal ialah Ibrahim Baba (membuka pondok di Tanah Merah), Hj. Abd. Rahman b. Sulaiman (membuka pondok Sq. Durian, Kuala Krai), Hj. Ibrahim (membuka pondok di Paloh Rawa), dan Hj. Hussain Kadi Besar di Pasir Puteh, dan Imam Besar Masjid Machang.
- 85 Hj. Abd. Aziz dan saudaranya mendapat didikan dari Tok Kenali dan Hj. Abdullah Tahir. Mereka melanjutkan pelajaran ke Mekah sebelum kembali membuka pondok. Tuan Guru Hj. Abdul Aziz juga merupakan salah seorang anggota Majlis Ulama bagi Majlis Agama Kelantan.
- 86 Letaknya di Jalan Pasir Puteh, 11.2 kilometer dari Kota Bharu.

Tumbuh, pada tahun 1948. Pondok itu dinamakan Madrasah al-Diniyahul Bakariah.<sup>87</sup> Pondok ini ialah sebuah pondok yang termaju di Kelantan pada masa ini, mempunyai 700 orang penuntut yang terdiri daripada pendatang dari Kelantan dan luar negeri. Pondok ini mempunyai empat orang ulama<sup>88</sup> sebagai tenaga pengajar yang utama dan dibantu oleh lima puluh orang pembantu yang terdiri daripada kepala telaah dan guru-guru yang baru.

Di Kolam, Bachok, terdapat sebuah pondok Darul Ulum al Ahmadiah yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Muhammad bin Abdullah,<sup>89</sup> pada tahun 1950. Pondok ini letaknya di kawasan pedalaman kira-kira 29 kilometer dari Kota Bharu dan kini mempunyai 300 orang penuntut yang datang dari seluruh Kelantan, Terengganu, Kedah, Pahang, Singapura dan juga Thailand. Pondok ini telah menjalankan dua sistem pengajaran iaitu cara pondok dan juga cara persekolahan biasa.

Sebuah pondok yang maju sekali di Ulu Kelantan ialah Madrasah Muhammadiyah Sungai Durian, Kuala Krai. Pondok ini diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abd. Rahman bin Sulaiman pada tahun 1958. Bilangan penuntutnya kini berjumlah empat ratus orang yang datangnya dari Kelantan dan juga luar negeri termasuk Sarawak. Tuan Guru Haji Abdul Rahman dibantu oleh beberapa orang tenaga pengajar di antaranya ialah: Ustaz Ismail Sulaiman, Ramlee Abu Bakar, Ibrahim Yaakub dan Abd. Rashid Taib. Pondok ini juga menjalankan dua sistem pengajaran seperti yang dijalankan oleh Madrasah Darul Ulum al-Ahmadiah, Kolam Bachok.

Selain daripada pondok-pondok yang tersebut terdapat banyak lagi bilangan yang berselerak di setiap jajahan di dalam negeri Kelantan. Pada tahun 1967 misalnya terdapat 55 buah sekolah pondok di Kelantan walaupun sejak kemerdekaan (tahun 1957) lagi, pelajaran pondok telah mendapat persaingan hebat daripada pelajaran sekular. Kerana sekolah pondok tidak mempunyai sumber kewangan yang memadai untuk menjamin perkembangannya berbanding dengan sekolah-sekolah kebangsaan, kemerosotan telah berlaku. Namun demikian pada tahun 1973 masih terdapat 54 buah pondok di Kelantan yang dapat meneruskan kegiatannya dalam bidang pendidikan Islam dengan bilangan murid seramai 3,142 orang.<sup>90</sup>

87 Mereka ialah Hj. Abdul Aziz bin Abu Bakar, Hj. Mustaffa bin Abu Bakar, Hj. Hashim bin Abu Bakar dan Hj. Ismail Perol.

88 Terkenal dengan panggilan Tuan Guru Hj. Awang Padang. Berguru dengan Tok Kenali, Hj. Abdullah Tahir dan Hj. Ahmad Bangkok sebelum membuka pondok di Kolam.

89 Beliau mendapat didikan awal dari Hj. Mohd Noor But dan pernah bertugas sebagai guru dan mengajar di Pondok But sebelum melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau juga adalah salah seorang anggota jawatankuasa pengasas Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan tahun 1965.

90 Banci oleh Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan, 1973.

**LAMPIRAN**  
**SENARAI DAN TARikh SERTA LATAR BELAKANG ORANG-ORANG YANG TELAH DITEMURAMAH:**

**Cikgu Haji Abdul Rahman bin Taib — 24 Mac 1974.**

Beliau ialah keturunan daripada Syeikh Abdul Halim. Pernah bertugas sebagai guru dan guru besar di beberapa buah sekolah kebangsaan di Kelantan. Beliau seorang ahli sejarah Kelantan dan mahir di dalam soal wayang kulit. Kini telah bersara daripada guru dan bertugas mengajar bahasa Malaysia kepada Pegawai-pegawai Kerajaan (bukan Melayu) di Kota Bharu.

**Datuk Haji Muhammad bin Nasir — 25 Mac 1974.**

Seorang tokoh politik Kelantan yang tidak asing. Pernah memegang beberapa jawatan penting bagi kerajaan Persekutuan dan negeri. Beliau merupakan pemimpin yang berdedikasi dan dihormati oleh seluruh rakyat Kelantan. Pernah menyandang jawatan sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan untuk beberapa tahun semenjak PAS mencapai kemenangannya di Kelantan mulai tahun 1959. Dan beliau adalah Menteri Besar Kelantan yang pertama setelah terbentuknya kerajaan Barisan Nasional. Beliaulah yang mencadangkan supaya YPTIK ditubuhkan. Beliau juga menjadi salah seorang anggota Majlis Tertinggi YPTIK.

**Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi — 22 April 1974.**

Beliau ialah seorang tokoh pendidik, sasterawan dan ahli sejarah yang tidak asing lagi di Kelantan pada hari ini. Beliau telah banyak menyumbangkan artikel-artikelnya di majalah-majalah dan akhbar-akhbar tempatan serta telah menulis beberapa buah buku. Kini bertugas sebagai guru di Maktab Adabi, Pasir Mas.

**Encik Azhari Moheidin — 7 Mei 1974**

Berasal dari Kampung Ra, Srok Chelong, Khehib Kratier, Republik Khmer (Kampuchea) dan kini sedang menuntut di YPTIK, Nilam Puri. Beliau adalah merupakan penuntut tunggal dari Republik Khmer di Nilam Puri.

**Encik Awang bin Senik — 15 Mei 1974.**

Seorang bekas Tentera British dan pernah berkhidmat selama beberapa tahun di Singapura dan Malaysia. Beliau banyak menerima pelajaran Ilmu Ihsan daripada beberapa orang guru semasa di dalam perkhidmatannya. Kini telah kembali mengikut ajaran Shari'at setelah bersara daripada tugasnya sebagai seorang tentera.

**Encik Syukri bin Abd. Rahman — 30 April 1974.**

Seorang peniaga bumiputera yang berkebolehan dan bertugas sebagai Pengurus kepada Haji Hussain Sawmill, Kota, Kota Bharu, Kelantan.

**Encik Muhammad bin Yaakub — 26 Mei 1974.**

Pegawai di Pejabat Nazir Guru Agama Kelantan, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Kota Bharu.

**Encik Slesmeth — 17 Mei 1974.**

Penuntut tunggal Republik Vietnam (Selatan) di YPTIK, Nilam Puri. Berasal dari Trung Hoc Cong Lap (Chao Doc), Barat Saigon. Sebelum daripada menuntut di Nilam Puri, beliau telah melanjutkan pelajarannya di Mesir.

**Encik Syukri bin Abd. Rahman — 30 April 1974.**

Beliau ialah ketua penuntut di kelas Taffakuf fiddin anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Sebelum daripada melanjutkan pelajarannya di sini beliau telah berjaya menamatkan pelajarannya di Maahad Muhammadi.

**Sahibul Fadzilah Datuk Hj. Muhammad Nor bin Hj. Ibrahim — 20 Mac 1974.**

Beliau ialah seorang ulama yang terkemuka di Malaysia. Pernah menuntut di Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan dan kemudian terus melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau merupakan seorang yang banyak berjasa di lapangan pendidikan Islam di Kelantan. Beliau mula mengajar agama sebaik sahaja kembali dari menamatkan pelajarannya di Mekah. Kini beliau terus menyampaikan pengajaran agama di Masjid Penambang pada setiap pagi Jumaat dan dihadiri oleh ribuan penuntut yang terdiri dari setiap lapisan masyarakat.

Beliau ialah keturunan daripada Syeikh Abdul Halim dan putera kepada Al-Marhum Hj. Ibrahim bin Hj. Yusoff, Mufti Kelantan (1927—1945).

Beliaulah yang mengasaskan kelas agama yang dinamakan Taffakuf fiddin yang terletak di bawah MUI Kelantan dan beliau juga turut menyampaikan pengajarannya. Beliau juga mengesahkan tafsiran al-Quran yang dilakukan oleh Ustaz Abdullah Basmeih di bawah arahan Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Beliau bertugas sebagai Pemangku Mufti Kelantan (1954/55) dan mulai memegang jawatan sebagai Mufti Kelantan semenjak Mei, 1968. Beliau juga menjadi Pengawas kepada Majlis Ulama bagi MUI Kelantan.

**Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Abd. Rahman — 21 Mac 1974.**

Beliau telah menerima didikan agama semenjak kecil daripada ayahandanya Tuan Guru Haji Abd. Rahman. Beliau telah berjaya khatam al-Quran ketika berusia 8 tahun. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Mekah dari tahun 1952—1967.

Kini bertugas sebagai anggota Majlis Ulama Kelantan di bawah MUI Kelantan selain daripada menjadi guru di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas.

**Tuan Guru Hj. Abd. Rahman bin Sulaiman — 30 Mei 1974.**

Beliau telah menerima pendidikan awal daripada Tuan Guru Hj. Muhammad Noor di Pondok But, Kota Bharu. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Apabila kembali ke Kelantan beliau telah menubuhkan Pondok di Sungai Durian, Kuala Krai dan turut mendirikan Madrasah Muhammadiyah di tempat yang sama pada tahun 1958. Beliau juga

merupakan salah seorang daripada ahli Jawatankuasa pengasas penubuhan YPTIK di Nilam Puri pada tahun 1965.

**Tuan Guru Hj. Abd. Aziz bin Abu Bakar — 13 Jun 1974.**

Beliau mendapat didikan awal di Pondok Kenali dan Bunut Payong. Kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Apabila kembali ke Kelantan pada tahun 1948 beliau telah menubuhkan Pondok Terusan Pasir Tumbuy atau dikenali juga dengan nama Madrasah al-Diniyatul Bakariah.

Beliau juga bertugas sebagai anggota Majlis Ulama Kelantan di bawah MUI Kelantan. Selain daripada itu beliau juga dilantik sebagai anggota Dewan Ulama PAS Kelantan.

**Tuan Guru Hj. Ahmad Bangkok — 28 Mei 1974.**

Beliau ialah putera kepada Tok Kenali. Menerima pendidikan awal daripada Tok Kenali dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Mekah. Beliau telah melanjutkan usaha-usaha ayahandanya dengan meneruskan pengajaran di Pondok Kenali. Selain daripada itu beliau telah menyampaikan pengajaran-pengajarannya di beberapa tempat di seluruh Kelantan. Beliau telah berjaya melahirkan ramai ulama yang terkemuka di Kelantan di antaranya ialah Tuan Guru Hj. Abd. Aziz bin Abu Bakar, Tuan Guru Hj. Mustaffa bin Abu Bakar dan Tuan Guru Hj. Muhammad bin Abdullah.

**Tuan Guru Hj. Awang Padang — 31 Mac 1974.**

Namanya yang sebenar ialah Hj. Muhammad bin Abdullah tetapi lebih terkenal dengan Hj. Awang Padang. Mendapat pendidikan awal dari Pondok Kenali dan Bunut Payong dan kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau telah membuka Pondok Kolam, di jajahan Bacok, Kelantan pada tahun 1950. Kemudian beliau mengasaskan pendirian Madrasah Darul Ulum al-Ahmadiah di pondoknya.

**Tuan Guru Hj. Daud bin Hj. Omar — 31 Mac 1974.**

Beliau ialah seorang ulama Tasawuf yang terkenal di Kelantan pada hari ini. Menerima pendidikan awal daripada Tok Kenali, Tok Seridit dan Maulana Khurasan, kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Patani dan Mekah. Beliau membuka pondok di Bukit Abal, Pasir Puteh pada tahun 1940.

**Tuan Guru Hj. Hasbullah bin Yusuff Al-Karimi — 18 Mac 1974.**

Beliau telah menerima pendidikan di Pondok Kenali dan Pondok Caak Pattani. Di antara guru-guru yang mengajarnya ialah Tok Kenali dan Tuan Guru Hj. Abdullah. Hj. Hasbullah kemudiannya telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau membuka pondok di Km 17 But, Jalan Kuala Krai pada tahun 1937. Kemudian beliau telah ditugaskan oleh pihak MUI Kelantan untuk mengajar di Masjid Muhammadi, Bachok pada tahun 1942. Kemudian pada tahun 1945 beliau kembali mengajar di Pondok But. Beliau telah pergi ke Jerimbun, Ulu Kelantan untuk mengasaskan penubuhan sebuah sekolah Arab di tempat tersebut dan telah mendapat kejayaan.

Pada tahun 1949—1951 beliau telah pergi ke Terengganu untuk menjadi guru agama kepada pasukan polis di Kuala Terengganu. Beliau telah melibatkan diri di dalam perjuangan politik Perikatan (UMNO) dan dilantik menjadi Pegawai Penerangan Agama UMNO 1952—1964. Mulai tahun 1965 beliau telah bertugas sebagai guru agama di Brunei dan Sarawak. Akhirnya beliau telah diminta oleh Tun Datu Mustaffa untuk bertugas di Majis Sam Bulan di Kota Kinabalu sebagai guru agama. Beliau telah menetap di Sabah. Beliau diberi tambang percuma untuk kembali dan bercuti di Kelantan pada tiap-tiap tahun. Beliau adalah sahabat baik kepada Hj. Che Soh, cicit kepada Syeikh Abd. Halim.

**Tuan Guru Hj. Muhammad Noh — 19 Mei 1974.**

Beliau telah menerima pendidikan agama dari Tok Kenali dan Haji Yaakub Ligor di Masjid Muhammadi Kota Bharu sebelum daripada melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Beliau telah mendirikan Pondok Beris Kubur Besar pada tahun 1943 dan serentak dengan itu beliau telah mendirikan Madrasah Al-Amir Indera. Beliau juga mengasaskan pembentukan Sekolah Melayu (Kebangsaan) Beris Kubur Besar dan telah dilantik sebagai Pengurus Jemaah Pengurus Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Rendah Beris Kubur Besar, Bacok. Beliau banyak berjasa di dalam perkembangan pendidikan khususnya masyarakat di Beris dan sekitarnya.

**Tuan Guru Hj. Muhammad Noor But — 16 Mac 1974.**

Beliau telah menerima pendidikan di Pattani, Kota Bharu Kenali dan Mekah. Beliau membuka Pondok But terletak di Kilometer 16, Jalan Kuala Krai pada tahun 1946. Beliau berjaya melahirkan ulama-ulama yang terkenal di antaranya ialah Tuan Guru Hj. Abd. Rahman bin Sulaiman (Kuala Krai), Tuan Guru Haji Ibrahim Baba (Melaka), Tuan Guru Hj. Ibrahim (Paloh Rawa) dan Tuan Hj. Hussain kadi Pasir Puteh.

**Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Yusoff — 26 Mei 1974.**

Beliau ialah bekas penuntut di Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan dan Pondok Masjid Muhammadi Kota Bharu. Di antara guru-guru beliau ialah Tok Kenali, Haji Yaakub Ligor, Haji Abdullah Tahir dan Haji Ali. Bertugas sebagai Imam Mukim Parit, Kota Bharu di antara tahun 1953—1958.

**Tuan Hj. Dauk Al-Ahmadi — 27 Mei 1974.**

Seorang peniaga yang terkemuka di Kota Bharu. Beliau mempunyai beberapa buah kedai buku dan sebuah percetakan (Al-Ahliyah). Beliau telah mendapat didikan di Pondok Masjid Muhammadi dan Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan di Kota Bharu.

**Tuan Hj. Ismail bin Mohd Yusuff — 27 Mei 1974.**

Seorang ahli perniagaan yang terkemuka dan memiliki dua buah gedung emas di Kota Bharu. Beliau adalah bekas penuntut Madrasah Muhammadiyah MUI Kelantan.

**Tuan Hj. Ismail bin Yusuff — 30 Mac 1974.**

Seorang penuntut agama lepasan Kota Mekah dan merupakan ulama yang terkemuka di Kelantan pada hari ini. Pernah bertugas sebagai guru di Maahad Muhammadi dan kini menjawat jawatan Timbalan Mufti Kelantan. Beliau juga dilantik menjadi Setiausaha Majlis Ulama Kelantan yang terletak di bawah MUI Kelantan. Di samping itu beliau juga bertugas mengajar di kelas agama Taffakuf fiddin dan mengajar di seluruh masjid-masjid bandar di Kelantan.

**Tuan Hj. Omar Maarif — 16 Mac 1974.**

Beliau pernah menuntut di Pondok Nipah, Bachok, dan berguru dengan Tok Seridit. Di dalam usianya yang begitu lanjut dan setelah bersara daripada kerjanya, kini beliau kembali menuntut di Pondok Sungai Durian, Kuala Krai.

**Tuan Hj. Shamsuddin bin Mohd. Arshad — 8 April 1974.**

Beliau ialah cucu kepada Tok Pulai Chondong. Pernah berkhidmat sebagai Penggawa (Penghulu) daerah Pulai Chondong dan kini telah bersara dari jawatannya.

**Tuan Hj. Yaakub bin Hj. Hassan — 27 Mac 1974.**

Beliau ialah Pegawai Agama bagi MUI Kelantan sejak tahun 1943 dan juga menjadi anggota Majlis Ulama Kelantan di bawah MUI Kelantan.

**Ustaz Hj. Abdullah bin Hj. Abu Bakar — 26 Mei 1974.**

Beliau menerima pendidikan di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, dan Universiti Al-Azhar, Kaherah. Pernah bertugas sebagai pendidik dan kini bertugas sebagai Pegawai Siaran Agama, MUI Kelantan.

**Ustaz Abdullah Nakula — 2 April 1974.**

Beliau adalah seorang guru agama dan penulis yang terkemuka. Beliau juga merupakan seorang ahli sejarah Kelantan dan pernah menerbitkan jurnal sejarah bagi negeri Kelantan. Kebanyakan buku yang dikarangnya ialah mengenai agama, falsafah dan sejarah. Beliau mempunyai percetakan sendiri yang dinamakan 'Percetakan Bintang Mas'.

**Ustaz Hg. Abd. Rahman bin Ismail — 30 Mei 1974.**

Beliau ialah seorang penuntut lepasan Pondok Selehor dan kemudianya telah melanjutkan pelajarannya ke Mekah. Pernah bertugas di Terengganu sebagai Pesuruhjaya Agama Negeri dan menjadi guru di Sekolah Agama Zainal Abidin. Sekarang beliau bertugas sebagai guru agama di Masjid Tumpat dan mengajar secara sukarela di beberapa tempat di Kelantan.

**Ustaz Syafei — 28 Mei 1974.**

Seorang siswazah lepasan Universiti Al-Azhar dan kini bertugas di Pejabat Penyelia Agama, Kota Bharu.

**Ustaz Hj. Hassan bin Idris — 19 Mei 1974.**

Beliau ialah siswazah lepasan Universiti Al-Azhar. Pernah bertugas sebagai guru dan menjadi Pemangku Pengetua di Maahad Muhammadi (1955—1968). Kini menjadi Pegawai Pelajaran di MUI Kelantan. Beliau telah menyusun sistem pelajaran yang baru bagi sekolah-sekolah agama (Arab) di Kelantan bertujuan menyediakan penuntut-penuntut agama untuk melayakkan diri memasuki universiti-universiti di dalam dan luar negeri. Sistem itu telah berjalan dengan sepenuhnya mulai tahun 1972. Beliau juga merupakan seorang tenaga pengajar bagi kelas agama Taffakur fiddin yang dianjurkan oleh MUI Kelantan.

**Ustaz Yusuff Zaki bin Hj. Yaakub — 25 Mac 1974.**

Beliau ialah putera kepada seorang ulama yang terkenal iaitu Tuan Guru Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad dan merupakan seorang siswazah dari American University di Kaherah. Beliau merupakan seorang tokoh pendidik dan pengarang yang terkemuka di Kota Bharu.

Beliau pernah membuat cadangan supaya kerajaan mendirikan Maktab Perguruan Agama, khas untuk melatih bakal guru-guru agama. Beliau sendiri telah mengambil inisiatif mendirikan sebuah maktab untuk melatih guru-guru agama. Maktab itu dinamakan Maktab Perguruan Islam (swasta) terletak di Kota Bharu dan telah melahirkan guru-guru agama. Cadangannya itu telah mendapat perhatian Kerajaan Pusat dan pada tahun 1971 bakal guru-guru agama telah diberikan kursus penuh di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur.

Beliau pernah ditawarkan untuk berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur tetapi telah menolak tawaran itu kerana memandangkan sumbangannya kepada masyarakat akan lebih bererti lagi menerusi usaha-usaha sendiri melalui pendidikan dan karang-mengarang.

Beliau mempunyai percetakan sendiri iaitu Pustaka Dian Press dan percetakannya itu adalah di antara percetakan kepunyaan bumiputera yang terbesar di Malaysia.

Menerusi majalah *Dian* beliau sering mengemukakan pendapat dan pandangan serta kritik-kritik yang membina untuk kemajuan masyarakat, agama dan negara. Majalah *Dian* adalah sebuah majalah 'ilmiah dan digest' yang ulung yang diterbitkan di dalam bahasa Malaysia.

## **Zaman Peralihan Di Perlis, 1909—1940**

**Zahari bin Haji Adam\***

### **Latar Belakang Sejarah hingga 1909**

Pada awal kurun ke-19, Perlis belum lagi mendapatkan identiti politiknya seperti yang ada sekarang. Ia adalah sebahagian daripada negeri Kedah, yang sebaliknya pula, terletak di bawah naungan Siam. Dalam peta-peta Siam, sebelum tahun 1839, Kedah (juga Perlis) dan Setol termasuk ke dalam jajahan Saiburi. Jajahan tersebut ditadbirkan oleh seorang yang diberi pangkat Pesuruhjaya Tinggi. Pesuruhjaya tersebut adalah dilantik secara keturunan oleh Pemerintah Siam di Bangkok.<sup>1</sup>

Cengkaman pemerintah Siam ke atas Kedah dahulunya tidak berapa ketat; Bunga Mas dan Perak telah dihantar sebagai tanda penghormatan tiga tahun sekali ke Siam. Tetapi selepas 12 November 1821, Siam betul-betul dapat mengawasi dan mentadbirkan Kedah kerana pada waktu itu dan selepasnya Kedah telah ditawan dan ditakluki oleh kuasa tersebut.

Sebab-sebab yang mencetuskan serangan Siam ke atas Kedah adalah terlalu kompleks, dan juga kait-mengait dengan perkara-perkara yang berlaku di selatan dan utara Kedah, termasuk juga masalah-masalah yang berlaku dalam negeri Kedah sendiri. Tetapi antara sebab-sebab yang penting yang dapat diberikan ialah kesangsian Raja Ligor atas taat setia Sultan Ahmad Tajuddin terhadap negeri Siam.<sup>2</sup>

Peribadi Raja Ligor tidak dapat diperkecilkkan. Perasaan cemburunya terhadap Sultan Ahmad Tajuddin merupakan satu gejala juga yang menyebabkan serangan Siam itu. Perasaan cemburu itu mungkin timbul atas kejayaan Tajuddin yang dapat menghalau pihak Burma dari Ujong Salang pada tahun 1810. Atas kejayaan itu, Sultan Ahmad telah dianugerahkan gelaran *Chao Praya*; ini membolehkan beliau berhubungan terus dengan Majlis Diraja Siam, tanpa melalui Raja Ligor.

Juga Sultan Ahmad Tajuddin lebih muda dari segi umur, jika dibandingkan dengan Raja Ligor, tetapi kedua-dua mempunyai gelaran dan kedudukan yang setaraf.

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1973.

1 Surat daripada Meadows Frost kepada Sir William George Maxwell bertarikh 1.12.1944 yang termuat dalam George Maxwell, *Malaya: Politics and Government (Papers 1927—1957)*, Microfilm 836, Perpustakaan Universiti Malaya.

2 Untuk kajian yang terperinci mengenai tajuk ini, lihat R. Bonney, *Kedah 1771—1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur, 1974.

Faktor yang kemungkinan besar mencetuskan pelancaran serangan ke atas Kedah oleh Raja Ligor itu ialah pengaruhnya yang kuat di kalangan istana Siam. Pada masa tersebut Raja Siam sebenarnya dipengaruhi oleh golongan Wang-Na; golongan itu selalunya menentukan tindakan dan dasar yang harus diambil oleh Raja Siam. Secara kebetulan pula, Wang-Na ini merupakan anak buah Raja Ligor dan dengan demikian, segala-gala yang dirancang oleh Raja Ligor mudah sahaja dipersetujui oleh Raja Siam, melalui pengaruh yang telah ditanam ke atas golongan tersebut oleh Raja Ligor itu. Jadi menjelang tahun 1821, seluruh Kedah telah ditakluki<sup>3</sup> dan dianggap sebagai jajahan Siam dan Raja Ligor telah dilantik menjadi Gabenor Kedah.

Atas kesedaran bahawa kekuatan masyarakat Melayu Kedah mungkin menjadi satu ancaman yang hebat kepada kedaulatan Siam dan oleh yang demikian kekuatan itu harus dipecahkan, maka pada tahun 1839, Siam telah membahagikan Kedah kepada tiga bahagian iaitu, Kedah, Perlis dan Kubang Pasu.<sup>4</sup>

Perjanjian British-Siam pada tahun 1826 telah juga sedikit sebanyak menentukan status negeri-negeri Melayu utara sungguhpun kedudukan Kelantan dan Terengganu masih kabur.<sup>5</sup> Keempat-empat negeri utara telah dimasukkan di bawah pengaruh Siam dan pihak British telah mengiktiraf keadaan tersebut. Pihak British terus mengiktiraf kedaulatan Siam ke atas negeri-negeri Melayu utara (berasaskan Perjanjian 1826) hingga ke awal abad ke-20. Mereka tidak mencabar kedudukan Siam pada waktu itu, bahkan pengiktirafan British ke atas kedaulatan Siam itu diperkuatkan lagi pada tahun 1899 bila Perjanjian Sempadan ditandatangani; Perjanjian tersebut menentukan pengaruh British hanya sampai ke sempadan Perak sahaja.<sup>6</sup>

Walaupun British tidak mahu menentang kedudukan Siam di negeri-negeri tersebut pada waktu itu keadaan yang berlaku pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 membuat British berfikir dua kali. Dasar British sebelum abad ini adalah untuk menjaga kepentingan ekonomi imperial dan tempatan. Selagi kepentingan tersebut tidak terancam Perjanjian 1826 dan 1899 tetap dihormati oleh British. Tetapi menjelang awal abad ke-20, keadaan di utara Perak, khususnya di jajahan-jajahan takluk Siam, seperti Patani, Sai dan daerah-daerah lain lagi telah mula gelisah dan cemas.<sup>7</sup> Keadaan dan kekacauan seperti ini mungkin mengancam kepentingan ekonomi British di Siam dan di negeri-negeri Melayu. Masyarakat di tempat-tempat tersebut telah mula hendak menentang Siam. Jika dibiarkan keadaan huru-hara ini bertujuan, campur tangan kuasa-kuasa asing di kawasan-kawasan tersebut adalah satu kemungkinan, dan akibat yang buruk akan menimpa

3 Ibid., him. 156.

4 Shamsook, Taranapun, 'The Development of North-Western States of Malaya: 1909—1941', (Tesis University of Hong Kong, 1961), him. 12.

5 Lihat W.G. Maxwell dan W.S. Gibson, *Treaties and Engagements affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924, him. 77—82.

6 E. Thio, "A Turning Point In Britain's Malayan Policy", *The History Annual* (Journal of the Historical Society, University of Malaya, Singapore) Vol. 3, 1957, him. 8.

7 Ibid., him. 9.

kepentingan British di kawasan-kawasan tersebut, jika kuasa asing mula campur tangan.

Kuasa asing yang terlibat pada waktu ini ialah Jerman, Amerika Syarikat, Rusia dan lain-lain lagi.<sup>8</sup> Syarikat Behn Meyer, kepunyaaan pengusaha Jerman, telah berusaha untuk menyewa Pulau Langkawi dari Siam. Rusia juga telah diberitakan akan memperolehi Ujong Salang (pulau di utara Pulau Pinang). Peristiwa-peristiwa begini telah menakutkan pihak British.

Perkongsian Duff (*Duff Syndicate*) yang hendak membuka kawasan perlombongan di Kelantan telah juga menyebabkan British serba salah. Duff telah mendapat geran atas tanah seluas 3,200 km persegi di bumi Kelantan untuk usaha melombong. Tetapi mengikut Perjanjian 1826 dan 1899, Kelantan adalah di bawah pengaruh Siam dan ini telah pun diakui oleh British. Tindakan Duff, seorang rakyat British telah melanggar Perjanjian-perjanjian itu. Supaya terselamat daripada tindakan Siam nanti, Duff telah memohon perlindungan British, tetapi pihak British telah enggan berbuat demikian. Duff telah memerasugut British mengatakan jika perkongsian tersebut tidak diberi perlindungan, mereka akan memohon bantuan daripada "setengah kerajaan-kerajaan asing".<sup>9</sup> Tindakan seperti ini mempengaruhi dasar British selanjutnya. Perjanjian British Perancis 1904 telah menamatkan permusuhan antara kedua-dua buah negeri tersebut. Dengan itu British bebas bertindak dan mengadakan rundingan-rundingan langsung dengan Siam.

Sementara peristiwa-peristiwa antarabangsa ini berlaku, Perlis yang masih berada di bawah naungan Siam, telah mendapati kesukaran dalam masalah pentadbiran oleh sebab kehabisan wang. Pada tahun 1905, Raja Perlis, Tuanku Syed Alwi, telah memohon pinjaman daripada Siam.<sup>10</sup> Kedah juga bermohon pinjaman wang daripada Siam untuk tujuan yang sama pada tahun 1904.<sup>11</sup> Bersama-sama dengan permohonan akan bantuan kewangan tadi,

8 Pada zaman ini, perluasan jajahan takluk sedang hebat dijalankan oleh kuasa Eropah. Penggerak untuk merebut jajahan takluk itu adalah sebuahan besarnya disebabkan oleh Revolusi Perusahaan, yang sedang berjalan dengan lancarnya di negara-negara Eropah. Selain daripada untuk mencapai bahan mentah bagi perkembangan perusahaan mereka, negara-negara yang akan ditakluki itu diharapkan sebagai pasaran untuk melambakkam bahan yang telah siap (*manufactured goods*) yang telah dihasilkan oleh perusahaan di Eropah itu. Dalam konteks ini, pembukaan Terusan Suez menjadi faktor perangsang, kerana dengan pembukaannya, perhubungan antara Eropah dengan Timur Jauh telah menjadi singkat. Kemudian ini telah dipertambahkan lagi dengan adanya kapal yang menggunakan wasp. Dalam persinggan untuk merebut tanah jajahan ini, Jerman telah membeli dari Sepanyol, pada Disember 1898, Pulau-pulau Carolines, Pelew dan Marianne. Amerika Syarikat telah pula bertapak di Guam, Hawaii, Samoa dan Filipina.

9 E. Thio, op.cit., hlm. 11.

10 Dalam hal ini, jumlah yang sebenarnya yang dipinjam tidak diketahui dengan jelasnya, kerana tidak terdapat rekod yang dapat membuktikannya. Tetapi sungguhpun demikian, kita boleh membuat satu anggaran iaitu berdasarkan jumlah masa yang diambil untuk menjelaskannya dan daripada jumlah wang yang dibayar tiap-tiap tahun itu.

Pinjaman itu telah diminta pada tahun 1905. Berdasarkan ini, kita boleh membuat andaian bahawa pembayaran yang pertama telah dibuat pada tahun 1906 dan hanya dijelaskan pada tahun 1929. Mengikut *Estimate Perbelanjaan Negeri* dan juga *Perlis Annual Reports*, Jumlah yang harus dibayar tiap-tiap tahun ialah \$50,000/-.

Berdasarkan angka-angka di atas, kita dapat bahawa perbezaan antara tahun 1929 dengan 1906 ialah dua puluh tiga tahun. Dengan itu, jumlah seluruh pinjaman mengikut anggaran saya ialah \$50,000 x 23, iaitu \$1,150,000/-.

11 Perbendaharaan Kedah telah menjadi kering disebabkan kecuaian pegawai negerinya dan juga oleh perayaan yang membazir. Perayaan tersebut adalah bagi menghormati putera sulung dan empat orang

Raja Perlis juga telah meminta seorang Penasihat British dan pegawai itu harus tinggal di negeri tersebut bagi menasihati hal kewangan, dan akan terus berada di sana sehingga hutang itu selesai. Perjanjian-perjanjian mengenai pinjaman tersebut telah diadakan pada tahun-tahun 1905 dan 1907.<sup>12</sup>

Berikutnya dengan perjanjian tahun 1905 itu, Raja telah mengeluarkan titah, yang merasmikan pembentukan Majlis Negeri (*Council of State*), bagi menolong dalam hal-hal pentadbiran negeri. A.H. Duke yang telah dipinjamkan dari Pejabat Kolonial India dilantik sebagai Penasihat Kewangan yang pertama.

Penyerahan rasmi kuasa Siam ke atas negeri Perlis kepada British telah dijalankan pada tahun 1909. Pertukaran tangan ini telah memerlukan pemerintah-pemerintah Perlis dan Kedah kerana mereka telah tidak dibawa berunding oleh kedua-dua pihak tersebut, walaupun peristiwa-peristiwa itu melibatkan mereka dan rakyat mereka secara langsung. Mengikut Perjanjian tersebut, kerajaan British mempunyai segala hak pemerintahan, perlindungan dan pentadbiran ke atas Perlis dan pulau-pulau yang berhampiran.<sup>13</sup>

Selaras tahun 1909, tidak terdapat sebarang perjanjian yang berasingan antara British dengan Perlis mengenai kedudukan Pegawai Kewangan itu, tetapi kedudukannya hanya dapat diperkuuhkan pada tahun 1930, bilamana perjanjian pada tahun itu, antara Perlis dengan British diadakan bagi pertama kalinya secara berasingan, dan Perlis dengan rasminya mengaku berada di bawah perlindungan British.<sup>14</sup> Mengikut perjanjian tahun 1930 itu, Perlis juga dengan rasminya menerima seorang Penasihat Am British tetapi dalam aspek ini, Raja Perlis berkuasa berhubung terus dengan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri-negeri Bersekutu atau jika perlu, dengan Raja British, jika baginda tidak bersetuju dengan nasihat yang telah diberikan oleh Penasihat British itu.

Keadaan yang melambatkan perjanjian tersebut sehingga tahun 1930 (baru terdapat satu perjanjian yang rasmi) ialah masalah pinjaman dari Siam dahulu. Pinjaman tersebut hanya dapat diselesaikan pada tahun 1929, dan dengan habisnya hutang itu, maka perjanjian baru telah diadakan dan jawatan Penasihat Kewangan telah dihentikan dan digantikan oleh Penasihat Am.

Dalam Perjanjian 1930 itu, artikel V menyebutkan bahawa Raja Perlis dan penggantinya akan menerima dan memperuntukkan seorang Penasihat British untuk memberi nasihat di dalam semua perkara berhubung dengan

putera yang lain. Akibat dari perbelanjaan yang membazir itu, pada bulan Jun 1904, Raja Muda telah merayu bantuan dari Siam dan pada bulan April 1905, bantuan tersebut telah dihulurkan. Sebagai syarat yang telah dikenakan oleh Siam, Kedah harus mendirikan Dewan Negeri dan melantik seorang pegawai kewangan Siam, bagi menasihati hal-hal kewangan Negeri. Pegawai tersebut dikehendaki berada di Kedah sehingga hutang itu selesai. Keputusan bagi melantik pegawai kewangan Siam di Kedah itu telah menimbulkan penentangan British dan selepas diadakan kompromi, Siam bersetuju melantik seorang pegawai British, sebagai wakilnya di Siam. Syed Mohammed bin Syed Hassan Shahabuddin & M.Q. Knowleg, "The \$3,000,000 Wedding" *Malaya In History* IV, 2, July, 1958, him. 10.

12 Roland, Braddell, "Legal Problems in Malaya" dalam *Malaya Politics and Government, Papers 1927-1937*, oleh George Maxwell, Microfilm: 836.

13 F. Swettenham *British Malaya*, London, 1948, him. 30.

14 Winstedt, R.O. *History of Malaya*, Marican and Sons, Singapore, 1962, him. 237.

Kerajaan Negeri, kecuali dalam soal adat istiadat dan agama. Dalam bahagian-bahagian lain dalam perjanjian itu terdapat juga ceraian-ceraian yang berbunyi: sebanyak mana yang boleh, pegawai-pegawai kerajaan terdiri daripada orang Melayu Perlis; jika tidak terdapat orang Melayu tempatan, orang luar dari Perlis akan diambil.

Kita akan perhatikan nanti bahawa ceraian di atas itu mempunyai implikasi penting terhadap negeri tersebut dan juga ceraian di atas itu menjadi dasar pentadbiran Perlis pada waktu itu.

### Pentadbiran

Sewaktu British mula mengambil alih Perlis, negeri tersebut adalah dalam keadaan mundur. Negeri-negeri lain, khususnya Negeri-negeri Melayu Bersekutu, telah mencapai kemajuan dalam segala bidang. Orang Melayu pula, pada peringkat awal telah menentang British, tetapi pihak British telah cuba membuktikan bahawa mereka datang untuk tujuan membawa kesejahteraan, keadilan dan kemakmuran kepada masyarakat yang mundur itu.<sup>15</sup>

Pada waktu penyerahan secara rasmi itu, pihak Siam telah diwakili oleh W.J.F. Williamson dan Perlis pula Pemangku Penasihat British yang pertama di Perlis.

Majlis Negeri pula mengandungi lima orang ahli pada permulaannya. Komposisinya adalah Penasihat British, seorang Naib-Pengerusi (bangsa Melayu) dan tiga orang Ketua Jabatan yang lain, yang semuanya terdiri daripada orang Melayu. Di antara mereka yang mewakili Jabatan ialah Pesuruhjaya Tanah dan Galian dan Ketua Kadi atau Kadi Besar. Mesyuarat Negeri diadakan sekali tiap-tiap minggu dan mesyuarat tergempar harus diadakan pada masa-masa yang difikirkan perlu.

Sebagai usaha untuk melicinkan sistem pentadbiran, undang-undang dan praktik-praktik pentadbiran telah ditiru dari undang-undang kolonial Persekutuan.<sup>16</sup> Namun begitu undang-undang dan enakmen-enakmen dari tanah jajahan itu bukan ditiru bulat-bulat tetapi disesuaikan dengan keadaan tempatan, kerana latar belakang tempat-tempat itu adalah berlainan.

Majlis Negeri ini telah pada mula-mula lagi berfungsi sebagai badan yang menggubal undang-undang dan meluluskan undang-undang tersebut oleh "Raja Dalam Majlis". Ia juga merupakan Mahkamah Rayuan yang tertinggi; hukuman bunuh harus dirujukkan kepadanya sebelum ianya diluluskan kerana hidup dan mati, mengikut teori orang Melayu, adalah hak istimewa raja.

Majlis ini juga merupakan badan eksekutif yang ulung: berhak merubah struktur tarif, berkuasa atas pencegahan dan perlantikan pegawai Melayu mengawal dan menjaga disiplin jabatan-jabatan dan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan pemerintahan tempatan, perlantikan kadi dan pentadbiran serta penyelenggaraan undang-undang Islam dan sebagaiya.

15 Shamsook, Ratanapun, op. cit., hlm. 30.

16 R.O. Winstedt, op.cit., hlm. 85.

Majlis juga, atas nasihat Penasihat Pegawai British menyediakan Anggaran Tahunan dan membahaskannya.

Perkara-perkara seperti surat-menyurat hari-hari dan persediaan pekerjaan harian, yang kurang penting akan diuruskan oleh Setiausaha Kerajaan sementara urusan penting yang lain akan dibincangkan antara Setiausaha Kerajaan dengan Penasihat sebelum perkara itu dibawa ke hadapan Raja Dalam Majlis.

Disebabkan Majlis Negeri mempunyai kuasa penuh untuk menggubal dan menjalankan undang-undang, serta mentadbir hal-hal kewangan, ia berbeza dengan Majlis Negeri di Negeri-negeri Melayu Bersatu seperti Perak dan Selangor, di mana kuasa dalam banyak hal seperti kewangan, dipegang oleh Majlis Persekutuan. Bahasa yang digunakan dalam Majlis Negeri Perlis adalah semata-mata Bahasa Melayu. Undang-undang didrafkan dalam bahasa Inggeris oleh Penasihat tetapi dicetak dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Versi Melayu itulah yang menjadi hukum.

Dalam usaha untuk menyusun semula pentadbiran negeri, selepas penyerahan Siam, jabatan-jabatan telah didirikan dan pegawai-pegawai tertentu telah diberikan tanggungjawab dalam jabatan-jabatan tersebut. Pegawai-pegawai terpenting telah dipinjamkan dari Negeri-negeri Selat untuk mengemaskin pentadbiran. Pegawai-pegawai yang dipinjamkan dari Pulau Pinang atau Kedah itu memegang jawatan seperti Penguasa Penjara, Ketua Juruukur dan sebagainya. Tetapi sungguhpun begitu, gaji mereka tidak dibayar oleh Kerajaan Negeri, kecuali gaji Penasihat saja. Mereka dibayar claun saja mengikut kadar berapa kali mereka bertugas di Perlis dalam satu-satu bulan itu.

Memanglah menjadi tujuan utama kerajaan negeri untuk mengekalkan pemerintahan dan kebudayaan Melayu. Dengan niat yang demikian, bersesuaian dengan Perlembagaan 1909 itu, kita dapat seboleh-bolehnya pegawai-pegawai tempatan telah digunakan bagi mengisi jawatan-jawatan penting dalam negeri tersebut. Tetapi walau bagaimanapun, Perlis, telah menggunakan perkhidmatan kakitangan dari Kedah, Pulau Pinang dan pegawai-pegawai MCS yang lain. Ini tidak dapat dielakkan kerana terdapat kekurangan anak negeri yang sesuai bagi menyandang jawatan-jawatan tersebut. Kekurangan ini lebih jelas kelihatan, misainya bila seseorang anak tempatan itu digunakan seringkali pada waktu yang sama; beliau memegang lebih dari satu jawatan penting. Misainya Wan Ahmad, selain daripada menjadi Ketua Jabatan Syarikat Kerjasama juga berkuasa atas monopoli cendu.

Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, dapatlah dikatakan bahawa Perlis sangat sedikit menggunakan pegawai Eropah, malah tidak terdapat seorang pun di dalam pentadbiran daerah, kastam dan syarikat kerjasama. Misalnya pada tahun 1911, selepas dua tahun pihak British berada di Perlis, terdapat empat orang saja, seorang kakitangan am Kerajaan, seorang jurutera dan juruukur, seorang pedagang dan seorang penanam getah.<sup>17</sup>

Disebabkan Perlis terlalu kecil jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, terpaksalah ia mempunyai sistem pentadbiran yang

17 Shamsook, Raianapun, op.cit., hlm. 288.

berlainan daripada negeri-negeri itu. Keluasannya hanyalah lebih kurang 505.6 km. persegi saja. Oleh yang demikian sistem pentadbiran yang digunakan di negeri-negeri seperti Perak dan Selangor tidak boleh dijalankan di sini. Jika negeri-negeri itu membahagikan kawasan-kawasan di negerinya kepada daerah, mukim dan kampung di Perlis, oleh sebab keluasannya yang terlalu kecil itu, hanya membenarkannya dibahagikan kepada mukim dan kampung saja. Daerah tidak terdapat di sini.

Wakil pemerintahan di tiap-tiap mukim ialah penghulu. Beliau menjadi orang perantaraan di antara pihak pentadbiran dengan rakyat. Dalam masa pemerintahan Siam, penghulu dilantik terus oleh Raja. Mereka tidak diberi pendapatan yang tetap; sebagai sara hidup, mereka diberi dalal atas kadar sepuluh peratus daripada tanah Raja yang mereka jual di daerah mereka. Di samping itu, mereka juga menerima empat habuan dari tiap-tiap sepuluh habuan atas *padi zakat* setiap bulan. Mereka tidak perlu membayar cukai atas balak, tetapi terpaksa membayar cukai sebanyak tiga peratus bagi kayu yang dieksportkan. Mengikut sumber tertentu, mereka tidak diberi surat tauliah atau surat kuasa oleh Raja di atas perlantikan mereka sebagai penghulu.<sup>18</sup>

Pada zaman British, institusi penghulu ini telah dikenalkan dan mereka telah dimasukkan terus ke dalam pentadbiran yang baru itu. Mereka mula dibayar gaji dan tidak lagi mendapat dalal seperti di bawah pemerintahan Siam dahulu. Tetapi dalam aspek ini, pada peringkat awal masih ada penghulu yang mendapat habuan dari *padi zakat*.

Sungguhpun ada penghulu yang memegang jawatan mereka secara turut temurun pada umumnya, pada zaman ini, perlantikan mereka mestilah mendapat persetujuan dan pengiktirafan daripada Majlis Negeri. Penghulu merupakan agen kerajaan di kampung. Beliau adalah sumber maklumat yang penting tentang kehidupan di kampung: mencatatkan segala kelahiran dan kematian, pergerakan orang kampung, kes pergaduhan, jenayah dan lain-lain. Beliau juga merupakan saluran untuk menyampaikan maklumat kerajaan kepada orang kampung. Dia bertanggungjawab memerhatikan supaya maklumat kerajaan itu dituruti, bertanggungjawab memerhatikan kesihatan anak buahnya terkawal, menggalakkan kanak-kanak pergi ke sekolah dan banyak lagi fungsinya yang lain. Pendeknya, dengan mempunyai tugas-tugas yang kompleks, beliau juga tertakluk kepada arahan tertentu mengenai peribadi beliau sendiri. Tingkah laku dan gerak langkahnya mestilah dikawal. Disiplin yang keras telah dikenakan kepada mereka: menari atau mabuk di khalayak ramai akan diberi amaran oleh Majlis Negeri, dan kemungkinan mereka dilucutkan dari jawatan tersebut boleh berlaku.

Pada masa pentadbiran British di Perlis, kita dapatkan negeri tersebut telah dibahagikan kepada dua puluh dua mukim:<sup>19</sup>

18 Mengikut pendapat rombongan Expedisi Cambridge yang melawat negeri ini pada tahun 1900, diketuai oleh W. W. Skeat dan Dr. F. F. Laidlaw, seperti yang termuat dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 24, Pt. 4, 1953. Tetapi kenyataan mereka ini diragukan, kerana di Kedah, penghulu menerima surat pertantikan dari Raja. Dan oleh sebab Perlis dahulu adalah sebahagian dari Kedah, keadaan yang sama mungkin terdapat.

19 *Cenderamata Huri Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis*, Alor Setar, 1963.

- |                  |                  |
|------------------|------------------|
| 1. Abi           | 12. Utan Aji     |
| 2. Kurong Batang | 13. Sungai Adam  |
| 3. Kechor        | 14. Paya         |
| 4. Kurong Anai   | 15. Chuping      |
| 5. Padang Siding | 16. Oran         |
| 6. Sanglang      | 17. Seriab       |
| 7. Jejawi        | 18. Kuala Perlis |
| 8. Beseri        | 19. Arau         |
| 9. Titi Tinggi   | 20. Padang Pauh  |
| 10. Bintong      | 21. Sena         |
| 11. Kayang       | 22. Ngulang      |

Pada tahun 1911, terdapat enam belas orang penghulu di Mukim tersebut, lima belas daripadanya terdiri daripada orang Melayu dan seorang Siam.<sup>20</sup> Unit yang terkecil selepas mukim ialah kampung. Ketua kampung menjadi orang yang terpenting dalam sesebuah kampung, selain daripada imam. Biasanya ketua kampung dilantik dengan cara yang tidak rasmi oleh orang kampung dan mendapat persetujuan daripada penghulu. Memandangkan bahawa satu-satu mukim itu terdiri daripada beberapa buah kampung, maka kerjasama daripada ketua kampung dengan penghulu adalah perlu, demi untuk melengkapkan pentadbiran di Mukim tersebut.

Kelulusan untuk menjadi seorang ketua kampung bukanlah satu masalah yang rumit. Sering juga terdapat ketua kampung yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan penghulu di mukim yang berkenaan. Dengan adanya jawatan-jawatan seperti ini, seperti arahan dari pusat yang disalurkan melalui penghulu itu, dapat disampaikan kepada kampung yang terpencil sekalipun, melalui ketua kampung.

Selain daripada penghulu di mukim, terdapat juga satu organisasi yang dinamakan oleh orang di sini sebagai '*orang anam*'. Walaupun mereka ini bukan merupakan kakitangan pentadbiran secara langsung sumbangan mereka terhadap menolong melicinkan pentadbiran penghulu adalah besar. Mereka ini menjadi mata dan telinga bagi penghulu. Tugas mereka adalah sebagai pegawai keamanan, melihat dan melaporkan orang-orang yang keluar masuk dari kampung-kampung itu, dan juga mengadukan kepada penghulu akan orang-orang yang melanggar undang-undang. Kerana tugas mereka inilah pada permulaan pentadbiran baru itu, mereka dan sebahagian golongan pentadbiran tempatan dikecualikan daripada cukai tanah dan sebagainya.

Jumlah orang ini yang dilantik di tiap-tiap mukim ialah enam orang. Kuasa diberi kepada penghulu untuk memilih orang-orang ini, tetapi pemilihan tersebut mesti terlebih dahulu mendapat persetujuan dari pihak Majlis Negeri. Surat kuasa diberikan oleh pihak polis. Jikalau seseorang itu berhenti dari menjalankan tugasnya sebagai 'orang anam' tadi, maka surat kuasa itu harus dikembalikan kepada penghulunya, yang akan seterusnya menyerahkannya kembali kepada polis.<sup>21</sup> Sebenarnya jawatan ini hanya ter-

<sup>20</sup> Report of the Census of Kelabit and Peria, 1911, lim. 83.

<sup>21</sup> File Secretariat, OP 107, 1336, (tidak bertarikh).

dapat pada peringkat permulaan pentadbiran baru itu sahaja; menjelang tahun 1920-an apabila pentadbiran baru itu telah berkembang dan meluas dengan menyeluruhnya ke tiap-tiap kawasan di negeri itu, jawatan ini telah dihapuskan perlahan-perlahan.

Dalam bidang pemerintahan tempatan, kita dapat sebelum tahun 1940-an, Perlis tidak mempunyai bandar-bandar yang besar. Kangar, selain dari Arau, yang merupakan bandar diraja, menjadi pusat pentadbiran bagi Perlis dan juga di mana Majlis Negeri bersidang. Dengan sebab ketiadaan bandar-bandar besar, maka Kangar dan kampung lain yang kecil, ditadbirkan oleh satu Lembaga Kesihatan; ahli-ahlinya dilantik oleh Majlis Negeri.<sup>22</sup> Pada tahun 1940, terdapat lima lembaga dan tiap-tiap lembaga mengandungi lima orang pegawai rasmi dan empat tidak rasmi. Kesemua anggota itu dilantik oleh Majlis Negeri.<sup>23</sup>

Tugas lembaga tersebut dapatlah dipecahkan kepada tiga iaitu menjaga kebersihan kawasan, menyediakan dan memasang lampu di jalan raya dan pembekalan air. Segala tanah dan kawasan yang terletak dalam lingkungan 100 kaki dari bahagian tengah jalan kepunyaan kerajaan yang telah ditarkan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan undang-undang Lembaga Kesihatan ini.

Untuk menjamin supaya hasil negeri dapat disalurkan sepenuhnya dan dengan faedah maksima kepada kemajuan rakyat, maka perbelanjaan awam telah diatur dengan agak sempurna. Untuk membelanjakan wang dengan sebaiknya, bilangan penduduk di dalam negeri perlu diketahui dengan tepatnya. Maka banci penduduk telah dijalankan. Pihak Siam pernah menjalankan banci penduduk tetapi sistem dan cara banci mereka tidak teratur dan lengkap. Jadi pada malam 10 Mac 1911, banci penduduk Perlis telah dijalankan. Penghulu telah diberi arahan supaya anak buahnya diberitahu mengenai hal tersebut. Banci itu adalah di bawah arahan Jagat Singh dan Merinyu Polis, Che Mat.<sup>24</sup>

Sejak mula meluaskan pengaruhnya ke Perlis, adalah menjadi dasar British untuk menarik Perlis dalam Persekutuan yang telah ditubuhkan oleh Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Tetapi Raja Perlis tetap menolaknya, walaupun negeri itu tidak perlu menyumbangkan apa-apa bantuan untuk kemajuan Persekutuan itu.<sup>25</sup> Dasar Desentralisasi Guillemard pada lewat tahun 1920-an untuk menubuhkan "Pan-Malayan Union" telah ditolak. Namun demikian pemerintah British tidak berputus asa. Pada tahun 1931, Sir Cecil Clementi pula telah mengumumkan konsep desentralisasi, tetapi tetap juga ditolak. Perlis merasa selamat sebab Artikel ke-3 dalam Perjanjian 1930 telah menjamin bahawa Perlis tidak akan dipaksa bergabung dengan sebarang negeri lain tanpa persetujuan Raja dan Majlis Negeri.

22 O.E. Venables, *Colonial Reports Annual No. 1615. States of Kedah and Perlis, 1930 A.H.*, Alor Star, 1933, hlm. 63.

23 E.V.G. Day, *A Report on the Social and Economic Progress of the State of Perlis*, Alor Star, 1933, hlm. 36.

24 *Report of Census of Kedah and Perlis 1911*, hlm. 12.

25 Shamsook, Ratanapun, op. cit., hlm. 37.

Sebab-sebab Perlis enggan memasuki Persekutuan itu dapat dipandang dari dua segi. Pertama ialah untuk membentuk satu model negeri Melayu yang unggul di mana pentadbirannya dijalankan oleh rakyat Melayu Perlis, bebas dari unsur dan anasir luar. Yang kedua ialah perasaan syak wasangka Perlis terhadap kemasukan modal asing yang terlalu banyak yang mungkin akan mengganggu usaha mewujudkan masyarakat Melayu yang bergantung kepada penanaman padi dan sedikit getah. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu lain sebenarnya mengalami desakan yang sama.

### Tanah, Galian dan Ukur

Dari semasa ke semasa, Majlis Negeri telah meluluskan akta dan enakmen dalam berbagai bidang, khususnya untuk melicinkan pentadbiran negeri. Antara akta dan enakmen yang sering dibentangkan ialah mengenai tanah, galian dan ukur. Pada masa pentadbiran Siam, sistem pentadbiran tanah tidak berapa teratur dan terbiar. Dengan tertubuhnya pentadbiran baru itu, Majlis Negeri telah menubuhkan badan yang khas untuk mentadbirkan hal-hal tanah dan galian. Pejabat Tanah dan Galian, di bawah arahan Pesuruhjaya Tanah dan Galian, telah ditubuhkan khusus untuk menyusun dan menyelesaikan masalah tanah di negeri itu.

Kawasan-kawasan di negeri itu, sebelumnya, tidak ditandakan dengan sempadan yang betul, jadi untuk menandakan kawasan-kawasan ini, dua buah badan telah ditubuhkan iaitu Badan Menandakan Sempadan dan Badan Ukur. Badan-badan ini bertugas untuk mengukur dan menandakan sempadan dan dengan demikian, pemegangan hak atas tanah menjadi lebih sempurna.

Pada tahun 1909, *Perlis and Enactments 1327* telah dikeluarkan. Mengikut arahan ini, permintaan atas tanah yang kurang dari 4.2 hektar adalah di bawah kuasa Pesuruhjaya Tanah dan Galian, sementara permintaan atas tanah yang lebih daripada ini harus dirujukkan kepada Majlis Negeri.<sup>28</sup>

Pemegangan atas tanah pertanian sebelum 1335 A.H. (1916) adalah di bawah apa yang dinamakan geran-geran lama atau geran-geran banci. Geran ini berbagai-bagai bentuk dan saiz, mengikut tarikh yang dikeluarkan, dan paling tua adalah ditulis dengan tangan. Kadang-kadang pula pada geran itu terdapat penerangan yang tertentu tentang kedudukan tanah itu, keistimewaannya dan lain-lain. Cara-cara yang demikian kemudian dianggap tidak efisien dan sistematis.

Dengan demikian, mulai tahun 1335 A.H. tanah yang dipindah hak milik telah dimasukkan ke dalam Daftar Milik (*Ownership*), menurut satu enakmen yang dikeluarkan pada tahun tersebut. Menurut enakmen ini, geran lama harus ditukarkan dan dimasukkan ke dalam Daftar Milik.<sup>29</sup> Pada tahun ini juga, sebanyak 1370 geran lama telah dimasukkan ke dalam "Daftar Milik".

Pada tahun 1353 A.H. (1934/1935), usaha telah dibuat untuk melicinkan lagi pentadbiran tanah di Perlis. Untuk tujuan itu, seorang pegawai F.M.S.

<sup>28</sup> Fail Sekretariat No. 83/09, (tidak bertarikh).

<sup>27</sup> C.R. Howett, *A Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Perlis for the Year 1353 A.H.*, Alor Star, 1936, him. 51.

Encik Mahmud bin Mat, telah dipinjamkan ke Perlis dan memegang jawatan sebagai Pesuruhjaya Tanah dan Galian pada 28 Januari 1935.<sup>28</sup>

Sebelum tahun 1934 dan 1935, pentadbiran tanah tidak berapa licin. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan pegawai yang mempunyai pengetahuan yang cukup, sistem pungutan cukai yang kurang memuaskan dan perhubungan antara Pejabat Tanah dengan rakyat biasa tidak berapa berkesan. Dengan perubahan yang dilancarkan kemudian, diharapkan sistem pungutan cukai yang baru dapat diadakan, permintaan atas tanah yang telah mula bertimbun-timbun itu dapat diselesaikan, kod tanah yang baru dapat disiapkan dan juga perhubungan antara Pejabat Tanah dengan petani akan lebih berkesan.

Dengan itu, *Land Enactments 1355 A.H.* telah diluluskan oleh Majlis Negeri; antara bahagian-bahagian yang penting yang terdapat di dalamnya ialah pembahagian negeri itu kepada mukim-mukim yang tertentu dan juga pengisyntiharhan kawasan-kawasan bandar dan kampung.<sup>29</sup>

Pentadbiran Tanah telah diberi perhatian yang berat dari semasa ke semasa. Sebagai usaha untuk menyelaraskan pentadbirannya di negeri itu dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu, satu langkah yang radikal telah diambil pada tahun 1356 A.H. (1937/1938), di mana Enakmen II 1936/37 menentukan supaya pentadbiran tanah di Perlis harus diselaraskan dengan sistem yang ada di Kedah dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, tetapi ada bahagian-bahagian yang disesuaikan dengan keadaan tempatan.<sup>30</sup>

Pengutipan cukai tanah dan sewa tanah pada zaman silam sangatlah lemah. Ini disebabkan oleh ketidakcekapan pegawai dan sebab terlalu banyak pihak yang dikecualikan dari membayar cukai. Antara pihak yang tidak dikenakan cukai ialah:

- a) kerabat yang memerintah
- b) penghulu-penghulu serta keraninya,
- c) orang awam, dan
- d) ketua-ketua jabatan.

Pada tahun 1911, selepas diselidiki, lebih kurang 942 hektar tanah telah dikecualikan dari cukai, yang jika dikutip, dianggarkan berjumlah \$1,700/-. Cukai ini pula dikutip oleh penghulu yang diberi dalal, sebanyak sepuluh peratus.<sup>31</sup>

Mengikut penjenisan tanah yang dikenakan cukai mengikut *Land Revenue Act 1327 (1909/1910)*, ialah:

- |                          |                                    |
|--------------------------|------------------------------------|
| a) Tanah pertanian       | ... 50 sen bagi 0.28 hektar        |
| b) Tanah pekan           | ... \$2/- satu lot                 |
| c) Tanah Milik Sementara | ... kurang 50 sen bagi 0.28 hektar |

Memandangkan keadaan yang demikian, Majlis Negeri telah membuat

28 Ibid., hlm. 23.

29 Ibid., hlm. 29.

30 C.W. Dawson, *A Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Perlis for the Year 1356 A.H.*, Alor Star, 1938, hlm. 40.

31 Fail Sekretariat No. 63/09, (tidak bertarikh).

reformasi pada tahun 1914, yang hanya membenarkan pihak Jabatan Tanah saja mengutip cukai daripada penghulu. Mulai 1915 pula, jumlah orang yang dikecualikan daripada cukai telah dihadkan bilangannya demi untuk mendapatkan hasil dalam negeri yang lebih tinggi.

Walaupun perubahan ini telah diperkenalkan, namun hasil cukai tanah masih juga belum mencukupi dan dengan demikian, pada tahun 1354 A.H. (1935/1936), *Land Revenues Act. No. 8/54*, telah diluluskan yang membolehkan kerajaan negeri memperolehi hasil selain daripada hasil tanah.<sup>32</sup>

Sungguhpun berbagai-bagai usaha telah dijalankan untuk melicinkan pentadbiran tanah ini, sebenarnya kemajuan dalam bidang ini masih juga belum memuaskan, baik pada tahun 1940-an maupun pada tahun 1950-an. Ini jelas kelihatan bahawa pada tahun 1952, terdapat sebanyak 30,000 lot tanah yang masih tidak mempunyai geran.<sup>33</sup>

Kawasan-kawasan untuk perlombongan di Perlis adalah kecil. Penyewaan untuk tanah melombong yang terpenting pada waktu itu hanya terhad kepada kawasan batu kapur di antara sempadan Siam dengan Perlis. Pada peringkat awal pentadbiran baru itu, tidak ada premium yang dikenakan kepada pertukaran hak milik untuk tanah melombong.

Perlombongan bijih timah telah dimulakan lebih kurang 250 tahun dahulu oleh orang Cina. Oleh sebab bijih timah itu terdapat dalam gaung dan sungai bawah tanah, usaha mencarinya melibatkan pertaruhan besar. Usaha mencari bijih timah itu terlalu kompleks, kerana pelombong harus membuat jalan panjang bawah tanah, mengikut lorong-lorong sungai dan kalau perlu, menggunakan bahan letupan untuk membuat lorong. Cara yang demikian memerlukan masa yang panjang dan kadangkala tempat yang dituju itu tidak menghasilkan apa-apa.

Kawasan-kawasan perlombongan ini, pada mulanya ditandakan oleh Pegawai Perlombongan, tetapi mulai pada tahun 1355 A.H. (1936/1937) ada cadangan agar penandaan sempadan dijalankan oleh pihak Jabatan Ukur supaya lebih tepat; tetapi memandangkan bahawa penyewaan kawasan-kawasan itu hanya diberi dalam jangka masa yang singkat, iaitu hanya lima tahun saja, maka difikirkan bahawa cara-cara seperti itu tidak menguntungkan. Akhirnya usaha-usaha itu telah dilupakan begitu saja.

Pada tahun 1939, kawasan bijih timah yang baru telah dijumpai dengan banyaknya di Perlis, tetapi hasil bijih timah tidak boleh dikeluarkan serta dieksportkan keseluruhannya kerana terpaksa patuh kepada undang-undang

32 C.R., *A Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Perlis for the Year 1354 A.H.*, Alor Star, 1936, hlm. 35.

33 *Report of the Land Commission Appointed to Enquire into and Make Recommendations for the Improvement of Land Administration in the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, 1958, hlm. 57. Angka 30,000 itu telah didapati pada tahun 1958, tetapi angka tersebut tidak mungkin terkumpul pada tahun itu saja, tetapi dari tahun-tahun sebelumnya. Ini jelas menunjukkan bahawa keadaan sebelum tahun 1950-an itu tidak menampakkan kecekapan dalam pentadbiran tanah.

Mengikut seorang pegawai MCS (yang namanya tidak disebutkan), kesukaran yang dihadapi di Jabatan Tanah Perlis ialah kekurangan kemahiran dalam pekerjaan dalam pegawai tempatan. Daya pengeluaran mereka sehari-hari adalah terlalu minima, jika dibandingkan dengan taraf yang seharusnya didapati dari Pegawai Jabatan Tanah. Walaupun begitu, hendak menggantikan mereka dengan orang lain adalah sukar, kerana Kerajaan Negeri enggan mengambil pegawai dari luar Perlis.

Lepasan Kuota Antarabangsa. Tetapi menjelang Perang Dunia Kedua dan pada tahun-tahun berikutnya, bijih timah yang berlebihan itu telah dapat dieksportkan dengan mudahnya dan membawa pendapatan yang lumayan kepada negeri tersebut.

Jabatan Ukur Perlis pada permulaannya adalah di bawah pengelolaan Penguasa Ukur Kedah. Semua urusan pejabat telah dijalankan di Kedah, dan lawatan telah dibuat dari semasa ke semasa ke Perlis oleh pegawai-pegawai tersebut, untuk membuat perhatian dan penyiasatan.

Di antara sumbangan penting yang telah dilakukan oleh jabatan tersebut pada tahun-tahun ini ialah menandakan kawasan kampung mengikut kumpulan-kumpulan. Tiap-tiap kumpulan itu dipanggil "lingkungan". Lingkungan ini dinomborkan mengikut siri dalam tiap-tiap mukim. Pada penghujung 1936, sebanyak 26,601 lot telah ditandakan. Usaha-usaha untuk membuat peta Perlis telah juga dijalankan dan salah satu daripada hasil usaha tersebut ialah, pada 1936 sebuah peta politik Perlis telah dapat dihasilkan.

### Kehakiman dan Polis

Di bawah pemerintahan Siam, sistem kehakiman ini tidak berapa lengkap dan teratur. Sungguhpun sumber-sumber mengenainya kurang terdapat, bolehlah dibuat andaian daripada bukti yang ada. Walaupun telah ada mahkamah, sistem yang ada itu belum lagi dapat dijalankan dengan sempurna jika dibandingkan dengan sistem kehakiman yang terdapat pada masa pemerintahan selepasnya. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan keadaan yang ada pada waktu itu. Misalnya, hukuman-hukuman yang dikenakan kepada orang-orang yang salah adalah ringan. Pada lazimnya, jika seseorang itu didapati bersalah, khususnya seorang Cina, pesalah itu akan dibenarkan untuk dibebaskan, jika ada pihak yang sanggup menjamminya.

Denda dalam bentuk wang, terlalu rendah dan boleh juga dibayar tiap-tiap bulan, iaitu antara \$3 hingga \$4 ringgit sebulan.<sup>34</sup> Ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa sistem kehakiman pada waktu itu agak longgar. Masalah kecil yang bersangkut paut dengan orang Melayu diselesaikan oleh ketua kampung.

Di bawah naungan British, pihak pentadbir telah melicinkan lagi sistem kehakiman. Undang-undang yang perlu telah ditiru dari Negeri-negeri Selat untuk digunakan di negeri ini. Mulai tahun 1909, terdapat empat jenis Mahkamah di Perlis. Di puncaknya ialah Mahkamah Majlis Negeri atau Mahkamah Diraja. Mahkamah ini juga bertindak sebagai Mahkamah Rayuan. Semua hukuman bunuh atau penjara, lebih daripada lima tahun, yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi, harus terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada mahkamah ini, sebelum hukuman dijalankan. Mahkamah ini juga mendengar kes-kes yang dirujukkan kepadanya oleh Mahkamah Tinggi, misalnya jika kedua-dua orang hakim dalam Mahkamah Tinggi itu tidak bersepakat mengenai satu-satu keputusan itu, maka

<sup>34</sup> Skeat & Laid Law, op. cit., hlm. 136.

perkara tersebut hendaklah dibawa ke Mahkamah Diraja. Mahkamah Tinggi pula, terdiri daripada dua orang hakim, seorang daripadanya ialah Pegawai British dan seorang lagi ialah orang tempatan.

Mahkamah Rendah mengandungi seorang hakim. Mahkamah tersebut hanya boleh menjalani serta mengenakan denda kepada kes-kesnya tidak lebih dari \$250 atau satu bulan penjara. Jika pengadil merasakan bahawa hukumannya tidak memuaskan, dia boleh menghantar pesalah itu ke Mahkamah Tinggi untuk diadilkan dan didenda.<sup>35</sup>

Bagi kesalahan yang bersangkut paut dengan orang Melayu, khususnya dengan hal agama Islam, akan dibawa ke Mahkamah Syariah, dan diadilkan oleh Kadi dan Penolong Kadi. Sebenarnya mahkamah ini lebih dikenali daripada mahkamah lain kerana masyarakat Melayu di sini lebih ramai daripada golongan lain dan akibat daripada itu, masalah yang berkait dengan hal-hal penceraian dan lain-lainnya tentu banyak sekali.

Penasihat Undang-undang Negeri Kedah dipinjamkan ke Perlis untuk menasihati negeri tersebut dalam bidang itu, dan keadaan ini berjalan hingga zaman sekarang.

Hakim di negeri ini telah dibahagikan kepada tiga kelas. Hakim kelas pertama, yang pada permulaannya, dipinjamkan dari Kedah, duduk di Mahkamah Tinggi dan bilangannya hanya seorang saja. Beliau sering berulang-alik ke Perlis untuk mengadilkan kes-kes di sini. Hakim kelas dua dan tiga pula duduk di Mahkamah Rendah dan mereka adalah terdiri daripada orang tempatan.

Oleh sebab negeri itu bersempadan dengan Siam, kerap kali pihak yang melakukan jenayah dapat melepaskan diri daripada dihukum dengan mlarikan diri ke utara. Pada zaman British, keadaan seperti ini masih berlaku.

Dalam aspek ini, Kerajaan Perlis telah membuat hubungan yang erat dengan Kerajaan Siam. Misalnya, bila seorang warganegara Siam di Perlis telah melanggar undang-undang negeri itu, beliau akan diadili di Perlis, mengikut undang-undang negeri tersebut. Jika beliau didapati bersalah, maka selalunya, ia akan dihantarkan kembali ke Siam untuk dipenjarakan. Begitu juga keadaannya dengan rakyat Perlis di Siam.

Hubungan dengan negeri Kedah adalah mengikut dasar yang sama. Kadangkala, oleh sebab penjara di Perlis itu, tidak boleh memuatkan ramai banduan, maka dihantar ke Sungai Petani untuk menjalani hukuman. Ini dapat dibuktikan bahawa mengikut sumber yang terdapat, penjara di Perlis hanya memuatkan lapan orang banduan saja dari bangsa Melayu dan seorang Cina pada tahun 1900.<sup>36</sup>

Jabatan Polis, seperti juga Jabatan Ukur dan Kehakiman banyak bergantung kepada Kedah. Jabatan tersebut diletakkan di bawah pengelolaan Kedah dan keadaan itu berjalan sehingga zaman sekarang; Penguasa Polis Kedah menjadi Penguasa Polis Perlis.

35 C.W. Dawson, *A Report on the Social and Economic Progress of the State of Perlis for the Year 1857 A.H.*, Alor Star, 1904, hlm.

36 Skeat & Laid Law, op.cit., hlm. 135.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang pegawai untuk mengarahkan kegiatan Polis di Perlis, tetapi tertakluk kepada arahan dari Kedah. Jumlah mereka agak kecil juga jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang terdapat. Misalnya pada tahun 1350 A.H. (1931/32) ada sejumlah enam puluh lapan orang, dan pecahannya adalah seorang Pegawai, seorang Merinyu, seorang Penolong Merinyu dan enam puluh lima orang anggota biasa. Pada tahun 1939, angka ini telah meningkat sedikit saja, iaitu menjadi tujuh puluh lapan orang. Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada orang Melayu, tetapi terdapat juga seorang dua orang Cina dan India.

Oleh sebab jabatan-jabatan perkhidmatan awam pada tahun 1910-an hingga 1940-an itu belum berapa lengkap lagi, kita dapat tugas polis itu tidak khusus seperti sekarang. Mereka menjalankan kerja selain daripada tugas yang sepatutnya. Tugas mereka pada zaman British ini ialah (a) memberi lesen untuk senjata api, (b) menjaga timbang-menimbang dan sukatan, (c) mendaftar kereta motor, dan (d) melesen dan mengawal dadah. Kita perhatikan bahawa tugas (b) dan (c) itu sekarang adalah tertakluk kepada jabatan-jabatan lain, bukan polis. Oleh sebab pada waktu itu, masalah ini belum lagi begitu rumit, mereka telah diberi tugas dalam bidang tersebut. Mulai tahun 1938, barulah mereka bertugas sebagai pihak pendaftar kelahiran dan kematian.

Supaya sistem undang-undang dan pengawalan lebih meluas dan sampai ke tiap-tiap pejuru di negeri itu, balai Polis telah didirikan di kawasan-kawasan terpenting. Pada tahun 1930-an, terdapat tujuh buah Balai Polis di bawah seorang Pegawai Balai.

Pada keseluruhannya, tugas mereka dalam bidang jenayah tidaklah berapa berat. Ini dapat dilihat menerusi jumlah jenayah yang dilaporkan (rekodkan). Misalnya pada tahun 1931, jenayah yang telah dilaporkan berjumlah 382 daripada bilangan penduduk yang berjumlah lebih kurang 40,000 orang. Kalau diambil hitung panjangnya, cuma terdapat satu kes jenayah saja setiap hari dari jumlah penduduk yang begitu ramai. Ini mungkin disebabkan kes-kes kesalahan itu tidak dilaporkan kepada polis dan sebagaiya.

### **Perkembangan ekonomi**

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Perlis tidak banyak bergantung kepada modal luar untuk membangunkan ekonominya. Dalam bidang ini, aspek tradisional menjadi teras dalam pembentukan ekonomi negeri tersebut. Memandangkan bahawa negeri itu tidak boleh mengeluarkan bahan galian yang banyak seperti negeri-negeri lain di Tanah Melayu maka, pada waktu itu, kegiatan pembangunan ekonomi lebih dikhurasukan kepada penanaman bahan yang boleh diusahakan seperti padi, getah, kelapa dan tanaman-tanaman lain untuk kegunaan harian.

Oleh yang demikian, pemerintahan tempatan telah menggiatkan usaha untuk memperbaiki dan menambah hasil tersebut. Salah satu daripada usaha yang telah dibuat dengan pesatnya untuk menambahkan pengeluaran ialah dalam bidang padi sebab ia merupakan bahan yang terpenting di Perlis (hingga sekarang). Kawasan untuk pertanian telah dibuka di Kuala Perlis,

Kurong Tengar, dan di kawasan tepi pantai, yang telah diberikan kepada petani Cina untuk menanamnya. Akibat daripada itu, sejumlah 568 hektar kawasan paya telah dibuka untuk penanaman padi.

Pada tahun 1920-an pula, kemajuan dalam penggunaan baja telah diperolehi. Baja telah didapati dari bukit batu kapur di Perlis sendiri. Benih padi, jenis yang baik juga, telah diambil dari Krian dan dibawa ke Perlis untuk diujikan.

Pada tahun 1930, pihak pemerintah telah mengantar seorang penuntut Melayu ke Krian, Perak, bagi mendapat latihan menjadi "Merinyu Padi".

Supaya tidak banyak sangat bergantung kepada hujan, usaha telah dibuat pada tahun 1937, iaitu bila masalah kewangan telah selesai, untuk mengadakan empangan bagi pengairan. Sebenarnya usaha ini kurang berhasil kerana tiada sungai yang besar, yang sesuai untuk pembinaan empangan. Walau bagaimanapun, usaha seperti ini dapat dilihat sehingga sekarang (misalnya empangan di Tok Musang dan di Beseri).

Akibat daripada usaha yang telah dijalankan oleh pemerintah, hasil pengeluaran padi telah meningkat berkali-kali ganda dan menjadikan Perlis dan Kedah pembekal beras yang terpenting di Tanah Melayu. Pada tahun 1910, Perlis mengeksport sebanyak 215,924.5 kg padi tetapi pada tahun 1920, eksportnya sebanyak 451,263.5 kg. Penghasilan dari tiap-tiap hektar hitung panjang telah meningkat dari 864 kg kepada 1,728 kg pada tahun 1913. Pada tahun 1913, hasil daripada semua kawasan tanaman telah mencapai satu rekod yang paling tinggi yang pernah tercapai iaitu sebanyak 7,358,400 kg.<sup>37</sup>

Berhubung dengan padi itu, kita dapat sifat penanaman dan pemungutan melibatkan perpindahan penduduk dari negeri lain ke Perlis, secara sementara. Padi, sebagaimana yang diketahui, memerlukan jangka waktu yang singkat dan cepat untuk memotongnya kerana kalau dibiarkan begitu lama di kawasan padi, ia akan dimusnahkan oleh burung atau binatang lain. Tetapi tenaga kerja untuk memotongnya dari orang Perlis sendiri tidak mencukupi. Dengan demikian, tenaga kerja dari luar perlu diimport, khususnya dari Kelantan, Terengganu dan Siam Selatan. Perkara seperti ini telah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Adalah dianggarkan bahawa orang yang masuk untuk membuat kerja itu berjumlah antara 500 hingga 1000 orang tiap-tiap musim. Apabila tugas mereka di sawah padi itu telah habis mereka akan kembali semula ke negeri asal masing-masing.

Perusahaan getah di Perlis agak lambat sedikit berkembang. Estet yang pertama dibuka ialah *Estate Cawdor*, seluas 103.2 hektar pada tahun 1912, oleh seorang penanam Eropah. Di estet tersebut, terdapat juga tanaman lain seperti kelapa dan kopi. Dengan kejayaan ladang tersebut mengeluarkan hasil pertamanya pada tahun 1914, menggalakkan pula penanaman getah oleh pihak lain khususnya pekebun kecil. Sehingga pada tahun 1918, keluasan kawasan getah di Perlis telah meningkat menjadi antara 1,200 hingga 1,600 hektar.

<sup>37</sup> H.C. Eckhardt, *The Annual Report of the British Advisor to the Perlis Government for the Year 1914—1915*, Kuala Lumpur, 1916, hlm. 44.

Pada umumnya kelambatan dalam perkembangan perusahaan ini disebabkan oleh dua faktor yang penting iaitu:-

- a) *Rubber land Enactments 1917* telah membantutkan minat penanam untuk menanam getah. Mengikut enakmen ini, penanaman getah di kawasan yang lebih daripada empat belas hektar, hanya dihadkan kepada orang Eropah saja.
- b) Enakmen 1935 mengkhaskan sebahagian besar tanah di barat daya Perlis untuk tempat kediaman orang tempatan. Dengan itu kita dapat kawasan tanaman adalah terhad.

Kawasan penanaman getah di Perlis itu terletak di sebelah utara, khasnya di kawasan Arau dan Chuping sahaja.

Perusahaan kelapa pula lebih mundur daripada padi atau getah. Perusahaan ini sebenarnya bermula pada tahun 1910, tetapi tidak berjaya. Usaha telah dibuat untuk memajukan perusahaan tersebut. Misalnya pada tahun 1912, *Coconut Cultivation Enactments 1912* telah dikeluarkan untuk memajukan hasilnya tetapi kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, keluasannya hampir sama banyak dengan getah pada tahun 1938, iaitu 1,260.8 hektar. Mungkin satu daripada sebab mengapa kelapa tidak berapa menarik minat masyarakat kampung pada waktu itu ialah harga kelapa kering adalah rendah dan juga mereka terpaksa menumpukan banyak masa di sawah padi. Tanaman lain yang diusahakan secara sambilan ialah kapas, teh, kopi dan tembakau.

Untuk menunjukkan bagaimana kurangnya kawasan untuk pertanian di Perlis itu dapat kita lihat pada Jadual I:

Jadual I  
PERLIS 1937<sup>38</sup>

Luas kawasan negeri	...	± 496 km persegi
Kawasan hutan simpanan	...	80 km persegi
Kawasan pertanian	...	11 km persegi
Kawasan perlombongan	...	8 km persegi

Disebabkan hasil dalam negeri, khususnya dari segi pertanian dan perlombongan terlalu kecil, maka kerajaan terpaksa bergantung kepada pendapatan dari segi lain (lihat jadual II).

Dari Jadual II, kita dapat walaupun padi merupakan dua pertiga daripada eksport Perlis, ia tidak mendatangkan pendapatan yang mustahak kepada kerajaan negeri. Jadual di atas menunjukkan bahawa lebih dua pertiga daripada hasil negeri diperolehi daripada monopoli cendu, dan hasil kastam. Yang lain-lainnya hanya menyumbangkan kepada pendapatan yang sedikit itu saja.

Yang menarik perhatian di sini ialah tentang cendu tersebut. Seperti yang telah diketahui, cendu digunakan oleh kaum Cina khususnya, tetapi jumlah

38 C.R. Howitt, (1355), op. cit., him. 32.

**JADUAL II**  
**PERLIS: HASIL NEGERI**

	1345 (1927)	1347 (1929)
1. Monopoli Candu	\$220,874	\$187,673
2. Mahkamah	\$ 18,714	\$ 16,724
3. Kastam	\$217,416	\$228,660
4. Eksais	\$ 605	\$ 626
5. Perhutanan	\$ 1,610	\$ 1,856
6. Pelabuhan	\$ 3,386	\$ 3,395
7. Tanah	\$ 85,616	\$ 77,733
8. Perubatan	\$ 1,669	\$ 1,833
9. Perlombongan	3,724	\$ 4,489
10. Lain-lain	\$ 30,515	\$ 28,767
11. Perbandaran	\$ 16,153	\$ 17,667
12. Polis	\$ 6,013	\$ 5,538
13. Penjara	\$ 5,916	\$ 6,387
14. Mahkamah Syariah	\$ 1,608	\$ 1,202
15. Jabatan Haiwan	\$ 846	\$ 779
JUMLAH =	\$614,665	\$583,329

mereka yang tidak berapa ramai itu dapat menyumbangkan secara tidak langsung kepada hasil negeri dengan banyaknya. Untuk mengetahui keadaan ini dengan jelas, lihat jadual III:

**Jadual III**

**PERLIS: PENDUDUK (BERASASKAN BANDI)**

Jumlah	Tahun	Melayu	Cina	India dll.
40,087	1921	34,165	3,602	2,155
49,297	1931	39,716	6,500	2,632

Berpandukan kepada jadual di atas, kita dapatilah bahawa pada tahun 1921 peratus penduduk Cina, jika dibandingkan dengan seluruh penduduk Negeri Perlis, tidaklah lebih daripada lima belas peratus saja. Tetapi hasil negeri yang diperolehi daripada candu melalui monopoli ialah lebih kurang tiga puluh tiga peratus daripada hasil seluruh negeri.

## Pembangunan Infrastruktur

Untuk membangun ekonomi serta mendekatkan Perlis dengan dunia luar, infrastruktur negeri diperbaiki. Dari segi pengangkutan tugas pemerintah bukanlah hanya dalam membaiki jalan yang sedia ada sejak zaman pemerintahan Siam dahulu tetapi juga membuka jalan yang baru. Jalan raya lama yang telah menghubungkan Kangar dengan Alor Star diperbaiki serta dibuat jambatan di tempat-tempat yang diperlukan. Jalan tersebut telah ditarkan. Hingga tahun 1930-an, Perlis sudah mempunyai 60 kilometer jalan yang telah ditarkan, 16 kilometer yang tidak ditar dan 38 kilometer jalan kecil.<sup>39</sup>

Masalah rumit yang dihadapi oleh pemerintah pada zaman awal pentadbirannya ialah kekurangan tenaga buruh. Buruh cukup sukar diperolehi untuk menjalankan projek perkhidmatan awam. Dengan demikian, untuk menampung kekurangan itu, tenaga banduan telah digunakan. Orang Melayu enggan menjalankan projek kerja raya. Buruh tambahan hanya dapat diperolehi melalui jasa baik penghulu yang telah menarik anak buah mereka dari kampung untuk menjalankan kerja tersebut. Mulai tahun 1911, Jabatan Kerja Raya Perlis telah berjaya mendapatkan khidmat jurutera dari Kedah untuk mengawasi serta menasihati projek membuat jalan raya di Perlis.

Perlis juga mempunyai perhubungan keretapi seperti negeri-negeri lain. Kerajaan negeri telah membenarkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu membina jalan keretapi melalui Perlis, menuju ke Siam. Persetujuan ini tercapai kerana kerajaan Perlis tidak perlu membayar apa-apa bayaran untuk membina jalan tersebut. Pembinaan jalan tersebut telah dimulakan pada awal tahun 1917 dan telah siap pada tahun 1918 (bulan Julai). Keuntungan perkhidmatan keretapi itu tidak diambil oleh kerajaan negeri tetapi telah diserahkan bulat-bulat kepada Jabatan Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Pada masa pemerintahan Siam, Jabatan Pos dan Telegraf adalah sebahagian daripada Perkhidmatan Pos dan Telegraf Diraja Siam. Kerajaan Negeri pada waktu itu tidak mengambil tahu langsung tentang hal pentadbiran kewangan dan perbelanjaannya. Bila Perlis berada di bawah naungan British, jabatan tersebut telah diletakkan di bawah pengelolaan Jabatan Pos dan Telegraf Kedah dan keadaan ini berlanjut hingga sekarang.

Yang menjadi dua tumpuan penting pemerintahan semasa tiga puluh tahun di bawah naungan British itu ialah bidang pelajaran dan kesihatan. Pendidikan sebelum tahun 1909, adalah di bawah kelolaan orang tempatan. Orang Melayu dengan pendidikan agamanya, di bawah guru agama, semestara bangsa lain adalah di bawah sistem mereka sendiri. Pendidikan bagi orang Melayu adalah berasaskan pelajaran Quran. Pendidikan sekular hanya dimulakan selepas tahun 1909, bila pihak pemerintah memperkenalkan sistem pendidikan Barat.

Sekolah-sekolah vernakular telah didirikan dan menggunakan bahasa pengantar masing-masing. Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang perkembangan sekoiah itu, lihat jadual IV:

39 C.R. Howitt, (1355), op. cit., hlm. 22.

**JADUAL IV**  
**PERLIS: SEKOLAH DAN PENDIDIKAN<sup>40</sup>**

Tahun	Bil. Sekolah	Jumlah Murid	Bil. Guru	Kedatangan
1915	8	453	12	60%—80%
1925	17	1826	64	77%
1934	24	1857	75	77%

Harus diperhatikan ialah tentang perkembangan sekolah yang lambat dan juga kemunduran kedatangan murid-murid ke sekolah. Pada tahun 1931, yang pergi ke sekolah berjumlah 1,830 atau lebih kurang empat peratus dari seluruh penduduk. Di sini dapatlah diberikan dua sebab penting mengapa perkembangan pelajaran sangat lemah di Perlis.

(a) Perbelanjaan Negeri dalam bidang pelajaran tidaklah dipentingkan sangat kerana wang terpaksa disalurkan kepada perkhidmatan yang lain (lihat Jadual V).

**Jadual V**

Tahun	Perbelanjaan atas pelajaran	Perbelanjaan seluruh	% dari perbelanjaan seluruh
1915	\$ 3,860	\$185,357	2.1%
1926	\$36,272	\$622,928	5.8%
1930	\$43,542	\$573,738	7.8%

Walaupun ada pertambahan yang dilakukan ke atas bidang pelajaran dari setahun ke setahun, kadarnya masih tidak mencukupi. Kalau ada potongan yang harus dilakukan daripada Perbelanjaan Negeri, yang akan dipotong terlebih dahulu ialah perbelanjaan dalam bidang pelajaran. Bilangan guru juga sangat kurang. Pada tahun 1915, hanya terdapat dua belas orang guru saja bagi menampung bilangan murid sejumlah 453 orang, iaitu lebih kurang seorang guru untuk tiga puluh enam orang murid. Guru lelaki dan perempuan yang terlatih sangat kurang. Pada tahun 1930, hanya terdapat seorang guru perempuan saja yang terlatih. Peralatan sekolah sangat kekurangan dan keadaan sekolah pula sesak.

Namun demikian, kesedaran terhadap pelajaran di kalangan setengah penduduk adalah tinggi. Sebagai contoh, pada tahun 1937, orang kampung (sebahagian) telah bersetuju menderma tiga sen seorang tiap-tiap bulan serta bergotong-royong membina sekolah dan menyediakan tempat tinggal

40 Shamsook, Ratanapun, op. cit., him. 219.

gurunya asalkan anak mereka mendapat pendidikan sempurna.<sup>41</sup>

(b) Perkembangan pelajaran juga terbantut disebabkan oleh tentangan yang kuat daripada sebilangan rakyat terhadap pelajaran sekular. Sebab-sebab lain ialah:

- (i) masa belajar yang tidak sesuai,
- (ii) jarak antara tempat tinggal dengan sekolah yang jauh, dan
- (iii) tenaga kanak-kanak diperlukan di sawah padi.

Kecuaian pihak pemerintah di dalam bidang pendidikan ini dapat juga dilihat dari jumlah sekolah yang dibina. Sehingga Perang Dunia Kedua, tidak ada sebuah pun sekolah Inggeris (kerajaan) dibina di negeri tersebut. Kalau pelajar-pelajar Perlis hendak melanjutkan pelajaran, mereka terpaksa pergi ke Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Star ataupun ke Maktab Melayu Kuala Kangsar.

Pada masa pemerintahan Siam, masalah kesihatan dan perubatan tidak berapa dihiraukan. Jabatan Kesihatan dan Perubatan tidak didirikan apa lagi hospital. Penyakit tropika seperti campak, taun, malaria bermaharajalela.

Pentadbiran baru telah mula memperkenalkan beberapa perubahan dalam bidang ini. Walaupun wang pada masa itu sangat berkurangan, khususnya pada tahun 1909, kempen menyuntik telah mula diperkenalkan. Kempen tersebut telah dijalankan sehingga tahun 1913 dan sepertiga penduduk Perlis telah disuntik.<sup>42</sup>

Wad di hospital telah dibuka pada tahun 1914. Seorang Pembantu Hospital dan seorang pakar bedah telah dijemput ke Perlis, dari Kedah, sebulan sekali. Kematian telah mula direkodkan dan pada tahun 1919, jumlah pesakit di hospital meningkat kepada dua puluh lima orang. Untuk mengurangkan lagi angka kematian, seorang doktor, Dr. Sivasambam telah diperolehi dari India, secara kontrak selama tiga tahun, dan bertugas sebagai pakar bedah di Hospital Perlis. Dispensari bergerak telah juga ditubuhkan dan membuat lawatan dua minggu sekali ke sekolah dan kampung.

Bidan kampung telah juga dilatih. Calon-calon dipilih dari kampung dan dihantar ke Kedah untuk latihan selama setahun. Setelah tamat latihan, mereka dilantik sebagai Bidan yang diberi bantuan.

Selepas tiga puluh tahun di Perlis, perkhidmatan kesihatan kerajaan mengandungi seratus buah katil di hospital, tiga buah dispensari tetap dan sebuah dispensari bergerak. Sungguhpun telah ada kemajuan, kakitangan hospital tidak mencukupi lagi. Pada tahun 1938, pegawai perubatan hanya terdiri daripada dua orang pegawai, empat orang pembantu hospital, seorang penyuntik, seorang pengangkut najis dan seorang bidan.

Sejak dari awal lagi pemerintah telah cuba memperbaiki keadaan sosial dan kehidupan masyarakat. Nilai dan taradisi lama yang mungkin merosakan masyarakat telah dihapuskan melalui enakmen dan akta yang telah

41 C.W. Dawson, *A Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Perlis for the Year 1937 A.H.*, Alor Star, 1940, him. 24.

42 H.C. Eckhardt, *A Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Perlis for the Year 1914—1915*, Kuala Lumpur, 1916, him. 48.

diluluskan oleh Majlis Negeri. Sebagai contoh, pada tahun 1910, enakmen untuk menamatkan "Hamba Berhutang", telah dikeluarkan dan menjelang 1912, bilangan hamba telah mula berkurangan. Hamba ini terjadi bila tiba keadaan di mana yang berhutang itu tidak dapat membayar hutangnya dari si piutang (dikenali dengan nama "tuan mas"). Sebagai gantinya, yang berhutang harus membayar hutangnya dengan tenaganya sendiri sehingga hutang itu selesai. Kerja yang selalu dijalankan untuk menjelaskan hutang itu dikenali sebagai (a) kerja panggang pandak, (b) kerja dalam bendang, dan (c) kerja tunggu dusun.

### **Penutup**

Seperti di negeri-negeri Melayu lain, perubahan yang diperkenalkan di Perlis pada masa campur tangan British di situ lebih tertumpu kepada bidang pentadbiran dan teknologi. Terutama sekali diwujudkan sistem birokrasi dan selanjutnya diadakan pembangunan infrastruktur. Di kebanyakan negeri Melayu lain itu semua bertujuan menggalakkan pelaburan modal dari luar khususnya Eropah. Di Perlis modal dari luar sangatlah terbatas. Mungkin kerana pembangunan ekonomi tidak berjalan dengan begitu pesat, sistem pentadbiran yang diwujudkan oleh British di Perlis ternampak agak sederhana. Pada amalannya jentera pentadbiran Perlis seolah-olah dikaitkan dengan pentadbiran Kedah. Oleh itu tidak banyak perbelanjaan yang diperlukan untuk menampung perjawatan di Perlis.

Oleh sebab ekonomi Perlis tidak banyak mendapat kesan daripada pelaburan modal dari luar dan pembangunan keseluruhannya berlaku dengan perlahan-lahan, tidak banyak perubahan sosial juga yang dapat diperhatikan: masyarakat Melayu menjelang Perang Dunia Kedua tidak jauh berbeza dengan masyarakat Melayu yang wujud sebelum campur tangan British. Sistem pelajaran juga berkembang dengan lebih pesat hanya selepas Perang. Tidak seperti negeri-negeri di mana perlombongan berjalan secara besar-besaran diiringi oleh pertumbuhan perusahaan getah, Perlis tidak mempunyai penduduk Cina dan India yang besar. Hasil negeri adalah kecil dan bergantung kepada candu dan cukai perdagangan. Maka tidaklah keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa tempoh 1909—1941 hanya merupakan permulaan zaman peralihan dalam sejarah moden negeri Perlis. Pembangunan yang lebih penting berlaku selepas Perang dan justeru itu masyarakat lebih jelas mengalami perubahan mulai lewat 1950-an.

## *Al-Imam*

*Abdullah bin Haji Jaafar\**

### **Pengenalan**

Menjelang awal abad ke-20, keadaan hidup orang Melayu terutama di desa adalah buruk sekali. Mereka masih mundur dalam serba-serbi; bidang ekonomi, sosial dan pelajaran. Mereka telah jauh ditinggalkan oleh orang bukan-Melayu dan jurang perbezaan ini semakin lama telah menjadi semakin besar.

Tambahan pula pertumbuhan bandar-bandar di sana sini amat pesat terutama di kawasan atau tempat yang berhampiran dengan perusahaan bijih timah dan getah. Ini diikuti dengan pembangunan dalam bidang pengangkutan terutama pembinaan jalan raya dan jalan keretapi yang juga sebahagian besarnya ditumpukan di kawasan-kawasan perusahaan tersebut. Keadaan hidup di bandar semakin baik kerana kemudahan-kemudahan sosial lebih diutamakan. Sebaliknya pula, kawasan-kawasan desa yang ramai didiami oleh orang Melayu telah tidak diberi perhatian berat oleh pihak kerajaan British.

Salah satu faktor penting mengapa keadaan begini berlaku ialah kerana orang Melayu tidak mendapat bimbingan dan kepimpinan yang seharusnya, iaitu daripada golongan pemerintah Melayu sendiri. Golongan ini nampaknya sama-sama tidak sedar ataupun sengaja tidak mahu sedar akan keadaan yang wujud.

Kerana kelemahan-kelemahan itu beberapa orang tampil ke hadapan sebagai pemimpin yang ingin memperjuangkan nasib orang Melayu. Empat daripada mereka yang lebih terkemuka ialah Syeikh Mohd. Tahir bin Jalaluddin Al-Azhari, Sayid Syeikh bin Ahmad Al-Hadi, Haji Abbas bin Mohd. Taha dan Syeikh Mohd. Salim Al-Kalali. Hasil daripada kesedaran dalam hidup mereka di kota, terutama Singapura serta akibat pengaruh Timur Tengah, mereka dengan penuh azam bertekad ingin menjalankan islah dalam masyarakat Melayu. Bagaimanakah caranya untuk menyedarkan masyarakat Melayu seluruhnya? Bagaimanakah mereka dapat menyebarkan idea dan fahaman ataupun ajaran yang dikehendaki itu di kalangan orang ramai? Akhir sekali bagaimanakah caranya untuk menyuarkan tuntutan dan

\* Penulis ialah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya tahun 1970.

kritikan serta rintihan orang Melayu kepada pihak pemerintah?

Mereka mendapati bahawa masyarakat Melayu sebenarnya amat memerlukan satu alat sebaran am iaitu "bagi menyampaikan seru itu kepada segala saudara kita."<sup>1</sup> Maka setelah dibincangkan dan diambil pertimbangan dengan panjang lebar dalam mesyuarat-mesyuarat, satu keputusan telah diambil untuk menerbitkan majalah *Al-Imam*. Maka lahirnya majalah itu adalah dengan tujuan untuk memberi bimbingan dan petunjuk kepada masyarakat Melayu.

Para pendukung *Al-Imam* ini kebanyakannya bukan berdarah Melayu tempatan, kecuali Haji Abbas. Mereka itu berketurunan darah Arab. Hal ini mungkin boleh meragukan setengah-setengah kalangan sebab dari situ akan timbul beberapa persoalan. Kerana mereka itu bukan orang Melayu tempatan, jadi bolehkah mereka dianggap sebagai pemimpin Melayu? Kebanyakan daripada mereka yang berketurunan Arab ketika itu memainkan peranan besar dalam bidang perdagangan dan perniagaan di Singapura, Pulau Pinang dan juga di bandar-bandar besar di Sumatera. Menjelang abad ke-20, golongan saudagar Arab ini telah mula merasai persaingan daripada saudagar bangsa-bangsa lain terutamanya Cina dan British.

Menurut penganjur-penganjur *Al-Imam* sendiri, mereka memang cintakan negeri ini dan menganggap Tanah Melayu sebagai negeri mereka sendiri. Mereka telah menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu dan telah hidup bercampur gaul dengan orang Melayu, malah ramai berkahwin dengan orang Melayu. Hidup mereka telah sebat dengan keadaan dan cara hidup orang Melayu. Oleh itu mereka menganggap diri sendiri sebagai anggota masyarakat Melayu; kata Syeikh Mohd. Salim: "Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh daripadanya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perhatian kesenangan kami. Tidakkah jadi terhutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya?"<sup>2</sup>

Dengan sebab itu *Al-Imam* berasa berkewajipan dalam menyedarkan orang Melayu dan memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada mereka. Ia berasa bertanggungjawab untuk mencegah orang Melayu terutama golongan pembesar daripada khayalan dan kelalaian yang telah menyebabkan kemunduran dan kehinaan bangsanya dan juga tanahairnya.<sup>3</sup> Sebab itulah akhbar yang diterbitkan dinamakan *Al-Imam* (Pemimpin).

### Perjuangannya

Sebenarnya mereka yang terlibat dalam penerbitan *Al-Imam* itu mempunyai cita-cita yang diilhamkan oleh gerakan islah yang dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani dan Mohd. Abduh di Mesir. Gerakan islah itu bertujuan membawa orang Islam kembali kepada ajaran Islam yang berdasarkan Quran dan Hadis kerana, menurut para pemuka gerakan itu, di kalangan orang Islam masih terdapat perasaan kuno dan kepercayaan karut sehingga timbul salah faham dan akibatnya dunia Islam tertinggal dalam zaman

1 *Al-Imam*, 23 Julai 1906, hlm. 5.

2 Ibid., hlm. 7.

3 Ibid., hlm. 8.

moden. Untuk memberi kesan kepada perjuangan itu, di Mesir telah diterbitkan majalah *al-Urwatul Wusqa* diikuti dengan *al-Manar*.

Di Tanah Melayu, dan juga Sumatera, golongan islah ini lebih biasa dikenali sebagai Kaum Muda.<sup>4</sup> Golongan ini berpendapat bahawa amalan agama Islam di kalangan orang Melayu adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana banyak terdapat khurafat dan bidaah. Itulah, menurut Kaum Muda, punca kelemahan masyarakat Melayu. Dengan tujuan muh� mencelikkan mata orang Melayu maka diterbitkan *Al-Imam*. Perjuangan Kaum Muda ini berterusan sehingga masa sekarang. Mereka ditentang oleh golongan konservatif yang mahu mengekalkan amalan tradisi orang Melayu dalam bidang agama. Golongan ini dikenali sebagai Kaum Tua.

Pada 23 Julai 1906 terbitlah keluaran pertama majalah bulan *Al-Imam*. Majalah ini bertulisan Jawi dan diterbitkan di Singapura. Kesemuanya 31 keluaran dapat diterbitkan di antara bulan Julai 1906 dengan bulan Disember 1908. Majalah ini dinamakan *Al-Imam* (yang bererti 'pemimpin') kerana ia berharap dapat "... mengingatkan mana-mana yang lalai dan menjagakkan mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan kepada mereka itu [orang Melayu]."<sup>5</sup>

Dari awal-awal lagi *Al-Imam* telah menekankan akan pentingnya pelajaran terutama pengetahuan mengenai ilmu sejarah yang menurutnya merupakan kunci untuk kesedaran dan kemajuan satu-satu bangsa. Sejarah pula telah menunjukkan bahawa pelajaran adalah satu-satunya alat yang mustahak bagi satu-satu bangsa itu guna membangun dan mencapai kemajuan. Kata majalah itu:

... adalah umat yang di Tanah Eropah tiada dapat ianya membentangkan pemerintahannya daripada maghrib sampai ke mashriq melainkan dengan ilmu, dan umat Jepun yang tiada lebih bilangannya daripada lima puluh milion orang tiada dapat ianya mengalahkan akan umat yang beratus-ratus milion bilangannya melainkan dengan pengetahuan.<sup>6</sup>

Menurut *Al-Imam* selanjutnya, salah satu pelajaran dan pengetahuan yang penting ialah sejarah "kerana ialah ilmu yang merupakan segala hawadnya yang telah lalu boleh mengambil iktibar dengan dia, dan boleh mengambil kiasan daripadanya bagi barang yang akan datang."<sup>7</sup> Oleh sebab itulah di dalam *Al-Imam* dikhaskan beberapa halaman yang dipenuhi dengan cerita-cerita sejarah Islam seperti kisah ketua-ketua agama di zaman dahulu, dan bagaimana mereka dapat menjalankan pemerintahan empayar dan menyelenggara serta mengembangkan agama Islam di dunia ini. Ini adalah bertujuan supaya kisah-kisah seperti itu akan dapat dicontohi dan diteladani oleh raja-raja Melayu dan pihak pemerintah negeri-negeri Melayu.<sup>8</sup>

*Al-Imam* meminta orang Melayu supaya mengambil pengajaran daripada

4 Lihat HAMKA, *Ajâhku*, Djakarta, 1950, hlm. 90.

5 Dipetik daripada Abdul Aziz bin Mat Ton, "Al-Imam Sepintas Lalu" *Jurnal Sejarah*, Jilid XI, 1972/73, hlm. 29.

6 *Al-Imam*, 23, Julai 1906, hlm. 3—4.

7 *Ibid.*, hlm. 10.

8 *Ibid.*

orang Arab yang pada suatu ketika dahulu juga menghadapi zaman yang gelap — tidak bersatu padu, berpuak-puak dan sentiasa bermusuh-musuhan sesama mereka. Tetapi zaman jahiliah itu telah lenyap apabila muncul Nabi Muhammad s.a.w. yang diutuskan untuk memimpin mereka. Maka di sekitar 1900, orang Melayu juga tenggelam di dalam kegelapan dan di saat itu muncullah *Al-Imam* untuk memberi bimbingan. Menurut *Al-Imam*, memanglah dengan cara nasihat dan tunjuk ajar serta teguran-teguran itu tidak memadai untuk dijadikan alat bagi menegakkan bangsa Melayu, tetapi sekurang-kurangnya akan dapat memberi kesedaran di manakah letaknya bangsa Melayu masa itu jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain dan "dengan-nyalah kelak akan mengumpulkan segala perkakas kebajikan itu."<sup>9</sup>

Untuk mengetahui penyakit bangsa Melayu dan bagaimanakah menyelesaikannya jalan yang paling baik dan perlu ialah dengan memahami ajaran Islam dengan cara yang sebenar-benarnya serta teliti. Islam haruslah dipandang dan ditilik dengan kaca mata yang lebih luas sebab pemikiran dan pemandangan yang cetek dan sempit akan menjadikan sesuatu umat itu sesat. Sebenarnya Islam dapat memenuhi bidang-bidang yang meliputi semua aspek hidup di dalam dunia moden ini iaitu aspek politik, ekonomi dan sosial. Tetapi oleh sebab kurang dan ceteknya pengetahuan dan pelajaran di kalangan orang Melayu maka Islam telah dipandang dan dianut dari sudut yang sempit. Anak-anak muda Melayu menyangka bahawa "orang yang beragama itu ialalah orangnya yang sentiasa duduk di dalam masjid dan berkhawatir."<sup>10</sup> Sebab itulah anak-anak muda itu telah lari dan tidak sanggup mengerjakan ajaran Islam seumpama itu. Tambahan pula dasar-dasar dalam ajaran Islam yang sebenarnya tidak dimengerti oleh mereka. Mereka itu telah menganut kepercayaan yang salah, yang tidak seharusnya diikuti, iaitu mereka itu dalam keadaan sebagai pak turut saja tanpa mempunyai pandangan dan fikiran yang kritis.

Sementara itu di satu pihak lain pula, iaitu golongan tua, telah membawakan satu pegangan yang salah. Mereka menganggap "bahawa adalah berlemah lembut dengan segala-gala bangsa (membuat perhubungan baik) dan bersuka-sukaan dan berhiasan rumah tangga kampung halaman atau pakaian diri dan mengetahui ehwal alam ini berlawanan dengan kehendak agama."<sup>11</sup> Golongan orang-orang tua ini akan mengerutkan muka dan menjauahkan diri dari itu semua padahal perkara-perkara tersebut adalah tidak menjadi larangan dalam Islam. Ini bermakna bahawa mereka telah menolak kunci untuk menuju ke arah kemajuan.

*Al-Imam* percaya bahawa golongan terdidik, iaitu terutamanya yang menerima didikan pelajaran dari Timur Tengah yang baru muncul itu, akan dapat menjalankan usaha untuk mengikis pendapat kolot ini daripada pegangan orang Melayu. Kalau mereka berjaya maka "nescaya kembalilah umat kita kepada kemegahannya yang asal dan kemuliaannya yang lalu."<sup>12</sup> *Al-Imam* juga mempunyai harapan bahawa ulama-ulama dan cerdik

9 Ibid., hlm. 16.

10 Ibid., hlm. 19.

11 Ibid.

12 Ibid., hlm. 20.

pandai boleh mencapai cita-cita orang Melayu itu. Ia begitu optimis sekali dengan kata-katanya: "... ada dan boleh jika kita pandai memimpin tangannya."<sup>13</sup>

*Al-Imam* telah menyeru orang Melayu supaya menoleh ke negeri Jepun. Rakyat Jepun menerima perubahan atau menjalankan islah dalam bidang politik, ekonomi dan juga pertahanan, tetapi masih tetap dengan agama mereka. Walau agama apapun yang mungkin dianut oleh bangsa Jepun itu, namun ia tetap akan maju seperti itu juga. Kesimpulannya, agama tidak menjadi masalah untuk mengejar sebarang kemajuan. Apa yang menjadi masalah sebenarnya ialah orang Melayu telah teragak-agak serta was-was untuk menerima pelajaran yang diberikan kepada mereka dengan sepenuhnya. Orang Melayu menganggap tamadun Barat sebagai musuh kepada Islam. Menurut *Al-Imam*, anggapan ini adalah salah dan sempit; walhal Jepun menganggap dan mengambil peradaban Barat sebagai alat untuk memajukan bangsa dan negaranya. Sebaliknya, orang Melayu enggan bertembung dengan tamadun Barat; Jepun mencari butir-butir tamadun Barat untuk diselidiki: mana-mana yang baik diambil untuk faedah bangsanya dan mana-mana yang tidak sesuai ditinggalkan. Tetapi orang Melayu tidak dapat berbuat demikian sebab mereka jahil akan pelajaran terutama para pembesar Melayu.

*Al-Imam* menjelaskan bahawa negeri Jepun memerlukan negara-negara luar:

- a) kerana pasaran barang-barangnya,
- b) untuk memberi latihan kepada penuntut dan bakal pendidik dan guru,
- c) untuk bersekutu demi kepentingan pertahanan, dan
- d) untuk meluaskan pemerintahan dan kuasanya.

*Al-Imam* seterusnya mengambil contoh lain di Afrika. Katanya, walaupun Raja Habshah telah menukar agama asalnya kepada agama Kristian, namun negerinya masih tetap mundur dan jauh daripada kebanyakan orang Eropah pada kebanyakan perkaryanya.<sup>14</sup>

Sebenarnya faktor utama kemunduran orang Melayu ialah kejahilan dalam memahami kehendak-kehendak Agama Islam yang sebenarnya, dan juga sikap orang Melayu sendiri yang suka sentiasa bergantung kepada usaha-usaha bangsa lain dalam kebanyakan hal terutamanya ekonomi.<sup>15</sup> Ini semua merupakan penyakit bangsa Melayu yang telah menyebabkan mereka tidak bersatu, hasad-dengki, khianat dan tamak. Dengan ini wajiblah golongan bijak pandai dan mereka yang terdidik dan faham supaya: "Seru akan segala raja-raja kita dan orang besar-besarnya kita dan orang-orang kaya kita pada memegang dan menjalankan kewajipannya masing-masing di dalam perhim-punan kaumnya."<sup>16</sup>

Para pembaca pula telah digesa supaya jangan berdiam diri saja menghadapi masalah dan persoalan ini. Orang ramai sepatutnya bekerjasama

13 Ibid.

14 Ibid., hlm. 28.

15 *Al-Imam*, 17 September 1906, hlm. 75.

16 Ibid., hlm. 76.

memberikan pendapat dan cadangan tentang bagaimana masalah yang sedang dihadapi oleh bangsa Melayu dapat diatasi. Orang Melayu juga diseru supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh terutama dalam "membesarkan jalan perniagaan dan pertukangan,"<sup>17</sup> serta dalam lapangan pertanian untuk faedah dan kemajuan bangsa. Jelaslah bahawa soal ekonomi dipandang berat oleh *Al-Imam*.

*Al-Imam* telah menyatakan kesedarannya tentang betapa sedihnya bangsa Melayu sebab negerinya telah dijajah dan diperintah oleh bangsa asing dari Eropah. Pulau-pulau Indonesia telah pun jatuh di bawah cengkaman Belanda, sementara Tanah Melayu berada di dalam tangan British. Keadaan yang wujud ini merupakan "barang yang mencucurkan air mata dan meleburkan hati ..."<sup>18</sup> Walau bagaimanapun pentadbiran British telah juga diberi penghargaan sebab adanya pembangunan baru di negeri ini (seperti pembinaan jalan dan sistem perhubungan) dan adanya kawalan keamanan, walaupun pada hakikatnya pembangunan tersebut tidak dapat dikecap oleh sebilangan besar orang Melayu. Menyentuh soal kebebasan politik, *Al-Imam* tidak menyetujui kiranya ditawarkan kemerdekaan kepada negeri ini kerana, menurutnya, jika negeri ini dikembalikan semula kepada pemerintah Melayu nescaya pemerintahannya akan berbalik menjadi kucar-kacir semula seperti sebelum kedatangan British dahulu. *Al-Imam* tidak mempercayai bahawa golongan pemerintah tradisi Melayu berkebolehan mentadbirkan dengan cara yang betul serta teratur.

Walaupun penghargaan diberikan kepada pentadbiran British "tetapi tiada kita memadakan daripada mereka itu dengan barang yang telah ada."<sup>19</sup> Pembaruan-pembaruan dan pembangunan-pembangunan yang ada belum cukup untuk negeri ini "istimewa pada perkara pelajaran."<sup>20</sup> Di Pulau Pinang, Singapura dan Sumatera tidak ada anak-anak Melayu yang pandai dengan pelajaran yang cukup. Mana-mana yang ada pendidikan dan bekerja dengan kerajaan, dari segi pendapatan pula, tiada "yang boleh menyampai sekurang-kurangnya pendapatan anak-anak bangsa Eropah."<sup>21</sup> Melihat keadaan ini, *Al-Imam* bertanya mengapakah British tidak mengadakan peluang untuk memberi pelajaran yang cukup dan sepatutnya kepada anak negeri ini? British telah tidak memberikan orang Melayu latihan dan pelajaran dalam soal-soal siasah kecuali institusi pelajaran yang ada di Kuala Kangsar (MCKK) dan British telah melarang orangnya daripada memberi kita "pengetahuan yang lebih daripada kadar boleh kita menghor matkan pantun dan ahli-ahlinya."<sup>22</sup>

*Al-Imam* menuduh raja-raja dan orang-orang besar Melayu "tidak mahu memikirkan dan menilik dan menyediakan bagi masa yang akan datang dan mengadakan pelajaran bagi anak-anak watan mereka itu,"<sup>23</sup> padahal ramai berkemampuan dan tidak kekurangan wang atau harta untuk memberikan

17 Ibid., hlm. 77.

18 Ibid., hlm. 80.

19 Ibid., hlm. 81.

20 Ibid.

21 Ibid.

22 Ibid., hlm. 82.

23 Ibid.

pelajaran kepada anak-anak mereka. Masalah ini seolah-olah sengaja tidak diambil berat. Hal ini berlaku adalah disebabkan cetecknya pengetahuan dan pelajaran yang ada pada mereka (orang kaya dan bangsawan) yang hidup lali kerana diselubungi kesenangan dan kemewahan.

Rakyat jelata di desa-desa pula amat teragak-agak untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Mereka berasa kecewa akan dasar British terhadap kelulusan sekolah Melayu yang telah tidak diberi nilai ekonomi sebagaimana yang mereka harap-harapkan. Kelulusan sekolah-sekolah Melayu tidak mendapat tempat dalam jawatan-jawatan kerajaan dan akibatnya ramai anak-anak muda lepasan sekolah Melayu telah menganggur. Juga bila disebut sekolah Inggeris saja di kalangan orang Melayu mereka lantas teringat akan agama Kristian. Pada anggapan mereka jika anak-anak mereka dihantar ke sekolah Inggeris, anak-anak itu akan diwarnakan dengan ajaran agama Kristian dan akibatnya nanti anak-anak itu akan melupakan ajaran Islam. Sikap yang sangat konservatif ini amat tebal di kelapa orang Melayu desa. Memang menjadi masalah besar hendak menyuruh atau menggalakkan ibu bapa supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah terutama sekolah Inggeris. Oleh itu menurut *Al-Imam*; "... yang boleh memaksa mereka itu tiada ada yang lain melainkan raja atau kerajaan atau ketuanya yang ditakutkannya."<sup>24</sup> *Al-Imam* telah menyeru orang ramai supaya memberikan pendapat mereka sebagai jalan hendak memperbaiki pelajaran dan pengetahuan anak-anak Melayu.

Seruan ini telah mendapat sambutan yang hangat dari beberapa orang wakil atau penulis tempatan. Seorang penulis dari Muar, Johor, telah menggesa dan mencadangkan supaya "sekalian orang tua-tua kampung atau penghulu-penghulu"<sup>25</sup> di negeri-negeri Melayu memohon dan merayu kepada pihak kerajaan dengan tuntutan supaya memperbaiki pelajaran anak-anak Melayu. Cadangan-cadangan dan tuntutan ini adalah untuk kedua-dua kerajaan British di Tanah Melayu dan kerajaan Belanda di Indonesia. Cadangan-cadangan dan tuntutan-tuntutan itu ialah:

- Pelajaran Melayu atau Jawa atau lainnya mengikut bangsa dan bahasa negerinya.
- Pelajaran Inggeris jika negeri-negeri itu di bawah British, dan pelajaran Belanda jika negeri-negeri itu di bawah pemerintahan Belanda.
- Pelajaran Arab.

KEDUA — Kerajaan mestilah membayai sekolah-sekolah itu sepenuhnya iaitu gaji guru-gurunya, belanja buku-buku, dan kawat dan apa juga barang-barang atau alat-alat yang digunakan oleh murid-murid dalam segala pelajaran mereka. Juga belanja tambang keretapi atau kenderaan-kenderaan lain pergi dan balik ke sekolah sebab ramai bilangan ibu bapa Melayu di luar bandar masa itu adalah dari golongan yang tidak mampu. Kalau semua belanja tersebut ditanggung oleh kerajaan maka ini akan dapat menggalakkan

24 *Al-Imam*, 18 Disember 1906, hlm. 176.

25 *Ibid.*

ibu bapa Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tersebut dengan tiada apa-apa keberatan.

KETIGA — Kerajaan hendaklah mengenakan hukuman yang berat kepada orang yang enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah itu, sama ada orang itu kaya ataupun miskin.

KEEMPAT — Kerajaan hendaklah menghukum dengan hukuman yang menggerakkan ke atas kanak-kanak yang malas atau melengahkan pelajarannya.

KELIMA — Apabila seseorang murid itu telah lulus dalam ketiga-tiga pelajaran (a), (b) dan (c) tadi maka kerajaan hendaklah mengambilnya untuk dijadikan sebagai pegawai pelatih dengan diajar menjalankan segala pekerjaan negeri dengan diberi gaji yang patut.

KEENAM — Apabila mereka sudah cekap dan boleh menjalankan pentadbiran negeri yang ditugaskan kepada mereka maka kerajaan hendaklah menyerahkan sekali jawatan atau pekerjaan itu kepada mereka selepas tempat itu kosong nanti. Pemberian pekerjaan ini janganlah dibeza-bezakan antara anak-anak orang besar-besar dengan anak-anak orang miskin. Dan mereka hendaklah diberi gaji yang sama dengan pegawai-pegawai bangsa Eropah yang sama tingkat jawatannya.

KETUJUH — Anak-anak yang telah lulus dari sekolah-sekolah itu dan jika bapanya ada kemampuan maka kerajaan hendaklah memaksa bapanya supaya menghantar anak-anak itu ke Eropah dengan belanja sendiri untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang ilmu perubatan, kejuruteraan, perkапalan, ekonomi, ketenteraan, undang-undang dan kehakiman serta lain-lain pengajian dalam bidang pentadbiran negeri seperti yang terdapat di Eropah.<sup>26</sup>

Penulis Muar ini mempercayai bahawa bangsa Melayu boleh bangun dan maju seperti bangsa-bangsa lain tetapi dengan syarat hendaklah diberi pelajaran yang cukup. Orang Melayu setakat ini jadi lemah dan ketinggalan kerana tidak belajar akan ilmu pekerjaan dan bukan sebab orang Melayu itu sedia bodoh. Cadangan-cadangan tersebut telah disokong juga oleh Haji Mohd. Tahir bin Haji Ahmad Bunjal, iaitu seorang guru Sekolah Melayu di Pulau Tawar, Kuala Lipis, Pahang. Menurut Haji Mohd. Tahir, pelajaran yang sempurna haruslah dikawal oleh ibu bapa dan dikelolakan oleh kerajaan, dari peringkat yang serendah-rendahnya hingga ke peringkat yang paling tinggi. Sistem pelajaran yang dimaksudkan itu mestilah dikenakan secara paksaan. Haji Mohd. Tahir telah membuat cadangan empat peringkat persekolahan atau pelajaran seperti berikut:<sup>27</sup>

a) Sekolah Rendah:

Iaitu seperti beberapa buah sekolah yang telah pun didirikan oleh kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu di kampung-kampung (sekolah-sekolah Melayu) yang di bawah jagaan penghulu-penghulu. Dalam satu mukim hendaklah didirikan sekurang-kurangnya dua atau tiga buah iaitu apabila ada kanak-kanak seramai lima puluh atau lebih maka kerajaan mestiah

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> *Al-Muamalat*, 14, No. 1907, hal. 138.

mendirikan sebuah sekolah. Seseorang guru itu mestilah mengajar bilangan murid yang tidak lebih daripada tiga puluh orang saja. Sesebuah sekolah itu mesti ada seorang guru besar dengan beberapa orang guru penolongnya termasuk seorang guru Quran iaitu sebagai guru agama.

Kelas perempuan pula harus diadakan tetapi setakat darjah tiga saja iaitu dengan tujuan untuk memberi pelajaran membaca Quran dan pelajaran agama supaya nanti dapat sekolah itu mengeluarkan ibu-ibu yang berpelajaran. Bagi murid-murid lelaki pula, apabila telah lulus darjah empat maka kanak-kanak itu hendaklah dimasukkan ke sekolah Peringkat Dua pula. (Sekolah Peringkat Dua ini masih belum ada di negeri-negeri Melayu, kata Haji Tahir).

b) Sekolah Peringkat Dua:

Sekolah jenis ini harus didirikan sebuah pada tiap-tiap daerah (jajahan) di bawah pengawasan Pegawai Daerah. Dalam sekolah ini mestilah dilantik dua orang guru besarnya (mungkin seorang guru besar dan seorang penolongnya) dan beberapa orang guru pembantunya; dan hendaklah mereka itu daripada orang Islam belaka. Pelajaran bahasa Inggeris hendaklah diajarkan selama  $4\frac{1}{2}$  jam dalam sehari iaitu dari pukul 7.00 pagi hingga pukul 11.30 pagi. Pada sebelah tengah hari pula muridnya dikehendaki bersembahyang Zuhur berjemaah di surau. Lepas itu pelajaran bahasa Arab pula hendaklah diajarkan iaitu selama 3 jam dalam sehari — dari pukul 12.30 tengahari hingga pukul 3.30 petang. Dan pelajaran harian sekolah-sekolah tersebut mestilah diakhiri dengan sembahyang Asar.

c) Sekolah Peringkat Tiga:

Sekolah jenis ini hendaklah diadakan pada tiap-tiap negeri iaitu sebagai sebuah sekolah besar atau sekolah pusat tempat melanjutkan pelajaran oleh murid-murid yang telah lulus dari Sekolah Peringkat Dua. Sekolah ini ialah seperti sekolah yang telah dibina oleh kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu di Kuala Kangsar (Maktab Melayu Kuala Kangsar).

Guru besarnya hendaklah seorang Inggeris atau Belanda serta hendaklah diadakan seorang lagi guru Arab yang boleh menjadi Mufti serta beberapa orang guru yang beragama Islam. (Maksud guru Arab itu ialah guru bahasa Arab yang berkelulusan tinggi seperti kelulusan untuk menjadi Mufti negeri-negeri Melayu).

d) Sekolah Peringkat Empat — Sekolah-sekolah luar negeri:

Murid-murid yang telah lulus dari Sekolah Peringkat Tiga hendaklah dihantar ke luar negeri.

Atas cadangan sistem pelajaran yang dikemukakan oleh penulis dari Muar (tidak diketahui namanya) dan yang telah disokong pula oleh Haji Mohd. Tahir ini maka *Al-Imam* telah menggesa orang Melayu supaya memberikan sokongan. *Al-Imam* menyeru orang Melayu menyuarakan perkara ini kepada pihak Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi British agar mengadakan wang peruntukan khas untuk sekolah-sekolah tersebut bagi penggunaan belanja-belanja memajukan pelajaran tersebut. Untuk mengadakan wang peruntukan tersebut harus diperolehi daripada punca-punca yang berikut:<sup>28</sup>

28 Ibid., him 340.

- a) Daripada Pegawai Kerajaan dan Swasta:  
Mereka hendaklah mendermakan satu peratus daripada pendapatan bulanan (termasuk mereka yang telah bersara) iaitu dengan jalan dipotong gaji mereka. Kerajaanlah yang harusnya menjalankan pemotongan ini.
- b) Daripada Golongan Saudagar:  
Mereka patut mengeluarkan satu peratus daripada keuntungan tiap-tiap bulan. Kerajaan hendaklah memotong sendiri dari keuntungan atau laba mereka. Untuk memudahkan pekerjaan itu hendaklah ditaksirkan sebagai sepuluh peratus daripada modalnya.
- c) Daripada Orang Ramai terutama Kaum Tani:  
Satu peratus daripada pendapatan mereka hendaklah dipotong pada tiap seorang lelaki ialah lima puluh ringgit jadi hendaklah dipotong sebanyak lima puluh sen; dan bagi orang perempuan pula dianggarkan dua puluh lima ringgit jadi hendaklah dipotong sebanyak dua puluh lima sen.

Hasil potongan jenis ini bukan saja setakat orang ramai atau rakyat jelata saja, bahkan hendaklah juga dipotong dan dikenakan pada anak isteri raja-raja, keluarga bangsawan dan juga saudagar-saudagar Melayu kerana patut sekali segala kakak-kakak dan ibu-ibu itu menolong belanja adik-adik dan anak-anak.<sup>29</sup> Kutipan daripada orang kebanyakan itu hendaklah dijalankan setahun sekali.

Selain daripada syor-syor mengenai belanjawan sekolah-sekolah tersebut, *Al-Imam* juga mengemukakan syor-syor dan pendapat-pendapatnya mengenai sistem pelajaran persekolahan tersebut. Syor-syor tersebut sebenarnya adalah ditujukan kepada pihak pemerintah dan pentadbiran British. Syor-syor itu ialah:<sup>30</sup>

- a) Murid-murid Sekolah Rendah yang tidak dapat atau tidak berupaya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Peringkat Dua maka boleh diberi padannya jawatan peon atau kerani, penghulu, jadi kerani saudagar, jadi guru bantu dalam sekolah rendah.
- b) Murid-murid Sekolah Peringkat Dua pula yang tidak dapat masuk ke Sekolah Peringkat Tiga maka hendaklah diberi jawatan menjadi penghulu dan jadi kerani Melayu dalam pejabat, juruukur tanah dan jadi guru besar dalam sekolah-sekolah dan barang sebagainya seperti jadi kerani di kapal api atau keretapi.
- c) Murid-murid Sekolah Peringkat Tiga jika tidak layak untuk diantar ke luar negeri maka mereka itu hendaklah diberi kerja-kerja dalam jawatan-jawatan sebagai kerani seperti yang dipegang oleh orang-orang Selon, Cina dan Nasrani yang tahu berbahasa Inggeris dan Belanda masa itu.
- d) Murid-murid yang lulus dari luar negeri hendaklah mereka itu diserahkan memegang tugas-tugas seperti yang dipegang oleh pegawai-pegawai British atau Belanda masa itu.

29 Ibid., hlm. 341.

30 Ibid.

Berikut dengan ini sebuah sekolah yang moden dan lengkap telah didirikan di Singapura. Sekolah yang dimaksudkan itu ialah Madrasah Al-Iqbal yang dibawah naungan Raja Haji Ali Ibn Al-Marhum Ahmadi yang dibuka dengan rasminya pada 21 November 1907. Dalam ucapan pembukaannya, Abdul Jalil bin Raja Abdul Rahman (Riau) telah menyatakan bahawa hari itu merupakan "... Hari Raya bagi permulaan menghidupkan ilmu dengan peraturan pelajaran yang baru."<sup>31</sup> Pihak *Al-Imam* pula dengan rasa bangga telah mengalukan munculnya sekolah ini dan menggesa supaya golongan orang kaya memberikan bantuan kewangan iaitu seperti mana tauke Cina memberi bantuan kepada sekolah Cina.

Di sekolah ini diajarkan agama Islam, bahasa Arab, Inggeris dan Melayu, matematik, geografi, sejarah, khutbah dan karang-mengarang. Ia dilengkapkan dengan asrama dan murid-muridnya boleh memilih sama ada mahu tinggal di dalam ataupun di luar asrama. Di samping itu kemudahan perubatan percuma juga disediakan, dan seorang doktor khas telah ditugaskan di sekolah tersebut. Namun begitu bayarannya agak mahal sedikit iaitu sebanyak \$300/- setahun bagi mereka yang tinggal di asrama dan dua puluh empat ringgit setahun bagi mereka yang tinggal di luar asrama.

Tahun berikutnya pula (1908), Sekolah Rakyat yang pertama telah didirikan oleh kerajaan Terengganu. Orang yang berusaha mendirikan dan membuka sekolah itu ialah Tengku Embong bin Tengku Ngah dan Che Mat bin Datuk Ibrahim. Kempen-kempen *Al-Imam* sedikit sebanyak telah dengan cepat mendapat sambutan daripada golongan yang cepat sedar; di Terengganu itu nampaknya seorang daripada keluarga bangsawan yang pertama menyambut seruan dari kempen tersebut.

Sebenarnya, masyarakat Melayu masih belum faham benar akan sistem pelajaran dan sistem sekolah yang baru sebagaimana diutarakan oleh *Al-Imam* ini. Pandangan dan fahaman mereka amat konservatif. Ramai orang Melayu telah mengkritik dengan mengatakan bahawa Madrasah Al-Iqbal itu tiada faedahnya dan semata-mata membuang wang saja. Ini adalah kerana murid-muridnya dilatih berhias dan berkemas diri dengan pakaian yang bersih-bersih dan elok pula. Setengahnya pula berfikir bahawa jikalau kanak-kanak itu sentiasa terkurung di dalam sekolah dan asrama maka akal dan fikiran kanak-kanak itu akan binasa dan buntu serta lembab sebab mereka tidak dapat meluaskan pandangan melihat segenap lorong dan pekan. Dengan ini kanak-kanak itu, kata mereka, bukan akan jadi bertambah pandai tetapi sebaliknya akan jadi semakin bodoh sebab mereka sentiasa bergelumang dengan pelajaran dan buku-buku saja. Setengahnya pula berkata yang kanak-kanak di situ akan tipis imannya sebab lama-kelamaan "... tak dapat tidak binasalah pengetahuan ulama yang dikenal oleh mereka itu daripada orang yang berserban besar dan penjual azimat."<sup>32</sup> Kritikan dan tuduhan tersebut telah dilemparkan dengan hebatnya kepada *Al-Imam*.

Pihak *Al-Imam* pula, sebagai langkah mempertahankan diri dan memberi kepercayaan kepada orang ramai, telah melancarkan serangan balas

31 *Al-Imam*, 4 Februari 1908, hlm. 264.

32 *Al-Imam*, 1 Jun 1908, hlm. 373.

ke atas golongan Melayu yang dianggap kolot lagi degilini. Kata *Al-Imam*, orang Melayu berasa sayang hendak membelanjakan wang yang sedikit bagi memberi pelajaran anak-anak mereka tetapi mereka tidak ragu-ragu mengeluarkan wang yang banyak untuk istiadat berkhatan dan "setengah mereka itu menghubungkan nikah kahwin dengan anak buahnya dengan maksiat, judi, sabung, ceki dan pakau dan sebagainya dengan membelanjakan makan minum ..."<sup>33</sup>

Menurut *Al-Imam*, golongan ulama dan Kaum Tua telah menentang penubuhan sekolah-sekolah di bawah sistem baru tersebut ialah kerana golongan tua itu "takut hilang nikmat mereka itu pada menipu daya akan segala umat kita di sebelah sini, sebab jika lalu banyak orang yang berilmu dan berpengetahuan di sebelah sini maka leburlah tipu daya mereka itu. Tatkala itu tiadalah berjalan segala tipu dayanya yang penuh di dalam isi perut mereka itu."<sup>34</sup> *Al-Imam* lantas menuduh "orang yang berserban besar dan penjual tangkal dan penipu yang berjalan dengan menjinjit tasbih, bercermin mata, bertongkat panjang ..."<sup>35</sup> sebagai penipu daya orang Melayu.

Golongan inilah yang telah menyesatkan orang Melayu dalam memahami ajaran-ajaran Islam yang telah membawa mereka terjerumus ke lembah kejahanan dan kegelapan.

Dapat kita lihat bahawa *Al-Imam* merupakan pejuang pembebasan umat Melayu daripada belenggu kejahanan dan kezaliman pemerintah. Kepada orang ramai ia telah menegaskan, "Bermula *Al-Imam* ini musuh yang amat bengis bagi sekalian bidaah-bidaah dan khurafat dan ikut-ikutan dan adat yang dicela yang dimasukkan oleh orang pada agama dan telah terguris ia di dalam kebanyakan hati setengah daripada muslimin. Dan pekerjaannya *Al-Imam* menyeru sekalian muslimin pada bersekutu dengan membangunkan yang mesti pada kehidupan dunia dan akhirat ... seumpama membangunkan sekolah-sekolah ..."<sup>36</sup>

Orang Melayu pula telah digalakkan supaya jangan ragu-ragu lagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang baru itu walaupun dengan belanja yang besar — walau hingga menggadaikan diri sekalipun. Raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu telah digesa dan dinasihatkan supaya bersikap adil dan menjalankan langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan negeri ini. Golongan ulama telah diseru supaya sedar atas sikap konservatif mereka itu. Golongan orang kaya pula telah digesa supaya bersikap murah hati dengan memberi derma kepada golongan miskin dalam bidang pelajaran. Kepada ibu bapa pula, *Al-Imam* telah menggalakkan supaya sentiasa melatih anak-anak mereka bersemangat bersatu padu. Katanya, bangsa Melayu masa itu telah tidak benar-benar bersatu dan sebab itu mereka tidak mungkin beroleh kemajuan dan kejayaan.

Sikap acuh tak acuh pihak kerajaan British dalam soal pelajaran telah diselar juga kerana "... tidak sedia bagi mengeluarkan anak-anak negeri yang Islam menjadi *lawyer* atau doktor, atau *engineer* atau apa juu tukangan."<sup>37</sup>

33 Ibid., him. 374.

34 Ibid., him. 375.

35 Ibid.

36 Ibid., him. 390.

37 *Al-Imam*, 27 September 1908, him. 130.

Bukan itu sahaja, malah sistem pelajaran yang ada, iaitu sistem pelajaran British, telah menjadi bahan kecamannya. Sekolah kerajaan dan sekolah Melayu yang ada setakat itu dikatakan tidak ada faedahnya kepada anak-anak Melayu manakala sekolah persendirian di bawah kelolaan mubaligh agama Kristian adalah amat tidak secocok dengan kehendak umat Islam. Sekolah perniagaan seperti sekolah-sekolah Amerika pula bukanlah bertujuan hendak memberi didikan pelajaran secara ikhlas dan jujur, tetapi adalah "... dengan kehendak mencari rezeki ..."<sup>38</sup> Manakala sekolah Cina dan Tamil pula adalah tidak sesuai dengan kehendak orang Melayu.

Bahasa Melayu tidak digunakan dengan luas dalam bidang pelajaran — seolah-olah tidak dipandang langsung oleh pemerintah. Tiada buku-buku yang berguna atau bernilai ditulis dalam bahasa Melayu. Tuduhan-tuduhan telah dilemparkan kepada golongan ulama kerana tidak menjalankan usaha menterjemahkan buku-buku yang penting dan yang bernilai ke dalam bahasa Melayu. Mereka itu asyik dengan menggunakan dan membaca buku-buku dalam bahasa Arab saja. Itulah sebab yang membawa kemiskinan kepada bahasa Melayu.<sup>39</sup>

Menurut *Al-Imam*, sekiranya terdapat buku sejarah Islam dalam bahasa Melayu di kalangan masyarakat Melayu maka "nescaya dapatlah kita sekarang ... merasakan faedahnya."<sup>40</sup> Daripada sejarah Islam itu boleh diketahui akan tamadun umat Islam dahulu kala dan oleh itu "boleh mengambil teladan oleh raja-raja ... dan orang besar-besarnya yang terbalik fikiran menentang tamadun sekarang ini hingga sampai lalai tiada hendak mendatangkan faedah bagi kaumnya."<sup>41</sup>

Dalam soal pentadbiran negeri pula, menurut *Al-Imam*, dengan melatih anak-anak negeri menjadi pentadbir dan menggantikan pegawai-pegawai asing dengan pegawai-pegawai anak-anak negeri maka nescaya orang Melayu akan beroleh kemajuan dengan lebih segera. Memang menjadi kecenderungan *Al-Imam* mengambil contoh pada negeri Jepun dan Turki kerana kedua-duanya mempunyai beberapa dasar yang sama. Pertamanya, "pegawai-pegawai dan kakitangan pada tiap-tiap dua kerajaan itu dijadikan daripada bangsanya"<sup>42</sup> dan tidak seperti apa yang terdapat di Tanah Melayu di mana pegawai-pegawai kulit putih menguasai tugas-tugas dan jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran. Keduanya ialah sebab kedua-dua raja itu berhubung dengan bangsanya, tetapi di Tanah Melayu golongan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu amat terasing dan mengasingkan diri daripada rakyat jelata.<sup>43</sup>

*Al-Imam* sering menekankan perlunya pelajaran dan bangunan sekolah bagi anak-anak Melayu yang dapat membolehkan anak-anak mengenali ilmu agamanya dengan perjalanan muslihat dunianya; katanya "Maka belum didapat oleh *Al-Imam* suatu suara daripada raja-raja dan orang kaya-kaya kita yang menunjukkan mereka itu ada memikirkan perihal yang wajib di

38 Ibid.

39 Keluaran 14 Mei 1907, him. 354.

40 Keluaran 4 Februari 1908, him. 260.

41 Ibid., him. 261.

42 Keluaran 10 Ogos 1907, him. 1907.

43 Ibid.

atas mereka itu bagi hak saudaranya yang fakir dan miskin ..."“<sup>44</sup> Kepada raja-raja dan orang-orang besar Melayu *Al-Imam* mengingatkan bagaimana umat Islam di Tanah Melayu dalam seribu hanya satu yang separuh sempurna dalam agama, dan dalam seratus "hanya satu yang pandai menulis bahasanya sendiri ..."“<sup>45</sup>

Inilah satu keadaan dan penyakit besar masyarakat Melayu. Cara mengubatinya ialah dengan pelajaran, dan pelajaran itu mesti dengan harita, dan harta serta wang itu adalah terletak di tangan raja-raja, pembesar-pembesar dan orang kaya-kaya. Oleh itu *Al-Imam* menyeru supaya ketiga-tiga golongan ini mengambil daya usaha memberi serta menggalakkan pelajaran di kalangan orang Melayu.

Menyentuh soal perluasan kuasa penjajah-penjajah Barat, *Al-Imam* dengan secara umum telah mengecamnya sebab "... tiada mengambil peduli oleh mereka itu akan apa-apa perkataan daripada yang empunya bumi".<sup>46</sup> Secara bermaharajalela mereka telah merampas bumi-bumi yang dijajahi tanpa mengindahkan larangan-larangan atau apa-apa syarat daripada anak negeri di situ. Mereka telah memaksakan sistem politik dan ekonomi Barat ke atas tanah jajahan tanpa menyiasat terlebih dahulu sama ada ia sesuai atau tidak dengan adat resam dan suasana masyarakat tempatan. Mereka juga telah membawa masuk agama yang menyalahi agama-agama anak negeri. Selain dari itu penjajah-penjajah Barat juga telah tidak mempedulikan tamadun dan agama bangsa-bangsa tempatan. Mereka dengan sewenang-wenang menganggap bahawa tamadun dan agama mereka itulah yang paling tinggi di dunia ini, walaupun sebenarnya ada setengah-setengah tamadun tempatan itu lebih tua dan lebih maju daripada tamadun Barat.

Berdasarkan sejarah telah jelas bahawa perluasan kuasa penjajahan Barat itu tiada tujuan lain yang besarnya melainkan kerana cita-cita yang ia akan memungut faedah daripada negeri itu dan berlumba-lumba di kalangan kuasa-kuasa Barat itu sendiri dengan tujuan politik masa depan. Mereka itu lebih unggul dalam ketenteraan dan sebab itu kebanyakannya menggunakan kekuatan dan kekerasan untuk mendapatkan tanah jajahan.<sup>47</sup>

Tetapi sekarang ini telah muncul kuasa Jepun untuk menandingi kuasa-kuasa Barat tersebut. Kemenangan Jepun dalam peperangannya dengan Rusia pada 1905 adalah satu-satunya peristiwa yang bersejarah dalam dunia moden kerana sebuah kuasa Timur telah berjaya menumpaskan suatu kuasa kulit putih dari Barat; dan kemenangan 1905 itu telah menjadi satu tamparan hebat kepada kuasa-kuasa Barat yang masa itu menguasai wilayah-wilayah Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Kepada *Al-Imam*, peristiwa 1905 itu bolehlah dijadikan ilham oleh orang Melayu untuk membentuk sikap baru terhadap hidup dan terhadap layanan-layanan dari pihak pentadbiran British. Telah tibalah masanya bagi orang Melayu bersuara kepada pemerintah British dan Melayu. Secara lembut dan tidak langsung *Al-Imam* telah mengkritik sistem ekonomi British dan kapitalis

44 *Al-Imam*, 16 Mac 1907, hlm. 273.

45 *Ibid.*

46 *Al-Imam*, 14 April 1907, hlm. 316.

47 *Ibid.*, hlm. 318.

Barat yang bersifat menekan dan memeras serta menindas rakyat tempatan. Dikatakannya bahawa dalam lapangan ekonomi, Jepun telah dapat menandingi Barat iaitu dengan mengeluarkan pelbagai jenis barang untuk kegunaan bangsa-bangsa tempatan. Lagipun barang-barang Jepun itu jauh lebih murah, walhal barang-barang Eropah semakin hari semakin bertambah mahal.<sup>48</sup> Sebab itulah pasaran barang-barang Eropah itu semakin berkurangan oleh adanya barang-barang dari Jepun. Bukan setakat itu, orang Jepun itu sendiri setengah-setengahnya datang ke tanah jajahan ini dan kedatangan mereka telah disambut dan diterima baik oleh orang tempatan — lebih baik daripada sambutan yang diberikan kepada orang Barat.

Satu kecaman yang hampir serupa telah ditujukan kepada kerajaan Amerika Syarikat. Di Amerika orang kulit putih telah membenci dan memandang rendah akan tukang-tukang dan arkitek-arkitek bangsa Jepun padahal kepandaian mereka adalah serupa sahaja. Secara halus *Al-Imam* telah mengkritik sikap prasangka dan dasar diskriminasi orang Barat terhadap orang Timur, dan juga dasar penindasan ekonomi Barat ke atas rakyat tanah jajahan.

Atas perkembangan baru yang timbul pada awal abad ke-20 ini maka *Al-Imam* telah menyuarakan amarannya kepada kuasa-kuasa Barat supaya "menaruh tilik yang halus dan fikiran yang sempurna di atas hakikat dan pekerjaan yang tersebut itu"<sup>49</sup> dan "menaruh ingat pada segala pekerjaan yang telah diperbuatkan pada masa yang dahulu-dahulu; daripada kekerasan itu mahu diubahkan sekarang ini mengikut bagi masa dan ketika."<sup>50</sup>

Di Tanah Melayu ni, walaupun pihak pemerintah British telah menolong dalam bidang pentadbiran dan pembangunan tetapi sebenarnya penjajahannya itu "... tiada sunyi daripada maharajalela,"<sup>51</sup> dijadikannya orang besar tempatan titian bagi menindas rakyat dan "orang-orang besar kita menggandakan lagi daripada suruhnya yang di atas hingga himpit-menghimpit dari atas ke bawah hingga sampai kepada rakyat maka rakyatlah yang menanggung segala tindas itu ..."<sup>52</sup>

Rakyat yang tertindas ini sebenarnya hauskan pimpinan untuk membebaskan diri daripada belenggu itu, tetapi tidak ada golongan yang muncul untuk menjamin dan melindungi hidup mereka. Oleh yang demikian maka *Al-Imam* telah tampil ke muka dengan harapan untuk menyelamatkan mereka — orang Islam seluruhnya.

Dari sejak mula berkembangnya pelajaran di negeri ini maka daya pemikiran setengah-setengah golongan sudah mula meningkat maju. Kalaupun peringkat kemajuan atau kecekapan itu belum dapat menyamai kemajuan bangsa asing di negeri ini, namun "anak bumiputera yang bernama Kaum Muda"<sup>53</sup> telah dapat membezakan antara emas dengan bara dan oleh itu telah timbul rasa kasihkan anak bangsa dan semangat untuk membela mereka yang tinggal terbiar itu.

48 Ibid., hlm. 319.

49 Ibid., hlm. 320.

50 Ibid.

51 *Al-Imam*, 9 September 1907, hlm. 85.

52 Ibid.

53 Ibid., hlm. 86.

Kebetulannya pula pada awal abad ke-20 itu, negeri Johor muncul sebagai salah sebuah negeri yang maju di Tanah Melayu. *Al-Imam* telah menyeru pihak pemerintah di negeri itu supaya menjalankan pemerintahan dan ran-cangan yang mendatangkan faedah dan manfaat bagi kerajaannya dan isi negerinya sekalian. *Al-Imam* telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha dan langkah-langkah Sultan Ibrahim pada menubuhkan pasukan sukarelawan yang pertama pernah diadakan di negeri ini.<sup>54</sup>

Menyentuh sedikit tentang kedudukan kaum wanita dalam masyarakat, *Al-Imam* telah membuat perbandingan mengenai keadaan dan fungsi kaum wanita di Amerika dengan wanita Islam, khasnya wanita Melayu di negeri ini. Di Amerika kaum perempuan berusaha sendiri mencari jalan hal kehidupan mereka itu. Mereka berusaha hingga pekerjaan yang berat-berat dibuat juga, seperti bekerja dalam syarikat-syarikat membina bangunan-bangunan dan gedung-gedung yang besar-besaran di mana mereka sama-sama bekerja memikul batu-bata, kayu-kayu dan alat perkakas binaan bangunan yang kesemuanya merupakan pekerjaan yang berat-berat belaka yang tidak pernah dilakukan oleh kaum perempuan Melayu negeri ini.<sup>55</sup> Melihatkan hal yang demikian ini, *Al-Imam* cuba mencelikkan mata perempuan Melayu. Mereka, walaupun dikecam telah juga diberi galakan dengan digesa supaya "tiadalah sayugianya sentiasa di dalam hal yang malas itu melainkan hendaklah mengerjakan pekerjaan yang munasabah dengan hal mereka itu."<sup>56</sup>

Seperkara lagi, pada keseluruhannya sifat-sifat umum orang Melayu telah menjadi sasaran kecaman *Al-Imam*. Orang Melayu dikatakan terlalu kuat berpegang pada adat yang kolot dan karut, seperti adat menyembah raja dan orang besar-besaran dengan meniarap di tanah iaitu yang masih kedapatan masa itu. *Al-Imam* telah menasihatkan pembacanya supaya meneliti dengan kritis akan keburukan pada beberapa adat dan kepercayaan orang Melayu seperti yang digambarkan di dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*. *Al-Imam* menganggap perkara-perkara itu semua "... pendeknya merepek"<sup>57</sup> yang sepatutnya dilupakan dan dihapuskan daripada pemikiran orang Melayu.

Oleh itu apa yang harus orang Melayu lakukan sekarang ini ialah sedar dan bangkit kerana telah tiba lah masalah mereka mesti mengorak langkah dan bertindak "bagaimana Jepun telah buat atas bangsanya dan Cina baru terkejut dari tidurnya." Harus diingat bahawa menjelang abad ke-20 itu rakyat Cina telah sedar dan mula bangun melancarkan tentangan mereka terhadap belenggu kerajaan Manchu. Kang Yu Wei telah menjalankan gerakan islah di kalangan masyarakat Cina yang sedang menghadapi tekanan dari kuasa-kuasa Barat, dan Dr. Sun Yat Sen pula telah melancarkan kempen kesedaran dengan gerakannya untuk membebaskan negeri China.<sup>58</sup> Semen-tara itu, bangsa Jepun pula, setelah ia dapat menundukkan negeri China pada 1895 dan lepas itu, negeri Rusia pada 1905, telah maju dengan cepatnya dengan sifat "penuh kebebasan, cergas, aturan *civilised*, ilmu kepandaian

54 *Al-Imam*, 6 Disember 1907, hlm. 198.

55 Ibid., hlm. 194.

56 Ibid., hlm. 195.

57 *Al-Imam*, 27 September 1908, hlm. 140.

58 Ibid., hlm. 142.

hikmat.”<sup>59</sup>

Kejayaan mereka itu adalah hasil usaha rakyatnya dan pimpinan yang cekap lagi baik teratur daripada raja serta menteri-menterinya yang mana hal serupa ini sebenarnya boleh dijalankan dan dilaksanakan di Tanah Melayu kiranya ada kesedaran dan kemauhan di kalangan raja-raja dan orang besar-besar Melayu. Tetapi sikap kebanyakannya daripada pemimpin Melayu yang mementingkan diri sendiri itu telah menyebabkan orang Melayu ter-cicir tanpa ada apa-apa bimbingan dan pimpinan yang sewajarnya.

Menurut *Al-Imam* kelalaian pembesar telah diporakperandakan oleh rasuah yang berleluasa di kalangan golongan bangsawan. Sudahlah begitu, menteri-menterinya pula “... main gila satu di antara lain”.<sup>60</sup> Apa yang dapat kita fahamkan dari sini ialah bahawa menteri-menteri itu telah menggunakan kuasa kedudukan mereka dan serta kemudahan-kemudahan yang ada pada mereka dengan cara sewenang-wenang dan sesuka hati untuk menganiaya rakyat mereka sendiri. Rasuah pula sudah menjadi perkara biasa dan mereka tidak memikirkan akan akibat-akibatnya “asalkan ringgit banyak jadilah.”<sup>61</sup>

Seterusnya dalam kecaman-kecamannya itu *Al-Imam* telah menyoal adakah pihak pemerintah tidak sedar akan apa yang dilakukan oleh orang-orang besarnya serta menteri-menterinya yang “semata-mata zalim, aniaya dan kebanyakannya *a mockery of justice*.”<sup>62</sup> *Al-Imam* menjelaskan bahawa oleh kerana terlalu mewah hidupnya maka mereka telah tidak sedar akan hal rakyat mereka sendiri, seolah-olah dianggapnya rakyat itu senang seperti mereka juga, padahal yang sebenarnya adalah tidak sekali-kali. Tambahan pula tiada terdapat aduan-aduan ataupun sungutan-sungutan daripada rakyat yang secara terus terang dan secara langsung. Jadi, bagaimanakah mereka akan mengetahui segala hal yang berlaku atas rakyatnya? Lagipun mereka sengaja tidak berusaha untuk memahami keadaan hidup rakyat yang sebenarnya.

Satu jalan di mana rakyat boleh mengeluarkan suara ialah menerusi alat sebaran am; dan pada masa itu, yang ada ialah akhbar yang penyebarannya masih amat terhad. Sungutan-sungutan dan tuntutan-tuntutan mereka bolehlah dimuatkan “di dalam akhbar-akhbar yang difikirkannya sampai ke telinga raja. Tetapi apakah tindakan menteri-menteri dan orang-orang besar istana nanti?”<sup>63</sup> Demikian *Al-Imam* bertanya. Sudah barang pasti suratkhabar itu “tiada diberinya sampai kepada penglibatan pemerintah”,<sup>64</sup> dan jika orang suratkhabar itu orang bebas iaitu bangsa luar negeri maka “dipanggilnya pengarang-pengarang akhbar itu ... dipenuhi sakunya dengan tahil-tahil emas serta berjanji pula akan menyukarkan dia.”<sup>65</sup>

Oleh itu sudah pasti rakyat akan menjadi buta dan tiada berpeluang pula mendengar berita-berita dari luar negeri, apatah lagi berita-berita dalam negeri mereka sendiri. Berita-berita mengenai gerakan-gerakan revolusi di

59 Ibid., hlm. 143.

60 *Al-Imam*, 25 November 1908, hlm. 234.

61 Ibid.

62 Ibid.

63 Ibid., hlm. 235.

64 Ibid.

65 Ibid.

negeri China terhadap istana Maharaja Manchu tidak mungkin mereka ketahui sebab kekurangan akhbar tempatan; lagipun tidak mungkin berita seumpama itu dibenarkan disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan di Tanah Melayu lebih-lebih lagi akhbar yang berbahasa Melayu. *Al-Imam* menuduh membawa raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu takut menghadapi kenyataan; mereka takut nanti rakyat akan sedar lalu bangkit menyuarakan tuntutan-tuntutan dan rasa tidak puas hati mereka terhadap pemerintah Melayu. Menteri-menteri istana takut nanti hal ini akan tetap berlaku di negeri ini kerana rakyat telah mendapat ilham dari peristiwa-peristiwa di luar negeri terutama seperti gerakan pembebasan di negeri China itu. Sebab itulah kepada pengarang-pengarang akhbar pembesar-pembesar Melayu telah menasihatkan supaya "tak usahlah semua perkara yang berkenaan dengan kerajaan China kita zahirkan ... supaya tiada tahu anak-anak negeri kita terutama membuka aib kita kepada saudara-saudara dan jiran-jiran kita."<sup>66</sup> Berita-berita tersebut memang ada tersiar dalam akhbar-akhbar bahasa asing seperti akhbar-akhbar Cina dan Inggeris tetapi telah tidak dibenarkan untuk diterjemah ke dalam bahasa Melayu dan disiarkan dalam akhbar-akhbar Melayu ataupun sebarang penerbitan Melayu. Maka *Al-Imam* telah mendedahkan perkara ini kepada orang ramai supaya rakyat sedar apakah yang sebenarnya berlaku di kalangan pucuk pimpinan Melayu negeri ini.

### Ulasan

Jika diteliti akan butir-butir kritikan dan perjuangan *Al-Imam* tidak dapat tidak akan kita dapatkan bahawa kesedaran para pendukungnya bukan saja berpusat pada soal-soal agama, malah ia meliputi aspek-aspek politik, ekonomi, sosial dan lebih-lebih lagi aspek pelajaran. Hal ini mungkin meragukan kerana kebanyakan daripada kenyataan perjuangan tersebut adalah disampaikan dalam bentuk dan gaya yang lembut dan samar-samar tetapi sebenarnya cara yang digunakan itu adalah amat tajam serta sinis.

Sebenarnya hujah-hujah perjuangan politik, ekonomi, sosial, agama dan pelajaran telah ditekankan dengan cara yang sepenuhnya dikuasai oleh ekspresi bahasa Melayu klasik, sehingga sukar untuk ditangkap apakah maksud atau tujuan di dalamnya. Kata-kata yang digunakan di dalam kritikannya begitu sinis dan tajam sehingga di beberapa tempat kritikan tersebut seolah-olah berupa sindiran-sindiran yang pedas belaka. Namun begitu, di sana sini digunakan juga bahasa dan ekspresi yang tegas dan secara langsung terutama dalam soal-soal yang berkenaan dengan pelajaran, ekonomi, rasuah dan agama.

Apa yang dapat kita lihat sekarang ialah bahawa *Al-Imam* adalah suatu anak tangga dalam gerakan nasionalis Melayu di Tanah Melayu. Adalah kurang tepat kalau kita katakan bahawa skop perjuangannya hanya semata-mata terhad kepada bidang agama saja. Sebagai lidah rasmi gerakan Islam yang mula-mula, *Al-Imam* telah berjaya memberi kesan yang besar kepada perkembangan pemikiran masyarakat Melayu selepasnya di mana ia

merupakan pelopornya yang berani tampil ke hadapan untuk memulakan gerakan perjuangan orang Melayu seluruhnya.

Tidak harus dilupakan bahawa *Al-Imam* diterbitkan pada awal abad ke-20, iaitu pada masa pihak British masih belum lagi menguasai seluruh Tanah Melayu. Kalau dibandingkan seruan-seruan dan saranan-saranan *Al-Imam* dengan apa yang seringkali kedengaran pada masa sekarang maka jelas sekali idea-idea *Al-Imam* mendahului zamannya. Mungkin ada yang berpendapat bahawa idea-idea *Al-Imam*, pada dasarnya, amat memudahkan tetapi perlu disedari juga masyarakat Malaysia sekarang jauh berbeza dengan masyarakat pada awal abad ke-20. Penuntut sejarah tidak sepatutnya menggunakan ukuran-ukuran yang tidak sesuai dengan zamannya untuk menghakimi sejarah. Dalam konteks apa yang dibincangkan di sini, yang seharusnya dibandingkan hanyalah perkara-perkara yang dasar. Dipandang dari segi ini memang tidak dapat disangkal *Al-Imam* telah mempelopori perjuangan orang Melayu — suatu perjuangan yang kini masih belum berakhir.

# *Undang-undang Tanah Simpanan Melayu*

*Ahmad Nazri bin Abdullah\**

## Pendahuluan

Abad yang ke-19 menyaksikan banyak perubahan di negeri-negeri Melayu. Pada tahap awal, perubahan berlaku akibat pembukaan lombong bijih timah. Perusahaan bijih timah bukan hanya mengubah corak ekonomi setengah-setengah negeri Melayu bahkan membawa kesan-kesan sosial yang penting; misalnya, ia merupakan faktor utama untuk wujudnya masyarakat majmuk.

Sesungguhnya hampir sezaman dengan pertumbuhan perusahaan bijih timah ialah kemunculan pertanian yang bersifat perdagangan. Tebu di Province Wellesley dan lada serta gambir di Johor adalah tanaman yang mulamula diusahakan khusus untuk eksport. Kemudian, tumpuan diberikan kepada ubi kayu dan kopi. Menjelang abad ke-20, getah mulai mendapat perhatian peladang. Pada awal abad ke-20, kenaikan harga getah memberi galakan kepada peladang memberi keutamaan kepada perusahaan itu. Permintaan untuk tanah terus meningkat terutamanya di kawasan-kawasan yang telah mempunyai sistem perhubungan yang baik. Kerana modal Eropah terlibat, pentadbiran British telah menyediakan kawasan yang luas untuk tanaman getah.<sup>1</sup> Permohonan untuk tanah di peringkat ini tidak dikawal kerana getah menambahkan hasil kerajaan.<sup>2</sup> Dengan pesat telah timbul keadaan di setengah-setengah tempat di mana tanah yang subur dan sesuai untuk pertanian didapati amat berkurangan seperti mana pernah dijelaskan oleh Pegawai Daerah Hulu Langat dengan mengatakan bahawa bilangan pemohon

\* Penulis adalah kelulusan Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Beliau kini berkhidmat dengan *Berita Harian*.

<sup>1</sup> Di antara tahun 1906 hingga tahun 1913, keluasan kawasan getah bagi seluruh Tanah Melayu bertambah dari 40,000 hektar kepada 274,000 hektar dan kebanyakannya dimiliki oleh peladang Eropah. Di NMB sahaja keluasan kawasan getah meningkat menjadi 163,200 hektar dan pada tahun yang sama sekitar 160,000 hektar telah disediakan oleh British untuk pertanian getah dan kelapa. Lihat C.R. Akers, *The Rubber Industry in Brazil and the Orient*, London, 1914, him. 171–73. Manakala mengikut laporan Pengarah Pertanian NMB, terdapat penambahan pengeluaran getah sebanyak 42% pada tahun 1913 kalau dibandingkan dengan pengeluaran pada tahun 1912. L. Lewton-Brain, *Agriculture in Malaya in 1913*, Department of Agriculture, Federated Malay States, 1914, him. 1–5.

<sup>2</sup> Lihat umpamanya jumlah hasil tanah yang diperolehi oleh Pejabat Tanah Ulu Langat. Hasilnya telah meningkat dari \$7,147 pada Januari 1909 kepada \$98,000 pada Disember 1909. Selangor Secretariat Office Files (SCF) 633/09, surat Pegawai Daerah Kajang kepada Residen bertarikh 6.2.1909 dan 6.1.1910.

bagi tanah pertanian mula berkurangan kerana tiada lagi tanahnya; namun begitu terdapat sedikit kecenderungan dalam permintaan bagi tanah lombong.

Kebanyakan pemohon tanah ini terdiri daripada orang Eropah yang sememangnya mempunyai modal yang banyak untuk mengusahakan ladang yang besar.<sup>4</sup> Permohonan tanah di kalangan orang Melayu juga ada, tetapi dari segi kekuasaannya sudah tentu kecil berbanding dengan bangsa Eropah kerana orang Melayu hanya mampu untuk menjadi pekebun-pekebun kecil sahaja.

Kegiatan golongan kapitalis ini memberi kesan kepada orang Melayu kerana tanah yang diperolehi itu merupakan kampung halaman yang mempunyai potensi untuk dimajukan sama ada sebagai kawasan pertanian, perdagangan atau perlombongan.<sup>5</sup> Tetapi penjualan tanah oleh orang Melayu, di samping tertarik dengan tawaran harga yang lumayan dari pemodal juga berkaitan dengan sikap mereka sendiri terhadap penggunaan tanah.<sup>6</sup>

Orang Melayu dikatakan sering menjual tanah mereka untuk tujuan-tujuan mengerjakan haji atau mengadakan upacara-upacara tertentu yang dapat menaikkan taraf sosial mereka.<sup>7</sup> Perkahwinan juga selalunya diadakan secara besar-besaran dan segala perlakuan ini memerlukan berbelanjaan yang besar. Sudah tentu untuk mendapatkan wang bagi menjalankan upacara seperti ini, maka penggadaian atau penjualan tanah kepada peminjam bangsa asing berlaku.

Pinjaman wang daripada *chettiar* memang popular di kalangan orang Melayu. Golongan *chettiar* dapat memberikan pinjaman dengan cepat dan mudah. Mengikut Penghulu Ijok, Parii Buntar, Perak (Haji Ahmad Nasib), di dalam mesyuarat jawatankuasa yang dilantik khas bagi mengkaji kegagalan pertanian yang diadakan oleh kerajaan, kebanyakan orang Melayu meminjam wang daripada *chettiar* hanya untuk tujuan-tujuan perayaan,

<sup>3</sup> Secretariat Office Files SCF 688/1910, Laporan bulanan Ulu Langat, Oktober 1910. Surat Pegawai Daerah Kajang kepada Residen bertarikh 7.11.1910.

<sup>4</sup> Ibid. Laporan bulanan Ulu Langat, September 1910. Surat Pegawai Daerah Kajang kepada Residen bertarikh 10.10.1910.

<sup>5</sup> Kebanyakan kawasan pertanian yang mempunyai hasil bijih timah ditawarkan dengan harga yang tinggi. Kawasan ini merupakan kawasan pertanian dan setelah dibelinya maka permohonan pemindahan syarat dari tanah pertanian kepada tanah perlombongan mesti diperolehi dari kerajaan negeri. (Lihat Minit Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor pada 5 Julai 1909, 27 Jun dan 4 Julai 1910, yang telah menukar syaratkan lebih daripada 60 hektar tanah pertanian menjadi tanah lombong). Satu kajian juga dilakukan terhadap satu kawasan di Changkat Larang Perak. Kawasan ini merupakan kawasan perkumpungan dan sawah padang yang mempunyai hasil bijih yang banyak. Oleh kerana bijih itu hendak dilombongkan maka kawasan itu akhirnya dijadikan tanah kerajaan yang menyebabkan penduduk di kawasan itu pindah dan membuka kampung-kampung baru seperti Meranti Lapam, Changkat Larang Pekan, Kampung Rizab Ulu dan Changkat Tinggi. (Lihat Mazidah bt. Haji Zakaria, "Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung Changkat Larang, Kawasan Simpanan Melayu, Perak; Satu Kajian Tentang Perubahan Ekonomi Dan Sosial dalam Sebuah Masyarakat Kampung Melayu". Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1967, him. 59–60).

<sup>6</sup> Kekayaan bagi orang Melayu dikatakan untuk melambangkan kedudukan status sosialnya. Harta-harta yang termasuk tanah disimpan sebagai modal yang bukan untuk dipusingkan supaya menjadi bertambah baya tetapi sebagai satu jaminan untuk mencapai kehidupan yang selamat. Tanah-tanah ini dijual untuk mendapatkan *cash need* pada masa-masa tertentu. (Lihat M.G. Swift, *Saving and Credit in a Malay Peasant Economy*" dalam Raymond Firth and B.S. Yamey (ed.) *Capital, Saving and Credit in Peasant Societies*, London, 1964, him. 133–150).

<sup>7</sup> Lihat Rajah Mohar Rajah Baduzaaman, "Malay Land Reservation and Alienation", *Intisari*, Vol. I, No. 2, him. 20. Lihat juga Syed Hussin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Kuala Lumpur, 1975, him. 80.

perkahwinan, mengerjakan haji dan hanya sedikit sahaja yang meminjam untuk menjalankan penternakan.<sup>8</sup>

Golongan *chettiar* ini terkenal dengan sikap 'baik hati' di kalangan orang Melayu. Jikalau mereka terlalu rapat hubungannya, maka pinjaman yang sedikit tidak dikenakan cagaran. Dengan itulah didapati peminjaman kepada *chettiar* ini bertambah. Mengikut Penghulu Parit Buntar (Yeop Ibrahim bin Mohamed Zain), pada tahun 1912, satu pertiga daripada penduduk di kampungnya ada berhutang pada *chettiar*. Setiap satu keluarga dianggarkan ada berhutang di antara \$600 hingga \$800.<sup>9</sup>

Akibat daripada hutang yang banyak dan tidak mampu dibayar inilah maka kebanyakan tanah orang Melayu berpindah hakmilik kepada orang bukan-Melayu. Di Perak, sepanjang tahun 1912 sebanyak 961 hakmilik orang Melayu telah dijualkan kepada orang bukan-Melayu. Pada tahun berikutnya, di Selangor sebanyak 1,416 bidang tanah orang Melayu dijualkan kepada orang bukan-Melayu.<sup>10</sup> Penjualan tanah di kalangan orang Melayu ini, di samping untuk menjelaskan hutang adalah juga untuk menjelaskan bayaran cukai tanah. Mengikut laporan Pemungut Hasil Tanah Kuala Lumpur, pada tahun 1906 dan 1907, sebanyak 32 keping tanah (tidak diberi keluasannya) telah dijual untuk membayar baki cukai tanah bagi tahun 1905 dan 1906. Laporan yang sama juga dikeluarkan oleh Pegawai Daerah Kuala Langat di mana, pada tahun 1905 dan 1906, sebanyak 17 bidang tanah di daerahnya telah dijualkan untuk membayar baki cukai tanah.<sup>11</sup>

Kehilangan hakmilik tanah di kalangan orang Melayu ini sememangnya mendapat perhatian daripada kerajaan British. Residen Perak mensifatkan penjualan tanah di kalangan orang Melayu ini akan menjelaskan kedudukan orang Melayu sendiri seperti akan menjadikan mereka buruh di tanah orang lain atau mencari pekerjaan-pekerjaan lain.<sup>12</sup> Untuk mengelakkan perkara ini daripada menjadi bertambah buruk maka langkah yang wajar harus diam-bil bagi menyelamatkan hakmilik orang Melayu. Atas kesedaran inilah maka British pada tahun 1913 telah meluluskan undang-undang Tanah simpanan Melayu (TSM).

### Langkah Ke Arah Pembentukan Undang-undang TSM

Seawal-awalnya sejak tahun 1908<sup>13</sup> lagi, masalah kehilangan hakmilik tanah orang Melayu sudah dibincangkan. Di dalam persidangan Residen yang diadakan pada bulan Oktober 1908, beberapa cadangan untuk menyelamat-

8 SOF 2056/1912, Report and Proceedings of the Committee appointed to consider why the system of small loans to native agriculturist has failed in Perak. Government Printing Press, 1912, hlm. 2.

9 Ibid. Keadaan yang sama juga dilaporkan berlaku di Kampung Pengkalan Aor, Tupai, Sungai Limau dan Simpang Kerian.

10 *Federal Council Proceedings (FCP)* 8 Mei 1911, hlm. B 14 dan *FCP* 9 Julai 1913, hlm. B. 24.

11 SOF 6622/1907, Surat Pemungut Hasil Tanah Kuala Lumpur kepada Residen bertarikh 13.1.1909 dan surat Pegawai Daerah Kuala Langat kepada Residen bertarikh 31.12.1907.

12 *Perak Administrative Report, Annual Report FMS*, 1911, hlm. 11.

13 Semasa membentangkan rang undang-undang TSM enamkin 15, tahun 1913, Penasihat Undang-undang NMB, Frederick Belfield, ada menyatakan bahawa masalah kehilangan hakmilik tanah orang Melayu sudah mendapat perhatian kerajaan sejak tahun 1907 lagi. Tetapi penulis tidak menjumpai sebarang bahan yang berkaitan dengan kenyataan ini.

kan hakmilik orang Melayu dikemukakan. Residen Perak, (Brockman) telah mencadangkan supaya diadakan satu sekat terhadap pajakan tanah orang Melayu kepada orang bukan Melayu. Cadangan Brockman ini disokong oleh Residen Negeri Sembilan (Campbell) yang juga mengusulkan supaya diadakan satu kawasan simpanan Melayu bagi kampung-kampung orang Melayu. Cadangan mereka ini tidak dipersejuaui oleh Residen Jeneral (Taylor) dan usul ini tidaklah diperbincangkan selanjutnya.<sup>14</sup>

Dua tahun kemudiannya masalah ini dibangkitkan semula apabila Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) meminta Residen di tiap-tiap negeri menyiasat dan melaporkan tentang penyerapan tanah orang Melayu untuk dijadikan kawasan ladang getah. Beliau juga seterusnya meminta Residen mengemukakan cadangan-cadangan sama ada sebarang tindakan perlu diambil atau tidak.<sup>15</sup>

Pegawai Daerah Hulu Langat (Clayton), dalam memorandumnya kepada Residen Selangor telah membentangkan beberapa cadangan berhubung dengan masalah ini. Bagi beliau, orang Melayu yang merupakan penduduk tetap negeri ini harus diberi perlindungan tidak seperti orang Cina dan India yang hanya datang mencari kekayaan untuk dibawa pulang ke negeri masing-masing. Clayton telah membahagikan tanah orang Melayu kepada tiga kategori iaitu tanah yang terpisah daripada kawasan kediaman (*isolated holding*), tanah kebun dan tanah kampung. Bagi tanah yang di dalam kategori pertama, oleh kerana bukanlah kawasan tempat tinggal tetap orang Melayu tetapi lebih merupakan tanah yang tidak diusahakan dan akan dijual, maka Clayton berpendapat tanah itu boleh diserapkan menjadi kawasan ladang getah.

Tanah kebun dan tanah kampung pula perlu dihalang daripada dijual atau diserapkan menjadi kawasan ladang kerana ianya merupakan tempat tinggal tetap orang Melayu. Sekiranya tanah ini terjual maka sudah tentu akan membawa penderitaan kepada orang Melayu. Menurutnya, orang Melayu akan hidup merayau, iaitu tanpa rumah dan pekerjaan tetap dan mungkin akan menjadi peminta sedekah.<sup>16</sup>

Untuk menghalang orang Melayu daripada tertarik dengan tawaran harga yang tinggi, Clayton juga telah memberi empat cadangan bagi mengatasinya. Pertama ialah dengan mengadakan pengisyitiharan bahawa kerajaan tidak memperkenankan penjualan tanah oleh orang Melayu; kedua, dengan mengadakan syarat-syarat penanaman yang tertentu supaya mengurangkan minat pembeli; ketiga, mengenakan cukai yang rendah kepada tanah-tanah yang ditanam dengan buah-buahan selain daripada getah, dan keempat, mengadakan kawasan simpanan Melayu.<sup>17</sup> Memorandum Clayton ini pada

14. High Commissioner's Office Files (HCOF) 1667/1908, Minit Persidangan Residen, Oktober 1908.  
15. S SOF 3170/1910, surat Setiausaha Kerajaan kepada Residen Selangor bertarikh 18 Julai 1910.

16. Ibid. Lihat laporan Clayton yang dihantar kepada Setiausaha Kerajaan bertajuk "The Absorption by large and owners and Estates of Native (Malay) holding" bertarikh 28.7.1910.

17. Ibid. Laporan Clayton secara terperinci seperti berikut:

a. Orang Melayu mestilah bekerjasama dengan kerajaan dan mestilah mengikuti kehendak kerajaan yang tidak suka penjualan tanah oleh orang Melayu. Sekiranya orang Melayu tidak beker-

keseluruhannya dipersetujui oleh Residen Selangor (Belfield). Dalam laporannya kepada Setiausaha Kerajaan, Belfield menegaskan bahawa rancangan untuk menghalang penjualan tanah oleh orang Melayu telah dipersetujui oleh Sultan Selangor. Beliau seterusnya menekankan bahawa cadangan Clayton untuk mengadakan kawasan simpanan Melayu adalah satu langkah yang baik.<sup>18</sup>

Pandangan yang sama juga telah dikemukakan oleh Residen Perak (E.W. Birch).<sup>19</sup> Birch mencadangkan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa kecil di tiap-tiap negeri dengan diwakili oleh dua orang pegawai British dan dua orang wakil Melayu, bagi mengkaji masalah ini dan satu undang-undang mesti diluluskan untuk membolehkan setiap Residen berkuasa menghalang sebarang penggadaian atau penjualan hakmilik tanah orang Melayu kepada orang bukan-Melayu. Langkah ini akan menolong orang Melayu daripada ditindas oleh golongan peminjam.<sup>20</sup>

Cadangan Birch ini diterima dan akhirnya di Selangor satu jawatankuasa telah dibentuk yang terdiri daripada dua orang Melayu dan dua orang Inggeris.<sup>21</sup> Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji serta mengesyorkan langkah-langkah yang berkesan bagi melindungi hakmilik orang Melayu, supaya penghidupan keturunan mereka tidak akan terjejas.<sup>22</sup>

Di Selangor jawatankuasa yang ditubuhkan itu mendapati sebanyak 1,484 hakmilik orang Melayu (seluas 3,027 hektar) telah berpindah milik kepada bukan-Melayu.<sup>23</sup> Ada dua sebab untuk penjualan tanah. Pertamanya ialah penjualan yang dilakukan oleh godaan daripada bangsa asing. Dianggarkan sebanyak 50% daripada penjualan itu disebabkan oleh godaan dan ini telah

---

jasama dengan kerajaan maka kerajaan tidak akan bekerjasama dengan orang Melayu, umpanya kerajaan tidak akan menimbangkan sebarang permohonan tanah baru bagi orang Melayu.

- b. Mengadakan syarat-syarat tanaman tertentu seperti mensyaratkan sesuatu tanah itu ditanam dengan 33 pohon kelapa dan kurangkan tanaman getah.
- c. Mengenakan cukai yang rendah kepada tanah-tanah getah yang ditukar dengan tanaman buah-buahan, kelapa atau padi
- d. Mengadakan kawasan-kawasan tertentu sebagai kawasan simpanan Melayu.

18 Ibid. Laporan Residen Selangor kepada Setiausaha Kerajaan yang bertajuk, "Desirability of Preventing the alienation by Malays of their Kampung Land" bertarikh 4.8.1910.

19 Ibid. Copy of a Minute by the British Resident, Perak, bertarikh 7.9.1910.

20 Ibid.

21 Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 14 Disember 1910 yang terdiri daripada E. Burnside (Pengerusi), R. J. B. Clayton, Abdul Razak dan Haji Ibrahim dari Jugra. Satu laporan yang bertajuk "Report by the Committee appointed to enquire into and report on the question of the alienation of hereditary rights in land by Malays and the desirability or otherwise of preventive or remedial action being taken" telah dikeluarkan. (Lihat S SOF, 3170/1910, surat Burnside kepada Residen Selangor bertarikh 30.5.1911)

22 Minit Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor, 14 Disember 1910.

23 S SOF, 3170/1910, "Report by the Committee" jumlah ini termasuklah:

- a. Kuala Lumpur 283 lot seluas 1,098 hektar.
- b. Kuala Langat 283 lot seluas 470 hektar
- c. K. Selangor 146 lot seluas 278 hektar.
- d. Ulu Langat 168 lot seluas 289 hektar.
- e. Ulu Selangor 302 lot seluas 477 hektar.
- f. Kelang 302 lot seluas 414 hektar.

menyebabkan banyak keluarga terpaksa berpindah mencari kawasan lain.<sup>24</sup>

Untuk mengatasi masalah ini, jawatankuasa itu telah mengesyorkan tiga langkah yang dianggap boleh menjamin hakmilik orang Melayu: (i) kawasan yang sesuai di tiap-tiap negeri mestilah dikhaskan untuk orang Melayu; (ii) tanah di dalam kawasan tersebut tidak boleh dipindahmilikkan kepada orang bukan-Melayu tanpa persetujuan bertulis daripada Pemungut Hasil Tanah, dan (iii) mengadakan beberapa syarat tertentu terhadap tanah yang di luar daripada kawasan yang dikhaskan seperti syarat hak kuasa.<sup>25</sup> Untuk menggalakkan orang Melayu mengambil tanah di dalam kawasan yang dikhaskan maka disyorkan supaya cukai tanah bagi kawasan tersebut dikurangkan. Sekiranya langkah yang dicadangkan itu tidak juga berkesan maka jawatankuasa itu seterusnya berpendapat satu undang-undang untuk menyekat pemindahan hakmilik ini mesti diadakan.<sup>26</sup> Di Perak, Birch juga telah menjalankan beberapa langkah yang serupa. Satu undang-undang untuk menghalang pemindahan hakmilik tanah orang Melayu kepada orang bukan-Melayu telah dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Disember 1910. Cadangan tentang undang-undang itu terbantut disebabkan wakil Melayu meminta supaya dibuat peninjauan terhadap reaksi orang Melayu mengenai cadangan undang-undang itu.<sup>27</sup>

Sementara masalah ini dibincangkan secara hangat di Selangor dan Perak, di Negeri Sembilan dan Pahang pula tiada sebarang langkah diambil. Bagi Negeri Sembilan, masalah ini mungkin tidak meruncingkan kerana undang-undang Tanah Adat 1909<sup>28</sup> sudah cukup untuk menjamin hak orang Melayu dan sukar diganggu oleh orang bukan-Melayu. Di Pahang kemajuan adalah terbatas dan negeri itu tidak menjadi tumpuan kapitalis asing maka masalah kehilangan hakmilik orang Melayu tidaklah begitu membimbangkan.<sup>29</sup>

Sehingga tahun 1911, perbincangan mengenai pemindahan hakmilik orang Melayu ini merupakan masalah negeri masing-masing tanpa campur tangan secara langsung daripada kerajaan Persekutuan. Pada bulan November 1911, di dalam Persidangan Residen-residen di Kuala Lumpur, barulah satu usul dicapai untuk mendesak Penasihat Undang-undang Persekutuan supaya menyediakan satu draf undang-undang untuk menghalang penjualan tanah

24 Ibid. Di Kuala Langat dikatakan seramai 30 keluarga terpaksa pindah ke kawasan yang lain disebabkan kehilangan tanah tempat tinggal. Perkara ini juga dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor pada 14.2.1910.

25 SOF 3170/1910, "Area proposed to be set aside for alienation to Malays only", surat Pegawai Daerah Kelang kepada Residen bertarikh 15.10.1911.

26 Ibid.

27 Minit Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perak, 1.12.1910.

28 Undang-undang ini diperkenalkan di Negeri Sembilan pada tahun 1909. Tujuan undang-undang ini salah untuk menjaga *customary rights* ke atas tanah itu. Sebarang urusniaga ke atas tanah adat ini mestilah mengikut adat dengan persetujuan ketua suku. Undang-undang ini kemudiannya dipindah pada tahun 1926 untuk bersesuaian dengan FMS Land Code tahun 1926. Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas lihat David S.Y. Wong, *Tenure and Land Dealing In The Malay States*, Singapore, 1975, hlm. 477–81.

29 Lim Teck Chee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874–1941*, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 110.

atau harta pusaka orang Melayu kepada orang bukan-Melayu.<sup>30</sup>

Ekoran daripada usul inilah maka Penasihat Undang-undang menyediakan draf undang-undang untuk menjaga hakmilik orang Melayu. Draf yang bertajuk *An Enactment to preserve to Malays the use of their Kampung Lands* dikeluarkan kepada umum pada bulan April 1912.<sup>31</sup> Draf undang-undang ini menegaskan bahawa tujuan diadakannya bukanlah untuk menyekat kegiatan orang Melayu daripada mencari keuntungan melalui spekulasi tanah tetapi hanyalah untuk menjaga kepentingan dan hak orang Melayu. Draf ini mengandungi tiga belas seksyen kesemuanya. Seksyen-seksyen yang penting adalah 2, 3, 6 dan 8 yang memberi kuasa kepada Sultan di tiap-tiap negeri untuk mengisytihar dan mewartakan mana-mana tanah menjadi 'tanah kampung'. 'Tanah kampung' tidak boleh diurusniagakan dengan orang bukan-Melayu, dan jika hendak dijual kepada orang bukan Melayu, kebenaran Sultan mesti diperolehi. Tanah ini juga tidak boleh dijual bagi melaksanakan sebarang perintah mahkamah dan sekseyn 13 pula menerangkan barang siapa yang melanggar undang-undang ini boleh didenida di antara \$500 hingga \$1,000 atau dipenjara tidak lebih daripada enam bulan. Draf undang-undang ini kemudiannya dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan untuk dibincangkan pada 9 Julai 1913.

Semasa perbahasan di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, Sultan Idris (Perak) telah bangun menyokong rang undang-undang itu. Beliau menerangkan bahawa di Perak, daripada sepuluh hakmilik orang Melayu, sembilan telah terjual kepada orang bukan-Melayu. Dengan itu beliau berharap undang-undang itu akan dapat menyelamatkan hakmilik tanah orang Melayu.<sup>32</sup> Tetapi pendapat Sultan Idris ini tidak dipersetujui oleh Skiner, seorang ahli tidak rasmi yang menyokong Persatuan Penanam-penanam Malaya. Beliau berpendapat bahawa undang-undang itu tidak akan berjaya kalau dikuatkuasakan kerana kalau orang Melayu dihalang daripada menjual tanah mereka, itu tidaklah bermakna mereka akan mengerjakan tanah mereka itu secara intensif.<sup>33</sup> Encik Tong Seng, wakil kaum Cina pula berpendapat bahawa undang-undang itu akan menyusahkan orang Melayu sendiri, terutama dari segi untuk mendapatkan modal bagi menjalankan sebarang kegiatan pertanian.<sup>34</sup>

Walau bagaimanapun akhirnya dengan beberapa pindaan kecil, rang undang-undang itu diluluskan pada 25 November 1913 sebagai undang-undang TSM, enakmen No. 15 tahun 1913 yang akan berjalan kuatkuasa di seluruh negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>35</sup> Undang-undang ini mempunyai 16 seksyen kesemuanya. Antara lain seksyen 2 memberi takrif tetang perkataan "Melayu" yang membawa erti sesiapa sahaja yang terdiri daripada bangsa *Malayan* yang beragama Islam dan secara kebiasaan bertutur dalam

30 HCOF, RG 1583/1911, Minit Persidangan Residen, 14.11.1911.

31 S SOF 3013/1912, "An Enactment to Preserve to Malays the use of their Kampung-lands", surat Setiausaha Kerajaan kepada Residen Selangor bertarikh 17.4.1912.

32 FCP, 9 Julai 1913, hlm. B24.

33 Ibid.

34 Ibid.

35 Lihat *Federal Enactment*, Enactment No. 15 of 1912, FMS Govt. Printing 1914, hlm. 505 – 508.

Bahasa Melayu atau bahasa *Malayan* yang lain. Konsep Melayu ini agak kabur kalau dilihat dalam konteks negeri-negeri Melayu yang lebih luas.<sup>36</sup> Walaupun Skinner pernah mencadangkan supaya perkataan Melayu ini melibatkan semua orang Melayu termasuk Cina dan India yang secara kebiasaan bertutur dalam Bahasa Melayu, cadangannya telah ditolak.

Seksyen 3 pula memberi kuasa kepada Residen, dengan persetujuan Raja di dalam Majlis Mesyuarat Negeri, untuk mengisytihar dan mewartakan mana-mana kawasan di dalam negerinya menjadi kawasan TSM. Sebaliknya seksyen 4 pula memberi kuasa yang sama kepada Residen untuk mengubah, memasukkan kawasan yang lain atau membatalkan mana-mana kawasan TSM. Seksyen 5 dan 6 menerangkan bahawa mana-mana kawasan di dalam negeri boleh dijadikan TSM, dan apabila kawasan itu diisyiharkan sebagai TSM, notis pemberitahuan hendaklah dihantar kepada tuan punya tanah yang berkenaan.

Tujuan dan ini undang-undang ini terdapat dalam seksyen 7, 8 dan 9. Seksyen 7 melarang tanah simpanan itu dijual kepada atau diurusniagakan dengan orang bukan-Melayu. Walau bagaimanapun seksyen 8(i) membenarkan pajakan kepada orang bukan-Melayu untuk masa selama tidak lebih daripada tiga tahun. Seksyen 8(ii) pula menerangkan bahawa sebarang *Powers of Attorney (PA)*<sup>37</sup> yang dibuat di atas TSM dengan orang bukan-Melayu boleh dibatal atau dimansuhkan. Seksyen 9 pula menerangkan yang tanah simpanan itu tidak boleh dijual kepada orang bukan-Melayu bagi menjalankan sebarang perintah mahkamah. Seksyen sepuluh dan sebelas menjelaskan pula bahawa sebarang penjualan TSM yang diakibatkan oleh cagaran mestilah mendapat kebenaran daripada Sultan melalui Majlis Mesyuarat Negeri.

Kesemua geran tanah di dalam kawasan TSM akan dicop dengan perkataan “MALAY RESERVATION”. Tugas untuk mengecop geran tanah ini dipertanggungjawabkan kepada Pemungut Hasil Tanah dengan kuasanya melalui seksyen 12. Seksyen 13 sekali lagi menjelaskan bahawa sebarang cubaan untuk mengurusniagakan TSM yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang itu adalah tidak sah. Seksyen 14 menerangkan jika terdapat sebarang keraguan berkenaan dengan perjalanan undang-undang ini maka hendaklah dirujuk kepada Sultan dan Residen di dalam Majlis. Seksyen 15 adalah berkenaan dengan bayaran yang bersangkutan dengan undang-undang itu dan seksyen 16 pula menerangkan yang seksyen-seksyen di dalam Undang-undang Tanah 1911<sup>38</sup> yang tidak bertentangan boleh dilaksanakan di dalam kawasan TSM.

36. Bagi Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu, terdapat takrif yang berbeza. Untuk gambaran lanjut lihat David Wong, op. cit., hlm. 512 – 513. Malayan waktu itu merujuk kepada Gugusan Kepulauan Melayu.

37. *Power of Attorney* ataupun surat kuasa adalah perjanjian di antara *donor* (pemberi) dan *donee* (penerima). Surat pemindahan kuasa ini menjelaskan segala kuasa penerima dan ditandatangani oleh kedua belah pihak berserta dengan saksi, di hadapan hakim dan ianya disahkan oleh Pendaftr Hakmilik dan satu salinan disimpan olehnya. Lihat “The Power of Attorneys Enactment 1912”, Enactment No. 1 of 1912, FMS Enactment: Passed During the Year 1912, FMS Govt. Press, 1913, hlm. 1 – 4.

38. Undang-undang Tanah tahun 1911 merupakan undang-undang tanah yang pertama diperkenalkan yang merangkumi keseluruhan NMB. Undang-undang ini adalah berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubung dengan urusan pentadbiran tanah, hakmilik, pendaftaran dan sebagainya. Undang-undang

Walaupun undang-undang ini dibuat untuk menjamin hakmilik tanah orang Melayu tentang cagarannya kepada orang bukan-Melayu, undang-undang ini tidak mengharamkannya dan berpandukan seksyen 10, cagarannya boleh dilakukan. Berhubung dengan pemberian *PA* pula, undang-undang itu hanya menegaskan bahawa *PA* itu boleh dibatalkan, jadi ini bermakna pemberian *PA* bagi TSM masih sah dijalankan. Di samping itu juga undang-undang ini tidak menggariskan sebarang hukuman bagi sesiapa yang cuba melanggar undang-undang itu seperti mana seksyen 13 di dalam draf undang-undang yang dibuat pada mulanya.

Langkah untuk mewartakan tanah menjadi TSM dijalankan pada tahun 1914. Di Perak beberapa kawasan telah diisytiharkan sebagai TSM. Kawasan-kawasan ini termasuklah 57,407 hektar di Larut, 7,760 hektar di Batang Padang dan beberapa hektar lagi di daerah Krian, Kuala Kangsar, Ulu Perak dan Hilir Perak.<sup>39</sup> Jumlah kawasan TSM di Perak ini ditambah pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 1921 seluas 8,798 hektar dijadikan TSM di Hilir Perak,<sup>40</sup> pada tahun 1922, seluas 3,580 hektar di Lenggong;<sup>41</sup> dan pada tahun 1923 seluas 2,592 hektar di daerah Krian<sup>42</sup> manakala di Sitiawan, pada tahun 1930, sejumlah 16,800 hektar telah diwartakan sebagai TSM.<sup>43</sup>

Di Negeri Sembilan langkah yang sama juga telah dijalankan. Walaupun kebanyakan tanahnya termasuk di bawah Undang-undang Tanah Adat, tetapi seawal-awalnya pada tahun 1915 beberapa mukim di daerah Seremban, Jelebu, Port Dickson dan Kuala Pilah telah dijadikan TSM. Sehingga tahun 1918 dianggarkan seluas 160,000 hektar<sup>44</sup> tanah telah dijadikan TSM dan keluasannya bertambah pada tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 1922 di daerah Jelebu seluas 9,216 hektar lagi dijadikan TSM, manakala di Kuala Pilah pula seluas 24,920 hektar.<sup>45</sup> Pada tahun 1923 seluas 2,752 hektar<sup>46</sup> di Johor dan pada tahun yang berikutnya seluas 5,600 hektar di Tampin juga dijadikan TSM.<sup>47</sup>

Sementara itu di Selangor, pada tahun 1917 terdapat sebanyak tiga puluh lima kawasan TSM. Kawasan-kawasan ini agak berselerak dan jumlah hektarnya agak kecil; cuma dua kawasan sahaja di daerah Kuala Lumpur dan Kelang yang keluasannya melebihi 1,200 hektar.<sup>48</sup> Jumlah keseluruhan keluasan TSM di Selangor pada tahun itu ialah 14,617 hektar. Jumlah ini termasuklah lima kawasan di Kuala Lumpur seluas 2,434 hektar, empat kawasan di Kelang seluas 3,057 hektar, tiga belas kawasan di Ulu Langat seluas 1,622 hektar empat kawasan di Kuala Langat seluas 3,504 hektar dan beberapa kawasan lagi di daerah Kuala Lumpur yang tidak diketahui

ini kemudiannya dipindah dan ditambah seksyen-seksyenya pada tahun 1926 dan dikenali sebagai *Land Code* tahun 1926.

<sup>39</sup> *Federated Malay States Government Gazette (FMSGG)* 1914, Vol. VI, Pt. I, him. 841–846.

<sup>40</sup> *FMSGG* 1921, Vol. XIII, Pt. I, him. 90.

<sup>41</sup> *FMSGG* 1922, Vol. XIV, Pt. I, him. 614.

<sup>42</sup> *FMSGG* 1923, Vol. XV, Pt. I, him. 51–52.

<sup>43</sup> *FMSGG* 1930, Vol. XXII, Pt. I, him. 327.

<sup>44</sup> Laporan Tahunan Negeri Sembilan tahun 1918.

<sup>45</sup> *FMSGG* 1922, op. cit., him. 1096–1098.

<sup>46</sup> *FMSGG* 1923, op. cit., him. 470 dan 1042.

<sup>47</sup> *FMSGG* 1924, Vol. XVI, Pt. I, him. 177.

<sup>48</sup> *FMSGG* 1916, Vol. VIII, Pt. I, him. 144, dan 414. Keluasan bagi daerah Kelang salah 1,480 hektar saitu di Mukim Kapar dan keluasan bagi Daerah Kuala Lumpur salah 1,456 hektar saitu di Mukim Setapak.

keluasannya.<sup>49</sup> Mulai dari tahun 1922 langkah untuk memperbanyakkan kawasan TSM dibuat. Seluas 10,336 hektar di Kuala Selangor dan 1,548 hektar di Kuala Langat telah dijadikan TSM.<sup>50</sup> Pada tahun 1933 ditambah sebanyak 31,666 hektar lagi di Kuala Selangor.<sup>51</sup>

Di Pahang, proses untuk mewujudkan TSM tidaklah segiat di negeri-negeri lain. Walaupun langkah untuk mengadakan TSM telah dijalankan sejak tahun 1914 lagi, jumlah keluasan hektarnya agak sedikit, cuma pada tahun 1922 sahaja seluas lebih kurang 54,016 hektar di daerah Pekan telah dijadikan TSM.<sup>52</sup> Pada tahun-tahun berikutnya beberapa kawasan lain telah ditambah juga yang keluasannya agak lebih besar. Umpamanya bagi daerah di Kuala Lipis, dari tahun 1924 hingga tahun 1927, seluas lebih kurang 30,400 hektar dijadikan sebagai TSM.<sup>53</sup>

Pada keseluruhannya terdapat dua bentuk tanah yang dijadikan TSM, iaitu kawasan hutan rimba yang tidak diduduki dan kawasan perkampungan orang Melayu. Bagi kawasan perkampungan ini jika terdapat tanah-tanah yang dimiliki oleh orang bukan-Melayu maka tanah itu juga dijadikan TSM dan tertakluk kepada undang-undang TSM.

### Kesan Undang-undang ini Terhadap Orang Melayu

Satu perkara yang harus ditinjau ialah dari segi kesuburan dan potensi bagi tanah-tanah yang dijadikan TSM itu untuk dimajukan. Bagi kawasan kampung, masalah ini mungkin tidak timbul kerana merupakan kawasan kediaman yang telah diusahakan. Tetapi sebaliknya bagi tanah yang tidak diduduki yang terdiri daripada kawasan hutan rimba tentu sukar untuk dimajukan. Kalau dilihat pada keseluruhan keluasan TSM bagi NMB pada akhir tahun 1923, didapati tidak sampai separuh daripada kawasan itu dapat diusahakan untuk pertanian. Data yang lengkap seperti dalam Jadual 1:<sup>54</sup>

JADUAL I

Negeri	Kawasan TSM (hektar)	Keluasan yang sesuai untuk pertanian
Perak	784,870	299,200
Selangor	65,508	47,563
Negeri Sembilan	182,390	84,531
Pahang	120,430	100,250
	1,153,198	531,544

49 SOF 2876/1917, List of Malay Reservation in Selangor.

50 FMSGG 1922, op. cit., hlm. 614 dan 937.

51 FMSGG 1933, Vol. XXV, Pt. 1, hlm. 981–2 dan 1892.

52 FMSGG 1922, op. cit., hlm. 771.

53 FMSGG 1927, Vol. XIX, Pt. 1, hlm. 602–3 dan 649.

54 Kinta Land Office Files (LCF) 306/1924, Laporan Pesuruhjaya Tanah NMB kepada Setiausaha kerajaan bertarikh 14.3.1924.

Berpandukan kepada Jadual I, sudah tentu dari segi penggunaan tanah, kawasan TSM ini tidaklah begitu berguna bagi orang Melayu dari segi pertanian. Cuma 46.09 peratus sahaja yang dapat dijalankan kegiatan pertanian dan sebahagian kawasan ini pula merupakan kawasan perkampungan. Perbezaan di antara kawasan yang tidak boleh diusahakan amat ketara bagi negeri Perak. Kebanyakan kawasan TSM ini terdapat di Ulu Perak yang merupakan kawasan hutan. Pada awal tahun 1923, dari jumlah seluas 567,200 hektar yang dijadikan TSM tidak sampai separuh daripada kawasan ini yang dapat dijalankan pertanian. Kebanyakan kawasan ini bergunung-ganang, dipenuhi dengan hutan dan hanya diduduki oleh seramai 9,004 orang Melayu sahaja.<sup>55</sup>

Kekurangan keluasan kawasan yang sesuai untuk pertanian di Perak ini adalah disebabkan kebanyakan kawasan itu merupakan kawasan yang berpaya dan mempunyai hasil bijih. Sudah tentu kawasan ini tidak boleh diusahakan dengan sebarang kegiatan pertanian. Sebaliknya apa yang berlaku ialah terdapat usaha-usaha untuk membatalkan TSM yang mempunyai bijih bagi membolehkan pelombong-pelombong bukan-Melayu melombong —umpamanya TSM di Mukim Tanjung Tualang, Kinta, dan Mukim Ayer Papan, Perak. Kedua-dua kawasan ini mempunyai hasil bijih dan telah diminta oleh Tronoh Mines Ltd. untuk dijalankan perlombongan. Kawasan TSM ini akhirnya dibatalkan untuk membolehkan kerja-kerja melombong.<sup>56</sup>

Keadaan yang sama juga berlaku bagi TSM yang berhutan rimba. Untuk menukar kawasan ini menjadi kawasan pertanian memerlukan perbelanjaan yang banyak. Kawasan-kawasan ini mempunyai balak yang banyak. Oleh kerana orang Melayu tidak mampu mengusahakan pembalakan maka akhirnya usaha-usaha pembalakan di kawasan TSM ini diberikan kepada orang bukan-Melayu.<sup>57</sup>

Pada dasarnya, walaupun undang-undang TSM ini bertujuan untuk menjaga hak dan kepentingan orang Melayu, dari segi perlaksanaannya ia masih boleh dipersoalkan lagi kerana seksyen 4(b) memberi kuasa kepada Residen untuk membatalkan mana-mana kawasan TSM yang difikirkannya perlu. Kuasa ini sering digunakan, terutamanya bagi tanah-tanah bandar dan tanah-tanah yang mempunyai bijih. Tambahan pula dari segi peratusan tanah yang dijadikan TSM yang dimiliki adalah terlalu kecil. Misalnya sehingga tahun 1933, jumlah keluasan TSM di NMB ialah 1,259,673 hektar<sup>58</sup> dan dari jumlah ini seluas 236,958 hektar yang dimiliki iaitu sebanyak 18.8 peratus sahaja.<sup>59</sup>

55 S SOF 1234, 1924, "Return of Malay Reservation at 1.1.1923" Surat Pesuruhjaya Tanah NMB kepada Sesauaha Kerajaan bertarikh 14.3.1924.

56 K LOF 261, 1924, surat Pegawai Daerah Kinta kepada Residen Perak bertarikh 12.12.1924.

57 Ibid. Surat Ketua Penolong Pegawai Daerah Kinta kepada Mr. Fie Wha Cheng bertarikh 6.4.1924.

58 FCP 1811 him. B37 dan FCP 1933, him. B159. Jumlah ini termasuklah negeri Selangor 85,918 hektar Perak 645,475 hektar, Negeri Sembilan 206,001 hektar dan Pahang 272,280 hektar.

59 Ibid. Jumlah ini termasuklah Selangor 48,405 hektar, Perak 43,402 hektar, Negeri Sembilan 64,416 hektar dan Pahang 30,733 hektar.

Sebenarnya masalah penggadaian dan penjualan tanah kepada bangsa asing bukanlah masalah orang Melayu sahaja. Bagi pihak British, pembelian tanah oleh pemodal-pemodal bangsa asing (iaitu yang bukan *British subject* atau di bawah perlindungan British) akan mengancam kuasa ekonomi yang dimonopoli oleh kapitalis British. Kompeni-kompeni asing dari Amerika, Jerman, Jepun dan juga Belgium tidak begitu direstui oleh pihak British. Tanah-tanah yang di luar kawasan TSM yang boleh diurusniagakan dengan bangsa asing secara bebas juga cuba disekat oleh pihak British. Setiausaha Persekutuan dalam hal ini pernah mengesyorkan kepada Pesuruhjaya Tinggi British supaya mengharamkan sebarang penjualan tanah kepada bangsa asing yang melebihi daripada dua puluh hektar.<sup>60</sup> Cadangan beliau ini telah ditentang oleh Eu Tong Sen, seorang wakil Cina dengan alasan langkah itu akan memberi tekanan kepada orang Cina yang kebanyakannya bukan *British subject* atau di bawah perlindungan British.<sup>61</sup> Walau bagaimanapun sebarang langkah lanjut ekoran daripada cadangan Setiausaha Persekutuan ini tidak diambil sebaliknya penjualan tanah di kalangan orang Melayu yang di luar daripada kawasan TSM bertambah. Keadaan ini bertambah ketara pada zaman meleset sehingga akhirnya undang-undang *Restriction of Sale* ke atas pekebun-pekebun kecil diluluskan pada tahun 1931.<sup>62</sup>

Kekurangan keluasan kawasan yang dijadikan TSM juga adalah satu perkara yang disedari oleh British sejak awal lagi. Mesyuarat Residen pada tahun 1924, secara sebulat suara telah bersetuju menambahkan lagi keluasan tanah yang sesuai untuk pertanian menjadi TSM.<sup>63</sup> Sementara itu Pesuruhjaya Tanah NMB (C.W. Harrison) di dalam laporannya kepada Setiausaha Persekutuan sekali lagi menegaskan betapa pentingnya British memikirkan soal kesesuaian tanah yang hendak dijadikan sebagai TSM.<sup>64</sup> Beliau seterusnya melahirkan rasa keraguannya tentang masa depan orang Melayu dari segi pemilikan tanah. Dengan menganggarkan penambahan penduduk Melayu sebanyak sembilan peratus setahun maka dari seramai 491,362 orang Melayu pada tahun 1921 sudah tentu tidak mencukupi dengan kawasan TSM yang seluas 538,000 hektar sahaja (kawasan yang sesuai untuk pertanian). Keadaan ini sudah tentu akan merumitkan orang Melayu pada masa hadapan; tambahan pula, jumlah kawasan yang sesuai untuk pertanian di luar kawasan simpanan berkurangan.<sup>65</sup>

Kebimbangan Harrison ini menjadi satu kenyataan bila pada tahun-tahun yang berikutnya jumlah tanah yang sesuai untuk pertanian bertambah kurang. Di Perak dan Selangor keadaan ini jelas diakibatkan kegiatan golongan kapitalis tertumpu di sini. Di Selangor jumlah tanah yang sesuai untuk pertanian dan tidak dimiliki lagi cuma tinggal sebanyak 201,345 hektar

60 CO 273/459, Memorandum Setiausaha FMS kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris Despatch No. 28, bertarikh 29.1.1917. Lihat juga Telegram dari Setiausaha Tanah Jajahan kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris bertarikh 5.2.1917.

61 Ibid. Surat Mr. Eu Tong Seng kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 2.3.1917.

62 FCP 1931 hlm. B16-22.

63 K LOF 306/1924, Minit Persidangan Residen di Kuala Lumpur bertarikh 20 dan 21.5.1924.

64 Ibid. Surat C.W. Harrison, Pesuruhjaya Tanah NMB kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 14.3.1924.

65 Ibid.

sahaja pada tahun 1930,<sup>66</sup> manakala bagi Negeri Sembilan keluasannya lebih sedikit, cuma 77,928 hektar sahaja.<sup>67</sup> Melihat pada keadaan ini sudah tentu dari segi praktiknya, dasar undang-undang ini untuk menyediakan tanah yang cukup bagi generasi orang Melayu yang akan datang tidak akan mencapai matlamatnya. Tetapi sebaliknya kegiatan kompeni-kompeni bukan-Melayu dalam penggunaan tanah semakin berkembang dan keadaan ini sudah tentu menyebabkan kawasan-kawasan tanah yang luas diperlukan. Keadaan ini memberi kesan kepada orang Melayu kerana kekurangan tanah yang sesuai untuk dijadikan TSM.

Di kalangan orang Melayu, kesan daripada perlaksanaan Undang-undang TSM ini amat sedikit. Oleh kerana sebilangan besar petani Melayu tidak memahami undang-undang itu dan juga akibat daripada desakan-desakan yang lain, maka tidak dapat tidak pencabulan terhadap undang-undang ini berlaku. Sedikit sebanyak pencabulan undang-undang ini ada kaitanya dengan kelonggaran undang-undang itu sendiri yang membolehkan orang bukan-Melayu menjalankan urusniaga dengan TSM. Walaupun undang-undang itu mengharamkan sebarang urusniaga dengan orang bukan-Melayu, tetapi keadaan di sebaliknya tetap juga berlaku oleh kerana pajakan TSM dibenarkan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun. Maka ini bererti dari segi penggunaan tanah orang bukan-Melayu masih lagi boleh menggunakan TSM. Apa yang terjadi ialah pemegang pajak hanya perlu untuk memperbaharui pajakannya setiap tiga tahun sekali kalau ia mahu terus mengerjakan tanah itu. Keadaan ini jelas berlaku di Negeri Sembilan; Residennya melaporkan bahawa kebanyakan TSM di Daerah Pantai diduduki oleh orang bukan-Melayu.<sup>68</sup>

Selain daripada itu kebanyakan TSM ini juga telah dicagarkan kepada orang bukan-Melayu. Oleh kerana kebenaran untuk menjual TSM yang dicagarkan mestilah mendapat kebenaran daripada Sultan, maka kalau ditinjau pada setiap kali mesyuarat Dewan Negeri terdapat perbincangan tentang perkara ini. Di Selangor umpamanya sepanjang tahun 1926, pada setiap kali berjalannya persidangan terdapat sekurang-kurangnya dua permohonan untuk menjual TSM yang dibincangkan. Walaupun kebenaran menjual hanyalah diberikan kepada orang Melayu sahaja, tetapi terdapat juga penjualan yang tidak terhad yang dibenarkan.<sup>69</sup>

Penguasaan TSM oleh orang bukan-Melayu selain daripada melalui pajakan, cagaran ataupun *lien*,<sup>70</sup> juga berlaku melalui PA. Melalui cara ini, tuan tanah akan menyerahkan hak serta kepentingannya di atas tanah

66. SSOP C. 218, 1920, "Acreage of unalienated land in Selangor available for cultivation", surat J. A. Hunter Acting Secretary to Resident kepada Pesuruhjaya Tanah NMB bertarikh 7.3.1930.

67. Negeri Sembilan (NS) SSOP 148, 1940, Surat A.M. Orbyburgh kepada Pesuruhjaya Tanah NMB bertarikh 26.4.1940.

68. NS SSOP 1731, 1930, Minute by Presiden Negeri Sembilan, 11.9.1930.

69. Ahad Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor, 3.7.1923, *Unrestricted Sale* diberikan kepada S.M. Muruan Pillay dan Chua Cheng Bon. Lihat juga Minit Mesyuarat pada 27 September di mana kebenaran yang sama telah diberikan kepada Rama Samy Chettiar, S.R.S. Kasi Siawana Chettiar, S.S. Veerapachchiam, K.R.K. Sarthasiwan Chettiar dan Pui Singh.

70. *Lien* adalah sara bentuk urusniaga yang seakan-akan sara dengan cagaran tetapi tidak didaftarkan. Penberi pinjaman wang akan memerlukan geran tanah sebagai jaminan dan amuk menjamin dirampas jika dia akan meminta Pejabat Tanah "mengkawenkan" tanah yang berkenaan supaya ia tidak dapat diurusniagakan oleh orang lain.

kepada orang yang menerimanya dan pemegang *PA* ini mempunyai kuasa seperti yang dipersetujui di dalam surat perjanjian. Selalunya *PA* ini dibuat untuk menyelesaikan hutang ataupun untuk mencari keuntungan. Berasaskan satu kes di mukim Rasa, Selangor, iaitu pemberian *PA* oleh Dato Bika Leon kepada Wee Liang Joo, Residen Selangor berkesimpulan bahawa tuan tanah itu sudah tidak lagi berminat untuk mengerjakan tanahnya. Keadaan ini jelas kerana di antara syarat-syarat perjanjian itu ada yang memberi kebenaran kepada pemegang *PA* untuk menjual tanah itu.<sup>71</sup> Oleh kerana undang-undang TSM tidak mengharamkan sebarang pendaftaran bagi pajakan atau *PA*, maka untuk menjamin urusniaga itu pajakan atau *PA* didaftarkan di Pejabat Tanah. Keadaan ini menunjukkan bahawa dasar untuk menghalang penguasaan orang bukan-Melayu ke atas TSM tidak dapat berjalan dengan sempurna, malahan hak orang bukan-Melayu melalui pajakan atau *PA* pula dijamin melalui pendaftaran.

Berhubung dengan urusniaga TSM ini, satu perkara lagi yang timbul ialah kerana tidak cekapnya kerajaan British mengendali dan melaksanakan undang-undang itu. Kerajaan British dalam proses menentukan satu-satu bidang tanah itu sebagai TSM terpaksalah memeterikan cop di atas geran tanah. Dalam keadaan ini terdapat kegagalan kerajaan British untuk mengecopkan geran tanah itu dengan perkataan MALAY RESERVATION. Kegagalan ini telah menyebabkan satu kes berlaku di Port Dickson di mana mahkamah telah mengarahkan penjualan tanah yang di dalam kawasan TSM kepada orang bukan-Melayu.<sup>72</sup>

Pada keseluruhannya cara orang bukan-Melayu menguasai TSM berlaku dalam dua bentuk. Pertamanya ialah dengan menduduki tanah itu sendiri dan keduanya melalui pemberian hutang. Bentuk yang pertama berlaku melalui pajakan ataupun pemberian *PA* dan bentuk yang kedua ialah melalui cagaran ataupun *lien*. Melalui bentuk yang pertama sudah tentu pemegang kedua-dua urusniaga jenis ini boleh tinggal serta mengusahakan tanah itu secara bebas. Manakala melalui cara kedua lambat-laun akibat hutang yang banyak, maka tanah itu akhirnya dapat dikuasai melalui *PA*. Keadaan ini disedari oleh British. Namun langkah untuk mengatasi masalah ini tidak diambil secepat mungkin sehingga pada tahun 1933 apabila satu undang-undang TSM yang baru digubal.

Satu lagi bentuk penguasaan orang bukan-Melayu ke atas TSM ialah melalui cara "Ali Baba"<sup>73</sup> atau dengan menggunakan nama orang Melayu

71 NS SOF, 1731/1930, Memorandum by District Officer, Kuala Pilah, 18.11.1930. Untuk contoh lain tentang urusniaga secara ini lihat K 1 OF 155/32, surat Pegawai Daerah Hilir kepada Residen, 11.12.1931.

72 Satu kes berlaku di Port Dickson di mana tanah kepunyaan Selleh bin Abas telah diarah jual oleh mahkamah untuk menjelaskan hutang kepada S.M.R.M. Veerappa Chettiar. Tanah itu adalah TSM tetapi mahkamah tidak mengetahuinya kerana geran tanah itu tidak dicop dengan "MALAY RESERVATION". Tanah itu kemudiannya dilelongkan dan dibeli oleh M.V.R.M. Ramanathan Chettiar dengan harga \$260 dan segala pertukaran hakmilik dibuat. Kemudian Pendaftar Hakmilik mendapati tanah itu adalah kawasan TSM dan membawa perkara ini ke mahkamah. Hakim J. Borton membuat keputusan M.V.R.M. Ramanathan Chettiar merupakan pembeli *bona fide*, dan ini adalah kesalahan Pemangku Hasil Tanah. NS SOF 1663/1930, Judgement of Burton J., Judge FMS, bertarikh 13.3.1931.

73 Orang Melayu yang namanya sanggup digunakan untuk membeli tanah bagi orang bukan-Melayu seluruhnya dikenali sebagai "Ali Baba" (*Malay dummy*). Oleh kerana pendaftaran hakmilik ditulis nama Melayu sebagai tuannya, maka satu surat hutang akan dibuat di antara Ali Baba dengan orang bukan-

yang diupah. Maka walaupun hakmilik sesuatu TSM itu atas nama Melayu, dari segi penguasaannya tetap di tangan orang bukan-Melayu. Oleh yang demikian walaupun seksyen sembilan dan sepuluh mengharamkan penjualan TSM kepada orang bukan-Melayu, dari segi amalan orang bukan-Melayu masih mempunyai kuasa.

Perihal penguasaan TSM oleh orang bukan-Melayu ini juga berlaku kepada TSM yang belum diberikan hakmilik lagi. Ini dilakukan oleh kerajaan sendiri melalui pemberian Lesen Tumpangan Sementara. Lesen-lesen ini dikeluarkan dengan banyaknya bukan hanya kepada orang Melayu bahkan juga kepada orang bukan-Melayu. Kalau dilihat keadaan di seluruh NMB, pada tahun 1930 terdapat seluas 520 hektar<sup>74</sup> TSM yang diduduki oleh orang bukan-Melayu melalui cara ini. Keadaan ini tidak pernah disekat oleh British kerana ia merupakan sebahagian daripada hasil pendapatan kerajaan.

Disebabkan oleh urusniaga yang masih boleh dijalankan lagi di antara orang Melayu dengan orang bukan-Melayu inilah maka walaupun orang Melayu diintukkan kawasan khas, mereka masih juga tidak dapat mengelakkan bebanan hutang yang memaksa mereka menggunakan tanah sebagai jaminan yang akhirnya menyebabkan mereka kehilangan hakmilik tanah. Pada tahun 1931, mengikut satu laporan yang dikeluarkan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan khas bagi mengkaji tentang bantuan kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil, didapati di antara negeri-negeri yang banyak sekali terdapat hutangnya melalui cagar atau *lien* dengan menggunakan TSM ialah negeri Perak, iaitu sebanyak \$2,576,000. Ini diikuti dengan negeri Selangor \$1,227,000, Negeri Sembilan, \$1,040,000 dan Pahang sebanyak \$77,200.<sup>75</sup>

Jumlah hutang dengan menggunakan TSM ini berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun 1934, tetapi kadarnya adalah sedikit dan kekurangan itu adalah disebabkan tanah-tanah itu sudah berpindah milik. Mengikut daftar hutang dengan menggunakan TSM pada tahun 1934, jelas kebanyakan hutang itu dibuat dengan orang India, iaitu sebanyak 51.62 peratus dan dengan orang Cina sebanyak 38.73 peratus. Sebanyak 10 peratus lagi adalah hutang pada kerajaan, orang Melayu dan bangsa-bangsa lain. Data lengkapnya seperti dalam Jadual II:

Melihat pada Jadual II, sudah tentu dapat digambarkan betapa terhimpitnya kehidupan orang Melayu dengan jumlah hutang yang hampir \$4 juta. Ini bermakna dari seramai 443,618 penduduk Melayu di NMB pada masa itu, hutang purata bagi seorang Melayu ialah \$9. Hutang yang banyak ini sudah tentu sukar untuk dijelaskan dan jalan akhir yang diambil ialah dengan menjual tanah-tanah itu. Keadaan ini kalau dibiarkan tentulah akan membawa akibat buruk kepada orang Melayu memandangkan peratus tanah

Melayu untuk mengikat Ah Baba daripada mempu. Keadaan ini dijelaskan oleh Pemungut Hasil Tanah Jelebu. Lihat NS SOF 1731/1930, Memorandum Pemungut Hasil Tanah Jelebu, bertarikh 30.11.1930.

74 S SOF G 1195/1930, "Statistics Relating to Land in The Federated Malay States". Surat H C. Ekhardi, Pesuruhjaya Tanah NMB kepada Residen Selangor bertarikh 11.3.1930.

75 NS SOF 1441/1931, "Indebtedness in Malay Reservation as at 31 December 1930", Report of Committee appointed to consider the question of relief of small-holder, 2.7.1931.

**JADUAL II**  
**Hutang Orang Melayu Dengan Menggunakan TSM**  
**Pada tahun 1934**

Pinjaman Kepada	NEGERI				
	Perak	Selangor	N. Sembilan	Pahang	Jumlah
Kerajaan	74,093.00	38,405.00	70,369.12	3,272.00	186,139.12
Cina	784,380.00	493,232.00	254,645.00	9,514.00	1,541,771.00
India	1,213,331.93	512,873.00	324,241.50	4,131.00	2,054,577.43
Melayu	52,288.80	12,429.00	67,979.05	1,168.00	133,864.05
Lain-lain	21,866.98	19,536.00	20,449.05	1,806.00	63,658.03
Jumlah	\$2,145,959.91	\$1,076,475.00	\$737,683.72	\$19,891.00	\$3,980,009.63

Sumber: *ICP*, 19 Mac 1934, hlm. B2.

yang dimiliki oleh orang Melayu jauh lebih kecil daripada peratus kluasan yang dimiliki oleh orang bukan-Melayu. Mengikut daftar hakmilik tahun 1931, jumlah tanah kampung dan tanah bandar yang dimiliki oleh orang Melayu cuma 312,346 hektar sahaja dan dari jumlah ini seluas 206,592 hektar adalah di dalam kawasan TSM. Manakala kluasan tanah yang dimiliki oleh orang bukan-Melayu melebihi 800,000 hektar dan dari jumlah itu sebanyak 30,366 hektar adalah TSM.<sup>76</sup> Melihat pada keadaan inilah dan dengan kesedaran tentang kelonggaran Undang-undang TSM tahun 1913 itu akhirnya undang-undang itu dipinda. Pembentukan undang-undang yang baru ini juga merupakan satu proses yang lama dan beberapa orang pegawai British terlebih dahulu terpaksa menjalankan kajian berhubung dengan masalah ini.

#### Undang-undang TSM Tahun 1933

Sejak tahun 1920 lagi masalah *PA* yang diberikan kepada orang bukan-Melayu bagi TSM sudah dibincangkan. Dewan Undangan Negeri Selangor pada tahun 1920 pernah mencadangkan supaya ditambah beberapa seksyen lagi dalam Undang-undang TSM tahun 1913 untuk menghalang orang bukan-Melayu daripada menduduki TSM.<sup>77</sup> Tetapi cadangan itu tidak pernah dibincangkan secara serius dan Setiausaha Persekutuan pula tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana bagi beliau walau apa undang-undang pun dibuat seseorang itu tetap akan mencari jalan untuk melanggarnya.

Lima tahun kemudiannya Dewan Undangan Negeri Perak membangkitkan masalah yang sama. Mesyuarat pada Julai 1925 membincangkan cadangan untuk menghalang pajakan dan cagaran bagi TSM kepada orang bukan-Melayu. Cadangan ini juga tidak dipersebutui oleh Setiausaha Persekutuan dan setelah dibuat pengundian, lapan orang ahli termasuk Sultan dan Residen tidak menyetujui untuk menghalang pajakan dan cagaran sedangkan lima orang ahli lain menyokong.<sup>78</sup> Pada tahun 1927, sekali lagi Dewan

76 S SOF G 1195/1930, "Statistics Relating to Land in The Federated Malay States", op. cit.

77 S SOF 2164/1930, Precise of connected Papers by J.S. Macpherson bertarikh 6.10.1930.

78 Ming Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perak, Julai 1925.

Undangan Negeri Selangor membincangkan soal untuk mengadakan perubahan ke atas Undang-undang TSM 1913. Mesyuarat pada 30 Oktober 1927, secara sebulat suara bersetuju untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya dibuat pindaan terhadap Undang-undang TSM 1913 bagi menghalang orang bukan-Melayu daripada mendapatkan sebarang kepentingan di atas TSM.<sup>79</sup> Resolusi yang dicapai di Selangor ini kemudiannya dihantar ke Negeri Sembilan pula untuk dibincangkan. Tetapi Residen Negeri Sembilan berpendapat bahawa penyelesaian masalah kehilangan hakmilik ini tidak mungkin dicapai melalui undang-undang; yang lebih penting ialah perubahan sikap serta kebijaksanaan di kalangan orang Melayu sendiri.<sup>80</sup>

Sementara itu di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan buat pertama kalinya seorang wakil Melayu, Dato Penghulu Undang Rembau, membangkitkan perkara ini. Dalam ucapan sulungnya beliau menegaskan betapa pentingnya kerajaan memperbanyak kawasan TSM jika nasib orang Melayu di masa hadapan hendak dijamin. Ini perlu, kata beliau, kerana apabila orang Melayu sudah mempunyai modal dan pengetahuan, maka secara individu atau kolektif mereka dapat mengusahakan ladang-ladang yang besar.<sup>81</sup>

Tindakan pertama yang dibuat oleh kerajaan terhadap pindaan undang-undang ini dijalankan pada tahun 1930 apabila Pesuruhjaya Tanah mencadangkan supaya kepentingan hak orang bukan-Melayu di atas TSM tidak boleh dijamin melalui pendaftaran.<sup>82</sup> Cadangan beliau ini kebanyakannya disokong oleh pegawai British walaupun terdapat juga tentangan dari setengah-setengah Pegawai Daerah dan Pemungut Hasil Tanah Negeri. Bagi Pemungut Hasil Tanah Jelebu, tindakan itu dipercayai akan menghalang kemasukan modal luar.<sup>83</sup> Pegawai Daerah Tampin juga tidak begitu bersetuju dengan cadangan Pesuruhjaya Tanah itu kerana kerajaan sudah banyak mengadakan langkah-langkah keselamatan bagi orang Melayu sehingga telah menggugat kedudukan bangsa lain.<sup>84</sup> Tetapi Pegawai Daerah Kuala Pilah bersetuju untuk menghalang pendaftaran kerana beliau meragui sekiranya orang Melayu terus asyik menikmati kesenangan melalui urusniaga yang merugikan, kemungkinan pada satu hari nanti orang Melayu tidak bertanah. Bagi beliau orang Melayu bukan sahaja sekadar memiliki tetapi juga mesti mengerjakan tanah mereka.<sup>85</sup>

Manakala bagi negeri Perak, Residennya melaporkan bahawa dalam persidangan Pegawai Daerah dan Ketua-ketua Kampung pada 24 April 1930, keputusan telah diambil untuk meminda seksyen 8 Undang-undang TSM 1913 untuk mengharamkan pajakan TSM kepada orang bukan-Melayu.<sup>86</sup> Keputusan dari Perak ini tidak begitu dipersetujui oleh H.C. Ekhardt yang pada masa itu menjadi Pesuruhjaya Tanah. Oleh kerana pengharaman pen-

79 Minit Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor, 13.10.1927.

80 Port Dickson (PD) LOF 479/1928, Minute by Resident Negeri Sembilan 16.6.1928.

81 FCP 1927 hlm. B99.

82 NS SOF 1731/1930, Memorandum yang dihantar kepada setiap Residen oleh Pesuruhjaya Tanah bertarikh 9.9.1930.

83 Ibid., Memorandum Pemungut Hasil Tanah Jelebu bertarikh 30.10.1930.

84 Ibid., surat Pegawai Daerah Tampin kepada Residen Negeri Sembilan bertarikh 28.10.1930.

85 Ibid., Memorandum Pegawai Daerah Kuala Pilah kepada Residen Negeri Sembilan bertarikh 18.11.1930.

86 S SOF 2164/1930, Surat W. Millington, Secretary to Resident Perak, kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 10.8.1930.

daftaran sudah mencukupi untuk menghalang pajakan atau cagaran, maka pengharaman pajakan atau cagaran tidak perlu.<sup>87</sup> Sebaliknya beliau mencadangkan supaya ditambahkan lagi keluasan kawasan TSM di tiap-tiap negeri untuk menyeimbangkan kadar hakmilik tanah di antara orang Melayu dengan orang bukan-Melayu. Langkah untuk memperbanyakkan lagi TSM ini perlu kerana kehilangan hakmilik orang Melayu bagi seluruh NMB untuk tahun 1930 sahaja dianggarkan sebanyak 2%.<sup>88</sup> Di Selangor, kadar kehilangan hakmilik tanah orang Melayu adalah tinggi. Dari tahun 1920 hingga tahun 1929 sebanyak 7,140 hektar hakmilik orang Melayu dijual kepada orang bukan-Melayu sedangkan yang dibelinya dari orang bukan-Melayu hanya sebanyak 1,391 hektar sahaja. Bagi negeri Perak, dalam jangka masa yang sama juga, penjualan tanah oleh orang Melayu kepada orang bukan-Melayu sebanyak 16,866 hektar sedangkan yang dibelinya sebanyak 6,327 hektar. Di Negeri Sembilan, sebanyak 2,264 hektar hakmilik orang Melayu dijual kepada orang bukan-Melayu dan dibelinya sebanyak 644 hektar; manakala di negeri Pahang penjualan tanah orang Melayu kepada orang bukan-Melayu sebanyak 3,450 hektar dan yang dibelinya dari orang bukan-Melayu sebanyak 1,079 hektar.<sup>89</sup> Bagi seluruh NMB, jumlah penjualan tanah oleh orang Melayu kepada orang bukan-Melayu bagi jangka masa sepuluh tahun itu ialah sebanyak 30,138 hektar sedangkan jumlah yang dibeli daripada orang bukan-Melayu hanya sebanyak 9,652 hektar.<sup>90</sup>

Melihat pada keadaan inilah maka pada akhir tahun 1930 satu jawatan-kuasa khas dibentuk untuk mengkaji dan menyediakan laporan berkenaan dengan TSM.<sup>91</sup> Setelah setahun menjalankan kajian maka pada akhir tahun 1931 satu laporan dikeluarkan yang mengandungi masalah-masalah pengendalian Undang-undang TSM serta cadangan-cadangan yang dianggap munasabah. Untuk menghalang orang Melayu daripada menjual tanahnya jawatankuasa ini berpendapat bahawa kemudahan pinjaman harus disediakan untuk orang Melayu. Dengan mengharamkan pendaftaran cagaran, *lien* atau lain-lain urusniaga, kerajaan mestilah membernarkan cagaran kepada Syarikat Kerjasama, kompeni-kompeni Melayu atau kerajaan sendiri.<sup>92</sup> Di samping itu jawatankuasa juga mencadangkan supaya kadar yang sama bagi tanah yang boleh ditanam dalam kawasan TSM dengan tanah di luar kawasan TSM mesti dibuat.

87 Ibid.

88 S SOF G 1195/1930, "An Ultimate Reservation Policy" oleh H.C. Ekhardt, Pesuruhjaya Tanah NMB bertarikh 28.2.1931.

89 Ibid. Lihat surat-surat dari Pegawai Daerah Kelang kepada Residen Selangor bertarikh 9.10.1930, Pegawai Daerah Ulu Langat kepada Residen Selangor bertarikh 16.10.1930, Pegawai Daerah Ulu Selangor kepada Residen Selangor bertarikh 23.12.1930, Pemungut Hasil Tanah Kuala Lumpur kepada Residen bertarikh 14.10.1930.

90 S SOF G 1195/1930, "An Ultimate Reservation Policy" oleh H.C. Ekhardt, Pesuruhjaya Tanah bertarikh 28.2.1931.

91 Jawatankuasa ini ditubuhkan pada akhir tahun 1930 dan hanya sempat mengadakan dua kali mesyuarat sahaja. Ia dianggotai oleh tiga orang Melayu iaitu Rja Uda, Osman Dahat dan M. Nordin dan tujuh orang pegawai Inggeris terdiri daripada H.C. Ekhardt (Pengerusi), W.E. Pepys, R. Irrine, J.E. Kempe, H. North Hunt dan A.T. Newboult. PD LOF 107/1931, Surat Penasihat Undang-undang NMB W.S. Gibson kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 22.12.1931. Satu laporan yang bertajuk "Report of the Malay Reservation Committee" bertarikh 21.12.1931 telah dikeluarkan.

92 Report of The Malay Reservation Committee, hlm. 1-2.

Masalah pokok yang dibincangkan oleh jawatankuasa ini ialah tentang kepentingan hak orang bukan-Melayu ke atas TSM. Dalam perkara ini terdapat dua bentuk kepentingan iaitu kepentingan kekal dan kepentingan tidak kekal. Kepentingan kekal ialah melalui cara *PA* atau pajakan manakala kepentingan tidak kekal ialah melalui cagaran atau *lien*, dan kedua-dua kepentingan ini wujud akibat daripada berhutang. Berhubung dengan kepentingan kekal, jawatankuasa mengesyorkan supaya Undang-undang tahun 1913 diubahsuai untuk mengharamkan pajakan dan *PA*, tetapi sebaliknya cagaran dan *lien* harus diharamkan.<sup>93</sup> Seterusnya dalam usaha untuk menjamin hakmilik tanah orang Melayu, jawatankuasa berpendapat supaya kawasan Hutan Simpanan seluas satu perempat daripada NMB itu dikeluarkan dan diberi hakmilik.<sup>94</sup>

Laporan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa ini telah mendapat banyak tentangan daripada pegawai British. T.S. Adam, Residen Selangor, tidak bersetuju untuk menyeimbangkan kadar tanah yang boleh ditanam bagi TSM dengan kawasan di luar TSM, tetapi beliau bersetuju jika sekiranya tanah yang bukan Hutan Simpanan yang belum dimiliki lagi dijadikan TSM.<sup>95</sup> Di Pahang, Pegawai Daerah Raub (J. Falconer), Pegawai Daerah Kuantan (J. Huggin), Pegawai Daerah Pekan (I.W. Bleloch), Pegawai Daerah Lipis, (H. North Hunt) dan Pegawai Daerah Temerloh (J.J. Sheehan), kesemuanya tidak bersetuju untuk mengadakan kemudahan pinjaman kepada orang Melayu. Mereka berpendapat bahawa kemudahan itu tidak dapat dipergunakan oleh orang Melayu dengan sepenuhnya. Pendapat mereka ini juga disebabkan masalah kehilangan hakmilik orang Melayu di Pahang tidak begitu membimbangkan.<sup>96</sup>

Manakala Residen Perak pula berpendapat bahawa penambahan keluasan TSM tidak seharusnya didasarkan kepada jumlah hektarnya tetapi mestilah juga didasarkan kepada jangkaan pertambahan penduduk bagi masa akan datang.<sup>97</sup> Di Perak juga laporan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa ini banyak mendapat tentangan. J.D. Smith, Pegawai Daerah Krian, tidak bersetuju untuk membenarkan cagaran kepada Syarikat Kerjasama atau Kompeni Melayu kerana badan-badan ini tidak boleh mengusahakan tanah.<sup>98</sup> Tetapi Ketua Penolong Pegawai Daerah Kinta pula menyokong supaya cagaran atau *lien* diharamkan.<sup>99</sup>

Segala laporan ini kemudiannya dihantar kepada E.B. William, Pesuruhjaya Tanah NMB yang menggantikan H.C. Ekhardt. William tidak bersetuju untuk membenarkan pendaftaran cagaran atau *lien* bagi TSM, dengan alasan orang Melayu tidak akan menggunakan wang itu dengan cara yang ekonomik. Beliau juga tidak bersetuju TSM boleh diarah untuk dijual bagi

93 Ibid., hlm. 3.

94 Ibid., hlm. 6.

95 SOF 2164/1930, Memorandum Residen Selangor T.S. Adam berkenaan Laporan komiti, bertarikh 10.7.1932.

96 Ibid., lihat surat-surat mereka yang dihantar kepada Residen Pahang: J. Falconer 23.4.1932; J. Huggin 13.5.1932; I.W. Bleloch 26.5.1932; H. North Hunt 8.6.1932 dan J.J. Sheehan 27.8.1932.

97 PD LOF 107/1931. Extract from the draft minute of the 19th Conference of Residents, held at King's House on Monday the 14th March and continued at Carcosa on Tuesday the 15th March 1932.

98 K LOF 322/32, Memorandum oleh Pegawai Daerah Krian J.D.N. Smith bertarikh 29.3.1932.

99 Ibid., Memorandum Ketua Penolong Pegawai Daerah Krian bertarikh 14.4.1932.

melaksanakan perintah Mahkamah atau dipegang oleh Pemegang Kuasa (Official Assignee) jika sekiranya tuan tanah diisyiharkan bankrap.<sup>100</sup>

Hasil daripada laporan dan pandangan yang dikeluarkan oleh pegawai-pejawat British inilah maka pada awal tahun 1933 satu draf Undang-undang TSM yang baru dikeluarkan oleh Penasihat Undang-undang bagi menggantikan Undang-undang tahun 1913. Setelah dibincangkan di Majlis Mesyuarat Persekutuan dan dengan sedikit pindaan, akhirnya undang-undang ini diluluskan sebagai Enakmen No. 30 tahun 1933.<sup>101</sup>

Undang-undang TSM tahun 1933 ini mempunyai dua puluh satu seksyen kesemuanya. Antara lain seksyen-seksyen yang penting ialah seksyen 8 hingga seksyen 19. Seksyen-seksyen lain lebih merupakan salinan daripada Undang-undang tahun 1913. Seksyen 8 tidak memberarkan TSM dipajak, dicagar, dipindah milik atau dilakukan sebarang urusniaga dengan orang bukan-Melayu yang bertentangan dengan undang-undang TSM. Seksyen 9 tidak memberarkan *PA* didaftarkan dan pemegang *PA* adalah tidak sah. Seksyen 9 ini diperketatkan melalui seksyen 12 dan 13. Seksyen 12 tidak memberarkan TSM dipegang oleh Pemegang Kuasa (Amanah) dan seksyen 13 tidak memberarkan TSM digunakan untuk melaksanakan sebarang perintah mahkamah. Seksyen 10 dan 11 berhubung dengan *lien*. *Lien* diharamkan dan tidak boleh dicaveat. Seksyen 14 dan 15 adalah berhubung dengan surat tauliah bagi TSM. Surat tauliah tidak boleh dipegang oleh orang bukan-Melayu. Sebarang urusan pendaftaran pindah milik tanah, sekiranya tuan tanah ingin mewakilkan kepada orang lain, maka wakil itu mestilah orang Melayu; ini dijelaskan oleh seksyen 18.

Berhubung dengan masalah untuk mendapatkan pinjaman, seksyen 17 memberarkan TSM dicagar kepada kerajaan atau Syarikat Kerjasama yang berdaftar. Cagaran kepada badan-badan ini hanya boleh dilakukan apabila mendapat kebenaran daripada Residen. Manakala seksyen 19 pula menjelaskan sekali lagi jika sekiranya terdapat sebarang pelanggaran undang-undang, tindakan tidak boleh diambil dan sebarang bayaran yang terlibat tidak boleh diperolehi kembali.

Melihat pada keseluruhan seksyen-seksyen dalam undang-undang yang baru ini, tidak terdapat sebarang hukuman yang dikenakan ke atas sesiapa yang melanggar undang-undang itu. Dalam keadaan ini orang Melayu lebih terselamat kerana jika sekiranya terdapat sebarang penipuan maka perkara ini tidak boleh dibawa ke mahkamah. Bagi orang bukan-Melayu oleh kerana kepentingan mereka tidak dijamin, maka jika mereka mahu juga untuk menjalankan urusniaga yang tidak dibenarkan secara tersendirinya mereka melanggar undang-undang dan dengan itu segala kepentingan mereka tidak dijamin. Kemudiannya dibuat sedikit pindaan terhadap seksyen 12 dan 13 bagi membolehkan urusniaga yang dilakukan sebelum undang-undang ini dikuatkuasakan dan dibawa ke mahkamah jika terdapat sebarang kes.

100 S SOF G 2164/1930, Laporan Pesuruhjaya Tanah NMB, E.B. Williams kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 23.8.1932.

101 Draf undang-undang ini boleh didapati Ulu Selangor DCF 458/1933, surat Penasihat Undang-undang NMB, E.B. William, kepada Setiausaha Kerajaan bertarikh 15.5.1933. Untuk mendapat detail tentang perbincangan berkaitan dengan undang-undang tahun 1933 ini lihat FCP tahun 1933 hlm. B134–137 dan B161–169.

## Penilaian

Pada keseluruhannya Undang-undang TSM ini mempunyai dua objektif penting. Pertamanya ialah untuk menyekat sebarang perundingan terhadap TSM sebagai satu barang perniagaan. Keduanya ialah untuk menyelamatkan orang Melayu daripada dibebani hutang yang banyak yang terlalu sukar bagi mereka menjelaskannya. Hutang yang banyak ini biasanya berakhir dengan kehilangan hakmilik orang Melayu sendiri.

Walaupun kedua-dua undang-undang TSM mempunyai seksyen-seksyenya yang konkrit, dengan adanya Seksyen 4, maka Tanah Simpanan Melayu tidaklah semestinya kekal kepada orang Melayu untuk selama-lamanya. Keadaan ini berlaku terutamanya apabila diketahui ada tanah simpanan yang mengandungi hasil bijih timah dengan banyaknya.

Sebelum tahun 1930-an, walaupun diketahui Tanah Simpanan Melayu mempunyai bijih yang banyak, tanah-tanah itu tidak dikeluarkan daripada Kawasan Simpanan Melayu kecuali dengan alasan yang kuat. Bagi tahun-tahun selepas 1930-an dasar British terhadap TSM yang mempunyai bijih ini berubah. Perubahan dasar ini adalah diakibatkan desakan daripada pemodal-pemodal British sendiri yang pada masa itu menguasai sebahagian besar perlombongan. *Senior Warden of Mines* membuat jangkaan bijih timah empat belas tahun sahaja lagi.<sup>102</sup> Dengan ini secara langsung menyebabkan Kerajaan British serba salah sehingga akhirnya satu laporan berkenaan dengan perlombongan dikeluarkan oleh Lewis Fermor.<sup>103</sup>

Dengan mengambil contoh tentang kegiatan perlombongan di dalam Kawasan Simpanan Masyarakat Kavirondo di Kenya,<sup>104</sup> Lewis Fermor berpendapat sekiranya Tanah Simpanan Melayu yang dimiliki mempunyai hasil bijih maka tanah itu boleh dilombong dengan membayar saguhati kepada pemiliknya.<sup>105</sup> Gagasan beliau ini tidak mendapat tentangan daripada pihak British. Kebanyakan Residen merasai kegiatan perlombongan harus diberi pertimbangan yang lain demi untuk menjamin perkembangan ekonomi Negeri-negeri Melayu.<sup>106</sup>

Laporan Fermor telah mendapat tentangan daripada Raja-raja Melayu. Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz Al-Muktassim, di dalam persidangan Durbar di Sri Menanti telah membantah gagasan Fermor.<sup>107</sup> Beliau berpendapat bahawa Fermor terlalu memihak kepada perusahaan perlombongan. Oleh kerana Fermor tidak memahami keadaan ekonomi orang Melayu maka laporan beliau itu seolah-olah mengenepikan pertanian yang merupakan tempat pergantungan ekonomi mereka. Walaupun orang Melayu yang kehilangan

102 CO 217/133, surat Pesuruhjaya Tinggi Inggeris kepada State Secretary bertarikh 2.12.1937.

103 Sir Lewis Fermor, *Report Upon the Mining Industry of Malaya*, Kuala Lumpur, 1939.

104 Ibid., hlm. 85--87. Di Kenya terdapat *Native Land Trust Ordinance No. IX of 1930*; sekiranya Native Land ini mempunyai bahan galau maka ia boleh dilombong dengan membayar saguhati kepada tuan tanah. Lihat juga C.K. Meek, *Land Law and Custom in the Colonies*, Oxford University Press, London, 1949, hlm. 85 dan 168.

105 Lewis Fermor, op. cit., hlm. 87.

106 Lihat umpannya pendapat Residen Pahang dalam NS SOF 1104/1939, Memorandum oleh Residen Pahang dalam surat Residen Pahang yang dihantar kepada Residen Negeri Sembilan bertarikh 18.11.1939.

107 Durbar Proceedings 25.11.1939 di Sri Menanti.

itu dibayar saguhati, bayaran ini sudah tentu tidak mencukupi bagi mengadakan satu perkampungan baru yang sama dengan yang asalnya. Sekiranya perkara ini berlaku, sudah tentu ia akan mengganggu penempatan orang Melayu yang sudah tetap. Sultan Perak mengakhiri ucapananya dengan meminta kerajaan British memikir tentang masa depan orang Melayu. Beliau berpendapat adalah memalukan bagi orang Melayu berpindah randah semata-mata untuk menjaga kepentingan industri perlombongan. Walaupun kerajaan mendapat hasil daripada bijih, tetapi pada masa yang sama, ia berpendapat adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menghormati maruah orang Melayu yang bukan sahaja setia kepada Kerajaan British, malah memberi kepercayaan penuh kepada pemerintah British.

Bantahan Sultan Perak ini tidak mendapat simpati daripada Kerajaan British. Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Shenton Thomas, lebih tertarik kepada gagasan Fermor. Beliau cuba mengalihkan perhatian Raja-raja Melayu dengan memberi alasan bahawa persidangan Durbar hanya untuk mendapatkan pandangan Raja-raja Melayu sahaja dan bukanlah untuk membincangkan sesuatu perkara itu secara terperinci. Dengan ini beliau tidak membuat sebarang komen atau memberi keputusan.<sup>108</sup>

Sepanjang perbincangan mengenai undang-undang TSM, British sering menonjol-nonjolkan kegiatan orang Cina dan India di negeri-negeri Melayu. Orang Cina dan India dipersalahkan kerana mereka kalah dikatakan yang menggugat hakmilik tanah orang Melayu melalui pemberian hutang dan sebagainya. Gambaran British terhadap orang Cina dan India ini seolah-olah mahu menunjukkan golongan inilah yang banyak menguasai tanah di negeri-negeri Melayu. Sebaliknya kalau dilihat pada perangkaan hakmilik tanah di negeri-negeri Melayu untuk tahun 1938, jelas bangsa Eropahlah yang banyak sekali menguasai penggunaan tanah (lihat Jadual III dan IV).

Bangsa-bangsa lain yang memiliki tanah itu terdiri daripada syarikat-syarikat dari Amerika, dan kalau ini dicampurkan dengan peratus yang dimiliki oleh orang Eropah, ia menjadikan jumlah hakmilik yang dimiliki oleh orang-orang Barat sebanyak 50.5 peratus, iaitu lebih separuh daripada jumlah keseluruhan tanah itu.

Penilaian terhadap TSM ini harus juga dilihat dari segi kesan perlaksanaan undang-undang itu. Seperti yang dijelaskan, Undang-undang TSM ini dibuat untuk menjamin hakmilik tanah orang Melayu supaya tetap kekal di tangan orang Melayu sehingga ke anak cucunya nanti; dalam erti kata yang lain, bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang khas bagi orang Melayu. Tetapi di dalam usaha menyimpan dan mewartakan tanah menjadi TSM, British tidak begitu mementingkan kesuburan tanah itu untuk dimajukan oleh orang Melayu nanti. Kebanyakan tanah yang disimpan terdiri daripada kawasan-kawasan hutan, yang bergunung-ganang atau kawasan-kawasan paya.

Walaupun kerajaan British menyedari tentang hakikat betapa kurangnya tanah yang sesuai dijadikan kawasan simpanan, sebarang langkah yang tegas

<sup>108</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>109</sup> Ibid., hlm. 4.

### JADUAL III

**Hakmilik Tanah Pertanian dan Perlombongan Mengikut Bangsa di NMB, 1.1.1938 (Dalam Hektar)**

Negeri	Eropah	Melayu	Cina	India	Laik-lain	Jumlah
Perak	126,338	143,253	68,764	29,327	58,844	426,526
Selangor	168,764	66,553	52,051	24,032	3,648	315,048
Negeri Sembilan	122,076	46,755	30,188	13,941	4,267	217,227
Jumlah	417,178	256,561	151,003	67,300	66,759	958,801

### JADUAL IV

**Hakmilik Tanah Pertanian dan Perlombongan Mengikut Bangsa di NMB 1.1.1938 (Dalam Peratus)**  
**Dipadankan Dari Jadual Di Atas**

Negeri	Eropah	Melayu	Cina	India	Laik-lain	Jumlah
Perak	29.6	33.6	16.1	6.9	13.8	100
Selangor	53.6	21.1	16.5	7.6	1.2	100
Negeri Sembilan	56.2	21.5	13.9	6.4	2.0	100

Sumber: FCP, 29.11.1938, him. B79. Data untuk Pahang tidak diberi di dalam sumber ini.

untuk mengatasi masalah ini tidak diambil. Sebenarnya masalah untuk mencari kawasan yang sesuai bagi pertanian adalah tanggungjawab Pejabat Daerah. Pegawai Daerahlah merupakan orang yang mengetahui tentang masalah tanah di daerahnya. Dengan itu sebahagian besar dari pembentukan Tanah Simpanan Melayu ini terletak pada budibicara Pegawai Daerah. Oleh kerana setiap Pejabat Daerah dibebani tugas-tugas lain maka, soal TSM ini tidak diberi keutamaan.

Keadaan ini sudah tentu lebih ketara lagi apabila kurangnya keterlibatan orang Melayu sendiri dalam sebarang perlaksanaan dasar undang-undang itu. Penghulu-penghulu atau ketua-ketua kampung jarang diminta untuk memberi pandangan mereka sebelum sesuatu kawasan itu dijadikan TSM.<sup>110</sup> Sebaliknya keterlibatan orang bukan-Melayu, tegasnya pegawai British sendiri, amat jelas. Di dalam Dewan Undangan Negeri dan juga Majlis Mesyuarat Persekutuan, wakil-wakil British dan Cina yang mempunyai kepentingan ekonomi sering mengeluarkan buah fikiran mereka apabila satu-satu kawasan itu hendak dijadikan tanah simpanan.

Walaupun orang Melayu pernah membuat beberapa bantahan kepada British berhubung dengan TSM, segala bantahan itu tidak pernah

<sup>110</sup> Di Perakumpamanya, Penghulu-penghulu tidak pernah diminta untuk mengeluarkan pendapat mereka dalam sebarang usul berkenaan dengan pembentukan TSM. Walaupun pada tahun 1929 British cuba mengubah dasarnya dengan meminta pandangan dari Penghulu, tetapi keadaannya sama kerana pendapat penghulu itu selalu tidak diterima. Lihat Setiawan DOF 501/1929, Persidangan Pegawai Daerah dan Ketua-ketua bertarikh 14.12.1929.

diperhiraukan olehnya. Di Perak, umpamanya, pada tahun 1920, para penghulu ada membuat bantahan kepada kerajaan British berkenaan dengan pemajakan TSM. Kebanyakan orang Melayu di dalam kawasan Simpanan Melayu di Hilir Perak telah memajakkan tanah mereka kepada orang Cina lebih daripada tiga tahun dan akhirnya mereka terpaksa menjadi buruh di atas tanah mereka sendiri.<sup>111</sup> Walau bagaimanapun Residen British tidak mengambil sebarang tindakan; sebaliknya menegaskan bahawa Undang-undang TSM itu sudah cukup bagi menyekat pemindahan hakmilik, dan beliau berpendapat bahawa pajakan itu tidak akan merugikan kedua belah pihak.<sup>112</sup>

Begitu juga dengan satu surat rayuan yang dihantar oleh seorang Melayu di Selangor. Haji Abdul Majid bin Dato Penghulu Kari, Imam Kampung Bukit Arang, Damansara, telah menghantar surat rayuan kepada Residen Selangor supaya membuat sesuatu terhadap kegiatan penjualan tanah oleh orang Melayu di kampungnya.<sup>113</sup> Kampung Bukit Arang adalah kampung Melayu dan dianggarkan mempunyai seluas 120 hingga 160 hektar tanah pertanian. Orang Melayu di kampung itu telah didatangi oleh broker tanah yang menjadi agen kepada kompeni asing. Mereka telah ditawarkan harga yang lumayan supaya menjual tanah. Melihat pada keadaan inilah maka Haji Abdul Majid, mewakili kebanyakan orang Melayu di kampung itu telah menghantar surat kepada Residen Selangor meminta supaya diambil tindakan terhadap broker tanah. Sekiranya tindakan tidak diambil maka orang Melayu akan menjadi bangsa yang tidak berumahtangga. Antara lain beliau berkata bahawa kampung-kampung akan menjadi terpencil dan tanah akan bertukar milik kepada pedagang-pedagang. Dengan itu anak-anak negeri Selangor terpaksa mencari tempat tinggal di mana-mana ceruk rantaui bumi. Oleh itu nasib mereka samalah seperti Bangsa-bangsa Yang Tidak Berumah di dunia ini dan apabila nasib malang itu menimpah orang-orang Melayu, maka tiada ubat yang dapat menyembuhkan penyakit itu.

Walaupun rayuan yang sedemikian rupa dibuat, Residen Selangor tidak mengambil apa-apa tindakan. Sebaliknya beliau memberitahu Haji Abdul Majid bahawa tanah untuk orang Melayu telah tersedia di dalam kawasan Simpanan Melayu di Segambut dan Sungai Pencala, tiga kilometer dari Bukit Arang.<sup>114</sup> Mungkin sikapnya disebabkan kawasan itu mempunyai hasil arang batu yang banyak.<sup>115</sup>

Selain daripada perlaksanaan dan dasar British berhubung dengan TSM, satu perkara lagi yang harus ditinjau ialah tentang penggunaan tanah bagi orang Melayu di dalam kawasan Simpanan Melayu. Masalah utama yang dihadapi oleh petani Melayu di dalam kawasan Simpanan ialah kemudahan

111 S SOF 4859/1919, Surat Orang Kaya Mahakurnia Indera Diraja kepada Residen Perak bertarikh 19.1.1927.

112 Ibid., Copy of Minute by Presiden Perak, 14.5.1920.

113 S SOF 738/1927, Surat Imam Haji Abdul Majid kepada Residen Selangor bertarikh 27.1.1927.

114 Ibid.

115 Ibid., Surat Acting Secretary to Resident Selangor kepada Haji Abdul Majid bertarikh 11.12.1927.

116 Dari tahun 1915 hingga akhir tahun 1937 terdapat banyak arang batu yang dilombong di kawasan ini oleh Malayan Collieries Ltd. iaitu sebanyak 8 juta ton. Lihat *Report on the FMS 1937*, Govt. Press, Kuala Lumpur, 1938, hlm. 23.

pinjaman. Oleh kerana peluang untuk menggunakan tanah sebagai cagaran bagi mendapatkan pinjaman tidak banyak, maka petani Melayu hanyalah bergantung kepada kerajaan ataupun peminjam Melayu sahaja. Peminjam Melayu ini amatlah kurang, terutamanya bagi kawasan-kawasan pedalaman; maka ini menyekat kemudahan modal untuk penggunaan tanah bagi petani Melayu.<sup>117</sup>

Sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas TSM ini menyebabkan nilai tanah itu jatuh. Dengan kejatuhan nilai, maka cagaran kepada badan-badan yang dibenarkan sudah tentu rendah dan pinjaman yang boleh dibuat sedikit. Dengan ini dari segi kemajuan penggunaan tanah, sudah tentu tanah di luar kawasan simpanan lebih mudah untuk mendapatkan pinjaman berbanding dengan tanah dalam kawasan simpanan.

Secara keseluruhannya, orang Melayu di dalam kawasan Simpanan Melayu seolah-olah hidup dalam satu kawasan larangan: mereka dilarang menggunakan tanah sendiri bagi mendapatkan modal secara bebas. Jadi secara langsung orang Melayu di dalam kawasan simpanan tidak diberi galakan untuk memajukan tanah mereka. Tambahan pula British tidak pernah mengadakan sebarang kemudahan pinjaman yang khas untuk petani yang tinggal di dalam kawasan simpanan. Bagi kepentingan jangka panjang, akibat daripada nilai tanah yang rendah dan kesukaran untuk mendapatkan modal, orang Melayu di dalam kawasan simpanan menghadapi masa depan yang sukar dari segi penggunaan tanah. Orang Melayu di dalam kawasan simpanan hanya digalakkan menjalankan pertanian secara saradiri. Kesukaran untuk mendapatkan modal menyebabkan orang Melayu tidak mampu menjalankan pertanian wangi. Dengan ini orang Melayu tetap tinggal di kawasan simpanan sebagai masyarakat yang ekonominya berbentuk secukup hidup.<sup>118</sup> Berbalik kepada pelanggaran undang-undang, ini merupakan satu masalah yang tidak mungkin dapat diselesaikan. Urusniaga yang tidak sah masih boleh dilakukan secara pakatan, umpamanya melalui cara "ALI BABA". Urusniaga secara ini banyak dilakukan oleh orang Melayu dengan orang bukan-Melayu dan sebab itulah didapati ramai orang bukan-Melayu yang mengerjakan TSM.<sup>119</sup>

Istilah "Melayu" di dalam undang-undang itu sendiri boleh dipersoalkan lagi. Istilah "Melayu" hanya melibatkan orang Melayu yang beragama Islam, tetapi tidak melibatkan orang Islam lain yang bukan-Melayu. Dalam ke-

117 Voon Phin-Keong, "Rural Land Ownership and Development in the Malay Reservation of Peninsular Malaysia", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 14, No. 4, Mac 1977, hlm. 508—510.

118 Satu kajian pernah dijalankan oleh E. K. Fisk terhadap pendapatan dan pengeluaran getah di kawasan Simpanan Melayu Mukim Batang Kali, Ulu Selangor. Kajian yang dilakukan pada tahun 1959 ini jelas menunjukkan betapa tidak majunya orang Melayu di dalam kawasan TSM. Kemiskinan orang Melayu amat nyata di kawasan yang dikaji, di mana hanya 63.6 peratus sahaja daripada kawasan itu boleh mengeluarkan hasil. E. K. Fisk, *Studies in the Rural Economy of Southeast Asia*, Eastern University Press, London, 1964, hlm. 58—68.

119 Keadaan ini berlaku sehingga sekarang. Mengikut kajian Fisk, daripada 62 peratus ladang yang dipunyai oleh orang Melayu di Batang Kali sebanyak 50 peratus disewakan kepada orang Cina. (*Ibid.*, hlm. 62). Lihat juga Sanusi Osman, "Masalah Tanah Simpanan Melayu dan Pembungaan", *Dewan Masyarakat, DBP*, Kuala Lumpur, Oktober 1970, hlm. 16—19 dan Yahaya Othman, "Tanah Simpanan Melayu yang Tergadai", *Dewan Masyarakat*, Oktober 1970, hlm. 20—23. Kedua-dua artikel ini membincangkan tentang penggadaian TSM kepada orang bukan-Melayu. Di Selangor dikatakan pada tahun 1970 terdapat 600 ekar TSM yang tergadai kepada kreditor bukan-Melayu.

adaan ini orang Pakistan atau India Muslim tidak diiktiraf sebagai Melayu, tetapi mereka ini boleh menikmati faedah TSM melalui perkahwinan. Dengan mengahwini perempuan Melayu, mereka boleh menggunakan nama isteri untuk membeli TSM, dan dari segi penggunaannya terletak kepada si suami.<sup>120</sup> Dengan cara ini hasil-hasil dari TSM itu masih boleh dinikmati oleh orang bukan-Melayu. Bagi orang Pakistan dan India Muslim ini, kebanyakannya menjalankan perniagaan di sini dan sebahagian besar daripada pendapatannya dihantar pulang ke India atau Pakistan untuk menyarai keluarga mereka di sana. Jadi, sudah tentu langkah untuk mengatasi masalah ini tidak dapat diambil kerana ia dilakukan melalui cara yang sah, iaitu melalui perkahwinan.

Di samping melihat tentang kesan-kesan negatif Undang-undang Simpanan Melayu, sememangnya terdapat juga kesan-kesan yang positif. Memang tidak dapat disangkal bahawa undang-undang itu adalah satu langkah yang baik untuk menyediakan tanah bagi orang Melayu, terutama kerana TSM rendah nilainya, maka ini dapat mengurangkan minat orang bukan-Melayu terhadapnya. Dengan itu peratus penjualan TSM ini sudah tentu kurang kalau dibandingkan dengan peratus penjualan tanah di luar kawasan Simpanan. Dari segi kemajuan petani Melayu, walaupun satu kawasan yang khas disimpan untuk mereka, ia tidak dapat membantu orang Melayu menjadi petani yang maju.

---

<sup>120</sup> Raja Mohar Raja Badiozaman, op. cit., hlm. 81.

# *Akhbar, Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu*

*Abdul Latiff Abu Bakar\**

## **Akhbar Melayu dan Desentralisasi**

Kemunculan akhbar-akhbar Melayu pada suku kedua abad ke-20 telah memainkan peranan yang penting dan besar faedahnya bagi masyarakat Melayu. Ia bukan sahaja sekadar menyiaran berita atau laporan, tetapi jauh dari itu merupakan gelanggang perdebatan berhubung dengan soal-soal agama, sosial, ekonomi dan juga politik semasa iaitu yang berkaitan dengan orang Melayu. Secara umumnya, akhbar-akhbar Melayu yang diusahakan oleh orang Melayu juga merupakan tempat pengucapan orang Melayu berkenaan dengan soal "hak" terutamanya pada tahun 1930-an apabila wujudnya isu-isu "hak" yang diperjuangkan oleh orang bukan-Melayu.

Di antara tahun 1930 hingga 1940 terdapat tidak kurang daripada lapan belas buah akhbar dan majalah yang diterbitkan;<sup>1</sup> yang terpenting di antaranya ialah *Saudara*,<sup>2</sup> *Majalah Guru*,<sup>3</sup> dan *Majlis*.<sup>4</sup> Secara keseluruhan, akhbar-akhbar ini mempunyai peranan dan perjuangan yang tertentu. *Saudara* lebih mirip ke arah memperjuangkan isu agama (Kaum Muda-Kaum Tua),<sup>5</sup> *Majalah Guru* lebih bercorak pendidikan kerana ia mementingkan pelajaran pada bahasa,<sup>6</sup> manakala *Majlis* lebih bebas peranannya. Namun

\* Penulis adalah Pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

1 Untuk penerangan yang lanjut tentang perkembangan akhbar Melayu, lihat W.R. Roff, *Sejarah Suratkhabar Melayu*, Monograf Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, 1967.

2 *Saudara* diterbitkan di Pulau Pinang pada 29 Nov. 1928 di bawah pengelolaan Sayid Alwi Sayid Syeikh Al-Hadi. Pada mulanya diterbitkan pada tiap-tiap hari Sabtu, tetapi sejak tahun 1932 diterbitkan dua kali seminggu.

3 Majalah ini dikeluarkan oleh Persatuan Guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Dikeluarkan sebulan sekali bermula pada tahun 1924.

4 *Majlis* dikeluarkan di Kuala Lumpur dua kali seminggu, iaitu pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis. Keluaran pertamanya pada 17 Dis. 1931. Penerbitnya ialah Muhammad Amin Haji Mohd Yusoff iaitu tuan punya Selangor Press. Ketua pengarangnya ialah Abdul Rahim Kajai yang kemudiannya digantikan oleh Osman Kalam setelah Abdul Rahim Kajai berpindah ke *Waria Malaya*.

5 Untuk melihat perbincangan berkenaan dengan Kaum Muda-Kaum Tua, lihat W.R. Roff, "Kaum Muda-Kaum Tua Innovation and Reaction Amongst the Malays 1900-1941", dalam K.G. Tregonning (ed.) *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962.

6 Terdapat ruangan-ruangan khas untuk kanak-kanak, juga ruangan untuk bahasa yang ditulis oleh Za'ba. Pada Julai 1932 diadakan pula satu ruangan khas untuk ekonomi.

demikian kelihatan *Majlis* banyak membicarakan tentang politik. Keadaan ini disebabkan kemunculan *Majlis* bertepatan dengan perkembangan semangat kebangsaan Melayu; tambahan pula Abdul Rahim Kajai<sup>7</sup> yang menjadi Ketua Pengarangnya seorang yang berminat dalam politik. Walaupun akhbar-akhbar itu mempunyai perjuangannya yang agak berbeza, tentang soal "hak" orang Melayu, masing-masing berperanan ke arah matlamat yang sama, iaitu membela orang Melayu.

Keterlibatan akhbar dalam soal-soal pentadbiran bermula apabila akhbar-akhbar Melayu memuatkan terjemahan minit Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) untuk tatapan orang ramai. Ucapan oleh wakil-wakil Melayu di dalam MMP diberi perhatian. *Majalah Guru* mula menyiarkan minit MMP sejak tahun 1925. *Majlis dan Saudara* juga mengambil langkah yang sama. Secara tidak langsung, akhbar dapat menghubungkan masyarakat dengan soal-soal pentadbiran yang dibincangkan di dalam MMP, salah satu daripadanya ialah soal desentralisasi.<sup>8</sup>

Desentralisasi (atau 'Perubahan baru' seperti yang sering digunakan oleh akhbar-akhbar Melayu) ialah satu proses pemulangan kuasa dari Kuala Lumpur kepada kerajaan-kerajaan negeri. Menurut pendapat Mills desentralisasi melibatkan perpindahan dengan beransur-ansur pentadbiran serta kuasa kewangan dan perundangan dari Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri. Di samping itu dikekalkan kawalan yang memadai di peringkat pusat untuk menjamin keseragaman dan kestabilan kewangan di dalam sebuah negara yang berbilang empat dari segi politik, tetapi satu dari segi ekonomi.<sup>9</sup>

Dasar ini dilaksanakan setelah terdapat rasa tidak puas hati di kalangan Raja-raja Melayu tentang perjalanan Persekutuan 1896.<sup>10</sup> Seawal-awalnya langkah ke arah melaksanakan dasar ini dibuat pada tahun 1909 apabila Pesuruhjaya Tinggi British, pada masa itu Sir John Anderson, menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Dasar ini seterusnya dijalankan berperingkat-peringkat sehingga pada tahun 1930-an apabila proses memulangkan kuasa itu dipercepatkan.<sup>11</sup>

Walaupun perkara ini sudah bermula sejak awal abad ke-20 lagi,

7 Seorang wartawan Melayu yang terkenal. Lahir pada 1894 di Setapak Selangor. Sebelum menjadi Ketua Pengarang dengan *Majlis* pada 1930 pernah bekerja dengan akhbar *Saudara*. Kerjaya kewartawannya diteruskan dengan akhbar-akhbar lain seperti *Warta Melayu*, *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan lain-lain. Untuk gambaran yang lebih lanjut lihat Abdul Latiff Abu Bakar, 'Pemikiran Abdul Rahim Kajai Sebagai Seorang Wartawan Dari Tahun 1930 Hingga 1935', Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1979.

8 Bahagian mengenai desentralisasi ditulis oleh Ahmad Nazri bin Abdullah yang juga merupakan pengarang makalah mengenai Tanah Simpanan Melayu yang terdapat dalam monograf ini.

9 L.A. Mills, *British Rule in Eastern Asia: A Study of Contemporary Government and Economic Development in British Malaya and Hongkong*, London, 1942, hlm. 7.

10 Sultan Idris, Perak, telah melahirkan rasa tidak puas hatinya tentang perjalanan Persekutuan 1896 di dalam Persidangan Durbar 1903 di Kuala Lumpur. Beliau mahukan kerajaan negeri diberi kuasa mentadbir yang lebih. Lihat J.S. Sidhu, "Decentralisation of the Federated Malay states 1930—1934", *Pennajau Sejarah*, Vol. 1, No. 1, Jun 1966, hlm. 17.

11 Untuk rujukan lanjut tentang perkara ini lihat *ibid.*, dan R. Emerson, *Malaysia, Satu kajian Dalam Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974. (Terjemahan).

perbincangan-perbincangan di dalam akhbar Melayu hanya bermula pada 1930-an kerana pada masa itulah akhbar Melayu di Semenanjung lebih memberi perhatian kepada soal-soal pemerintahan.<sup>12</sup> *Majalah Guru* buat pertama kalinya menerbitkan sebuah rencana yang menyentuh tentang desentralisasi pada tahun 1929. Rencana yang bertajuk "Tanahair Kita"<sup>13</sup> karangan 'Anaknegeri' memuji langkah Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Lawrence Guillelard, yang hendak memulangkan kuasa MMP kepada Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). 'Anaknegeri' berharap dasar ini akan menaikkan darjah Negeri-negeri Melayu Bersekutu sama dengan Negeri Yang Tidak Bersekutu. Di samping itu dasar ini juga diharap dapat melatih orang Melayu untuk mentadbirkan negerinya sendiri. 'Anaknegeri' juga seterusnya mengingatkan orang Melayu bahawa orang bukan-Melayu menentang dasar ini.

Penentangan dari orang bukan-Melayu, terutamanya orang Cina, dapat dilihat melalui perdebatan di dalam MMP. Pada tahun 1925, seorang wakil bangsa Cina di dalam MMP, Choo Kia Peng, telah melahirkan kebimbangan-nya berhubung dengan dasar desentralisasi. Beliau berpendapat apabila sultan diberi kuasa dan kebebasan memerintah, kemungkinan susunan di dalam sistem perkhidmatan awam yang buat masa itu dipenuhi oleh orang Cina akan digantikan dengan orang Melayu.<sup>14</sup> Kegelisahan orang bukan-Melayu ini bukan hanya dilafazkan melalui wakil-wakil mereka di dalam MMP dan MMN, tetapi juga melalui akhbar-akhbar bahasa Inggeris seperti *Malay Mail*,<sup>15</sup> *Straits Times*,<sup>16</sup> *Malaya Tribune*<sup>17</sup> dan lain-lain.

Masalah desentralisasi ini kembali menjadi bahan utama akhbar-akhbar Melayu apabila, pada tahun 1931, Sir Cecil Clementi, Pesuruhjaya Tinggi British yang baru menggantikan Sir Hugh Clifford, cuba mempercepatkan proses tersebut. Dalam ucapannya di dalam Persidangan Durbar di Sri Menanti pada 17 Ogos 1931, beliau telah menggalurkan beberapa perubahan yang akan dilaksanakan berhubung dengan dasar desentralisasi.<sup>18</sup> Ucapan Clementi telah disiarkan sepenuhnya oleh akhbar-akhbar Melayu.<sup>19</sup>

12 Sememangnya terdapat begitu banyak sekali akhbar-akhbar Melayu yang diusahakan oleh orang Melayu, tetapi akhbar-akhbar yang lebih awal diketahui di Negeri-negeri Selat terutamanya Singapura dan Pulau Pinang. Ini disebabkan terdapatnya golongan yang berpendidikan yang terdedah dengan perkembangan surat-khabar Inggersi itu. Akhbar-akhbar yang dikeluarkan di Negeri-negeri Selat ini kurang memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berlaku di NMB. Di antara akhbar Melayu yang dimaksudkan itu ialah *Jawi Permatang* (1876), *Shamsul Kamar* (1877), *Sekolah Melayu* (1888), *Al-Ismam* (1906), *Nerucu* (1911) yang diterbitkan di Singapura. Manakala di Pulau Pinang pula terdapat akhbar-akhbar seperti *Tanjung Penegor* (1894), *Lengkungan Bulan* (1900), *Bintang Timur* (1900) dan *Tarbiyah Pengiranah* (1904).

13 'Tanahair Kita', Anaknegeri, Majalah Guru, Jun 1929.

14 MMP, 17.12.1925, hlm. B57.

15 Mula diterbitkan dalam tahun 1896 di Kuala Lumpur oleh J.H.M. Robinson salah seorang ahli dalam MMP.

16 Diterbitkan dalam tahun 1843 di Singapura.

17 Mula diterbitkan pada tahun 1914 di Singapura.

18 Di antara cadangan yang dikemukakan oleh Cecil Clementi salah-

(i) Tiga jabatan suatu Pos, Kastam dan Keretapi di bawah jagaan kerajaan pusat.

(ii) Jawatan Keousa Setiausaha akan dihapuskan.

(iii) Kerjasama yang rapat di antara NMB dengan Negeri Melayu Tak Bersekutu.

(iv) MMN akan disusun semula dan bilangan ahliya akan ditambah. Untuk mendapat gambaran yang lengkap baca *Durbar Proceedings at Sri Menanti 17 Ogos 1931*.

19 Lihat Rencana Pengarang Miquiat Guru, Sept. 1931, hlm. 175 dan Rencana Pengarang Soudure, 24.5.1931, hlm. 5. Miquiat lewat sedikit menyejukkan sahaja pada 18 Jan. 1932.

Ekoran daripada ucapan Clementi ini telah "menghangatkan" lagi perdebatan dalam akhbar. Sekali lagi kelihatan peranan akhbar Melayu sebagai forum pengucapan orang Melayu berhubung dengan isu desentralisasi. Penentangan daripada orang bukan-Melayu lebih ketara dan begitu juga dengan tindak balas orang Melayu. Perdebatan secara terbuka dapat dilihat dalam akhbar-akhbar Melayu dan Inggeris. *Malay Mail* yang merupakan forum pengucapan orang bukan-Melayu bertambah giat perannya. Manakala bagi orang Melayu pula, kemunculan akhbar *Majlis* akhir tahun 1931 menambahkan lagi forum pengucapan mereka. Seterusnya, perdebatan berkenaan isu ini bagi tahun-tahun selepas 1931 banyak terdapat dalam akhbar *Majlis*. *Majalah Guru* dan *Saudara* kurang menyiaran isu ini. Keadaan ini mungkin disebabkan *Majlis* yang dikeluarkan dua kali seminggu lebih berkesan daripada *Majalah Guru* yang hanya dikeluarkan sebulan sekali.

Dasar desentralisasi yang diperbincangkan semula di dalam MMP pada 1930-an sememangnya mendapat sokongan yang kuat daripada wakil-wakil Melayu seperti Raja Chulan<sup>20</sup> dan Datuk Abdullah Haji Dahan.<sup>21</sup> Ucapan wakil-wakil Melayu ini kemudiannya disokong pula oleh akhbar Melayu. Seringkali juga teks ucapan itu diterbitkan di dalam akhbar.

Dasar desentralisasi yang hampir terlaksana itu dianggap sebagai peluang kemajuan bagi orang Melayu akan bertambah; juga apabila MMN mempunyai kuasa yang banyak maka kedudukan anak-anak Melayu akan lebih terselamat.<sup>22</sup> Namun demikian keraguan kalau-kalau dasar itu tidak terlaksana sepenuhnya tetap dirasai oleh akhbar-akhbar Melayu memandangkan penentangan daripada orang bukan-Melayu bertambah hebat.<sup>23</sup>

Bagi orang bukan-Melayu kegelisahan mereka berhubung dengan dasar ini juga terus diperjuangkan. Mereka bimbang beberapa jabatan akan diletakkan di bawah penguasaan kerajaan negeri, maka peluang untuk mereka memegang jawatan akan hilang. Bagi mereka dasar desentralisasi ini akan menjadikan Tanah Melayu ini hanya untuk orang Melayu saja seperti mana pernah dijelaskan oleh *Malay Mail* bahawa desentralisasi lazim dikaitkan dengan gagasan "Malaya untuk orang Melayu". Seruan itu dan dengan implikasi dasar itu telah mendatangkan kesan yang merunsingkan kepada penduduk Asia bukan-Melayu yang bermastautin di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>24</sup>

Pandangan yang dikeluarkan oleh Rencana Pengarang *Malay Mail* ini disokong oleh *Malaya Tribune* yang mahukan bangsa-bangsa lain juga mendapat hak pemerintahan yang sama.<sup>25</sup> Laungan untuk mendapatkan hak

20 Anak kepada Sultan Abdullah Muhammad Syah (Sultan Perak 1874—1876), pernah menuntut di High School Melaka. Selepas tamat persekolahan memegang jawatan Pemungut Hasil Tanah di Taiping. Beliau juga dikatakan sebagai pelopor "Malay Regimen". Meninggal semasa berumur 64 tahun iaitu beberapa bulan selepas bersara dari MMP.

21 Bekas Undang Rembau, lahir pada 1900 di Rembau. Lulus Senior Cambridge dari Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Syarikat Kerjasama. Pada 25 Sept. 1922 dilantik menjadi Undang Rembau. Menjadi ahli MMP pada tahun 1972. Aktif berjuang untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu dari segi pelajaran, perjawatan dan sebagainya.

22 Rencana Pengarang, *Majlis*, 18.1.1932.

23 Rencana Pengarang, *Majlis*, 25.1.1932.

24 Rencana Pengarang, *Majlis*, 4.3.1932.

25 Pandangan *Malaya Tribune* ini dipetik oleh Rencana Pengarang *Majlis*, 18.7.1932.

yang sama di kalangan orang bukan-Melayu adalah disebabkan keimbangan Sultan dan diberi kuasa mutlak sementelahan pula akhbar-akhbar Melayu sering menitikberatkan kepentingan Raja. Sultan sebagai lambang perpaduan dan penyelamat bagi orang Melayu masih dipandang berat oleh orang Melayu sepetimana jelas *Majalah Guru*: "Tanah Melayu ini masih dipandang dan dihargai lagi oleh kerana adanya pembesar dan Raja, kalau tidak mereka yang menjadi tunggak yang menunjukkan persatuan dan pendirian Melayu, barangkali orang Melayu sekarang dipandang tak ubah seperti suatu bangsa yang tersepit dan terpijak yang bukan punya Tanah Melayu ini.<sup>26</sup> Sebaliknya di kalangan orang bukan-Melayu sistem beraja dianggap usang. Rencana Pengarangnya *Malay Mail* mengatakan bahawa zaman pemerintahan beraja secara mutlak sudah pun berlalu, dan dunia sudah berubah. Kini adalah sangat jelas yang orang-orang bukan-Melayu juga mempunyai hak-hak politik mereka.<sup>27</sup>

Segala pandangan dan hujah orang bukan-Melayu berhubung dengan isu desentralisasi ini dijawab oleh akhbar Melayu. Kemudian bila masih terdapat laungan yang berterusan daripada orang bukan-Melayu, terdapat pengarang akhbar Melayu mengesyorkan kepada British supaya menetapkan taraf anak dagang agar mereka memberhentikan tuntutan mereka.<sup>28</sup> Di samping itu kedapatan juga beberapa artikel dalam akhbar Melayu yang terus menyeru orang Melayu supaya menentang segala dakwaan orang bukan-Melayu untuk mendapatkan hak yang sama.<sup>29</sup>

Sehingga ke peringkat ini, keterlibatan akhbar Melayu memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam isu desentralisasi amatlah jelas. Permulangan kuasa pemerintahan kepada Sultan-sultan di NMB supaya setaraf dengan Sultan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Akhbar Melayu juga sedar bahawa proses desentralisasi bertujuan untuk mewujudkan satu "United Malaya". *Majalah Guru* pernah menulis dengan mengarakan bahawa: "Desentralisasi ... [adalah] asas yang fardu sekali untuk membangunkan suatu persekutuan yang berjaya bagi seisi Semenanjung Tanah Melayu. Maka patutlah sekalian pemerintah yang sudah bersekutu itu memakai peraturan bagi lembaga negerinya dengan keadaan sama perjahaman semuanya."<sup>30</sup>

Pada keseluruhannya artikel atau rencana pengarang yang disuarakan di dalam akhbar-akhbar Melayu mempunyai sata tujuan sahaja, iaitu mempertahankan hak orang Melayu di samping menafikan tuntutan orang bukan-

26. Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, Jan 1926, num. 223. Untuk konten yang lain lihat, "Sisa Kekampuan Melayu," oleh Nordin, Arif Rahman, *Majalah Guru*, Okt. 1932, num. 289 dan Rencana Pengarang Wabah, 6.6.1932.

27. Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 4.1.1932.

28. Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 14.3.1932.

29. "Tuan Muda Bagi Negeri", *Majalah Guru*, Jan 1932, num. 118. Artikel ini merupakan jawapan kepada artikel "Nihilaya, or Nihaga," yang (sebaliknya) *Malay Mail* itu memusatkan dirinya membantah yang berdiri tegar menghadui tuntutan Nihilaya, iaitu ia merasa sepatutnya mendapat hak yang sama.

30. "NG Cooi Chiong Dapat Hantaran Nihilaya," *Majalah Guru*, Jula 1934, num. 277; "Hantaran British Nihilaya — Usahan Si Cooi Chiong," *Majalah Guru*, Jula 1934, num. 286. Untuk juga Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 27.6.1932.

Melayu. Penentangan yang kuat nampaknya ditujukan kepada kaum Cina kerana mereka ini mempunyai kedudukan ekonomi yang tinggi di samping keaktifan wakil-wakilnya menyuarakan tuntutan untuk mereka.<sup>31</sup> Dalam menghadapi keadaan ekonomi orang Melayu yang mundur ini, akhbar-akhbar Melayu juga berperanan mendesak supaya orang Melayu bersaing dengan orang Cina dalam sebarang kegiatan perusahaan.<sup>32</sup>

### Cadangan Penubuhan Persatuan Melayu

Sebelum Perang Dunia Kedua persepsi orang Melayu tentang politik adalah berlainan daripada apa yang muncul mulai 1945. Orang Melayu waktu sebelum Pendudukan Jepun lebih mengenali 'watan' daripada 'negara' dan 'siasat/siasah' daripada 'politik'. Cita-cita politik mereka keseluruhan agak terbatas — mereka mahu mengekalkan pemerintahan di bawah naungan British dan taat setia yang diberikan kepada seseorang Raja lebih kuat daripada perasaan 'kebangsaan' dalam konteks yang lebih luas, iaitu tertumpu kepada Tanah Melayu sebagai satu entiti politik.

Pada tahun 1926, Kesatuan Melayu Singapura diasaskan. KMS ialah pergerakan *semi-politik* Melayu pertama dan dipimpin oleh Mohd. Eunos Abdullah.<sup>33</sup> Di antara tujuan penting KMS ialah untuk menggalakkan ahli-ahlinya bergerak aktif dalam urusan pentadbiran, memperjuangkan kemajuan dan kepentingan orang Melayu dalam lapangan politik dan pelajaran, membuat permohonan kepada pihak British berhubung dengan hak dan kebebasan orang Melayu dan mengambil berat tentang pelajaran tinggi serta teknik di kalangan orang Melayu.<sup>34</sup>

KMS yang wujud di Singapura telah mendapat perhatian penduduk-penduduk di Tanah Melayu. Kewartawan Melayu telah memainkan peranan penting dengan memberi kesedaran kepada pembaca-pembaca tentang perlu diwujudkan persatuan-persatuan di negeri-negeri Melayu seperti KMS. Wartawan dan penulis ini 'tidaklah bertujuan' menghindar penjajah British; mereka ingin menjadikan persatuan-persatuan tersebut sebagai salah satu saluran bagi membela nasib orang Melayu dalam hubungannya dengan pihak British. Persatuan-persatuan tersebut hendaklah menyusun satu perlem-

31 Lihat artikel "Bangsa-bangsa Asing Tidak Patut Meminta Hak", *Majlis*, 22.12.1932, yang secara tajam mengatakan "... rupanya telah lupa entah berapa banyakakah khasanah bumi Melayu yang telah dimuntahdarahkan [dimakan] mereka [orang bukan-Melayu] dan berapa ribukah sudah wang Tanah Melayu yang telah dihantarkan mereka ke negerinya dan berapa banyakakah pulu [mereka] dari Tongans itu sekarang telah menjadi meliana [millionaire] di dalam negeri Melayu ini". Untuk contoh lain, lihat juga "Syurga Dunia Orang-orang Cina Menyambut Ulangan Hari Republik di Kuala Lumpur" oleh Wama'at, *Majlis*, 4.1.1944, hlm. 8.

32 Lihat umpamanya artikel "Tuntutan Bangsa Asing Di Tanah Melayu", oleh Anaknegeri, *Majalah Guru*, April 1930 yang antara lain menyatakan; "... orang Melayu patutlah sedar dari kelalaiannya yang telah menyebabkan negeri kita ini dipenuhi oleh orang-orang kaya bangsa Cina. Dengan itu patutlah orang Melayu menunjukkan lebih usahanya ..." Lihat juga "Dunia Perniagaan: Bilakah Anak Melayu Kita Akan Memulakkannya", *Saudara*, 1.12.1978, hlm. 3.

33 Mohd Eunos bin Abdullah pernah berkhidmat sebagai wartawan *Utusan Melayu* (di bawah *Singapore Free Press*) pada 1907—1922 dan *Lembaga Melayu* pada 1914—1931. Pada 1922 beliau dilantik menjadi *Municipal Commissioner* dan, pada 1924, menjadi Melayu pertama sebagai Ahli Majlis Perundangan, Negeri-negeri Selat.

34 Lihat Osman bin Hassan, *Berita Pergerakan Kesatuan Melayu Singapura, 1926—1937*, Singapura, 1937, hlm. 5—7; dan W.R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hml. 239—250. (Terjemahan oleh Ahmad Boestamam).

bagaan mengikut undang-undang negeri serta mentaati Kerajaan British dan Raja-raja Melayu.

Di antara akhbar dan majalah Melayu yang turut membincangkan tentang pergerakan politik orang Melayu ialah *Idaran Zaman*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Majlis*, *Majalah Malaya* dan lain-lain. *Idaran Zaman* (Pulau Pinang) melalui rencananya yang bertajuk "Persatuan Melayu", keluaran 11 September 1926, bersetuju dengan penubuhan KMS dan ia turut memberi perangsang kepada orang Melayu supaya mewujudkan persatuan-persatuan seperti KMS di seluruh Tanah Melayu dan mengadakan perjumpaan persatuan-persatuan Melayu. Dengan penuh harapan, *Idaran Zaman*, yang dipimpin oleh Mohd. Yunus bin Abdul Hamid menyeru:

Mudah-mudahan kita harap pada segenap penjuru Tanah Semenanjung ini akan terambahlah cawangan persekutuan Melayu itu bagi pihak jawatankuasanya di Singapura itu moleklah jika diadakan suatu perhimpunan ramai dengan menjemput sekalian ketua-ketua dan wakil-wakil kumpulan Melayu dari segenap negeri-negeri di Semenanjung ini bagi mengetahui persetujuannya masing-masing guna meluaskan maksud kebijakan.

Bertambah moleklah jika perhimpunan ramai itu boleh diadakan di Kuala Lumpur atau pada salah satu tempat yang terletak pada bahagian pertengahan daripada negeri Semenanjung ini supaya memudahkan bagi wakil-wakil atau utusan-utusan yang akan datang hadir kepadanya.

Pada tahun 1927, pentadbiran British telah melantik empat orang wakil Melayu di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan bagi mewakili orang Melayu di dalam negeri-negeri Melayu Bersekutu.<sup>35</sup> Dengan itu Raja-raja pun berundur daripada MMP. Peluang yang diberi oleh pihak British ini telah mendapat perhatian golongan wartawan dan para cerdik pandai Melayu ketika itu bagi memperkuatkan lagi seruan mereka agar persatuan-persatuan ditubuhkan. Melalui persatuan Melayu yang dicadangkan ini, orang Melayu dapatlah menyampaikan hasrat mereka kepada pihak British di samping saluran wakil-wakil Melayu di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan.

Kemasukan dan aktiviti orang asing di Tanah Melayu adalah di antara faktor yang mewujudkan perasaan kesedaran orang Melayu terhadap penubuhan persatuan. Bilangan orang asing yang bertambah ramai di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menimbulkan kerisauan orang Melayu, lebih-lebih lagi orang asing telah menguasai lapangan perniagaan serta bekerja di lombong, ladang getah, di pejabat-pejabat kerajaan dan sebagainya. Wakil-wakil asing di dalam Majlis Mesyuarat, terutama di Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat, Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat di Negeri-negeri Melayu Bersekutu selalu membuat tuntutan tentang kepentingan orang asing di Tanah Melayu. Jika dibandingkan dengan wakil-wakil Melayu (Raja-raja sebelum tahun 1927 dan pembesar-pembesar), wakil orang asing ini lebih lantang

35 Hanya dua orang wakil Melayu di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang aktif bercakap tentang kepentingan orang Melayu. Wakil-wakil tersebut ialah Undang Rembau (Dato Abdullah Dahan) dan Raja Chulan yang kerap membincangkan tentang desentralisasi, peluang pekerjaan dan pelajaran orang Melayu dan sebagainya.

bersuara.<sup>36</sup>

Di antara wakil-wakil Cina yang aktif di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan ialah Choo Kia Peng (1920—1927), Cheah Cheng Lim (1927—1934), San Ah Wing (1931) dan Lai Tet Loke. Wakil India, iaitu Subbiah Naidu Veerasamy, buat pertama kalinya dilantik ke Majlis Mesyuarat Persekutuan bagi mewakili orang India di Tanah Melayu pada bulan Februari 1928. Di Negeri-negeri Selat, Tan Cheng Lock dan Lim Cheng Yan adalah di antara wakil Cina yang aktif di dalam Majlis Perundangan pada tahun 1930-an. Di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, Choo Kia Peng pernah menentang perlaksanaan dasar desentralisasi, menggesa pihak British mengambil berat tentang nasib buruh Cina yang tidak bekerja, soal kerakyatan, dan sebagainya. Pada tahun 1931, San Ah Wing telah menggesa pihak British memberi tanah dan bantuan kepada buruh Cina yang tidak bekerja supaya mereka dapat menjalankan pertanian secara kecil-kecilan. Di dalam Majlis Perundangan, Tan Cheng Lock turut membuat pembelaan terhadap kepentingan orang Cina dan beliau tidak bersetuju Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dan digunakan oleh penduduk-penduduk dari bangsa asing di Negeri-negeri Selat.

Bagi mendapatkan sokongan daripada pihak British biasanya wakil Cina mengagung-agungkan sikap dan kebesaran bangsa Cina yang turut memajukan Tanah Melayu. Ketika pihak British hendak melaksanakan *Aliens Bill* (iaitu peraturan bagi mengawal orang asing datang ke Tanah Melayu),<sup>37</sup> wakil Cina di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan iaitu San Ah Wing telah mensifatkan *Aliens Bill* sebagai suatu peraturan yang mendiskriminasikan orang Cina di Tanah Melayu. Bagi beliau, pentadbiran British tidak patut berbuat demikian kerana orang Cina merupakan tulang belakang yang membangunkan Tanah Melayu.<sup>38</sup>

Dasar desentralisasi (yang lebih menguntungkan orang Melayu) sebagaimana telah disebutkan, mula dijalankan semasa Sir Laurence Guillemard menjadi Pesuruhjaya Tinggi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1920—1927).<sup>39</sup> Pada tahun 1924, pihak British telah mula melaksanakan dasar desentralisasi (secara beransur-ansur) bagi menambahkan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri. Belanjawan di tiap-tiap negeri telah dikemukakan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri dan tidak lagi di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan.<sup>40</sup> Pada tahun 1927, Raja Melayu tidak lagi menghadiri

36 Akhbar-akhbar Inggeris iaitu *Malay Mail* dan *The Straits Times* kebanyakannya menyokong permin-  
taan orang asing ini di dalam Majlis-majlis Mesyuarat pada tahun 1920—1930-an.

37 *Aliens Bill* cuba mengawal kedatangan orang Cina di Tanah Melayu. Pendatang ini akan diperiksa dan mesti membayar \$5.00 sebagai pendaratan (*landing fees*). Sijil Pendataran (*Landing Certificate*) boleh ditukar menjadi Sijil Kemasukan (*Certificate of Admission*) yang sah digunakan untuk 2 tahun. Orang Cina yang telah tinggal di Tanah Melayu dikehendaki membayar \$5.00 bagi mendapatkan Sijil Kemasukan. Jika mereka tidak mempunyai sijil ini, mereka boleh dihantar pulang segera. Ini adalah bertujuan mengawal orang asing ke Tanah Melayu untuk menjaga kepentingan orang Melayu.

38 Lihat juga Ibrahim Ya'akub, *Nusa dan Bangsa Melayu*, Jakarta, 1951, hlm. 54. Orang Cina berkehendak bangsa mereka dijadikan sebagai bangsa *Malayan* pada awal 1930-an. Ini bermakna bangsa Melayu patut diberi keutamaan seperti orang Melayu dan nasib mereka patut diberi jaminan.

39 Lihat *Federal Council Proceedings* 21 Nov. 1922, hlm. 68. Sir Laurence Guillemard yang menyokong desentralisasi telah berkata; "... I hope so it will be possible to increase the powers and function of the State Councils in some important respect".

40 Lihat *Federal Council Proceedings*, 17 Dis. 1925, hlm. 146.

mesyuarat di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Sebagai gantinya, empat wakil Melayu telah dilantik menjadi wakil yang tidak rasmi di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan. Mereka ialah Dato Sedia Raja Abdullah bin Haji Dahan (Undang Rembau), Raja Musa Udin bin Sultan Alaidin Sulaiman Syah (Raja Muda Selangor), Raja Chulan (Raja di Hilir Perak) dan Tengku Sulaiman (Tengku Besar Pahang).

Walau bagaimanapun, Raja-raja Melayu tetap menjadi simbol perpaduan bagi orang Melayu dan mereka masih menjadi ketua hal-chwal adat resam Melayu dan Agama Islam. Ketaatan orang Melayu kepada raja-raja mereka tetap kekal.<sup>41</sup> Para intelek Melayu sedar akan hakikat bahawa pihak British adalah bertanggungjawab tentang pemerintahan di Tanah Melayu — Raja-raja Melayu hanya menjadi 'lambang kekuasaan' dan wakil Melayu yang dilantik di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan dijadikan sebagai 'alat' untuk mewakili suara orang Melayu.<sup>42</sup>

Akhbar *Saudara* yang diterbitkan di Pulau Pinang (1928) telah mengambil berat tentang penubuhan persatuan-persatuan Melayu di samping membangunkan hal-hal agama mengikut faham pembaruan Islam (Kaum Muda). Ketika Abdul Rahim Kajai bertugas sebagai Penolong Pengarang *Saudara* (bulan Mac 1930), beliau telah menyeru orang Melayu supaya bersatu membaiki pergerakan bangsa dan tanahair yang dipimpin oleh orang Melayu. Pergerakan ini adalah untuk mengelakkan daripada orang Melayu jatuh secara beransur.<sup>43</sup> Bagi Kajai, cita-cita politik tidak akan tercapai tanpa perjuangan melalui pergerakan kesatuan dan kesatuan pula tidak akan berhasil melainkan dengan sikap kerjasama. Oleh yang demikian, kesatuan bolehlah dianggap sebagai tubuh yang satu manakala sikap kerjasama ialah jiwanya. Untuk mencapai cita-cita ini, orang Melayu hendaklah menghapuskan segala faktor yang boleh mendatangkan perpecahan, dan menghilangkan timbang rasa serta maruah kebangsaan di tanahairnya.<sup>44</sup>

Pada tahun 1931, *Saudara* telah mencadangkan supaya diadakan Kongres di kalangan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. Tiap-tiap negeri hendaklah mengirimkan wakil di 'Perhimpunan Besar Kongres Melayu'. Di dalam Kongres ini, orang Melayu hendaklah mengemukakan masalah yang dihadapi dan seterusnya mewujudkan 'Persekutuan Melayu'.<sup>45</sup> Kajai, bagi pihak akhbar *Saudara*, mencadangkan supaya diadakan Kongres Melayu di Johor Bahru kerana Johor adalah kawasan moden. 'Persekutuan Melayu' yang dicadangkan oleh *Saudara* adalah berhaluan kanan iaitu mengikut

41. Mula pada 1927, tugas Kaja-raja ialah menurunkan tandarangan nasri bagi enakmen dan upacara-sucita seada.

42. Waliguru mereka dilantik menjadi Ahli Tidak Rasmi di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan, mereka tidak mempunyai kedudukan yang tinggi. Wakil-wakil Rasmi, yang terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi, lebih berkuasa dan membuat kata-kata putus bagi menjalankan pentadbiranannya di Tanah Melayu. Wakil-wakil yang Tidak Rasmi yang mewakili semua kaum hanya berkuasa memberi perintah dan cadangan terhadang sesuatu dasar. Punditngan dan cadangan mereka tidak mesu diizinkan oleh Kerajaan British.

43. Abdul Rahim Kajai, 'Pembantangan di atas Komunitarian Melayu', *Saudara*, 12.4.1931.

44. 'Pembantangan di atas Komunitarian Melayu', *Saudara*, 19.4.1931, 26.4.1931.

45. Editorial, 'Perhimpunan Besar Kongres Melayu, Congress of Malays,' *Saudara*, 25.4.1931. Mula bulan Ogos 1932 hingga September 1934, Abdul Rahim Kajai telah dilantik menjadi Pengarang *Saudara* dan dialeksis berfungggung sebagai temulis di banting versi cina pengarang *Saudara*.

undang-undang negeri dan patuh serta taat kepada Raja-raja Melayu dan Kerajaan British. Di samping itu, 'Persekutuan Melayu' ini akan cuba membantu Kerajaan British memajukan orang Melayu dan cuba mengatasi kemajuan bangsa asing di Tanah Melayu. Oleh itu, orang Melayu diharapkan agar dapat bergerak sendiri di dalam 'Persekutuan Melayu' yang hendak ditubuhkan itu.<sup>46</sup>

Cadangan Kajai (bagi pihak *Saudara*) untuk mengadakan Kongres Melayu dan dihadiri oleh wakil-wakil seluruh Tanah Melayu telah mendapat sokongan daripada akhbar dan majalah seperti *Warta Malaya*, *Majlis* dan *Majalah Malaya*. Mohd. Yunus bin Abdul Hamid melalui rencananya yang bertajuk, "Kongres bagi Umat Melayu Dalam Negeri", dalam *Majalah Malaya*, keluaran April 1931, telah menyokong cadangan *Saudara*; di antaranya beliau berkata:

Kita fikir ini bukan suatu hal yang ganjil akan tetapi iaitulah hal yang patut dan mesti kejadian. Teristimewa di dalam masa sekarang ini yang boleh dikatakan kedudukan dan keadaan orang Melayu di dalam negerinya ini amnya seumpama telur di hujung tanduk; serba payah! ... Inilah yang kita bersetuju akan mendengar dan melihat orang-orang Melayu mengadakan suatu kongresnya bagi merundingkan hal-hal tersebut dan beberapa hal lagi dengan pemimpin pembesar-pembesar dan ketua-ketuanya berhimpun kepada salah suatu negeri di Semenanjung ini dengan seberapa segera.

Cadangan *Saudara* bagi mengadakan Kongres dan mewujudkan 'Persekutuan Melayu' di Tanah Melayu turut juga mendapat perhatian dari peminat-peminat di Kuala Lumpur. Encik Mahmud Idris telah menyuarakan penubuhan satu pergerakan politik di tiap-tiap negeri Tanah Melayu yang bernama 'Persatuan Am'. Selepas itu, barulah diwujudkan 'Persekutuan Melayu' di bawah naungan Tunku Abdul Rahman dan berpusat di Kuala Lumpur.<sup>47</sup> Ini bermakna cita-cita bagi menubuhkan persekutuan politik Melayu pada awal tahun 1930-an telah mendapat perhatian daripada orang Melayu dan mereka sedar betapa pentingnya diwujudkan persatuan politik hingga ke peringkat kebangsaan. Cadangan bagi mewujudkan 'Persekutuan Melayu' seterusnya mendapat perhatian orang Melayu ketika itu seperti Raja Bon bin Raja Yahya. Mereka ingin menubuhkan 'Persatuan Melayu Selangor' iaitu 'Persekutuan Melayu' yang pertama di Negeri-negeri Melayu Bersatu yang bercorak politik.<sup>48</sup>

Akhbar *Majlis* yang mula-mula terbit di Kuala Lumpur pada 17 Disember 1931 turut memainkan peranan yang penting bagi memberikan kesedaran dan mengemukakan fikiran kepada orang Melayu supaya bergiat cergas dalam pergerakan politik. *Majlis* telah menyambung usaha *Saudara* bagi

46 Rencana Pengarang, "Kongres Melayu dengan *Warta Malaya*", *Saudara*, 22.8.1931.

47 Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Selangor", *Saudara*, 11.7.1932.

48 Rencana Pengarang, "Bolehkah Persatuan Melayu Selangor Menetap?", *Majlis*, 3.10.1932. Apabila Persatuan Melayu Selangor ditubuhkan pada tahun 1938, Raja Bon bin Raja Yahya telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua manakala jawatan Yang Dipertua dipegang oleh Tengku Ismail dan Abdul Rahim Kajai dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian Kuala Lumpur. Rancangan Raja Bon bin Raja Yahya hendak mewujudkan Persatuan Melayu Selangor pada tahun 1931 tidak dapat dijalankan sehingga 1938.

menggalakkan orang Melayu bergerak dan menubuhkan persatuan politik.<sup>49</sup> Ruangan Rencana Pengarang *Majlis* kerap juga menyiaran hujah-hujah yang berhubung dengan Kongres, Konfrensi dan "Persekutuan Am" (di tiap-tiap negeri) dan 'Persekutuan Melayu' yang diidam-idamkan oleh intelek dan wartawan Melayu. Seterusnya, usaha menubuhkan 'Persekutuan Melayu' telah mendapat perhatian daripada penulis-penulis sambilan. Pada tahun 1934 seorang penulis sambilan *Majlis*, yang menggelarkan dirinya sebagai Dolfatram (nama sebenarnya tidak diketahui), telah menyokong usaha menubuhkan 'Persekutuan Melayu'. Beliau telah mencadangkan supaya Yang Mulia Tengku Laksamana (Tengku Alam Syah) Selangor, Abdul Rahim Kajai (wartawan, *Majlis*), anggota-anggota Kelab Sultan Sulaiman dan Presiden Persekutuan di seluruh Negeri Selangor mengusahakan penubuhan persekutuan tersebut.<sup>50</sup> Kemampuan *Majlis* menyiaran hal-hal politik orang Melayu di Tanah Melayu menyebabkan *Majlis* diletakkan sebagai akbar Melayu yang berani menyediakan ruangan yang membincangkan politik secara lebih luas dan hak orang Melayu buat pertama kalinya.<sup>51</sup>

### Akhbar Melayu Dengan Berita Lawatan Sir Samuel Wilson

Sebagaimana telah ditunjukkan isu desentralisasi telah berperanan menggerakkan orang Melayu melalui akbar Melayu. Peranan akbar Melayu berhubung dengan isu desentralisasi lebih berkesan lagi apabila diketahui Sir Samuel Wilson akan melawat Tanah Melayu.<sup>52</sup> Berita kedatangan beliau ini sekurang-kurangnya diketahui oleh orang Melayu sejak bulan Jun 1932 lagi dengan tersiaran Rencana Pengarang yang bertajuk "Perubahan Baru Kedatangan Sir Samuel Wilson Peluang Bangsa Asing" dalam *Majlis* pada 6 Jun 1932. Berita kedatangan Wilson ini seterusnya dihebahkan secara meluas oleh akbar Melayu terutamanya *Majlis*. Terdapat beberapa artikel dan rencana pengarang yang khas membincangkan tentang perkara tersebut, umpamanya: "Menyambut kedatangan Sir Samuel Wilson",<sup>53</sup> Apakah Persediaan Orang-orang Melayu Menyambut Kedatangan Sir Samuel Wilson,<sup>54</sup> "Lawatan Sir Samuel Wilson"<sup>55</sup> dan lain-lain lagi.

49 Abdul Rahim Kajai telah berhenti dari *Saudara* pada bulan September 1931. Pada 17 Dis. 1931, Kajai telah menjadi pengarang *Majlis* sehingga Feb. 1935. Semenjak Kajai berkhidmat dengan *Majlis*, akbar *Saudara* kurang membincangkan hal-hal politik.

50 Dolfatram, "Persatuan Melayu Semenanjung", *Majlis*, 5.2.1934. Walaupun orang Melayu masih belum berjaya mewujudkan Kongres dan seterusnya Persekutuan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu sebelum 1937, pada tahun 1934 orang Melayu telah mewujudkan Sahabat Penadi seluruh Tanah Melayu bagi tokong-menolong, dan sebagai persatuan fikiran, pemagaan dan lain-lain untuk kepentingan orang Melayu. Pada 11 November 1934, Sahabat Pena telah mengadakan Persidangan Kebangsaan di Taiping, Perak, yang dihadiri oleh perwakilan dari seluruh Tanah Melayu dan Borneo. Mereka tidak bertujuan berpolitik dan tokoh-tokoh yang melibatkan diri dalam Sahabat Pena tidak banyak melibatkan diri dalam penubuhan persatuan Melayu pada 1937-1941.

51 Mohammad bin Darok Muda, *Tarikh Surur Khabar*, Bukit Mertajam, 1940, hlm. 175.

52 Sir Samuel Wilson telah diarah oleh Pejabat Kolonial untuk menyiasat dan berbincang dengan Pesuruhjaya Tinggi British, Raja-raja Melayu serta pemimpin-pemimpin awam berhubung dengan desentralisasi. Beliau tiba di Tanah Melayu pada 10 November 1932 dan tinggal di sini selama sebulan. Beliau menyediakan satu laporan yang bertajuk "Report of Brigadier General Sir Samuel Wilson G.C., KCB, KBE Permanent Under Secretary of State for the Colonies On His Visit to Malaya", 25 Februari 1933.

53 Rencana Pengarang, *Majlis*, 9.6.1932.

54 Rencana Pengarang, *Majlis*, 4 dan 7 Julai 1932.

55 Rencana Pengarang, *Majlis*, 24.10.1932.

Kedatangan Wilson ialah untuk menyiasat perkembangan pentadbiran dan pandangan Sultan serta pihak-pihak tertentu berhubung dengan desentralisasi. Dengan menyedari hakikat itu kelihatan akhbar Melayu juga memberi pandangan dan pedoman kepada orang Melayu supaya membuat persiapan. Orang Melayu sepatutnya bersatu menuntut kepada British hak-hak supaya meninggikan lagi taraf mereka, umpamanya meminta jawatan baru bagi orang Melayu sebagai Pembantu Penasihat British dan juga Pembantu Pesuruhjaya Tinggi. Bagi mencapai hasrat ini orang Melayu, Raja dan Pembesar Melayu mestilah bersiap sedia untuk bertemu dan berosoal jawab dengan Sir Samuel Wilson.<sup>56</sup>

Kelihatan di sini akhbar *Majlis* memainkan peranan penting dalam membuat persediaan menunggu kedatangan Wilson. Dalam rencana pengarangnya pada bulan Ogos, iaitu tiga bulan sebelum Wilson tiba, telah menyeru Raja-raja dan Pembesar-pembesar Melayu supaya bersidang bagi menyediakan keputusan-keputusan yang dibincangkan dengan Wilson nanti.<sup>57</sup> Di samping itu wakil-wakil Melayu di dalam MMP juga diingatkan supaya berhati-hati dan meneliti syor-syor yang akan dibentangkan oleh wakil orang bukan-Melayu semasa membincangkan isu desentralisasi nanti.<sup>58</sup> Lebih jauh daripada itu kelihatan *Majlis* juga menyeru semua akhbar Melayu yang lain seperti *Warta Malaya*,<sup>59</sup> *Pengasuh*<sup>60</sup> dan *Saudara* memberi pandangan serta pendapat berkenaan dengan kedatangan Wilson.<sup>61</sup>

Sebenarnya peranan *Majlis* memang ketara di peringkat ini. Mungkin disebabkan *Majlis* terlalu heboh dengan isu ini, maka akhbar-akhbar lain kelihatan kurang memberi tumpuan yang berat. *Warta Malaya* yang diterbitkan di Singapura banyak menyatakan berita mengenai orang Melayu di Singapura dan Johor. *Pengasuh* yang merupakan warta Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan lebih menumpukan pembicaraannya tentang hal-ehwal agama. Walaupun demikian sebuah akhbar yang dikeluarkan di Kelang, Selangor, *Lidah Benar*<sup>62</sup> cuba turut serta membincangkan isu desentralisasi. Dalam rencana pengarangnya 3 Mei 1932, *Lidah Benar* mengakui yang akhbar itu belum lagi mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan desentralisasi. Antara lain katanya:

56 Rencana Pengarang, *Majlis*, 7.7.1932.

57 Rencana Pengarang, *Majlis*, 29.8.1932.

58 Rencana Pengarang, *Majlis*, 24.10.1932.

59 *Warta Malaya* salah akhbar harian yang dikeluarkan di Singapura pada 1 Januari 1930 oleh Tuan Syed Husain Ali Al Sagof. Ia dikatakan akhbar yang terbesar penerbitnya dan dapat bersaing dengan akhbar-akhbar lain.

60 *Pengasuh* diterbitkan oleh Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan pada 11 Julai 1918. Di antara penyunting terhormat *Pengasuh* ialah Haji Muhammad Yusof Ahmad atau lebih dikenali dengan Tok Kenali. *Pengasuh* lebih menumpukan perhatiannya kepada soal-soal agama seperti menjawab kemusyikan agama, fatwa-fatwa dan sebagainya. Untuk mendapat gambaran lanjut lihat Ramli Haji Ahmad dan Che Zaharah Che Hassan, "Pengasuh", dalam *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.

61 Rencana Pengarang, *Majlis*, 4.7.1932.

62 *Lidah Benar* merupakan akhbar mingguan yang dikeluarkan pada tiap-tiap hari Selasa di Kelang, Selangor. Pengurusnya ialah Encik Mohd. Said Ali Al Malaqui dan Pengarangnya Mohammad Dameah Ibrahim. Tarikh keluaran pertamanya ialah 3.9.1929. *Lidah Benar* dikatakan menjadi gelanggang perbahasan perkara-perkara agama dan pernah "berjuang" dengan akhbar *Saudara*. Lihat Muhammad bin Dato Muda, *op. cit.*, hlm. 164.

Kita belumlah ... mengambil bahagian di dalam perkara ini [desentralisasi] tetapi sekalian saudara kita yang sejawat dengan kita masing-masing telah ada belaka mengambil bahagian di dalamnya. Sebab itu pada kali ini kita akan mencuba pula melangkah ke medan yang tersebut yang diharapkan akan menjadi sokongan kepada saudara-saudara kita yang telah lalu.<sup>63</sup>

Walau bagaimanapun peranan *Lidah Benar* kurang berkesan. Sepanjang tahun 1932 cuma terdapat dua saja rencana yang berhubung dengan soal desentralisasi, itu pun merupakan petikan yang diambil daripada akhbar Melayu yang lain.<sup>64</sup>

Berita kedatangan Wilson juga telah membuka satu era baru dalam perjuangan akhbar Melayu. Di samping mempertahankan hak dan menafikan tuntutan orang bukan-Melayu, akhbar Melayu pada tahun 1930-an juga mula menyeru orang Melayu menubuahkan kesatuan atau kongres Melayu untuk membela dan menjamin hak mereka.<sup>65</sup> Masa ini dianggap sesuai untuk orang Melayu berpersatu kerana orang bukan-Melayu sudah siap sedia dan bekerja keras melindungi serta menuntut hak mereka.<sup>66</sup>

Keperluan menubuahkan persatuan untuk orang Melayu amat dirasai apabila *Malay Mail* menyiaran berita tentang persediaan persatuan-persatuan di negeri-negeri Melayu untuk menemui Wilson.<sup>67</sup> Persatuan-persatuan yang dimaksudkan oleh *Malay Mail* di sini ialah persatuan-persatuan orang bukan-Melayu. Kebanyakannya merupakan persatuan perdagangan seperti *Planters' Association of Malaya, The Selangor Chinese Chamber of Commerce, The Federated Malay States Chamber of Mines*<sup>68</sup> dan lain-lain lagi.<sup>69</sup>

Empat hari selepas tersiarnya berita dalam *Malay Mail* itu, Majlis menyiaran sebuah artikel yang bertajuk "Persiapan Desentralisasi" dikarang oleh "Melayu". Secara terang artikel ini mendesak orang Melayu yang sudah bersara dan berpengaruh seperti Haji Abdul Jalil C.H., Ulu Langat, Haji Mohd. Amin Haji Mohd. Yusof, tuan punya *Selangor Press*, Haji Abdul Rashid Kalompang, Tuan Syed Bahaldin Kajang dan lain-lain tampil ke hadapan menubuahkan persatuan orang Melayu bagi menyokong raja-raja Melayu mempertahankan hak orang Melayu.<sup>70</sup> "Melayu" seterusnya sekali lagi menulis pada 22 September 1932 dengan memberi amaran selagi orang Melayu tidak menubuahkan persatuannya maka selagi itulah orang bukan-Melayu tidak berhenti-henti meminta hak mereka.<sup>71</sup>

63 Rencana Pengarang, *Lidah Benar*, 3.5.1932. Dalam rencana pengarang ini disiarkan bersama secebis ucapan Menteri Tanah Jajahan British berkenaan dengan desentralisasi.

64 Keluaran *Lidah Benar* seterusnya tidak ketemu kerana tidak terdapat dalam Simpanan Arkib Negara. Manakala tarikh tamatnya keluaran *Lidah Benar* juga tidak diketahui.

65 "Kongres Melayu Wajib Diadakan oleh Orang Melayu Sendiri" oleh Shamsuddin, *Majlis*, 1.9.1932.

66 *Rencana Pengarang*, *Majlis*, 5.9.1932.

67 "Malay State Association Now In Position To Meet Sir Samuel Wilson", *Malay Mail*, 1.9.1932. Berita dalam *Malay Mail* ini kemudiannya disunting dan dikompon oleh *Majlis*, 5.9.1932.

68 Terdapat sebanyak 14 pertubuhan dan persatuan yang telah bertemu dan berbincang dengan Sir Samuel Wilson semasa beliau berada di Tanah Melayu. Selain daripada yang disebutkan di atas, terdapat juga Persatuan Guaman, Persatuan-persatuan Kaum India dan Chettier yang menemui beliau. Untuk keterangan lanjut lihat, J.S. Sidhu, *op. cit.*, hlm. 25.

69 "Persiapan Desentralisasi" oleh Melayu *Majlis*, 1.5.9.1932.

70 "Persekutuan Melayu di Tanah Melayu" oleh Melayu *Majlis*, 22.9.1932.

Cadangan menubuhkan persatuan orang Melayu ini telah disokong oleh akhbar-akhbar Melayu yang lain. Artikel atau rencana pengarang seperti "Bahaya Kuning Di Tanah Melayu",<sup>71</sup> "Perhimpunan Besar Kongres Melayu",<sup>72</sup> "Persatuan Melayu Selangor",<sup>73</sup> "Adakah Persatuan Melayu Akan Jadi",<sup>74</sup> "Kongres Melayu Wajib Diadakan oleh Orang Melayu Sendiri",<sup>75</sup> "Persekutuan Melayu di Tanah Melayu"<sup>76</sup> dan "Bolehkah Persatuan Melayu Selangor Menetas"<sup>77</sup> jelas memperlihatkan betapa bersungguhnya akhbar Melayu mahukan orang Melayu berpersatuan. Walaupun cadangan dan kesedaran untuk berpersatuan ini sudah ada sejak tahun 1926 lagi,<sup>78</sup> semangat berpersatuan pada tahun 1930-an lebih hebat disuarakan oleh akhbar Melayu. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran itu lebih hebat diperjuangkan bila perdebatan isu desentralisasi memuncak.

Desakan daripada akhbar Melayu ini telah meninggalkan kesannya. Tidak sampai sebulan daripada desakan yang dibuat oleh "Melayu" di dalam *Majlis*, pada 1 Oktober, bertempat di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur, Ungku Raja Bon bersama-sama dengan Syed Bahaldin, Haji Zainudin Ulu-Langat, Tuan Haji Abdul Jalil C.H. Ulu Langat, Tuan Haji Husain Kajang, Raja Aman Shah, Kajang, Encik Hitam, Semenyih dan beberapa tokoh lain berhimpun untuk merancangkan penubuhan Persatuan Melayu Selangor.<sup>79</sup> Dalam ucapan pembukaan perhimpunan itu, Ungku Raja Bon sendiri mengakui yang ia bergerak semata-mata kerana diruntun oleh suara anak-anak bangsanya. Antara lain beliau menjelaskan:

Tuan-tuan sekalian sedia maklum, bahawa bangsa-bangsa lain yang diam di dalam negeri kita ini sekaliannya ada di belakang mereka masing-masing persekutuan atau persatuan dan adalah persatuan mereka guna menjagakan muslihatnya. Tetapi kita orang Melayu selain bersuara di dalam suratkhabar-suratkhabar belumlah lagi ada mempunyai persekutuan atau persatuan yang boleh mendirikan hak anak-anak Melayu di dalam negeri ini. Diharap mudah-mudahan dengan persekutuan kita ini juga dapatlah kerajaan memperolehi fikiran-fikiran Melayu yang ramai dan menimbalangkan dengan sehalus-halusnya.<sup>80</sup>

Di samping desakan supaya orang Melayu menubuhkan persatuan, terdapat juga suara yang menyuruh orang Melayu mendirikan Persatuan Umat Melayu Malaya. Ibrahim Haji Yaacob<sup>81</sup> seorang pejuang Melayu terkenal,

71 *Saudara*, 14.3.1931.

72 Rencana Pengarang, *Saudara*, 25.4.1931.

73 Rencana Pengarang, *Lidah Benar*, 11.10.1932.

74 Rencana Pengarang, *Lidah Benar*, 11.10.1932.

75 *Majlis*, 1.9.1932.

76 Rencana Pengarang, *Majlis*, 3.10.1932.

77 Rencana Pengarang, *Majlis*, 3.10.1932.

78 Kesedaran ini diperjuangkan oleh pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia yang menuntut di Timur Tengah. Dengan menggunakan *Majalah Seruan Azhar* mereka menyeru golongan pelajar Melayu mendirikan persatuan.

79 Rencana Pengarang, *Majlis*, 31.10.1932.

80 *Ibid.*, ucapan Ungku Raja Bon disertakan bersama dalam rencana.

81 Lahir pada 1911 di Temerloh, Pahang. Bersekolah Melayu dan kemudiannya pada tahun 1929 menuntut di Maktabs Sultan Idris Tanjung Malim. Semasa menuntut aktif dalam pertubuhan pelajar dan mendapat aspirasi politik dari pergerakan kebangsaan Indonesia. Pernah bekerja sebagai guru Bahasa Melayu di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. Dari tahun 1939–41 menjadi Pengarang *Majlis*. (Lihat W. R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 219–220).

dengan menggunakan nama penanya "IBHY" pernah mendesak supaya ditubuhkan persatuan umat Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Beliau mengesyorkan supaya orang Melayu yang bersetuju dengan cadangan itu menulis surat kepada *Majlis* menyatakan persetujuan mereka.<sup>82</sup>

Melihat pada desakan dari akhbar-akhbar supaya orang Melayu menubuhkan persatuan, muncullah tokoh-tokoh Melayu yang cuba mengepalai orang Melayu untuk menubuhkan persatuan. Di Perak pada 12 Mei 1933 telah ditubuhkan satu persatuan yang diberi nama "Persekutuan Berhidup Dengan Lebih Baik" yang dipimpin oleh Orang Kaya Menteri Wan Ahmad Rashid.<sup>83</sup> Di Setapak, Selangor, pada tahun 1934 satu pertubuhan diwujudkan dengan diketuai oleh Encik Mohd. Zakaria sebagai Presiden, Encik Ahmad Haji Othman Setiausaha dan Encik Abdul Rahim Kajai sebagai Penasihat.<sup>84</sup> Malahan Persatuan Melayu Selangor<sup>85</sup> yang ditubuhkan pada tahun 1938 itu juga merupakan dorongan daripada akhbar-akhbar Melayu 1930-an.

Keterlibatan akhbar dalam isu desentralisasi seterusnya dapat dilihat semasa Sir Samuel Wilson berada di sini. Selama sebulan Wilson berada di Tanah Melayu akhbar-akhbar Melayu terutamanya *Majlis* tidak henti-henti menyiarkan berita perjumpaan Wilson dengan wakil-wakil pertubuhan yang terdapat di NMB. Apa yang dipentingkan oleh *Majlis* ialah melaporkan berita tuntutan orang bukan-Melayu yang cuba disampaikan kepada Wilson.<sup>86</sup>

Manakala akhbar-akhbar Melayu sibuk dengan berita-berita desentralisasinya, *Malay Mail* juga menyiarkan pokok berita yang sama tetapi dalam nada mengkritik kerana desentralisasi dianggap terlalu "pro-Melayu". Berita-berita perjumpaan di antara persatuan-persatuan perdagangan dengan Wilson disiarkan secara besar-besaran. Tajuk-tajuk berita seperti "Admirable Time", "Summary of Decentralisation",<sup>87</sup> "Plain Speaking by Negeri Sembilan Unofficial",<sup>88</sup> kesemuanya membangkitkan hak orang bukan-Melayu yang akan tergugat akibat desentralisasi.

Perdebatan berkenaan dengan desentralisasi ini berterusan sehingga ke akhir 1930-an. Orang bukan-Melayu yang sering memanggil diri mereka bangsa "Malayan" terus menuntut haknya terutama sekali selepas Sir Samuel Wilson mengeluarkan laporannya yang jelas memperlihatkan kecenderungan terhadap orang Melayu. Dalam satu rencana pengarang, *Majlis* sekali lagi menjelaskan; "Tuntutan puak Malayan nampaknya semakin hebat setelah Sir Samuel Wilson mengeluarkan penyatanya. Kalau dulu bangsa Malayan mengharapkan yang tuntutan mereka akan dikabulkan tetapi terang yang segala tuntutan mereka terbengkalai ..."<sup>89</sup> Dalam satu artikel yang lain

82 "Persatuan Umat Melayu" oleh IBHY, *Majlis*, 2.2.1933.

83 *Majlis*, 22.5.1933.

84 *Majlis*, 22.1.1934.

85 Untuk mendapat gambaran lanjut tentang Persatuan Melayu Selangor ini lihat W.R. Roff, "The Persatuan Melayu Selangor: An Early Malay Political Association", *Journal of Southeast Asia History*, 14, Mac 1968.

86 Rencana Pengarang, *Majlis*, 24.10.1932. Lihat juga artikel "Bangsa Asing Tidak Patut Meminta Hak", *Majlis*, 22.12.1932.

87 *Malay Mail*, 10.10.1932.

88 *Malay Mail*, 21.10.1932.

89 *I b i d*.

perihal tuntutan bangsa 'Malayan' ternyata memarahkan orang Melayu. Antaranya: "Adapun bangsa Malayan yang di dalam Semenanjung mengadap kepada kaum Melayu. Hei tidaklah mereka itu fikirkan adalah negeri ini ialah negeri Melayu, beraja Melayu dan berdarah Melayu. Semenanjung ini bukan India dengan pergerakan Ghandi dan bukan negeri China."<sup>90</sup>

Semakin kuat orang bukan-Melayu mendesak, maka semakin kuat jugalah akhbar-akhbar Melayu menentangnya. Artikel atau rencana pengarang yang membincangkan soal ini masih banyak dimuatkan di dalam akhbar Melayu seperti, "Siapa itu Bangsa Melayu",<sup>91</sup> "Suara Bangsa Asing Merebut Hak-hak Melayu"<sup>92</sup> "Betulkah Bangsa Malayan Bernegerikan Tanah Melayu",<sup>93</sup> "Malayan",<sup>94</sup> "Melayu dan Malayan",<sup>95</sup> "Pekerti Malayan",<sup>96</sup> "Pertentangan Kita Dengan Cina",<sup>97</sup> dan beberapa lagi. Kesemua artikel atau rencana pengarang ini menghentam tuntutan dan dakwaan orang bukan-Melayu.

Perdebatan-perdebatan yang wujud di dalam akhbar-akhbar ini jelas memperlihatkan kesedaran orang Melayu berhubung dengan isu-isu yang ada kaitan dengan mereka. Perdebatan tentang soal desentralisasi ini telah berlanjut kepada soal-soal sampingan seperti kerakyatan, perjawatan dan sebagainya. Keadaan ini berlaku kerana adanya tuntutan daripada orang bukan-Melayu yang memandang desentralisasi sebagai dasar "pro-Melayu". Mereka menuntut supaya diakui sebagai "bangsa Malayan" mudah-mudahan akan memperolehi "hak" seperti orang Melayu. Sebaliknya soal desentralisasi yang dibincangkan oleh akhbar Melayu kurang menyentuh tentang peranan British. Tidak terdapat laungan yang mengkritik atau meminta kuasa yang lebih daripada British untuk orang Melayu.

Walaupun mereka sedar bahawa dasar desentralisasi itu bertujuan memulangkan setengah-setengah kuasa daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri, tidak kedapatan sebarang cadangan dari akhbar Melayu untuk mengadakan kuasa yang lebih kepada Raja atau meminta sebarang pembaruan untuk masyarakat Melayu berhubung dengan kuasa mentadbir. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka beranggapan dengan pemulangan kuasa kepada Sultan secara automatik akan memberi keuntungan kepada orang Melayu, tanpa meninjau struktur politik negeri yang tidak membolehkan Sultan berkuasa penuh. Satu lagi sebab mengapa tidak wujud kesedaran demikian ialah kerana orang Melayu menganggap British sebagai kuasa penyelamat bagi mereka. Dengan berjalannya beberapa dasar yang khas untuk orang Melayu seperti dasar pelajaran, perjawatan dan tanah, maka orang Melayu menerima hakikat bahawa sebarang dasar yang dibuat oleh British tidak akan merugikan mereka.

90 "Bangsa Malayan Di Semenanjung Hendak Bermaharajalela", oleh A'mas, *Majlis*, 4.1.1934.

91 *Majlis*, 4.1.1934.

92 *Majlis*, 8.1.1934.

93 *Ibid.*

94 *Majlis*, 5.2.1934.

95 *Majlis*, 22.2.1934.

96 *Majlis*, 22.2.1934.

97 *Majlis*, 12.4.1934.

Walau bagaimanapun, dalam suasana orang Melayu bergembira menantikan perubahan baru, terdapat seorang tokoh Melayu yang meragui dasar desentralisasi; beliau ialah Ishak Haji Muhammad,<sup>98</sup> seorang pentadbir, sasterawan dan wartawan yang terkenal. Setelah berhenti daripada jawatan Pegawai Pentadbir Melayu pada tahun 1934, beliau memasuki bidang kewartawanan. Ishak melahirkan keraguannya tentang keupayaan orang Melayu memerintah. Kata beliau: "Jikalau kuasa-kuasa yang akan dikembalikan itu diper mudahkan, diperlakukan, dipermain-mainkan atau diperjudikan ... tentu akan hilanglah sifat kasih sayang dan taat orang Melayu kepada Rajanya."<sup>99</sup>

Keraguan Ishak ini ada kaitannya dengan selok-belok pentadbiran yang rumit, terutama sekali berhubung dengan pentadbiran kewangan. Di sini kelahiran Ishak bersetuju dengan pandangan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Shenton Thomas, yang berpendapat bahawa ilmu pemerintah itu bukanlah ilmu yang boleh dipelajari dengan serta-merta walaupun dijalankan dengan seberapa usaha dan ikhlas sekiranya negeri itu tidak berwang.<sup>100</sup> Apa yang lebih penting ialah pendapat Ishak berhubung dengan penyatuan umat Melayu. Bagi beliau desentralisasi itu merupakan benih perpecahan umat Melayu:

Empat buah negeri itu telah bersekutu semenjak beberapa tahun. Perjalanan pemerintahan keempat-empat buah negeri itu telah berjalan dengan baik. Urusan-urusan pemerintahan dan pergaulan-pergaulan di antara anak negerinya telah terikat dengan kuat, tiba-tiba perikatan itu hendak diurak dan dirombak ... sesungguhnya umat Melayu raya akan mendapat keselamatan itu terletak di atas asas persekutuan dan pakatan.<sup>101</sup>

Dalam satu karangannya yang lain, Ishak telah mengkritik wujudnya perasaan kenegerian di kalangan masyarakat Melayu. Perasaan kenegerian ini juga merupakan punca perpecahan umat.<sup>102</sup> Sebaliknya Ishak lebih mementingkan penyatuan umat Melayu seluruh Tanah Melayu. Beliau pernah menjelaskan pendirian ini dalam artikelnya yang bertajuk "Keselamatan Malaya". Dalam artikel ini beliau menjelaskan bahawa: "Sudah sampai masanya kita mesti bersedia bersatu, bersekutu dan berbantu kerana menjaga keselamatan bangsa dan tanahair kita."<sup>103</sup>

Pandangan Ishak ini tidak mendatangkan sebarang reaksi daripada akhbar Melayu kecuali seorang penulis dengan memakai nama penanya "Ibn Mas'ud" yang cuba menafikan perpecahan umat seperti yang disebutkan oleh Ishak. "Ibn Mas'ud" berpendapat desentralisasi tidak akan

98 Barangkali sudah umum diketahui tentang tokoh ini kerana seringkali dibincangkan dalam tulisan-tulisan yang berhubung dengan nasionalisme Melayu. Untuk biografi beliau, lihat W.R. Roff, Nasionalisme Melayu, him. 223. Lihat juga Abdul Latif Abu Bakar, Ishak Haji Muhammad, *Penulis dan Ahli Politik*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

99 "Perubatan Baru", *Warta Ahad*, 21.2.1936. Artikel ini kemudiannya disiarkan pula oleh *Majlis* pada 27.2.1936.

100 *Ibid.*

101 *Ibid.*

102 "Persaudaraan Antara Rakyat Benua Melayu", *Warta Ahad*, 24.5.1936.

103 *Warta Ahad*, 23.3.1936.

memecahkan umat Melayu kerana ikatan pergaulan umat Melayu raya itu berpunca daripada ikatan adat dan agama yang satu.<sup>104</sup> Selain daripada "Ibn Mas'ud" tidak kelihatan penentangan yang jelas terhadap pandangan Ishak.

### Kemunculan Persatuan-persatuan Negeri Melayu

Tahun 1937—41 memperlihatkan tertubuhnya persatuan-persatuan negeri Melayu di Semenanjung. Kewartawan telah memainkan peranan yang penting dalam memberikan kesedaran politik di kalangan orang Melayu. Golongan wartawan juga telah melibatkan diri dalam pergerakan yang berunsur politik dan memberikan pandangan yang membina terhadap penubuhan persatuan serta mencari pemimpin yang betul-betul berminat terhadap politik. Persatuan Melayu Perak ditubuhkan pada 18 September 1937 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan diikuti pula oleh Persatuan Melayu Pahang pada 20 Mac 1938, Persatuan Melayu Selangor pada 31 Jun 1938 dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan pada 9 September 1938. Di samping itu, wujud juga Persatuan Melayu Pulau Pinang dan Melaka, iaitu Cawangan Kesatuan Melayu Singapura. Persatuan-persatuan Melayu tersebut boleh dianggap sebagai berhaluan kanan kerana mempunyai perasaan taat setia kepada Raja-raja Melayu dan Kerajaan British.<sup>105</sup>

Persatuan-persatuan Melayu sebelum tahun 1941 lebih merupakan organisasi semi-politik yang berdiri di belakang sultan-sultan. Setiap kali bermesyuarat, mereka kerap mengambil keputusan taat setia kepada sultan dan bekerjasama dengan pemerintah British. Biasanya isu yang menjadi perbincangan ialah tuntutan bangsa asing dan beberapa dasar pemerintahan bagi kepentingan orang Melayu. Di samping itu, mereka meminta memperkuatkan kedudukan sultan dan wakil-wakil Melayu di Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Negeri.<sup>106</sup> Mereka juga beranggapan bahawa pemerintah British merupakan kuasa penjajah yang bertimbang rasa. Bangsa Melayu pasti tercicir jika tidak adanya sikap paternalisme daripada pemerintah British.<sup>107</sup>

Corak pimpinan persatuan-persatuan Melayu itu pula adalah lanjutan dari corak pimpinan Melayu tradisional kerana masih lagi terdapat unsur-unsur aristokratik di dalam pemilihan pemimpin-pemimpinnya.<sup>108</sup> Ibrahim

104 "Perubahan Baru", *Warta Ahad*, 19.4.1936.

105 Walaupun persatuan-persatuan Melayu diwujudkan secara berasingan dan mengikut perlembagaan masing-masing, tujuannya adalah sama. Mereka tetap mengamalkan perasaan yang taat kepada kerajaan British dan Raja-raja Melayu. Persatuan-persatuan ini lebih menumpukan perhatian kepada kepentingan orang Melayu dan menghindar orang asing di Tanah Melayu. Di antara perjuangan mereka terhadap kepentingan orang Melayu ialah:-

- (i) menggalakkan orang Melayu belajar di peringkat yang lebih tinggi;
- (ii) mengemukakan pandangan orang Melayu kepada kerajaan British;
- (iii) memperjuangkan kebijakan orang Melayu dengan mengikut undang-undang;
- (iv) menolong kerajaan British bagi menggalakkan orang Melayu membaiki kedudukan mereka; dan
- (v) mewujudkan perpaduan di kalangan orang Melayu serta perasaan yang menghormati kebudayaan Melayu termasuk taat setia kepada Raja-raja Melayu.

106 I.K. Agastja, *Sejarah dan Perjuangan Melayu*, Penerbit Nusantara, Jakarta, 1951, hlm. 68.

107 Mohamad Mokhtar bin Mohd. Noor, *Persatuan-persatuan Politik Melayu Melaya Sebelum Perang Dunia Kedua*, Kajian Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970/71.

108 Persatuan Melayu Selangor dipimpin oleh Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yasin (Kerabat Diraja Negeri Sembilan); Persatuan Melayu Pahang dipimpin oleh Tengku Mohamad ibni Almarhum Sultan

Yaakub menganggap dasar politik yang diamalkan oleh pemimpin persatuan Melayu yang berhaluan kanan ini sebagai "kebangsaan sempit", yang hanya memikirkan soal daerah, adat istiadat, hak istimewa orang besar, raja-raja dan orang Melayu sebagai anak negeri.<sup>109</sup> Pemilihan ahli-ahlinya terserahlah kepada perlombagaan sesuatu persatuan. Persatuan Melayu Perak tidak mengikut takrif 'Melayu'; begitu juga Persatuan Melayu Negeri Sembilan.<sup>110</sup> Persatuan Melayu Selangor pula pada peringkat awalnya menetapkan bahawa pegawai persatuannya hendaklah orang Melayu yang bukan pegawai pemerintah atau kakitangan Kerajaan.<sup>111</sup>

Persatuan Melayu Perak (PMPK) ialah persatuan negeri Melayu pertama yang wujud di Tanah Melayu; di antara tujuan PMPK ialah:<sup>112</sup>

- (a) kerjasama antara ahli-ahli,
- (b) meninggikan taraf pelajaran dan ekonomi,
- (c) melahirkan taat setia kepada Great Britain, Kerajaan dan Raja-raja Melayu, dan
- (d) bekerjasama dengan Kerajaan British demi memajukan kepentingan orang Melayu.

Pengasas dan Presiden PMPK yang pertama ialah Wan Mohd. Nur bin Wan Nasir (Merinyu Kesihatan di Batu Gajah).<sup>113</sup> Dalam pembukaan mesyuarat penubuhan PMPK di Dewan Bandaran Ipoh, yang dihadiri oleh 104 orang, Wan Mohd. Nur menegaskan bahawa PMPK ini diuntukkan bagi rakyat biasa dan takut mencemar nama baik orang besar jika mereka di jemput menghadiri mesyuarat ini.<sup>114</sup> Walaupun PMPK ialah sebuah pergerakan Melayu yang wujud ketika itu ia dikatakan tidak mahu melibatkan diri dalam perkara-perkara yang berhubung dengan politik dan agama.<sup>115</sup> Ini

Ahmad (Keturunan Sultan Pahang), manakala Persatuan Melayu Perak pula dipimpin oleh Wan Mohd. Nur bin Wan Nasir daripada keluarga Menteri Perak.

109 I.K. Agastja, op. cit., 68

110 Takrif 'Melayu' salah sesuatu penetapan bagi menentukan seseorang itu sebagai Takrif Melayu (diterima sebagai Takrif Melayu). Persoalan tentang takrif Melayu banyak dibincangkan di dalam akhbar-akhbar Melayu seperti *Warta Melayu*, *Utusan Melayu*, *Saudara*, *Lembaga Melayu*, dan sebagainya. Masalah takrif Melayu turus dibincangkan di dalam Kongres Melayu Se-Malaya Yang Kedua yang diadakan di Singapura pada tahun 1940.

111 Ibrahim Ya'akub, *Melihat Tanah Air. Kelantan*, 1941 (dicetak semula oleh Percetakan Timur, Kuantan, 1975), him. 67.

112 Lihat rencana, "Persekutuan Melayu Perak Telah Ditubuhkan", *Majlis*, 22.9.1937.

113 Penubuhan Persatuan Melayu Perak (PMPK) yang banyak menjalankan mesyuarat dalam bahasa Inggeris adalah bertujuan mendapatkan perhatian dari wartawan-wartawan suratkhabar Melayu dan Inggeris. *British Association of Malaya* yang menerbitkan majalah *British Malaya* melalui keluarannya bulan Oktober 1937, Vol. 12 (him. 138) yang diterbitkan di London telah mensifatkan penubuhan PMPK itu suatu perkembangan baru dalam menghapuskan fikiran sempit orang Melayu. Sebaliknya PMPK akan membentuk suatu pandangan hidup yang luas bagi menjalankan kegiatan untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu. *British Malaya* juga yakin, sekiranya langkah PMPK diikuti oleh orang Melayu yang lain, kemungkinan besar orang Mealy akan membuat sikap 'tidak apa' dan mereka pula akan mempunyai semangat berlumba di dalam dunia moden yang penuh pancaroba/percubaan seperti yang terdapat di dalam konsep 'The Survival of the Fittest'. Lihat W.R. Roff, op.cit., him. 120, yang menyatakan bahawa PMPK telah bercadang mengeluarkan jurnal dalam bahasa Inggeris yang diberi nama *Malay Organ* tetapi tidak pernah wujud.

114 Lihat rencana *Majlis*, 22.9.1937.

115 Untuk keterangan lanjut tentang Persatuan Melayu Perak, sila lihat Maymon Arif, *UMNO Semasa Berbuah Pejabat di Perak 1940—1949*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan, 1974.

menyebabkan akhbar *Majlis*, melalui ruangan rencana pengarangnya, "Persekutuan Melayu Perak", mengkritik dasar yang diperjuangkan oleh PMPK:

Kita kluatir bagaimanakah agaknya Persekutuan Melayu Perak itu akan mengurus perjalanananya dengan tidak mencampuri kedua-dua perkara iaitu siasat dan agama yang sangat-sangat besar maknanya di dalam perhimpunan dan pergaulan orang Melayu amnya dan bagaimanakah anggota-anggota lidah persekutuan itu akan menyusun makalah-makalah di dalam majalahnya atas musihat am dengan tidak menyentuh siasat.

*Warta Jenaka* pula berpendapat bahawa walaupun di Perak telah tertubuh persatuan Melayu Perak buat pertama kali di Negeri-negeri Melayu pada tahun 1937, ia belum boleh dikatakan sebagai satu persatuan yang bertujuan politik yang sepenuhnya.<sup>116</sup> Oleh itu, *Warta Jenaka* sangat mengharap agar dapat ditubuhkan persatuan politik Melayu di Perak dengan seberapa segera. Di antara faktor kelambatan mewujudkan pergerakan politik ketika itu adalah sebab sebahagian besar daripada orang Melayu yang berpelajaran tidak mengerti dairih politik. Ada juga yang takut melibatkan diri dalam politik setelah mereka mendengar fitnah, ugutan dan ancaman dari pihak berkuasa.<sup>117</sup> Ini ditambah lagi dengan adanya pemimpin-pemimpin yang tidak mempunyai semangat dan perasaan Melayu serta mengelirukan orang Melayu dengan mengatakan bahawa politik adalah suatu perkara yang ditegah, diharam dan tidak disukai oleh pentadbiran British.<sup>118</sup>

Reaksi orang Melayu Selangor dan akhbar-akhbar seperti *Majlis*, *Saudara* dan *Warta Melaya* terhadap penubuhan Persekutuan Melayu Selangor (PMS) sangatlah menggalakkan. Pada Jun 1938, pihak penaja penubuhan PMS telah menjemput 300 orang menghadiri perjumpaan di Kelab Sultan Sulaiman (Kampung Baru, Kuala Lumpur), tetapi yang menghadirinya lebih daripada 400 orang. Sebanyak \$108/- (bagi 108 orang ahli) telah dikumpulkan (pada pertama kalinya) dan pembayaran tersebut sangatlah memuaskan jika dibandingkan dengan persatuan-persatuan Melayu yang lain ketika itu.<sup>119</sup>

PMS adalah di antara persatuan politik Melayu yang aktif pada penghujung tahun 1930-an; namun demikian aktivitinya terhad. Permohonan dan rayuan PMS biasanya tidak mendapat perhatian dari pihak British. Segala rayuan dan permohonan PMS tidaklah secara kekerasan — mengkritik atau membidas kerana PMS masih takut dengan sikap penjajahan British. Jika tersalah cakap atau terkeras sedikit, akan dicap sebagai komunis atau Kaum Muda (jika berhujah dengan menggunakan ayat-ayat Quran).<sup>120</sup>

116 Ibrahim Ya'akub, di dalam *Melihat Tanah Air*, hlm. 67, menganggap pergerakan Persatuan Melayu Perak (1937—1940) tidaklah aktif kerana perjalanananya terkandas, tersangkul dan terbatas.

117 Rencana Pengarang, "Perkara politik balik berputik", *Warta Jenaka*, 9 Disember 1937, hlm. 3

118 Rencana Pengarang, "Melayu Semenanjung dan Siasatnya", *Warta Jenaka*, 30.10.1937.

119 Lihat Rencana Majlis, 6.6.1938, tentang penubuhan Persatuan Melayu Selangor.

120 Mohammad Yunus Hamid, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961. Mohammad Yunus Hamidi (nama sebenarnya dan dikenali ramai pada tahun 1930-an ialah Mohd. Yunus bin Abdul Hamid) pernah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Penaja Penubuhan Persatuan Melayu Selangor. Apabila Persatuan Melayu Selangor ditubuhkan pada tahun 1938 beliau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa PMS, Daerah Kuala Lumpur. Lihat juga W.R. Roff, *Nationalism*

Kebanyakan jawatan penting di dalam PMS dipegang oleh kerabat diraja. Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin (seorang peguam) menjadi Yang Dipertua, Raja Bon bin Raja Yahya (seorang daripada keluarga aristokrat Selangor) menjadi Penolong Yang Dipertua dan Raja Ya'acob bin Raja Alang menjadi Ahli Jawatankuasa, Daerah Kuala Lumpur.<sup>121</sup> Golongan wartawan turut juga melibatkan diri dalam PMS. Di antara mereka ialah dari wartawan *Majlis* seperti Ramli bin Hj. Tahir (Pengarang *Majlis*) sebagai Ahli Jawatankuasa/Pengerusi Cawangan Petaling Jaya-Pantai, Ibrahim Ya'akub (Penolong Pengarang *Majlis*) sebagai Pemeriksa Kira-kira, Osman bin Kalam (Pengarang *Majlis*), Hj. Mohd. Dahlal Hj. Mas'ud dan Abdul Rahim Kajai (Pengarang *Warta Malaya*) sebagai Ahli Jawatankuasa, Daerah Kuala Lumpur dan sebagainya.<sup>122</sup>

Di antara tuntutan yang pernah dikemukakan oleh PMS ialah:

- (i) Membaiaki perjalanan Tanah Simpanan Melayu. PMS mensifatkan Tanah Simpanan Melayu sebagai "satu kurungan atau lingkungan tanah yang di dalamnya orang-orang Melayu mesti mencari penghidupan, seolah-olahnya sebagai sekawan kambing yang hanya dibenarkan meragut rumput dalam lingkungan tanah simpanan Melayu yang diintukkan bagi mereka, padahal kaum-kaum yang bukan-Melayu umpama binatang buas diberi kebebasan bersuka hati di tanah luas yang di luar lingkungan Tanah Simpanan Melayu itu".
- (ii) Menuntut supaya Askar Melayu diperbesarkan hingga kepada sepuluh batalion. Angkatan Udara dan Laut Tanah Melayu patutlah diadakan.
- (iii) Kemasukan orang dagang/asing hendaklah disekat dengan undang-undang yang ketat.
- (iv) Kemasukan orang Indonesia hendaklah diperbanyak kerana PMS menganggapkan orang Indonesia dari rumpun yang satu (Kepulauan Melayu).<sup>123</sup>
- (v) Mencadangkan kepada Kerajaan British supaya mengkhaskan jawatan-jawatan Pendaftar dan Penolong Pendaftar di Mahkamah

---

Melayu, him. 305 — beliau menyatakan bahawa ketika pecah perang di Eropah pada bulan September 1939, PMS telah mengadakan suatu persidangan pada 10 Sept. 1939 yang dihadiri oleh kira-kira 500 orang. Tengku Ismail telah berucap dan laporan telah pula disampaikan ke London oleh Pesuruhjaya Tinggi British; di antaranya salah bahawa:

(1) orang Melayu Selangor berdiri di belakang Inggeris dalam apa keadaan pun.  
(2) orang Melayu Selangor tetap dalam kezamannya dan tenang dalam fikirannya, serta tidak bergoncang oleh kabar-kabar angin atau rasa takut.  
(3) orang Melayu Selangor memberi sokongan penuh kepada persiapan yang dibuat demi keselamatan Malaya, dan  
(4) orang Melayu Selangor sentiasa berdoa supaya Great Britain dan sekuturnya mencapai kemenangan dan semua imam masjid di Selangor hendaklah diingatkan dengan meminta mereka membacakan doa.

121 Raja Uda bin Raja Muhammad (pegawai Kerajaan British) yang turut menjadi Penaja Penubuhan Persatuan Melayu Selangor telah memberi galakan penubuhan PMS yang bercorak politik. Selepas beliau memberi nasihat kepada mesyuarat Penaja Penubuhan PMS, beliau telah keluar dari mesyuarat tersebut kerana jawatannya sebagai pegawai kerajaan British tidak dibenarkan melibatkan diri dalam aktiviti politik.

122 Untuk keterangan lanjut, sila lihat Mohammad Yunus Hamidi, op. cit., him. 1—4 dan W. R. Roff, "The Persatuan Melayu Selangor", him. 142—143.

123 Mohammad Yunus Hamidi, op. cit., him. 4.

Tinggi kepada orang Melayu dan melantik pegawai-pegawai Melayu bekerja di Pejabat Setiausaha (Persekutuan dan Negeri).<sup>124</sup>

- (vi) Mengutip derma pelajaran bagi menghantar anak-anak Melayu belajar ke Mesir atau Mekah untuk mendapatkan pelajaran agama dan di Eropah pelajaran keduniaan.<sup>125</sup>

Bagi menggalakkan orang Melayu melibatkan diri dalam pergerakan dan pertubuhan politik, *Warta Malaya* (*WM*) turut memainkan peranan penting. Ini banyak dibincangkan di dalam ruangan rencana pengarangnya; umumnya, *Warta Malaya* berpendapat bahawa: "... semua kita akan bersetuju mengatakan bahawa selagi roh kebangsaan itu belum tertinggi maka tiadalah boleh diharap pergerakan yang dibanggakan kepada kebangsaan itu boleh berjaya."<sup>126</sup> Untuk kepentingan orang Melayu amnya, *WM* menyeru supaya wajib diadakan persatuan Melayu bukan sahaja di negeri-negeri yang sudah ada seperti Perak, Selangor dan Pahang bahkan di seluruh Semenanjung. Bagi *WM*, ini adalah disebabkan: "... dalam masa dunia ini bergoncang dengan berbagai-bagai huru-hara maka sebaik-baik dan seteguh-teguh kubu bagi menjaga keselamatan kita ialah dengan bersatu hati fikiran, tujuan, tadbir, siasat dan perbuatan."<sup>127</sup> *WM* mensifatkan pergerakan kebangsaan Melayu ketika itu sebagai "kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu". Tambahan pula ada fitnah yang memomokkan pergerakan tersebut dan ada pula yang menuduhnya sebagai pakatan komunis. Oleh itu *WM* tidak berkehendakkan "kaum samsing" yang merosakkan persatuan bangsa Melayu, sebaliknya, dikehendaki orang-orang yang tulus ikhlas.<sup>128</sup>

Sebelum itu, *WM* turut berasa bangga di atas penubuhan Persatuan Melayu Pahang (PMP) yang berpusat di Kuala Lipis, Pahang, pada 20 Mac 1938. Tengku Mohammad ibni Sultan Ahmad, iaitu wakil Melayu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan serta Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pahang, telah dilantik menjadi Yang Dipertua. Sultan Pahang sendiri telah menghadiri dan memberi ucapan di pembukaan penubuhan persatuan tersebut dan *WM* mengesyorkan supaya Sultan Pahang dilantik menjadi penaungnya. Bagi *WM* orang Melayu haruslah berasa bangga di atas kehadiran Sultan Pahang; jelas *WM* lagi:

124 Usul ini dicadangkan oleh Raja Ya'akub bin Raja Alang.

125 W.R. Roff, "The Persatuan Melayu Selangor". Lihat juga *Majlis* keluaran 23 November, 1938. Tengku Ismail, Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor, mencadangkan usul ini. Beliau telah menyatakan bahawa di antara faktor penubuhan persatuan ini ialah mencari pemimpin-pemimpin untuk masa depan supaya mereka mempunyai pelajaran tinggi di Mesir atau Eropah. Setelah tamat daripada menuntut, mereka akan pulang ke Tanah Melayu untuk menjadi pemimpin anak cucu kita. Dengan adanya pemimpin yang berkebolehan ini maka dapatlah orang Melayu mengelakkan daripada tekanan dan pemerasaan orang asing di Tanah Melayu. Lihat juga Radin Saenarno, 'The Political Attitude of the Malays Before 1945', Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura, 1959 dan "Malay Nationalism, 1900-1945", JSEAH, 1 Mac 1960.

126 Rencana Pengarang, "Roh Kebangsaan Cina Melayu", *Warta Malaya*, 8.7.1938.

127 Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Negeri Sembilan", *Warta Malaya*, 23.7.1938.

128 Rencana Pengarang, "Roh Kebangsaan Cina Melayu", *Warta Malaya*, 8.7.1938.

129 Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Pahang", *Warta Malaya*, 22.3.1938. Ibrahim Ya'akub yang pernah melawat ke Pahang pada Ogos 1940 telah mencatatkan tentang PMP di dalam bukunya *Melihat Tanah Air* (1941): "Persatuan ini digemari oleh orang Melayu Pahang. Sekadar oleh sebab urusan-urusannya belum begitu sempurna menyebabkan kemajuan itu terlambat sedikit. Dalam pada itu pun tentulah ada harapan akan jaya dengan sempurna pada suatu masa akan datang kerana perasaan bersatu itu telah timbul di hati orang Melayu. Istimewa pula orang Pahang itu sudah mengikut kerana

Warta Malaya yakin mengatakan bahawa titah Yang Maha Mulia yang telah disampaikan itu akan memberi kesan di dalam tiap-tiap hati umat Melayu Pahang bahkan inilah tali muhibah yang akan menambat hati tiap-tiap rakyat kepada setia dan kasih kepada Yang Maha Mulia serta kepada kerajaannya dan kita percaya tiap-tiap orang akan berlumba-lumba akan menunjukkan setia taat kepada Yang Maha Mulia dan kepada kerajaan.<sup>129</sup>

Di samping itu, *WM* juga memberi pandangan dan cadangan terhadap PMP untuk mencapai matlamat dan kejayaan orang Melayu. Umpamanya, *WM* mengemukakan pendapatnya di atas keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa PMP pada September 1938 tentang persetujuan mereka menyiasat perihal kehidupan orang-orang kampung selama tujuh puluh hari saja. Bagi *WM*, penyiasatan yang hendak dilakukan di Pahang ini tidak mungkin cukup masanya kerana Kesatuan Melayu Singapura yang menyiasat di Singapura telah mengambil masa tiga bulan. *WM* mencadangkan supaya ditetapkan selama setahun sekiranya ingin mencapai matlamat yang dicitakan itu.<sup>130</sup>

Untuk menjayakan sesuatu persatuan itu pula, terutama PMP, *WM* menyeru orang ramai supaya bekerjasama dan menyokong menjayakan pergerakan tersebut. Dengan penuh harapan *WM* menyuarakan:

Kemudian daripada itu *Warta Malaya* suka mengambil peluang kerana berharap kepada umat Melayu Pahang amnya termasuk umat Pahang supaya bekerjasama bagi membina serta menguatkan tubuh persatuan Melayu Pahang itu. Persatuan Melayu Pahang itu berkehendakkan kepada pemimpin tetapi yang lebih-lebih dikehendaki ialah pihak yang dipimpin. Persatuan ini bukanlah persatuan bermain sport tetapi ialah persatuan yang akan berdiri kerana menjadi ganti umat berdamping dengan kerajaan atas barang yang difikirkan boleh mendatangkan kebajikan. Perdampingan umat dengan persatuan ini sangat-sangat dikehendaki supaya tabah supaya persatuan itu dapat bertubuh kepada sebenar-benar pertubuhan umat.<sup>131</sup>

*WM* juga turut menggalakkan persatuan-persatuan Melayu yang telah ditubuhkan (iaitu, di Perak, Pahang dan Selangor) mengikut jejak langkah perkembangan Kesatuan Melayu Singapura yang telah wujud dan maju sejak tahun 1926 lagi. Manakala negeri-negeri yang belum mempunyai persatuan masing-masing diseru oleh *WM* supaya menubuhkannya dengan seberapa segera demi kepentingan bangsa Melayu. Sebelum persatuan itu ditubuhkan *WM* menyarankan supaya mereka menghantar penganjur-penganjur bagi menyiasat dan mempelajari pergerakan Kesatuan Melayu

perasaannya tidak banyak berpecah belah. Mereka gemar menasihat dan berhajat sangat pada kemajuan. Hanyalah mereka menantikan pimpinan sahaja — mereka akan mengikut dengan mudahnya." Libat juga Editorial, *Free Press*, keluaran 24.3.1938, tentang pandangannya terhadap pertubuhan Persatuan Melayu Pahang:

"It will not have been overlooked that in Pahang the Association has the blessing of the Sultan almost certainly an essential point under present condition — and that Malay royalty played a prominent part in the inaugural meeting. This in itself must restrict the scope of the Association's work, but it cannot be avoided at this juncture. Similarly other leaders are Malays holding prominent posts in the government services, which again, must impose restrictions on the extent to which they can propose schemes to which the High Commissioner may be opposed, and must curtail criticism of Government action and policy".

130 Rencana Pengarang, "Baru lambat asalkan selamat", *Warta Malique*, 2.9.1938.

131 Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Pahang", *Warta Malique*, 22.3.1938.

Singapura yang mungkin sudi membantunya.<sup>132</sup>

Sehingga bulan Julai 1938, Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menubuhkan persatuan Melayu masing-masing kecuali negeri Sembilan. Oleh itu, WM turut juga menyeru orang Melayu Negeri Sembilan supaya mewujudkan Persatuan Melayu Negeri Sembilan dengan secepat mungkin sebelum sesuatu perkara berlaku atau terdesak. Ini ditegaskan oleh WM:

... kita syorkan supaya pemuda-pemuda dan penganjur-penganjur di negeri itu berunding beberapa segera kerana kita percaya apabila terbina Persatuan Melayu Negeri Sembilan itu maka semangat persatuan itu akan bertiup pula ke negeri Johor, Kedah, Perlis dan Terengganu. Tetapi sebaliknya jika penganjur-penganjur Melayu di negeri itu berkeras juga berpegang kepada hujah-hujah seperti yang disebutkan di atas itu atau berfikir kerana nama negeri itu Negeri Sembilan maka dia mestilah menantikan gilirannya yang ke-9 ataupun kerana ia sebuah negeri yang kecil tiada wajib mendirikan persatuan sebagaimana seorang budak kecil yang belum akal baligh tiada wajib mendirikan sembahyang maka terpaksa kita mengaku ... dan enggan kita mendatangnya apa-apa fikiran lagi.<sup>133</sup>

Bagi WM, orang Melayu Negeri Sembilan tidak kurang mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkebolehan bagi mewujudkan persatuan; kata WM:

Orang Melayu Negeri Sembilan mempunyai seorang pemerintah yang sangat luas pengalamannya dalam ilmu pentadbiran, mahir dalam ilmu undang-undang, tambahan pula Baginda disokong empat orang Datuk Undangnya yang bijaksana dan dengan kelebihan itu orang Melayu Negeri Sembilan tidak menaruh sedikit kebimbangan atas hal muslihat dan siasat negerinya.<sup>134</sup>

Akhirnya, langkah bagi menubuhkan Persatuan Melayu Negeri Sembilan telah diambil dengan mengatakan satu perjumpaan di Istana Hinggap, Seremban pada 9 September 1938. Usaha ini tercapai dan pada 13 Julai 1939, Persatuan Melayu Negeri Sembilan didaftarkan. Dengan tertubuhnya Persatuan Melayu Negeri Sembilan, WM mengharapkan agar persatuan tersebut akan juga meniupkan semangat perniagaan.<sup>135</sup>

Kelantan pula ialah Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang pertama ingin menubuhkan persatuan Melayu. Pada 8 Julai 1938, satu perjumpaan pemimpin Melayu Kelantan telah diadakan dan berjaya menggubal sebuah perlembagaan bagi mewujudkan persatuan yang dicitakan itu. Malangnya kerajaan Kelantan menolak usaha-usaha tersebut kerana sebahagian besar daripada tujuan-tujuan persatuan tersebut sukar difahami dan terlalu sukar untuk dilaksanakan, sedangkan tujuan-tujuan persatuan tersebut memang menjadi tanggungjawab kerajaan Kelantan menjalankannya. Memandangkan sahaman politik adalah perkara baru di Kelantan, ia menyebabkan golongan konservatif yang masih berpengaruh dalam pentadbiran di Kelantan turut berusaha menolaknya.<sup>136</sup>

132 Rencana Pengarang, "Ingatan kepada Kesatuan Melayu", *Warta Malaya*, 28.7.1938.

133 Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Negeri Sembilan", *Warta Malaya*, 23.7.1938.

134 *Ibid.*, him. 10.

135 Rencana Pengarang, "Semangat Perniagaan", *Warta Malaya*, 16.9.1938.

136 Mohamad Mokhtar bin Mohd. Nor, op. cit., him. 16.

*WM* pula menyokong ura-ura orang Kelantan hendak menubuhkan persatuan Melayu, *WM* penuh berharap agar usaha-usaha orang Kelantan itu akan mendapat sokongan daripada kerajaan Kelantan kelak; maka ditegaskan:

*Warta Malaya* menyertai cita-cita umat Melayu Kelantan dalam permintaan mereka itu dengan tiada menaruh syak sedikit juu pun kepada kerajaan Kelantan akan mengambil langkah yang akan menyekat atau menghalang cita-cita yang baik itu kerana adapun tadbir yang terutama yang wajib dipakai oleh kerajaan ialah menghendaki pendirian persatuan yang seumpama itu kerana berharap kepada buah usaha yang bukan sahaja memimpin umat Melayu Kelantan kepada jalan yang berguna tetapi ialah juu diharapkan memberi peluang kepada mereka itu bekerjasama dengan kerajaan ...<sup>137</sup>

*WM* mengharapkan agar Persatuan Melayu Kelantan yang hendak ditubuhkan itu akan menjalankan pentadbiran persatuan dengan jayanya. Di samping menanamkan semangat cintakan negara, persatuan tersebut hendaklah juga menggalak dan memajukan perkembangan ekonomi orang Melayu seperti perniagaan, bercucuk tanam, persawahan, dan berternak. Persatuan Melayu Kelantan patut juga mengikut perkembangan politik negeri Kelantan terutama sekali hal-hal yang berhubung dengan jawatan-jawatan kerajaan yang harus direbut oleh orang Melayu yang berkelayakan.<sup>138</sup>

Walaupun usaha orang Kelantan hendak menubuhkan Persatuan Melayu Kelantan tidak disokong oleh kerajaan Kelantan, *WM* tetap menyeru orang Melayu Kelantan supaya tidak berputus asa dan berusaha sehingga berjaya. *WM* berpendapat ini mungkin disebabkan tiadanya penganjur-penganjur Melayu yang cukup usaha, boleh diharap serta mengetahui kaedah-kaedah mengatur dan mentadbirkan perjalanan persatuan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan Kelantan. Di antara faktor yang menghalang penubuhan persatuan tersebut adalah kerana tujuannya bercampur gaul dengan perkara-perkara agama, adat resam dan perniagaan. Faktor ini menyebabkan *WM* tidak menyalahkan kerajaan Kelantan seperti katanya:

Adapun keputusan pihak yang berkuasa enggan meluluskan pertubuhan persatuan yang telah dipohon itu tiadalah sayugianya difahamkan sebagai langkah yang tidak bertumbang rasa kepada cita-cita yang mulia daripada anak negeri Kelantan dan wajiblah jangan sekali-kali disangka keputusan itu tidak adil kerana yang sebenarnya kita pun bersetuju bahawa sebuah persatuan yang tiada tentu asasnya dan keliru tujuannya tiada sayugia ditubuhkan walau di mana-mana sekalipun kerana tiada kebaikannya dan barangkali banyak bahayanya.<sup>139</sup>

Namun begitu *WM* tetap menyemarakkan lagi semangat orang Kelantan supaya tidak putus asa di atas kegagalan mereka menubuhkan persatuan yang dicita-citakan itu. Sekiranya mereka tidak terus berusaha menubuhkan Persatuan Melayu Kelantan, pasti pada suatu ketika (tidak berapa lama lagi), kekuatan dan kekuasaan orang Melayu Kelantan akan

<sup>137</sup> Rencana Pengarang, "Roh Persatuan Melayu sampai ke Kelantan", *Warta Malaya*, 11.7.1938.

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Kelantan", *Warta Malaya*, 22.9.1938.

berpindah ke tangan bangsa-bangsa asing. Jika persatuan ini berjaya ditubuhkan, dapatlah orang Melayu Kelantan menanam dan menghidupkan semangat bersatu serta perasaan kasih sayang kepada tanahair, berjimat cermat dan mencari jalan bagaimana anak negeri boleh mendapat pelajaran tinggi. Sebaliknya, *WM* mengharapkan agar persatuan yang hendak ditubuhkan itu tidak mempunyai cita-cita yang melambung-lambung:

...ibarat membuat sebuah rumah apabila empat tiangnya telah terdiri maka barulah boleh dipasang rasuknya, bendulnya, lantainya, rabungan, atap, dinding dan lain-lain lagi hingga bersifat ia seperti sebuah rumah tetapi apa yang telah dipohon oleh pemuka-pemuka persatuan Melayu Kelantan itu kepada kerajaannya ialah umpama permohonan mendirikan sebuah mahligai di angkasa.<sup>140</sup>

### Kongres Melayu Se Tanah Melayu

Cita-cita orang Melayu mewujudkan Kongres di kalangan persatuan-persatuan Melayu telah tercapai buat pertama kalinya pada 6 Ogos 1939, apabila diadakan perjumpaan wakil-wakil persatuan Melayu Semenanjung (Kongres Melayu Se-Malaya) di Kuala Lumpur. Kongres ini adalah di atas inisiatif Persatuan Melayu Selangor dan Kesatuan Melayu Singapura. Sebanyak tujuh persatuan yang wujud ketika itu telah mengambil bahagian untuk berikhtiar bagi menjadikan persatuan Melayu di Tanah Melayu lebih maju dan tetap perjalannnya.<sup>141</sup> Akhbar *Majlis* banyak melaporkan dan mengulas tentang perjalanan Kongres tersebut dan mensifatkannya sebagai berjaya. Di samping itu, Majlis berharap agar persatuan-persatuan Melayu mengadakan mesyuarat khas bagi menyekat kemasukan dan aktiviti orang asing. Segala keputusan tersebut hendaklah dihantar kepada Kerajaan British.<sup>142</sup>

Ibrahim Ya'akub (I.K. Agastja) di dalam bukunya, *Sejarah dan Perjuangan di Malaya*, mensifatkan Kongres ini sebagai menghormati dan menaati Kerajaan British dan Raja-raja Melayu. Kongres ini lebih mementingkan pembelaan terhadap kepentingan orang Melayu dan menunjukkan semangat anti orang asing di Tanah Melayu. Tengku Ismail yang dilantik menjadi

140 Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Kelantan", *Warta Malaya*, 22.9.1938.

141 Lihat W.R. Roff, *Nationalisme Melayu*, hlm. 307. Dari negeri Perak hanya dihantar pemerhati manakala Kelantan hanya menghantar ucapan selamat dari Persatuan Setiawan Belia, Kelantan. Persatuan yang hadir ialah Persatuan Melayu Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Seberang Perai dan Kesatuan Melayu Singapura serta cawangannya Pulau Pinang. Masalah takrif 'Melayu' menjadi perbincangan di dalam Kongres ini juga tentang kekurangan orang Melayu melibatkan diri dalam persatuan-persatuan Melayu. Walaupun ada cadangan untuk menggabungkan persatuan-persatuan seluruh Tanah Melayu ketika itu, cadangan ini menjadi buntut apabila kebanyakan perwakilan masih mempunyai semangat kedaerahan masing-masing. Ishak Haji Muhammad, yang mewakili Kesatuan Melayu Singapura, telah mencadangkan supaya digabungkan persatuan-persatuan Melayu yang wujud ketika itu menjadi Persekutuan Persatuan-persatuan Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang berpusat di Kuala Lumpur. Akhirnya Kongres bersetuju mewujudkannya di dalam Kongres yang akan datang. Kongres juga bersetuju menjadikan 6 Ogos sebagai 'Hari Kebangsaan Melayu'.

142 Pengarang *Majlis* ketika ini ialah Ibrahim Ya'akub. Beliau telah memberikan kerjasama yang erat bagi menjayakan Kongres ini dengan menyiarangkan rencana-rencana dan mengulas di dalam ruangan rencana pengarang *Majlis*, di antaranya laporan "Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan-persatuan Melayu", *Majlis*, 24.7.1939; "Perjumpaan wakil-wakil Persatuan Melayu Semenanjung di Kuala Lumpur", *Majlis*, 7.8.1939; dan 9.8.1939 dan Rencana Pengarang, "Persatuan Melayu Wajib Melangkah", *Majlis*, 14.8.1939. Lihat juga Md. Sharif Abu Hassan, "Akhbar Majlis (1931—1940)", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan, Bangi 1977.

Pengerusi Kongres Melayu tersebut telah meletakkan Kerajaan British sebagai kuasa yang penting di Tanah Melayu. Di dalam ucapannya, Tengku Ismail berkata:

Pemerintah Inggeris itu adalah seumpama air, orang tidak mengambil berat akan air kerana di mana-mana ada air, tetapi kalau satu orang sampai kepada satu padang pasir, air tidak ada, maka barulah orang mengerti bagaimana baiknya, pentingnya, mustahaknya air. Begitulah pemerintah British itu, andai kata kalau dia pergi dari kita, barulah kita rasa bagaimana baiknya pemerintah British itu kepada bangsa kita.

Bilangan orang Melayu melibatkan diri dalam persatuan-persatuan Melayu pada penghujung tahun 1930-an amatlah kurang. Perkara ini turut dibincangkan di dalam Kongres Melayu pada 6 Ogos 1939. Daud bin Mohd. Syah (Yang Dipertua Kesatuan Melayu Singapura) berpendapat bahawa kebanyakan orang Melayu yang "tidak cukup pelajaran" masih belum menyedari tentang kebaikan persatuan-persatuan politik Melayu. Di samping itu mereka masih tidak mempercayai kepada pemimpin-pemimpin muda (baru) untuk membuat pembelaan terhadap kepentingan orang Melayu dan takut kepada perjuangan-perjuangan Melayu kerana dikatakan sebagai bersifat subversif (seperti Kaum Muda dan komunis), iaitu bertujuan menderika terhadap Kerajaan British, Raja Melayu dan sebagainya.

Oleh itu, bagi menjayakan pergerakan politik, WM mengingatkan orang Melayu supaya jangan terpedaya menerima pemimpin-pemimpin yang palsu iaitu yang ingin menawarkan diri untuk berkhidmat bagi bangsa pada hal niatnya "pepat di luar, rencong di dalam"; hendaklah menilik darahnya, kemudian hatinya. Dengan ini WM tidak setuju jika pemimpin untuk pergerakan tanahair itu bukan dari darah bangsa Melayu; WM menambah lagi:

... belum pernah terjadi di dalam dunia ini kejayaan sesuatu bangsa itu dengan dipimpin bangsa yang lain kecuali sekali-sekala pada hal sekali-kali itu tiada kebilangan supaya dielakkan perbuatan kita itu umpamanya menyuruhkan padi kita kepada tentera menghargai tikus boleh jadi dijaganya daripada bencana pipit tetapi dimakannya.<sup>143</sup>

WM mengharapkan agar pemimpin Melayu yang dipilih itu hendaklah bekerja "mencanai budi fikiran" mereka dari semasa ke semasa hingga mencapai kejayaan. Bagi WM, pekerjaan seseorang pemimpin (sesuatu bangsa) itu tidak akan berjaya selagi bangsa yang dipimpin itu belum tahu menghargai fikiran pemimpin-pemimpin mereka. Untuk menjayakan usaha-usaha pemimpin itu pula, WM berharap agar bangsa Melayu menjadi suatu bangsa yang mengerti menggunakan kepimpinan mereka. Bagi menunjukkan kepercayaan orang ramai kepada seseorang pemimpin, WM mengharapkan agar pemimpin tersebut hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik; kata WM:

143 W.R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 308.

144 Rencana Pengarang, "Mencari pemimpin dan kewajipan pemimpin," 12.9.1938.

145 *Ibid.*

... mereka itu akan menjadi cermin bangsa yang dipandang oleh umat setiap masa oleh itu wajiblah bagi pemimpin-pemimpin itu menunjukkan dan meninggalkan teladan-teladan yang baik kepada kaum supaya memberi kepercayaan mereka itu. Hendaklah dijaga bahawa teladan yang cemerit bukan sahaja akan menghilangkan martabat mereka itu tetapi ialah juga bahawa yang demikian itu hanya akan melanggar kepercayaan orang ramai. Akibatnya semata-mata mendatangkan bencana kepada pakatan dan kepada pergerakan bangsa kita.<sup>145</sup>

WM menegaskan juga bahawa pemimpin atau pemuka bukannya satu gelaran atau sesuatu yang dipusakai oleh seseorang tetapi ia adalah satu martabat yang tinggi yang tidak dapat dibeli dengan wang atau dicari melalui sekolah atau kepandaian. Oleh itu WM tidak bersetuju jika sekiranya seseorang pemimpin itu hanya dipilih berdasarkan keturunan martabat yang tinggi; WM menegaskan:

... keturunan seperti Prince, Raja, Syed, Megat, Wan, Nik dan sebagainya walaupun diperanakan di dalam belukar sekalipun jika bapanya Prince maka anaknya itu akan diperanakan sebagai Prince jua tiada berkecuali kayakah ia atau miskin kemudian bijaklah ia atau dungu asalkan anak Nik mestilah Nik juga nama pemimpin tiadalah mustahil diperanakan di tepi kubang dan boleh jadi sebagai seorang kanak-kanak yang lebih rendah daripada martabat kanak-kanak biasa tetapi di belakang baktinya dan tenaganya bagi perkhidmatan kaumnya itulah yang akan menjadi tenaga kepadanya mencapai martabat pemimpin ...<sup>146</sup>

WM dapat juga pemimpin ini tidak mempunyai perasaan yang bertanggungjawab terhadap bangsanya. Walaupun bangsa Melayu telah menyerah nasib mereka kepada pemimpin-pemimpin yang diharapkan, sebaliknya pemimpin-pemimpin ini hanya mengaku dirinya sebagai seorang ahli daripada bangsanya saja. Oleh itu WM mengingatkan orang Melayu supaya berjaga-jaga dengan "pemimpin-pemimpin palsu" ini yang tamakkan nama, kepujian ataupun wang. Mereka ini sanggup mengeluarkan wang kerana mencari nama. Dengan ini orang Melayu hendaklah berhati-hati dengan pemimpin-pemimpin mereka ketika memberi syor-syor yang berguna kepada pemimpin-pemimpin tersebut dan janganlah menaruh kepercayaan saja kepada pemimpin-pemimpin ini. Manakala sikap orang Melayu yang tidak mengambil berat tentang tanahairnya turut dibayangkan oleh WM dengan berkata:

... tiada dinafikan bahawa umat Melayu kita bisu dan sunyi daripada sebarang pergerakan walaupun tanahairnya telah direbut oleh orang asing. Boleh jadi orang-orang Arab Palestine atau orang-orang Burma hairan melihatkan kesabaran kita tetapi tiadalah boleh dikatakan bangsa kita mustahil mempunyai ghairah atau perasaan watani.<sup>147</sup>

Sehingga tahun 1941, negeri Kedah, Perlis dan Terengganu masih belum mempunyai persatuan Melayu seperti di negeri-negeri lain. Di Kedah, orang Melayu masih belum ada ura-ura mewujudkan persatuan Melayu. Orang Kedah sangat taat kepada raja dan pembesarnya, maka mereka memikirkan

146 Rencana Pengarang, "Menyambut kezahiran pemimpin Bangsa", *Warta Malaya*, 8.9.1938.

147 *Ibid.*

bahawa penubuhan persatuan Melayu patutlah diusahakan oleh raja atau pembesar.<sup>148</sup> Di Perlis, kemungkinan tertubuhnya persatuan Melayu masih belum timbul lagi. Di antara faktor utama yang menyebabkan persatuan Melayu belum wujud di Kedah dan Perlis ialah tentang takrif 'Melayu'. Mereka tidak menghiraukan hal ini kerana raja-raja dan pembesar-pembesar di Perlis dan Kedah berketurunan Arab. Harapan orang Melayu mendapatkan pimpinan daripada raja dan pembesar-pembesar amatlah sukar kerana kebanyakan persatuan yang wujud ketika itu menggunakan takrif 'Melayu' berdasarkan sebelah bapa Melayu bagi menentukan seseorang itu diterima sebagai 'Melayu'. Oleh itu, penubuhan persatuan Melayu ini tidak bersesuaian dengan kehendak mereka.

Ishak Hj. Muhammad di dalam rencana bersirinya, "Tiga Tahun di Singapura" (5, 12, 19 dan 26 Oktober 1940) *Utusan Zaman*, (UZ) berpendapat bahawa di antara faktor utama yang menyebabkan negeri Kedah, Perlis dan Terengganu tidak mempunyai persatuan Melayu ialah tiadanya penganjur atau kepalanya dan terdapat hasut-fitnah daripada orang "bukan-Melayu"<sup>149</sup> yang masih kuat menentang persatuan Melayu.<sup>150</sup> Walaupun mereka belum mewujudkan persatuan Melayu, ada juga orang Melayu di negeri-negeri tersebut yang mempunyai semangat bersatu dan bercita-cita mewujudkan persatuan Melayu. Seorang Melayu dari Terengganu (tidak dikenali namanya) telah menghantar sepucuk surat kepada Ishak Hj. Muhammad (ketika bertugas sebagai pengarang *Utusan Melayu*), pada 7 Julai 1940, menyatakan hasratnya untuk memujuk orang Melayu Terengganu menubuhkan persatuan Melayu. Bagi menjayakan cita-citanya ini, beliau telah menyuruh Ishak Hj. Muhammad menghantar senaskah Undang-undang Kesatuan Melayu Singapura (sebagai panduan bagi menubuhkan Persatuan Melayu di Terengganu) kepada Encik Su bin Datuk Amar, Setiausaha Kelab Pantai, yang bersetuju menubuhkan persatuan tersebut.

Pada 25 dan 26 Disember 1940, orang Melayu telah berjaya mengadakan Perjumpaan Kongres Persatuan-persatuan Melayu yang kedua di Singapura.<sup>151</sup> Sebanyak empat puluh satu orang mewakili sebelas buah badan atau persatuan negeri (iaitu Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Johor, Brunei dan Sarawak).

148 Ibrahim Ya'akub, *Melihat Tanah Air*, hlm. 74, dan hlm. 80. Ibrahim Ya'akub berpendapat bahawa orang Kedah tidak mempunyai perasaan yang sama iaitu berpecah belah: terdapat 3 yang berbeza:  
(i) pihak yang memikirkan Persatuan Melayu patutkah didirikan tetapi tidak mahu menggunakan takrif 'Melayu';  
(ii) pihak yang memikirkan Persatuan Melayu tidak mustahak kerana Kedah beraja sendiri dan diperintah oleh satu kumpulan (Majlis) yang duduk serumah; orang Melayu tidak perlu risaukan; dan  
(iii) pihak yang mahukan Persatuan Melayu seperti di negeri Melayu yang lain.

149 Orang bukan-Melayu yang dimaksudkan di sini ialah orang Islam berketurunan Arab dan India (berdasarkan di sebelah bapa). *Utusan Zaman*, 26.10.1940.

150 Lihat juga Ishak Haji Muhammad, *Bersatu Sekarang*, Johor Baharu, 1946, hlm. 61. Ishak telah menyatakan bahawa kegagalan pergerakan kebangsaan sebelum perang dunia kedua adalah disebabkan kekurangan pemimpin yang jujur di kalangan orang Melayu. Kebiasaan pemilihan pemimpin pula adalah jatuh kepada pegawai-pegawai yang berpengaruh, walaupun mereka mempunyai kelulusan yang rendah sebagai pemimpin di dalam sesuatu persatuan Melayu. Sekiranya seorang pemimpin itu mempunyai kelayakan yang cukup, biasanya mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk kepentingan persatuan dan kurang mengambil perhatian tentang pergiolakan yang berlaku ketika itu.

151 Persatuan-persatuan Melayu di negeri Kelantan, Johor, Sarawak dan Brunei telah ditubuhkan setelah Kongres Melayu pertama diadakan pada 6 Ogos 1938.

Tengku Ismail (PMS) dilantik menjadi Pengurus Kongres manakala Ishak Hj. Muhammad (KMS) dilantik menjadi Setiausaha. Sebanyak tujuh belas resolusi telah dibentangkan tetapi hanya lima saja yang diluluskan.<sup>152</sup> Di antara persetujuan yang dicapai di dalam Kongres ini ialah:<sup>153</sup>

- (i) Sebuah Dana *Spitfire* hendaklah ditubuhkan untuk membeli kapal terbang bagi membantu perang British di Eropah (usul dari Persatuan Melayu Selangor).
- (ii) Meminta Kerajaan British memasukkan wakil-wakil Melayu dalam semua utusan keluar negeri (usul dari Persatuan Melayu Negeri Sembilan).
- (iii) Kongres sebulat suara menentang perlaksanaan cukai pendapatan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- (iv) Mendesak Kerajaan melantik seorang Melayu menjadi Penolong Pengarang Pelajaran (usul daripada Kesatuan Melayu Singapura).
- (v) Meminta Kerajaan British supaya memberi peluang dan kemudahan kepada orang Melayu mengikuti pelajaran Inggeris terutama dengan menaikkan peringkat umur bagi kanak-kanak Sekolah Melayu memasuki Sekolah Inggeris.

Walaupun Kongres kedua ini tidak berjaya mewujudkan gabungan persatuan-persatuan Melayu Se-Tanah Melayu, orang Melayu telah berjaya memperkuuh pergerakan politik dan lebih berani mengemukakan hujah-hujah dan cadangan-cadangan yang mendatangkan faedah kepada orang Melayu sendiri. Dato' Onn bin Jafar yang menghadiri Kongres kedua sebagai tetamu istimewa mengatakan: "Sebenarnya bangsa Melayu belum jatuh dan tidak jatuh ... Dengan pendirian persatuan-persatuan Melayu di dalam Semenanjung Tanah Melayu ini saya yakin memang orang Melayu boleh membalikkan kuasa-kuasa yang lalu dan membaikkan kehidupan orang Melayu."<sup>154</sup>

Perjumpaan Kongres kedua ini tidaklah dapat membincangkan semua usul yang dikemukakan oleh setiap wakil kerana kesuntukan masa. Ini menyebabkan *Utusan Zaman* mengingatkan wakil-wakil persatuan Melayu supaya bersedia terlebih dahulu sebelum diadakan Kongres Yang Ketiga di Ipoh pada bulan Disember 1941.<sup>155</sup> Di antaranya *UZ* mengesyorkan, iaitu "... pertama wajib daripada barang yang bernes dan munasabah dan kedua jangan terlalu banyak supaya jangan dibanyakkan sangat seperti dulu akhirnya masa yang singkat itu tiada memberi kesempatan."<sup>156</sup>

Di samping itu, *UZ* mengesyorkan juga supaya pemerhati-pemerhati Kongres di masa akan datang hendaklah dipilih dari wakil-wakil persatuan

152 Untuk keterangan lanjut, sila lihat laporannya di dalam akhbar *Warta Kinta*, keluaran 28.12.1940 dan *Majlis*, keluaran 26.12.1940.

153 W.R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 312.

154 Lihat *Majlis*, 21.12.1940 seperti yang dicatatkan oleh W.R. Roff di dalam *Nasionalisme Melayu*, hlm. 313.

155 Kongres yang ketiga tidak dapat dijalankan kerana berlakunya perang antara Jepun dengan British di Tanah Melayu pada akhir tahun 1941.

156 Rencana Pengarang, "Syor Dalam Perjumpaan Kebangsaan Melayu," *Utusan Zaman*, 23.8.1941, hlm. 8. *Utusan Zaman* ialah cabang *Utusan Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1939. Pengarang utama (ketua) *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* ialah Abdul Rahim Kajai dan beliau bertanggungjawab menulis ruangan pengarang.

Melayu yang muda (yang sedang tumbuh seperti cendawan). Ini adalah bertujuan untuk mereka berlatih dan memerhati peraturan mesyuarat yang dijalankan. Sebaliknya *UZ* berpendapat bahawa Raja-raja Melayu tidaklah patut menghadiri perjumpaan tersebut kerana mereka tidak dibenarkan oleh Kerajaan British masuk campur dalam hal politik dan menyebelahi mana-mana pihak.<sup>157</sup>

Sehingga kedatangan Jepun, orang Melayu masih belum berjaya mewujudkan Gabungan Persatuan-persatuan Melayu seluruh Tanah Melayu seperti yang dicadangkan oleh Ishak Hj. Muhammad ketika Kongres Melayu yang pertama pada 6 Ogos 1938. Namun begitu, kedatangan Jepun ke Tanah Melayu (1941—1945) telah menyemarakkan lagi semangat orang Melayu supaya bekerja keras, bersatu dengan teguh bagi mewujudkan perpaduan dan kekuatan pergerakan mereka. Ini didesakkan lagi apabila Kerajaan British melaksanakan *Malayan Union* pada 1 April 1946. Kali ini orang Melayu lebih bersemangat dan jiwa politik mereka bertambah dari sebelumnya. Orang Melayu telah mengadakan Kongres Melayu Se-Malaya di Kuala Lumpur pada 1 Mac 1946 (dihadiri oleh empat puluh satu buah persatuan Melayu) dan bersetuju mewujudkan sebuah parti politik Melayu. Pada 11 Mei 1946, Kongres Melayu diadakan lagi dan kali ini dibentuk Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR), lebih biasa dikenali sebagai UMNO.

---

157 *Ibid.*

## *Pendudukan Jepun Di Terengganu*

*Muda Mohd. Taib A. Rahman\**

### **Latar Belakang**

Kesultanan Terengganu yang bermula pada tahun 1725<sup>1</sup> itu telah terabit ke dalam kekuasaan Siam mulai tahun 1787,<sup>2</sup> dan pergolakan di antara dua kuasa itu timbul tenggelam sehingga tahun 1909 apabila Siam menyerah Terengganu ke bawah kekuasaan British.

Penguasaan British ke atas Terengganu bermula dengan penandatanganan Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909 antara Siam dengan British. Tiga belas bulan kemudian, iaitu pada 22 April 1910, suatu perjanjian telah ditandatangani di antara Sultan Zainal Abidin Terengganu dengan Gabenor Sir John Anderson yang, di antara lain, mewujudkan keadaan saling bantumembantu, menyerahkan kembali pesalah kepada negeri asalnya, melindungi Terengganu dari sebarang serangan, menegah sultan daripada mengadakan sebarang perhubungan politik dengan mana-mana kuasa asing tanpa persetujuan kerajaan British, dan perlantikan seorang pegawai British untuk tinggal di negeri itu sebagai wakil dengan kuasa seorang konsul.<sup>3</sup>

Buat kali pertama, seorang agen British telah diberi kerusi dalam Jemaah Mesyuarat Negeri, tetapi dengan status sebagai Penasihat saja. Kemudian pada 24 Mei 1919, suatu perjanjian di antara Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Arthur Young, dengan Sultan Muhammad (putera Sultan Zainal Abidin) telah ditandatangani di Singapura.

Perjanjian ini menentukan bahawa Sultan Terengganu akan memberikan sebuah tempat penginapan kepada Pegawai British yang dikenali sebagai 'Penasihat British'. Beliau akan menetap di dalam negeri itu dan nasihatnya mestilah diminta dan dengan itu berkuatkuasa dalam semua perkara berhubung dengan pentadbiran am negeri dan segala persoalan kecuali yang menyentuh soal-soal Agama Islam.<sup>4</sup>

Dengan demikian, pemerintahan tidak langsung British telah bermula.

\* Penulis adalah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

1 M.C. ff. Sheppard, "A Short History of Terengganu", *JMBRAS*, Vol. 22 Pt. 3, 1949, hlm. 7.

2 *Ibid.*, hlm. 19.

3 Sir W.G. Maxwell & W.S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924, hlm. 13.

4 *Ibid.*

Di samping itu, pada tahun berikutnya (1920), seramai tiga orang pegawai British dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu didatangkan ke Terengganu. Seorang menyandang jawatan Pembantu Penasihat, seorang sebagai Jurutera Negeri dan seorang lagi Pesuruhjaya Polis.<sup>5</sup>

Sehingga 1932, terdapat seramai empat orang pegawai dari *Malayan Civil Service* (MCS) dan empat dari *Malayan Professional and Technical Service*,<sup>6</sup> dan sehingga tahun 1937, Terengganu mempunyai seramai enam orang pegawai MCS, iaitu Penasihat British, Penasihat Undang-undang, Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Pembantu Penasihat Daerah Kemaman, Pembantu Penasihat Daerah Besut dan Pegawai Penempatan Kuala Terengganu. Di samping itu, ditempatkan lapan orang pegawai dari *Malayan Professional and Technical Services* yang mengetuai jabatan-jabatan Polis, Kerja Raya, Perubatan dan Ukur.<sup>7</sup> Pengambilan pegawai-pegawai adalah diputuskan oleh Menteri Besar dengan nasihat Jemaah Menteri dan Penasihat British.

### Struktur Pentadbiran

Dengan daya utama Sultan Zainal Abidin III sendiri, suatu perlembagaan bertulis telah digubal pada 2 November 1911. Perlembagaan ini memperuntukkan sebuah Jemaah Menteri dan sebuah Jemaah Mesyuarat Negeri. Hanya Sultan yang berkuasa melantik ahli-ahli bagi kedua-dua jemaah ini.

Jemaah Menteri mengandungi dari lapan hingga dua belas orang menteri yang mesti terdiri daripada rakyat Sultan yang beragama Islam untuk mengetuai jabatan-jabatan kerajaan. Menteri Besar merupakan pegawai eksekutif tertinggi yang dilantik oleh Sultan daripada menteri-menterinya. Menteri Besar adalah juga Ketua Jemaah Mesyuarat Negeri. Jemaah ini adalah satu badan penasihat umum yang mempunyai fungsi membantu Sultan dan Jemaah Menteri dalam pentadbiran negeri.

Keahlian Jemaah Mesyuarat Negeri dilantik dengan nasihat Jemaah Menteri dengan syarat ahli-ahli yang dilantik itu wajib semuanya terdiri daripada rakyat Sultan; tetapi tidak disyaratkan yang mereka itu harus beragama Islam serta berbangsa Melayu. Pada praktiknya, ahli Jemaah Mesyuarat Negeri ini terdiri sama ada daripada pegawai-pegawai kerajaan atau pesara-pesara kerajaan.<sup>8</sup>

### Struktur Pentadbiran Mulai 1937

Mulai 1937, Penasihat British diberi hak bersuara dalam perlantikan pegawai-pegawai. Negeri dipecah kepada tiga jajahan pentadbiran: (i) Jajahan Tengah (Kuala Terengganu) yang terletak secara langsung di bawah penguasaan Pegawai Penempatan, (ii) Jajahan Timur berpusat di Kemaman dan (iii) Jajahan Barat berpusat di Besut. Jajahan Timur dan Jajahan Barat berada di bawah penguasaan Pesuruhjaya Jajahan dengan dibantu oleh

5 Sheppard, *op. cit.*, him. 62.

6 *Terengganu Annual Report*, 1932, him. 3.

7 *Ibid.*, 1937, him. 4.

8 Chan Su Ming, "Kelantan and Terengganu, 1909–1939". *Journal of the Royal Society Malayan Branch (JMBRAS)*, Vol. 38 Pt. 1, 1965, him. 184.

seorang Penolong Penasihat.<sup>9</sup>

Pentadbiran kerajaan Terengganu diketuai oleh Menteri Besar. Di bawahnya ialah Urusetia Negeri yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan. Urusetia dianggotai sepenuhnya oleh pegawai-pegawai Melayu. Ketua-ketua Jabatan mengepalai tiap-tiap jabatan kerajaan.<sup>10</sup> Kerajaan tempatan adalah sebahagian daripada tanggungjawab Pegawai Daerah, Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan tidak diadakan.

Dalam susunan per undangan, terdapat Mahkamah Tinggi; Mahkamah Rayuan juga diadakan. Di bawah Mahkamah Tinggi terdapat mahkamah-mahkamah daerah di Kuala Terengganu, Kemaman dan Besut. Mahkamah-mahkamah daerah ini dianggotai oleh seorang Hakim Melayu (di Mahkamah Daerah Kuala Terengganu) dan Pesuruhjaya Jajahan bersama-sama Penolong Penasihat (di Mahkamah Daerah Kemaman dan Besut).

Bagi Mahkamah Rayuan, anggotanya terdiri daripada Penasihat British dan dua orang yang berpangkat menteri atau pegawai tinggi kerajaan yang dilantik oleh Sultan dengan nasihat Jemaah Menteri.

Urusan hal-hal Agama Islam, terutamanya hal-hal perceraian dan perkahwinan, diselenggarakan oleh Mahkamah Kadi. Di peringkat mukim, segala hal yang agak kurang penting diserahkan kepada bidang kuasa para penghulu dan ketua-ketua kampung pula di peringkat kampung.

Pada keseluruhannya, boleh dikatakan wujud satu suasana yang agak tenteram di seluruh negeri, dan dari keadaan yang wujud itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat kepuasan hati rakyat terbanyak di mana-mana. Pada umumnya, tiada tanda-tanda menunjukkan rakyat yang berjumlah seramai 179,789 orang (164,564 Melayu)<sup>11</sup> yang terdiri daripada nelayan, petani, tukang-tukang, peniaga-peniaga dan lain-lain itu mempunyai kecenderungan atau kesedaran tentang politik.<sup>12</sup>

Akan tetapi, suasana sederhana yang boleh disifatkan sebagai harmonis itu telah tercemar. Secara mengejut, suasana hening telah dinodai oleh kedatangan tentera Jepun dalam bulan Disember 1941.

### Struktur Pentadbiran Jepun

Dengan pendaratan tentera Jepun di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan, pada 8 Disember 1941 dan diakhiri dengan kejatuhan Singapura pada 15 Februari 1942, maka seluruh Tanah Melayu telah berada di bawah kekuasaan tentera Jepun.

Terengganu telah diduduki oleh tentera Jepun mulai 22 Disember 1941.<sup>13</sup> Selama lebih kurang setahun lapan bulan, iaitu sehingga 20 Ogos 1943,<sup>14</sup> apabila Jepun menyerah Terengganu bersama Kedah, Kelantan dan

9 *Terengganu Annual Report 1937*.

10 Enam daripadanya diketuai oleh pegawai-pegawai Inggeris.

11 Banci 1935, *Terengganu Annual Report, 1935*.

12 Cuma waktu Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pada tahun 1937 ternampaklah beberapa orang yang boleh dikatakan mempunyai kesedaran dan kecenderungan dalam politik di Terengganu. Antaranya ialah Ibrahim Fikri, Wan Daud dan Abdul Hamid Haji Muhammad yang menjadi pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu Muda Cawangan Terengganu.

13 Buoyong Adil, *Sejarah Terengganu*, DBP, K.L., 1974, him. 199.

14 Lihat Lampiran 1.

Perlis kepada Siam, Terengganu dengan sepenuhnya telah diperintah oleh Jepun, baik dari aspek ketenteraan maupun pentadbiran awam.

Pemerintah Tentera Jepun telah melakukan beberapa perubahan dalam struktur pentadbiran negeri Terengganu. Tidak seperti British, pentadbiran Jepun telah membahagikan negeri Terengganu kepada lima jajahan atau daerah, iaitu Kuala Terengganu, Dungun, Kemaman, Ulu Terengganu dan Besut (Lihat Rajah I).

Seorang Pesuruhjaya yang terdiri daripada bangsa Jepun ditempatkan bagi menguasai tiap-tiap jajahan, kecuali Daerah Kuala Terengganu yang terletak secara terus di bawah seorang Gabenor (*Shuchiji*). Di bawah Gabenor dan Pesuruhjaya Jajahan atau Pesuruhjaya Daerah, ditempatkan seorang Pegawai Daerah (*Guncho*) Melayu. Di peringkat mukim, seorang Penghulu adalah sebagai wakil Pegawai Daerah, sementara di peringkat kampung pula, terdapat Ketua Kampung.

Tugas seorang Pesuruhjaya Jajahan adalah sebagai wakil pemerintah yang bertanggungjawab kepada Gabenor sementara Pegawai-pegawai Daerah menjalankan pentadbiran daerah masing-masing dan bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya masing-masing.

Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung adalah berkewajipan menjaga dan mengawal keselamatan mukim dan kampung masing-masing. Bagi tujuan ini, tiap-tiap kampung dikehendaki menubuhkan satu unit pengawalan kampung yang dipanggil *jikeidan*.<sup>15</sup>

Perubahan juga dilakukan dalam susunan jabatan-jabatan kerajaan. Perubahan itu dengan rasminya dilaksanakan mulai 7 Mei 1942.<sup>16</sup> Mulai tarikh tersebut, lima Jabatan Besar telah ditubuhkan, iaitu:

- i. *Chiji Kambo* (Pejabat Khas untuk *Shuchiji* Terengganu).
- ii. *Sombu* (Pejabat Am).
- iii. *Zaimubu* (Khazanah).
- iv. *Sangyobu* (Pejabat Perniagaan dan Pertukangan).
- v. *Kotsibu* (Pejabat Perjalanan dan Pengangkutan).

Di bawah lima Jabatan Besar ini, terdapat sebanyak dua puluh buah pejabat yang mengendalikan tugas-tugas pentadbiran yang tertentu:

Di bawah *Chiji Kambo* diadakan dua buah pejabat:

- i. *Shingishitsu* (Bilik Siasat dan Mesyuarat).
- ii. *Shomuka* (Pejabat Am di bawah *Chiji Kambo*).


*Shingishitsu* merupakan suatu badan yang melaksanakan perintah-perintah daripada *Shuchiji* berkenaan satu-satu perkara mustahak dan besar. Satu-satu perintah dan dakwaan *Shuchiji* disiasat dengan halus. Di Pejabat *Shingishitsu* inilah mesyuarat mengenai kes-kes tertentu itu diadakan.

Pejabat *Shomuka* sebenarnya menggantikan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Tugas-tugasnya lebih kurang sama seperti tugas-tugas Pejabat Setiausaha Kerajaan semasa di bawah pentadbiran British. Di samping itu, kedua-dua pejabat ini juga adalah sebagai gantian kepada Pejabat Menteri

15 Unit *jikeidan* ini hampir serupa dengan skim Rukun Tetangga sekarang ini.

16 Lihat Lampiran II.

**RAJAH I**  
**PENTADBIRAN JAJAHAN**



Besar yang ditutup.

Jabatan *Somubu* (Jabatan Am) mengandungi sepuluh buah pejabat di bawahnya yang terdiri daripada:

- i. Pejabat Polis.
- ii. Pejabat Mahkamah, termasuk Mahkamah-mahkamah Kerajaan.
- iii. Pejabat Penjara.
- iv. Pejabat Agama.
- v. Pejabat Pelajaran.
- vi. Pejabat Perubatan.
- vii. Pejabat Menjaga Harta Benda Musuh.
- viii. Pejabat Bandaran.
- ix. Pejabat Cetak.
- x. Pejabat Audit.

Di bawah Jabatan *Zaimubu* (Khazanah) diletakkan:

- i. Pejabat Khazanah.
- ii. Pejabat Kastam, Syahbandar, Candu dan Minuman.

Bagi Jabatan *Sangyobu* (Jabatan Perniagaan dan Pertukangan), terdapat lima buah pejabat di bawahnya:

- i. Pejabat Tanah dan Galian.
- ii. Pejabat Ukur.
- iii. Pejabat Tanaman dan Isi Laut.
- iv. Pejabat Hutan.
- v. Pejabat Kawalan Makanan.

Bagi Jabatan *Kotsubu* (Jabatan Perjalanan/Pengangkutan) pula, dua buah pejabat diletakkan di bawahnya, iaitu:

- i. Pejabat Pos dan Telegraf.
- ii. Pejabat Kerja Raya.

Tiap-tiap pejabat itu, melainkan Pejabat Polis, berkewajipan menjalankan tugas-tugas biasa sebagaimana dalam masa pentadbiran British sebelumnya juga, kecuali jika terdapat arahan dan ketetapan lain daripada pihak berkuasa Jepun. Bagi Pejabat Polis, selain daripada menunaikan tugas polis, pejabat itu bertanggungjawab "menjalankan pekerjaan-pekerjaan menjaga kuli dan orang-orang negeri asing".<sup>17</sup>

Sementara itu, Pesuruhjaya Jajahan dan Pegawai-pegawai Daerah menjaga kerja-kerja mana-mana Pejabat Cawangan di dalam Jajahan atau Daerah masing-masing menurut perintah daripada Ketua-ketua Pejabat yang berkenaan, dikecualikan pekerjaan Pejabat Polis di bawah Pejabat *Somubu*, dan Pejabat Perjalanan.

Dengan berkuatkuasanya arahan baru mengenai susunan perjalanan pentadbiran negeri yang dikeluarkan dengan arahan *Shuchiji*, mulai 7 Mei 1942 didapati antara perubahan yang dibuat ialah memansuhkan dua pejabat penting, iaitu Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Sebagai

17 Lihat Lampiran II.

gantinya, ditubuhkan Pejabat *Shingishitsu* dan Pejabat *Shomuka* di bawah Jabatan *Chiji Kambo*. Selain daripada itu, Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Negeri Langsung tidak berfungsi lagi dalam jangka masa pentadbiran Jepun itu.

Di samping itu pula, terdapat dua buah pejabat baru yang ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas tertentu yang diperlukan dalam masa tidak aman seperti zaman Jepun itu, iaitu Pejabat Menjaga Harta Benda Musuh dan Pejabat Kawalan Makanan.

Bagi perlaksanaan tugas dan perjalanan pejabat-pejabat, semua pejabat diketuai oleh pegawai-pegawai Jepun sendiri, kecuali Pejabat Agama dan Mahkamah yang diketuai oleh Pegawai Melayu. Namun begitu, Penolong-penolong Ketua Pejabat terdiri daripada Pegawai-pegawai Melayu, dan mereka inilah sebenarnya yang menjalankan tugas pentadbiran bagi pihak ketua masing-masing.<sup>18</sup>

Bagi melicinkan lagi pengurusan dan perjalanan sesebuah pejabat, maka dikeluarkan pula Jadual Tanggungan Pekerjaan untuk tiap-tiap pejabat.<sup>19</sup> Bagi Bilik *Choken Kambo* (*Secretariat of Governor*) di bawah Jabatan *Chiji Kambo*, tugas-tugasnya adalah seperti berikut:

- i. Menjaga mohor kerajaan dan mohor pegawai.
- ii. Menerima dan menghantar, mengarang dan menyimpan segala surat kerajaan.
- iii. Mengeluarkan Warta Kerajaan, Pemberitahu Kerajaan dan membuat buku peringatan dan pekerjaan mencetak.
- iv. Menjaga rumah-rumah dan kereta motor kerajaan dan menjemput tetamu.
- v. Hal-hal berkenaan pekerjaan Setiausaha Sulit kepada *Syuchokan*.

Jabatan *Somubu* berkewajipan membereskan:

- i. Pekerjaan berkenaan dengan perlantikan kakitangan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan dan memberhentikan dia dan sekalian hal-ehwal pegawai-pegawai kerajaan.
- ii. Pekerjaan kewangan.
- iii. Berkenaan dengan membantu dan menunjukkan perjalanan pentadbiran di jajahan-jajahan dan yang bersangkut paut dan berkaitan dengan tiap-tiap bangsa.
- iv. Berkenaan dengan perkara pengetahuan am dan memajukan akal fikiran seperti mengadakan pelajaran agama dan pelajaran umum dan membicarakan hal-ehwal dunia.
- v. Pekerjaan audit.
- vi. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam lain-lain pejabat.

Tugas/tanggungan Pejabat *Keimubu* (Polis) pula adalah mengandungi:

- i. Pekerjaan polis.
- ii. Pekerjaan Mahkamah.

<sup>18</sup> Temuramah dengan Tuan Haji Salleh bin Haji Awang (MISBAHA) di rumahnya di Kampung Serada, Kuala Terengganu, pada 24 Ogos 1976.

<sup>19</sup> Lihat Lampiran III.

III. Pekerjaan menjaga kebersihan dan kesihatan.

Pejabat *Sangyobu* diserahkan tugas-tugas:

- i. Menjaga hal-hwal isi hutan dan tanaman.
- ii. Perniagaan, pertukaran dan isu laut.
- iii. Pekerjaan kerja raya, membuat bangunan dan kapal-kapal.
- iv. Tanah, galian dan ukuran.
- v. Tambang-menambang, telegraf, perhubungan mel dan elektrik.

Serentak dengan arahan susunan baru Jabatan-jabatan Kerajaan itu, *Shuchiji* juga mengeluarkan dua arahan lain yang penting bagi dikuatkuaskan:

Yang pertama ialah mengenai pembatalan perkiraan menukar, mengubah atau memindah (i) mana-mana tanah atau bangunan, (ii) mana-mana rumah gudang, kilang atau tempat perniagaan, (iii) getah, bijih timah, minyak, kereta motor, enjin-enjin atau perkakasnya, yang telah dijalankan dari 1 Disember 1941 hingga 31 Mac 1942, melainkan disahkan semula oleh *Shuchiji*.

Mereka yang telah menjalankan 'perkiraan' tersebut di atas dalam tempoh yang dinyatakan itu harus mendaftar dan meminta kebenaran daripada *Shuchiji* tidak lewat daripada 10 Jun 1942. Arahan ini juga tidak mengiktiraf atau mengesahkan mana-mana surat pajakan tanah dan surat-surat geran yang ditandatangani oleh Sultan Terengganu selepas 1 Disember 1941, kecuali setelah mendapat tandatangan *Shuchiji*, yang diwajibkan.<sup>20</sup>

Yang kedua, penetapan harga jualan barang-barang, iaitu peniaga-peniaga dalam negeri Terengganu diberi arahan tidak boleh menjual barang-barang makanan dan lain-lainnya dengan harga yang lebih tinggi daripada harga jualan sebelum 8 Disember 1941. Seterusnya, melalui arahan itu, *Shuchiji* memberi amaran bahawa siapa-siapa yang engkar kepada perintah itu akan menerima hukuman yang sehabis-habis berat.

Dalam pada itu pun, peniaga-peniaga bolehlah membuat rayuan kepada Pegawai Kawalan Makanan untuk dipertimbangkan harga jualan barang-barang yang diperolehi selepas 8 Disember 1941 dengan harga yang lebih tinggi.<sup>21</sup> Ini bererti cuma barang-barang simpanan yang diperolehi sebelum tarikh tersebut saja yang terlibat dengan arahan kawalan harga itu secara mutlaknya, kerana barang-barang yang diperolehi selepas tarikh tersebut boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi setelah mendapat kebenaran Pegawai Kawalan Makanan. Kelonggaran ini wajar sekali memandangkan kemungkinan bahawa modal atau harga belian peniaga-peniaga lebih tinggi daripada modal sebelum 8 Disember 1941.

Dengan tujuan mengembalikan kehidupan harian kepada keadaan biasa, maka pada 25 Mei 1942, *Shuchiji* bersama Ketua *Keshuai* (Ketua *Garrison Army*) telah mengeluarkan sata pengisyiharan menyeru penduduk-penduduk yang telah lari meninggalkan kediaman mereka kerana berlindung diri

20. 4.Dan: 4.Lampiran: 7%

21. 4.Dan: 4.Lampiran: 3

daripada huru-hara peperangan supaya pulang ke rumah masing-masing dan menjalankan semula pekerjaan dan perniagaan mereka dengan amannya.

Mereka diberi tempoh sehingga 31 Mei 1942. Sekiranya sehingga tarikh itu mereka masih tidak pulang juga, maka pihak Kerajaan Jepun mensifatkan mereka itu dengan sengaja mengengkari perintah dan enggan bekerjasama dengan Kerajaan *Dai Nippon*. Pengisytiharan tersebut memberi amaran bahawa mereka yang engkar itu serta kaum keluarganya tidak akan diberi perlindungan dalam kehidupan mereka, bahkan segala harta bendanya akan dirampas.<sup>22</sup>

### Keadaan Sosial

Berita pendaratan tentera Jepun di Kota Bharu dengan segera lantas merebak ke seluruh negeri Terengganu; dan dengan spontan, semua pegawai British lari meninggalkan Terengganu. Mereka lari menyelamatkan diri melalui Belimbang, Ulu Terengganu menuju ke Pahang.<sup>23</sup> Tidak hairanlah, apabila tentera Jepun masuk ke Besut dan seterusnya ke Kuala Terengganu pada 22 Disember 1941, tiada sedikit pun tentang yang diterima mereka. Maka mulai tarikh tersebut, seluruh negeri Terengganu berada di dalam kekuasaan tentera Jepun.

Pada tahun 1930-an semasa Terengganu berada di bawah pemerintahan tidak langsung British, terdapat anggaran seramai seratus orang Jepun di Terengganu yang menjalankan berbagai-bagai aktiviti. Di Kuala Terengganu, ada orang Jepun yang bekerja sebagai tukang gambar, tukang gigi, penjual aiskrim, penjual kerepek dan lain-lain. Di Kemaman, sebilangan orang Jepun membuka lombong bijih timah, sementara jumlah yang paling ramai terdapat di Bukit Besi. Di sini juga, mereka menjalankan aktiviti perlombongan bijih besi dan timah.<sup>24</sup>

Kemelesetan Ekonomi Dunia pada waktu itu turut melanda negeri Terengganu juga. Walaupun demikian, barang, terutamanya pakaian, yang dijual oleh orang Jepun dari Bukit Besi begitu murah harganya. Berbanding dengan harga pakaian yang dijual di kedai-kedai biasa di Kuala Terengganu, misalnya, harga yang dijual oleh orang Jepun itu jauh lebih murah.

Akibat daripada kesan ini, masyarakat Terengganu, terutamanya masyarakat Melayu, walaupun mereka ragu-ragu akan nasib masa depan mereka di bawah rejim Jepun, tidak begitu kecewa menerima kedatangan tentera Jepun itu, kerana sekurang-kurangnya mereka mengharapkan kedatangan Jepun itu akan membawa kemakmuran ekonomi. Mereka berharap pihak Jepun dapat memberikan barang dan perkhidmatan yang murah sebagaimana pernah diberikan oleh pelombong-pelombong di Bukit Besi sebelumnya. Mereka sebenarnya mengharapkan taraf hidup masing-masing akan lebih tinggi daripada yang dapat diberikan oleh British.

Akan tetapi, segala harapan dan impian itu tinggal harapan dan impian semata-mata. Harga barang-barang melambung naik dalam masa beberapa

22 Litar Lampiran VI

23 Temuramah dengan MISBAHA, op. cit.

24 Temuramah dengan ketua-ketua orang yang pernah hidup pada zaman Jepun. Litar Lampiran VIII.

bulan saja, sehingga Kerajaan Jepun pada 7 Mei 1942 mengeluarkan arahan kawalan harga barang-barang. Walau bagaimanapun, perlaksanaan kawalan harga itu tidak berkesan disebabkan barang-barang simpanan sedia<sup>25</sup> sudah kehabisan waktu itu, dan harga modal barang baru begitu tinggi. Hal ini dapat diterangkan dengan mudah kerana dalam masa huru-hara demikian, pengeluaran barang terhad sekali dan import barang juga hampir terhenti.<sup>26</sup>

Selain daripada langkah-langkah awal yang dijalankan oleh rejim Jepun untuk menyusun semula Jabatan-jabatan Kerajaan bagi melicinkan tugas-tugas pentadbiran dan pemerintahan negeri, pembersihan anasir-anasir anti-Jepun juga merupakan satu langkah awal. Bagi rejim Jepun, orang Cina merupakan musuh yang boleh menggugat kewibawaan mereka. Dengan anggapan demikian, suatu operasi menyapu bersih orang Cina yang dianggap anti-Jepun dikenali dengan nama Operasi *Sook Ching* (perintah berkurung) telah dilancarkan di seluruh Tanah Melayu.

Mengikut T.H. Silcock dan Ungku Abdul Aziz, ada tiga golongan orang Cina yang 'disapu' dalam operasi ini:<sup>27</sup>

- i. Penyokong Kuomintang yang aktif.
- ii. Komunis yang aktif.
- iii. Mereka yang telah menyertai pasukan-pasukan sukarela dan masih belum menyerah.

Bagi Yoji Akashi, orang Cina yang tidak diingini itu tergolong ke dalam salah satu golongan berikut:<sup>28</sup>

- i. Mereka yang giat dalam *China Relief Fund*.
- ii. Hartawan-hartawan Cina yang menyumbang derma kepada tabung tersebut.
- iii. Pengikut dan orang-orang yang ada hubungan dengan Ketua Tabung tersebut, Tan Kah Kee.
- iv. Orang Hainan yang dianggap Komunis oleh Jepun.
- v. Orang Cina yang lahir di negeri China dan datang ke Tanah Melayu selepas Perang China-Jepun 1937.
- vi. Orang Cina yang mempunyai tanda tatoo yang dianggap sebagai anggota Kongsi Gelap.
- vii. Mereka yang melawan Jepun dengan menjadi anggota pasukan sukarela.
- viii. Pegawai Kerajaan dan orang yang pro-British seperti Jaksa Pen-damai dan ahli-ahli Majlis Perundangan.

25. Barang-barang simpanan sebelum 8 Disember 1941.

26. Tidak dinasikan dalam beberapa bulan pertama Pendudukan Jepun itu, terdapat barang-barangan seperti beras, garam, pasu, belanga, arang, atap batu dan bawang merah yang diimport dari Saam. (Temuramah dengan Encik Abdulrah, seorang kakitangan Pejabat Kastam pada masa Pendudukan Jepun, di rumahnya di Jalan Panji Alam pada 25 Ogos 1976).

27. T.H. Silcock dan Ungku Abdul Aziz, "Nationalism in Malaya", dalam William L. Holland (ed.), *Asian Nationalism and the West*, New York, 1973, him. 293.

28. Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards Malayan Chinese, 1941-1945", *JSEAS*, S'pore, September 1970, him. 68.

- ix. Orang yang memiliki senjata api dan yang cuba melakukan kekacauan.

Operasi ini pada mulanya dijalankan oleh *Keibitai* (*Garrison Army*) dan kemudian tugas ini diserahkan kepada *Kempeitai* (Polis Militer). Di Terengganu, seramai lebih kurang empat puluh orang Cina telah dibunuh dalam operasi ini.<sup>29</sup> Ada beberapa tujuan dan matlamat operasi 'sapu bersih' ini dilancarkan:<sup>30</sup>

- i. Untuk mengatasi masalah mengawal keamanan dengan tenaga tentera yang terhad.
- ii. Bagi mewujudkan keamanan dalam tempoh yang singkat.
- iii. Bagi mengatasi langkah-langkah yang akan diambil oleh gerila untuk melawan Jepun.

Di samping Operasi *Sook Ching* ini, sejumlah bayaran sebanyak \$50 juga yang disifatkan sebagai pembayaran Hutang Darah telah dikenakan ke atas kaum Cina di seluruh Tanah Melayu (termasuk Singapura). Bahagian sumbangan orang Cina Terengganu ditetapkan sebanyak \$200,000.<sup>31</sup> Hutang Darah ini dikenakan sebagai balasan kurang kerjasama dan tentang orang Cina terhadap Jepun.

Pihak berkuasa Jepun menganggap kekerasan merupakan langkah yang paling sesuai dikenakan kepada orang Cina, sebagaimana Watanabe, seorang pegawai penting dalam pentadbiran Jepun di Tanah Melayu, mengatakan bahawa adalah merugikan kepentingan Jepun untuk bersimpati dengan mereka semata-mata untuk menjadi popular.<sup>32</sup> Dengan demikian, Watanabe memutuskan adalah mustahak mengenakan cukai-cukai, memaksa mereka memberi sumbangan wang, memutuskan hubungan mereka dengan negeri China, dan menyekat perlantikan mereka ke dalam jawatan-jawatan pentadbiran serta menafikan persamaan hak bagi mereka.<sup>33</sup>

Dalam beberapa bulan awal Pendudukan Jepun di Terengganu itu satu gerakan mengutip buruh yang layak dan sesuai secara paksa telah dilancarkan. Buruh diperlukan oleh pihak Jepun untuk bekerja sebagai tukang-tukang perahu (bot), dan pekerja-pekerja rancangan 'jalan keretapi maut'.

Seramai lebih kurang lima puluh orang tukang yang mahir telah diambil bekerja membuat bot-bot besar di Limbungan Pulau Kambing. Tukang-tukang itu dibayar gaji sebanyak lapan puluh sen sehari, di samping dibekalkan beras cukup untuk seorang pada sehari. Hanya orang yang mahir dalam pertukangan bot saja yang dikerah untuk projek ini, dan mereka dipakaikan lencana pengenalan yang menandakan mereka itu pekerja Jepun. Jentera untuk bot itu adalah buatan Jepun sendiri yang didatangkan dari negeri Jepun.<sup>34</sup>

29 Temuramah dengan MISBAHA, *op. cit.*

30 Lihat Yoji Akashi, *op. cit.*, hlm. 67.

31 Lain-lain negeri (dalam juta): Singapore (10), Selangor (10), Perak (8.5), Pulau Pinang (7), Melaka (5.5), Johor (5), Negeri Sembilan (2), Kedah dan Perlis (1), Pahang (.5), dan Kelantan (.3).

32 Yoji Akashi, *op. cit.*, hlm. 65.

33 *Ibid.*

34 Temuramah dengan Encik Ngah bin Jusoh, seorang tukang yang terlibat, di rumahnya di Jalan Panji Alam, pada 26 Ogos 1976.

Sementara itu, seramai lebih kurang seratus orang pemuda Terengganu yang kurang berasib baik telah dihantar menjadi buruh projek 'jalan keretapi maut' dari Siam ke Burma. Arahan kerahan untuk rancangan ini dijalankan oleh Pegawai Daerah dengan perintah *Shuchiji*. Oleh kerana arahan ini tidak mendapat sambutan, kerana pergi bererti maut, maka kerahan secara paksa dilakukan dengan 'menangkap' pemuda-pemuda yang menganggur.<sup>35</sup> Sebelum pemuda-pemuda itu dihantar, nama-nama mereka didaftarkan terlebih dahulu di Pejabat Daerah. Mereka dijanjikan gaji satu ringgit sehari di samping 'makan tanggung'.<sup>36</sup> Dari Kuala Terengganu, buruh paksa itu dihantar ke Kota Bharu dengan menaiki lori; dan dari Palekbang (Kota Bharu) menumpang keretapi sampai ke Siam, dan dari situ terus dihantar ke tempat bekerja.<sup>37</sup>

Ramai di antara buruh paksa 'jalan keretapi maut' itu mati akibat 'demam tujuh hari'. Tidak kurang pula yang mendapat penyakit kudis yang dahsyat yang dikenali dengan nama 'Kudis Burma'.<sup>38</sup>

Pada keseluruhannya, tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa kehidupan sosial harian di Terengganu dalam zaman Pendudukan Jepun itu tidaklah terlalu buruk, walaupun ianya tidaklah seperti sebelum rejim Jepun itu. Cuma yang paling menggerikan ialah Operasi *Sook Ching* bagi kaum Cina, dan pengerahan buruh paksa bagi projek 'jalan keretapi maut'.

Kedaaan sosial masyarakat boleh dikatakan beransur pulih dan tenang, terutama selepas seruan pulang ke rumah dan menjalani kehidupan masing-masing dibuat oleh pemerintah Jepun. Walau bagaimanapun, bahan-bahan makanan dan pakaian susah sekali didapati.

Dalam kehidupan harian, memang tidak dapat dinafikan kekejaman dan kekerasan ada berlaku. Akan tetapi, segala apa yang disifatkan 'kekejaman' dan 'kekerasan' itu dilakukan kepada orang-orang yang dianggap bersalah. Lagipun, kebanyakannya kes kekejaman dan kekerasan dilakukan oleh anggota-anggota biasa Polis Tentera dan mata-mata gelap yang terdiri daripada orang Melayu dan Cina sendiri, daripada orang Jepun.

Kebanyakannya daripada kekejaman itu adalah di luar pengetahuan pihak atasaran pemerintah Jepun. Anggota-anggota Polis Tentera seolah-olah mengambil undang-undang dalam tangan mereka sendiri. Banyak daripada kekejaman itu terjadi disebabkan tindakan tanpa usul periksa yang diambil terhadap orang yang disyaki melakukan satu-satu kesalahan. Tidak kurang pula hukuman-hukuman berat dijatuhkan ke atas orang-orang yang semata-mata diadu atau dilaporkan telah melakukan satu-satu kesalahan, atau per-

35 Pemuda-pemuda yang bekerja dan lebih-lebih lagi lelaki-lelaki yang mempunyai tanggungan anak isteri dikewajikan.

36 Temuramah dengan Encik Mohd. Salleh bin Haji Hassan, seorang bekas buruh paksa 'jalan keretapi maut', di rumahnya Simpang Tok Ku.

37 *Ibid.*

38 "Demam tujuh hari": biasanya seseorang buruh yang terkena demam ini mati tak lewat daripada 7 hari setelah diserang.

"Kudis Burma": sejenis pokung yang dahsyat yang sukar sekali diubati. Untuk penerangan lanjut: Kebanyakannya buruh paksa meninggal dunia di tempat kerja. Encik Mohd. Salleh dilepas pulang oleh Jepun seolah 18 bulan menjadi buruh sebagai membalias budinya yang telah berjaya mengobati seorang ketua Jepun yang diserang penyakit "berak berdarah".

buatan anti-Jepun. Dengan demikian, banyak fitnah berlaku, dan ramai orang yang mengambil kesempatan membala dendam kepada siapa-siapa yang mereka tidak senangi.

Di Terengganu, sepanjang yang diketahui umum, seramai dua orang Melayu telah mati akibat kekejaman penyeksaan Jepun.<sup>39</sup> Walau bagaimanapun, orang-orang yang benar-benar bersalah yang ramai dihukum dengan kejamnya. Bagi Jepun, orang-orang yang dianggap bersalah ialah umpamanya orang-orang yang melanggar perintah berkurng waktu malam, orang-orang yang tidak tunduk memberi hormat kepada pengawal (sentri), orang-orang yang engkar apabila diperintah dan seumpamanya.

Pada umumnya, rakyat terbanyak, terutamanya generasi muda yang mulai sedar akan hakikat hidup sebenarnya, membenci Jepun, tetapi mereka tidak berani melahirkan rasa benci mereka itu.<sup>40</sup> Perasaan benci itu timbul akibat tindakan anggota-anggota Polis Tentera yang sewenang-wenang, dan juga oleh kerana sikap *xenophobia* generasi muda tempatan. Di samping itu, terdapat pula pengampu-pengampu Jepun yang terdiri daripada orang Melayu dan Cina yang mencari gadis-gadis atau isteri orang untuk 'diberi' kepada pegawai-pegawai Jepun. Hal ini juga menjadi kemarahan dan kebenaran orang terhadap Jepun.

Dalam pada itu, Kerajaan Jepun di Terengganu tidaklah mengabaikan langsung kebajikan rakyat. Pemerintah Jepun sedar akan kepayaan hidup rakyat; seperti dikatakan, bahan-bahan makanan begitu kekurangan sekali, apalagi pakaian. Bagi mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan makanan, pemerintah Jepun telah menggalakkan masyarakat Terengganu menambahkan pengeluaran bahan makanan. Matlamat ini dikenali dengan nama *Shokuyo Zosan*. Rejim Jepun, serentak dengan pelancaran matlamat itu, telah mendirikan "Sekolah Pertanian" (*Noji Korensho*) di Bukit Sawa,<sup>41</sup> di mana kaedah-kaedah pertanian yang terbaru diajarkan.

Kesannya, sambutan masyarakat, terutamanya masyarakat Melayu, sungguh membanggakan sekali. Dewasa itu, orang menjadi amat berminat sekali bercucuk tanam. Tanaman paling popular ialah ubi kayu. Pendek kata, di mana terdapat kawasan tanah yang sesuai, di situ terdapat tanaman ubi kayu, sehingga di bukit-bukit pun ditanam dengan ubi kayu.

Ubi kayu merupakan bahan makanan terpenting dan berbagai guna; waktu itu nasi ubi kayu, pengat ubi kayu, mi ubi kayu dan bermacam-macam makanan lagi dibuat daripadanya. Bukanlah suatu peristiwa yang lucu dewasa itu bahawa jamuan majlis perkahwinan juga dihidangi dengan kuih ubi kayu. Pendek kata, agak tepatlah zaman Jepun itu disebut "Zaman Ubi Kayu".

Serentak dengan galakan melebihkan bercucuk tanam itu, pihak berkuasa Jepun juga telah menggalakkan masyarakat Terengganu membuka kampung-kampung baru. Dorongan ini pernah disampaikan melalui sebuah drama yang bersabit dengan pembukaan kampung baru yang berjodol *Atarasi Mura*.<sup>42</sup>

39 Temuramah dengan beberapa orang yang ada pengalaman secara langsung. (Lihat Lampiran VII).

40 *Ibid.*

41 Bukit Sawa: Sebuah kampung terletak di Batu 13, Jalan Ulu Terengganu.

Dorongan ini juga mendapat sambutan yang baik. Terdapat banyak gotong-royong antara penduduk-penduduk bagi membersihkan kawasan-kawasan baru yang berhampiran dengan kampung mereka masing-masing. Walaupun kampung-kampung baru sebenarnya tidak dibuka, tetapi kawasan-kawasan yang baru dibersihkan itu dapat dijadikan kawasan tanaman ubi kayu. Sebenarnya, inilah maksud di sebalik matlamat pembukaan kampung-kampung baru itu.<sup>43</sup>

Adalah sesuatu yang lumrah bagi manusia bahawa dalam sesuatu situasi yang mendesak, maka manusia akan mencari beberapa ikhtiar untuk mengatasi sesuatu masalah; demikian juga pada zaman Jepun yang serba sempit itu. Di Terengganu, selepas beberapa bulan Pendudukan Jepun, minyak petrol tiada kedapatan lagi; dan sebagai ganti 'minyak getah' digunakan untuk menjalankan kereta.<sup>44</sup> Minyak tanah juga tidak boleh didapati. Rakyat menggunakan minyak kelapa untuk menyalakan pelita ayan.

Di Terengganu pada zaman ubi kayu itu, penggunaan gobek api digunakan dengan meluas bagi menggantikan mancis, kerana pada masa itu mancis tidak kedapatan langsung. Setiap keluarga paling kurang mempunyai dua buah gobek — satu dikhaskan untuk kegunaan di dapur, manakala satu lagi digunakan oleh bapa atau datuk untuk menghisap rokok.

Kedatangan Jepun membawa bersamanya satu sikap baru — sikap *kejepunan*. Oleh kerana sikap *kejepunan* ini begitu berakar umbi di dalam jiwa bangsa Jepun itu, maka beberapa aspek proses *penjepunan* telah dijalankan di Tanah Melayu. Peresapan ciri-ciri *kejepuran* ini bertujuan menghapuskan kebudayaan Barat dan menghidupkan kebudayaan Jepun.<sup>45</sup>

Antara aspek-aspek proses *penjepunan* ini termasuklah:

- i. Penggunaan *Nippon-go* (Bahasa Jepun) sebagai *lingua franca* dan bahasa rasmi.
- ii. Di sekolah-sekolah, bahasa Jepun dijadikan bahasa pengantar menggantikan bahasa Inggeris.
- iii. Lagu Kebangsaan Jepun (*Kamigayo*) diajar kepada murid-murid. Di samping itu, setiap pagi murid-murid sekolah dikehendaki menunduk kepala ke arah matahari terbit sebagai tanda taat setia kepada Maharaja Jepun, *Tenno Heika*.
- iv. Menggalakkan senaman ala-Jepun melalui radio — Radio *Taisho*.
- v. Sistem radio dikawal oleh *Broadcasting Control Bureau*.
- vi. Mulai 1 September 1943, filem-filem Britain, Amerika, Cina dan India diharamkan. Sebaliknya, banyak filem Jepun ditayangkan.

42 Temuramah dengan MISBAHA, *op. cit.*


43 *Ibid.*

44 *Ibid.*  
MISBAHA sendiri menggunakan minyak getah. Minyak getah ialah susu getah yang dicampur bahan-bahan panas lain.

45 Perkara ini dibincangkan dengan panjang lebar dalam Yoji Akashi, "Education and Indoctrination Policy in Malaya and Singapore under the Japanese Rule, 1942—1945", *Malaysian Journal of Education*, Vol. 13, No. 1/2, Dec. 1976.

- vii. Mulai Ogos 1944, muzik-muzik musuh diharamkan.  
 viii. Tempat-tempat tarian diharamkan.

**RAJAH III**  
**GOBEK API**



Gobek ini biasanya dibuat daripada tanduk kerbau. Ada juga dibuat daripada kayu jenis keras. Untuk mendapatkan api, sedikit habuk mengedin (habuk yang didapati dari pokok mengedin) dilekatkan pada hujung hulu gobek (B). Kemudian hulu dimasukkan ke dalam gobek lalu ditepuk bahagian pemegang (A) dengan kadar yang pantas hingga terantuk bahagian pangkal lubang (C) dan dengan pantas juga ditarik hulu keluar. Maka terdapatlah api pada habuk mengedin di hujung hulu gobek (B) itu. Habuk mengedin yang sudah menjadi api itu dipindahkan ke bahan-bahan pembakar yang mudah menyala seperti sabut kering untuk mendapatkan api. Untuk menghisap rokok, terus nyalakan saja hujung rokok pada hujung hulu gobek.

Banyak aspek proses *penjepunan* ini diambil daya utama oleh Jabatan Penerangan Jepun dengan menggunakan media massa: akhbar, wayang gambar, radio dan pemberitahuan-pemberitahuan menerusi surat-surat pekilling. Media massa ini juga menjadi saluran bagi menyampaikan berita, dasar, pemberitahuan, maklumat dan perintah kepada rakyat.

*Cahaya Timur* merupakan akhbar mingguan rasmi Kerajaan Jepun Terengganu yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan.<sup>46</sup> Keluaran pertama ialah pada 27 Februari 1942,<sup>47</sup> dan penerbitannya berterusan sampai ke bulan Ogos 1943 apabila Jepun menyerahkan Terengganu kepada Siam. Akhbar ini berbahasa Melayu dalam tulisan Jawi, dan diselenggarakan oleh Haji Salleh bin Haji Awang (MISBAHA) sebagai Ketua Pengarang, Kadir Adabi, Ibrahim Fikri, Abdullah Omar dan Wan Sulaiman sebagai sidang pengarang.

Antara intisari *Cahaya Timur* termasuklah maklumat-maklumat yang patut disampaikan kepada rakyat, berita-berita ringkas dan pelajaran Bahasa Jepun. Tidak ketinggalan juga ialah ruangan pojok, sajak, cerpen dan karikatur yang merupakan ruangan sastera. Selepas enam bulan penerbitannya, *Cahaya Timur* memuatkan tulisan-tulisan mengenai tujuan "Perang Asia Timur Raya", dan tulisan-tulisan yang dapat menimbulkan semangat kepada orang Melayu supaya rajin bekerja dan menambahkan usaha dalam mengeluarkan bahan-bahan makanan.<sup>48</sup>

Di samping menyemaikan semangat Jepun melalui proses *penjepunan*, dengan tujuan menghindarkan kekacauan, rusuhan, penentangan terhadap Jepun dan mendamaikan suasana, pihak berkuasa Jepun telah mengeluarkan perintah menyeru orang ramai menyerahkan senjata api. Digalakkan pula orang-orang memberi maklumat tentang siapa-siapa yang ada menyimpan senjata api dengan menawarkan hadiah-hadiah.<sup>49</sup>

Pada bulan Jun 1943, Undang-undang Pengekalan Keselamatan dan Ketenteraman Awam telah dikuatkuasakan dengan mengenakan hukuman mati kepada sesiapa yang melakukan kesalahan ini:<sup>50</sup>

- i. Menjadi ketua atau ahli jawatankuasa atau ahli biasa kepada sebarang pertubuhan yang menentang kerajaan.
- ii. Menjadi ketua atau peserta atau menjadi penyokong di dalam rusuhan-rusuhan yang bertujuan menentang kerajaan.
- iii. Orang-orang yang terlibat di dalam penyebaran propaganda subversif yang menentang kerajaan.
- iv. Orang-orang yang terlibat di dalam rompakan bersenjata.
- v. Orang-orang yang terlibat di dalam kes paksaan, kekerasan dan rogol.
- vi. Mencuba atau membantu sebarang kegiatan yang dinyatakan di atas.

46 Jabatan Penerangan disingkat daripada Jabatan Awam yang lain.

47 Keluaran pertama ini pernah disimpan di Arkib Negara, tetapi penulis tidak dapat merujuk kepadanya kerana naskhah tersebut tidak dapat dicari. (Penulis telah pergi ke Arkib Negara sebanyak 4 kali). MISBAHA sendiri ada menyimpan satu naskhah, tetapi separuh koyak. Mengikut MISBAHA, keluaran-keluaran lain habis dibakar.

48 Temuramah dengan MISBAHA, *op. cit.*

49 *Sohor Sinibun*, 9.12.1942.

50 *Ibid.*, 20.6.1943.

Walaupun proses *penjepunan* cuba dilaksanakan seboleh-bolehnya dengan caranya yang tersendiri, namun pertimbangan-pertimbangan Jepun boleh disifatkan rasional dalam dasarnya terhadap institusi sultan dan Agama Islam. Pertimbangan ini diambil semata-mata bagi menawan hati rakyat, dan dengan demikian diharapkan mendapat kerjasama rakyat.

Sebenarnya institusi sultan dan Agama Islam itu adalah merupakan masalah bagi Jepun. Soal-soal yang harus diselesaikan dalam hubungan ini umpsamanya ialah:

- i. Apakah kedudukan yang patut diberi kepada sultan sebagai ketua Agama Islam dan kedudukannya dalam politik berhubungan dengan orang Melayu.
- ii. Sejauh manakah kuasa yang harus dipegang oleh sultan sebagai ketua agama.
- iii. Bagaimanakah sultan-sultan harus dipujuk supaya menyerahkan kewibawaan mereka, dan bagaimana membuat mereka bekerjasama dengan Jepun agar dapat memenangi keyakinan rakyat melalui kedudukan dan kuasa mereka.
- iv. Bagaimana Agama Islam dan tradisi-tradisi yang berkaitan akan dilayani.

Dengan lain-lain perkataan, setakat manakah kuasa akan diberi kepada sultan dalam politik dan dalam sifatnya sebagai Ketua Agama Islam? Atau institusi sultan itu hendak dihapuskan saja? Bagaimanakah hendak menentukan kedudukan Agama Islam itu atau hapuskan saja Agama Islam?

Sebagai usaha menyelesaikan masalah sultan ini, maka pada bulan Julai 1942, satu dasar mengenai kedudukan sultan yang dikenali dengan nama *Doko Shori Hoshin* telah dibentuk. Oleh kerana difikirkan menurunkan sultan-sultan dari takhta adalah tidak wajar, maka bagi memenuhi rancangan pentadbiran, telah diputuskan bahawa sultan harus digunakan untuk menanam semangat dedikasi tanahair dan rakyat kepada Maharaja Jepun, tetapi kedudukan sultan tidak diiktiraf. Walau bagaimanapun, dua bulan kemudian, iaitu September 1942, barulah kedudukan sultan diiktiraf.

Bagi menjayakan semangat dedikasi dan tunduk kepada *Tenno Heika*, pihak berkuasa Jepun telah mengadakan satu persidangan di Singapura pada 20 dan 21 Januari 1943. Dalam persidangan inilah kedudukan sultan sebenarnya telah ditentukan, iaitu kedudukan sultan bukanlah hanya sebagai perhiasan negeri seperti dalam masa British, tetapi adalah sebagai Ketua Agama Islam dan pemimpin umat Melayu.<sup>51</sup>

Pengiktirafan terhadap Agama Islam juga telah ditunjukkan dengan rasminya apabila satu persidangan wakil-wakil Agama Islam Tanah Melayu dan Sumatera telah berlangsung di Singapura selama dua hari pada 5 dan 6 April 1943. Tujuan persidangan ini ialah bagi memancing keyakinan rakyat melalui pemimpin-pemimpin Islam, cuba memasukkan jarum (*world-view*) Jepun ke dalam jiwa rakyat dan menyatupadukan semua golongan yang berlainan agama — Islam, Kristian, Buddha dan Hindu.

51 Semangat Asia, Tahun 2, No. 2, 18.2.1943.

Dalam ucapan pembukaan, Major General Isoya Goro melafazkan penghormatan Jepun kepada agama-agama tempatan, adat resam dan budaya. Beliau seterusnya memberitahu bahawa Kerajaan Jepun akan cuba menghubungi Tanah Suci supaya kaum Muslimin dari negara-negara Asia dapat pergi menunaikan Haji di Mekah.<sup>52</sup>

Sebenarnya, Jepun juga menggunakan sultan dengan maksud menawan hati dan jiwa rakyat. Pada bulan Julai 1943 apabila Perdana Menteri Jepun, Hideki Tojo melawat Singapura, sultan-sultan telah diundang menghadiri majlis pertemuan dengannya.

Walau apapun tujuan dan objektif Jepun di sebalik pengiktirafan mereka terhadap sultan dan Agama Islam, hakikatnya ialah Jepun mengiktiraf institusi sultan (dengan kedudukan yang wajar) dan Agama Islam.<sup>53</sup>

Bagi masyarakat Terengganu, pihak pemerintah Jepun sesungguhnya mengambil berat terhadap Agama Islam. Satu manifestasi yang jelas kelihatannya ialah pertumbuhan sekolah-sekolah agama atau Arab dengan banyaknya. Di tiap-tiap daerah, beberapa buah sekolah agama atau Arab telah bertambah dalam zaman Jepun. Di Kuala Terengganu, di kampung-kampung kecil yang berhampiran antara satu sama lain pun didirikan sekolah-sekolah tersebut, misalnya di Pulau Rusa dan Manir yang jarak antara kedua tempatnya cuma sebatu saja. Di Besut, telah muncul dua buah sekolah Arab dalam tempoh Pendudukan Jepun itu — Sekolah Maarif di Kampung Raja dan Nurul Iftifaq di Kuala Besut.

Perjalanan sekolah-sekolah agama atau Arab ini ditadbirkan dengan jayanya disebabkan sokongan yang diberikan oleh Jepun. Pihak Jepun sebenarnya sudah diberi faham bahawa orang Melayu atau Islam, pantang dicabar agamanya; nanti memberontaklah mereka. Tetapi sebaliknya, mereka akan memberi kerjasama erat sekiranya mereka dibebaskan dalam hal agama. Pihak Jepun juga memahami hakikat bahawa semangat keislaman itu lebih kuat daripada *nippon syesyi* (semangat Jepun). Menyedari hakikat inilah maka Jepun telah memberi galakan membina sekolah-sekolah agama atau Arab itu. Lagipun, Jepun sedar dengan memenuhi masa demikian, pemuda-pemuda Melayu/Islam tidak mempunyai banyak masa untuk berkeliaran di sana sini yang boleh mengganggu ketenteraman. Dengan itu juga Jepun berharap kuranglah masa dan peluang belia-belia Islam itu untuk berfikir soal-soal tentang terhadap mereka.

Lebih jauh lagi, pihak Jepun bertindak menghukum orang Islam yang tidak menunaikan Sembahyang Jumaat tanpa sebab. Dengan inisiatif Jepun, kutipan zakat fitrah dilaporkan berkembang maju. Banyak cuti tambahan yang berhubung dengan hari-hari kebesaran Islam di Terengganu, umpannya Awal Muharram, Nuzul Quran, Hari Kelima Belas Berpuasa, Hari Tujuh Likur, Hari Raya Puasa (dua hari), Hari Raya Enam, Hari Raya Haji, Hari Safar, Hari Maulud Nabi, Hari Israk Mikraj dan Nisfu Syaaban.

52. Yosi Akashi, "Japanese Military Administration in Malaya, Its Formation and Evolution in Reference to Sultans, The Islamic Religion and the Modern Malays, 1941—1945", *Asian Studies*, Vol. VII, No. 1, April 1968, lim. 94—95.

53. Temuan perkataan ibid: juga Y. Nagata, "The Japanese Policy for Malaya Under the Occupation" dalam K. C. Dregger (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962, lim. 258—259.

Dalam pada itu, sekolah-sekolah agama atau Arab itu semuanya wajib memperuntukkan Bahasa Jepun sebagai satu matapelajaran. Bagi sekolah-sekolah Melayu, Bahasa Jepun diajar bersama-sama dengan Bahasa Melayu, bahkan banyak daripada matapelajaran disampaikan dalam Bahasa Jepun. Sekolah-sekolah berpengantar Bahasa Inggeris dihentikan langsung dan ditukar kepada bahasa pengantar Jepun.

Setelah Terengganu diambil alih oleh Siam, wakil-wakil dari Terengganu diundang juga menghadiri *Malayan Conference of Religious Councils* di Istana Iskandariah Kuala Kangsar yang berlangsung selama tiga hari mulai 13 Disember 1944. Wakil-wakil dari Terengganu terdiri daripada Syeikh Hassan Yamani, Ibrahim Fikri, Haji Ahmad Fuad dan Haji Wan Abdul Rahman Daud.<sup>54</sup> Berlangsungnya Persidangan Majlis-majlis Agama Islam Se-Malaya ini memperlihatkan perhatian baik yang diberikan kepada perkembangan Agama Islam oleh pemerintah Jepun.

Sebelum kedatangan Jepun di Terengganu, masyarakat Terengganu ditimpak sejenis wabak penyakit kulit. Wabak itu terus merebak, dan dalam masa Jepun, banyak ubat didatangkan dari negeri Jepun. Perjalanan hospital/pejabat perubatan adalah sama seperti dalam masa British sebelumnya juga. Sedikit sebanyak wabak penyakit kulit itu dapat juga dikawal. Pada keseluruhannya, boleh dikatakan kesihatan dalam masa Jepun itu tidaklah banyak berbeza dengan tempoh sebelumnya. Lebih dahsyat ialah setelah Jepun menyerah Terengganu ke bawah Siam. Penyakit pekung (*tropical asa*) yang lebih dikenali dengan panggilan 'Kudis Burma' telah menyerang ramai penduduk Terengganu.

'Kudis Burma' ini dibawa balik dari Burma oleh orang-orang yang menjadi buruh paksa sebagai buruh 'jalan keretapi maut'. Pekung itu menjangkiti pula ahli-ahli keluarganya dan seterusnya kepada orang-orang lain. Pada waktu itu, ubat benar-benar tidak mencukupi. Kapas kurang sekali, kain tiras juga kekurangan; sebab itu sekeping kain tiras digunakan beberapa kali selepas pekung dibersihkan, sehingga tidak boleh digunakan lagi. Selalunya lebih kurang 30% saja pengidap *tropical asa* itu yang panjang umurnya.<sup>55</sup>

Suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa pihak Jepun tidak pernah melupakan kebaikan negeri atau pembangunan negeri, walaupun keadaan politik dan sosial negeri masih lagi belum stabil. Dalam masa setahun tujuh bulan dua puluh lapan hari saja Terengganu di bawah Jepun itu, sekurang-kurangnya satu projek yang sangat besar ertiannya kepada sekurang-kurangnya sebahagian masyarakat di Kuala Terengganu khususnya telah dilaksanakan oleh Jepun. Projek pembaruan itu ialah pembekalan elektrik bagi pekan Kuala Terengganu.<sup>56</sup> Ini merupakan satu unsur permodenan bagi rakyat di sekitar pekan Kuala Terengganu.

54. *Senangat Asia*, Tahun 1, No. 4, April 1945.

55. Temuramah dengan Encik Awang Mohamad bin Mohd. Amin di rumahnya di Jalan Bukit Besar pada 25 Ogos 1976. Beliau ialah seorang Pembantu Hospital yang bertugas sebelum kedatangan Jepun, semasa Jepun dan seterusnya hingga beliau berpencera pada tahun 1974.

56. Bekalan elektrik diasaskan oleh Jepun di Terengganu. Dalam tempoh pentadbiran tidak langsung Inggeris sebelumnya, cuma elektrik dibekalkan di Istana Maziah saji. Inggeris tidak pernah cuba mengadakan bekalan elektrik walaupun mempunyai masa selama 33 tahun sejak 1909 hingga 1945.

Selain daripada itu, pihak Jepun sempat juga membina Jambatan Kuala Ibai<sup>57</sup> menggantikan perkhidmatan feri, dan membina benteng simen tebing sungai sepanjang hampir dua kilometer dari Kedai Payang sampai ke Padang Maziah bagi mengelakkan hakisan tebing bandar Kuala Terengganu.<sup>58</sup> Pengkalan Kedai Binjai juga dibina oleh Jepun dengan benteng simen dan jeti serta tangga batu.<sup>59</sup> Jepun juga telah membina jalan raya baru menghubungkan Kemaman dengan Kuantan.<sup>60</sup>

Walaupun, sebagaimana telah dinyatakan bahawa pada keseluruhannya kehidupan masyarakat Terengganu tidaklah terlalu terhimpit dan menderita, namun kemajuan sosial tidaklah pesat; pergerakan politik terhad sekali. Pengaruh Kesatuan Melayu Muda telah pudar sejak pertubuhan itu terpaksa dibubarkan selepas pertengahan tahun 1943.

Walau bagaimanapun, semangat kesedaran bagi segelintir orang yang celik huruf atau boleh dikatakan elit waktu itu memang ada melalui pembacaan majalah-majalah dari Indonesia. Guru-guru dari Maktab Sultan Idris Tanjung Malim dan lepasan-lepasan serta penuntut-penuntut Sekolah Arab Zainal Abidin merupakan golongan yang paling sedar waktu itu, dan mereka inilah sedikit sebanyak menimbulkan kesedaran kepada yang lain.

### Terengganu di bawah Siam

Pada 20 Ogos 1943, suatu perjanjian telah ditandatangani di Bangkok antara Perdana Menteri Jepun, General Tojo, dengan Perdana Menteri Siam, Luang Pibul, yang mempersetujui bahawa negeri-negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu diserah kepada Siam.<sup>61</sup>

Pemindahan kuasa pentadbiran ini langsung tidak diketahui oleh rakyat Terengganu sehingalah pada 19 Oktober 1943 apabila penyerahan itu diisyiharkan. Reaksi masyarakat dingin saja. Mereka seolah-olah tidak mahu peduli dengan perkembangan yang berlaku. Sebenarnya penyerahan itu tidak membawa erti yang penting kepada masyarakat Terengganu, lagi pula pertukaran kuasa itu tidak membawa banyak perubahan kepada rakyat sendiri.

Dalam pada itu, terdapat setengah-setengah orang yang mengharapkan pertukaran pemerintah itu dapat memberi kemudahan mendapatkan beras kerana Siam merupakan negeri pengeluar beras; tetapi sekali lagi harapan tinggal harapan semata-mata, kerana Siam tidak dapat memenuhi kehendak rakyat Terengganu itu.

Terdapat beberapa sebab mengapa penyerahan ke empat-empat negeri kepada Siam itu berlaku; antaranya:<sup>62</sup>

57 Jambatan Kuala Ibai menghubungkan Kuala Ibai dengan Chendering di jalan besar Terengganu-Kuantan, 7 batu dari Kuala Terengganu.

58 Benteng ini masih kekal sampai kini.

59 Jeti dan tangga Pengkalan Kedai Binjai ini telah diperbarui; sebahagian benteng juga diperbarui, tetapi sebahagian masih lagi kekal digunakan. Pengkalan ini terus digunakan; motobot penambang berstesen di situ. Kedai Binjai ini juga kini menjadi stesen teksi, Kuala Terengganu.

60 Temuramah dengan MISBAHA, *op. cit.* Mengikutnya, Jalan raya Kemaman-Kuantan yang ada sekarang ini diasaskan oleh Jepun.

61 Y. Itagaki, *op. cit.*, hlm. 263.

62 Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Singapore, 1946, hlm. 2.

- i. Menandakan kerjasama Jepun-Siam dalam perperangan melawan Amerika Syarikat dan Empayar British dan cita-cita menubuhkan 'Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya' yang berasaskan keadilan.
- ii. Sebagai membala budi Siam yang telah membenarkan tentera Jepun melalui negeri Siam untuk masuk ke Tanah Melayu. Siam mengisyiharkan perang dengan Kuasa-kuasa Berikat pada 25 Februari 1942, tetapi kerjasama Siam itu adalah bertujuan mendapat kembali wilayah-wilayahnya yang telah hilang, termasuk ke empat-empat Negeri Melayu Utara itu.

Penyerahan telah berlaku, akan tetapi kedua-dua belah pihak jelas menampakkan ketidaksenangan masing-masing. Pihak Jepun terasa berat meninggalkan negeri Terengganu kerana mendapat kritikan dari Majlis *Privy* Jepun bahawa penyerahan itu tidak selaras dengan kepentingan ekonomi Jepun dan juga tidak senafas dengan dasar memerdekakan negeri-negeri jajahan. Sementara itu, pihak Siam pula mendapati bahawa 'pemberian' itu merupakan sesuatu yang memerangkapkan mereka, kerana riak perperangan sudah mula ditujukan terhadap Jepun.

Maka dengan penyerahan itu, tertakluk pulalah Terengganu ke bawah kuasa pentadbiran Siam; tetapi kuasa tentera masih lagi dalam tangan Jepun hingga Jepun dengan tiba-tiba menyerah kalah pada 15 Ogos 1945.

### **Penutup**

Kalau diandaikan bahawa jangka masa pentadbiran Jepun itu sama panjang dengan tempoh Terengganu di bawah British, adalah diyakini bahawa pentadbiran Jepun mungkin dapat membawa kebaikan dan faedah yang lebih besar kepada masyarakat Terengganu, terutama dari segi pembangunan.

Ini memberi pengertian bahawa bagi masyarakat Terengganu, pemerintahan Jepun itu lebih tinggi nilainya daripada pentadbiran British. Kesederhanaan cara hidup Jepun memberi teladan yang tidak kompleks berbanding dengan gaya hidup orang British yang begitu *sophisticated*. Kalau Jepun, dengan kekasaran dan kekerasannya telah mengajar masyarakat Terengganu tentang perlunya mereka berusaha, bekerja, berdisiplin dan berdikari, British dengan sikap yang halus serta lemah lembut hanya berjaya membuat dan melalaikan anak peribumi.

## LAMPIRAN I

### Kandungan Perjanjian Nippon — Thai

Kandungan rasmi perjanjian itu ialah seperti berikut: Kerajaan Empayar Nippon dan Kerajaan Thai yang berazam dengan sekuatnya hendak bekerjasama dengan rapat menjalankan peperangan yang asa melawan Amerika Syarikat dan Empayar British hingga jaya dan menubuhkan Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya yang berasaskan keadilan telah sebulat bersetuju atas perkara-prekara yang berikut:

- |                 |  |
|-----------------|--|
| Perkara pertama | — Nippon mengiktiraf persatuan negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis serta pulau-pulau yang di bawah perintah negeri-negeri itu ke dalam sempadan Thai.                                   |
| Perkara kedua   | — Nippon mengiktiraf persatuan kawasan-kawasan Kintong dan Mongpan dalam jajahan Shan ke dalam sempadan Thai.  |
| Perkara ketiga  | — Nippon akan memberhentikan pentadbiran-nya yang sedang berjalan dalam sempadan yang tersebut dalam perkara pertama dan kedua dalam masa 60 hari dari tarikh mulanya berjalan kuatkuasa perjanjian ini. |
| Perkara keempat | — Had-had sempadan yang tersebut dalam perkara-perkara pertama dan kedua akan menurut had-had sempadan kawasan itu pada tarikh perjanjian itu ditandatangani.  |
| Perkara kelima  | — Keterangan yang lanjut berkenaan dengan menjalankan perjanjian ini akan diputuskan menurut rundingan di antara pihak-pihak berkuasa berkenaan dalam kedua negeri yang tersebut (Nippon dan Thai).      |
| Perkara keenam  | — Kuatkuasa perjanjian ini akan mula berjalan pada tarikh menandatangani perjanjian ini.   |

Tarikh menandatangani Hacikesu 20 tahun 2603.

## LAMPIRAN II

Bil. 6/2602

### PEMBERITAHU KERAJAAN TERENGGANU BERKENAAN DENGAN PERUBAHAN PENTADBIRAN KERAJAAN

Bahawa diberi ketahui kepada sekalian mereka iaitu perubahan-perubahan pentadbiran Kerajaan adalah ditetapkan seperti di bawah ini:-

1. Bagi mentadbirkan Kerajaan diadakan pejabat-pejabat Kerajaan sebagaimana di bawah ini:-

- I. Chiji Kambo (Pejabat Khas untuk Tuan Shuchiji Terengganu).
- II. Somubu (Pejabat Am)
- III. Zaimubu (Khazanah)
- IV. Sangyobu (Pejabat Perniagaan dan Pertukangan)
- V. Kotsubu (Pejabat Perjalanan (Transport)).

#### 2. Pejabat Chiji Kambo

Di dalam Pejabat Chiji Kambo diadakan dua Pejabat iaitu:-

- (a) Shingishitsu — makna bilik siasat dan mesyuarat,
- (b) Shomuka — makna Pejabat Am di bawah Chiji Kambo.

Berkenaan dengan Pejabat Shingishitsu itu menurut perintah-perintah dan *query-query* daripada Shuchiji akan apa-apa perkara-perkara yang mustahak dan besar serta menghalusi dan Mesyuarat dalam pejabat ini.

Berkenaan dengan Pejabat Shomuka itu membuat pekerjaan-pekerjaan berkenaan dengan Setiausaha Kerajaan dan berkenaan dengan perkara-perkara Pegawai-pegawai Kerajaan dan berkenaan dengan surat-surat Kerajaan dan pekerjaan-pekerjaan yang tidak mengenai lain-lain pejabat.

#### 3. Pejabat Somubu

Di dalam Pejabat Somubu diadakan Pejabat-pejabat seperti:

- (a) Pejabat Mahkamah termasuk sekalian Mahkamah-mahkamah Kerajaan.
- (b) Pejabat Jel.
- (c) Pejabat Agama.
- (d) Pejabat Pelajaran.
- (e) Pejabat Ubat.
- (f) Pejabat Menjaga Harta Benda Musuh.
- (g) Pejabat Bandaran.
- (h) Pejabat Cetak.
- (i) Pejabat Audit.

#### 4. Pejabat Zaimubu

Di dalam Pejabat Zaimubu diadakan Pejabat-pejabat seperti di bawah ini:-

- (a) Pejabat Khazanah
- (b) Pejabat Kastam, Syahbandar, Candu dan Minuman

#### 5. Pejabat Sangyobu

Di dalam Pejabat Sangyobu diadakan Pejabat-pejabat seperti di bawah ini:-

- (a) Pejabat Tanah dan Galian.
- (b) Pejabat Ukuran.
- (c) Pejabat Tanaman dan Isi Laut.
- (d) Pejabat Hutan.
- (e) Kawalan Makanan.

6. **Pejabat Kotsubu:**

Di dalam Pejabat Kotsubu diadakan Pejabat-pejabat seperti di bawah ini:-

- (a) Posts dan Telegraphs
- (b) Kerja raya.

7. Pejabat Polis di bawah Pejabat Shomubu itu akan menjalankan pekerjaan menjaga orang-orang kuli dan orang-orang Negeri.

8. Lain-lain Pejabat menjalankan pekerjaan seperti sedia melainkan jika ada ketetapan lain.

9. Pesuruhjaya Jajahan dan Pegawai-pegawai Daerah menjaga kerja-kerja mana-mana Pejabat cawangan di dalam Jajahan atau daerah-daerah masing-masing menurut perintah-perintah daripada Ketua-ketua Pejabat yang berkenaan dikecualikan pekerjaan Pejabat Polis di bawah Pejabat Shomubu dan Pejabat Perjalanan.

*Tambahan:* Ditutupkan pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha.

10. Syarat-syarat yang tersebut di atas ini dijalankan daripada tarikh yang dikeluarkan pemberitahu ini.

Dengan Perintah

SHUCHIJI TERENGGANU

Pejabat Shuchiji Terengganu,  
Kuala Terengganu  
Pada 7 May 2602.

### **LAMPIRAN III** **Tanggungan Pekerjaan Bagi Tiap-tiap Pejabat**

#### **BILIK CHOKAN KAMBO**

- (1) Menjaga soal-soal (mohor) Kerajaan dan soal-soal Pegawai.
- (2) Menerima dan menghantar surat-surat, mengarang surat-surat Kerajaan dan menyimpan segala surat-surat Kerajaan.
- (3) Mengeluarkan Warta Kerajaan, mengeluarkan Pemberitahu-pemberitahu Kerajaan dan membuat Peringatan (diary) dan pekerjaan mencetak.
- (4) Menjaga rumah-rumah dan motokar Kerajaan dan jemput orang-orang.
- (5) Berkennaan pekerjaan Setiausaha Sulit kepada Syuchokan.

#### **PEJABAT SOMUBU**

- (1) Pekerjaan berkenaan dengan perlantikan kakitangan dan Pegawai-pegawai Kerajaan dan memberhentikan dia dan sekalian hal-ehwal Pegawai-pegawai Kerajaan.
- (2) Pekerjaan Financial (perkara wang).
- (3) Berkenaan dengan membantu dan menunjukkan perjalanan-perjalanan pentadbiran di jajahan-jajahan dan yang bersangkut paut dan berkaitan dengan tiap-tiap bangsa.
- (4) Berkenaan dengan perhubungan perkara pengetahuan am didirikan akal fikiran mengandungi pelajaran agama dan pelajaran dan membicarakan hal-ehwal peredaran dan perjalanan dunia.
- (5) Pekerjaan Audit.
- (6) Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam lain-lain pejabat.

#### **PEJABAT KEIMUBU**

- (1) Pekerjaan Polis
- (2) Pekerjaan Mahkamah
- (3) Pekerjaan menjaga kebersihan dan kesihatan

#### **PEJABAT SANGYOBU**

- (1) Menjaga hal-ehwal isi hutan dan tanaman
- (2) Perniagaan, pertukaran dan isi laut
- (3) Pekerjaan Kerja Raya, membuat bangunan dan kapal-kapal

## LAMPIRAN IV

### PEMBERITAHU KERAJAAN TERENGGANU

Maka adalah disiarkan bagi pengetahuan orang-orang ramai bahawa perkiraan yang tersebut ini yang telah dijalankan daripada tarikh 1 haribulan Disember tahun Koki 2601 hingga 31 hari bulan March tahun Koki 2602 hendaklah terbatalkan dan tidak terpakai melainkan disahkan semula oleh Shuchiji Terengganu menukar, memindah atau mengubah.

- (1) Mana-mana tanah atau bangunan
  - (2) Mana-mana rumah gudang, kilang atau tempat perniagaan
  - (3) Getah, bijih timah, minyak-minyak, kereta-kereta bermotor, enjin-enjin atau perkakasnya.
2. Mana-mana orang yang menjalankan perkiraan yang tersebut di atas ini di dalam tempoh daripada tarikh 1hb Disember tahun Koki 2601 hingga 31hb. Mac tahun Koki 2602, didaftarkan dan diminta kebenaran daripada Shuchiji Terengganu dengan seberapa segeranya sehingga 10hb. Jun tahun Koki 2602.
3. Surat-surat lease tanah, surat-surat geran yang disair oleh Sultan Terengganu itu bahawa kemudian daripada 1 haribulan Disember tahun Koki 2601 wajiblah mendapat tandatangan oleh Shuchiji Terengganu dan jika tidak tandatangan oleh Shuchiji Terengganu itu maka tidaklah terpakai.

Dengan perintah,

SHUCHIJI, TERENGGANU.

Pejabat Shuchiji Terengganu,  
Kuala Terengganu,  
7 May, 2606.

## LAMPIRAN V

Bilangan 2602/5

### PEMBERITAHU KERAJAAN TERENGGANU.

Bahawa diberitahu kepada sekalian mereka-mereka yang berniaga di dalam negeri Terengganu iaitu mulai dari tarikh pemberitahuan ini sekalian mereka-mereka hendaklah menjual barang-barang makanan dan lain-lainnya dengan harga yang dijual pada masa dahulu kepada tarikh 8.12.1941.

2. Maka barang siapa yang didapati engkar akan perintah ini pihak yang berkuasa akan menjalankan hukuman yang sehabis-habis berat.

3. Jikalau mana-mana mereka didapati tidak dapat hendak menurut perintah ini disebabkan barang-barang yang ada di dalam simpanannya itu ialah barang-barang yang telah didapati kemudian daripada tarikh 8.12.1941 dan dengan harga yang mahal maka bolehlah mereka itu memberitahu kepada Pegawai Kawalan Makanan di Pejabat Shuchiji Kangka Terengganu dan rayuannya itu akan ditimbang.

Dengan perintah,

SHUCHIJI TERENGGANU

Pejabat Shuchiji Terengganu  
Pada 7 Mei 2602.

## LAMPIRAN VI

### PEMBERITAHU KERAJAAN

Ketahui oleh sekalian mereka-mereka yang hadir di dalam Negeri dan jajahan takluk Kerajaan Terengganu dan lainnya.

Bahawa semenjak berlaku perperangan maka masa ini bukanlah dikatakan keamanan telah kembali semula seperti sediakala oleh yang demikian mereka-mereka yang telah meninggalkan tempat kediaman masing-masing kerana berlindung diri daripada huru-hara perperangan itu hendaklah balik ke rumah kediaman masing-masing serta hendaklah menjalankan semula pekerjaan-pekerjaan dan perniagaan masing-masing dengan amannya.

Sekiranya sehingga 31 hari bulan May tahun 2602 ini mereka-mereka tidak balik ke tempat kediaman masing-masing maka mereka-mereka itu akan disifatkan diannya dengan sahaja mengengkar di atas tujuan yang bersih hati pihak kerajaan Dai Nippon dan orang-orang itu enggan daripada bekerjasama pada mendapatkan kejayaan di atas tujuan perang ini.

Kepada mereka-mereka yang seumpama itu dan kaum keluarganya tidak akan diberi perlindungan berkenaan dengan kehidupan mereka bahkan segala harta bendanya akan dirampas pula.

Oleh yang demikian hendaklah sekalian mereka-mereka yang taat di bawah titah perintah Kerajaan kembali ke tempat kediaman masing-masing dengan seberapa segeranya.

Dengan perintah

MANABU KUJI,  
Shuchiji, Terengganu  
REIZAEMON MURAMATSU,  
Ketua Keibitai, Terengganu

Pejabat Shuchiji,  
Kuala Terengganu pada 25.5.2602.

**LAMPIRAN VII**  
**ORANG-ORANG YANG TELAH DITEMURAMAH**

1. **Datuk Ismail Haji Kassim:** Bertugas sebagai kerani dalam masa pendudukan Jepun dan menghadiri latihan tentera di Singapura. Kini tinggal di Jalan Sultan Muhammad, Kuala Terengganu. Beliau ialah seorang pesara kerajaan dan selama beberapa tahun pernah menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Terengganu.
2. **Datuk Nik Hassan Abdul Rahman:** Bekas Menteri Besar Terengganu yang kini Pengerusi Majuikan Malaysia. Beliau banyak mengetahui sosial dan politik Terengganu dalam masa pendudukan Jepun. Kini tinggal di Petaling Jaya. Beliau juga ialah Ahli Parlimen Kawasan Kuala Terengganu Utara kini.
3. **Encik Awang Mohamad Mohd. Amin:** Seorang Hospital Assistant yang bertugas semenjak sebelum kedatangan Jepun hingga beliau bersara pada tahun 1974. Kini tinggal di Jalan Bukit Besar, Kuala Terengganu.
4. **Encik Abdullah bin Mohamad:** Seorang pesara kerajaan yang telah bertugas sebagai Pembantu Kastam semenjak sebelum pendudukan Jepun hingga tahun 1975. Tinggal di Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu.
5. **Encik Mohamad Salleh Haji Hassan:** Kini tinggal di Kampung Simpang Tok Ku, Kuala Terengganu. Beliau ialah bekas buruh paksa 'jalan keretapi maut' yang dihantar oleh pihak Jepun bekerja di Siam dan juga Burma.
6. **Encik Ngah Jusoh:** Seorang tukang bot yang mahir. Beliau ialah seorang pekerja bot Jepun di Limbungan Pulau Kambing. Tinggal di Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu.
7. **Encik Sulaiman Ali:** Pihak Jepun menghantarnya mengikuti latihan tentera di Singapura. Pernah menjadi Ahli Parlimen. Banyak pengalaman dan pengetahuan politik dan sosial Terengganu dalam period pendudukan Jepun. Tinggal di Kampung Chabang Tiga, Kuala Terengganu.
8. **Haji Abdullah Haji Ali:** Tinggal di Gong Kapas, Kuala Terengganu. Seorang ustaz pesara yang mempunyai pengetahuan yang luas hal-ehwal sosial dan perkembangan Agama Islam masa Jepun.
9. **Haji Yusof Manaf:** Seorang Kadi di Kuala Terengganu. Berpengetahuan luas dalam perkembangan Agama Islam dan sosial setempat. Seorang ustaz di masa Jepun. Tinggal di Pulau Kambing, Kuala Terengganu.
10. **Haji Ibrahim al-Hilmi:** Seorang ustaz yang telah bersara. Beliau dikatakan seorang yang anti-Jepun semasa pendudukan. Tinggal di Paya Bunga, Kuala Terengganu.
11. **Haji Mohd. Salleh Haji Awang (MISBAHA):** Sejarawan tempatan yang terulung di Terengganu. Ketua Pengarang akhbar *Cahaya Timur* keluaran Jabatan Maklumat Jepun. Seorang yang berpengetahuan luas dalam sosial, politik, agama, kebudayaan dan lebih-lebih lagi sejarah. Kini Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Terengganu. Tinggal di Kampung Serada, Kuala Terengganu.

# *Malayan Union Dari Kaca Mata Warta Negara*

*Ahmad bin Masjidin\**

## **Pendahuluan**

*Malayan Union* sudah tidak asing lagi kepada rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu. Bagi mereka yang hidup sezaman dengan *Malayan Union* sehingga kini masih terdengar-dengar kelantangan suara orang Melayu dan terpandang-pandang lagi tindak-tanduk orang Melayu dalam usahanya untuk menghapuskan *Malayan Union*. Apa yang dibincangkan dalam makalah ini bukanlah satu perspektif yang menyeluruh tentang *Malayan Union*, hanya suatu tinjauan tentang perbincangan soal itu dalam akhbar *Warta Negara*.<sup>1</sup>

Akhbar-akhbar Melayu memang banyak memberi perhatian kepada usaha untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu yang terancam waktu itu. Akhbar *Warta Negara* yang dikaji ini adalah merangkumi jangka masa selama enam bulan, iaitu dari bulan Januari hingga bulan Jun 1946, suatu tempoh yang disifatkan sebagai kemuncak keghairahan orang Melayu menentang *Malayan Union*. Selepas itu atas kesedaran kesalahan diri sendiri, kerajaan British telah mula mengorak langkah untuk mencari jalan bagi mewujudkan satu corak pemerintahan bagi Tanah Melayu yang difikirkan dapat memenuhi kehendak semua pihak, terutamanya orang Melayu. Untuk perlaksanaannya, raja-raja dan wakil-wakil orang Melayu, khasnya UMNO, telah diajak berunding bagi merangkakan satu corak pemerintahan baru guna menggantikan *Malayan Union*. Hasilnya, lahirlah Persekutuan Tanah Melayu. Inilah satu kemenangan bagi orang Melayu dalam menjaga maruah dan kedaulatan bangsa dan negaranya.

## **Malayan Union**

Setelah Jepun menyerah kalah tanpa syarat, maka mulai 14 Ogos 1945, berakhirlah pemerintah Jepun di Tanah Melayu yang telah memakan masa lebih kurang tiga setengah tahun itu. Pemerintahan Jepun itu telah mewujudkan satu kekosongan dalam ruangan pemerintahan di Tanah Melayu. Pada saat

\* Penulis ialah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

<sup>1</sup> *Warta Negara* adalah sebuah akhbar Melayu bertulisan Jawi, diterbitkan di Pulau Pinang oleh A. Jailani yang berpejabat di 216, Penang Road, Pulau Pinang. Sejak lahirnya pada tahun 1945 hingga tamat usunya pada tahun 1968, beberapa orang telah menjadi pengarangnya. Pengarang *Warta Negara* pada zaman *Malayan Union* salah Ibrahim Mahmud.

itu, pihak komunis yang berlambangkan 'Bintang Tiga' telah mengisi kekosongan itu dengan cuba menguasai negara ini. Walaupun Bintang Tiga hanya dapat menguasai negara ini lebih kurang dua minggu saja, ia telah memberi satu kesan yang amat hebat, terutamanya di dalam keperihalan hubungan di antara orang Melayu dengan orang Cina, khususnya pada tahun-tahun sebelum pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Pemerintahan Bintang Tiga yang amat terkutuk itu telah diganti dengan satu corak pemerintahan sementara yang dikenali sebagai BMA (*British Military Administration*). BMA hanyalah untuk sementara waktu sahaja. Kedatangan semula British ke Tanah Melayu membawa bersama-sama satu corak pemerintahan yang baru yang dikenali sebagai *Malayan Union* atau Kesatuan Malaya.

Rancangan-rancangan bagi perubahan politik di Tanah Melayu selepas perang telah dirancang oleh British sejak tahun 1943 lagi. Rundingan-rundingan telah dibuat di antara Whitehall (Pejabat Tanah Jajahan) dengan Pejabat Perang sejak bulan Februari 1943. Kedua-duanya memutuskan untuk menubuhkan Unit Perancang Tanah Melayu (*The Malayan Planning Unit*). Rancangan ini dikenali sebagai *Reconstruction of Malaya*.<sup>2</sup> Hasil dari inilah maka lahir *Malayan Union* yang merupakan satu bentuk pemerintahan baru bagi Tanah Melayu. Rancangan ini hanya diisyiharkan pada Januari 1946 melalui titah diraja di Parlimen British. Rancangan yang disiarkan di dalam *Warta Kerajaan* pada 22 Januari 1946, adalah dikenali sebagai 'Kertas Putih 6724'.<sup>3</sup>

Kerajaan British mengemukakan *Malayan Union* berdasarkan beberapa perkara utama. Dipercayai ada tiga tujuan utama dalam tanggungjawab British terhadap dasar *Malayan Union*. Antaranya ialah hasrat untuk menyediakan Tanah Melayu bagi mencapai pemerintahan sendiri, hasrat untuk mencipta suatu dasar militer yang lebih mudah dapat dipertahankan; dan satu tujuan yang berkaitan dengan perasaan kecawa terhadap orang Melayu.<sup>4</sup>

Dalam menghadapi kemungkinan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, British ingin memastikan bahawa pelaburan-pelaburan ekonomi serta kepentingan-kepentingannya di negara ini akan terus terkawal. Bagi mencapai tujuan ini, keadaan politik dalam negeri mestilah stabil. Kaum-kaum imigran mestilah meneruskan peranan mereka dalam memajukan ekonomi bagi memastikan kestabilan tersebut. Untuk mendapatkan kesetiaan mereka dan untuk mewujudkan satu masyarakat berbilang kaum yang berpadu, British merancang untuk memberikan hak-hak kewarganegaraan yang sama kepada semua bangsa. Ini bererti hak-hak istimewa yang selama itu dinikmati oleh orang Melayu akan ditamatkan.<sup>5</sup>

Selain daripada itu, Kerajaan British juga bertujuan menyatukan sistem pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak

2 Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kota Bharu, Kelantan, 1978, hlm. 2.  
3 Ibid.

4 James Allen, *The Malayan Union*, Yale University, Southeast Asia Studies, 1967, hlm. 9.

5 Mengenai pemikiran pihak Pejabat Kolonial, lihat A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942—1948*, Monograf no. 8, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 30—35.

Bersekutu dan Negeri-negeri Selat (kecuali Singapura) yang selama itu merumitkan pentadbirannya, dan untuk menyesuaikan secara keseluruhannya Tanah Melayu dengan kemajuan-kemajuan selepas perang serta menyediakan kepentingan-kepentingan pertahanan dan keselamatan Tanah Melayu yang akan menjadi anggota di dalam Komanwel British.<sup>6</sup>

Dengan dasar *Malayan Union*, pentadbiran Tanah Melayu akan dikendalikan oleh sebuah kerajaan pusat yang diketuai oleh seorang gabenor yang mempunyai kuasa di dalam Majlis Mesyuarat Undangan dan Majlis Mesyuarat Kerja. Gabenor akan dibantu oleh sebuah badan penasihat yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa yang dilantik oleh gabenor. Raja-raja Melayu masih mempunyai kuasa dalam bidang adat istiadat dan Agama Islam serta mengetuai Majlis Penasihat Melayu yang ahli-ahlinya dilantik dengan persetujuan gabenor. Terdapat sebuah *Central Advisory Council* (Majlis Penasihat Pusat) yang dianggotai oleh raja-raja Melayu, tetapi diketuai oleh gabenor untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan soal agama seperti zakat fitrah.<sup>7</sup>

Perkara yang sama pentingnya dengan kedudukan raja-raja Melayu ini ialah soal kerakyatan. Mengikut dasar *Malayan Union*, kerajaan British menggalakkan kewarganegaraan yang liberal, bagi orang-orang yang dilahirkan di sini atau telah duduk di sini dalam satu masa yang tertentu; kewarganegaraan ini hendaklah dikuatkuasakan dengan nama 'warganegara *Malayan Union*'. Orang-orang yang boleh mendapat kerakyatan ini ialah:<sup>8</sup>

- (a) yang dilahirkan di dalam negeri-negeri *Union* atau tanah jajahan Singapura,
- (b) yang pada tarikh dikuatkuasakan perintah Majlis Mesyuarat telah tinggal di sini selama sepuluh tahun daripada lima belas tahun yang lalu,
- (c) yang telah tinggal di negeri *Union* atau di tanah jajahan Singapura selama lima tahun,
- (d) rakyat British yang boleh mendapat kerakyatan ini tanpa hilang kerakyatan Britishnya,
- (e) orang-orang (kecualilah yang dilahirkan di sini) yang mengangkat sumpah setia kepada *Malayan Union*.

Bagi sistem keadilan pula, sebuah Mahkamah Tinggi akan ditubuhkan di *Malayan Union* dan sebuah di Singapura. Tiap-tiap sebuah Mahkamah Tinggi ini mengandungi Mahkamah Tinggi biasa dan sebuah Mahkamah Ulang Bicara. Kedua-dua mahkamah ini boleh juga meminta ulang bicara kepada *Majlis Privy*, London.<sup>9</sup>

Untuk melaksanakan rancangan ini, kerajaan British mestilah mendapat penyerahan kuasa keadaulatan daripada raja-raja Melayu kerana *Malayan Union* telah menukar Tanah Melayu dari taraf Negeri Bernaung kepada Tanah Jajahan. Untuk mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu ini, Sir Harold MacMichael telah diarahkan oleh Pejabat Tanah Jajahan untuk

6 Ramlah Adam, *op. cit.*, him. 2 & 3.

7 Ibid.

8 Ibid., him. 3 & 4. Lihat juga Ibu Pejabat UMNO, *UMNO 10 Tahun*, 1957, him. 13.

9 Ibid.

datang ke Tanah Melayu pada Oktober 1945 guna berunding dan mendapatkan tandatangan mereka.

Gagasan *Malayan Union* ini amatlah mengecewakan orang Melayu, tetapi ia memberi faedah kepada kaum bukan-Melayu. Dengan memberikan hak kerakyatan yang sama kepada semua bangsa tanpa mengira sama ada peribumi ataupun imigran, menjadikan hilangnya hak-hak istimewa dan keunguan orang Melayu di negerinya sendiri. Raja-raja Melayu sudah tidak berfungsi secara berkesan lagi dan hilanglah kewibawaannya sebagai lambang kedaulatan bangsa Melayu.<sup>10</sup>

Jika diteliti isi-isi rancangan *Malayan Union* ini, nyatahal British telah membentuk satu pentadbiran yang jauh terpisah daripada dasar asasnya di Tanah Melayu, iaitu daripada sikap menaungi kepada menjajah; bukan secara penaklukan tetapi melalui Perjanjian 1946 itu. Kerana beberapa masalah pokok inilah menyebabkan orang Melayu bangkit menentang habis-habisan cadangan tersebut.

Dalam soal penentangan ini, akhbar-akhbar telah memainkan peranan yang amat penting, terutamanya akhbar Melayu seperti *Warta Negara* di Pulau Pinang, *Majlis* di Kuala Lumpur serta *Utusan Melayu* di Singapura. Akhbar-akhbar ini menyeru orang Melayu supaya mengadakan perjumpaan am seluruh Tanah Melayu untuk membantah dan menolak *Malayan Union* serta menujuhkan sebuah badan yang berupa Barisan Bersatu.<sup>11</sup>

### Peranan Warta Negara

Dalam menampakkan corak penentangan orang Melayu terhadap *Malayan Union*, *Warta Negara* bukan hanya melahirkan rasa hatinya melalui Rencana Pengarangnya, malah ia juga telah memberikan liputan segala rupa bentuk penentangan orang Melayu dan memaparkan segala macam buah fikiran dan pandangan umat Melayu terhadap rasa tidak setujuhnya di atas penubuhan *Malayan Union* itu. Semuanya ini bukan hanya memaparkan kepada mata umum akan keghairahan orang Melayu untuk menghancurkan *Malayan Union*, tetapi juga bertujuan meniupkan api perjuangan orang Melayu supaya menuntut hak-hak mereka.

Langkah pertama kerajaan British bagi mewujudkan *Malayan Union* ialah menjalankan usaha untuk mendapatkan tandatangan persetujuan dari raja-raja Melayu. Untuk ini Sir Harold MacMichael telah dilantik sebagai wakil khas kerajaan British ke Tanah Melayu. Beliau segera dihantar ke Tanah Melayu dan telah tiba di Port Swettenham (Pelabuhan Kelang) pada 11 Oktober 1945. Di antara 20 Oktober dengan 21 Disember 1945, iaitu dalam masa dua bulan saja, MacMichael telah berjaya memperolehi tandatangan kesemua sembilan orang Raja Melayu.<sup>12</sup> Sultan yang pertama menandatangani perjanjian itu ialah Sultan Johor. MacMichael tahu bahawa Sultan Johor adalah sultan yang terkanan, dan, jika Sultan Johor menandatanganinya, maka sultan-sultan yang lain tidaklah berapa susah dan sukar

10 Abdullah Ayub, *Cara Pemerintahan Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 26.

11 *UMNO 10 Tahun*, hlm. 16.

12 Mohamed Noordin Soppee, *From Malayan Union To Singapore Separation*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 21.

untuk mengikutnya. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan tandatangan Sultan Kelantan adalah agak sukar kerana beliau agak teliti dan faham serba sedikit soal undang-undang. Bagi Negeri Sembilan pula, kesukaran telah timbul kerana negeri itu mempunyai empat orang Undang, masing-masing mempunyai kuasa terhadap negeri itu. Namun begitu, MacMichael telah berjaya dalam usahanya.

Usaha mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu ini dapatlah dikatakan sebagai satu usaha yang berupa paksaan. Ini jelas terbayang, iaitu dengan adanya pengakuan-pengakuan dari beberapa orang sultan yang merasakan bahawa dirinya telah ditipu. Sultan Ibrahim Kelantan telah mendedahkan rahsia yang sebenar berhubung dengan penandatanganan surat perjanjian dengan MacMichael itu. "Penandatanganan perjanjian pada 15 Disember 1945 oleh Sultan Ibrahim adalah dengan tiada diberi peluang memerhati isi kandungan Kertas Putih kepada Baginda dan Penasihatnya."<sup>13</sup> Dalam satu titah ucapannya, Sultan Kelantan telah melahirkan rasa tidak puas hatinya, "... kandungan Kertas Putih itu tidaklah kandungan perjanjian yang kami tandatangani ... perjanjian yang ditandatangani itu ialah satu perjanjian menambahkan *treaty* tahun 1910, memberi sahaja kuasa-kuasa kepada Kerajaan Baginda King boleh membuat undang-undang supaya boleh berjalan kuatkuasa demikian ini ... apa yang dibentangkan ialah bagaimana seharusnya pentadbiran negeri ini sebagai persediaan untuk berkerajaan sendiri ... orang Melayu diutamakan dengan raja/sultan sebagai ketua kepada semua bangsa".<sup>14</sup>

Sultan Kedah dan Perak juga telah menghantar kawat ke London kerana membantah akan adanya penyelewengan di dalam penandatanganan surat perjanjian itu. Persoalan ini hebat diperdebatkan di Dewan Pertuanan di London. George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan, telah mengaku menerima kawat-kawat dari Sultan Kedah dan Perak yang mengadu yang mereka menurun tandatangan secara paksa. Sir Harold MacMichael sendiri mengaku Sultan Kedah menunjukkan dengan terang beliau tidak setuju, tetapi menurut MacMichael, ia tidak menggunakan paksaan. Ini kurang dipercayai oleh *Warta Negara*.<sup>15</sup>

Penyelewengan ini sejak awal-awal lagi amat meremukkan hati dan perasaan orang Melayu. Hal ini bukan saja menimbulkan kemarahan orang Melayu terhadap British, tetapi telah juga menimbulkan rasa kurang yakin terhadap kewibawaan kesultanan Melayu yang selama itu dianggap tonggak kedaulatan negeri Melayu. *Warta Negara* telah menyiaran satu berita yang bertajuk, 'Penduduk Johor Bahru tidak mengaku Rajanya lagi?' Berita itu menyatakan bahawa Persatuan Melayu Johor telah mengadakan satu perjumpaan di Balai Jamuan Masjid Abu Bakar pada 1 Februari 1946 yang dihadiri oleh seribu orang, membantah sikap sultan menandatangani perjanjian baru (*Malayan Union*). Dalam soal ini, Haji Hassan Haji Yunus, Mufti Johor, telah mengeluarkan fatwanya:

13 *Warta Negara*, 22.1.1946.

14 *Ibid.*

15 *Ibid.*, 15.2.1946 (Rencana Pengarang).

Kerajaan dan negeri ini bukanlah Sultan yang ampunya, bahkan rakyat negeri dan Sultan-sultan hanya menjadi sebagai ketua ... Sesuatu pekerjaan yang hendak dijalankan mestilah dengan jalan muafakat dengan Jemaah Menteri atau pegawai-pejawainya. Perbuatan Sultan Johor menurunkan tundatangan atas *treaty* baru itu adalah bersalahan dengan fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang lebih kurang bunyinya demikian: 'Raja itu tidak sekali-kali boleh menyerah atau berbuat sebarang perjanjian atau ikatan hendak menyerahkan akan negeri afau sesuatu bahagian daripada negeri dan Kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa ...' Jika dilalui itu satu dosa, memecah amanah yang diletakkan Tuhan atasnya. Oleh itu rakyat taklah wajib lan-jutkan setia lagi padanya — Raja boleh dihukum.<sup>16</sup>

Perjumpaan Persatuan Melayu Johor itu telah mengambil keputusan "Membantah dan tidak mengaku sahnya perbuatan sultan yang mempersetujukan perubahan dan pindaan triti-triti yang telah sedia diperbuat di antara kerajaan Johor dan Kerajaan Great Britain. Bersetuju memutuskan fikiran dengan sebulat suara tidak suka dan tidak rela lagi merajakan dan berpenghuluhan akan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Abu Bakar Johor, dan jika sekiranya orang-orang yang hadir itu tidak bersetuju sekalipun, maka pengurus yang telah mencadangkan keputusan itu akan menghantar juga bantahan Kesatuan Melayu Johor ini ke London".<sup>17</sup>

Berhubung dengan perkara ini, Dato' Onn, selaku orang kuat Pergerakan Melayu Semenanjung telah menasihatkan supaya jangan terburu-buru; katanya pada 30 dan 31 Oktober 1945, beliau ada berjumpa sultan menasihatkan supaya jangan menandatangani apa-apa. Sultan berjanji tidak akan membuatnya melainkan setelah bertanya dan berunding dahulu.<sup>18</sup> Dato' Onn menambah kata bahawa perkara mesti disiasat dahulu. Seribu orang tidaklah mewakili semua orang Melayu Johor; kalau atas nama satu kumpulan boleh, tetapi tindakan itu lemah.<sup>19</sup>

Dalam soal ini, *Warta Negara* dalam sebuah rencana pengarangnya telah mengulas tentang tindakan orang Melayu seperti yang dilakukan oleh orang Melayu Johor Bahru itu:

Kalau tuntutan mereka tak diindahkan, yang berdasarkan tuntutan kerana hak dan atas jalan benar, orang-orang Melayu tiadalah boleh dikatakan derhaka kepada raja/jika mereka itu tidak boleh bersetuju dengan rajanya lagi kerana perbuatan yang memperdayakan mereka. Orang Melayu tiadalah boleh dikata melawan kerajaan jika orang-orang Melayu tiada mahu menerima barang yang tiada boleh diterimanya dan yang dipandang merbahaya bagi bangsa mereka itu dan segala permohonan timbang rasa mereka itu tiada diindahkan.<sup>20</sup>

Pandangan *Warta Negara* ini adalah merupakan satu sikap yang tegas dan memberi sokongan yang penuh kepada perjuangan orang Melayu.

Berikutkan dengan kesangsian orang Melayu terhadap soal penandatanganan surat perjanjian itu, selain daripada apa yang disebutkan di atas,

16 Ibid., 7.2.1946.

17 Ibid.

18 Dalam soal ini, Ungku Abd. Aziz selaku Menteri Besar Johor pada masa itu menyatakan bahawa Sultan Ibrahim tidak ada muafakat dengannya atau pegawai-pejawai kerajaan. Lihat *Warta Negara* 7.2.1946.

19 *Warta Negara*, 7.2.1946.

20 Ibid., 8.2.1946.

ada juga orang Melayu yang mendesak sultannya supaya menerangkan kedudukan yang sebenar dalam soal penandatanganan perjanjian itu. Dengan tajuk 'Melayu Perak memohon sultan menerangkan fasal tandatangan perjanjian', *Warta Negara* menyiarkan:

Satu langkah yang belum pernah berlaku dalam sejarah Semenanjung, seorang sultan Melayu sedang disoal oleh rakyat-rakyatnya atas perbuatan baginda ... memohon sultan menerangkan bagaimana dan dengan cara-cara apa yang baginda telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan British itu yang memindahkan kuasa di atas negeri Perak itu kepada Malayan Union.<sup>21</sup>

Walaupun tindakan orang Melayu ini tidak ada yang sampai menjelaskan kedudukan seseorang sultan, tetapi menyedari hakikat kesalahan diri sendiri dan tidak mahu disifatkan sebagai pembelot bangsa, maka ramai di antara sultan negeri-negeri Melayu telah menghantar kawat ke London, menyatakan bantahan terhadap *Malayan Union* dan penipuan dalam masa menandatangani perjanjian dahulu. Kawat-kawat itu bukan saja dihantar kepada kerajaan British, malah juga kepada orang perseorangan yang berpengaruh di Britain termasuk bekas pegawai tadbir British di Tanah Melayu dahulu. Langkah yang telah dijalankan oleh para sultan ini telah menampakkan bahawa raja dan rakyat telah berganding bahu dalam penentangan terhadap *Malayan Union*. Oleh yang demikian *Warta Negara* merasa optimis tentang kejayaan perjuangan orang Melayu. Dalam sebuah rencana pengarangnya, *Warta Negara* menegaskan bahawa, "... kita sudah pelajari akan kesalahan kita iaitu tidak bersatu dan kerana itu kita tidak kuat. Sekarang kita mulai bersatu, raja-raja dan rakyat sudah bersatu, dasar-dasar dan kemahuan kita sudah bersatu ..." <sup>22</sup>

Dalam usahanya untuk menyalakan api penentangan dan untuk memperolehi satu rupa bantahan yang menyeluruh dan serentak, *Warta Negara* telah menyiarkan berita-berita penentangan orang Melayu khususnya di negeri-negeri bahagian utara, dengan harapan orang Melayu di daerah-daerah lain dapat tahu bahawa penentangan itu adalah bercorak kebangsaan dan dengan itu boleh menambahkan lagi keghairahan dan keyakinan dalam usaha menentang *Malayan Union*.

Dengan tajuk, "Lebih daripada 50,000 orang Melayu Kedah membantah Kesatuan Malaya", *Warta Negara* telah menyiarkan berita perarakan raksasa yang ditaja oleh Persatuan Melayu Kedah membantah *Malayan Union* yang disertai oleh semua lapisan masyarakat Melayu pada 19.1.1946:

Perarakan itu dicampuri oleh alim ulama, murid-murid sekolah dan pondok, orang-orang kampung serta kaum peladang dari segala wilayah Kedah ... Perarakan itu telah berjalan keliling bandar Alor Setar sambil menyanyi dan membawa panji-panji cogan berkibar dengan bahasa Inggeris dan Melayu serta cogan yang dibawa oleh kanak-kanak sekolah berbunyi: 'Wahai ibu bapaku, peliharalah hak-hak kami semestara kami besar'.<sup>23</sup>

21 Ibid., 26.2.1946.

22 Ibid., 4.4.1946.

23 Ibid., 21.4.1946.

Tujuan perarakan itu ialah "Mereka berkehendakkan satu Kesatuan Negeri-negeri Melayu di bawah satu undang-undang tubuh kerajaan yang dengannya orang-orang Melayu boleh menjadi lebih kuat dan lebih terkemuka dan akan menjadi satu anggota yang berkelayakan di dalam Komanwel British".<sup>24</sup>

Tidak lama selepas perarakan itu, sekali lagi Persatuan Melayu Kedah mengadakan perarakan menentang *Malayan Union* yang diadakan pada 3.2.1946. Kata *Warta Negara*, "Gema teriakan 'Peliharalah Hak Melayu' dan 'Hiduplah Melayu' dalam perhimpunan besar pada 19 Januari yang lalu belum lagi hilang, masih berdengung-dengung lagi di telinga rakyat Melayu Kedah. Pada 3 Februari diadakan perarakan oleh lima ribu orang Melayu bantah Kertas Putih".<sup>25</sup> Dalam perhimpunan itu Senu Abd. Rahman, Setiausaha SEBERKAS, telah berucap dengan suara yang nyaring dan penuh bersemangat bahawa, "... kita menuntut hak keadilan dengan gigi dan lidah kita dan kita akan terus membantah Kertas Putih sekiranya ia bererti mencabut hak bangsa kita ...".<sup>26</sup>

Apa yang dilakukan oleh Persatuan Melayu Kedah ini adalah atas dorongan semangat ingin membela nasib bangsanya, tetapi apa yang nyata, tindakan ini sebanyak sedikit adalah hasil daripada melibatkan betapa ghairahnya orang Melayu Kelantan mengadakan tunjuk perasaan semasa MacMichael ke istana Sultan Kelantan untuk mendapatkan tandatangan. Pada 15 Disember, 1945, Kesatuan Melayu Kelantan menganjurkan satu tunjuk perasaan oleh seramai 10,000 orang semasa ketibaan MacMichael ke istana sultan bagi mengambil tandatangan Sultan Kelantan.<sup>27</sup> Berikutan dengan itu banyak lagi persatuan orang Melayu telah sama mengorak langkah menentang *Malayan Union*. Apa yang menarik perhatian ialah nada penentangan orang Melayu itu adalah sama, malah cogan kata dan kata-kata perjuangan juga kebanyakannya sama. Perkara ini adalah hasil daripada penyebaran berita yang dilakukan oleh akhbar-akhbar seperti yang dilakukan oleh *Warta Negara*.

Selepas orang Melayu Kedah mengadakan perarakannya, Persatuan Melayu Selangor telah bertindak dengan mengirim sepucuk surat kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan di London membantah *Malayan Union*. Antara lain dikatakan bahawa :"Bagi pihak semua orang Melayu di Selangor, Persatuan Melayu Selangor menyampaikan ketetapan-ketetapan berikut. Bahawa semua orang Melayu di Selangor dengan sebulat suara dan dengan tegasnya membantah terhadap Perjanjian-perjanjian baru dan *Malayan Union* yang memberikan Kerakyatan Malayan dengan hak yang sama kepada bukan-Melayu ...".<sup>28</sup>

Selain daripada itu Persatuan Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai juga telah mengambil keputusan untuk menghantar beberapa pucuk kawat ke London, iaitu kepada Perdana Menteri Attlee, Setiausaha Negara Bagi

24 Ibid.

25 Ibid., 6.2.1946.

26 Ibid. SEBERKAS dengan Tunku Abdul Rahman sebagai penaungnya telah bergiat sebagai sebuah pertubuhan politik waktu tamatnya Perang Dunia II.

27 Majlis, 20.12.1945.

28 Warta Negara, 30.1.1946.

Tanah-tanah Jajahan, Setiausaha Dominion dan akhbar *The Times*, London kerana membantah cadangan *Malayan Union*.<sup>29</sup> Sebelum itu orang Melayu Perak juga telah mengirim beberapa kawat kerana membantah isi kandungan Kertas Putih kepada Dewan Pertuanan, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan dan akhbar *The Times*.<sup>30</sup> Beberapa langkah ini menunjukkan betapa menyeluruhnya tindakan orang Melayu dalam penentangan terhadap *Malayan Union*.

*Warta Negara* bukan hanya menyiaran berita-berita penentangan orang Melayu, malah ia juga tidak kurang memaparkan beberapa fikiran orang ramai yang bernas dan yang dapat menaikkan semangat untuk meneruskan perjuangan. Seorang umat Melayu dari Kedah, Ayub Abdullah, telah menulis di dalam ruangan 'Fikiran Pembaca' tentang *Malayan Union*. Dengan tajuk, "Kesatuan Malaya — Surat-surat *treaty* yang tiada mendapat persetujuan rakyat tiada sah dan tiada halal", Ayub Abdullah telah mendedahkan bahawa pengambilan tandatangan sultan-sultan adalah tidak sah. Maka pada 19 Januari 1946, beliau telah menghantar sepucuk telegram kepada Perdana Menteri British mengatakan bahawa: "Menurut tamadun dunia dan kuasa rasmi British, king kita dan sultan-sultan tiada berkuasa boleh tandatangan mana-mana *treaty* jika tidak dengan persetujuan rakyat, yang demikian itu mana-mana *treaty* fasal Kesatuan Melayu yang ditandatangani bersembunyi oleh sultan dan raja-raja itu nyatalah terang sekali tiada sah dan tiada halal."<sup>31</sup> Salinan kawat itu telah dihantar ke akhbar-akhbar Melayu dan empat buah akhbar Inggeris di Tanah Melayu, tujuh buah akhbar di London dan beberapa orang perseorangan di London seperti Sir Frank Swettenham dan R.O. Winstedt. Di samping itu Ayub Abdullah juga menyeru pemimpin-pemimpin di tiap-tiap kesatuan dan persekutuan di dalam tiap-tiap negeri di Tanah Melayu bersidang dan mengambil keputusan yang baik untuk menentang *Malayan Union*.

Di dalam ruangan yang sama seminggu selepas itu, Ayub Abdullah sekali lagi menulis dengan nada penuh harapan untuk umat Melayu berjaya di dalam perjuangannya:

Sungguhpun Kesatuan Malaya amat berbahaya, orang-orang Melayu harus bertengang dan bersabar, jangan putus harap dan putus asa, kita berserah kepada Tuhan atas kebenaran kita... Tak ada dalam sejarah dunia seperti apa yang akan terjadi kepada orang Melayu. Orang daripada segala bangsa hitam, putih, merah, kuning, kelabu dan bermacam-macam agama akan dipermasukkan darah menjadi umat Melayu atau umat Malaya dinamakan Melayan dan akan memerintah negeri dan hak-hak kita.<sup>32</sup>

Selain daripada itu Ayub Abdullah menyeru sultan-sultan, raja-raja, orang besar, orang kaya, hartawan-hartawan dan pegawai-pegawai kerajaan supaya menderma kepada kesatuan-kesatuan dan persekutuan-persekutuan kebangsaan di negerinya dengan seberapa daya upaya bagi tujuan penentangan

29 Ibid., 11.2.1946.

30 Ibid., 5.2.1946.

31 Ibid., 24.1.1946. Ayob Abdullah yang berasal dari Kulim salah seorang ahli terkemuka Kesatuan Melayu Kedah.

32 Ibid.

terhadap *Malayan Union*. Tanya beliau, "Apa guna kemuliaan kebesaran dan harta kekayaan dunia jika watan dan bangsa serta anak cucu cicit kita akan binasa?"<sup>33</sup>

### Kongres Kebangsaan Melayu

Puncak dari segala-galanya dalam usaha menentang *Malayan Union* ialah Kongres Kebangsaan Melayu yang telah menghasilkan satu badan gabungan orang Melayu di peringkat kebangsaan yang dikenal dengan 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' (UMNO).<sup>34</sup> Dalam usaha ini *Warta Negara* begitu banyak memberikan sumbangannya dalam menyampaikan segala sesuatu bagi menjayakan usaha murni ini.

Demi menyedari bahawa usaha penentangan terhadap *Malayan Union* adalah satu usaha yang amat besar dan merupakan satu tindakan seluruh umat Melayu, Dato' Onn dan beberapa orang pemimpin lain telah mencadangkan satu Kongres Kebangsaan Melayu yang akan dihadiri oleh wakil semua persatuan dan pertubuhan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. Hasrat untuk mengadakan kongres ini juga begitu hangat ditonjol-tonjolkan oleh akhbar-akhbar Melayu seperti *Warta Negara*, *Majlis* dan *Utusan Melayu*. Pada mulanya Dato' Onn mencadangkan supaya Kongres Kebangsaan Melayu itu diadakan di Melaka kerana Melaka adalah sebuah negeri yang penuh dengan sejarah keagungan bangsa Melayu; baginya Kuala Lumpur memanglah elok, tetapi ia dibina dalam masa kini dan tidak begitu sesuai untuk tempat berlangsungnya satu persidangan yang akan menentukan nasib bangsa Melayu masa akan datang.<sup>35</sup> Soal tempat ini telah menjadi satu masalah yang agak rumit. Ada golongan yang mahukan supaya kongres itu diadakan di Kuala Lumpur, terutamanya Persatuan Melayu Selangor. Perkara ini telah menarik perhatian *Warta Negara*, dan dalam sebuah rencana pengarangnya *Warta Negara* telah menyatakan "... soal tempat Kongres Kebangsaan Melayu Se-Malaya tidak harus dipanjang-panjangkan, cadangan Persatuan Melayu Selangor supaya kongres itu diadakan di Kuala Lumpur adalah amat sesuai ..." Di samping itu *Warta Negara* telah menyarankan beberapa perkara terutamanya soal perbelanjaan; ia mestilah ditanggung bersama. Tiap-tiap persatuan, kesatuan dan lain-lain badan eloklah berunding dan bersedia apa-apa perkara yang akan dibawa ke persidangan itu. Persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan diminta supaya jangan menunggu jemputannya kerana masanya amat suntuk. Untuk ini, *Warta Negara* menawarkan diri bagi melapangkan satu ruangan untuk tujuan itu.<sup>36</sup> Demi menyedari akan tujuan utama kongres diadakan, maka soal tempat telah dapat diselesaikan. Semua pihak termasuklah Dato' Onn telah bersetuju dengan Kuala Lumpur dijadikan tempat berlangsungnya kongres.

33 Ibid., 31.1.1946.

34 UMNO merupakan tenaga utama di barisan hadapan bagi orang Melayu dalam siri penentangan terhadap *Malayan Union*. 'Kejayaan' orang-orang Melayu di dalam penentangannya terhadap *Malayan Union* adalah sebahagian besarnya hasil dari perjuangan UMNO.

35 *Warta Negara*, 25.1.1946.

36 Ibid., 30.1.1946.

37 Ibid.

Di dalam sebuah lagi rencana pengarangnya, *Warta Negara* telah mengambil perkara Kongres itu sebagai perkara yang diperbincangkan. Penetapan mengadakan Kongres di Kuala Lumpur pada awal Mac (selama empat hari) adalah amat dibanggakan. Di samping itu *Warta Negara* mengucapkan terima kasih kepada Dato' Onn kerana bersetuju Kongres diadakan di Kuala Lumpur. Selanjutnya *Warta Negara* mengingatkan akan tujuan utama Kongres, iaitu untuk mengasaskan pertubuhan induk gerakan kebangsaan Melayu dan membincangkan masalah *Malayan Union* serta menghalusi surat memorandum berkenaan dengan bangkangan atas Kertas Putih *Malayan Union* itu.<sup>38</sup>

Sebagai memenuhi janjinya, *Warta Negara* telah menyiarkan berita-berita berkenaan dengan Kongres tersebut. Sebuah kenyataan yang dibuat oleh Mohd. Yunus Hamidi, Setiausaha Persatuan Melayu Selangor, menyatakan bahawa Kongres itu akan diadakan pada 1 hingga 4 Mac, 1946. Persatuan-persatuan atau Kesatuan-kesatuan yang ingin menyertai diminta hubungi Setiausaha Persatuan Melayu Selangor dan sebutkan berapa orang wakilnya.<sup>39</sup> Beberapa hari selepas kenyataan pertama ini, *Warta Negara* sekali lagi menyiarkan sebuah kenyataan yang juga dibuat oleh Mohd. Yunus Hamidi, berhubung dengan bilangan wakil-wakil persatuan atau kesatuan ke Kongres itu. Katanya: "Bilangan wakil tidak boleh lebih daripada enam orang. Wakil-wakil itu hendaklah mewakili ibu persatuan atau kesatuan dengan makna bahawa wakil-wakil dari cawangan tidak akan diterima, dan pertubuhan atau persatuan yang tiada diiktiraf oleh pihak berkuasa tiadalah diterima masuk mengambil bahagian."<sup>40</sup>

Soal mengadakan Kongres ini bukan hanya hangat diperdebatkan oleh pemimpin Melayu dan akhbar, malah orang ramai juga turut sama memberikan pandangan dan pendapat mereka melalui akhbar. Salah satu daripadanya ialah suara Ramli Mohd. Adil yang disiarkan dalam ruangan 'Fikiran Pembaca', *Warta Negara*. Ramli menyokong Dato' Onn dan Rencana Pengarang *Warta Negara* pada 25.1.46 supaya satu Kongres Kebangsaan Melayu diadakan. Beliau menyeru semua persatuan dan kesatuan serta parti supaya bersatu demi untuk menentang *Malayan Union* dan menggunakan Kongres sebagai tempat persidangan untuk menyatakan pendapat demi untuk kebaikan umat Melayu. Beliau menyarankan supaya segala perbelanjaan ditanggung bersama dan menyeru supaya negeri lain patut mengikut langkah Melayu Selangor yang meminta bantuan daripada sultan, orang besar, hartawan dan saudagar-saudagar Melayu. Di samping itu ia juga mencadangkan supaya di peringkat negeri rakyat patut menjalankan usaha untuk mendapatkan wang seperti mengadakan pertunjukan, sandiwara dan lain-lain; dan akhbar-akhbar Melayu diseru menjalankan pungutan-pungutan derma. Akhirnya beliau mengingatkan bahawa tindakan itu mestilah segera kerana saat yang diperlukan tidak berapa hari lagi.<sup>41</sup> Suara-suara seperti ini menggambarkan bahawa Kongres Kebangsaan itu telah diberi

38 Ibid., 15.2.1946.

39 Ibid., 19.2.1946.

40 Ibid., 23.2.1946.

41 Ibid., 5.2.1946.

perhatian oleh semua pihak. Tiap-tiap seorang mengharapkan moga-moga Kongres itu akan membawa sesuatu yang berfaedah demi kebaikan bangsa dan negara.

*Warta Negara* bukan berperanan setakat itu saja; ia turut juga memberikan penerangan yang jelas mengapa Kongres itu patut diadakan. Dalam sebuah rencana pengarangnya, *Warta Negara* menyatakan:

... Kongres Melayu sedang bersidang di Kuala Lumpur sekarang ini ialah kerana membela hak dan keadilan putera Melayu pada maknanya yang sebenar bukan kerana buat menyedapkan cakapan dan dakyah sahaja bagi mengelirukan orang-orang yang kurang awas. Persidangan kongres itu ialah satu daripada beberapa bukti yang menunjukkan bukan sahaja umat Melayu telah sedar, tetapi juga timbulnya kesedaran ini ialah terbit daripada kesedaran semua umat Asia yang telah tahu bahawa mereka pun manusia juga, tahu membezakan mana yang baik dan mana yang buruk, mahu berkuasa di negeri masing-masing dan tidak mahu lagi terpedaya oleh penjajah atau Imperialisme Barat.<sup>42</sup>

*Warta Negara* telah membuat liputan yang boleh dikatakan cukup terperinci mengenai peristiwa-peristiwa di sepanjang Kongres itu dan ekoran daripadanya. Semasa pembukaan Kongres itu pada 1 Mac, *Warta Negara* telah menyiaran semua ucapan yang penting, seperti titah ucapan perasmian oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamuddin Selangor, ucapan Dato' Onn dan yang paling istimewa dan mengharukan ialah ucapan wakil kanak-kanak yang telah disiarkan sepenuhnya. Wakil kanak-kanak itu mengatakan antara lain:

... sudahnya hak kerakyatan terzahir, sudahnya harta pusaka kami dicina-caangkan, maka betapakah sedih dan hiba serta pilu yang kami rasai, apakah nasib malang yang akan kami terima, bagaimanakah rupa corak yang akan kami warnakan, apakah pusaka yang kami akan megah-megahkan dengan menyebut-nyebut Malaya ini negeri kami yang asal. Bagaimanakah rupa corak pelajaran dan penghidupan yang kami akan terima, maka sekalian ini menjadi ingatan di masa kami juga dan menjadi igau-igauan di masa kami besar. Ayuhai bapa-bapa kami sekalian! Sementara kami besar, sementara kami remaja, sementara kami menjadi umat yang bertanggungjawab di atas negerinya sendiri, maka dengan hati yang suci murni, dengan menyusun jari yang sepuluh, kami pohonkan belah hak kami sementara kami remaja, kawallah kehormatan dan maruah kami sementara kami menjadi umat yang bertanggungjawab atas negerinya.<sup>43</sup>

Walaupun ucapan ini lahirnya dari seorang kanak-kanak, ia amat menyusuk jiwa dan seolah-olah menjadi satu daya penggalak kepada yang mendengar atau membacanya untuk lebih giat lagi dalam usaha menghapuskan *Malayan Union*. Penyebaran ucapan seperti ini melalui akhbar seolah-olah menaburkan baja perjuangan di seluruh tanahair bagi menyuburkan lagi tekad orang Melayu dalam usahanya memperjuangkan nasib bangsanya.

Segala keputusan penting Kongres telah disiarkan oleh *Warta Negara* dengan harapan semoga ia dapat diketahui oleh setiap golongan masyarakat

42 Ibid., 2.3.1946.

43 Ibid., 5.3.1946.

Melayu; dengan itu diharapkan semoga tidak akan timbul sebarang keraguan untuk sama-sama menyokong dan bertindak menentang *Malayan Union*. Selain daripada bersetuju untuk menubuhkan 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' (UMNO),<sup>44</sup> Kongres Kebangsaan Melayu itu telah memutuskan menolak 'Kertas Putih' yang mencadangkan Kesatuan Negeri-negeri Melayu (*Malayan Union*). Kongres juga memutuskan untuk menghantar utusan ke London membangkang cadangan itu dan sebagai gantinya diminta sebuah lembaga diraja hendaklah dihantar melawat negeri-negeri Melayu untuk menghalusi soal itu. Kongres juga akan mengutus kawat dari hal keputusannya kepada Perdana Menteri England, Clement Attlee.<sup>45</sup>

Sebagai usahanya untuk menyampaikan setiap keputusan Kongres kepada umat Melayu, *Warta Negara* telah menyiarkan sepenuhnya keputusan kongres mengirim kawat bantahan kepada Perdana Menteri British:

Persidangan Agung daripada wakil 41 buah persatuan di Semenanjung Tanah Melayu membuat keputusan seperti berikut:

1. Perjanjian yang telah ditandatangani oleh Sultan-sultan kerana menyerahkan segala kuasa pemerintahan atas Tanah Melayu ke dalam tangan Yang Maha Mulia Baginda King, telah dijalankan tidak menurut kehendak undang-undang perlombagaan, adat resam dan lazim digunakan dalam negeri-negeri Melayu. Oleh itu tak sah dan batal.
2. Oleh kerana perjanjian-perjanjian tersebut telah dijalankan dengan tidak setahu dan bersalah dengan kehendak rakyat Melayu, maka ianya tidak diterima oleh rakyat jelata Melayu. Dengan itu kongres isytiharkan bahawa perbuatan itu bersalah dengan rukun-rukun demokrasi.
3. Cadangan Kerajaan Baginda King hendak berkuasa penuh dan menafikan kuasa Raja-raja Melayu samalah ertiinya dengan memiliki terus negara ini. Ini berlawanan dengan semangat 'Ikrar Atlantik'.
4. Malayan Union akan menghancurkan struktur negeri-negeri Melayu dan memberi taraf kerakyatan yang sama kepada semua kaum.
5. Minta Kerajaan Baginda King menyiasat keadaan yang sebenar di Tanah Melayu pada masa itu.
6. Meminta Kerajaan Baginda King menarik balik cadangan *Malayan Union* dan kembalikan taraf negeri-negeri Melayu ini seperti sediakala dengan tiada apa-apa perubahan buat sementara.<sup>46</sup>

Keputusan Kongres ini bukan sahaja bergema dan menjadi satu perbincangan hangat di kalangan rakyat Tanah Melayu, khususnya orang Melayu, malah ia telah mendapat perhatian daripada beberapa kalangan di London. Misalnya, "Telegram Kongres Melayu Se-Malaya membantah cadangan *Malayan Union* itu telah sudah pun sampai di London, bahkan dengan serta-merta dilauangkan di Tetuang Udara [Radio] BBC London untuk ke seluruh dunia dan selanjutnya BBC London memberitahu kisah-kisah macam mana Sultan Kedah terpaksa atau dipaksa menandatangani *Malayan Union* itu yang sudah pun menjadi satu perbincangan besar di dalam Persidangan Majlis Dewan Orang Ramai."<sup>47</sup>

44 UMNO telah dirasmikan penubuhannya dalam satu persidangan di Johor Bahru pada 11.5.1946. Selepas itu tugas Kongres telah diambil alih oleh UMNO dalam usahanya menentang *Malayan Union*.

45 *Warta Negara*, 5.3.1946.

46 Ibid., 6.3.1946.

47 Ibid., 11.3.1946.

Dengan tajuknya “*Malayan Union* mesti dibatal”, *Warta Negara* telah melahirkan pandangannya terhadap keputusan Kongres itu:

Keputusan Kongres Kebangsaan Melayu, bawanya penandatanganan perjanjian oleh Sultan-sultan adalah tak sah dan tak wajib dipatuhi. Kawat kongres yang dilaungkan di London merupakan satu petanda baik ... Oleh itu sudah patut bahkan suara Melayu itu mendapat perhatian timbang rasa dan sokongan dari seluruh dunia. Orang Melayu tidak bersuara melaikin atas yang hak dan kerana haknya halal orang Melayu menuntut keadilan dan mestilah mendapat timbang rasa dan keadilan yang penuh.<sup>48</sup>

### Konsep Melayu Raya

Dalam usaha-usaha menentang *Malayan Union*, ada pihak yang mahukan supaya Tanah Melayu bersatu dengan Indonesia. Dengan itu orang Melayu akan menjadi kuat dan dapat menentang segala rupa macam pancaroba yang datang. Soal penyatuhan Tanah Melayu dengan Indonesia ini begitu kuat disuarakan oleh PKMM (Partai Kebangsaan Melayu Malaya).<sup>49</sup> Penyatuhan kedua-dua negara ini akan dikenali dengan nama *Melayu Raya*. Menurut akhbar *Pelita Malaya*,<sup>50</sup> lidah rasmi PKMM, konsep ini dijelaskan sebagai: “yang kita cita-citakan, menyeberang Selat Melaka mengibarkan bendera Merah-Putih merdeka, bahkan hidup mendirikan semula Empayar Melayu yang maha besar.”<sup>51</sup>

Dalam satu keluaran lain *Pelita Malaya* disiarkan lagi berita tentang penyatuhan ini; katanya,

Apakah akan terjadi kepada bangsa Melayu jika Malaya nanti sekali lagi menjadi rebutan bangsa-bangsa yang perkasa di dunia ini... Inilah soal-soal yang sedang hidup dalam hati orang-orang Melayu yang mengerti hal politik negerinya. Dalam hubungan ini, mereka yang nampak satu jalan sahaja untuk keselamatan, iaitu Malaya hendaklah disatukan dengan Borneo, Celebes, Jawa, Sumatera dan lain-lain Pulau Melayu, menjadi satu kesatuan yang besar. Inilah hanya satu jalan untuk menjaga keamanan Pasifik. Inilah yang dikehendaki oleh orang Melayu.<sup>52</sup>

Dengan penjelasan ini, ternyata akhbar *Pelita Malaya* berpendapat bahawa hanya inilah saja jalannya untuk menyelamatkan umat Melayu dan Tanah Melayu, iaitu mewujudkan kerajaan *Melayu Raya*. Menurut *Pelita Malaya* kepentingan *Melayu Raya* kepada bangsa Melayu di Tanah Melayu ialah:

48 Ibid., 12.3.1946.

49 PKMM ditubuhkan setelah Jepun menyerah kalah pada bulan Oktober tahun 1945. Pengurus pertamanya ialah Mokhtaruddin Lasso, seorang komunis. Lain-lain tokoh utamanya adalah seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Hj. Muhamad, Ahmad Boestamam, Shamsiah Fakih dan Musa Ahmad. Ia bersifat kiri dan radikal. Lihat Ramli Adam, op. cit., hlm. 11 dan Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 23–30.

50 *Pelita Malaya* diterbitkan di Kuala Lumpur pada 4.3.46 di bawah pimpinan Zulkifli Auni, hidup sehingga 3.8.1946 iaitu setelah 130 keluaran. Tokoh-tokoh lain yang terlibat sama ialah Onan Hj. Siraj, Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Dahari Ali, Saleh Daud dan Ishak Hj. Muhamad sebagai Ketua Pengarang dan penulis rencanaan. Lihat Ahmad Boestamam, op. cit., hlm. 64–65 dan Drs. A.M. Iskandar Hj. Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876–1968*, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 56.

51 *Pelita Malaya*, 5.3.1946.

52 Ibid., 19.3.1946.

Didorong oleh keinginan bahawa sekiranya Malaya tidak disatukan dengan Indonesia pada satu masa di hadapan, maka tenaga politik dan tenaga ekonomi akan jatuh ke tangan bangsa asing dan dengan jatuhnya tenaga politik (bangsa Melayu Malaya) akan menjadi melukut di tepi gantang di tanahairnya sendiri sebagaimana nasib orang-orang *Red Indian* di Amerika Syarikat.<sup>53</sup>

Soal konsep Melayu Raya ini amat ditentang oleh kebanyakan golongan orang Melayu terutamanya UMNO. Bagi mereka masalah *Malayan Union* adalah masalah orang Melayu di Tanah Melayu, dan orang Melayu sendiri boleh menyelesaikannya. Dalam hal ini, Dato' Onn selaku orang yang utama dalam UMNO telah menyatakan:

... antara Malaya dengan Indonesia itu jangan susah dan jangan digaduhkan. Lautan yang mengasingkan tidak berapat, tetapi manusia-manusianya satu bahasa, satu adat, mustahil tatkala suatu masa daerah itu tidak memanggil kepada darah. Nasihat saya, biarlah orang-orang Melayu bekerja, berusaha, bersemangat dan berperasaan membetulkan dirinya supaya jangan barang yang dikendong akan cicir, barang yang dikejar tidak akan dapat.<sup>54</sup>

Seruan Dato' Onn telah diterima oleh kebanyakan orang Melayu di Tanah Melayu, dan kerana itulah *Malayan Union*, ditentang dengan cara 'penentangan orang Melayu'. Akhirnya konsep *Melayu Raya* itu lenyap.

#### **Penentangan setelah *Malayan Union* dilaksanakan**

Oleh kerana kerajaan British memekakkan telinganya maka rancangan *Malayan Union* tetap dilaksanakan pada 1 April, 1946. Pada 30 dan 31 Mac, 1946, telah diadakan satu Kongres tergempar yang mengambil keputusan, "Bawaha Raja-raja Melayu jangan sekali-kali mengambil sebarang bahagian di dalam sebarang istiadat berhubung dengan *Malayan Union*, dan begitu juga orang-orang Melayu yang telah dipelawa menjadi ahli Majlis Mesyuarat Penasihat hendaklah menarik diri".<sup>55</sup> Dalam perkara ini, Dato' Onn dengan tegas menjelaskan:

Sekiranya Raja-raja Melayu hadir juga mengambil bahagian di dalam sebarang istiadat yang berhubung dengan *Malayan Union* itu akan dibuang terus oleh rakyat, dan orang-orang Melayu yang mengambil bahagian yang dilarang itu, orang Melayu yang demikian itu tidak diakui iaitu Melayu dan bukanlah ia daripada jumlah orang yang berbangsa dengan bangsa Melayu.<sup>56</sup>

Satu perhimpunan lebih kurang seribu orang Melayu telah diadakan di hadapan *Station Hotel*, Kuala Lumpur di mana bersemayamnya sultan-sultan untuk menghadiri upacara pengisytiharan *Malayan Union* dan perlantikan Gabenor *Malayan Union*. Kerana menyedari hakikat sebenarnya perjuangan orang Melayu dan melihatkan betapa ghairahnya orang Melayu menentang *Malayan Union*, maka raja-raja dan orang Melayu yang dipelawa oleh British

53 Ibid., 31.3.1946.

54 *Warta Negara*, 6.5.1946.

55 Ibid., 5.4.1946.

56 Ibid.

itu telah mengikut keputusan Kongres. Dalam hal ini *Warta Negara* telah mengulas dengan berkata bahawa: "... kejadian ini sesungguhnya adalah menjadi suatu riwayat baharu bagi perhubungan di antara rakyat dan Raja-raja Melayu. Dengan hal yang demikian ini bangsa Melayu adalah bersatu dalam menentukan nasibnya dan segenap lapisan masyarakat tetap akan sehidup semati."<sup>57</sup>

Tindakan para sultan memulaukan majlis pada 1 April 1946 itu telah dialu-alukan oleh *Warta Negara*: "Inilah sebaik-baik langkah sementara ini menunjukkan semangat perjuangan itu tetap ada pada semua lapisan umat Melayu daripada raja turun kepada rakyat sekalian ... tahniah kepada sultan-sultan kita atas keteguhan hati baginda itu bersama-sama berjuang dengan rakyat jelata".<sup>58</sup>

Walaupun telah menerima tantangan yang hebat dari orang Melayu, *Malayan Union* tetap wujud pada 1 April 1946. Di dalam rencana pengarangnya, *Warta Negara* telah mengulas dengan penuh rasa terharu dan di sebalik itu terpancar semangat perjuangan yang tidak kunjung padam:

Segala bantahan orang Melayu tidak diindahkan, *Malayan Union* tetap wujud, seolah-olah kerajaan British tidak mengenal wujudnya bangsa Melayu ... Orang Melayu hendaknya bertindak dengan lebih tegas lagi supaya kerajaan British sedar dan mengerti bahawa orang-orang Melayu bukanlah sebarang bangsa yang boleh dimain-mainkan, akan tetapi juga supaya kehendak-kehendak orang-orang Melayu itu diambil berat dan dihasilkan ... Hari menjalankan kuatkuasa Kertas Putih atau hari lahirnya *Malayan Union* itu adalah hari yang sehabis-habis celaka bagi orang-orang Melayu, dan ialah juga hari yang sehabis-habis sedih bagi orang-orang Melayu. Oleh itu orang-orang Melayu mestilah berkabung menandakan kesedihananya dan perbuatan berkabung itu adalah mengandungi perasaan yang dalam maknanya bagi orang Melayu sendiri dan satu pandangan yang membawa erti yang luar biasa bagi orang-orang yang memikirkan atas perbuatan orang-orang Melayu jika difikirkan dengan fikiran timbangrasa dan adil ... meskipun hari ini *Malayan Union* itu telah diperancakkan, akan tetapi pada mata orang-orang Melayu dan pada mata keadilan, anak itu tiadalah anak yang halal. Orang Melayu berpegang tetap kepada haknya, dan apa juga yang datang dan berlaku itu tiadalah akan mengganjakkan pendirian orang-orang Melayu. Orang Melayu tiada berputus asa, kerana mereka berdiri atas yang benar. Tuhan sentiasa menyertai pihak yang benar. Berkabunglah kerana kita terpaksa berkabung.<sup>59</sup>

Dalam hal ini, Dato' Onn telah menyeru: "Kita sekarang dalam masa berjuang, tetapi perjuangan kita belumlah dan tidaklah menuntut kepada darah dan jiwa, hanya sanya adalah yang dituntut sekarang ialah perjuangan tenaga dan semangat — satu perkara yang tiada terlalu berat kepada bangsa Melayu. Oleh itu sudah mestilah yang demikian itu dapat dipikul bersama dan ditunaikan bersama dengan tiada uzur lagi. Kita berjuang dengan ikhtiar dan tenaga dan kita meminta pertolongan kepada Tuhan, dan kepada-Nyalah jua kita berserah, mudah-mudahan permintaan kita dikabulkan."<sup>60</sup> Dan selanjutnya, "Kami tetap tidak akan mengiktirafkan wujudnya *Malayan*

57 Ibid.

58 Ibid., 2.4.1946.

59 Ibid., 3.4.1946.

60 Ibid., 15.4.1946.

*Union* hingga hari kiamat".<sup>61</sup> Di suatu ketika lain pula, beliau menyatakan: "Hari ini langkah Melayu menentang *Malayan Union* bertambah tegas dan tegang, bertambah kuat dan bertambah kukuh, niat *Malayan Union* itu hendak menjadikan Melayu selama-lamanya hamba orang dan bukan jalan merdeka. Jika tidak diubah segala perkara yang menjadi perbalahan itu nescaya di dalam Tanah Melayu tidak boleh kekal keamanan di antara penduduknya".<sup>62</sup>

Penentangan terhadap *Malayan Union* bukan hanya disuarakan oleh orang Melayu sama ada di dalam ataupun di luar Tanah Melayu, tetapi juga telah wujud rasa tidak senang di kalangan beberapa pihak di luar Tanah Melayu, terutamanya di London. Beberapa pihak di London, ini termasuklah akhbar-akhbaranya, telah melahirkan rasa kurang senangnya terhadap kemunculan *Malayan Union* itu. Akhbar *The Times* keluaran 24 Januari 1946, telah mengulas tentang *Malayan Union*. Dengan tajuk, 'Orang ramai tempatan mesti diberi peluang mengeluarkan fikiran', Akhbar *The Times* berpendapat, "Pendapatannya [sic] am yang terkandung di dalam dasar *Malayan Union* ini adalah satu dasar yang saksama, tetapi sebelum ia dijalankan mestilah diberi peluang bagi orang ramai tempatan mengeluarkan fikiran mereka di atas soal-soal yang sebenar dan di atas perkara yang menjadi soal seperti maksud yang akan datang hendak memasukkan Labuan, Sarawak, Brunei dan British North Borneo (Sabah) di dalam kawasan pekerjaan Gabenor Jeneral".<sup>63</sup>

Di dalam keluarannya pada 10 April, 1946, *The Times* telah menyiaran surat yang ditandatangi oleh bekas pegawai tadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu seperti Sir Cecil Clementi, Sir Frank Swettenham dan Sir George Maxwell. Antara lain isi kandungan surat itu menunjukkan khuatir yang amat sangat atas cara-cara bagaimana Sultan-sultan Melayu yang sembilan orang itu di dalam taat setia dan kepercayaan mereka kepada kerajaan British telah 'dijemput' bagi menandatangani surat-surat perjanjian yang mereka telah tidak cukup faham iaitu 'memindahkan' kuasa penuh di atas pentadbiran negerinya kepada Dulia Yang Maha Mulia Baginda King. Akhbar London itu berkata selanjutnya:

Kita ada sebab-sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa Yang Maha Mulia dan orang-orang di Malaya akan menimbang dengan gemarnya satu persekutuan yang sebenar daripada kesembilan buah negeri bersama-sama dengan Negeri-negeri Selat, dengan mengambil perhatian penuh kepada tuntutan-tuntutan semua orang yang rumah mereka yang sebenarnya ialah di dalam Malaya. Maka di dalam pendapatannya [sic] kita persekutuan yang semacam ini adalah masih boleh lagi didapati dengan tiada ada penyerahan dan dengan secara yang boleh menggalakkan semangat bekerjasama yang cergas serta mengembalikan keyakinan kepada baik cita-cita British.<sup>64</sup>

Dengan ini nyata sekali yang mereka ini merasakan bahawa *Malayan Union* adalah sesuatu yang agak mengecewakan khasnya orang Melayu, dan untuk itu *Malayan Union* haruslah disemak semula supaya sesuai bagi semua

61 Ibid., 4.5.1946.

62 Ibid., 6.5.1946.

63 Ibid., 26.1.1946.

64 Ibid., 17.4.1946.

golongan. Untuk ini sekali lagi *The Times* menyuarakan pendapatnya berhubung dengan *Malayan Union*. Melalui tajuk, 'Asas cadangan *Malayan Union* wajib diubah', akhbar itu menyatakan masih ada masa lagi memperbaiki keadaan siasah yang terkhilaf di Tanah Melayu itu jika ada kesedaran daripada kerajaan British. *The Times* mengemukakan beberapa cadangan.<sup>65</sup>

- (a) Soal Kerakyatan: Orang-orang Cina dan India mesti melucutkan kerakyatan negeri asalnya.
- (b) Kuasa Raja: Raja-raja mempunyai suara di dalam Majlis Undang Besar yang baru.
- (c) Mesyuarat Kerajaan: Mesyuarat kerajaan tidak perlu dimansuhkan; kuasa-kuasa yang tertentu hendaklah diberi seperti membahagikan tanah dan menyimpan hasil.
- (d) Kuasa Gabenor: Gabenor diberi kuasa untuk memelihara hak-hak orang Melayu, agama dan iktisas serta peratus perlantikan orang Melayu bagi jawatan-jawatan raya.

Selain daripada suara-suara dari London, terdapat pula satu suara dari sebuah negara yang agak asing bagi kita iaitu dari Moscow, (Rusia). Dengan tajuk 'Dasar *Malayan Union* mendapat teguran dari Moscow', *Warta Negara* telah menyiarkan sebuah berita dari Moscow: "Radio Moscow telah memberitahu bahawa akhbar mingguan Soviet *New Times* telah menegur dengan kerasnya kepada dasar British di Malaya bagi menyatakan sembilan buah negeri-negeri Melayu dan tiga buah Jajahan Takluk di Semenanjung Tanah Melayu dijadikan *Malayan Union*".<sup>66</sup>

Walaupun kebanyakan suara penentangan dari luar Tanah Melayu ini tidak seratus peratus senada dengan hasrat orang Melayu, apa yang nyata ialah suara-suara itu telah menampakkan bahawa *Malayan Union* yang dikemukakan oleh British itu adalah satu-satunya perkara yang tidak sihat dan mesti ditimbang semula. Suara-suara ini sebanyak sedikit telah memberikan keyakinan yang lebih kepada orang Melayu bahawa apa yang dituntut dan ditentang itu adalah sesuatu yang benar dan berlandaskan prinsip yang hak.

#### Lawatan Gammons dan Rees — Williams

Menyedari hakikat bahawa *Malayan Union* adalah satu-satu perkara yang bertentangan dengan lunas demokrasi dan hak asasi manusia, lebih-lebih lagi memandangkan betapa hebatnya tentangan daripada orang Melayu dan beberapa pandangan yang negatif berhubung dengan *Malayan Union* dari beberapa pihak, kerajaan British telah menghantar Kapten L.D. Gammons dan Lt. Col. D.R. Rees-Williams,<sup>67</sup> selaku wakil Parlimen Kerajaan Great Britain, bagi meninjau pendapat orang Melayu.<sup>68</sup> Berhubung dengan

65 Ibid., 23.4.1946.

66 Ibid., 15.5.1946.

67 Gammons (Konservatif) dan Rees-Williams (Buruh) wakil Parlimen dihantar ke Sarawak untuk menyiasat masalah-masalah perlembagaan di sana. Dalam perjuangan kembali, mereka menghabiskan masa dua minggu di Tanah Melayu dan telah disambut dengan demonstrasi orang Melayu berhubung dengan *Malayan Union*. Lihat Mohamed Noordin Sopiee, op. cit., hlm. 34.

68 UMNO 10 Tahun, hlm. 37.

kedatangan Kapten Gammons ini, *Warta Negara*, melalui rencana pengarangnya, telah menulis: "... diharap Kapten Gammons akan menerima berbagai-bagai fikiran, keterangan dan pandangan di dalam penjelajahannya di Tanah Melayu [dan] mengharapkan Kapten Gammons akan memandang segala suara itu benar dan terbit daripada hati yang tulus ikhlas dan akan menerimanya dengan tulus ikhlas dan bertulus ikhlas kerana itu".<sup>69</sup> Pada hari berikutnya di ruangan yang sama, *Warta Negara* sekali lagi menulis: "Kapten Gammons sayugialah tahu orang-orang Melayu semuanya tidak menerima dan tidak akan menerima pertubuhan *Malayan Union* itu dan tidak akan berganjak pendiriannya membantah *Malayan Union* hingga hari kiamat ... Tuntutan orang-orang Melayu terhadap *Malayan Union* itu hanya satu sahaja, iaitu batalkan perjanjian yang diperbuat oleh Sir Harold MacMichael dengan sultan-sultan dan hapuskan *Malayan Union*".<sup>70</sup>

Pada hari berikutnya, *Warta Negara* telah menyiaran berita orang Melayu membangkang di hadapan Kapten Gammons. Orang Melayu di Johor Bahru telah mengadakan satu perhimpunan di hadapan Kapten Gammons dengan membawa sepanduk-sepanduk yang berbunyi, 'Runtuhan *Malayan Union*', 'Panjanglah Usia Orang-orang Melayu' dan 'Orang-orang Melayu berkehendakkan keamanan dan keselamatan'. Dalam perhimpunan itu satu ucapan telah dibaca oleh Lt. Col. Musa bin Yusof dan diterjemahkan oleh Dato' Awang:

Kita orang-orang Melayu dengan bersungguh-sungguh membangkang dan menolak akan dasar *Malayan Union* sebagai yang telah dikenakan di dalam negeri-negeri Melayu hari ini dan menyokong dengan penuhnya akan bangkangan dan langkah-langkah yang diambil oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu di dalam segala perkara di atas dasar *Malayan Union* setakat mana yang bersangkut dengan orang-orang Melayu.<sup>71</sup>

Ke mana saja Kapten Gammons pergi, ia sentiasa diburu oleh tunjuk perasaan orang Melayu menentang *Malayan Union*. *Warta Negara* telah menyiaran berita tentang tunjuk perasaan membangkang *Malayan Union* yang diadakan di Kuala Lumpur di hadapan Kapten Gammons. Tajuk beritanya menarik sekali: "Bangkangan Melayu terhadap *Malayan Union* semakin keras — Malaya ialah hak Melayu, kata Kapten Gammons". Berhubung dengan tunjuk perasaan itu, Kapten Gammons telah berkata, "Malaya ialah hak Melayu dan mestilah kekal menjadi hak Melayu".<sup>72</sup> Kapten Gammons juga mengharapkan kedudukan yang amat genting itu boleh diselesaikan dengan cepat dan ia tidak bersetuju dengan hak dua kerakyatan.<sup>73</sup>

Pengakuan Kapten Gammons ini telah disambut baik oleh semua golongan, khususnya orang Melayu. Berhubung dengan perkara ini, *Warta Negara* melalui rencana pengarangnya telah menyatakan bahawa: "Akuan

69 *Warta Negara*, 23.5.1946.

70 *Ibid.*, 24.5.1946.

71 *Ibid.*, 25.5.1946.

72 *Ibid.*, 27.5.1946.

73 *Ibid.*

Kapten Gammons adalah dipandang bukan akuananya sendiri tetapi akuan kerajaan British juga dan akuan itu bukanlah akuan kosong, tetapi akuan yang bererti dan meneperi kata-kata dengan amalnya. Inilah satu harapan besar orang-orang Melayu terhadap Kapten Gammons dan kerajaan British juga.”<sup>74</sup>

Akhirnya Kerajaan British telah menyedari bahawa *Malayan Union* amat tidak sesuai diamalkan di Tanah Melayu. Malcolm MacDonald telah memberi akuan bahawa negeri-negeri Melayu tidak akan dimiliki tetapi tetap duduk di bawah naungan Kerajaan British.<sup>75</sup> Beliau juga ada menyatakan bahawa soal *Malayan Union* belumlah tutup, masih boleh dirundingkan dan jika sesuai dimusnahkan.<sup>76</sup>

Berikut dengan penentangan dari setiap penjuru itu rancangan *Malayan Union* itu kemudian lumpuh dan hidup pada namanya saja dari 1 April, 1946 hingga 31 Januari, 1948. *Malayan Union* diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu; rangka perlembagaannya di buat bersama oleh wakil-wakil kerajaan British, Sultan-sultan dan UMNO. Inilah satu ‘kejayaan’ bagi orang Melayu dalam perjuangan menegakkan keperibadiannya seperti kata ‘Lidah Pengarang’ *Utusan Melayu*:<sup>77</sup> “Kemajuan umat kita iaitu telah mengerti diibarat dan isyarat, tahu memerhati dan memberi perhatian dan pandai berfikir atas sesuatu perkara yang berkenaan dengan mereka ini. Orang Melayu sekarang tidak terikut-ikut apalagi hanya jadi Pak Turut seperti keadaan langau mengekor kerbau.”

74 Ibid., 28.5.1946.

75 Ibid., 3.6.1946.

76 Ibid., 22.6.1946.

77 *Utusan Melayu*, 5.5.1947.

# *Wanita Melayu Dalam Politik 1946—1948*

Zaiton bt. Ghani\*

## **Sebelum Perang**

Keterlibatan kaum wanita Melayu di dalam kegiatan masyarakat, pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua (1941—45) tidaklah ternyata. Secara umum dapat dikatakan masyarakat Melayu sebelum Perang meletakkan taraf wanita lebih rendah daripada kaum lelaki dan tidak berhak untuk campur tangan dalam soal-soal di luar rumahtangga, apa lagi dalam perkara siasah. Peranan mereka hanyalah sebagai surirumah: mengendalikan hal-hal rumahtangga dan menguruskan anak-anak sesuai dengan sifat mereka.

Namun demikian dalam sejarah dan cerita lama, kaum wanita dikatakan ada memainkan peranan penting di dalam politik. *Sejarah Melayu*, umpannya ada menyebut tentang seorang wanita bernama Tun Kudu yang berjaya menyatukan kembali perpecahan di kalangan rakyat Melaka dengan kerelaannya dikahwin dengan ketua salah satu pihak yang berseteru itu. Pihak yang satu lagi diketuai oleh adik Tun Kudu sendiri. Dengan cara ini kedua-dua pihak itu dapat bersatu.<sup>1</sup> Dalam sejarah kerajaan Melayu Kelantan abad ke-17, terdapat dua orang wanita diraja iaitu Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang. Kedua-duanya pernah memegang teraju pemerintahan negeri, tahap politik yang paling tinggi.<sup>2</sup>

Namun begitu dengan peredaran zaman, kedudukan dan peranan wanita turut juga berubah. Menjelang 1900 telah timbul kesedaran di kalangan anggota-anggota masyarakat bahawa nasib kaum wanita harus diberi perhatian. Akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan memainkan peranan penting dalam menimbulkan kesedaran ini.

Majalah *Al-Imam*, lidah rasmi Kaum Muda<sup>3</sup> yang dikeluarkan mulai

- 
- \* Penulis ialah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1980.
  - 1 Dua pihak yang berpecah itu: satu diketuai oleh Seri Nara Diraja, dan yang satu lagi diketuai oleh Paduka Raja — dua orang pembesar kerajaan Melaka. Untuk keterangan lanjut sila lihat W.G., Shellabear (ed.), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 70 & 71.
  - 2 Nik Zainab bt. Hj. Karim, 'Wanita Melayu Dalam Konteks Perubahan Ekonomi dan Politik', Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 89–92.
  - 3 Kaum Muda ialah gerakan terawal di Tanah Melayu yang cuba memberi kesedaran kepada umat Melayu melalui pemodenan di dalam Islam. Gerakan ini diketuai oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh Al-Hadi, Haji Abbas Tahta dan Syeikh Muhamad Ibn Salim Alkalali. Mereka ini mendapat ilham dari Gerakan Wahabi dan Mohammad Abdur dari Tanah Arab dan Mesir. Lihat Ramli Adam, *UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kota Bharu, Kelantan, 1978.

Julai 1906 hingga 1908, telah menekankan kepentingan pelajaran sebagai kunci untuk kesedaran dan kemajuan satu-satu bangsa.<sup>4</sup> *Al-Imam* menyarankan supaya kelas untuk anak-anak perempuan diadakan di sekolah-sekolah rendah supaya nanti dapat melahirkan ibu-ibu yang berpelajaran.<sup>5</sup>

Nampaknya seruan-seruan seperti ini telah berjaya menyedarkan ibu bapa Melayu walaupun tidak secara menyeluruh. Didapati menjelang 1907, beberapa keluarga daripada golongan aristokrat tradisional dan elit Melayu yang berpendidikan Inggeris telah menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah-sekolah mubaligh<sup>6</sup> atau memanggil guru-guru mengajar di rumah. Anak-anak perempuan yang bernasib baik seperti ini sangat kecil bilangannya tetapi kemudiannya bertambah dari semasa ke semasa. Langkah memberi pelajaran kepada anak-anak perempuan ini dapat dianggap satu tapak ke arah emansipasi wanita; bererti juga jalan permulaan ke bidang politik telah diterokai.

Dalam membicarakan kegiatan wanita sebelum Perang kita tidak seharusnya melupakan pengalaman dan kegiatan Hajah Zainon Sulaiman, lebih dikenali sebagai Ibu Zain. Beliau sepatutnya diberi gelaran "Ibu Pembebasan Wanita Melayu"<sup>7</sup> sama seperti Raden Adjeng Kartini (1879—1904) yang dikenali sebagai "Ibu Kemajuan Wanita Indonesia".<sup>8</sup> Ibu Zain telah berjaya menyusun pelajaran gadis-gadis Melayu di Johor supaya menjadi sistematis selari dengan sistem sekolah Inggeris. Beliau juga mengasaskan Kesatuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor pada tahun 1929. Tujuan kesatuan ini ialah untuk menolong mempercepatkan kemajuan kaum wanita Melayu dan melatih mereka dalam mendapatkan kebebasan yang lebih.<sup>9</sup>

Menjelang 1940-an, lebih banyak lagi persatuan wanita telah ditubuhkan; antaranya Persatuan Wanita Melayu Johor ditubuhkan pada tahun 1940, oleh Cik Azizah Jaafar (adik Onn Jaafar),<sup>10</sup> Persatuan Wanita Kampung Baru<sup>11</sup> dan lain-lain untuk kebajikan wanita yang mengadakan kelas-kelas masakan dan jahitan. Walaupun persatuan-persatuan ini tidak bersifat politik tetapi kewujudannya menunjukkan bahawa kaum wanita Melayu telah mulai bergiat di dalam masyarakat demi untuk meninggikan status wanita.

Keterlibatan kaum wanita Melayu secara tegas di dalam politik hanya berlaku selepas Perang Dunia Kedua, ketika semangat nasionalisme bangsa

4 Abdullah Hj. Jaafar, "Al-Imam", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971/72, him. 39.

5 Ibid., him. 50.

6 Lanore Manderson, "Women in Politics: Change or Continuum: The Case of Malay Women in Peninsular Malaysia", Tesis Ph.D., Department of Asian Civilization, Australian National University, 1977, him. 7.

7 Asiah Abu Samah, "Emancipation of Malay Women 1945—1957", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura, 1960, him. 5.

8 Raden Adjeng Kartini adalah seorang wanita Indonesia yang sampai sekarang menjadi lambang cicitan wanita Indonesia dalam perjuangan mencapai persamaan hak dan keadilan sosial.

9 Ramli Adam, *UMNO Organised and Kegiatan Politik*, Kota Bharu, Kelantan, 1978, him. 116 & 117.

10 Yusuf Ngah, "Malay Nationalism 1945—1957", Tesis M.A. dalam bidang Sejarah, Universiti Otago, Dunedin, New Zealand, 1967, him. 98.

11 Hamidah Abu Bakar, *Pergerakan Kaum Ibu UMNO*, Bahagian Selatan Negeri Sembilan 1946—1969, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, him. 5.

Melayu sedang berkobar-kobar. Ini ternyata dengan adanya Jabatan Wanita dalam berbagai persatuan politik, antaranya ialah Jabatan Wanita Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM),<sup>12</sup> dan Bahagian Kaum Ibu Persekutuan Melayu Negeri Sembilan (PMNS) yang sangat aktif di Negeri Sembilan ketika itu.<sup>13</sup> Jabatan Wanita PKMM ditubuhkan pada lewat 1945. Ketua pertamanya ialah Cik Khadijah Ali,<sup>14</sup> sementara Penolong Setiausaha PKMM sendiri juga seorang wanita iaitu Cik Zainab (Mahmud?).<sup>15</sup> Perlantikan ini dibuat dalam kongres PKMM yang pertama yang berlangsung pada November 1945, di Ipoh.

Akhbar *Seruan Rakyat*, bertarikh 2 Disember, 1945, di bawah tajuk ‘Persidangan Kebangsaan di Ipoh’ telah melaporkan bahawa: “Wakil-wakil kaum ibu dari Perak dan Kedah yang semuanya ada membuktikan bahawa umat Melayu keturunan sekarang telah sedar akan perubahan dunia yang menghendaki diberi kemerdekaan kepada tiap-tiap bangsa sebagaimana yang tetap ditetapkan di San Francisco dahulu.” Ini menunjukkan bahawa tenaga kaum wanita diperlukan di dalam perjuangan kebangsaan. Yang lebih penting lagi apa yang dapat difahamkan daripada peristiwa ini ialah kaum wanita sudah mula diberi kepercayaan oleh kaum lelaki dan masyarakat umumnya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam politik tanahair.

### Zaman Malayan Union

Kehadiran kaum wanita Melayu dalam arena politik adalah serentak dengan perkembangan politik Melayu yang berlaku dalam jangka masa 1946–1947. Walaupun itu adalah peringkat paling awal keterlibatan mereka secara cergas, namun ternyata sangat aktif dan begitu mengagumkan. Dalam tempoh inilah telah lahir dua buah persatuan politik wanita yang sangat penting iaitu Angkatan Wanita Sedar dan Kaum Ibu UMNO (bermula dari 25 Ogos 1949 dikenali sebagai Pergerakan Kaum Ibu UMNO). Kedua-duanya lahir dari suasana politik negara yang sedang tegang dengan konsep *Malayan Union*.

*Malayan Union* telah dirancangkan oleh British sejak tahun 1943 lagi.<sup>16</sup> Tiada sesiapa pun di Tanah Melayu yang benar-benar mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan *Malayan Union* ini sehingga rancangan ini diisytiharkan pada 22 Januari 1946 melalui titah diraja Parlimen British. Rancangan ini disiarkan di dalam Warta Kerajaan dan dikenali sebagai ‘Kertas Putih 6724’.<sup>17</sup> Mengikut kerajaan British, di antara tujuan diadakan

12 Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan atas cadangan Mokhtaruddin Lasso, seorang anggota Parti Komunis Malaya. Cadangannya disokong oleh pekerja-pekerja akhibar *Seruan Rakyat* yang dikendalikan oleh Ahmad Boestamam. Tujuan utama PKMM salah memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu di dalam Indonesia. (Lihat Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur, 1972).

13 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 11 & 12.

14 Ahmad Boestamam, op. cit., hlm. 28.

15 Cik Zainab (Mahmud?) bertugas sebagai jururawat di Taiping, Perak. Anak kepada seorang anggota PKMM di Pahang. Ibid., hlm. 70.

16 Lihat Mohamad Nordin Sopice, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 13–21. Lihat juga Ramli Adam, op. cit., hlm. 2–4.

17 Ramli Adam, op. cit., hlm. 2.

*Malayan Union* ialah untuk:

1. Menyatukan sistem pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.
2. Membolehkan lain-lain bangsa mendapat layanan yang sama dan hak-hak yang lebih baik di samping hak orang Melayu akan tetap dijaga.
3. Menyesuaikan secara keseluruhannya Tanah Melayu dengan kemajuan selepas Perang dan menyediakan kepentingan pertahanan dan keselamatan Tanah Melayu yang akan menjadi anggota di dalam Komanwel British.

Raja-raja hanya mempunyai kuasa dalam bidang adat istiadat dan Agama Islam serta mengetuai Majlis Penasihat Melayu yang ahli-ahlinya dilantik dengan persetujuan gabenor.<sup>18</sup> Rancangan *Malayan Union* ini menjadikan Tanah Melayu sebagai Tanah Jajahan British.<sup>19</sup>

Hal ini dengan mudah dapat difahami oleh orang Melayu kerana adanya pengalaman pada zaman Jepun, ditambah lagi dengan pengalaman pahit pergaduhan Melayu — Cina selama beberapa bulan berturut-turut di beberapa buah negeri di Tanah Melayu.<sup>20</sup> Pergaduhan ini berlaku akibat perasaan membala dendam kerana perbuatan Jepun yang melaga-lagakan orang Melayu dengan Cina, pada masa pemerintahannya. Peristiwa pemerintahan 13 hari oleh Bintang Tiga dan tekanannya kepada orang Melayu telah menjadi latar belakang yang baik bagi orang Melayu menentang *Malayan Union* yang dalam semua hal merugikan orang Melayu.<sup>21</sup>

Peristiwa-peristiwa ini turut dialami oleh kaum wanita yang juga sedar bahawa mereka tidak boleh lagi berdiagram diri dalam keadaan negara yang sedang terancam itu. Wanita mesti turut terlibat sama. Atas kesedaran inilah mereka telah melibatkan diri di dalam arena politik tanahair.

Kesedaran mereka ini dipengaruhi juga oleh gerakan-gerakan kebangsaan yang berlaku di luar negeri. Dalam hal ini media massa memainkan peranan yang penting. *Utusan Melayu* dan majalah seperti *Mastika* sebanyak sedikit telah memberikan gambaran tentang keadaan-keadaan di luar negeri; umpamanya saban hari akhbar-akhbar semasa melaporkan pergerakan kebangsaan di Indonesia.<sup>22</sup>

Wanita-wanita di sana telah membentuk gabungan badan-badan wanita Indonesia yang bertugas untuk menggerak seluruh tenaga wanita untuk kemerdekaan Indonesia.<sup>23</sup> Ini telah memberi semangat dan keyakinan kepada kaum ibu di Tanah Melayu bahawa mereka juga berkemampuan menubuhkan badan-badan wanita seperti itu.

18 Ibid., hlm. 3.

19 Untuk perincian terperinci mengenai *Malayan Union* dan tentang orang Melayu lihat Ahmad bin Masjidin, "Malayan Union Dari Kaca Mata Warta Negara" dalam monograf ini.

20 Pergaduhan ini bermula di Batu Pahat Johor sebaik-baik sahaja Jepun menyerah diri. Kemudian merebak ke Batu Malim, Pahang, Ulu Jempul, Negeri Sembilan, Sungai Manik dan Bekor, di Perak. (Untuk keterangan lanjut sila lihat Ramli Adam, hlm. 27 & 28).

21 Ibid., hlm. 4 & 5.

22 Pergerakan kebangsaan di Indonesia begitu mendapat tempat dalam akhbar-akhbar Tanah Melayu semasa. Juga mendapat tempat utama di dalam *Mastika* keluaran tahun 1946—1948.

23 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 6.

Selain daripada itu, *Mastika*, misalnya, telah memuat cerpen-cerpen<sup>24</sup> yang mengandungi seruan-seruan yang boleh menyedar dan memberikan semangat kepada kaum wanita Melayu bahawa mereka tidak seharusnya memandang sepi terhadap pergolakan-pergolakan yang sedang berlaku dalam politik negara. Dalam bulan Januari 1947, *Mastika* telah menyeru supaya pemuda dan pemudi Melayu belajar segala cara perjuangan kerana mereka kalah harapan bangsa dan tiang negara.

Nampaknya perkembangan-perkembangan siasah di dalam dan di luar negeri telah berjaya memberi kesedaran kepada wanita Melayu dan menginsafkan mereka bahawa kaum wanita tidak boleh lagi membiarkan segala-galanya di tangan kaum bapa. Mereka juga mesti bertindak untuk kebaikan sendiri dan masa depan negara. Kerana *Malayan Union* inilah buat pertama kalinya kaum wanita Melayu dari seluruh pelusuk tanahair telah bangun, berganding bahu dengan kaum lelaki, bergerak seiring dalam kegiatan politik negara yang serba mencabar.

Namun begitu dalam tempoh tiga tahun (1946—48) yang awal ini, peranan politik mereka hanyalah sebagai penyokong, pembantu yang memberi perangsan dan galakan kepada kaum lelaki.<sup>25</sup> Umpamanya, kaum wanita turut memberi penerangan dari kampung ke kampung mengenai keadaan negara dan memberitahu orang ramai apa yang patut dilakukan dalam usaha mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedaulatan Tanah Melayu.<sup>26</sup> Apa yang lebih menonjol sekali ialah keterlibatan mereka di dalam tunjuk perasaan dan perhimpunan-perhimpunan menentang *Malayan Union*.

Sebenarnya orang Melayu telah membantah *Malayan Union* sejak ianya masih dalam peringkat penyediaan lagi iaitu ketika tandatangan Raja-raja Melayu diambil.<sup>27</sup> Sir Harold MacMichael, orang yang bertanggungjawab menjalan tugas itu telah berjaya mendapatkan kesemua tandatangan raja-raja. Menurut sumber-sumber yang dipercayai, tandatangan itu diambil

24 Cerpen adalah salah satu cara untuk menarik minat wanita membaca dan menerusi cerpen-lah diserapkan kata-kata perjuangan. Contohnya cerpen oleh Abdul Samad Ismail berjodol "Antara Dua Kekasih" menggambarkan rasa hati seorang gadis yang ingin turut serta "berjuang untuk bangsa dan tanahair" dan "melepaskan ibu pertwi dari perhambaan". (*Mastika*, November 1946, hlm. 7—10).

25 Ini dibentangkan dengan baik dalam bentuk naratif di dalam novel Shahnon Ahmad, *Perdana*, Singapura, 1976, hlm. 111—189. Antara petikan:

"Dia masih kerana tempang kalau dalam perjuangan si isteri tidak sejinya dan sejalan. Dan berhubung dengan pepecahan umat Melayu itu akan terasa lebih kuat lagi kalau satu angkatan kaum ibu tiba memberi bantuan". (hlm. 119—120).

"Dia" di sini dimaksudkan ketua sebuah parti politik di Kedah iaitu Saberkas. Shahnon Ahmad mengambil sejarah Kongres Melayu Semalaya (1—4 Mac 1946) dan penentangan-penentangan terhadap *Malayan Union* sebagai latar belakangnya. Sementara Saberkas menjadi tumpuan utamanya di dalam novel ini.

26 Ini disuarakan sendiri oleh Dato Halimahton Majid, salah seorang pemimpin wanita dalam kegiatan menentang *Malayan Union*, dalam temurah majalah *Keluarga* dengan beliau. Lihat *Keluarga*, November 1979, hlm. 75. Kegiatan ini juga diolah secara naratif dalam Omar Mohd. Hashim, *Pertengahan: Antologi Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*, Kuala Lumpur, 1970, pada hlm. 83 & 84: "Dari kampung ke kampung, di tepi-tepi hutan dan di kaki-kaki gunung, menempuh belukar dan menyeberang sungai, ... menjumpai kaum bangsanya, memberi penerangan dan pelajaran supaya mereka insaf akan kewajipan, supaya bersatu dan kuat menghadapi pukulan-pukulan nasib yang sentiasa mengancam sejarah kebangsaan dan kehidupan mereka."

27 Pejabat Tanah Jajahan telah mengarahkan Sir Harold MacMichael pada bulan Oktober 1945 untuk merunding dan mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu (Ramlah Adam, op. cit., hlm. 4).

dengan menggunakan ugutan dan ancaman.<sup>28</sup>

Cara pengambilan tandatangan yang dianggap oleh kebanyakan orang Melayu sebagai biadap ini telah menimbulkan kemarahan orang Melayu. Mereka bukan sahaja marah terhadap British, tetapi raja-raja kerana memberi tandatangan tanpa berunding terlebih dahulu dengan pembesar-pembesar.<sup>29</sup>

Akibat daripada peristiwa itu pengarang *Majlis* telah menulis satu rencana dalam lidah pengarang yang ditujukan khas kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Di antaranya dikatakan: "Dari jauh patik menyusun jari sepuluh menyembah bahawa dengan menandatangani *treaty* MacMichael itu Tuanku telah membelakangi rakyat Tuanku, diharapkan janganlah Tuanku murka sekiranya rakyat Tuanku di suatu masa kelak akan membelakangi Tuanku."<sup>30</sup> Ini merupakan peristiwa pertama di antara beberapa siri penentangan yang berlaku di seluruh Tanah Melayu.

Memandangkan kemarakan api kemarahan orang Melayu yang telah meletus di sana sini, akhbar-akhbar tempatan terutama sekali *Utusan Melayu* telah menyeru orang ramai supaya mengadakan satu kongres yang bertaraf nasional.<sup>31</sup> Seruan mereka ini telah mendapat sambutan hangat dari masyarakat Melayu kerana tidak lama kemudian satu perjumpaan ramai bagi orang Melayu telah diadakan.

Kongres ini dilangsungkan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, dengan Persatuan Melayu Selangor sebagai tuan rumah. Ia dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Syah, pada hari Ahad 1 Mac 1946 dan dihadiri oleh empat puluh satu buah persatuan dari seluruh Tanah Melayu dengan 107 orang wakil dan lima puluh enam pemerhati.<sup>32</sup> Antara persatuan-persatuan yang menghantar wakil dari kaum ibu ialah:<sup>33</sup>

1. Perikatan Melayu Perak, menghantar Cik Puteh Mariah bt. Ibrahim Rashid<sup>34</sup> sebagai salah seorang pemerhati.

28 Menurut Sultan Kedah, baginda telah diberi kata dua dengan mulut dan dengan masa yang terhad. Jikalau baginda menolak menurunkan tandatangan, orang lain akan dilantik untuk menggantikan baginda bagi menurunkan tandatangan itu. Baginda telah diberitahu perkara itu adalah sulit. (Untuk keterangan lanjut, sila lihat *UMNO 10 Tahun*, Pulau Pinang, hlm. 14 & 15).

29 Mohamad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur, 1961, hlm. 9.

30 Ibid., hlm. 9.

31 *Majlis* dan akhbar-akhbar lain telah merayu kepada semua pertubuhan Melayu dan umat Melayu amnya supaya bermurah hati menghulurkan derma untuk perbelanjaan Kongres ini. Rayuan ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dari masyarakat Melayu. (Lihat ibid., hlm. 5).

32 Ramlah Adam, op. cit., 5-11.

33 Mohamad Yunus Hamidi, op. cit., hlm. 20 dan 24.

34 Cik Puteh Mariah bt. Ibrahim Rashid (kemudian Datin), adalah tokoh terawal wanita UMNO yang kanan sekali. Dilahirkan pada tahun 1920-an, telah berkahwin ketika berumur belasan tahun, tiga tahun setelah berhenti dari sekolah. Walaupun pelajarannya hanya setakai darjah dua Sekolah Inggeris, tetapi kerana minatnya dalam politik dan mempunyai suami (Dato Zainal Abidin Abbas) yang juga adalah seorang kanan UMNO, maka pada tahun 1945 beliau bergiat di dalam Perikatan Melayu Perak. Sebelum menjadi Ketua Jabatan Kaum Ibu UMNO 1947, beliau menjadi ketua Kaum Ibu Perikatan Melayu Perak. Menurutnya minat politiknya bermula bila ia menolong menyelamatkan mangsa-mangsa kebakaran kampung akibat serangan mengejut Bentang Tiga. (Untuk keterangan lanjut, sila lihat Ramlah Adam, op. cit., hlm. 107)

- Persatuan Melayu Perak, menghantar Cik Saniah bt. Mahmud Redzuan sebagai pemerhati.
- Persatuan Kaum Ibu, Selangor, diwakili oleh Cik Zaharah bt. Tamin, Cik Kamsiah bt. Hashim, dan Cik Siti Norani bt. Jenain.

Menurut *Warta Negara*, bertarikh 4 Mac 1946, kira-kira 3,000 orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak sekolah telah hadir di hari pembukaan kongres itu.

Di dalam kongres ini wakil-wakil yang hadir telah bercakap dengan penuh semangat, meluahkan kandungan hati mereka yang panas terhadap *Malayan Union* dan perbuatan zahir kerajaan British itu dengan berterang-terang tanpa berkecuali lagi.<sup>35</sup> Wakil mereka Cik Zaharah Tamin telah diberi peluang untuk menyuarakan pendapatnya; beliau berkata:

Sayugialah bagi pihak umum, kaum ibu adalah memohon harapan yang bukan tinggi melainkan asuhlah kami, pimpinlah kami kaum ibu bersama-sama berjuang membela hak bangsa, agama dan tanahair ... Belum layak jika pihak kami yang lemah ini mencampuri ke dalam pembaharuan yang begitu dalam, di dalam persidangan ini. Padahal dengan bersama-sama mencampuri itulah terletaknya peluang bagi kami kaum ibu menurut langkah berbimbang tangan dengan kaum lelaki cita-cita akan mengubah corak keadaan kami kaum ibu ...<sup>36</sup>

Ekoran dari kongres ini, akhbar-akhbar tempatan telah memberi sambutan hangat kepada kebangkitan kaum wanita Melayu itu. Mereka memberikan Tajuk Berita Bersemangat kepada pandangan kaum wanita, umpamanya: "Wanita Kita Di Zaman Atom"<sup>37</sup> dan "Tangan Yang Menghayun Buaian Menggoncang Dunia".<sup>38</sup>

*Warta Negara*, 27 Mac 1946, dalam ruangan 'Fikiran Pembaca Kita', terdapat tulisan oleh seorang yang menamakan dirinya 'Suara Belia', di antara lain beliau menulis: "... saya dapat mengagak tentu sekalian pembaca dapat mengetahui seterang-terangnya bagaimana besar faedah kaum ibu di sisi perjuangan bangsa kita di masa ini ... Kaum ibu kita harus mempunyai rasa tanggungjawab bahawa kemenangan perjuangan bangsa kita sebahagian besarnya ada di tangan mereka itu."

Selain daripada ucapan-ucapan, dalam kongres pada hari pertama, satu langkah untuk menubuhkan satu pertubuhan yang akan mempertahankan hak-hak Melayu, telah diambil. Datuk Hamzah Abdullah telah mencadangkan supaya pertubuhan itu kelak diberi nama 'Pertubuhan Melayu Bersatu'. Beliau telah disokong oleh Tuan Mohd. Arus Lafaz yang menambahkan 'Kebangsaan'. Maka dipersetujui oleh Majlis badan itu diberi nama 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' atau UMNO.<sup>39</sup>

35 UMNO 10 Tahun, him. 22.

36 Dipetik dari Rencana Pengarang, *Warta Negara* 13 Mac 1946.

37 *Utusan Melayu*, 25 Mac 1946, him. 3.

38 Ibid., 1 Jun 1946, him. 3.

39 Ramlah Adam, op. cit., him. 12. Lihat juga Mohd. Yunus Hamidi, op. cit., him. 37.

Berhubung dengan pemberian nama kepada pertubuhan ini, Shahnon Ahmad seorang novelis yang terkenal, telah mengolahkan secara naratif di dalam novel *Perdananya*:

"Apa namanya bayi kita ini," seloroh Lokman. "Pertubuhan Melayu Bersatu," balas suara yang awal. "Kita tambah Kebangsaan sesudah Pertubuhan," tempik seorang wanita yang berada di depan. Suara wanita yang belum pernah kedengaran sepanjang persidangan itu menarik lebih perhatian. Sultan sendiri mengangguk tanda setuju. "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu," Lokman memberi nama lengkap. Tidak ada tambahan dari mana-mana. Masing-masing menjenguk melihat wanita yang memberi syor yang tepat itu.

Walaupun novel tidak memberi keutamaan kepada ketepatan fakta tetapi ia mempunyai kepentingan simbolik yang besar yang perlu kita renungkan bersama, terutamanya mengenai semangat perjuangan wanita Melayu.

Persidangan hari kedua dan ketiga adalah khas bagi membincangkan *Malayan Union*. Persatuan Melayu Sabak Bernam telah mensifatkan Kertas Putih itu sebenarnya kertas yang sehitam-hitamnya yang telah menimpa nasib orang Melayu. Ia merasakan adalah lebih baik British menjatuhkan bom atom ke atas orang Melayu.<sup>40</sup>

Dalam persidangan selama empat hari itu, tiga keputusan penting telah diambil iaitu:

1. Menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu.
2. Menolak *Malayan Union*.
3. Mengadakan Derma Pelajaran Kebangsaan.

Walaupun sudah jelas orang Melayu membantah *Malayan Union* melalui kongres ini, kerajaan British tetap juga mengisyiharkan *Malayan Union* yang dikuatkuasakan pada 1 April 1946 dengan menangguhkan soal kerakyatan.

Sebaik-baik sahaja *Malayan Union* diisyihar akan dikuatkuasakan pada 1 April itu, Kongres Kebangsaan Melayu yang kedua telah diadakan di Kuala Lumpur pada 29 Mac 1946, kemudian di Peranakan Penang Club pada esoknya. Antara keputusan-keputusan yang dibuat untuk membantah *Malayan Union* ialah meminta kaum Melayu menunjuk perasaan secara damai, apabila wakil-wakil Parlimen Kerajaan British, Kapten L.D. Gammons dan Lt. Col. D.R. Rees-William, tiba di Tanah Melayu untuk meninjau pendapat orang Melayu.<sup>41</sup>

Di dalam siri lawatan wakil-wakil inilah jelas kelihatan keterlibatan seluruh kaum wanita Melayu yang begitu mengagumkan. Mereka telah keluar beramai-ramai mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan dan perarakkan menentang *Malayan Union*. Malah mereka telah memberikan ucapan-ucapan yang bersemangat yang akhirnya membantu membawa kejayaan kepada bantahan-bantahan itu.

Lawatan wakil Parlimen British itu dilakukan dalam bulan Mei 1946, bermula dari Johor Bahru kemudian ke Batu Pahat selanjutnya Negeri Sembilan hingga ke seluruh negeri di Pantai Barat Tanah Melayu. Di tiap-tiap

40 Dipetik dari Ramiah Adam, op. cit., him. 16.

41 Ibid., him. 24.

buah negeri yang dilawati itu, rombongan tersebut telah disambut oleh perhimpunan-perhimpunan orang Melayu yang terdiri daripada ribuan lelaki, perempuan, tua dan muda termasuk kanak-kanak. Mereka telah membawa serta berbagai-bagai cogankata yang menunjukkan bantahan terhadap *Malayan Union*.

Di Batu Pahat, di antara beberapa ucapan yang diberikan di dalam perhimpunan itu mungkin yang paling menarik ialah ucapan Cik Zaharah Abdullah, seorang guru sekolah.<sup>42</sup> Dalam ucapannya beliau berkata: "Kami tidak akan mempersetujui *Malayan Union* walau apapun juga akan jadi. Kami membantah dengan sekeras-kerasnya. Kami akan bekerja bersama-sama dengan pihak lelaki kami untuk mencapai balik hak-hak kami."<sup>43</sup> Di sinilah suara wanita Melayu menentang *Malayan Union* kedengaran buat pertama kalinya oleh Kapten Gammons dan Sir Theodore Adams.<sup>44</sup>

Di dalam perhimpunan di Rembau, Negeri Sembilan, tindakan yang lebih jauh lagi telah dibuat oleh seorang ibu Melayu iaitu Puan Halimahton Majid (kemudian Dato')<sup>45</sup> yang ketika itu menjadi ketua Kaum Ibu PMNS. Beliau bersama lebih kurang 120 orang kaum bapa telah menunggu wakil kerajaan British itu di tengah-tengah jalan yang akan dilalui oleh rombongan tersebut. Puan Halimahton sendiri telah menahan kereta T.S. Adams<sup>46</sup> dan memberitahunya tujuan orang ramai berkumpul itu adalah kerana membantah sikap British yang cuba merampas hak mereka di tanahair sendiri. Beliau telah meminta T.S. Adams berjanji untuk menyampaikan bantahan itu kepada kerajaan British. Selagi beliau tidak berjanji, mereka akan terus menahannya di situ. Akhirnya beliau berjanji akan menyampaikan hasrat itu.<sup>47</sup> Peristiwa ini membuktikan bahawa keberanian kaum wanita kadang-kadang mengatas lelaki.

Di Perak, perhimpunan tunjuk perasaan telah diadakan di padang Kuala Kangsar pada 28 Mei 1946. Tentang perhimpunan ini pernah dikatakan bahawa ia merupakan: "Seperkara yang belum pernah berlaku seumpamanya di dalam tawarikh negeri ini ialah penyertaan bilangan besar daripada kaum

42 Cik Zaharah Abdullah salah seorang pengasas bahagian Kaum Ibu Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor. Beliau bertugas sebagai Setiausaha Kaum Ibu dan menjadi Pengurus tetap Kaum Ibu UMNO 1945–1964. Juga menjadi Ketua Kaum Ibu Batu Pahat 1959–1971. Beliau mengundurkan diri kerana susah mendapatkan cuti. (*Ibid.*, hlm. 38).

43 Dipetik dari *UMNO 10 Tahun*, op. cit., hlm. 35.

44 *Straits Times*, Singapura, 25 Mei 1946, hlm. 3.

45 Dato Halimahton bt. Abdul Majid dilahirkan pada tahun 1920 di Kuala Lumpur. Mendapat pendidikan di Methodist Girl's School, Kuala Lumpur. Minat beliau di dalam politik bermula dengan seruan-seruan Dato Onn yang meminta supaya orang Melayu bangun dan bersatu menentang Malayan Union. Pada tahun 1947, beliau telah menubuhkan cawangan UMNO di Rembau dan beliau menjadi ketuanya. Pada akhir tahun itu beliau dilantik menjadi ketua Kaum Ibu Negeri Sembilan. Setelah berpindah ke Kuala Lumpur, ia telah mencampuri Persatuan Kaum Ibu Selangor dan menjadi ketuanya pada tahun 1948. Beliau memasuki pilihanraya 1955 bagi kawasan Ulu Selangor; beliau merupakan wakil tunggal wanita. Dalam pilihanraya itu beliau mendapat undi terbanyak dan dilantik sebagai ahli Parlimen, wakil tunggal dan pertama bagi wanita. Beliau berkhidmat sehingga 1959. (Ramlah Adam, op. cit., hlm. 194 & 195).

46 T.S. Adam ialah salah seorang wakil British dan sememangnya telah mengenali Puan Halimahton kerana beliau berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang.

47 Untuk keterangan lanjut mengenai peristiwa ini, sila lihat majalah *Keluarga*, November 1979, hlm. 74 & 75.

ibu di dalam perhimpunan itu.”<sup>48</sup>

Berhubung dengan perhimpunan ini juga, *Straits Times*, 30 Mei 1946, di bawah tajuk ‘*Sultan’s Wife Leads Protest of Women Against Union*’, telah melaporkan bahawa satu pemandangan yang belum pernah terjadi disaksikan di luar Kelab Polo, Kuala Kangsar. Satu kumpulan terdiri daripada beratus-ratus orang wanita Melayu yang datang dari seluruh Perak, telah berbaris lalu di hadapan sembilan orang sultan dan wakil-wakil kerajaan British.<sup>49</sup>

Barisan ini diketuai oleh dua orang wanita keluarga diraja, iaitu Raja Perempuan Kalsom (isteri Sultan Perak) dan Raja Tuan Muda Esah (isteri Raja di Hilir Perak). Mereka membawa bendera yang berslogan: “Kami Menuntut Kejujuran dan tradisi Keadilan British — Kami Menuntut Hak-hak untuk anak-anak kami — Selamatkan Raja-raja Melayu”.

Menurut akhbar yang sama, barisan itu telah melaungkan “Hidup Melayu” sebanyak tiga kali dan akhir sekali mereka menjeritkan: “Kami tidak mahu Kesatuan ini”.

Mereka diikuti oleh satu kumpulan besar kaum lelaki dan kanak-kanak. Di padang yang bertentangan terdapat 5,000 hingga 6,000 orang penyokong demonstrasi itu. Hal ini menunjukkan bukan sahaja kaum wanita dari golongan rakyat biasa tetapi dari keluarga diraja juga telah sama-sama berganding bahu dalam perjuangan politik bangsa Melayu yang sedang menghadapi ancaman itu.

Sebelum peristiwa di Kuala Kangsar ini, kedua-dua orang wanita diraja itu telah pun mengetuai perarakan di Kuala Lumpur. Mereka membawa sepanduk-sepanduk antaranya yang berbunyi: “Malaya bagi Melayu”.<sup>50</sup>

Pada hari itu iaitu pada 28 Mei 1946, *Warta Negara* melaporkan:

... sesungguhnya tiadalah pernah begitu banyak sekali kaum ibu Melayu hadir di dalam sesuatu keramaian. Beberapa ucapan telah dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin kaum ibu ... wakil kaum ibu Cik Saliha bt. Mohd. Ali<sup>51</sup> daripada Selangor dan Cik Kamaliah bt Mohd. Salih daripada Kedah telah memberi ucapan ... Pensyarah kaum ibu dari Selangor telah menzhahirkan keyakinan atas bahagian besar kaum perempuan Melayu akan ambil di dalam politik Melayu di masa akan datang.<sup>52</sup>

Kenyataan Cik Saliha bt. Mohd. Ali itu menunjukkan bahawa keterlibatan kaum wanita Melayu di dalam perhimpunan seperti ini adalah peringkat permulaan kegiatan mereka di dalam bidang politik, yang kelak akan berkembang dengan tugas-tugas yang lebih berat dan jumlah mereka yang mengambil bahagian akan turut bertambah.

48 Dipetik dari *UMNO 10 Tahun*, hlm. 36.

49 Sultan-sultan ini telah berkumpul di Istana Iskandariah, Perak, untuk bertemu dan berunding dengan wakil-wakil Parlimen British itu. Sultan-sultan telah mengambil suatu sikap iaitu “Tidak hendak ber-tolak ansur”. Ketika perarakan itu berbaris mereka sedang menghadiri jamuan teh. (*Ibid.*, hlm. 37).

50 *Warta Negara*, 29 Mei 1946.

51 Cik Saliha Mohd. Ali ialah ahli Ikatan Setia Kampung Baru, Selangor, dan salah seorang pengasas UMNO Selangor.

52 Dipetik dari *Warta Negara*.

Di Pulau Pinang, perhimpunan yang serupa telah diadakan bertempat di padang Sekolah Francis Light. Di sini juga seorang wanita Melayu telah tampil ke hadapan, berpidato. Beliau ialah Cik Hasnah bt. Ishak; ucapannya:

Tuan yang terhormat!

Kita umat Melayu jika lau ingin kepada kemajuan dan mahu kepada taraf yang mulia di muka bumi ini, hendaklah kita bersungguh-sungguh menyokong dan menjadi tulang belakang bagi pemimpin kita Melayu Raya hari ini yang Berhormat Dato Onn Jaafar. Kita patut menangis di atas nasib kaum kita yang telah lalu. Kita mesti menyesal di atas kebodohan kita yang semulanya iaitu adalah timbul daripada kita sendiri.<sup>53</sup>

Beliau menambah lagi:

Kaum Ibu yang terhormat!

Insafiah kaum ibu seluruhnya bahawa masa ini adalah masa yang sangat genting, masa yang maha sulit dan maha rumit bagi kaum Melayu, maka kewajipan kita kaum ibu ... adalah sangat besar dan berau pula. Saya berani berkata di tangan kitalah ... dalam cara perkongsian hidup dengan kaum lelaki terletak keselamatan negeri bahkan kemerdekaannya. Marilah kita wahai kaum ibu turut bekerja berdiri di barisan belakang menegakkan benteng perjuangan kita dengan mengaku taat setia bertulus ikhlas kepada pemimpin kita ... Kita hendaklah beri sokongan yang sepenuhnya kepada perjalanan cadangannya. Hidup Melayu!<sup>54</sup>

Berdasarkan ucapan ini ternyata sekali rasa keinsafan yang wujud di dalam diri wanita Melayu, betapa mereka menyedari bahawa tugas mempertahankan negara adalah tanggungjawab bersama lelaki dan perempuan.

Kebangkitan kaum wanita Melayu dan keterlibatan mereka di dalam perhimpunan-perhimpunan politik itu sangatlah dibanggakan oleh seluruh masyarakat Melayu, bahkan telah memeranjatkan Kapten Gammons sendiri; beliau berkata:

... perkara yang paling menakjubkan ... ialah peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pergerakan kebangsaan yang besar ini. Dalam masa empat belas tahun saya tinggal di Malaya, saya hampir-hampir tidak pernah bercakap kepada seorang wanita Melayu pun. Tetapi sekarang mereka muncul ke atas *political platform* dan membuat ucapan; gadis-gadis yang belum kahwin berucap menerusi mikrofon ... Itu semua berlaku dalam masa pendek enam bulan sahaja ...<sup>55</sup>

Kenyataan Gammons ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa penglibatan seluruh tenaga wanita Melayu di dalam perjuangan kebangsaan adalah merupakan sesuatu yang baru yang belum pernah terjadi sebelum ini.

Beberapa orang wanita Melayu, bukan setakat menyuarakan bantahan terhadap British malah berani pula membidas golongan bangsawan Melayu sendiri termasuklah sultan dan keluarga diraja. Ini berlaku di negeri Johor pada 14 September 1947. Lebih daripada seribu orang termasuk lebih seratus orang kaum wanita Melayu, wakil dari semua persatuan Melayu di Johor,

53 Dipetik adri *Warta Negara*, 4hb Jun 1946.

54 Ibid.

55 Ini diucapkan oleh Kapten Gammons ketika berada di Kuala Kangsar di dalam Majlis Mesyuarat antara wakil-wakil British dengan Raja-raja dan ketua-ketua Melayu. (*British Malaya*, vol. 21, no. 4, Ogos 1946, him. 53).

telah berkumpul di Istana Besar, Johor Bahru. Tujuan mereka adalah untuk bersemuka dengan Sultan Johor (Sultan Ibrahim), Menteri Besar dan Menteri-menteri lain. Ini adalah kerana rakyat Johor berpendapat bahawa sultan telah melanggar Fasal 15 Undang-undang Tubuh Negeri, yang melarang sebarang perjanjian atau penyerahan kuasa kerajaan kepada bangsa luar.<sup>56</sup> Ini bermakna Sultan Johor boleh disingkirkan daripada takhta.<sup>57</sup>

Dalam perjumpaan ini, wakil bahagian wanita Kesatuan Melayu Johor (iaitu Cik Fatimah Mohamad) telah berkata bahawa mereka dari golongan yang berdarjat tidak boleh menyisihkan diri daripada perkara itu, kerana Undang-undang Tubuh Negeri Johor ini melibatkan seluruh rakyat Johor. Dengan menyisihkan diri menunjukkan mereka bukanlah dipunyai oleh rakyat biasa Johor. Beliau mendesak agar mereka meneliti betul-betul undang-undang itu kerana ia bukan sahaja melibatkan kedudukan rakyat tetapi kedudukan tengku-tengku, ungu-ungku dan dato'-dato' juga di dalam bahaya. Cik Fatimah juga mendesak agar semua orang Melayu dan kaum wanita Melayu supaya berusaha bersama-sama menyelamatkan Johor dari dimasukkan ke dalam Persekutuan.<sup>58</sup>

Peranan kaum ibu di dalam perhimpunan-perhimpunan tunjuk perasaan itu sangat-sangat dirasai oleh kaum bapa, apa lagi sokongan-sokongan dan bantuan dari kaum ibu adalah melebihi apa yang dapat diberikan oleh pemuda dan kaum bapa sendiri.<sup>59</sup> Walaupun peranan kaum ibu begitu penting sekali dalam pergerakan kebangsaan Melayu membantah *Malayan Union*, dalam konteks politik orang Melayu, perjuangan mereka ini adalah di peringkat permulaan sahaja.

### Pertubuhan-pertubuhan Politik<sup>60</sup>

Kajian ini memang tidak lengkap jika sekiranya satu perbincangan yang lebih teliti tidak diadakan mengenai dua buah pertubuhan wanita yang sangat penting zaman itu, iaitu Angkatan Wanita Sedar dan Kaum Ibu UMNO.<sup>61</sup> Kedua-duanya, terutama sekali Kaum Ibu UMNO boleh disifatkan sebagai mewakili kaum wanita Melayu dalam perjuangan politik bertujuan mempertahankan keutuhan masyarakat Melayu.

### Angkatan Wanita Sedar

Pertubuhan ini yang lebih dikenali sebagai AWAS telah dilahirkan pada akhir tahun 1946<sup>62</sup> sebagai Jabatan Wanita PKMM, ketika jabatan itu di bawah pimpinan Shamsiah Fakeh.<sup>63</sup> Sebelum beliau, Jabatan Wanita

56 Ini adalah berkaitan dengan tindakan Sultan Johor menandatangani Perjanjian MacMichael dahulu. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Ramlah Adam, op. cit., hlm. 32.

57 *Malaya Tribune*, 15 September 1947, hlm. 1.

58 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 16.

60 Tumpuan pembicaraan hanyalah kepada AWAS dan Kaum UMNO kerana tidak banyak diketahui tentang pertubuhan-pertubuhan lain.

61 Bermula dari 25 Ogos 1949, dikenali sebagai Pergerakan Kaum Ibu UMNO.

62 Ahmad Boestamam, op. cit., hlm. 72.

63 Shamsiah Fakeh berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan, dan pernah belajar dengan seorang guru Kaum Muda dan mendapat pendidikan di Sekolah Kaum Muda di Minangkabau. Ayahnya Sutan Fakih dikatakan seorang pengikut perjuangan Parti Komunis Indonesia di Minangkabau. Shamsiah pernah berkahwin dengan Ahmad Boestamam.

PKMM dipimpin oleh Khadijah Ali dan selepasnya Aishah Ghani (sekarang Datin Paduka).<sup>64</sup>

AWAS ditubuhkan atas kesedaran yang wujud dalam diri Wanita Melayu bahawa mereka juga mempunyai kewajipan yang sama dengan kaum lelaki dan harus membebaskan diri daripada ikatan-ikatan tradisi lama.<sup>65</sup> AWAS bukan sahaja mahu bekerja untuk memberi ingatan kepada segala kaum dan bangsa tetapi juga menjadikan diri sendiri pengawas atau pengarah anak-anak bangsa yang akan datang, iaitu mendidik, melatih dan memupuk atau membawa jiwa merdeka.<sup>66</sup>

Dikatakan AWAS seolah-olah merupakan badan wanita yang tersendiri siap dengan perlumbagaan dan pekik perjuangannya.<sup>67</sup> Pekik perjuangan-nya ialah 'AWAS' dan sewaktu pekikan ini dilaungkan tangan kanan digenggam dan jari telunjuk ditegakkan seperti isyarat memberi amaran.<sup>68</sup>

AWAS cepat popular kerana ia adalah satu-satunya pertubuhan wanita yang sangat radikal. Inilah julung-julung kalinya Tanah Melayu mempunyai organisasi wanita yang bersifat demikian. Ini ternyata ketika PKMM mengadakan perjumpaan-perjumpaan ramai di mana AWAS sebagai sayap PKMM menjadi penyokong kuat bagi menjayakannya.

Dalam satu perayaan di Kuala Kangsar kerana menyambut Angkatan Pemuda Insaf (API)<sup>69</sup> genap setahun, kelihatan peranan yang dimainkan oleh AWAS dalam perjuangan politik PKMM. Pada hari itu iaitu 17 Februari 1947, anggota-anggota API dan AWAS dari seluruh Perak telah datang beramai-ramai ke Kuala Kangsar. Satu peristiwa yang menunjukkan keradikalan AWAS berkaitan dengan perayaan ini ialah peristiwa tiga ratus orang anggota API dan AWAS, Padang Rengas, berjalan kaki sejauh sembilan kilometer dari Padang Rengas ke Kuala Kangsar kerana tiada kenderaan.<sup>70</sup>

Pada mulanya mereka telah putus harapan kerana setiap bas yang ditahan tidak mahu berhenti. Pada ketika inilah Sakinah Junid<sup>71</sup> tampil ke muka mereka dan berpidato, lebih kurang katanya:

Di Indonesia sekarang pemuda dan pemudinya berjuang menitiskan darah demi mempertahankan kemerdekaan yang telah mereka proklamirkan. Kita, pemuda dan

64 Datin Paduka Aishah Ghani pernah menjadi Menteri Kebajikan Am Malaysia. Semangat politik mulai wujud di jiwa beliau ketika beliau menuntut di Indonesia yang dewasa itu sedang hangat dengan revolusi kemerdekaan. Kembali ke Malaysia pada tahun 1943, beliau merasakan pula kepahitan penindasan Jepun yang sedang berkuasa ketika itu. Pada tahun 1945 beliau memasuki PKMM. Datin Paduka Aishah tidak lama dalam PKMM. Beliau meninggalkan PKMM setelah melangsungkan perkahwinan pada tahun 1946. Beliau kembali cergas dalam politik pada tahun 1949 (*Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia*, 25 Ogos 1975, Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 21).

65 Hasil termurahm Asiah Abu Samah dengan Ahmad Boestamam pada 1 Ogos 1959. (Asiah Abu Samah, op. cit., hlm. 13).

66 Dipetik dari *Musikta*, Januari 1947.

67 Ahmad Boestamam, op. cit., hlm. 72, tetapi tidak ada keterangan lanjut tentang perlumbagaan itu.

68 Ibid.

69 API ialah bahagian pemuda UMNO.

70 Keadaan ini berlaku kerana pihak Inggeris telah memberi amaran kepada kenderaan-kenderaan awam supaya jangan mengambil atau membawa orang-orang yang akan menghadiri perayaan itu. Sesiapa yang melanggar perintah akan menerima hukuman. (Ahmad Boestamam, op. cit., hlm. 74).

71 Sakinah Junid (sekarang Datin) ialah isteri kepada Dato Asri bin Hj Muda dan pernah menjadi Ketua Dewan Muslimat Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS). Ketika perayaan itu, beliau memegang jawatan Ketua AWAS, Padang Rengas, Perak. (Ibid., hlm. 73).

pemudi Malaya, belum lagi diminta berbuat demikian melainkan baru diminta sekadar menitiskan peluh saja. Ayuh! Mari kita titiskan peluh kita dengan berjalan kaki ke Kuala Kangsar.<sup>72</sup>

Wanita-wanita AWAS yang ada, serentak meneriakkan perkataan 'Mari'. Tentu sahaja mereka akan menyokong setiap usul baik yang datang dari ketua mereka sendiri.<sup>73</sup> Sakinah berkata lagi: "Saudara-saudara pemuda API bagaimana? Adakah saudara-saudara bersedia untuk berjalan kaki bersama-sama kami? Kalau tidak bersedia, ya tinggallah, tetapi sebelum itu saudara-saudara harus bersedia dulu untuk bertukar pakaian dengan kami dari AWAS".<sup>74</sup>

Kata-kata ini yang diikuti dengan ketawa sinis oleh wanita-wanita AWAS telah cukup membakar semangat pemuda API yang ada.<sup>75</sup> Mereka serta-merta bersetuju berjalan. Sambil berjalan, mereka menyanyikan lagu-lagu yang bersemangat seperti 'Darah Rakyat', 'Dari Barat Sampai Ke Timur' dan lain-lain.<sup>76</sup>

Peristiwa ini telah menarik perhatian wanita-wanita lain. Kesannya ahli AWAS telah meningkat kepada 2,000 orang.<sup>77</sup> Jumlah ini meningkat kepada 6,500 orang dari enam puluh tujuh cawangan AWAS.<sup>78</sup> Selepas peristiwa itu juga AWAS sering mengajak pemuda API bertukar pakaian kerana API kelihatan lemah semangat dan takut bergerak menunaikan panggilan perjuangan.<sup>79</sup> Inilah puncak kejayaan AWAS.

Tidak lama selepas peristiwa ini, AWAS telah menghadiri persidangan badan-badan kiri Melayu yang diadakan di Markas Besar PKMM, pada 22 Februari 1947. Pertubuhan yang hadir antaranya ialah:<sup>80</sup>

1. PKMM diwakili oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy.
2. API diwakili oleh Ahmad Boestamam.
3. AWAS diwakili oleh Shamsiah Fakieh.
4. MATA (Majlis Islam Tertinggi) diwakili oleh Hj. Abu Bakar Al-Bakir.
5. BATAS (Barisan Tani Se-Malaya) diwakili oleh Musa Ahmad.
6. GERAM (Gerakan Angkatan Muda) diwakili oleh Abdul Aziz Ishak dan Abdul Samad Ismail.

Persidangan ini telah melahirkan Pusat Tenaga Rakyat atau PUTERA, gabungan badan-badan kiri, dipimpin oleh Ishak Hj. Muhamad dengan PKMM menjadi teras pergerakannya. PUTERA ini bersaingan dengan UMNO (gabungan badan-badan kanan). Kemudian PUTERA bergabung dengan AMCJA,<sup>81</sup> juga pada tahun 1947.

72 Diperiksa dari ibid., hlm. 75.

73 Ibid.

74 Ibid.

75 Ibid.

76 Ibid., hlm. 76.

77 Asiah Abu Samah, op. cit., hlm. 14.

78 *Malaya Tribune*, 8 September 1947, di bawah tajuk 'Malay Women Congress'.

79 Ahmad Boestamam, op. cit., hlm. 76.

80 Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 24.

81 AMCJA = All Malaya Council of Joint Action (gabungan badan-badan kiri bukan Melayu dipimpin oleh Tan Cheng Lock).

Dalam mencari penyokong-penyokong dan pengaruh bagi PUTERA, telah diadakan perjumpaan-perjumpaan di mana wakil kaum itu turut mengambil bahagian. Menurut laporan *MASTIKA*, Jun 1947, satu rapat raksasa telah dianjurkan oleh PUTERA di Taiping, Perak, dihadiri oleh 7,000 orang. Dalam rapat ini saudara Rafeah binti Siran, Ketua AWAS Perak telah berpidato: "Hak pembela tanahair bukan untuk lelaki sahaja tetapi juga wanita", katanya antara lain.<sup>82</sup>

Di rapat yang sama Sakinah Junid turut memberikan ucapan sebagai menzahirkan fikiran kaum wanita Melayu yang membantah Perlumbagaan Persekutuan Tanah Melayu, kerana tidak bertepatan dengan kemahuan rakyat Melayu. Antara yang diucapkannya: "Kalau kita mahu merdeka tentu boleh merdeka" dan "kalau percaya kepada diri sendiri semua boleh jadi."<sup>83</sup> Berdasarkan kata-kata perangsang seperti ini, jelaslah bahawa AWAS merupakan penyokong kuat dan badan yang penting di dalam PUTERA.

Pada bulan Julai 1947, beberapa siri perundingan telah diadakan di antara PUTERA dengan AMCJA. Rundingan-rundingan ini telah dibuat di Bangunan *Malayan Democratic Youth League*.<sup>84</sup> Dalam setiap rundingan, AWAS diwakili oleh Shamsiah Fakieh. Rundingan selesai pada bulan September. Melalui rundingan ini lahirlah apa yang dinamakan Sepuluh Prinsip Perlumbagaan Rakyat.<sup>85</sup>

Selain daripada menyertai gerakan-gerakan besar, AWAS juga mengadakan perbincangan-perbincangan dan forum-forum di kalangan ahli-ahlinya. Dalam tiap-tiap kegiatan itu, beberapa orang wanita Indonesia yang terkenal telah dijemput untuk memberi ucapan. Tujuannya untuk menentukan supaya semangat anggota-anggota AWAS sentiasa berkobar-kobar.<sup>86</sup> Umpamanya pada bulan Mei 1947, AWAS Geylang, Singapura, telah menjemput dua orang wanita Indonesia iaitu Ibu Sutiah dan Miss Jetty Zain<sup>87</sup> untuk berucap. Ketika itu mereka singgah di Singapura dalam perjalanan ke *All Asia Relation Conference* yang akan berlangsung di Delhi, India.<sup>88</sup> Ini menunjukkan perjuangan AWAS sangat dipengaruhi oleh pergerakan kebangsaan di Indonesia.

Pada 12 Januari 1948, hanya beberapa bulan sebelum AWAS diharamkan, pertubuhan itu telah menghadiri *Conference of Malaya Youth Organisation*.<sup>89</sup> Persidangan ini dihadiri oleh dua puluh dua orang perwakilan, termasuk AWAS. Tujuan diadakan persidangan ini, antaranya, adalah bagi mencapai persetujuan untuk menghantar wakil ke *World Youth Conference* yang akan berlangsung di Calcutta pada 15 hingga 25 Februari 1948.<sup>90</sup>

82 Lihat *Mastiqa*, Jun 1947, him. 15.

83 Ibid., him. 16.

84 Ahmad Boestaman, op. cit., him. 134.

85 Untuk keterangan lanjut sila lihat ibid., him. 112 & 128.

86 Asiah Abu Samah, op. cit., him. 14.

87 Sekarang Dr. Jetty Noor, ketua wanita yang terkenal di Indonesia.

88 Dalam Kongres di India ini Hajah Zainon Sulaiman telah hadir sama, atas jemputan khas dari Mrs. Sarojini Naidu, pemimpin wanita India yang terkenal. (Ibid., him. 14 & 16).

89 Tidak diketahui mana tempat ia berlangsung.

90 *Malaya Tribune*, Kuala Lumpur, 12 Januari 1984.

Walaupun AWAS begitu aktif dan radikal, kerana keradikalannya itulah ia telah diharamkan oleh pemerintah British pada tahun 1948, di bawah Undang-undang Darurat yang diisytiharkan pada 21 Jun 1948. Namun begitu pengharaman AWAS ini tidak menamatkan kegiatan politik Shamsiah Fakeh.<sup>91</sup> Beliau telah lari ke hutan dan meneruskan kegiatannya di sana. Tidak ada khabar berita mengenainya sejak itu, tetapi dipercayai beliau telah menjadi anggota Parti Komunis Malaya.

### Kaum Ibu UMNO

Peranggang untuk menarik kaum ibu untuk turut serta dalam UMNO datangnya dari Presiden UMNO sendiri, Onn Jaafar.<sup>92</sup> Beliau berpendapat tidaklah wajar tenaga kaum ibu tidak dilibatkan sama di dalam politik UMNO kerana bagi beliau: "Terlalu sedikit benar kejayaan yang akan dapat dicapai tanpa adanya kerjasama dari kaum ibu ... Kaum ibu diibaratkan sebagai barometer yang menentukan naik atau turunnya satu-satu negeri itu".<sup>93</sup> Oleh kerana itulah bahagian kaum ibu ditubuhkan.

Bahagian Kaum Ibu di dalam UMNO, mula-mula sekali dibentuk dalam Mesyuarat Agung UMNO Kedua pada 29 dan 30 Ogos 1946 di Ipoh dengan nama Pejabat Perkara-perkara Kaum Ibu di bawah tadbir Yang Dipertua. Pejabat ini pula diletakkan di bawah Pejabat Perkara-perkara Siasah.<sup>94</sup>

Ini bermakna kaum ibu hanya berperanan sebagai penyokong dalam UMNO. Keterlibatan begini dirasakan tidak dapat memberi kesan yang kuat kepada kaum ibu sendiri. Oleh itu mereka telah meminta UMNO supaya dapat diperakui sebagai satu bahagian yang tersendiri dalam perjuangan UMNO supaya mereka dapat menyatakan kaum wanita di dalamnya. Dengan itu sumbangan dan kesan yang lebih akan dapat ditunjukkan oleh mereka.<sup>95</sup>

Idea untuk menubuhkan sebuah pergerakan seperti ini telah disuarakan oleh tiga orang wakil wanita di dalam persidangan UMNO di Kuala Lumpur pada tahun 1946. Mereka ialah:<sup>96</sup>

1. Datin Puteh Mariah, wakil Perikatan Melayu Perak.
2. Puan Zainab Abdul Rahman, wakil Persatuan Melayu Seberang Prai.
3. Puan Saleha Ali, wakil Persatuan Melayu Selangor.

Hasilnya dalam mesyuarat Agung UMNO pada 10, 11 dan 12 Januari 1947, Jabatan Kaum Ibu UMNO telah ditubuhkan. Ketuanya yang pertama ialah Datin Puteh Mariah.<sup>97</sup>

Sementara itu pada penghujung 1946, Kaum Ibu PMNS yang diketuai

91 Untuk melihat perjuangan Shamsiah Fakieh, sila lihat perjuangan watak Sapiyah (ini adalah andaian saya sahaja) di dalam *Arena Watt, Sandera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 201 – 208, 217, 256 & 257.

92 Kemudian bergelar Dato Onn.

93 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 18.

94 *UMNO 10 Tahun*, op. cit., hlm. 40.

95 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 23.

96 Ramlah Adam, op. cit., hlm. 56.

97 Ibid.

oleh Puan Siti Ramlah Hj. Kassim<sup>98</sup> telah meminta izin daripada ibu pejabat UMNO agar pertubuhan mereka diiktirafkan sebagai Pergerakan Kaum Ibu UMNO Bahagian dan tidak lagi sebagai PMNS Bahagian Kaum Ibu. Permohonan ini diluluskan. Maka wujudlah Pergerakan Kaum Ibu UMNO Rembau di bawah pimpinan Puan Siti Rahmah, kira-kira dua bulan sesudah Pergerakan UMNO Bahagian Rembau dibentuk.<sup>99</sup>

Kaum Ibu UMNO yang diwujudkan itu sebenarnya adalah gabungan dari Bahagian Kaum Wanita yang telah ada pada persatuan-persatuan negeri yang bergabung dengan UMNO. Pada masa Jabatan Kaum Ibu ditubuhkan terdapat sebanyak empat belas buah persatuan negeri yang menghantar wakil-wakil wanita untuk bergabung dengan UMNO. Persatuan-persatuan itu ialah:<sup>100</sup>

1. Pergerakan Melayu Semenanjung Johor.
2. Persatuan Melayu Keluang.
3. Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka.
4. Persekutuan Melayu Negeri Sembilan.
5. Darul Ehsan Kelab Jeram.
6. Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor.
7. Persatuan Kaum Ibu Selangor.
8. Persatuan Melayu Ulu Selangor.
9. Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam.
10. Persatuan Melayu Pahang.
11. Perikatan Melayu Perak.
12. Kesatuan Melayu Kedah.
13. Saberkas Kedah.
14. Persatuan Melayu Perlis.

Jumlah ahli-ahli wanita bagi persatuan-persatuan ini ialah lebih kurang 20,000 orang.<sup>101</sup>

Pada hari Isnin 1 September 1947, telah diadakan Persidangan Kaum Ibu dan Puteri di Istana Besar, Johor Bahru. Seramai tujuh belas orang wakil dari dua belas persatuan wanita yang bergabung dalam Kaum Ibu UMNO telah hadir. Ini merupakan persidangan Kaum Ibu UMNO yang pertama bertaraf nasional.<sup>102</sup>

Wakil Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Cik Zaharah Abdullah, telah dilantik menjadi Pengerusi Majlis Mesyuarat. Ini adalah atas persetujuan ramai berdasarkan pengalamannya berpolitik serta kematangan umurnya.<sup>103</sup>

98 Puan Siti Rahmah mengambil tempat Dato Halimahton Majid setelah beliau berpindah ke Kuala Kubu Bharu pada tahun 1946 kerana mengikut suaminya. Ini adalah salah satu cara Inggeris cuba menarik keluar Dato Halimahton dari Kaum Ibu PMNS kerana beliau merupakan orang kuat persatuan itu. (Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 30).

99 Ibid.

100 Ramlah Adam, op. cit., hlm. 56.

101 Ibid., hlm. 56 & 57.

102 Lanore Manderson, op. cit., hlm. 17.

103 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 40.

Tujuan utama diadakan Kongres ini adalah bagi memberi peluang kepada wanita Melayu untuk berkumpul bersama-sama dan bertukar-tukar fikiran<sup>104</sup> Ini telah disuarakan oleh Ketua Kaum Ibu UMNO, Datin Puteh Mariah, di dalam ucapan pertamanya setelah ia memegang jawatan itu: "Masa untuk kita memencarkan diri sudah berlalu. Sekarang kaum lelaki dan wanita kita mesti belajar untuk tidak mengasingkan diri di antara satu sama lain dan tidak menghadkan kegiatan-kegiatan mereka dalam apa bidangan kecuali yang bertentangan dengan agama".<sup>105</sup>

Antara keputusan-keputusan yang dicapai hasil dari persidangan ini ialah tiap-tiap negeri digalakkan menubuhkan pejabat Kaum Ibu UMNO dan seorang pegawai wanita akan dilantik sebagai Timbalan Pegawai Kaum Ibu UMNO yang bertanggungjawab kepada Jabatan Kaum Ibu UMNO Pusat.<sup>106</sup>

Dari segi sistem pentadbiran, Kaum Ibu UMNO adalah serupa dengan badan-badan politik lain atau badan sosial sama ada di peringkat pusat atau cawangan; ia mempunyai Presiden, Naib Presiden, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Setiausaha Kewangan. Dengan sistem pentadbiran yang lengkap, menjelang akhir 1947, Kaum Ibu UMNO telah menjadi satu organisasi yang tersusun, mengandungi empat belas pertubuhan dan ahli seramai 8,985 orang.<sup>107</sup>

Dengan pengiktirafan itu, corak perjuangan kaum ibu lebih berbentuk politik sepenuhnya walaupun masih agak terbatas. Kalau dahulunya perjuangan politik mereka berselindung-selindung melalui gerakan kebajikan dan sosial di samping menyertai perarakan-perarakan, mulai tahun 1947 mereka sudah mempunyai satu pertubuhan politik yang tersendiri. Perjumpaan-perjumpaan dan penerangan-penerangan telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menarik lebih ramai lagi kaum wanita turut serta dalam politik UMNO.

Dalam pada itu Kaum Ibu UMNO tetap menghadapi berbagai masalah; di antaranya ialah:

1. Untuk mendapat ahli-ahli menyertai kaum ibu dan bagi mendapat kepercayaan mereka tentang perjuangan UMNO merupakan satu perkara yang rumit sekali diselesaikan. Memang kurangnya keterlibatan dari cerdek pandai dan kakitangan kerajaan (pegawai). Mereka belum lagi mempunyai keyakinan bahawa apa yang diperjuangkan oleh Kaum Ibu UMNO akan benar-benar berjaya. Selain daripada itu undang-undang kerajaan British turut milarang kakitangan kerajaan bergiat dalam politik. Walau bagaimanapun terdapat ramai juga wanita Melayu yang bertugas sebagai guru, ustazah dan kerani yang menyertai persatuan ini.
2. Mendapatkan sokongan daripada kaum ibu di kampung-kampung juga menimbulkan masalah. Sokongan mereka terdapat dalam dua jenis:

104 Dipetik dari Asiah Abu Samah, op. cit., hlm. 28. Lihat juga *Malaya Tribune*, 6 September 1947.

105 Ramiah Adam, op. cit., hlm. 57.

106 Asiah Abu Samah, op. cit., hlm. 29.

107 Hamidah Abu Bakar, op. cit., hlm. 33-36.

- a) Penyokong perjuangan UMNO seratus peratus dan mengaku taat setia dan mengikut pemimpin UMNO. Kebanyakan mereka terdiri daripada suri rumahtangga yang suaminya menjadi ahli jawatankuasa atau ahli UMNO.
  - b) Yang menyokong pemimpin-pemimpin Kaum Ibu UMNO tidak seratus peratus, iaitu mereka masih lagi ragu-ragu terhadap perjuangan UMNO. Keraguan ini jelas terbayang dalam masa pendafataran nama ahli-ahli kaum ibu untuk direkodkan. Kebanyakannya tidak mahu nama mereka direkodkan sebagai ahli UMNO dan juga tidak mahu membayar yuran. Keengganinan ini adalah kerana mengelakkan mereka dicap sebagai penyokong parti. Jika sekiranya nama mereka didaftarkan menjadi ahli, dengan secara automatis mereka terikat kepada Undang-undang Tubuh UMNO.
3. Masalah mengatasi buta huruf kerana kebanyakan kaum ibu di kampung-kampung, pada masa itu, tidak tahu menulis atau membaca. Penerangan mengenai politik UMNO terpaksa diberikan dari semasa ke semasa supaya kaum ibu dapat memahami mengapa mereka mesti melibatkan diri dalam politik negara dewasa itu. Ini dijalankan secara tak langsung melalui perjumpaan-perjumpaan kaum ibu dan kelas-kelas masakan dan jahitan. Di samping itu gerakan menambahkan ahli-ahli dilancarkan. Masalah buta huruf ini juga menyebabkan Kaum Ibu UMNO memandang berat akan soal pelajaran bagi anak-anak perempuan Melayu ketika itu.

Dari segi kepimpinan pula, gerakan Kaum Ibu di peringkat pusat dan cawangan mula-mulanya dipimpin oleh golongan wanita yang berpelajaran atau mereka yang suaminya berkecimpung di dalam politik. Tetapi kumpulan ini jumlahnya terlalu kecil dan mereka kebanyakannya berpusat di kawasan bandar dan separuh bandar; tentulah tidak dapat menjalankan peranan dengan berkesan, terutamanya untuk kawasan-kawasan yang terpencil.<sup>108</sup>

Walaupun Kaum Ibu UMNO adalah satu pertubuhan yang bersifat politik sepenuhnya, kegiatan mereka dalam bidang politik sebenarnya begitu terbatas. Selain daripada menyeru perpaduan di kalangan wanita, iaitu dengan menjadi ahli UMNO, pemimpin-pemimpin wanita juga cuba mendapat peluang yang lebih banyak di dalam Jabatan Kebajikan yang bertujuan membela kaum wanita yang miskin. Desakan-desakan ini tidaklah begitu berjaya. Misalnya, apabila Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1948, hanya dua orang sahaja tokoh wanita UMNO yang dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Johor, iaitu Puan Azizah Jaafar dan Hajah Zainon Sulaiman. Manakala di Majlis Perundungan Persekutuan, hanya seorang sahaja yang dilantik, iaitu Datin Puteh Mariah yang pernah menjadi wakil di Persidangan Raja-raja Melayu (1947) dan wakil tunggal di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perlembagaan.<sup>109</sup>

Kekurangan kaum wanita di dalam pentadbiran ini dirasakan benar oleh

108 Ramlah Adam, op. cit., hlm. 60.

109 Ibid., hlm. 59.

Kaum Ibu Selangor. Ini disuarakan oleh Presidennya, Dato' Halimahton Majid, di dalam Mesyuarat Agung ke-12 Kaum Ibu Selangor yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada 20 Mac 1948. Menurut beliau:

Kaum wanita pada keseluruhananya banyak sekali ketinggalan di dalam soal-soal politik kerana mereka ini diketepikan walaupun telah sama-sama berjuang menentang *Malayan Union* dulu. Hanya kaum wanita di Johor sahaja yang telah diberi peluang untuk menduduki tempat-tempat di dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Kaum Ibu Selangor yang telah mengambil tanggungjawab yang sama di dalam politik di Selangor sebelum 1948, telah diketepikan bukan sahaja di dalam jabatan-jabatan kerajaan tetapi juga di dalam menterai Perlembagaan Negeri Selangor. Kaum wanita, menurutnya, seolah-olah dianggap tidak layak untuk bersama kaum lelaki di dalam menentukan politik negeri ini.<sup>110</sup>

Ini menunjukkan dalam tempoh 1947—1948 Kaum Ibu UMNO tidaklah dapat bergerak dengan meluas dan berkesan. Ini adalah kerana pertubuhan itu tidak dapat menyatukan semua kaum wanita Melayu kerana kebanyakan wanita masa itu tidak mempunyai pelajaran dan kesedaran politik. Walau bagaimanapun memandangkan umurnya yang masih sangat muda, perannya tetap penting, terutama sekali dalam memberi suara terbanyak dan pendorong kepada perjuangan UMNO.

---

110 Ibid., him 60. Lihat juga *Malaya Tribune*, 23 Mac 1948.

# *Persekolahan Melayu\* 1945—1948: Satu Manifestasi Semangat Perjuangan Melayu*

*Abdul Aziz Mat Ton†*

## **Pengenalan**

Perjuangan bangsa Melayu, bila disebut dalam keperihinan tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua, istimewa bagi penuntut sejarah, selalu menggambarkan perarakan-perarakan menentang *Malayan Union*. Peristiwa itu sering juga disebut sebagai 'Semangat 1946' oleh sebahagian orang Melayu.

Sukar untuk kita manafikan kehebatan gelora politik orang Melayu dalam jangka masa itu. Bahkan pemerintah kolonial telah terpaksa patuh kepada bantahan orang Melayu itu. Akibatnya lahir Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (1948). Sebahagian orang Melayu berarak, berpesta dan berkenduri dengan membaca doa selamat tanda kesyukuran kerana tentangan mereka telah berjaya.

'Demam politik' orang Melayu amat jelas kelihatan dalam tempoh selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Perjuangan orang Melayu pada masa itu secara kasarnya boleh dikelompokkan ke dalam dua arus. Pertama, golongan radikal yang mahu merdeka dengan segera; dan kedua, mereka yang masih bimbang dalam hal-hal tertentu dan oleh yang demikian mengizinkan perlindungan British berterusan untuk sementara waktu.

Gelora politik Melayu telah diberi perhatian sewajarnya dalam kerja-kerja kesarjanaan. Setakat ini sistem pendidikan Melayu secara umumnya dan persekolahan Melayu secara khasnya sebagai manifestasi perjuangan kebangsaan kurang diberikan perhatian walaupun ianya penting.

## **Persekolahan Melayu**

Sekolah Melayu yang menjadi institusi utama tempat sebahagian besar kanak-kanak Melayu mendapat pendidikan umum telah dibuka semula, di bawah pemerintahan British, pada Oktober 1945. Usaha memulihkan

\* 'Persekolahan melayu' di sini dimaksudkan satu sistem pendidikan yang asing daripada amalan pendidikan tradisi yang lebih banyak bersifat prantisan dan secara tidak langsung bebas daripada campur tangan pemerintah.

† Penulis adalah Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Makalah ini pada asalnya merupakan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam satu seminar anjuran bersama Jabatan Pengajian Melayu dan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, bagi menyambut ulang tahun ke-25 Jabatan Pengajian Melayu, yang berlangsung pada bulan November 1978.

sekolah Melayu, dari segi kedadangan murid-murid, tidak terlalu menyusahkan pemerintah lagi. Bahkan di sebaliknya, laporan rasmi pemerintah 1946—1948 menunjukkan masalah pemerintah yang rumit ialah penyediaan bangunan, alat-alat bilik darjah dan istimewanya buku-buku bacaan.<sup>1</sup>

Untuk membuktikan bagaimana ghairahnya masyarakat Melayu selepas Perang dalam hal pendidikan, perangkaan dari laporan pemerintah untuk tahun-tahun yang berkenaan dapat menjelaskannya.<sup>2</sup>

### RAJAH I

Pendaftaran Mengikut Darjah Dalam Sekolah Lelaki  
(Melayu) pada November 1948<sup>3</sup>

Pendaftaran	Murid Lelaki	Murid Perempuan	Jumlah	Pendaftaran %
Darjah I	45,821	21,371	67,192	38.5
Darjah II	35,086	12,741	47,827	27.4
Darjah III	25,660	6,280	31,940	18.3
Darjah IV	13,420	2,651	16,071	9.2
Darjah V	8,182	1,416	9,598	5.4
Darjah VI	2,122	328	2,450	1.2

1 Annual Report on Education (terutamanya disebut A.R.E. saja) in the Malayan Union for the period 1st April 1946 to 31st December 1946, Kuala Lumpur, 1947, hlm. 16, membayangkan hanya 5 buah sekolah yang tak dapat dibuka kembali. Keseleuruhaninya, orang ramai tidak menunggu bantuan pemerintah untuk memperbaiki kerusakan akibat perang (hlm. 24). Dalam hal masalah buku-buku, alat-alatan umum, lihat H. R. Cheeseman, *A.R.E. 1947*, Kuala Lumpur, 1948, hlm. 39; cf. M. R. Holgate, *A.R.E. 1948*, Kuala Lumpur 1949, hlm. 39–40. Bagaimanapun, keadaan pada tahun 1948 telah menjadi lebih baik.

2 Lihat *A.R.E.* pada tahun-tahun yang berkenaan seperti dicatatkan di atas. Perangkaan yang berkenaan masing-masing boleh diperiksa: *A.R.E. 1946*, hlm. 132; *A.R.E. 1947*, hlm. 37–38; *A.R.E. 1948*, hlm. 37–159.

3 *A.R.E. 1948*, hlm. 37.

## RAJAH II

**Carta Sekolah Melayu dan Murid-muridnya 1941 hingga 1948\***  
**(Sekolah Lelaki)**

	Jumlah Sekolah				H.P. Pendaftaran			
	1941	1946	1947	1948	1941	1946	1947	1948
Pulau Pinang	70	70	71	71	11,018	9,059	11,056	12,276
Melaka	80	82	83	85	10,289	13,097	13,192	14,717
Perak	231	224	233	249	25,974	24,558	28,930	35,275
Selangor	81	85	9	93	13,400	9,929	13,357	15,244
Negeri Sembilan	94	92	94	99	11,092	9,560	12,153	14,624
Pahang	106	109	112	120	8,781	10,899	10,878	13,316
Kedah	82	82	82	82	10,220	11,434	14,206	18,147
Perlis	151	135	163	180	17,420	19,297	22,285	25,197
Kelantan	58	60	58	65	5,209	6,680	8,852	12,997
Terengganu	45	54	56	72	3,557	5,741	7,074	9,878

Dengan membuat andaian bahawa murid-murid Darjah I pada 1948 adalah penuntut baru,<sup>4</sup> murid-murid Darjah II telah didaftarkan pada tahun 1947. Maka kemajuannya amat jelas. Antara yang penting ialah pertambahan murid-murid perempuan di beberapa negeri di Semenanjung.

## RAJAH III

**Carta Sekolah Melayu dan Murid-muridnya 1941 hingga 1948\***  
**(Sekolah Perempuan)**

	Jumlah Sekolah				H.P. Pendaftaran			
	1941	1946	1947	1948	1941	1946	1947	1948
Pulau Pinang	29	28	29	29	2,500	2,060	2,867	3,279
Melaka	18	15	15	15	1,101	1,328	1,345	1,592
Perak	57	48	48	54	4,821	4,030	4,987	6,259
Selangor	8	7	7	8	1,285	919	1,297	1,579
Negeri Sembilan	8	7	7	7	710	614	805	986
Pahang	4	4	5	6	380	519	539	738
Kedah	5	5	5	5	650	690	925	1,125
Perlis	4	4	4	4	400	351	531	620
Johor	27	33	38	44	3,000	3,883	5,034	5,892
Kelantan	3	3	3	3	250	226	401	566
Terengganu	1	1	3	5	253	240	565	965

4. Perangkaan ini dipadankan dari *A.R.E.*, tahun 1946 dan 1948 yang masing-masing pada him. 132—159.

5. Walaupun sistem tahan darjah diamalkan dalam jangka waktu kajian ini, adalah dirasakan bahawa jumlah mereka yang tertahan itu tidaklah terlalu besar dalam jumlah angka yang diberi itu.

6. *A.R.E.*, 1946 dan 1948, masing-masing pada him. 132—159.

Sebagai pertolongan untuk melihat perbandingan kemajuan persekolahan yang tersebut di atas, perangkaan di bawah ini mungkin berguna. Angka-angka ini adalah bagi kanak-kanak Melayu yang berumur antara enam hingga dua belas tahun, yang pada sepatutnya bersekolah:<sup>7</sup>

#### RAJAH IV

Negeri	Kanak-kanak Lelaki	Ber-sekolah*	Kanak-Perempuan	Ber-sekolah*	Bersekolah Lelaki dan Perempuan
		%		%	
Pulau Pinang	11,784	11,056	11,812	2,867	59.00
Melaka	11,259	10,289	11,908	1,345	50.21
Perak	31,235	28,930	31,029	4,987	54.47
Selangor	10,455	13,357	10,735	1,579	70.47
Negeri Sembilan	10,866	12,153	10,639	805	60.25
Pahang	12,465	10,878	11,922	539	46.81
Kedah	37,218	14,206	36,588	925	20.50
Perlis	5,258	4,010	5,055	531	44.03
Johor	24,588	22,285	25,005	5,034	55.08
Kelantan	40,237	8,828	38,059	401	11.78
Terengganu	21,575	7,074	20,730	565	18.05

\*Termasuk murid perempuan yang belajar di Sekolah Melayu Lelaki.

Perangkaan-perangkaan yang diberikan oleh rekod-rekod pemerintah ini disokong pula oleh catatan-catatan lain yang menjelaskan kecondongan semangat orang Melayu mengejar pendidikan. Umpamanya, *Laporan Tahunan mengenai pendidikan* mahupun *Laporan Pemerintahan* tidak lupa mencatatkan hal-hal yang demikian; sebagai contoh, H.R. Cheeseman, Pengarah Pelajaran *Malayan Union*, pada 1946 mencatatkan bahawa "Aspek kehidupan orang Melayu yang paling menggembirakan adalah minat terhadap pemuliharan sekolah-sekolah di kalangan mereka yang lebih cerdik. Misalnya ada yang sanggup menolong memperbaiki sekolah dan tidak menunggu bantuan Kerajaan. Berlaku juga satu kes di mana orang kampung telah memper-

<sup>7</sup> Perangkaan kanak-kanak yang berumur antara 6 hingga 12 tahun didapati dari M.V. Del Tufo, *Malaya: A Report on the 1947 Census of Population*, London, 1949, pada Table 12, him. 180—181. Perlu diingatkan bahawa murid-murid tahun 1947 yang bersekolah itu tidaklah semestinya berumur tidak lebih daripada 12 tahun kerana terdapat kelonggaran had umur atas perimbangan akibat perang. Oleh yang demikian, boleh diduga peratus jumlah kanak-kanak yang bersekolah itu akan lebih rendah lagi bila dibandingkan dengan perangkaan kanak-kanak berumur 6—14 tahun.

baiki sekolah dan enggan menerima bantuan kewangan. Contoh-contoh itu menunjukkan terdapat kebanggaan baru di kalangan orang Melayu terhadap sekolah-sekolah mereka.”<sup>8</sup>

Dari tahun 1947 hingga ke tahun 1949, selain daripada catatan perangkaan yang telah diberi, laporan-laporan tahunan juga terus mencatatkan keadaan sekolah-sekolah Melayu yang menjadi sesak oleh kerana pertambahan murid-murid yang di luar kemampuan pemerintah masa itu menyelesaikan masalah itu dengan segera. Akibat keadaan ini, pada tahun 1947 telah dimulakan sistem persekolahan pagi dan petang. Biasanya penuntut-peuntut darjah tinggi diberi peluang bersekolah di sebelah pagi dan murid-murid darjah rendah bersekolah di sebelah petang sebagai penyesuaian kepada iklim tropika yang kurang menyegarkan untuk kesihatan-kesuburan berfikir selepas tengahari.<sup>9</sup>

Pada tahun 1948, walaupun sistem persekolahan pagi dan petang diamalkan, terdapat pertambahan bilangan sekolah sebanyak tujuh puluh enam buah berbanding dengan jumlah tahun-tahun sebelumnya,<sup>10</sup> tetapi keadaan belum lagi memuaskan bagi menampung keperluan pendidikan di sekolah-sekolah Melayu. Hal ini dibayangkan oleh *Laporan Tahunan Pemerintah* yang menyebutkan walaupun terdapat pertambahan baru sebanyak empat puluh tiga buah sekolah sepanjang tahun 1948 sama ada dibina oleh pemerintah atau orang kampung dan pembesaran bangunan-bangunan yang ada, keadaannya tidak banyak berubah kerana “ini adalah satu jumlah yang kecil berbanding dengan keperluannya. Pada umumnya terpaksa dipindahkan kelas-kelas pagi dan petang. Hanya satu pelan yang luas untuk mendirikan bangunan dapat meredakan keadaannya.”

Satu aspek yang seharusnya dirakamkan dalam perbincangan pendidikan bagi orang Melayu ini ialah keghairahan ibu bapa atau penjaga menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Dengan perangkaan yang telah diketengahkan terawal daripada ini, perkembangan ini tidak susah untuk diyakini. Mungkin yang lebih menarik untuk disebutkan ialah, dalam tempoh kajian ini, penjaga-penjaga kanak-kanak Melayu tidak lagi sangsi akibat ‘kebebasan’ mereka mendapat pelajaran, bahkan tidak lagi terlalu memilih sekolah sama ada sekolah itu sekolah campuran ataupun sekolah khas bagi kanak-kanak perempuan.<sup>11</sup>

Amatlah layak dipercayai bahawa gejala kebanjiran anak-anak perempuan ke sekolah menggambarkan satu perubahan dalam cara berfikir masyarakat Melayu. Kebanjiran anak-anak Melayu, istimewanya ke sekolah-sekolah Melayu ini, digambarkan oleh penulis *Laporan Tahunan Persekutuan Tanah Melayu 1948*. Menurut laporan itu “telah timbul satu keadaan

8 Lihat *A.R.E.* 1946, hlm. 24 dan bandingkan juga dengan laporan yang sama pada hlm. 80.

9 Lihat *A.R.E.* 1947, hlm. 39.

10 Lihat *A.R.E.* 1948, hlm. 36–37; cf. *Annual Report on the Federation of Malaya 1948* (selepas ini dirujukan *A.R.F.M.* saja) hlm. 73.

11 Lihat *A.R.F.M.*, 1949, hlm. 85.

12 Pada zaman awal bahkan menjelang Perang Dunia II, mengikut aturannya, murid perempuan bersekolah di Sekolah-sekolah Perempuan Melayu yang khas dibina oleh pemerintah. Hal ini dilakukan sebagai mengelakkan prasangka di kalangan waris-waris murid. Selepas Perang, aturan itu masih diberi perhatian tetapi kerana tidak mampunya pemerintah menyediakan bangunan dan alatannya, penjaga murid boleh memilih sekolah lelaki jika mereka tidak keberatan.

baru di kalangan orang Melayu. Mereka telah sedar tentang kemungkinan-kemungkinan pelajaran; oleh yang demikian mereka sangat menginginkan pelajaran".<sup>13</sup>

Sebagai satu fenomena, sewajarnyalah diberi perhatian mengapakah ianya berlaku. Ada beberapa unsur yang penting diberi perhatian di sini. Antaranya ialah dasar pemerintah mengenai persekolahan itu, kemudahan-kemudahan persekolahan, ilmu pengetahuan yang disampaikan atau boleh didapati di sekolah yang melibatkan atau memudahkan penghidupan orang ramai.

Menyentuh tentang dasar pemerintah terhadap persekolahan masa itu,<sup>14</sup> yang melibatkan juga sekolah Melayu, sebagai dasar am, pemerintah *Malayan Union* mempunyai dua objektif — satu untuk kepentingan jangka pendek dan satu lagi untuk kepentingan jangka panjang. Bagi objektif jangka pendek dasarnya ialah untuk memulihkan secepat mungkin keadaan persekolahan sebelum Perang dan menyediakan kemudahan bagi mereka yang terencat persekolahannya akibat Perang. Untuk jangka panjangnya, dasar ini bertujuan membina satu sistem pendidikan yang boleh menjamin kemajuan pendidikan untuk setiap kumpulan masyarakat.

Mengikut perkembangannya dasar ini akan (a) menyediakan pelajaran rendah percuma kepada semua kaum melalui bahasa ibunda masing-masing — sama ada Melayu, Cina atau India; (b) Bahasa Inggeris akan diajar di semua sekolah; dan (c) hak mendapatkan pelajaran sepenuhnya akan diluaskan kepada kanak-kanak perempuan seperti yang diberi kepada kanak-kanak lelaki.

Di bawah rancangan perkembangan pendidikan baru itu dicadangkan:

- (i) Pelajaran rendah percuma sekurang-kurangnya enam tahun, dengan bahasa ibundanya menjadi bahasa pengantar dan Bahasa Inggeris sebagai satu matapelajaran di dalam kurikulumnya di mana bahasa ibunda murid-murid bukan Bahasa Inggeris. Sekolah rendah adalah mengandungi bahagian-bahagian Melayu, Cina, India dan Inggeris mengikut bahasa ibunda masing-masing kaum. Segala upaya akan ditekankan di sekolah rendah ini supaya sekolah menyediakan persediaan untuk memadukan perkhidmatan dan melahirkan kesedaran kerakyatan serupa.
- (ii) Pendidikan menengah untuk murid-murid selama antara dua hingga ke tujuh tahun mengikut lamanya sesuatu kursus yang diikuti.

Namun patut dicatatkan bahawa tidak terdapat bayangan tegas yang menyebutkan kemungkinan persekolahan Melayu akan diperluaskan ke peringkat menengah; apa yang dicatatkan ialah, di peringkat menengah, di mana bahasa pengantarnya ialah Inggeris, bahasa ibunda akan diajar sebagai satu matapelajaran. Sekolah di mana bahasa pengantarnya bahasa ibunda, Bahasa Inggeris akan diajar sebagai satu matapelajaran. Begitu juga

13 A.R.F.M. 1948, hlm. 74 dan Holgate, op. cit., hlm. 37.

14 Kenyataan mengenai dasar pendidikan *Malayan Union* ini tidak dijelaskan dengan tegasnya dalam A.R.E. 1946 (lihat hlm. 1–6) tetapi dijelaskan dengan Lampiran sepenuhnya bertajuk *Statement of Educational Policy* (Council Paper No. 53 of 1946) diim. A.R.E. 1947, hlm. 29–30.

disebutkan bahawa tempat-tempat percuma akan diperuntukkan secara mudah kepada pelajar-pelajar dari sekolah rendah yang terpilih kerana kecapaian pelajarannya.

Kenyataan Dasar Pelajaran (*Council Paper No. 53 of 1946*) ini, bagaimanapun, menegaskan bahawa peruntukan kepada rancangan sekolah rendah dan menengah akan memakan masa perlaksanaannya dan tertakluk kepada kemampuan kewangan pemerintah, kecukupan guru-guru yang terlatih dan kecukupan tempat-tempat di sekolah.

Terdapat unsur baru dalam dasar ini yang berbeza dengan dasar pemerintahan British sebelum Perang Dunia Kedua. Perubahan ini ialah penekanan terhadap membangkitkan semangat bersedia untuk berkhidmat kepada Tanah Melayu dan mempunyai semangat kerakyatan yang sama. Selain daripada itu ialah, mungkin sebagai kaitan perkara kerakyatan tadi, pemerintah British berjanji akan menyediakan bantuan kepada semua sekolah tanpa mengira kaumnya.

Berbalik kepada soal persekolahan Melayu, tidaklah ada ketegasan lain daripada apa yang disebutkan di dalam Kenyataan Dasar Pelajaran 1946 yang dipaparkan di atas tadi. Dalam *Laporan Tahunan Pelajaran 1946*, disebutkan perkara-perkara mengenai pendidikan rendah percuma dalam lingkungan umur empat hingga dua belas tahun dan undang-undang paksaan ke sekolah. Disebutkan juga bahawa kebanyakan sekolah Melayu terdapat di kampung-kampung, hanya bertujuan utamanya memberi pelajaran rendah yang praktikal dan 'baik'. Itu dianggap mencukupi untuk kanak-kanak lelaki yang akan tetap bercucuk tanam atau yang akan mencari kerja-kerja yang tidak memerlukan pengetahuan Bahasa Inggeris.

Tujuan keduanya bolehlah dirumuskan sebagai menjadikan sekolah Melayu itu tangga untuk mereka yang ingin menyambung pelajarannya nanti ke sekolah Inggeris melalui pertandingan secara peperiksaan. Agak menarik dicatatkan ungkapan laporan ini yang menyebutkan bahawa pada umumnya kursus itu adalah untuk menjamin pelajaran yang baik serta minat dan kemahiran dalam bidang pertanian atau perusahaan kampung.<sup>15</sup> Mengenai pengenalan matapelajaran Bahasa Inggeris, laporan ini menyebutkan bahawa ia masih belum diperkenalkan lagi walaupun pemerintah merasakan ia mempunyai dasar lepas Perang yang akan memperkenalkannya secara beransur-ansur.

Tidak banyak kelihatan perubahan dalam dasar pemerintah British terhadap persekolahan Melayu selepas Perang jika dibandingkan dengan dasar sebelum Perangnya.<sup>16</sup> Apa yang jelas kelihatan ialah janji untuk memperkenalkan Bahasa Inggeris. Apabila dikaitkan perkara ini dengan persoalan mengapakah orang Melayu selepas Perang begitu ghairah menghantar anak-anak mereka ke sekolah, adalah susah untuk menerima fenomena ini disebabkan oleh Bahasa Inggeris tadi. Hingga ke tahun 1948, walaupun ada perubahan baru dalam pemerintahan dengan pengenalan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akibat penolakan terhadap *Malayan Union*,

15. A.R.E. 1946, hlm. 35.

16. Untuk perbandingan dengan dasar sebelum Perang lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 10-11.

dasar pelajaran tetap tinggal begitu seperti juga tidak bergeraknya pengenalan pelajaran Bahasa Inggeris tadi.<sup>17</sup>

Bagaimanapun pemerintah British mempunyai alasan-alasannya tersendiri dalam menjelaskan fenomena keghairahan mendapatkan pelajaran di kalangan orang Melayu ini. Di antaranya ialah kanak-kanak tidak dapat bersekolah pada zaman Jepun, dan yang berulang-ulang kali disebut dalam setiap laporan tahunannya ialah bahawa "ternyata pembekalan susu dan biskut percuma oleh sekolah untuk murid-murid yang makanannya kurang zat adalah satu faktor menggalakkan mereka memasuki dan menghadiri sekolah."<sup>18</sup>

Selain daripada pembekalan susu dan biskut atau lebih tepat disebutkan dengan istilah sekarang 'makanan panas' mungkin juga suasana persekolahan telah bertambah baik seperti yang tersebut dalam laporan-laporan tahunan. Antara suasana persekolahan itu ialah, yang secara implikasinya dapat disimpulkan daripada laporan tahunan 1948, ialah bahawa perkembangan pelajaran Kerjatangan, Perkebunan dan Senaman (yang meliputi pertandingan sukan antara sekolah-sekolah) sangatlah berjaya kerana disukai oleh murid-murid. Dua unsur baru yang menarik dalam laporan 1948 ini ialah pembekalan radio ke sekolah-sekolah dan pelaksanaan sistem gaji guru yang baru.

Sukar sekali untuk menentukan apakah semua hal ini yang sebenarnya menentukan daya penarik fenomena yang dibincangkan kerana dalam banyak perkara yang disebut 'suasana yang sihat' dalam sekolah itu adalah kabur gambarannya. Perkara ini berlaku kerana tiada terdapat langsung perangkaan yang diberi tentang berapa banyak sekolah yang telah mendapat bekalan yang cukup kerjatangannya, radio atau guru-guru bergaji yang memuaskan. Sementara itu kritikan-kritikan yang tajam dan sinis terhadap persekolahan Melayu adalah sangat ketara dalam tempoh yang sama.

Kalau diperhatikan semangat keghairahan orang Melayu dalam tahun-tahun kajian ini, melalui pernyataan-pernyataan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu, nampaklah laporan-laporan tahunan itu sebagai alasan-alasan yang lemah. Sebenarnya semangat orang Melayu untuk mendapat pendidikan yang sebaik-baiknya sudah jauh lebih tinggi daripada apa yang ditawarkan oleh pemerintah. Bahkan boleh dikatakan telah timbul semacam perasaan putus asa di kalangan orang Melayu untuk selama-lamanya setakat menunggu ehsan pemerintah bagi membina bangsanya. Biarlah kenyataan ini disokong oleh pendapat umum dari sebaran am semasa.

Sekembalinya British ke Semenanjung pada September 1945 berketebetulan dengan timbulnya suasana yang menggelorakan politik Melayu rantau ini: peristiwa-peristiwa rusuhan kaum, Pemerintahan Bintang Tiga serta 'penyiasatan' dan pengadilan terhadap 'tali barut Jepun'. Rancangan *Malayan Union* dan seumpamanya sekurang-kurangnya telah menimbulkan kesedaran orang Melayu dalam beberapa aspek penghidupan secara lebih berkesan lagi.

17 Lihat *A.R.E.* 1947 dan 1948 yang masing-masing pada him. 35–41, 35–42; cf. *A.H.F.M.* 1948, him. 72–74.

18 *A.R.E.* 1947, him. 36.

Dalam keadaan politik yang begitu dan istimewanya memasuki tahun 1946, pernyataan sikap orang Melayu terhadap pendidikan menjadi lebih nyata dan tegas. Saranan-saranan supaya orang Melayu memperbetulkan kembali sekolah-sekolah, memujuk anak-anak mereka supaya kembali ke sekolah dan menubuhkan badan-badan yang boleh memajukan persekolahan telah diutarakan. Saling-kait dengan persekolahan ini ialah masalah buta huruf di kalangan orang Melayu. Contoh-contoh pernyataan yang menunjukkan pentingnya persekolahan masa itu boleh dikutip dari tulisan Ibn Hamid, Kulim, pada 5 Januari 1946, yang mengkritik berbagai-bagai dalih orang kampung tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Lalu ia menasihatkan.

... dewasa pemimpin-pemimpin bangsa kita sekarang sedang sibuk memperbincangkan masalah Kesatuan Malaya, iktisad Melayu, pelajaran tinggi bagi umat Melayu maka masalah buta huruf sebagai yang saya sajikan di atas itu pun sudah tibahtah wajibnya diperbincangkan, moga-moga satu ikhtiar untuk memperbaikinya dapat disusun dengan segera.<sup>19</sup>

Penggalakan persekolahan memang ada hubungan dengan masalah buta huruf. Satu gambaran dari tulisan yang lain, mungkin sangat kritis, buta huruf di kalangan orang Melayu disebutkan demikian:

Keluaran akhbar-akhbar semakin hari semakin bertambah tetapi sambutan orang Melayu mendukacitakan. Tak sampai 2% barangkali memberi sambutan kecuali di kalangan Melayu di bandar dan kampung yang hampir bandar-bandar yang ada Pejabat Surat Kiriman.

Pelajaran orang Melayu rendah sangat kebanyakannya yang tahu membaca sahaja dengan tiada mengetahui maknanya. Susah payah pengarang menyuntingkan mutiara-mutiara hanya sebagai 'melagakkann cantik kepada si buta'.

Ayat-ayat dalam akhbar ada pengaruh Inggeris, ada Arab dan ada memulakan dengan perkataan rekaan baru ... bertambah-tambah bingunglah pembaca itu kerana perkataan itu tak pernah didengar seumur hidup.<sup>20</sup>

Tulisan 'Bulat' dari Jitra, Kedah, ini bahkan menyebutkan bahawa di sekolah guru-guru tidak menggalakkan akhbar, bahkan setengah daripada guru-guru itu tidak tahu pun faedah akhbar, istimewa membacanya. Sejauh mana boleh dipercayai pendapat 'Bulat' ini memanglah susah untuk menentukannya. Ada kenyataan lain yang mirip maksudnya dengan apa yang dikatakan oleh 'Bulat' itu. Perkara ini terjelas daripada kenyataan yang dibuat oleh Lembaga Didikan Persatuan Melayu Johor untuk rancangannya dalam tahun 1946. Antara lain, rancangannya ialah:

- (i) Menjalankan benci bilangan mereka yang tidak tahu membaca dan menulis.
- (ii) Menjalankan pelajaran menyesal [kelas dewasa] dalam tiap-tiap kampung (bagi permulaan dalam Johor Bahru).
- (iii) Mengadakan syarahan-syarahan seminggu sekali bagi tiap-tiap kampung bagi menerangkan hal peredaran yang berlaku setiap hari dan membacakan ringkasan suratkhabar-suratkhabar bagi meluaskan

19 Lihat *Warta Negara*, 17 Januari 1946, ruangan fikiran pembaca di bawah tajuk "Buta Huruf".  
20 *Warta Negara*, 1 Februari 1946.

pengetahuan fikiran dan memasukkan perasaan.

- (iv) Tempat bagi [rancangan] (ii) dan (iii) di atas ini pada permulaan ini ialah surau-surau dan rumah-rumah mereka yang sudi meminjamkan serta meminta pertolongan guru-guru yang ada atau yang berham-piran dengan kampung itu daripada ahli persatuan atau mereka yang reda berkhidmat.
- (v) Tempat membaca (kutubkhanah).

Selain daripada rancangan kerja itu Lembaga tersebut juga sedang mengusahakan apa yang mereka sebutkan sebagai "menjadikan Bahasa Melayu mempunyai ilmu pengetahuan". Cara-cara mengusahakannya adalah seperti berikut:

- (i) Akan diadakan Jawatankuasa Terjemahan bagi menyediakan buku-buku pelajaran sekolah ke dalam Bahasa Melayu.
- (ii) Mengadakan hadiah terjemahan yang terbaik.
- (iii) Akan disediakan *list* buku yang telah diterjemahkan.
- (iv) Mendapatkan dan menyediakan satu penyata perjalanan pelajaran Johor dari mula ditubuhkan Kolej Melayu di Teluk Belanga bagi menimbahtkan kekuatan dan kemahiran pelajaran yang sesuai dengan kehendak dan peredaran masa.

Cawangan ini sedang menjalankan perkara (i) dan (ii) dan sedang berikhtiar dalam perkara (iii) dan (iv).

#### Ahli Jawatankuasa:

Tuan Haji Hassan Yunus — Mufti, Dr. Awang Hassan, Encik Ahmad bin Sulaiman, Arifin bin Haji Alias, Abd. Manaf bin Buyung, Haji Abd. Ghani bin Haji Yahya, Cik Mariam bt. Muhammad, Fatimah Bt. Muhammad, Wan Abd. Hamid bin Muhammad Saleh, Cik Besar bt. Haji Andak, Khadijah bt. Haji Abd. Rahman, Hasnah, Cik Sih [Siah?] bt. Abd. Rashid, Encik Mohd. Yasin bin Abd. Rahman.<sup>21</sup>

Dua kenyataan atau petikan yang terakhir ini, satu dari Kedah dan satu lagi dari Johor, memberi erti yang tersendiri pentingnya kepada penuntut sejarah Semenanjung Tanah Melayu. Kalau keadaan di Kedah secara umumnya dapat diterima dari tulisan 'Bulat' dan di Johor, mengikut pandangan Lembaga Didikan Persatuan Melayu Johor, boleh dipercayai, keadaan umum masalah buta huruf di kalangan orang Melayu memang menyedihkan. Perkara ini ada kaitannya dengan kemajuan pendidikan dan pentadbiran umum yang memang terkenal majunya jika dibandingkan dengan keadaan yang wujud sebelum Perang. Kalau keadaan di kedua-kedua buah negeri itu sedemikian bolehlah dipercayai bahawa di negeri-negeri Melayu lainnya, kecuali mungkin Perak, Pulau Pinang, Melaka, Selangor yang hampir-hampir serupa dengan keadaan Johor, keadaan buta huruf lebih menyedihkan.

Masalah buta huruf ini dan usaha-usaha membasinya mudah diketemui

21 Lihat *Warta Negara*, 2 Februari 1946.

di dalam lembaran akhbar dan majalah sezaman. Mungkin kerana berleluasanya keadaan ini pelajar sejarah boleh membuat semacam rumusan bahawa satu daripada perjuangan zaman itu ialah membasmikan buta huruf. Dan selalunya hal ini dikaitkan dengan persekolahan, yang kadang-kadang, kerana terlalu dalamnya semangat itu, terkeluarlah kata-kata atau pengucapan yang keras bercampur kesinisan. Umpamanya dalam satu rencana pengarang *Warta Negara*, pengarang telah memetik kata-kata sebuah sepandok yang dibawa oleh kanak-kanak Melayu dalam perarakan menentang *Malayan Union* yang berbunyi, "Wahai ibu bapaku, peliharalah hak kami sementara kami besar". Antara lain, pengarang itu mencatatkan: "Adakah kita akan hanya berkata kepada kanak-kanak kita itu "Ayohai kanak-kanak, ketahuilah hak-hak kamu itu sekarang ini telah dipindahkan oleh raja-raja kamu ke Istana Buckingham di England sana dan dari sana akan dibahagi-bahagikan kepada anak-anak dagang di sini".<sup>22</sup>

Begitulah lebih kurang gambaran semangat orang Melayu yang tercetus dengan ketaranya pada tahun-tahun 1946. Rangkaian ucapan perjuangan masa itu terikat erat dalam rangka perjuangan untuk kemajuan politik, ekonomi dan pelajaran. Tidaklah terlalu perlu rasanya dipetikkan dengan banyaknya saranan tentang apa gunanya pelajaran itu bagi masyarakat Melayu ketika itu selain menyatakan bahawa seolah-olah pelajaran adalah kunci kepada segala kemajuan yang dikehendaki oleh orang Melayu.

Perlulah dijelaskan pula bahawa gambaran kesedaran pelajaran, persekolahan atau buta huruf itu bukanlah seluruh daripada perbincangan masyarakat Melayu. Saling kait dengan ini atau lebih tepat dikatakan inti kepada persoalan ini ialah konsep pendidikan itu sendiri atau, dalam perkataan lain, apakah yang diperlukan oleh orang Melayu pada masa itu dalam keghairahan dan kegiatan mengejar pelajaran itu? Untuk menjelaskan hal ini, di sini ditinjau pendapat seorang tokoh pendidik Melayu zaman itu yang menurut penyunting majalah *Masa*, "Yang Arif Tuan Za'ba".<sup>23</sup> Pati pandangan Za'ba itu dirumuskan oleh *Masa* sebagai:

Didikan itu bukan hanya tulis-menulis, baca-membaca, karang-mengarang dan kira-mengira ilmu itu dan ilmu ini sahaja tetapi terutama disertakan dengan didikan otak, tubuh badan dan laku perangai termasuk asuhan agama dalam bahagian budi pekerti. Maka pelajaran bahagian otak termasuk latihan kesihatan itu sangat mustahak. Terlebih mustahak bagi umat Melayu sekarang ialah didikan perangai.<sup>24</sup>

Begitulah pandangan yang dikemukakan oleh Za'ba dalam persidangan yang besar maknanya kepada kaum pendidik Melayu pada masa itu, iaitu

22 Lihat Rencana Pengarang *Warta Negara*, 29 Januari 1946.

23 Za'ba ialah tokoh pendidik dan Bahasa Melayu yang amat terkenal dalam masyarakat Melayu. Namun demikian tidaklah bermakna ramai orang yang betul-betul kenal kepada pemikiran, tindakan dan perjuangannya yang sebenarnya melewati batas-batas bahasa dan pendidikan ilmu pengetahuan. Biografinya yang lebih baru telah ditulis oleh Adnan bin Haji Nawang, "Za'ba 1896—1973: Satu Tinjauan Tentang Kegiatan-kegiatannya". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977/78. Lihat juga Prof. Ungku Aziz, *Jejak-jejak Di Pantai Zaman*, Kuala Lumpur 1975 dan lihat ulasan W.R. Ross (ed.), *The Wandering Thoughts of a Dying Man*, Kuala Lumpur, 1978, *passim*.

24 Pandangan ini diberi oleh Za'ba dalam Kongres Guru-guru Melayu seluruh Malaya yang diadakan pada 11, 12 dan 13 April 1946; beliau diberi kehormatan merasmikan pembukaannya. Rumusan pendapatnya itu dirakamkan dalam majalah *Masa*, Singapura, Th. 1, bil. 5, Mei 1946, him. 4. Mengenai didikan perangai, lihat Adnan, op. cit., him. 149.

guru-guru sekolah Melayu. Mungkin tidak ada orang yang dapat menyebutkan dengan tepatnya bagaimana besarnya atau berkesannya pengaruh pandangan serupa ini kecuali membayangkan sahaja bahawa berita ucapan itu termuat di dalam akhbar-akhbar.

Dalam perbincangan setakat ini seolah-olah baru tergambar suara dan saranan orang Melayu dalam hal pendidikan pada masa itu. Dalam tindakannya, kebanjiran kanak-kanak Melayu ke sekolah-sekolah Melayu yang telah disebutkan terawal daripada ini adalah satu bukti yang nyata sekali. Patut ditegaskan bahawa penjaga kanak-kanak Melayu tidaklah setakat hanya menyuruh anak-anak mereka ke sekolah sahaja; sejauh yang berhubung dengan sekolah Melayu, kerja-kerja membangunkan semula dan mendirikan sekolah-sekolah memang telah dirakamkan oleh laporan-laporan tahunan pemerintah. Apa yang lebih menarik dalam hal bagaimana tingginya semangat orang Melayu pada masa itu ialah mereka menubuhkan apa yang sering disebutkan sebagai Lembaga Didikan Kanak-kanak (kadang-kadang disebut juga Lembaga Pimpinan Murid-murid Sekolah).

Banyak laporan dalam akhbar mengenai Lembaga ini.<sup>25</sup> Walaupun tidak banyak dilaporkan mengenai kegiatan lembaga ini secara terperinci namun berita mengenai kegiatan Lembaga Pimpinan Sekolah Batu Maung, Pulau Pinang, mungkin dapat dijadikan contoh untuk pengertian umum. Antara lain dalam mesyuarat lembaga itu telah dibincangkan cara-cara membaiki kedatangan murid ke sekolah, jalan membantu murid miskin dalam sekolah dan jalan mengadakan pelajaran agama dan Inggeris.<sup>26</sup>

Selain daripada lembaga yang berbentuk demikian terbit juga badan-badan yang menguruskan derma pelajaran selain daripada derma pelajaran yang telah sedia tertubuh sebelum Perang Dunia Kedua. Sebagai contohnya, pada 1 Februari 1946, telah dikeluarkan kenyataan rasmi dari Istana Seri Cemerlang, ditandatangani oleh Sultan Kelantan yang memasihurkan penubuhan Derma Pelajaran Kemenangan. Daya utama penubuhan derma ini telah diambil oleh Major Tengku Mahmud Mahyuddin dan dinaungi oleh sultan. Beliau telah memulakan derma dengan \$1,000 dan berjanji akan meneruskan dermanya tiap-tiap bulan \$100 bagi membantu dan mengadakan perbelanjaan anak-anak Melayu Semenanjung melanjutkan pelajaran tinggi di Eropah, Amerika, Mesir dan Mekah.<sup>27</sup> Dana pendidikan yang dinaungi oleh sultan seperti ini bukan saja terdapat di Kelantan bahkan di Johor dengan nama *Sultan Ibrahim Scholarship*<sup>28</sup> dan di Selangor dengan *Alam Shah Scholarship*.<sup>29</sup>

Di kalangan rakyat sendiri usaha mengadakan dana pelajaran ini tidak kalah juga hebatnya. Penubuhan Tabung-tabung Derma Pelajaran Tinggi

25 Sebagai contohnya, lihat *Warta Negara*, 22 Januari 1946, mengenai penubuhan lembaga tersebut di Sekolah Melayu Sungai Nibong; *Warta Negara*, 24 Januari 1946 di Penaga; *Warta Negara*, 1 Februari 1946 di Sungai Timbus, Prai dan lain-lain lagi.

26 Lihat *Warta Negara*, 8 Februari 1946.

27 Derma ini mungkin sebagai mengambil sempena 'kemenangan' perarakan menentang *Malayan Union*. Seterusnya kenyataan mengenai tabung ini menyebutkan derma yang terkumpul nanti akan diserahkan kepada U.M.N.O. (Cadangan awal pertubuhan U.M.N.O.) apabila ianya ditubuhkan. Lihat *Warta Negara* bertarikh 16 Februari 1946 pada ruangan Rencana Pengarang.

28 Lihat *Urusan Melayu*, 26 Mei 1948.

29 Lihat *Seruan Rakyat*, 30 November 1945.

boleh dikatakan terdapat di setiap cawangan Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung. Tidak kurang aktifnya di kalangan guru-guru Melayu dalam hal ini ialah Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor yang ditubuhkan pada tahun 1946. Hingga bulan April 1948, derma yang telah terkumpul berjumlah \$6,663.45.<sup>30</sup> Tabung Derma Lembaga Memban-tu Penuntut Melayu Semenanjung pula telah ditubuhkan pada akhir tahun 1946.<sup>31</sup> Seorang ulama pula, Sheikh Fadzullah Suhaimi, telah mengetua pelancaran sebuah lagi tabung yang dinamakan Lembaga Bantuan Pelajaran Malaya pada 17 Februari 1946.<sup>32</sup>

Contoh-contoh yang dipetik secara rambang ini membayangkan bahawa kesedaran itu bukan sahaja timbul pada badan-badan pergerakan atau orang-orang kenamaan sahaja, tetapi sebenarnya terdapat badan-badan pergerakan kedaerahan yang kecil juga tidak ketinggalan turut mengadakan sumbangan-sumbangan.

Ketinggian semangat yang diikuti oleh tindakan-tindakan itu — walau bagaimana kecil sekalipun sumbangannya — tentulah dapat menolong menjelaskan mengapa berlakunya fenomena 'kebanjiran' kanak-kanak Melayu ke sekolah, istimewanya sekolah Melayu. Bagaimanapun haruslah diperhatikan apakah sesungguhnya 'kebanjiran' itu berakibat semata-mata daripada semangat yang telah disebutkan tadi. Untuk menjawab sebahagian daripada soalan itu, perhatian bolehlah ditumpukan kepada bagaimana pandangan sebahagian orang ramai Melayu terhadap sekolah Melayu yang disediakan oleh pemerintah masa itu.

Pernah dituliskan oleh seorang Melayu yang bernama Omar bin Yahya, dari Tanah Liat, Bukit Mertajam, mengenai sekolah Melayu masa itu. Ia memisalkan ada 20,000 hingga 30,000 anak Melayu di Sekolah Melayu. Pandangannya: "Katalah murid itu dua tiga ribu dapat di sekolah Inggeris, dua tiga ratus ke Kolej Tanjung Malim dan dua tiga puluh mengaji di Sekolah Tanam-tanaman tetapi yang selebihnya lagi ke mana hendak mengaji?" Hal ini dikemukakan kerana, menurutnya, pelajaran sekolah Melayu "... tidak munasabah atau boleh juga dikatakan tidak sesuai dengan kerja-kerja yang sedia ada di pejabat-pejabat kerajaan atau pada saudagar-saudagar dan kilang-kilang yang ada di Tanah Melayu sekarang ini."

Oleh yang demikian ia menyeru:

Sudahlah tiba masanya penganjur-penganjur dan kaum-kaum yang berpelajaran, orang-orang kaya dan saudagar-saudagar Melayu atau saudagar-saudagar Islam mengorok sila membuang langkah mengadakan beberapa buah sekolah perusahaan, seumpama membatik, bertenun, menekat, menyulam, membuat kasut, terompah, memperbaiki basikal, menggunting rambut, menjahit, bertukang, berkebun sayur dan barang sebagainya. Dengan jalan ini bolehlah mereka mencari nafkah hidupnya. Al-hasil inilah dia maju dan kemajuan yang sangat-sangat dipekik-pekit oleh penganjur kita masa ini.<sup>33</sup>

Seperi yang dijelaskan oleh tulisan ini, kelulusan sekolah Melayu yang

30 Lihat *Utusan Melayu*, 17 April 1948, kenyataan umum yang dibuat oleh Ibu Zain Sulaiman atas tajuk berita "Tenaga Wanita Dalam Zaman Pembangunan".

31 Lihat majalah *Hiburan*, Bil. 45, 1 Jun 1948, hlm. 6.

32 Lihat Majalah *Masa*, Th. 1, Bil. 4, 1946.

33 Lihat *Warta Negara*, 26 Januari 1948.

tertingginya setakat Darjah VI tidak mencukupi memberi didikan dan pelajaran untuk kemajuan bangsa Melayu seperti yang dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu. Ini membayangkan, pelajaran vokasional yang disebutkan dalam *Laporan Tahunan Pelajaran* tidak memenuhi keperluan pekerjaan yang diharapkan oleh orang Melayu. Saranan ini bukanlah satu saranan yang asing kerana UMNO Pahang pernah mengadu kepada sultannya meminta supaya beliau menggunakan jasa baiknya mengambil murid-murid lulus Darjah V<sup>34</sup> mengikuti kursus-kursus seperti pertukangan, perniagaan dan bercucuk tanam.<sup>35</sup> Bahkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, Kamaruddin bin Haji Sulaiman telah mengesyorkan dengan kata-kata "Jika sekiranya betul hendak memimpin orang yang lemah, hendak menyelamatkan orang yang tertindih dan hendak memperbaiki orang yang daif [orang Melayu di kampung-kampung] ... [pelajaran-pelajaran] ... Inggeris, tukang anyam, tukang besi, tukang membuat kasut, terompah, memperbaiki basikal dan motor, bercucuk tanam dan berniaga dengan menggunakan dacing dan kati dan lain-lain", hendaklah diberi.<sup>36</sup>

Kritikan-kritikan orang Melayu terhadap buku-buku bacaan yang amat kekurangan di sekolah-sekolah Melayu pula bukan setakat menggambarkan kelemahan jentera pihak yang bertanggungjawab menguruskan hal yang demikian tetapi juga memaparkan kesedaran bahawa orang Melayu mahukan bahan-bahan bacaan yang lebih bermakna dan berguna kepada semangat hidup zaman itu. Laporan-laporan akhbar, istimewanya dalam tahun 1948,<sup>37</sup> memaparkan semacam rasa kebosanan menunggu pembakaian kepincangan ini.

Kes kekurangan buku ini telah dilaporkan berlaku di Muar, Johor, di mana Guru Pasukannya (Pelawat) menyatakan bahawa daripada 700 orang pelajar hanya terdapat 100 buah buku untuk digunakan.<sup>38</sup> Kes yang lebih buruk telah diadukan oleh ibu bapa di Selangor kepada akhbar *Utusan Melayu*. Wartawan *Utusan Melayu* telah pergi menemui R.P.S. Walker, Pemangku Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, dan menyebutkan kes di mana hanya terdapat tiga atau empat buah buku untuk digunakan bagi satu-satu darjah yang mengandungi antara tiga puluh hingga lima puluh orang murid. Ditegaskan juga bahawa buku *Canai Bacaan* yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu itu hanya sesuai untuk tiga puluh tahun yang lalu. Ditekankan juga oleh wartawan itu bahawa "sekarang hendaklah diganti dengan buku-buku yang lebih bererti menurut kehendak masa dan kemajuan kerana meninggikan mutu fikiran dan otak kanak-kanak." Wartawan itu kemudian telah melaporkan kata-kata R.P.S. Walker, akibat bertikam lidah dengan wartawan itu, "Jika sesiapa berfikir yang ia lebih layak

34 Perlu dicatatkan bahawa kelulusan Darjah V adalah kelulusan tertinggi yang biasa dicapai oleh kebanyakan kanak-kanak sekolah Melayu kerana Darjah VI untuk beberapa tempat adalah jarang sekali terdapat.

35 Lihat *Utusan Melayu*, 17 April 1948, pada berita bertajuk "Orang Pahang Mengadu Pada Sultan".

36 Lihat berita "Sekolah Melayu Dalam Majlis Mesyuarat Selangor" dalam *Utusan Melayu*, 30 Jun 1948.

37 Lihat *A.R.E.* 1948, him. 39-40 mengenai kekurangan ini.

38 *Utusan Melayu*, 27 Mac 1948. Lihat juga *Utusan Melayu*, 17 April 1948 mengenai beberapa buku yang tidak dilihat di sekolah Melayu. Cf. *Utusan Melayu*, 2 April 1948, pada artikel "Janganlah Persekutuan Guru Melayu Perak Indah Khabar dari Rupa" yang meminta guru-guru menulis buku bacaan menggunakan bahasa Melayu — bukan terjemahan dari buku-buku Inggeris.

lagi mengurus perkara-perkara hal-hwal dan apa yang sepatutnya diajar dalam sekolah-sekolah Melayu silalah menduduki kerusi saya.”<sup>39</sup>

Seperti yang biasa berlaku pada zaman itu, apabila ada pegawai pemerintah, istimewa pegawai British, yang bercakap dalam nada yang begitu, kritikan-kritikan yang pedas dihamburkan terhadapnya. Dalam kes ini, beberapa ulasan telah terbit akibat kenyataan R.P.S. Walker itu. Jawapan atau alasan agak lunak terdapat dari seorang yang memakai nama samaran Walker Road, Taiping. Ia menyatakan: “Jawapan [Walker] yang sedemikian ini bererti sungguh keluar dari hati yang tidak ikhlas terhadap kesedaran orang-orang Melayu masa sekarang yang inginkan pelajaran dan kemajuan anak-anak kaum bangsanya, setelah hampir-hampir sekurun lamanya dengan keadaan yang tidak memberi puas hati serta kebolehan.”<sup>40</sup>

‘Seorang Guru Singapura’ pula menyatakan Walker sudah nyanyuk kerana meringkuk tiga tahun dalam penjara Jepun. Oleh yang demikian ia mengharapkan kerajaan memberi perhatian kepada Walker supaya beliau dapat segera diberi rehat dan terus bersara.<sup>41</sup> Seorang guru yang memakai nama ‘Guru Melayu Seremban’ pula telah mensifatkan sikap Walker itu sebagai feudal yang menyuruh guru Melayu mengikut saja telunjuknya. Menurutnya:

Guru Melayu mengucapkan syabas jika beliau ingin meninggalkan kerusi itu kerana ... tentulah ada manusia yang lain yang boleh memegang jawatan itu. Demikian juga otak yang bergeliga itu bukanlah untuk tuan itu seorang sahaja ... Silalah lepaskan kerusi itu supaya dipegang anak negeri yang bertanggungjawab kepada bangsanya dan negerinya ...<sup>42</sup>

Rungutan orang Melayu terhadap sistem pendidikan yang diterimanya bukanlah setakat kualiti pelajaran seperti yang telah dibincangkan tadi. Berkaitan dengan itu ialah masalah guru Melayu sama ada berhubungan dengan kedudukan ekonomi, latihan ikhtisas atau layanan-layanan perkhidmatan oleh pemerintah. Rumusan permasalahan guru dan pendidikan boleh dirangkumkan dalam kenyataan bahawa jika guru tidak mempunyai pendapatan yang memuaskan, walaupun ada latihan ikhtisas yang baik dan layanan yang sepatutnya dari pemerintah, tentulah semangat bekerja tidak terlalu memberangsangkan. Oleh yang demikian memang terdapat sokongan pihak-pihak tertentu menolong guru memperjuangkan nasib mereka.

Mengenai pendapatan atau gaji bolehlah dikatakan bahawa guru sekolah Melayu mendapat gaji yang sangat murah.<sup>43</sup> Istilah ‘murah’ di sini memanglah sangat relatif maknanya walaupun diberikan angka seperti bergaji antara lima belas hingga tiga puluh ringgit bagi mereka yang baru bekerja sebagai guru pelatih atau baru lulus maktab. Untuk mendapat kesan yang lebih baik mengenai hal ini diperturunkan di sini perbandingan mengenai gaji guru itu sebagai yang dikemukakan oleh penyokong-penyokong guru.

39 Lihat *Utusan Melayu*, 30 Mac 1948.

40 *Utusan Melayu*, 6 April 1948.

41 *Ibid.*, 7 April 1948.

42 *Ibid.*, 13 April 1948.

43 Keterangan yang lebih terperinci tentang kedudukan gaji guru sekolah Melayu serta perjuangan menuntut pembinaan keadaannya dapat dipelajari dari majalah *Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung 20 Tahun*, Seremban, 1966, him. 81–116.

Satu contoh yang menarik ialah kenyataan yang dibuat oleh guru-guru Melayu Singapura selepas pemerintah British mengisytiharkan kenaikan gaji permulaan guru-guru sekolah Melayu dalam tahun 1947. Bagi guru-guru lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris akan diberi gaji permulaan sebanyak lima puluh ringgit. Tawaran gaji baru dari pemerintah ini dianggap sebagai setaraf dengan tukang kebun MPSI atau penolong jongos gabenor dan juga boleh disamakan dengan pencuci keretanya.<sup>44</sup>

Pandangan di atas adalah dari kaum guru sekolah Melayu di Singapura dan mungkin tidak jauh bezanya dengan pandangan kaum guru di Semenanjung. Menurut pandangan pihak yang menyokong atau sekurang-kurangnya bersimpati dengan nasib kaum guru itu pula, mungkin penjelasan Lidah Pengarang *Utusan Melayu* 15 Mei 1978 lebih bermakna dalam keperihinan ini.

Menulis di atas tajuk "Hal Guru-guru Melayu", pengarang *Utusan Melayu* menyatakan, sejauh yang berhubung dengan pendapatan dan perbelanjaan mereka, "Semua orang tahu siapakah kaum guru Melayu itu ... tetapi harus amat sedikit yang suka mengambil tahu akan hal mereka". Berdasarkan pendapat yang begitu, pengarang telah menerangkan:

Bagi kebanyakan orang kaum guru itu berlagak dengan pakaian bersih dan keras hari-hari. Kerjanya mengajar murid-murid selama 3½ jam sehari tetapi patut diketahui mereka terpaksa berpakaian begitu kerana mereka adalah cermin kepada muridnya. Ini pun sebenarnya beban kepada mereka. Di samping itu mereka terpaksa bergaul dengan mesra dengan orang ramai, membayar yuran masjid, madrasah atau syarikat-syarikat kematian sementara yang di bandar-bandar mesti memasuki kelab-kelab terutama sekali yang terwajib seperti sukan. Semuanya berkehendakkan duit sedangkan sumbernya gajinya yang sedikit itu atau minta bantuan bapa.<sup>45</sup>

Kenyataan ini boleh dibandingkan dengan kenyataan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura yang disampaikan kepada Suruhanjaya Gaji yang berkebaikan — kalaupun kes mereka itu mungkin dibesar-besarkan — susahlah hendak dikatakan bahawa tidak ramai orang yang bersimpati dengan mereka. Antara lain, kes yang dikemukakan ialah:<sup>46</sup>

Oleh kerana gaji mereka amat kecil sejak sebelum Perang nasib mereka kini antara hidup dengan mati. Mereka merasakan mereka sebagai hamba fakir kerajaan dengan menadah tangan meminta sedekah ehsan kerajaan.

Anak guru-guru Melayu jika tiada scholarship kerajaan tak dapatlah melanjutkan pelajaran.

Sejak tiga puluh tahun yang lalu darjah budi pekerti anak-anak guru Melayu merosot pada amnya. Hingga kini anak-anak guru Melayu yang lulus Senior Cambridge tak sampai 1% kerana tak mampu, tidak ada asuhan yang sepatutnya. Yang demikian budi pekertinya menjadi rotak. Tak ada semangat lagi untuk belajar melainkan

44 Lihat *Utusan Melayu*, 16 Januari 1948, berita bertajuk "Guru-guru Melayu Singapura Membancuh Gaji Seperti Jongos".

45 Laporan A.R.E. 1947 dan 1948 yang masing-masing pada him. 35 dan 36 mencatatkan bahawa waktu persekolahan (waktu pejabat) biasanya mulai 8.30 pagi hingga 1.00 tengahari pada 1947 dan 8.00 hingga 12.30 atau 12.45 tengahari dalam tahun 1948. Ini tidak termasuk kegiatan luar darjah seperti sukan, kegiatan pengakap dan sebagainya. Cf. *Utusan Melayu*, 12 Januari 1948 bertajuk "Di Sekolah Melayu Perak?".

46 Rumusan dari *Utusan Melayu* bertarikh 17 Mei 1947 pada artikel bertajuk "Nasib Guru-guru Melayu Singapura Antara Hidup dan Mati".

untuk bekerja mengisi perut.

Jika nasib guru-guru Melayu itu tidak diperbaiki, akibatnya:

- (i) Manakala telah bersara mereka akan mati terlantar di kaki lima. Ramai yang telah penceh dalam keadaan daif.
- (ii) Maruah guru akan rosak di sebalik kemuliaan mereka masa sekarang di mata orang ramai. Akibat seterusnya ialah maruah anak negeri pun rosak juga.
- (iii) Ketaatan guru-guru Melayu yang terpuji baik dalam masa senang atau susah dengan beransur-ansur akan hilang.

Untuk memperbaiki taraf guru dan sekolah-sekolah Melayu laporan *Union Guru-guru Melayu* mencadangkan:

- (i) Meninggikan taraf pelajaran sekolah Melayu sehingga sampai kepada pelajaran menengah.
- (ii) Guru-guru Melayu hendaklah diberi layanan sepatutnya.

Susunan gaji yang dituntut adalah berdasarkan:

- (i) Kelayakan dan kebolehan
- (ii) Tanggungan dan perkhidmatan.
- (iii) Berbanding dengan gaji guru-guru *Asiatic* yang mengajar di sekolah-sekolah Inggeris dan juga dengan tanggangan gaji jabatan-jabatan lain.
- (iv) Memandangkan keadaan-keadaan masa ini dan akan datang.
- (v) Tiada perbezaan gaji guru lelaki dan perempuan berdasarkan tanggungan yang serupa.

Kes gaji guru-guru Melayu ini telah menarik perhatian berbagai pihak. Yang pentingnya, ia telah dibawa ke Dewan Majlis Mesyuarat Negeri dan Persekutuan. Satu contoh ialah usul yang telah dibawa oleh Dr. Ismail bin Datuk Abd. Rahman dan di sokong oleh Hajah Zain binti Sulaiman dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor. Dr. Ismail dalam ucapannya menyebutkan.<sup>47</sup>

... [saya] bercakap bukannya pada segi kelayakan tetapi pada pandangan sebagai seorang doktor dan perasaan berkemanusiaan (sic). Saya berduakacita mendapat bantahan bagi guru-guru pelatih Inggeris mendapat \$170 dan bagi guru-guru pelatih sekolah Melayu hanya \$40. Padahal guru pelatih Melayu itu adalah sama juga seorang muda yang ada mempunyai nafsu, berhajat kehidupan dan sebagainya seperti keadaan guru-guru [sekolah] Inggeris itu.

Beliau lalu mencadangkan supaya diberikan gaji sebanyak empat puluh ringgit sebulan selama dua tahun (awal perkhidmatan) dan gaji empat puluh lima ringgit sebulan bagi tahun ketiga itu diberi sebanyak lapan puluh lima ringgit sebulan dan diberi tambahan setiap tahun selama tiga tahun.

Apabila berbincang soal gaji, persoalan kelulusan akademik dan ikhtisas selalu dikaitkan, yang pada kebiasaananya dikatakan untuk berlaku 'adil'. Di sini bukanlah soal 'keadilan' yang ingin dibincangkan selanjutnya tetapi soal apakah pandangan beberapa pihak terhadap lulusan maktab perguruan Melayu.

Dalam sejarah pelajaran Melayu, nama Maktab Perguruan Sultan Idris atau lebih terkenal dengan sebutan ringkasnya (istimewa sebelum Persekutuan)

47 Lihat *Utusan Melayu* bertarikh 28 Mei 1948 bertajuk "Gaji Guru-guru Pelatih Melayu dibahas". Beliau telah tidak menyebutkan kes guru-guru Melayu lulusan Maktab. Adalah diandaikan bahawa kalau beliau tidak puas hati terhadap gaji \$40 itu tentulah lebih-lebih tak puas hatinya terhadap gaji guru lulusan MPSI yang bermula dengan \$50 setelah tamat latihan. Sokongan kepada ucapannya itu terdapat dalam *Utusan Melayu*, 1 Jun 1948 pada ruangan "Apa Kata Pembaca Kita".

tuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya) S.I.T.C. iaitu singkatan *Sultan Idris Training College*, memang termasyhur. Biasanya juga kalau disebut Tanjung Malim sahaja, rujukan selalu tertumpu kepada maktab ini. Maktab inilah satu-satunya maktab perguruan bagi melatih guru-guru lelaki untuk sekolah Melayu. Umurnya lebih tua selama tiga belas tahun daripada Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka yang ditubuhkan khas untuk melatih guru-guru perempuan sekolah Melayu pada 1935.<sup>48</sup>

Kedua-dua maktab ini menjadi idaman kepada kanak-kanak Melayu yang tidak berpeluang ke sekolah Inggeris untuk menamatkan pelajaran mereka yang lebih tinggi,<sup>49</sup> atau sekurang-kurangnya untuk mencapai taraf yang paling terkemuka di kalangan guru-guru Melayu. Mungkin sedikit kata-kata cerpenis ini dapat menolong mencerahkan lagi gambaran apa erti MPSI itu kepada guru-guru Melayu. Menurutnya:<sup>50</sup>

Bergembira rasa hatiku, lapang perasaanku, apabila kudengar beritanya Jepun yang dimegah-megahkan sebagai pahlawan *Dai Toa* itu telah menyerah kalah dengan tak bersyarat, fikiranku berbalik di awal tahun 1942, tahun yang mana menjadi impianku, aku bakal memasuki Kolej Latihan Guru di Tanjung Malim kerana kelayakan serta kelulusanku yang jempul sekali di dalam ratusan pelatih yang memasuki peperiksaan ke kolej di tahun itu. Terbayang-bayang di kalbuku, aku akan meninggal gaji yang lima belas ringgit meningkat ke mata puluhan dan seharusnya mengejar ratusan pula.

Aku berdoa siang dan malam supaya secepat mungkin British memasuki Tanah Melayu ini, yang pada masa itu masih kucar-kacir ...

Walaupun begitu tingginya sekali pandangan guru-guru sekolah Melayu dan yang tak kurang pentingnya di kalangan anak-anak yang masih di darjah-darjah tinggi di sekolah Melayu, beberapa pihak memang tidak puas hati terhadap beberapa aspek maktab perguruan Melayu pada masa itu. Ada yang menyindir menyatakan walaupun MPSI dan MPPMM seolah-olah termasyhur hingga ke kaki langit di Benua Eropah dan ke seluruh Alam Melayu<sup>51</sup> tetapi ia tidak pernah diwakili di dalam persidangan-persidangan perguruan atau pendidikan antarabangsa.

Satu suara yang lebih sinis dan menarik dirakamkan di sini ialah daripada seorang penulis yang menggunakan nama samaran 'Waspada'. Dalam artikelnya yang bertajuk 'Seratus Tahun Belum Tamat Primary?', beliau memulakan tulisannya dengan menyebutkan antara lain, "pelajaran yang diberi khas kepada orang Melayu menerusi guru-guru Melayu di sekolah-sekolah Melayu belum pun tamat primary lagi". Menurutnya lagi:

48 Untuk pandangan ringkas daripada kertas kerja yang terhad ini penulis belum menemui satu kajian yang ditumpukan kepada maktab ini selepas Perang. Begitu juga laporan-laporan tahunan yang dibuat oleh pemerintah dalam tempoh 1946—1949 tidak banyak menyebut kecuali secara sambit lalu saja mengenainya. Rujukan-rujukan dari akhbar atau majalah, setakat yang sempat penulis ketemu, pun agak jauh lebih kontroversialnya jika dibandingkan dengan MPSI. Bagaimanapun, kenyataan ini tidaklah menolak tentang adanya semangat guru-guru lulusan MPPMM yang tinggi dalam perjuangan bangsanya.

49 Maktab-maktab ini bukanlah sekolah menengah atau tinggi tetapi untuk menyediakan guru-guru yang berkemampuan mengajar di sekolah-sekolah Melayu. Disebutkan sebagai menamatkan pelajaran tertinggi di sini dengan ertinya di situasi setinggi-tinggi pendidikan sekolah Melayu berakhir.

50 Lihat Ibrahim Mustafa, "Pandangku Terpaut", dalam *Hiburan*, Bil. 39, 1 Mac 1948, hal. 26—31.

51 Lihat *Utusan Melayu*, 24 Januari 1948 artikel berjudul 'Kolejkah Atau Pondok'.

... kita memikirkan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu berbelit-belit fasal *primary* juga. Ada kolejnya — kolej *primary*. Ada gurunya — guru *primary* tak ada kelayakan mengajar sekolah tinggi. Ada sekolahnya — sekolah *primary*, ada buku pelajarannya — hanya ada buku-buku pelajaran yang bertaraf *primary*, pendeknya pelajaran umat Melayu selama ini, selama seratus tahun, baru setakat *primary* saja!<sup>52</sup>

Artikel ini seterusnya menyindir dengan sinisnya terhadap pemerintah dalam hal pendidikan Melayu yang menurutnya dalam laporan-laporan kerajaan selalu terdapat syor-syor dan keterangan-keterangan yang menarik hati dan lemak manis bahasanya. Dia bertanyakan apakah umat Melayu sedar hal-hal yang berlaku itu dan sejauh mana pula guru-guru Melayu sanggup bertindak untuk kebaikan mereka. Sebagai menggambarkan *ethos* penulis zaman itu, hujungan artikel ‘Waspada’ ini selayaknya juga diperturunkan: “Agaknya kerajaan Inggeris [sic] akan menamatkan Pelajaran *Primary* bagi umat Melayu selama seratus tahun lagi dan akan memberi pemerintahan sendiri kepada umat Melayu mempunyai kelayakan berdiri sendiri.”<sup>53</sup>

Sebagaimana dibayangkan tadi, ‘Waspada’ telah menulis dengan pandangan penulis Melayu zamannya. Kenyataan ini dimaksudkan apabila elit Melayu menulis mengenai pendidikan atau persekolahan ataupun pelajaran, mereka tidak lupa mengaitkan dengan idea kemerdekaan atau berkerajaan sendiri ataupun seruan “Hidup Melayu”. Kenyataan itu memberi implikasi terdapat semacam satu keghairahan yang begitu ternyata di kalangan orang Melayu; kenyataan ini tidak terlalu melulu.

## RUMUSAN

Perbincangan setakat ini telah cuba menjelaskan apa yang disebutkan oleh laporan-laporan rasmi pemerintah kolonial terhadap fenomena kesesakan bilangan kanak-kanak Melayu di sekolah-sekolah Melayu yang dikaitkan dengan rasa kebanggaan baru orang Melayu terhadap sekolah-sekolah mereka. Sebahagian besar alasan-alasan mengapa berlaku kesesakan itu telah diulas dengan ringkasnya.

Begitu juga telah dipaparkan pandangan orang Melayu dan sebahagian tindakan-tindakan mereka dalam pendidikan secara amnya dan berhubungan dengan sekolah Melayu khasnya. Gambaran yang didapati dari suara orang Melayu menunjukkan mereka tidak puas hati terhadap apa yang disediakan oleh pemerintah untuk mereka.

Sehingga akhir tahun 1948, tidak ada perubahan pada struktur sekolah

52 Lihat *Utusan Melayu* bertarikh 20 Januari 1948. Kenyataan ini amat menarik jika dibandingkan dengan perangkaan guru-guru yang telah tamat latihan perguruan *primary* itu hingga 1946:

Kolej Melaka (1900—1922)	..	705 orang
Kolej Matang (1913—1922)	..	200 orang
MPSI hingga Disember 1941	..	2,140 orang
MPSI 1946	..	300 orang
Jumlah		3,175 orang

Sumber: *A.R.E.*, 1947, him. 98.

53 Lihat *Utusan Melayu*, 20 Januari 1948.

Melayu itu walaupun terdapat 'perubahan-perubahan' baru pada peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Pada dasarnya laporan rasmi pemerintah masih menyebutkan bahawa kebanyakan sekolah Melayu adalah sekolah desa. Matlamat utama sekolah itu adalah untuk memberikan pelajaran yang baik dan praktik kepada murid-murid lelaki yang tidak akan meninggalkan kampung mereka atau yang akan mendapat pekerjaan yang tidak memerlukan pengetahuan Bahasa Inggeris.<sup>54</sup>

Satu persoalan yang penting tetapi masih tidak jelas ialah mengapakah dalam banyak hal, walaupun dalam perkara-perkara kecil, perkembangan atau kemajuan sekolah Melayu adalah terlalu lembab. Agak susah hendak menjawab soalan ini kerana pemerintah tidak mencatatkan apa-apa alasan kecuali menjelang akhir 1948 dikatakan darurat mengganggu atau membebankan kewangan pemerintah.<sup>55</sup> Bagaimanapun bukanlah sesuatu yang tidak munasabah untuk mengandaikan bahawa selain daripada alasan tadi, bahawa sejak selepas Perang Dunia Kedua dan melalui dasar *Malayan Union* membawa kepada pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu, tanggungjawab pemerintah tidak lagi setakat sekolah Melayu sahaja. Dengan itu peruntukan belanja mentadbir dan melengkapkan sekolah-sekolah Melayu tidaklah dapat diberi perhatian yang 'istimewa' lagi.

Sebagai ulasan penutup, bolehlah dikatakan bahawa semangat perjuangan yang telah dijelaskan sepanjang ini menunjukkan (walaupun tiada tuntutan yang jelas dan konkret dikemukakan kepada pemerintah melalui rundingan politik) tekanan-tekanan rakyat jelata amatlah jelas membayangkan supaya persekolahan ini diberikan taraf yang sewajarnya.

54 Lihat *A.R.E. 1948*, him. 35.

55 Lihat ibid., *passim*; cf. *A.R.F.M. 1948*, him. 72 dan Appendix II, "The Emergency", him. 181—192. Begitu juga lihat *A.R.F.M. 1949*, him. 84.

## ***Isu-isu Penting (Awal 1950-an) Dari Kaca Mata Akhbar Majlis dan Melayu Raya***

***Mek Siti bt. Hussin\* dan Aminah bt. Mohd. Nasir\****

### **Pendahuluan**

Memang ada kebenaran jika sekiranya dikatakan bahawa akhbar mencerminkan jiwa masyarakat. Namun demikian sudah tentu jarang sekali sesebuah akhbar itu dapat membayangkan pendapat seluruh masyarakat. Akhbar sendiri biasanya mendukung sesuatu falsafah atau pegangan yang tertentu dan oleh sebab itu ia mendapat sambutan daripada bahagian-bahagian masyarakat yang tertentu. Oleh yang demikian, isu-isu yang dianggap penting oleh orang Melayu dalam tempoh awal 1950-an ditinjau di sini berdasarkan dua akhbar yang agak terkenal pada zaman itu. *Majlis* merupakan akhbar yang lebih tua dan juga lebih konservatif; *Melayu Raya* dikeluarkan oleh golongan yang lebih bersympati dengan perjuangan radikal. Namun demikian bukanlah bererti perjuangan kedua-dua akhbar itu sama sekali beranggah. Kedua-duanya, sebagaimana juga akhbar Melayu lain, mengambil berat tentang masa depan masyarakat Melayu.

*Majlis* telah muncul pada tahun 1931 dan pengarang yang telah mengharumkan nama akhbar itu ialah Abdul Rahim Kajai. Selepas Perang Dunia Kedua, pengarangnya yang paling giat dan lama membimbing akhbar itu (1949 hingga 1954) ialah Abdul Samad Ahmad yang aktif juga dalam gelanggang politik. Oleh yang demikian *Majlis* banyak memberi tumpuan kepada perkembangan politik di Tanah Melayu.

*Melayu Raya* hanya lahir pada 29 Ogos 1950 (dan hidup sehingga Ogos 1953). *Melayu Raya* (suatu konsep yang diperjuangkan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya) diasaskan oleh tokoh-tokoh seperti Harun Aminur-rashid, Haji Mohamad Dahlan Masod, Osman Kalam dan Hajah Zain binti Sulaiman (Ibu Zain). Akhbar itu bukan hanya bertujuan menyebarkan pengetahuan di kalangan masyarakat Melayu tetapi juga menanam benih semangat cintakan tanahair. Nada akhbar ini adalah lebih kritis berbanding dengan *Majlis*.

---

\* Penulis ialah kelulusan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Tempoh awal 1950-an itu amat penting walaupun ia tidak begitu diutamakan kerana pergolakan 1946—1948 nampak lebih hebat. Perbezaan di antara dua tempoh itu sangat mustahak. Pada 1946—1948, soal merdeka belum lagi dapat dilihat sebagai suatu realiti; di antara 1953—1954 negara ini telah berdiri di ambang kemerdekaan tetapi masih terdapat masalah yang agak rumit di kalangan orang Melayu. Sedikit sebanyak masalah itu dapat dilihat dengan jelas melalui ruangan *Majlis* dan *Melayu Raya*. Ini akan dibincangkan mengikut tajuk-tajuk kecil seperti berikut:

### Politik

Pada pertengahan pertama 1950-an, akhbar *Majlis* lebih banyak menumpukan perhatian kepada soal perkembangan UMNO setelah penubuhan IMP (*Independence of Malaya Party*) oleh Dato' Onn bin Jaafar. Di samping itu ada juga dibicarakan tentang berita-berita mengenai darurat, pilihanraya, soal kerakyatan, matlamat dan perjuangan kemerdekaan serta reaksi pertubuhan-pertubuhan lain mengenai isu kerakyatan dan kemerdekaan. Di sini hanya beberapa perkara saja akan disentuh.

#### (a) UMNO

UMNO yang merupakan parti yang unggul di Tanah Melayu telah cuba dirombak oleh pengasasnya sendiri, Dato' Onn bin Jaafar. Identiti kemelayuan parti itu mahu diganti dengan sifat *Malayan*, iaitu dicadangkan supaya parti itu membuka pintu keahliannya kepada bangsa asing. Cadangan yang dibuat oleh Dato' Onn ini diterima oleh Jawatankuasa UMNO di dalam persidangannya di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Tujuan memasukkan bangsa asing ke dalam UMNO ini telah diterangkan oleh Menteri Besar Perak, iaitu: "... untuk menjaga keselamatan negara ini dan untuk mempercepatkan Tanah Melayu diberi berkerajaan sendiri."<sup>1</sup>

Berbagai reaksi pro dan kontra kemudian lahir daripada cadangan Dato' Onn ini. Umpamanya di Perak, UMNO sendiri telah bertelagah pendapat — terdapat golongan yang setuju dan yang tidak setuju. Bagi golongan yang tidak bersetuju, mereka memberikan alasannya bahawa perubahan itu tidak dapat diterima "... kecuali jika kedudukan orang-orang Melayu dalam negeri telah lengkap dan tegap".<sup>2</sup> Sementara itu ada seorang (Maulana Sadki) memuji langkah UMNO ini kerana membuka keahliannya — diharapkan dengan jalan yang dicadangkan itu dapatlah Agama Islam yang menjadi teras UMNO diresapkan kepada ahli-ahli yang bukan-Islam.

Disebabkan cadangan yang dikemukakannya itu mendapat tentangan kebanyakan ahli UMNO di seluruh Tanah Melayu, Dato' Onn mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah parti baru, iaitu IMP yang bukan bersifat perkauman. IMP merasa yakin bahawa kemerdekaan Tanah Melayu akan tercapai dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun yang akan datang.

Berita-berita mengenai penubuhan dan perkembangan IMP selanjutnya termuat di dalam akhbar *Majlis* sejak bulan Jun hingga Disember 1951.

1 *Majlis*, 2.5.1951.

2 *Ibid.*, 22.5.51.

Nampaknya *Majlis* benar-benar memberikan perhatian terhadap perkembangan parti ini untuk pengetahuan keseluruhan pembacanya. Diberitakan keahlian IMP ini terdiri daripada cerdik pandai di bandar-bandar seperti doktor, pelajar-pelajar kolej dan pegawai-pegawai kerajaan serta ahli-ahli UMNO yang turut keluar bersama-sama dengan Dato' Onn kerana tidak percaya lagi kepada kepimpinan UMNO yang baru.

Setelah keluarnya Dato' Onn dari UMNO, disiarkan pula cadangan-cadangan yang dibuat bagi memilih pucuk pimpinan UMNO yang baru. Sebagaimana yang disiarkan, pada 3 Julai 1951 dua orang calon telah dicadangkan untuk bertanding di dalam pilihanraya tersebut; mereka yang telah dianggap layak untuk bertanding ialah Tunku Abdul Rahman (Kedah) dan Tuan Haji Ahmad Fuad (Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Terengganu). Akhirnya Tunku Abdul Rahman telah berjaya memegang jawatan tersebut. Tuan Haji Ahmad Fuad telah menarik diri dari pencalonan kerana ingin menumpukan perhatian sepenuhnya kepada Persatuan Ulama Se-Malaya.

Apabila Tunku menjadi Yang Dipertua UMNO, beliau telah berjanji tidak akan membuka keahlian UMNO kepada bangsa asing. Ditegaskan bahawa "... UMNO terdiri tetap sebagai pertubuhan siasah Melayu yang terdiri dari orang Melayu sahaja untuk mencapai faedah orang Melayu khasnya dan Tanah Melayu amnya."<sup>3</sup> Selanjutnya daripada masalah kepemimpinan, *Majlis* memberi perhatian kepada soal kemerdekaan.

#### (b) Kemerdekaan

Soal kemerdekaan boleh dikatakan dibincangkan sepanjang tahun 1952, apatah lagi dengan kemunculan IMP yang menentang UMNO. Walaupun kedua-dua pertubuhan ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu kemerdekaan, tetapi perjuangan mereka berlainan. IMP cuba mendapat sokongan dari semua rakyat Tanah Melayu;<sup>4</sup> perjuangan UMNO sehingga wujudnya Perikatan pada lewat 1952 tertumpu kepada orang Melayu semata-mata.

Untuk mencapai kemerdekaan rakyat diminta supaya sanggup berkorban, sama ada dalam bentuk tenaga mahupun mata wang. Juga diseru semua rakyat, khasnya orang Melayu, supaya sanggup memberi derma kewangan sebagaimana pendapat UMNO "... sesen wang boleh memendekkan sesaat umur penjajah."<sup>5</sup>

Menurut UMNO juga, Tanah Melayu akan merdeka di bawah Komanwel British, iaitu mengikut contoh Pakistan, India dan Ceylon. Tunku merasa optimis kemerdekaan akan mudah tercapai jika Parti Buruh memerintah di Britain. Di dalam Persidangan Agung UMNO di Seberang Prai, UMNO merasa yakin kemerdekaan akan dapat diperolehi paling lewat pada tahun 1956.<sup>6</sup>

Walaupun usaha-usaha untuk menuju ke arah berkerajaan sendiri mendapat sambutan daripada banyak pihak, tetapi pihak penjajah sendiri

3 Ibid., 17.8.1951.

4 Ibid., 1.6.1951.

5 Ibid., 5.7.1952.

6 Ibid., 17.9.1952.

memperlihatkan sikap yang negatif. Pandangan penjajah dalam soal ini disiarkan dalam *Majlis* dan tidak ketinggalan disiarkan juga kecaman-kecaman pembaca terhadap sikap penjajah British.

Penjajah dikatakan masih kurang yakin terhadap kebolehan orang Melayu untuk memimpin negaranya sendiri. Apa yang dijadikan alasan ialah soal perkauman dan huru-hara. Penjajah hanya akan memberi taraf berkerajaan sendiri setelah didapati negeri aman dari huru-hara (darurat) dan tiada lagi soal perkauman di kalangan masyarakat (berbagai bangsa) di Tanah Melayu. Sebagai menyahut seruan penjajah ini, ada di antara orang Melayu meminta Tanah Melayu diberi taraf berkerajaan sendiri dengan mengambil semua bangsa asing menjadi rakyat Tanah Melayu. Tindakan seperti ini mendapat tentangan dari kalangan pembaca. Umpamanya, seorang pembaca bertanya: "... apa guna bercadang berkerajaan sendiri jika kerajaan itu bukan milik orang Melayu ... adakah berkerajaan sendiri dengan bangsa asing itu menguntungkan orang Melayu dan menyelamatkan orang Melayu?"<sup>7</sup> Penulis lain pula menyoal: "Adakah munasabah seseorang yang tinggal di tanahair sendiri ditindas oleh orang asing yang mendatang?"<sup>8</sup>

Sementara itu Parti Buruh Se-Malaya pula yakin "... bahawa kemerdekaan Malaya akan tercapai dalam masa sepuluh tahun lagi."<sup>9</sup> Kemerdekaan yang dicita-citakannya termasuklah Singapura dan berbentuk demokrasi. Bagi Parti Negara pula, yang menggantikan IMP pada 1954, soal kemerdekaan akan menjadi hakikat hanya pada tahun 1960. Kemerdekaan yang dicita-citakan oleh Parti Negara telah juga dibincangkan dalam *Majlis*. Parti Negara yang juga di bawah Dato' Onn tidak berkehendakkan pilihanraya pada tahun 1954 kerana orang Melayu masih belum layak memerintah sendiri. Kemerdekaan yang dituntut oleh Parti Negara bukannya berbentuk perkongsian seperti yang dikehendaki UMNO (di bawah Komanwel British). Jelas di sini perjuangan UMNO dan Parti Negara tidak sama.

Sementara itu, Setiausaha Tanah Jajahan British mengeluarkan pendapat bahawa Tanah Melayu masih belum tiba masanya untuk diberikan kemerdekaan. Jika diberikan kemerdekaan dengan serta-merta akan berlaku pergaduhan antara kaum yang ada, maka Tanah Melayu akan kacau-bilau. Jadi kemerdekaan seperti itu tidak memberikan makna. Hanya selepas wujudnya kerajaan yang dipilih (Perikatan) selepas Pilihanraya 1955 barulah pemimpin-pemimpin negara ini, diketuai oleh Tunku Abdul Rahman, dapat memperjuangkan kemerdekaan dengan berkesan. Bersabit dengan masalah hubungan antara kaum, soal kerakyatan sememangnya dianggap penting oleh *Majlis* dan pembacanya.

### (c) Kerakyatan

Tarak kerakyatan yang dituntut oleh bangsa asing di Tanah Melayu, khasnya orang Cina, dan pemberian hak kerakyatan oleh penjajah kepada

7 Ibid., 16.2.1951.

8 Ibid., 3.1.1951.

9 Ibid., 7.7.1952.

mereka menimbulkan rasa kurang senang orang Melayu. Ini boleh kita perhatikan daripada apa yang dituliskan oleh 'Anak Melayu' (nama samaran) bertajuk 'Perkara yang bersangkut dengan hak orang Melayu':

Sifat orang Cina di Tanah Melayu boleh disifatkan seperti 'diberi betis hendak peha'. Tidakkah Dato' Tan Cheng Lock dan rakan-rakan berterima kasih kepada orang Melayu yang memberi peluang mereka hidup di Tanah Melayu sehingga mencapai kemajuan mengatasi bangsa Melayu sendiri. Tergamak mereka menyatakan tidak percaya kepada Tanah Melayu kerana hak Tanah Melayu belum cukup diberi kepada mereka ... sekiranya Dato' Tan Cheng Lock dan rakan-rakannya masih membuat kacau di Tanah Melayu, orang Melayu hendaklah mengambil tindakan menghalau orang Cina keluar ... dengan ini tercapailah kembali keamanan di Tanah Melayu.<sup>10</sup>

Dalam keadaan itu apabila diisyiharkan Undang-undang Kerakyatan yang berkuatkuasa pada 15 September 1952, terdapat suatu ulasan berbentuk puisi dalam akhbar *Majlis*.<sup>11</sup>

Undang-undang Kebangsaan Malaya telah lulus,  
Orang Melayu banyak yang bersungut kerana merasai kedudukan mereka bulus,  
Jatuh terjerumus,  
Akibat daripada pemimpin mereka yang tidak jujur dan tulus,  
Berharapkan sokong, sokong membawa tungkus-lumus,  
Dudu bermenung serta mendengus,  
Air mata disapu hingus,  
Melihat Malayan berjalan terus,  
Menandakan bangsa Melayu sudah pupus.

Mengenai soal kerakyatan bukan hanya parti-parti politik dan elit Melayu yang mempunyai kesedaran malah orang ramai juga turut memberikan perhatian. Ini terbukti daripada surat-surat pembaca dalam *Majlis*. Nampaknya orang ramai lebih berani daripada pemimpin parti politik. Dalam tulisannya, seorang pembaca menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap pindaan Undang-undang Kerakyatan yang dibuat oleh kerajaan pada 1952. Pindaan yang dibuat ini dikatakan lebih longgar daripada Undang-undang Kerakyatan tahun 1948. Umpamanya, kata penulis itu:

Di bawah Undang-undang 1948, seseorang yang ingin mendapatkan kerakyatan mestilah pandai menulis dan bercakap Bahasa Melayu dan Inggeris tapi di dalam Undang-undang 1952, hanya mensyaratkan pandai bercakap sahaja. Selain daripada itu di dalam Undang-undang 1948, mereka mestilah tinggal selama lima belas tahun daripada dua puluh empat tahun tetapi di dalam Pindaan 1952 hanya memerlukan sepuluh tahun daripada dua belas tahun.<sup>12</sup>

Akibat undang-undang baru itu, lebih sejuta rakyat Cina mendapat taraf kerakyatan. Dengan itu diramalkan parti orang Cina akan bertambah kuat.<sup>13</sup> Untuk menjelaskan lagi keadaan baru itu, diturunkan perangkaan jumlah penduduk pada tahun 1953:

10 Ibid., 27.4.1951.

11 Ibid., 24.9.1952.

12 Ibid., 4.2.1955.

13 Ibid.

Melayu	—	2,727,000 orang
Cina	—	1,157,000 orang
India	—	222,000 orang
Lain-lain	—	33,000 orang

Rasa tidak puas hati juga disuarakan oleh Dr. Burhanuddin (bekas pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya) yang telah memberikan ucapan-nya di dalam persidangan penuntut-penuntut agama. Ucapan beliau ini cuba menyedarkan rakyat, terutama orang Melayu, terhadap keadaan di Tanah Melayu pada masa itu. Di antara isu ucapan itu, yang menarik ialah:

British datang ke negeri ini adalah untuk kepentingan penjajah. Mereka melumpuhkan ekonomi bangsa, meleburkan bangsa menjadi kaum dan menggunting dalam lipatan ... British memasukkan buruh-buruh kasar dan halus, menjadikan ekonomi kita lumpuh dan kita menderita seperti hari ini ... Hal-hal yang berlaku di hadapan kita bukan kesalahan kita tapi sengaja didatangkan bagi menekan kita dan dengan kelemahan ekonomi itu tidaklah dapat berkembang semangat kita dan agama kita ... Kerakyatan sekarang sebenarnya untuk menekan kita ... menjadikan Melayu itu satu kaum kecil di dalam satu bangsa Melayu — inilah cara bagi menghapuskan kebangsaan kita.<sup>14</sup>

### Ekonomi

Berbanding dengan masalah politik, masalah ekonomi orang Melayu mungkin lebih berat lagi. Keseluruhananya, sebelum kemerdekaan, orang Melayu ketinggalan dalam serba lapangan hidup. Ramai juga orang Melayu yang menganggur; mereka sukar mendapat kerja di pejabat-pejabat atau gedung-gedung perniagaan kerana "pelajaran yang ada pada kebanyakan orang Melayu hanya setakat Sekolah Rendah Melayu. Pengetahuan pada peringkat sekolah Melayu itu tidak sesuai untuk memegang jawatan seperti kerani di gudang-gudang atau di pejabat-pejabat kerajaan."<sup>15</sup> Sebilangan kecil saja yang dapat bekerja sebagai guru, kerani rendah dan polis; yang paling banyak ialah sebagai buruh.

Para pekerja kadang-kadang tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kerajaan atau pihak majikan mereka. Kerajaan British, pada tahun 1950, telah mengkaji soal gaji kakitangannya. Pengumuman 'Penyata Benham' itu menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan sebahagian besar golongan pekerja kerajaan; menurut *Melayu Raya*, "Sumbangan Benham berkeadaan 'menimbun bukti tetapi tinggal tidak terkampus'. Oleh yang demikian hal kegelisahan ini tidaklah boleh dipandang kecil kerana itu wajiblah pihak kerajaan Malaya segera fikirkan semula susunan gaji kakitangan terutama tiimbangkan tuntutan-tuntutan seperti kaum guru-guru Melayu yang berkehendakkan sekurang-kurangnya lima atau enam daripada gaji [sic] guru-guru sekolah Inggeris".<sup>16</sup> Perkara penyusunan gaji kakitangan mestilah seimbang untuk mengelakkan daripada timbulnya rasa tidak puas hati setiap orang perseorangan. Mengenai soal gaji yang dituntut, *Melayu Raya* berpendapat bahawa:

14 Ibid., 16.2.1951.

15 Abdul Latif Bakar, *Ishak Hj. Muhammad — Penulis dan Ahli Politik sehingga 1948*, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 64—65.

16 *Melayu Raya*, 10.10.1950.

Di sini harus timbul pertanyaan susunan-susunan pembahagian gaji di kalangan pegawai-pegawai pentadbir atau lain-lain diukur dari ilmu pengetahuan, tetapi jika dari segi kehidupan mahupun tanggungjawab dalam pekerjaan ada golongan berjawatan tidak boleh dikatakan tidak sama-sama tanggung keberatan ... Sekiranya demikian dasar pembahagian gaji tersebut mengapa masih didapati ada perbezaan yang jauh di antara pegawai-pegawai anak negeri dan Eropah sehingga di kalangan anak negeri yang ada darjah kelulusan Universiti Eropah pun masih jauh terkelakang daripada pegawai-pegawai Eropah yang tidak punya apa-apa darjah kelulusan yang istimewa.<sup>17</sup>

Di samping membicarakan soal gaji kakitangan rendah kerajaan, soal kebijakan seperti kesihatan juga dianggap mustahak. Setiap majikan patut mengambil tahu dengan segera jika ada kakitangan atau pekerja mereka yang sakit. Seterusnya jika perlu dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Tidak sepatutnya ada perkara yang tidak diingini berlaku ke atas seseorang buruh sepetimana yang berlaku ke atas "mayat buruh Islam yang terlantar di Hospital Johor Bahru ... mayat buruh dari Estet Kulai, Johor, Allahyarham Harun bin Hj. Salleh."<sup>18</sup> Tentang perkara ini *Melayu Raya* mengatakan:

Bolehlah difahamkan bahawa beliau dihantar oleh pengetua estet ke hospital dalam keadaan beliau terlampau tenat. Diperhatikan kepada sebab-sebab yang memaksa pihak hospital menahan mayat itu, terbayanglah kelalaian pihak estet itu juga. Yang demikian haruslah pihak berkenaan tempat estet tadi ... menerima tuduhan sebagai yang bersalah yang pertama. Pihak hospital terbabit juga ... kerana kelengahan, menjalankan tugas ... hingga menyentuh hukum-hukum Islam dan melengah-lengahkan mayat dari dikebumikan itu satu kesalahan di sisi Islam.<sup>19</sup>

Tentang buruh di estet, terutamanya orang Melayu, *Melayu Raya* menyatakan bahawa: "... perkara yang terlalu menyediakan ialah sikap yang dibuat oleh kontrak-kontrak di ladang-ladang getah, apakala harga getah jatuh, kebanyakannya dari mereka bermain kayu tiga."<sup>20</sup> Dalam keadaan begini kontraktor itu kadang-kadang menghilangkan diri dengan tidak membayar gaji buruh yang bekerja dengan mereka. Di samping itu sikap kerajaan atau majikan terhadap pekerja yang telah bersara juga dikatakan tidak memuaskan. *Melayu Raya* telah membangkitkan perkara ini bersabit dengan pekerja peon yang telah bersara dari jawatan mereka:

Sekiranya kerajaan dikatakan betul-betul ada memberikan layanan dan pembelaan yang layak kepada pekerja-pekerja peon itu, maka mengapalah kerajaan nampaknya ragu-ragu berterus terang menerangkan bayaran saguhati tahunan kepada peon yang telah bersara, supaya orang ramai dapat mengukur bagaimanakah nasib pekerja-pekerja peon kerajaan yang telah bersara.<sup>21</sup>

Kesimpulan yang dibuat oleh akhbar itu ialah nasib kaum pekerja Melayu tidak akan terjamin kerana mereka tidak diberi layanan yang sepenuhnya

17 Ibid., 4.1.1951.

18 Ibid., 3.1.1951.

19 Ibid.

20 Ibid., 26.5.1952.

21 Ibid., 21.6.1952.

daripada pihak majikan (sama ada kerajaan sendiri ataupun pihak swasta).

Akhbar *Majlis* pula agak mengambil berat tentang rancangan untuk membantu orang Melayu dalam bidang pertanian, terutamanya padi. Cadangan telah dikemukakan bagi menambahkan hasil padi di Tanah Melayu berikutan kekurangan jumlah padi bagi menampung penduduk tempatan. (Tanah Melayu mengimport padi dari Thailand). Di antaranya cadangan yang dikemukakan ialah:<sup>22</sup>

- (1) Memberi kemudahan penggunaan jentera, benih yang baik, baja dan membantu petani mendapatkan tanah pertanian.
- (2) RIDA (Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan) memberi peruntukan yang lebih bagi memberi pinjaman kepada petani guna memajukan perusahaan padi mereka.

Di samping itu dibincangkan juga cara-cara memajukan pertanian orang Melayu. Ini disedari akibat daripada krisis kekurangan makanan pada ketika itu. Soal kekurangan makanan ini sudah diketahui umum sama ada rakyat atau penjajah. Apa yang paling menghairankan, menurut seorang penulis, ialah kenapa kerajaan tidak pernah mengambil inisiatif untuk memajukan pertanian walaupun kerajaan sendiri bersuru supaya petani-petani menambahkan daya pengeluaran mereka. Kerajaan tidak bertindak dan tidak memberi galakan sepertimana yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha asing di dalam bidang perlombongan dan perusahaan getah. Kerajaan dituduh menganaktirikan petani-petani di tanahair mereka sendiri.

Ada juga penulis yang telah memberikan beberapa sebab kemunduran orang Melayu dalam bidang pertanian. Tujuan dipaparkan ini adalah supaya ia mendapat perhatian dari pihak penjajah. Sebab yang utama dan menonjol ialah pemilikan tanah yang sempit dan teknologi pengeluaran secara tradisional (iaitu tidak menggunakan jentera). Dengan ini kawasan tanah yang dapat dikerjakan tidak luas. Orang Melayu juga tidak menggunakan baja, racun serangga atau memilih benih yang baik. Oleh itu tidak hairanlah mengapa petani di seluruh Tanah Melayu hanya mengeluarkan sebanyak 199,220,000 gantang padi — cukup untuk membuat "air kanji" bagi seluruh penduduk Tanah Melayu.<sup>23</sup>

Untuk menambahkan hasil pengeluaran, kerajaan sendiri harus bertindak. Selain daripada meluaskan lagi jumlah tanah orang Melayu, kerajaan juga diminta menurunkan cukai tanah dan di samping itu hendaklah memberi tunjuk ajar kepada orang Melayu tentang cara-cara pertanian moden dengan memberikan segala kemudahan termasuk sistem pengairan yang baik.

Disebabkan orang Melayu terkenal dengan "kebolehannya tidak mampu mengendalikan perniagaan atau perusahaan", *Majlis*, telah memberikan satu publisiti yang agak besar juga terhadap inisiatif orang Melayu di Johor mendirikan kilang minyak kelapa dengan modal \$300,000. Perusahaan ini

22 *Majlis*, 3.1.1951.

23 *Ibid.*, 23.9.1952.

dipelopori oleh empat belas orang dengan cara berkongsi modal. Perusahaan ini dijangka dapat membekalkan minyak kelapa kepada orang Melayu di Johor. Dengan ini nyata orang Melayu bukan tidak mampu untuk giat di dalam perniagaan tapi cuma tiada peluang kerana kekurangan modal dan tiadanya galakan daripada orang ramai atau kerajaan.

Pada masa itu orang Melayu masih merasa sensitif tentang kedudukan ekonomi kaum sendiri. Ini dapat dilihat daripada ucapan salah seorang pengurus kilang. Antara lain beliau berkata: "... orang Melayu dipandang hina kerana kemiskinan mereka; tiada mempunyai ekonomi di tanahair sendiri. Kita semestinya cemburu melihat bangsa asing di mana saja berada ekonomi mereka tetap dan teguh."<sup>24</sup>

Terdapat juga berita mengenai ramalan setengah-setengah orang terhadap masa depan Tanah Melayu akibat daripada kejatuhan harga getah dan bijih timah. Dinyatakan bahawa keadaan kewangan Tanah Melayu dalam keberatan akibat kejatuhan bahan-bahan penting tersebut. Bagi tahun 1953 dan 1954, keadaannya agak lega kerana kerajaan British telah memberikan pinjaman kepada Tanah Melayu; tetapi dengan jalan itu boleh menyebabkan Tanah Melayu menanggung beban yang lebih berat lagi dan mungkin negeri akan tergadai.<sup>25</sup> Dalam menghadapi masalah ini, seorang penulis telah memberikan beberapa cadangan sebagai jalan keluar. Dicadangkan supaya kerajaan menjalankan langkah berjimat cermat dengan mengurangkan eluan pegawai-pegawai British dan memberhentikan setiausaha-setiausaha wanita Eropah. Kalaupun tidak dapat menyelesaikan terus masalah ini sekurang-kurangnya langkah itu dapat mengurangkan beban yang harus dipikul.

Satu perkara lagi yang mendapat perhatian *Majlis* ialah pekebun-pekebun kecil getah yang mengalami kekecewaan akibat surat pekeliling yang diedarkan oleh kerajaan kepada penghulu melarang rakyat menoreh getah kerana kejatuhan harga getah. Kawalan ini mendapat tantangan daripada penoreh getah kerana mereka dapat estet di sebelah kebun mereka bebas dikerjakan. Nyata di sini kerajaan tidak mengambil peduli tentang rakyat, sebaliknya cuma mementingkan golongan kaya.

Bagi menggalakkan orang Melayu bergiat di dalam lapangan perdagangan dan perniagaan, *Majlis* mencadangkan supaya ditubuhkan Bank Kampung. Di Selangor, Bank Kampung menurut *Majlis* telah dibentuk untuk memberi kemudahan bagi orang kampung mendapatkan wang pinjaman. Ini merupakan cara yang dianggap paling berkesan mencegah pemerasan yang mungkin dilakukan oleh pemberi pinjaman wang yang sentiasa mengenakan feadah yang tinggi.

Dua perkara lagi yang penting, selain daripada politik dan ekonomi, ialah kedudukan wanita dan Islam dalam masyarakat Melayu. Kedua-dua isu ini dibangkitkan oleh *Melayu Raya*.

## Wanita

Kerana adanya peluang-peluang persekolahan dan juga kesedaran dari-

24 Ibid., 8.2.1952.

25 Ibid., 14.8.1953.

pada ibu bapa tentang pelajaran, pada awal 1950-an, ramai juga anak perempuan telah dihantar ke sekolah. Mereka belajar bukan di sekolah agama saja malahan ada juga yang dihantar ke sekolah Melayu dan sekolah Inggeris.

Semenjak lepas Perang Dunia Kedua lagi, pergerakan kemajuan kaum wanita Melayu mulai kelihatan dengan lebih jelas. Walau bagaimanapun belum ada satu pertubuhan wanita Melayu pada awal tahun 1950-an yang sudah boleh berdiri dengan sendiri ataupun menumpukan khidmat yang sepenuhnya untuk kepentingan kaum wanita.

Dari semasa ke semasa, kaum wanita khasnya wanita Melayu ada menunjukkan perubahan ke arah kemajuan. Menyentuh hal kemajuan kaum wanita ini, *Melayu Raya* berkata:

... bagaimanapun ... beberapa orang wanita Melayu telah ada berkesempatan keluar negeri kerana melanjutkan pelajaran seperti ke United Kingdom, Mesir dan Australia. Ada keluar negeri kerana menurut suaminya yang ada di luar negeri berupa sebagai merintis jalan ke medan kemajuan jua. Sebagai sejarah pertama antara dua puluh empat orang *Girl Guide* Malaya, dua belas wanita Melayu ... telah hadiri perkhemahan Pandu Puteri di India.<sup>26</sup>

Ini merupakan satu penghormatan pula kepada wanita Melayu yang terpilih untuk menghadiri satu perjumpaan yang besar seperti itu di luar negeri.

Pemergian kaum wanita ke luar negeri sekurang-kurangnya memberi faedah kepada wanita yang lain kerana "lebih banyak wanita-wanita kita yang sempat mengedari dunia harus semakin menyegerakan gerakan-gerakan kemajuan wanita dalam negeri sendiri".<sup>27</sup> Seterusnya *Melayu Raya* menulis:

... kita sangat berharap hendak melihat kaum wanita kita hidup dan sebenar-benarnya menjadi ibu masyarakat, bangsa dan tiang negara, yang demikian terserahlah kepada mereka sendiri memikirkan sama ada mereka telah puas hati dengan keadaan corak hidup bangsanya seperti sekarang atau ada berhajat hidup sebagai manusia yang ada berbangsa dan bertanahair sendiri.<sup>28</sup>

Di Singapura pada tahun 1950 telah ada persatuan wanita, iaitu 'Persatuan Kebajikan Perempuan Melayu Singapura' di bawah pimpinan Zaharah Nor Muhamad. Satu perjumpaan telah diadakan oleh persatuan tersebut yang dipengerusikan sendiri oleh Zaharah Nor Muhamad bagi membincangkan soal 'Undang-undang Perkahwinan John Laycock' yang sedang menjadi bahan perbincangan setiap orang pada masa itu. Persidangan itu memperlihatkan satu lagi tingkat kemajuan berfikir, bersuara dan berkumpul, membincangkan sesuatu mengenai diri mereka. Zaharah Nor Muhamad telah menggerakkan kaum wanita Melayu supaya sedar dan mengorak langkah berfikir ke arah kemajuan untuk kepentingan kaum wanita. Maka terdapat laporan bahawa:

... diperhatikan kepada penerangan Cik Zaharah Nor Muhamad, yang Dipertua Persatuan Kebajikan Perempuan Melayu Singapura, kepada *Melayu Raya* boleh dikatakan

26 Ibid., 1.11.1950.

27 Ibid.

28 Ibid., 19.1.1951.

tindakan Cik Zaharah mengadakan mesyuarat pada 15 Oktober 1950 ... kerana dorongan cita-citanya yang bersih untuk menyelamatkan kaum sejenisnya dari dijadikan permainan oleh golongan yang berfaham kolot.<sup>29</sup>

Wanita pada waktu itu masih dianggap oleh masyarakat hanya layak setakat duduk di rumah atau di dapur saja.

Menyentuh tentang kaum wanita dengan ilmu, *Melayu Raya* berkata: "Kumpulan ini juga adalah menarik kesedaran kaum wanita umumnya atas kedudukan mereka di muka dunia tidak 'khali' dari melalui dugaan-dugaan yang hebat. Oleh itu senjata atau kubu yang paling utama ialah ilmu pengetahuan buat diri sendiri dan kesatuan-kesatuan buat kepentingan."<sup>30</sup> Masanya telah sampai untuk kaum wanita Melayu khasnya bangun sendiri dengan tidak semata-mata mengharapkan pertolongan daripada orang lain. Mereka seharusnya menggunakan ilmu pengetahuan yang ada pada diri sendiri serta pengalaman untuk membaiki nasib kaum sejenis dan masyarakat umumnya.

Tentang soal kebijakan umum pula, kaum wanita juga patut mempelajarinya untuk menjadikan diri mereka wanita yang bertanggungjawab untuk masyarakat dan paling pentingnya untuk diri sendiri. Untuk menjadi wanita yang bersifat keibuan, setiap wanita mestilah melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang bersangkutan dengan hal itu pula. Tanggungjawab juga terletak di atas bahu pihak-pihak yang berkenaan untuk membaiki keadaan ini, contohnya dengan mengadakan Sekolah Rumahtangga yang memberi pengajaran tentang masak-memasak, jahit-menjahit dan menguruskan rumahtangga. Membicarakan soal ini *Mingguan Melayu* juga berpendapat bahawa:

Kelas jahit-menjahit pakaian wanita menjadi satu tugas yang dirasai oleh wanita kita sebagai satu hal yang utama dalam kehidupan rumahtangga dan ini juga dijangkakan satu perkara yang dapat dikemukakan kepada masyarakatnya, maka tidak kurang juga pentingnya kalau kita mengatakan bahawa mempelajari jahit-menjahit, membuat stokin, masak-memasak, buat kuih, menjaga aturan dan kebersihan rumahtangga, menjaga anak-anak, suami, mempelajari ilmu bidan, mempelajari hal agama dan belajar atau mencampurkan diri dalam gerakan masyarakat dan sebagainya.<sup>31</sup>

Tujuan di sebalik penubuhan persatuan-persatuan kebijakan kaum wanita juga, ialah supaya senang mereka menuntut hak-hak mereka. Tetapi menurut *Melayu Raya*, "hak yang dituntut oleh wanita memang telah ada pada tiap-tiap wanita hatta wanita Islam sekalipun".<sup>32</sup> Namun begitu kaum wanita tidak putus-putus mengadakan perjumpaan dan muktamar membicara satu-satu persoalan mengenai diri mereka, terutamanya perihal membicara keadaan orang perempuan di dalam soal perkahwinan dan penceraihan. Nasihat *Melayu Raya* kepada kaum wanita Melayu, khasnya wanita Islam, ialah

29 Ibid., 24.10.1950.

30 Ibid., 26.12.1950.

31 *Mingguan Melayu*, 9.3.1952.

32 *Melayu Raya*, 4.4.1952.

kalaupun hendak menuntut 'hak kebebasan wanita' itu biarlah menurut lunas-lunasnya yang ada dan sesuai dengan ajaran Agama Islam:

Tetapi kalau tuntutan-tuntutan hak itu 'melepaskan diri dari memegang periuk di dapur' dan mengelakkan diri 'menghayun buai anak' maka itu adalah sudah melanggar pula kewajipan-kewajipan wanita di dalam masyarakat. Kalau hanya menuntut hak bebas dari dapur dari ikatan rumah tangga sahaja mengadakan majlis itu adalah akan merosakkan keadaan wanita-wanita sendiri.<sup>33</sup>

Di samping memperjuangkan hak-hak mereka serta mengadakan pertubuhan-pertubuhan kebajikan, kaum wanita juga digambarkan melibatkan diri dalam arena politik tanahair. Kaum wanita ketika itu (1950), telah menubuhkan 'Perikatan Wanita UMNO Se-Malaya'; tetapi pada hennat *Melayu Raya* dikatakan: "... kita adalah berpendapat bahawa pertubuhan sesuatu Perikatan Wanita UMNO Se-Malaya di masa ini tidak akan membawa faedah yang besar ke atas perjuangan UMNO dan perikatan pemudanya, malah mungkin mengusutkan lagi gerakan-gerakan dan usaha-usaha kedua pertubuhan itu."<sup>34</sup> Akhbar itu juga menyentuh tentang kelemahan 'Perikatan Wanita UMNO': "Wanita-wanita UMNO tertinggal ke belakangan di dalam gerakan siasah negerinya. Sebagai suatu bukti, ialah di dalam soal 'Hadiah MCA' [loteri] sahaja. Walaupun berbagai-bagai pertubuhan termasuk UMNO dan perikatan atau pemudanya telah memberikan fikirannya yang bersetuju atau menentang, tetapi suara wanita UMNO tidak kedengaran langsung ..."<sup>35</sup> Kemajuan kaum wanita memang dikehendaki oleh setiap bangsa kerana, 'pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'. Biarlah ada wanita Melayu yang dapat dicatatkan namanya dengan tinta emas dalam sejarah kemajuan wanita Melayu dengan emansipasinya yang murni sebagaimana 'Raden Ajeng Kartini Indonesia.'

#### Agama

Selepas campur tangan British ke atas negeri Perak pada tahun 1874, seerusnya negeri-negeri Melayu lain seperti Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan lain-lain juga menerima pentadbiran British. Tetapi hal-hal istiadat Melayu dan agama masih lagi di tangan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu.

Pada awal tahun 1950-an Tanah Melayu sedang bergerak ke arah kemerdekaan. Perjalanan pergerakan Agama Islam juga dianggap perlu berjalan serentak ke arah kemerdekaan bangsa dan tanahair. Membincangkan soal gerakan Agama Islam di Persekutuan Tanah Melayu ketika itu, *Melayu Raya* berkata:

... pada umumnya di Malaya mana yang sedari-sedari adalah berupa seolah-olah Agama Islam ini bukan senyam pun sekali dan menyatakan umat manusia. Iai terang dari perjalanan-setia-setia gerakan Jalinan Agama, Negeri-negeri Melayu, yang

<sup>33</sup> Ibid  
<sup>34</sup> Ibid. 27.8.1950  
<sup>35</sup> Ibid

berasingan menyusun gerakan-gerakan seperti kuasa-kuasa kadi antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang berbeza keadaan yang mana sahaja telah menyebabkan kesulitan besar dalam menjalankan hukum-hukum Islam dan gerakan menyiar kan seruan Islam tetapi tidak membuat satu-satu tindakan dalam menemui sesuatu dugaan yang mengenai Agama Islam seperti perimbangan faham-faham baharu yang di luar Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang nampaknya semakin biak sekarang di Malaya.<sup>36</sup>

Dugaan-dugaan yang selalu timbul dalam soal-soal keagamaan ini tidak boleh dibiarkan begitu saja. Dasar Islam sejati tidak akan dapat dicapai sekiranya cara-cara susunan pemimpinnya tidak bersih dari tangan reaksioner. Kemajuan dan kesejahteraan sesuatu umat itu bergantung kepada kebijaksanaan, kecerdasan serta kejujuran seseorang pemimpin itu. Kata *Melayu Raya*:

Bila disebut ‘pengikut yang patuh’ dan ‘pemelihara yang amanah’, di sinilah pengertian dalam akidah pergerakan Islam yang di belakangan ini, iaitu kepada kita sekarang mesti ada pemimpin yang dipimpin. Menurut anggapan ramai selama ini bahawa alim ulama ialah pemimpin ajaran Islam, sementara yang lain-lainnya ialah orang-orang yang dipimpin.<sup>37</sup>

Pada masa itu telah wujud ‘Persekutuan Islam Se-Malaya’; pada dasarnya ia ditubuhkan untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di Persekutuan Tanah Melayu. Pertubuhan ini telah mengadakan ‘Muktamar Seruan Islam Asia Tenggara’ pada Disember 1950, bertempat di Victoria Memorial Hall, Singapura. Ekorannya telah timbul sungutan-sungutan orang ramai tentang keputusan Muktamar Seruan Islam Asia Tenggara tadi kerana ianya hanyalah setakat membentuk ‘Pertubuhan Islam Se-Asia Tenggara’ saja. Mengenai sungutan ini *Melayu Raya* seterusnya telah menulis:

Di sini eloeklah dijelaskan bahawa orang ramai sekarang sedang tertanya-tanya ke mana kita hendak dibawa Maulana? ... apakah ertiucapan Maulana menyentuh satu daripada sebab yang mengecewakan kemajuan Islam ialah ‘semangat kebangsaan’ ... Benarkah Agama Islam tidak ada menaikkan kebangsaan satu-satu bangsa di dunia?<sup>38</sup>

Kesimpulannya muktamar tersebut tidak begitu memberatkan perjuangan kebangsaan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Sepatutnya di camping meluaskan perjuangan ke luar negeri, hendaknya perjuangan dalam negeri juga diutamakan untuk kepentingan masyarakat umum. Tambah *Melayu Raya*, “Masanya belum terlewati lagi, sudah semestinya orang-orang Islam mengambil satu sikap bukan sebagai pemerhati sahaja tetapi mengambil sikap mempertahankan hak-haknya daripada ditelan oleh suasana buruk yang mendarat itu”.<sup>39</sup> Segala rancangan yang telah dan yang akan dilaksanakan oleh Pertubuhan Islam Se-Asia Tenggara mestilah untuk kepentingan agama, bangsa dan tanahair. Ternyata pada masa itu juga telah timbul masalah sama ada nasionalisme dapat dikatakan selaras dengan amalan Agama Islam. Bagi

36 Ibid., 4.11.1950.

37 Ibid., 23.12.1950.

38 Ibid., 28.12.1950.

39 Ibid., 12.3.1952.

*Melayu Raya*: "Jika cuma berkehendakkan menubuhkan persatuan kononnya hendak menjalankan ajaran-ajaran Tuhan, berpedomankan al-Quran dan Hadis kita berpendapat sampai bila-bila pun nasib orang Islam di dalam negeri ini tidak akan berubah bahkan lebih buruk lagi."<sup>40</sup>

Selanjutnya, menurut *Melayu Raya*, "Oleh kerana pada masa ini banyak penangguk dari pihak luar datang merayap ke Tanah Melayu, maka sayugialah bagi pihak Jabatan Agama Islam bingkas bangun memberi penerangan kepada mereka di kampung-kampung dan tempat-tempat mereka dengan pengertian yang mudah dan sesuai dengan akal fikiran dan tabiat mereka".<sup>41</sup> Kepercayaan yang benar mengikut hukum-hukum Islam yang sejati adalah perlu.

Soal pelacuran banyak berlaku di merata tempat baik di Tanah Melayu maupun di Singapura. Di dalam soal mencegah pelacuran, pihak ulama dan Jabatan Agama Islam dituduh tidak bertanggungjawab. Kritikan terhadap pihak-pihak yang berkenaan tadi ialah "seolah-olah soal ini diputuskan atas tengkuk mereka semata-mata atau melepaskan tanggungjawab".<sup>42</sup> Pelacuran bukan hanya disebabkan oleh penderitaan kehidupan tetapi juga ketiadaan pendidikan agama yang cukup pada setiap individu. Seseorang wanita yang tidak ada pendidikan agama yang secukupnya sangat senang sekali menjadi pelacur dan seterusnya bertindak terhadap sesuatu perkara itu bertentangan dengan ajaran agamanya.

Mengenai soal 'Khutbah Jumaat' pula, *Melayu Raya* berpendapat bahawa:

Satu keadaan besar yang mengecewakan telah berjalan semenjak sebelum Perang hingga ke masa ini ialah mengenai Khutbah Jumaat. Sungguhpun semenjak dahulu fikiran-fikiran dan suara-suara yang ditegaskan minta supaya Khutbah Jumaat itu diubah menurut peredaran zaman dan menyesuaikan isinya (Khutbah) itu menurut peraturan dunia dari masa ke masa, tetapi fikiran-fikiran yang minta perubahan itu tetap tidak mendapat sambutan.<sup>43</sup>

Kadang-kadang Khutbah Jumaat tidak boleh diikuti oleh sidang jemaahnya, terutamanya jika dibacakan dalam bahasa Arab. Dalam usaha membaiki keadaan ini, *Melayu Raya* meminta: "...pihak 'Persekutuan Islam Se-Malaya' hendaklah mengambil langkah yang segera bagi mengubah Khutbah Jumaat itu dan kalau boleh pihak Persekutuan sendiri menggarang khutbah-khutbah ini yang kemudian diserahkan kepada imam-imam untuk dibaca di dalam masjid-masjid mereka."<sup>44</sup> Pihak-pihak ini boleh juga mengadakan kelas latihan atau menunjukkan kepada imam-imam cara-cara membaca khutbah dengan betulnya untuk dijadikan panduan bagi masyarakat. Raja-raja Melayu pun hendaklah sedar bukan setakat menjadi raja tetapi juga menjadi 'khalifah' untuk melindungi serta menjadi punca syiar Islam di dalam masing-masing.

40 Ibid., 14.12.1952.

41 Ibid., 4.1.1952.

42 Ibid., 26.11.1950.

43 Ibid., 3.10.1952.

44 Ibid.

## Pelajaran

Mungkin perkara yang paling banyak dibincangkan dalam lebih kurang lima atau enam tahun sebelum kemerdekaan ialah pelajaran. Pendidikan anak-anak Melayu memang tidak begitu mendapat perhatian pihak British. Tetapi itu bukan bererti kemudahan sama sekali tidak ada.

Menjelang tahun 1950 misalnya telah didirikan sekolah-sekolah tertentu untuk kemudahan rakyat Tanah Melayu, khususnya 'sekolah daerah' yang mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Ibu bapa Melayu dikehendaki memilih di antara bahagian A dengan bahagian B tadi untuk anak-anak mereka.

Pemilihan bahagian A atau B ini sangat penting kerana di antara kedua-dua bahagian itu ada perbezaannya. Bahagian A ialah, "sekolah campur segala bangsa, utamakan pelajaran dalam Bahasa Inggeris manakala Bahasa Melayu cuba dijadikan cawangannya. Bahagian B, pelajaran dalam Bahasa Melayu seperti biasa".<sup>45</sup> *Melayu Raya* menyeru setiap orang Melayu, baik di Singapura mahupun di Tanah Melayu, memikirkan terlebih dahulu sebelum menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang disebutkan tadi. Tidak dapat dinafikan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan British untuk memajukan pelajaran anak-anak Melayu kerana wujudnya dua jenis sekolah yang disebutkan tadi. *Melayu Raya* cuba menanam kesedaran di kalangan orang Melayu:

Umat Melayu hendaklah sedar bahawa memang itu satu peluang untuk kita memberikan fikiran dari rasa kemahuhan untuk mendapatkan perubahan di dalam kehidupan masyarakat baharu akan datang. Khasnya jangan lupa bahawa pembentukan jiwa baharu yang diertikan fikiran bebas itu dalam erti katanya yang sebenar tidak akan tercapai. Yang demikian fikiran-fikiran atas pembentukan pelajaran ialah alat yang penting bagi pembentukan jiwa masyarakat yang akan hendaknya tidaklah sahaja ditumpukan kepada soal-soal jadual waktu atau lain-lain dari segi alat persekolahan itu tetapi hendaklah ditegaskan di dalam dasarnya yang menuju kepada jiwa dalam erti kata yang sebenarnya.<sup>46</sup>

Pada masa itu terdapat satu kajian oleh Dr. Paul Means dari Universiti Malaya (Singapura) mengenai bilangan orang di Tanah Melayu yang boleh membaca dan menulis. Perangkaan adalah seperti yang berikut:-

Bangsa	Peratus
Eropah	90%
India	37%
Cina	36%
Melayu	25% (baki 75% lagi masih buta huruf)

Perangkaan itu membimbangkan orang Melayu. Mengikut kajian itu berbagai perubahan dalam bidang pelajaran telah pun diperkenalkan oleh ker-

45. *Melayu Raya*, 31.8.1950.

46. *Ibid.*, 8.9.1950.

jaan. Pengkaji itu memberikan sebab-sebab mengapa orang Melayu tertinggal.

Di antara sebab-sebab utama yang dinyatakan ialah:

(1) Rasa rendah diri dan tidak yakin di kalangan penuntut dengan kebolehan mereka. Untuk mengelakkan ini berterusan, peranan guru diutamakan. Guru-guru harus menyedarkan penuntut tentang hakikat keperluan negara terhadap mereka yang mengharapkan menjadi peguam, doktor, jurutera dan sebagainya.

(2) Ekonomi ibu bapa: kemiskinan menghalang cita-cita pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Oleh itu dicadangkan peruntukan biasiswa kepada mereka yang tergolong di dalam kategori ini.

(2) Kerajaan hanya mendirikan sekolah-sekolah menengah di kawasan bandar sahaja. Ini menimbulkan masalah pengangkutan kepada pelajar-pelajar. Oleh itu kerajaan harus mengambil tindakan mengatasinya dengan mendirikan sekolah-sekolah di luar bandar dan mendirikan asrama bagi sekolah-sekolah di bandar untuk kemudahan mereka yang datang jauh dari bandar.

Di samping itu ada disebut juga tentang sebab-sebab kemunduran anak-anak Melayu dalam pelajaran. Pengetua Kolej Melayu Kuala Kangsar telah memberikan pendapatnya tentang sebab-sebab tersebut:

- (1) Murid-murid tinggal di rumah.
- (2) Kemiskinan menyebabkan mutu makanan dan kesihatan rendah.
- (3) Tiada pengawasan yang baik dari pihak ibu bapa terhadap kelakuan anak-anak mereka.
- (4) Orang Melayu kahwin muda. Ini tidak dapat memberikan pelajaran yang cukup kepada anak-anak mereka.

Ada juga dinyatakan, orang Melayu yang sudah beransur-ansur memahami kepentingan pelajaran bagi anak-anak mereka sehingga mereka telah berfalsafah bahawa "... sedikit pengetahuan yang meliputi semua itu adalah lebih baik daripada pengetahuan melangit yang diketahui oleh segelintir manusia sedangkan yang lainnya jahil."<sup>47</sup>

Menurut *Majlis*, perubahan-perubahan yang dijalankan oleh kerajaan tidak meliputi orang Melayu.<sup>48</sup> Rencana Pengarang akhbar itu, misalnya, mengecam dasar kerajaan yang cuma memberi pelajaran setakat 3M saja (membaca, menulis dan mengira) kepada murid-murid sekolah Melayu. Dasar ini hendaklah diubah. Kerajaan juga seolah-olah tidak menggalakkan orang Melayu maju di dalam pelajaran dengan tidak memberi pelajaran percuma, biasiswa, bangunan sekolah di luar bandar dan perkembangan paling akhir mengadakan sekatan kepada murid-murid yang akan memasuki kelas rendah.<sup>49</sup>

*Melayu Raya* awal-awal lagi telah meminta supaya orang Melayu berwaspada kerana:

47 Ibid., 28.1.1951.

48 *Majlis*, 26.5.1951.

49 Ibid., 2.3.1952. Murid-murid Melayu digalakkan belajar di sekolah Melayu dahulu.

Berhubung dengan soal kemajuan pelajaran anak-anak Melayu di sekolah-sekolah tinggi sedang menjadi soal yang belum ada mendapat kesimpulan yang muktamad atas sebab-sebab yang sebenarnya keadaan tersebut. Tetapi ada lintasan perhatian yang mengisyaki dan sesuatu kesulitan dalam aturan-aturan yang berjalan berupa helah yang bijak untuk mengenepikan anak-anak Melayu di sekolah-sekolah menengah. Walau ini hanya satu lintasan syak tetapi wajiblah disedari dan dijauhi sebarang gerakan dari jabatan pelajaran yang menguatkan sangkaan yang tidak berasas tadi.<sup>50</sup>

Kalau setakat orang perseorangan saja yang membuat desakan ataupun menyuarakan rasa tidak puas hati atas dasar-dasar pelajaran ini, dirasakan desakan itu tidak akan mencapai matlamatnya yang dikehendaki. Menurut *Melayu Raya*:

... dari beratus-ratus persekutuan, pertubuhan, pergabungan dan kelab-kelab yang berserak dan tumbuh seperti cendawan di Tanah Melayu cuma sedikit yang mengambil berat memikirkan memajukan pelajaran ahlinya. Jika sekiranya dijalankan tiap-tiap satu buah persekutuan menghantar atau memberi hadiah pelajaran pada tiap-tiap satu tahun seorang penuntut sama ada dalam atau luar negeri ... tidak kurang daripada lima puluh penuntut dapat melanjutkan pelajaran tinggi.<sup>51</sup>

Kerjasama daripada badan-badan kebajikan ataupun badan-badan politik dengan memberikan derma dalam bentuk biasiswa dapat menambahkan bilangan penuntut yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi — contohnya derma pelajaran yang dikeluarkan oleh UMNO.

Membicarakan lagi tentang derma pelajaran ini *Melayu Raya* memberikan pandangannya dengan mengatakan bahawa: "Selagi orang-orang Islam yang mempercayakan al-Quran tidak menjalankan ajarannya yang mulia ... yang mengatakan bahawa orang-orang yang berpengetahuan tinggi itu mencapai beberapa darjah, maka tetaplah mereka selama-lamanya di bawah. Inilah pandangan kita terhadap derma pelajaran."<sup>52</sup> Orang Melayu yang mengetahui Agama Islam sepatutnya memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang dianutinya kerana Agama Islam menggalakkan umatnya mencari ilmu pengetahuan.

Tentang pendapat bahawa kelemahan kanak-kanak Melayu di dalam pelajaran adalah kerana mereka malas dan lemah, *Melayu Raya* mengatakan: "... banyak jalan-jalan yang boleh menjadikan penuntut-penuntut Melayu lemah dalam pelajarannya. Sebab yang besar sekali soal kesempitan hidup yang ditanggung oleh ibu bapa murid-murid itu sendiri dan kesempitan itu membawa kepada kesempitan murid-murid itu sendiri dalam perbelanjaan untuk meneruskan pelajarannya."<sup>53</sup> Dalam usaha mengatasi kelemahan anak-anak Melayu di sekolah-sekolah, terutamanya di sekolah Inggeris, tugas membaikinya bukan hanya terletak di atas bahu ibu bapa saja tetapi juga pihak guru dan pentadbir sekolah itu sendiri. Tetapi ibu bapa tidak bolehlah pula menyerahkan anak-anak mereka semata-mata kepada pihak guru saja.

50 *Melayu Raya*, 21.11.1950.

51 *Ibid.*, 15.11.1951.

52 *Ibid.*, 28.11.1951.

53 *Ibid.*, 20.2.1952.

Tentang sukan yang sangat dipentingkan di sekolah-sekolah Inggeris waktu itu *Melayu Raya* berpendapat bahawa ia tidak selalunya mendatangnya faedah:

Boleh dikatakan banyak sekolah Inggeris dalam pasukan bola sepaknya, murid-murid Melayu lebih ramai bilangannya dari murid-murid asing. Ini bukanlah pula kita membawa satu maksud tidak mengingini dalam lapangan sukan, tetapi adalah kerana ini membawa murid-murid Melayu itu sentiasa menumpukan jiwa dan perhatiannya ke arah soal permainan semata-mata dan akhirnya bila peperiksaan akhir tahun, murid-murid Melayu yang melebihkan perkara sukan itu telah ketinggalan dalam pelajarannya.<sup>54</sup>

Selain daripada itu *Melayu Raya* meminta juga supaya untuk "mendapatkan tingkat pelajaran yang baik dan tinggi perlu benar diubah tingkatan sukanan pelajaran sekolah-sekolah, dengan diadakan guru-guru pengajarannya yang layak".<sup>55</sup>

Membicarakan selanjutnya tentang soal-soal yang timbul dari keadaan anak-anak Melayu di sekolah-sekolah Inggeris itu, *Melayu Raya* berpendapat bahawa "wajiblah ditambah sekolah-sekolah pertukangan mengikut keadaan kampung masing-masing, kerana perbelanjaan lebih murah demikian juga bahan-bahan untuk menjayakan pertukangan itu pun banyak boleh didapati".<sup>56</sup> Sekolah-sekolah pertukangan boleh didirikan di kampung-kampung yang mempunyai banyak bahan mentah untuk diproses. Adanya sekolah pertukangan ini, pertukangan Melayu yang lahir di kampung-kampung dapat dihidupkan semula.

Pada 27 Disember 1952, Persidangan Agung Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah berlangsung di Kuala Lumpur. Di antara ketetapan mesyuarat itu ialah mendesak kerajaan menuhuhan sekolah pertanian pada tiap-tiap negeri. Menurut pandangan *Melayu Raya*: "... Malaya patutlah bukan sahaja mengadakan sekolah khas kerana pertanian sahaja, tetapi juga sekolah pertukangan, sekolah nelayan dan seumpamanya. Semenjak dari mula kanak-kanak itu masuk sekolah ia harus diberi didikan yang utama dalam satu perkara yang istimewa yang ia kelak akan menjadi 'perajurit' dalam kalangan itu."<sup>57</sup> Dengan ini juga apabila kanak-kanak itu sudah dewasa, sudah tentu ia mahir di dalam sesuatu lapangan yang dipelajarinya dahulu.

Membicarakan soal-soal pendidikan di Tanah Melayu ketika itu, tidak boleh ditinggalkan anak-anak Melayu yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri. Ada dilaporkan dalam *Melayu Raya* bahawa "Baru inilah pula seorang penuntut Melayu baru pulang dari England dapat menyatakan hal mereka secara terus-terang bertujuan memperbaiki taraf penghidupan mereka sebagai penuntut-penuntut pengetahuan tinggi".<sup>58</sup> Dari kenyataan ini dapat dibuat kesimpulan bahawa penuntut-

54 Ibid., 2.6.1952.

55 Ibid., 27.3.1952.

56 Ibid., 29.1.1952.

57 Ibid., 29.12.1952.

58 Ibid., 17.12.1951.

penuntut Melayu di England dewasa itu juga mengalami masalah yang semestinya diatasi oleh mereka sendiri. Begitu juga dengan keadaan penuntut-penuntut Melayu yang sedang menuntut di Mesir. Kata *Melayu Raya*:

Kita percaya bahawa jeritan penderitaan penuntut-penuntut Melayu ini tidak akan senyap dan mungkin bertambah-tambah hebat lagi dan seterusnya menjadi penyakit, dikecualikan apa yang menjadi jerit kesakitan itu dapat diubat dengan mengadakan 'Rumah Melayu' untuk tempat tinggal. Dengan adanya rumah-rumah itu soal kenaikan harga barang-barang adalah menjadi soal yang kedua bagi mereka.<sup>59</sup>

Akhbar itu menitikberatkan bahawa segala masalah sulit yang dialami oleh penuntut-penuntut di luar negeri tidak boleh dibiarkan berterusan, tetapi memerlukan penyelidikan yang cepat. Untuk mengatasi masalah itu bukannya senang dan tidak dapat pula hendak diselesaikannya dalam masa yang singkat saja. *Melayu Raya* mengulas:

Dengan jeritan dan pekikan oleh penuntut-penuntut kita di sana kita berpendapat adalah satu tampanan yang hebat kepada orang-orang Melayu di Malaya seluruhnya. Malahan sekarang orang-orang ramai tertanya-tanya sendirian mengapa Malaya sebuah negara yang ... beragama Islam tidak hendak mengambil tahu hal penderitaan penuntut-penuntut Melayu di Mesir itu pada hal penuntut-penuntut adalah rata-rata ~~tempelajari~~ ilmu-ilmu yang mengenai segi Agama Islam.<sup>60</sup>

Pada awal 1950-an, soal hendak menujuhkan Kolej Islam juga sedang hebat diperbincangkan semula walaupun sebelum Perang Dunia Kedua pernah dibangkitkan. Ini juga berikutan daripada banyaknya sekolah agama dan sekolah Arab yang didirikan oleh pihak-pihak yang sedar akan kepentingan pelajaran. Menurut *Melayu Raya* "... bolehlah kita kata perkara utama yang harus dihalusi dan disusun persetujuan ialah mengutamakan muslihat dalam negeri berhubung dengan perasaan dan kedudukan perasaan Islam suci dengan kebangkitan di kalangan rakyat? Juga taraf Majlis Agama sesebuah negeri".<sup>61</sup>

Kemudian satu Jawatankuasa Pengurus Penubuhan Kolej Islam telah diasaskan untuk menyusun perjalanan penubuhan kolej tersebut. Sementara itu *Melayu Raya* juga mengingatkan tentang penyusunan pelajarannya, iaitu:

... hasrat hidup di dunia janganlah dilupai. Oleh itu ajaran-ajaran di dalam Kolej Islam itu kelak mestilah mengutamakan kemajuan untuk berhidup di dunia sama. Tegasnya pelajaran-pelajaran hendaklah dipenuhi dengan ilmu kepandaian yang boleh bawa penuntut-penuntut bila lepas saja dari Kolej itu terus hidup di atas kakinya sendiri ... Penyusun-penyusun pelajaran di kolej itu harus bagus mengambil contoh kepada kolej-kolej Islam di Indonesia dan India kerana di sana ada didapati susunan pelajaran yang bersesuaian dengan keadaan tanahair kita bahkan ada berupa pembangunan masyarakat dan tanahair.<sup>62</sup>

59 Ibid., 24.3.1952.

60 Ibid.

61 Ibid., 6.9.1950.

62 Ibid., 17.10.1950.

Penyusunan matapelajaran yang hendak diajar di kolej tersebut juga perlu difikirkan terlebih dahulu sama ada sesuai ataupun tidak serta menepati kedua-dua tujuan, iaitu untuk kepentingan di dunia dan juga di akhirat.

Apa yang berlaku sebaliknya ialah walaupun cadangan hendak menubuhkan Kolej Islam itu ternyata sudah berjaya, belum ada persetujuan yang sepenuhnya dari pihak-pihak yang tertentu. Cadangan penubuhannya lahir dari cita-cita suci Jamiatul-Dakwah-tul Islamiah, Gerakan Seruan Islam Se-Malaya. Kemudianya sebelum soal penubuhan Kolej Islam diputuskan dengan muktamad, ada rancangan lain pula yang hendak dibuat oleh badan dakwah tadi, iaitu hendak mengadakan Kongres Seruan Islam Se-Asia Tenggara. Di sini *Melayu Raya* mengingatkan badan itu, sekiranya berjuang untuk masyarakat Islam, perlulah difikirkan adakah tindakan itu wajar atau apuran tidak:

Sudahkah Jamiatul berpuas hati dengan keadaan masyarakat Islam di Malaya yang masih kucar-kacir malahan tidak henti-henti mendapat dugaan, memperbaiki keadaan masyarakat yang demikian rupa bolehkah berkejayaan jika bekerja mencurah-curah. Demikian soalnya yang harus dijawab sendiri oleh Jamiyah. Tetapi tulisan yang berjela-jela di akhbar sahaja tidak ada ertiinya, apa yang dikehendaki ialah bukti amalan, oleh itu lebihkan kerja dari bercakap dan utamakan kemajuan tempatan dari yang lain-lain.<sup>63</sup>

## Penutup

Ternyata banyak masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam tempoh beberapa tahun sebelum kemerdekaan. Tujuan utama kajian ini bukanlah untuk membincangkan dengan panjang lebar isu-isu yang penting bagi orang Melayu, hanya untuk memberikan satu perspektif yang agak tepat.

Sememangnya pemilihan daripada akhbar *Majlis* dan *Melayu Raya* itu dilakukan secara subjektif tetapi ada juga kriteria umum yang digunakan, iaitu perkara-perkara yang dipilih adalah yang lebih menonjol dalam ruangan akhbar-akhbar yang berkenaan; maksudnya perkara-perkara itu lebih kerap dibincangkan dan, oleh yang demikian, tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan perkara-perkara itulah pada umumnya yang banyak menarik perhatian orang Melayu. Atau sekurang-kurangnya kerana akhbar memberi tumpuan kepada isu-isu tersebut, maka masyarakat Melayu lebih sedar tentang masalah-masalah yang diketengahkan itu.

Seperti yang dikatakan awal-awal lagi, pendapat sesuatu akhbar itu tidak semestinya mendapat persetujuan seluruh masyarakat. Yang menariknya banyak perkara yang dibangkitkan pada tempoh 1950-1955 itu tetap menjadi tajuk perbahasan zaman sekarang. Hakikat ini sangat penting kerana tanpa pengetahuan sejarah, besar kemungkinan ramai orang pada masa sekarang akan salah faham tentang sebab-sebab yang menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan umum masa kini. Pengetahuan sejarah tidak semestinya membawa jaminan bahawa sesuatu masalah dapat diatasi dengan mudah; sekurang-kurangnya ia dapat menjamin supaya sesuatu masalah dapat dilihat dengan perspektif yang lebih tepat dan segala salah faham dan keimbangan dapat dielakkan.

63 Ibid., 1.12.1950.